

2020



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

MASCO

Malaysia Standard Classification of Occupations

**Piawaian Pengelasan
Pekerjaan Malaysia**



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

MASCO

Malaysia Standard Classification of Occupations

Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia

2020

Hak cipta © 2020 oleh Kementerian Sumber Manusia

Tiada mana-mana bahagian daripada bahan penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan didalam sistem simpanan yang boleh dikeluarkan semula atau dipancarkan dalam apa juga bentuk sama ada elektronik, mekanikal, salinan, rakaman dan lain-lain media yang berkaitan, tanpa mendapat kebenaran daripada penerbit terdahulu.

Tugas dan kewajiban yang diterangkan dalam pengelasan ini pada tahap Kumpulan Utama, Kumpulan Sub Utama, Kumpulan Kecil, atau Kumpulan Unit tidak sentiasa, dan tidak juga semestinya sentiasa dilaksanakan sepenuhnya oleh semua pekerjaan yang disenaraikan di bawah kumpulan berkenaan.

Diterbitkan oleh:

Kementerian Sumber Manusia
Bahagian Dasar Sumber Manusia
Aras 7, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Tel. : +603 8000 8000
Faks : +603 8889 2377
Emel : ksm@mohr.gov.my

<http://www.mohr.gov.my>

Laman web rasmi
Kementerian Sumber Manusia



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER MANUSIA		iv
PRAKATA KETUA SETIAUSAHA		v
PENGHARGAAN		vi
PENGENALAN		vii
STRUKTUR PENGELASAN		vii
PENGGUNA MASCO		viii
DASAR DAN PRINSIP PENGELASAN		ix
PERUBAHAN MASCO 2020		xi
STATISTIK		xi
NOTA MENGENAI BEBERAPA PERKERJAAN TERTENTU		xii
CABARAN-CABARAN DALAM PEMBANGUNAN MASCO 2020		xiii
RINGKASAN KUMPULAN UTAMA		xiv
KUMPULAN 1	PENGURUS	1
KUMPULAN 2	PROFESIONAL	27
KUMPULAN 3	JURUTEKNIK DAN PROFESIONAL BERSEKUTU	101
KUMPULAN 4	PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN	153
KUMPULAN 5	PEKERJA PERKHIDMATAN DAN JUALAN	171
KUMPULAN 6	PEKERJA KEMAHIRAN PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN	195
KUMPULAN 7	PEKERJA KEMAHIRAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN	209
KUMPULAN 8	OPERATOR MESIN DAN LOJI, DAN PEMASANG	245
KUMPULAN 9	PEKERJA ASAS	269
KUMPULAN 0	ANGKATAN TENTERA	289
LAMPIRAN		
■ INDEKS - PEKERJAAN MENGIKUT SUSUNAN SISTEMATIK		301
■ INDEKS - PEKERJAAN MENGIKUT SUSUNAN ABJAD		433
■ CARTA MASCO		547
■ RUJUKAN		583

PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI



Dunia dan masa kini bergerak pantas. Perubahan dalam landskap pekerjaan membawa bersama peluang dan cabaran kepada sektor-sektor perindustrian di Malaysia yang menyaksikan peralihan bidang pekerjaan daripada berintensifkan buruh kepada pekerjaan yang memerlukan kemahiran teknologi. Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), pekerjaan masa hadapan, dan pekerjaan berasaskan hijau adalah antara agen transformasi dalam sistem pekerjaan yang mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, *Internet of Things* (IoT), analisis dan data raya, simulasi, dan penggunaan robotik yang bakal merancakkan kemajuan ekonomi dunia moden. Kesan daripada transformasi ini mencetuskan perubahan cara dan proses kerja, pilihan bidang pengkhususan, serta tugas dan kemahiran yang pelbagai dalam industri.

Dalam mendepani perubahan-perubahan ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) berperanan untuk menganalisis keperluan semasa dan trend industri pada masa hadapan. Penerbitan buku Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 ini adalah tepat pada masanya dan berfungsi sebagai satu platform penyebaran maklumat pekerjaan yang dinamik, komprehensif, dan berkualiti bagi mencerminkan perubahan dan perkembangan struktur guna tenaga negara. Ia juga digarap supaya menjadi rujukan kepada sektor awam dan swasta dalam merencana strategi pembangunan organisasi bagi memastikan tenaga kerja yang dilahirkan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan secara terancang.

Kemajuan globalisasi teknologi dan komunikasi telah memaparkan perubahan dalam sistem penyampaian maklumat. Impak daripada teknologi ini telah mengadaptasi MASCO kepada aplikasi sistem e-MASCO yang dapat memberikan maklumat mengenai pekerjaan dan deskripsi tugas dengan lebih terkini, interaktif dan cekap yang seterusnya dapat memangkin suatu inventori sumber manusia dalam negara.

Sekalung penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung serta atas apa juga sumbangan mereka bagi merealisasikan penerbitan buku Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 ini.

M. KULA SEGARAN
Menteri Sumber Manusia

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA



Kementerian Sumber Manusia (KSM) menggalas tanggungjawab untuk membangunkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020. MASCO adalah penanda aras nasional bagi pengelasan pekerjaan negara yang berasaskan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Antarabangsa (ISCO) oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). MASCO 2020 diterbitkan bagi menambahbaik struktur pengelasan pekerjaan dan mengemaskini tajuk-tajuk pekerjaan di pasaran terkini selaras dengan perkembangan ekonomi, kemajuan teknologi dan perubahan struktur organisasi di Negara ini.

MASCO menyenaraikan deskripsi dan senarai tugas berserta kod bagi setiap jawatan yang disenaraikan. MASCO 2020 menyenaraikan 6,630 tajuk-tajuk pekerjaan yang merangkumi 10 kategori kumpulan utama iaitu Pengurus; Profesional; Juruteknik dan Profesional Bersekutu; Pekerja Sokongan Perkeranian; Pekerja Perkhidmatan dan Jualan; Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan; Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan; Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang; Pekerja Asas; dan Angkatan Tentera.

Penerbitan MASCO 2020 membawa cabaran baharu kepada Kementerian apabila ekonomi Malaysia dan struktur gunatenaga mengalami banyak perubahan ketika negara mendepani Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) dan pekerjaan masa hadapan. Apabila sesebuah negara beralih menjadi negara lebih maju, pekerjaan dalam kumpulan utama seperti pengurus, profesional, dan juruteknik akan bergerak lebih pantas berbanding dengan pekerjaan dalam kumpulan utama lain.

Harapan saya agar MASCO terus kekal relevan sebagai pengelasan pekerjaan negara yang menjadi panduan dan rujukan kepada sektor awam dan swasta khususnya penggubal dasar, penyelidik, institusi pendidikan dan latihan, serta perancang sumber manusia dalam melaksanakan aktiviti organisasi.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua individu, pertubuhan, badan profesional, kesatuan, atau pihak lain dan juga kepada kementerian dan jabatan yang terlibat atas ulasan dan sumbangan mereka dalam menjayakan penerbitan buku ini. Ribuan terima kasih khasnya ditujukan kepada kumpulan kerja MASCO 2020 atas usaha mereka membangun dan menerbitkan buku Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020.

DATU' AMIR BIN OMAR

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Manusia

PENGHARGAAN

Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) di bawah nasihat dan kepimpinan YBhg. Dato' Amir Bin Omar, Ketua Setiausaha KSM, dan YBhg. Datuk Muhd Khair Razman Bin Mohamed Annuar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KSM, serta pasukan petugas yang dipengerusikan oleh YBrs. Puan Betty Binti Hasan, Setiausaha Bahagian Dasar KSM yang bertanggungjawab atas keseluruhan kerja penyelarasan termasuk kerja penyuntingan akhir.

Penghargaan khas diberikan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia Digital Economy Corporation dan Angkatan Tentera Malaysia atas sokongan dan panduan yang diberikan. Penghargaan juga diberikan kepada Jabatan Tenaga Kerja, Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh dan Jabatan Pembangunan Kemahiran yang menyalurkan maklumat pekerjaan baharu dan kritikal.

MASCO 2020 berjaya disiapkan atas komitmen beberapa individu yang telah memainkan peranan penting masing-masing. Mereka adalah Encik Muazam Bin Mokhtar dan Puan Norhaili Binti Kamsan yang mengetuai kerja-kerja pembangunan, penyuntingan, pengumpulan, penganalisaan dan pengemaskinian tajuk-tajuk pekerjaan yang komprehensif. Ribuan terima kasih turut dirakamkan kepada Encik Mohd. Kuchairi Bin Abd Aziz, Puan Shazana Binti Ayoub Izaruddin, Puan Zaiti Binti Harun, Puan Junaidah Binti Tumiran, Encik Mahazrul Bin Kamarudin, Encik Arman Syahlan Mohd. Anuar, Encik Khairul Nizam Bin Abu dan Cik Azati Syima Binti Azini, Nur Hazwani Binti Jamaluddin dan Nur Nadia Binti Sahalan atas dedikasi dan komitmen mereka menyemak, menyunting, dan menyusun dokumen MASCO 2020 seperti yang berjaya dihasilkan ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung di peringkat awal penggubalan MASCO. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua individu, pertubuhan, badan profesional, kesatuan, pihak swasta atau pihak lain dan juga kepada kementerian dan jabatan yang terlibat atas ulasan dan sumbangan yang diberikan dalam menjayakan penerbitan ini.

PENGENALAN


Piawaiian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) adalah penanda aras nasional bagi pengelasan pekerjaan dalam struktur guna tenaga negara. MASCO dibangun berasaskan Piawaiian Pengelasan Pekerjaan Antarabangsa (ISCO: International Standard Classification of Occupations) dengan perubahan dan modifikasi untuk memenuhi keperluan negara.

MASCO menyenaraikan deskripsi dan senarai tugas beserta kod bagi setiap jawatan yang disenaraikan. Ia mengandungi sepuluh kategori kumpulan utama iaitu:

Kumpulan Utama 1:	Pengurus
Kumpulan Utama 2:	Profesional
Kumpulan Utama 3:	Juruteknik dan Profesional Bersekutu
Kumpulan Utama 4:	Pekerja Sokongan Perkeranian
Kumpulan Utama 5:	Pekerja Perkhidmatan dan Jualan
Kumpulan Utama 6:	Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan
Kumpulan Utama 7:	Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan
Kumpulan Utama 8:	Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang
Kumpulan Utama 9:	Pekerja Asas
Kumpulan Utama 0:	Angkatan Tentera

STRUKTUR PENGELASAN

Struktur MASCO 2020 memaparkan 5 peringkat pengelasan. Peringkat pertama, dinamakan sebagai Kumpulan Utama yang mewakili pengekodan 1 digit. Peringkat kedua dan seterusnya dinamakan Kumpulan Sub-Utama, Kumpulan Kecil, Kumpulan Unit dan Kumpulan Unit Kecil yang mewakili pengekodan 2 digit, 3 digit, 4 digit dan 6 digit.



Perincian pengekodan bagi Kumpulan Unit 2111: Ahli Fizik dan Astronomi ditunjukkan seperti contoh berikut:

Kumpulan	Tajuk	Kod
Kumpulan Utama	Profesional	2
Kumpulan Sub-Utama	Profesional Sains Dan Kejuruteraan	21
Kumpulan Kecil	Ahli Fizik, Kimia Dan Profesional Berkaitan	211
Kumpulan Unit	Ahli Fizik Dan Astronomi	2111
Kumpulan Unit Kecil	Ahli Fizik	2111-01

PENGGUNA MASCO



Pengguna	Faedah
Penggubal Dasar/ Perancang Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> Merancang, menggubal dan melaksanakan polisi berkaitan pengurusan sumber manusia. Merancang struktur guna tenaga negara. Asas penguatkuasaan undang-undang perburuhan. Pelaksanaan dasar kawalan bagi brain drain dan brain gain. Pemahaman yang lebih baik mengenai keperluan pembangunan, bakat dan latihan industri. Mengenalpasti kategori pekerjaan yang perlu dipertingkatkan tahap kemahirannya. Panduan Gaji Permulaan untuk Lepas Kemahiran
Penyelidik/ Perangkawan	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan penyelidikan berkaitan sumber manusia. Membuat kajian / analisis (Banci Penduduk dan Perumahan, Survei Tenaga Buruh, Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, National Employment Return, Indeks Gaji Nasional). Meningkatkan kualiti pengumpulan dan analisis data mengikut piawaian antarabangsa.
Institusi Pengajian/ Latihan/ Penyedia Latihan	<ul style="list-style-type: none"> Melakar keperluan tenaga kerja yang diperlukan dalam industri. Menjadi lebih objektif apabila membangunkan kurikulum. Menentukan asas pengetahuan yang diperlukan dalam sesuatu kumpulan pekerjaan. Membangun silibus pengajian dan latihan.
Majikan / pelabur	<ul style="list-style-type: none"> Menyeragamkan huraian kerja. Mengenalpasti kemahiran teras dan elektif. Memberi pemahaman yang jelas bagi sesuatu pekerjaan. Menentukan anggaran gaji bagi setiap jenis kerja. Menentukan hierarki organisasi. Merangka keperluan guna tenaga dalam pasaran buruh.
Pekerja	<ul style="list-style-type: none"> Memahami skop tugas pekerjaan. Memahami hierarki organisasi. Memahami asas gaji di pasaran dan jangkaan kemahiran.
Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> Rujukan penentuan kerjaya. Memilih kursus atau subjek yang betul dalam pengajian. Mengetahui tahap kemahiran dan kompetensi yang diperlukan.

DASAR DAN PRINSIP PENGELASAN

Dua konsep utama yang digunakan dalam pengelasan pekerjaan adalah konsep jenis tugas yang dilaksanakan atau kerja, dan konsep kemahiran.

“**Kerja**” ditakrif sebagai satu set tugas dan kewajiban yang dilakukan oleh seseorang.

“**Pekerjaan**” ditakrif sebagai satu set kerja yang tugas dan kewajiban utamanya adalah serupa.

Ini bermaksud orang yang melaksanakan tugas utama yang serupa dianggap menjalankan jenis kerja yang sama dan dikelaskan dalam kumpulan pekerjaan yang sama, tanpa mengira tahap kuasa, tanggungjawab, atau pengalaman kerja.

“**Kemahiran**” ditakrif sebagai kebolehan melakukan tugas dan kewajiban sesuatu pekerjaan.

Bagi tujuan MASCO, kemahiran mempunyai dua dimensi yang berikut;

- 1) Tahap kemahiran – merupakan fungsi kerumitan, kepelbagaian tugas dan kewajiban yang terlibat dalam sesuatu tugas yang dilaksanakan. Kreativiti, bakat dan seni juga boleh ditakrifkan sebagai suatu kemahiran; dan
- 2) Pengkhususan kemahiran – ditentukan oleh bidang pengetahuan yang diperlukan, alat dan jentera yang digunakan, bahan yang dikerjakan atau digunakan, teknologi dan perisian yang digunakan serta jenis barangan dan perkhidmatan yang disediakan, dan tidak terikat dengan manual kerja.

Takrif operasi bagi empat tahap kemahiran utama yang digunakan sebagai asas dalam MASCO diringkaskan seperti berikut:

Tahap Kemahiran	Tahap Pendidikan
Pertama	Pendidikan rendah
Kedua	Pendidikan menengah atau pasca menengah; Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Tahap 3*
Ketiga	Pendidikan tertiar yang membawa kepada penganugerahan yang tidak setara dengan ijazah pertama universiti; Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, atau Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4
Keempat	Pendidikan tertiar yang membawa kepada ijazah universiti atau pascasiswazah; Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 dan ke atas.

* Bergantung kepada tahap keperluan kemahiran sesuatu pekerjaan

Kumpulan Utama		Tahap Pendidikan dan Kemahiran	Tahap kemahiran
2	Profesional	Pendidikan tertiar yang membawa kepada ijazah universiti atau pascasiswazah; Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 dan ke atas.	Keempat
3	Juruteknik dan Profesional Bersekutu	Pendidikan tertiar yang membawa kepada penganugerahan yang tidak setara dengan ijazah pertama universiti; Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, atau Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4	Ketiga
4 5 6 7 8	Pekerja Sokongan Perkeranian Pekerja Perkhidmatan dan Jualan Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang	Pendidikan menengah atau pasca menengah; Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Tahap 3*	Kedua
9	Pekerja Asas	Pendidikan rendah	Pertama

* Bergantung kepada tahap keperluan kemahiran sesuatu pekerjaan

Pada kebiasaannya, Kumpulan Utama 2 hingga 9 mengambil kira tahap pendidikan dan tahap kemahiran dalam menentukan pengelasannya. Bagi kumpulan 1 dan kumpulan 0 tidak terikat kepada tahap pendidikannya.

Penggunaan kategori pendidikan untuk mentakrifkan keempat-empat tahap kemahiran tidak bermakna bahawa kemahiran yang perlu bagi melakukan tugas dan kewajiban sesuatu pekerjaan yang ditetapkan boleh diperolehi hanya melalui pendidikan rasmi. Kemahiran mungkin boleh diperolehi melalui latihan yang tidak rasmi dan pengalaman. Oleh itu, apabila mengelaskan pekerjaan, contohnya mekanik boleh dilantik sebagai penyelia mekanik berdasarkan pengalaman yang dimiliki. Sebagai tambahan, tumpuan diberikan pada kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan tugas dan kewajiban bukannya sama ada seseorang pekerja yang mempunyai sesuatu pekerjaan tertentu lebih mahir atau kurang mahir daripada seorang pekerja lain dalam pekerjaan yang sama.

PERUBAHAN MASCO 2020

MASCO 2020 telah dikemaskini selaras dengan kemajuan teknologi baharu dan perkembangan ekonomi global. Perubahan utama yang diperkenalkan dalam MASCO 2020 seperti berikut:

- a) Penstrukturan, penyusunan, penyelarasan dan penarafan semula serta pembangunan dan pewujudan baharu kumpulan-kumpulan pekerjaan;
- b) Penjumudan jawatan yang sudah tidak relevan dengan pasaran semasa;
- c) Penambahan jawatan daripada agensi awam dan swasta selaras dengan trend pekerjaan berteknologi tinggi; dan
- d) Penambahan deskripsi dan tugas jawatan seiring dengan perkembangan dan perubahan teknologi yang lebih maju.

STATISTIK

Jumlah bilangan bagi setiap kumpulan MASCO 2020 adalah seperti jadual berikut:

Kumpulan Utama	Kumpulan Sub-Utama	Kumpulan Kecil	Kumpulan Unit	Kumpulan Unit Kecil
1 Pengurus	6	11	38	551
2 Profesional	9	37	123	2,171
3 Juruteknik dan Profesional Bersekutu	7	23	90	1,211
4 Pekerja Sokongan Perkeranian	4	8	28	372
5 Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	4	13	41	317
6 Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan.	3	9	19	213
7 Pekerja Kemahiran Dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan	6	14	67	672
8 Operator Mesin Dan Loji, dan Pemasang	3	15	42	713
9 Pekerja Asas	6	11	35	265
0 Angkatan Tentera	3	6	7	145
	51	147	490	6,630

Dalam pengelasan di atas, semua pekerjaan dikategorikan di bawah sepuluh 10 Kumpulan Utama (1 digit). Seterusnya, kumpulan tersebut di bahagikan kepada 51 Kumpulan Sub-Utama (2 digit) yang terdiri daripada 147 Kumpulan Kecil (3 digit). Kumpulan ini seterusnya dibahagikan kepada 490 Kumpulan Unit (4 digit) dan dibahagikan pula kepada 6,630 Kumpulan Unit Kecil (6 digit).

NOTA PEKERJAAN TERTENTU

Pekerjaan penyeliaan seperti juga formen, yang terlibat terutamanya dengan kawalan kualiti profesional dan teknikal bagi kerja yang dilaksanakan, dikelaskan bersama-sama dengan kerja yang tugasnya mereka selia. Bagaimanapun, jika tugas utama dan kewajiban kerja itu terdiri daripada merancang, menyusun, dan mengarah aktiviti kerja harian bagi sekumpulan pekerja subordinat, pekerjaan tersebut hendaklah dianggap sebagai pekerjaan pengurusan dan dikelaskan dalam Kumpulan Utama 1: Pengurus. Hanya dalam organisasi tertentu seperti di syarikat besar yang mempunyai banyak peringkat pembuat keputusan, yang antara penyelia dengan operatornya terdapat sekurang-kurangnya satu lagi tahap penyeliaan, dan pada masa yang sama terdapat satu atau lebih peringkat antara penyelia dengan pihak pengurusan, maka penyelia tersebut boleh dikelompokkan dalam Kumpulan Utama 3: Juruteknik dan Profesional Bersekutu.

Pemilik yang bekerja tidak disenaraikan sebagai kumpulan khas, sebaliknya dikelaskan menurut aktiviti mereka. Pemilik kedai, yang meluangkan sebahagian besar masanya di belakang kaunter, membantu pelanggan, hendaklah dikelaskan di bawah Kumpulan Sub-Utama 52: Pekerja Jualan. Bagaimanapun, jika aktiviti utamanya terdiri daripada menguruskan sumber, kewangan, dan personel, dia hendaklah dikelaskan di bawah Kumpulan Sub-Utama 12: Pengurus Pentadbiran dan Komersil.

Pekerjaan yang banyak melibatkan latihan di tempat kerja dengan pemerhatian, penilaian, dan bimbingan yang berterusan dikelaskan dengan pekerjaan yang pekerjaannya mereka latih dalam tugas pertukangan atau tugas mengendalikan mesin.

Perintis dan pelatih dikelaskan menurut tugas dan kewajiban yang sebenarnya dilaksanakan, dan bukan menurut pekerjaan yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.

Khusus bagi jawatan sektor awam, prinsip pengelasan dilonggarkan bagi menyesuaikan dengan keperluan gred jawatan. Jawatan-jawatan yang mempunyai prefix adalah merujuk kepada jawatan-jawatan yang terdapat di sektor awam termasuk jawatan-jawatan badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (i.e Jurutera awam gred J41). Bagi jawatan-jawatan yang tidak mempunyai prefix (kecuali tentera di bawah kumpulan 0) adalah merujuk kepada jawatan dalam sektor swasta (i.e Jurutera awam). Perbezaan dalam nama-nama jawatan di kedua-dua sektor tidak membezakan tugas yang dilaksanakan dalam kod yang dirujuk. Jawatan sektor awam yang disenaraikan adalah jawatan lantikan pertama dan lateral sahaja.

Terdapat jawatan yang spesifik dalam sektor awam seperti Pensyarah UiTM dan Pegawai Kesatria di mana jawatan ini telah digazetkan mengikut keperluan pihak berkenaan. Selain itu, terdapat nama jawatan yang khas seperti Bentara Parlimen iaitu pekerjaan yang khusus dalam pentadbiran dalam persidangan Parlimen.

Terdapat juga pengulangan jawatan yang sama yang disebabkan oleh pengasingan perjawatan mengikut jantina (seperti pramugari dan pramugara).

CABARAN-CABARAN DALAM PEMBANGUNAN MASCO 2020

- 1** Kesukaran meletakkan perjawatan yang menggunakan nama atau pemakaian terminologi yang membawa maksud yang sama (seperti Pembantu, Penolong, Senior dan Junior)
- 2** Mengadaptasikan nama-nama jawatan warisan tradisional atau mengikut pengenalan tempatan (seperti Kapitan, Kepala Rumah/ Tuai Rumah, Penghulu/ Penggawa, Ketua Kampung/ Penghulu, Dang Pawara)
- 3** Menyelaras atau menyesuaikan nama-nama yang terhasil dari populariti atau bertujuan meningkatkan promosi atau moral dari perjawatan yang diwujudkan seperti *IT Butler*, *Data Steward* atau *Barista* dll
- 4** Kesukaran menterjemah sesetengah jawatan dalam dwibahasa yang akan membawa maksud yang lain
- 5** Terdapat pengulangan jawatan bagi memenuhi keperluan perjawatan sektor awam yang menggunakan nama yang sama dengan meletakkan gred bagi jawatan tersebut untuk membezakannya dengan jawatan di sektor swasta
- 6** Keperluan memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan pelaksanaan portal pekerjaan bagi tujuan membuat pemilihan dan permohonan pekerjaan bagi sektor awam dan swasta (seperti Jurutera Awam Cred J41 yang digunakan dalam sektor awam dan Jurutera Awam digunakan bagi sektor swasta secara umum)
- 7** Menyelaras jawatan-jawatan yang wujud hasil daripada perubahan teknologi baharu yang boleh merentas bidang seperti pekerjaan industri IR4.0 sebagai contoh dalam bidang *Artificial Intelligence (AI)*, *Virtual Reality (VR)*, *Augmented Reality (AR)*, robotik, pekerjaan Teknologi Hijau, pekerjaan secara maya dan lain-lain

RINGKASAN KUMPULAN UTAMA

Kumpulan Utama 1: Pengurus

Menggubal, menganalisis, merumus, mengarah dan memberi nasihat tentang dasar kerajaan, atau menjalankan tugas yang seumpamanya bagi pihak pertubuhan berkepentingan khas; atau merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras dasar dan aktiviti perusahaan, organisasi, jabatan atau seksyen dalamnya

Kumpulan Utama 2: Profesional

Menjalankan analisis dan penyelidikan, dan membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi. Meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada, mengaplikasikan konsep dan teori saintifik atau artistik, mengajar tentang perkara tersebut dengan cara bersistematik, atau terlibat dalam apa-apa gabungan tiga aktiviti di atas

Kumpulan Utama 3: Juruteknik dan Profesional Bersekutu

Melakukan tugas teknikal dan tugas yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengaplikasian konsep sains atau seni dan kaedah operasi, dan peraturan kerajaan atau perniagaan

Kumpulan Utama 4: Pekerja Sokongan Perkeranian

Merekod, mengurus, menyimpan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan, dan menjalankan tugas-tugas perkeranian berhubung dengan operasi pentadbiran, pengendalian wang, urusan perjalanan, permintaan maklumat dan janji temu

Kumpulan Utama 5: Pekerja Perkhidmatan dan Jualan

Menyediakan perkhidmatan peribadi berkaitan dengan perjalanan, pengemasan, katering, penjagaan diri, atau perlindungan dari kebakaran dan undang-undang yang berkaitan, atau menunjuk cara dan menjual barangan di kedai borong atau runcit dan pertubuhan seumpamanya termasuk di gerai dan pasar

Kumpulan Utama 6: Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perladangan

Menanam dan menuai tanaman ladang atau pokok dan pokok renek dan mengumpulkan buah-buahan, herba dan tanaman liar; memelihara, menjaga atau memburu haiwan dan mengeluarkan pelbagai produk ternakan; menanam, memulihara dan mendapatkan hasil hutan; membiak baka atau menangkap ikan; dan memelihara atau mengumpulkan pelbagai hidupan akuatik lain

Kumpulan Utama 7: Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan

Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang perlombongan dan pembinaan, penempaan logam, dan mendirikan struktur logam; membuat, melaraskan, menyelenggara dan membaik pulih jentera, kelengkapan atau peralatan; menjalankan kerja pencetakan; dan mengeluarkan atau memproses barang makanan, tekstil atau kayu, logam dan barangan lain termasuk barang kraftangan

Kumpulan Utama 8: Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang

Mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian; memandu dan mengendalikan kereta api, kenderaan bermotor, jentera dan kelengkapan bergerak; atau memasang bahagian komponen produk mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat

Kumpulan Utama 9: Pekerjaan Asas

Menjalankan tugas yang mudah, rutin dan tidak sistematik yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan atau dengan sokongan mesin yang mudah, dan memerlukan tenaga fizikal yang banyak

Kumpulan Utama 0: Angkatan Tentera

Organisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terbahagi kepada tiga cabang perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Peranan utama ATM adalah mempertahankan kedaulatan keutuhan wilayah dan kepentingan negara dari ancaman luar dan peranan sekunder adalah membantu Pihak Berkuasa Awam di dalam memulih dan memelihara ketenteraman awam, penguatkuasaan undang-undang maritim, menentang ancaman dalaman, operasi bantuan bencana alam dan pembangunan negara serta menyokong usaha-usaha ke arah keamanan serta kestabilan sejagat melalui operasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

A close-up photograph of a person's hands writing on a document with a black pen. The document features various business charts, including a bar chart and a pie chart. In the background, there is a calculator, a notebook, and a pair of glasses on a desk. The scene is brightly lit, suggesting a window in the background. An orange rectangular overlay is positioned in the upper right quadrant of the image, containing the text 'KUMPULAN 1' and 'PENGURUS' in bold, dark blue letters, with a short horizontal line below the second line of text.

KUMPULAN 1
PENGURUS
—

1

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

11 KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI KANAN, DAN PENGGUBAL UNDANG-UNDANG

111 PENGUBAL UNDANG-UNDANG DAN PEGAWAI KANAN

1111 PENGUBAL UNDANG-UNDANG

1112 PEGAWAI KANAN KERAJAAN

1113 KETUA ADAT DAN KETUA KAMPUNG

1114 PEGAWAI KANAN PERTUBUHAN BERKEPENTINGAN KHAS

112 PENGARAH URUSAN DAN KETUA EKSEKUTIF

1121 PENGARAH URUSAN DAN KETUA EKSEKUTIF

12 PENGURUS PENTADBIRAN DAN KOMERSIL

121 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN

1211 PENGURUS KEWANGAN

1212 PENGURUS SUMBER MANUSIA

1213 PENGURUS DASAR DAN PERANCANGAN

1214 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

1215 PENGURUS PENTADBIRAN

1216 PENGURUS KUALITI

1219 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

122 PENGURUS JUALAN, PEMASARAN, DAN PEMBANGUNAN

1221 PENGURUS JUALAN DAN PEMASARAN

1222 PENGURUS PENGIKLAMAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

1223 PENGURUS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

13 PENGURUS PENGELUARAN DAN PEMBUATAN

131 PENGURUS PENGELUARAN

1311 PENGURUS PENGELUARAN PERTANIAN, PERHUTANAN, DAN PENTERNAKAN

1312 PENGURUS PENGELUARAN AKUAKULTUR DAN PERIKANAN

132 PENGURUS PEMBUATAN, PERLOMBONGAN, PEMBINAAN, DAN PENGAGIHAN

1321 PENGURUS PEMBUATAN

1322 PENGURUS PERLOMBONGAN

1323 PENGURUS PEMBINAAN

1324 PENGURUS BEKALAN, PENGAGIHAN, DAN YANG BERKAITAN

14 PENGURUS HOSPITALITI, RUNCIT, DAN PERKHIDMATAN LAIN

141 PENGURUS HOTEL DAN RESTORAN

1411 PENGURUS HOTEL DAN RUMAH PENGINAPAN
1412 PENGURUS RESTORAN

142 PENGURUS PERDAGANGAN RUNCIT DAN BORONG

1421 PENGURUS PERDAGANGAN RUNCIT DAN BORONG

15 PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

151 PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

1511 PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

16 PENGURUS PERKHIDMATAN

161 PENGURUS PERKHIDMATAN PROFESSIONAL

1611 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN KANAK-KANAK
1612 PENGURUS PERKHIDMATAN KESIHATAN
1613 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN ORANG TUA
1614 PENGURUS KEBAJIKAN SOSIAL
1615 PENGURUS PENDIDIKAN
1616 PENGURUS CAWANGAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN INSURANS
1617 PENGURUS PERUNDANGAN
1618 PENGURUS HARTA
1619 PENGURUS PERKHIDMATAN PROFESIONAL YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

162 PENGURUS PERKHIDMATAN LAIN

1621 PENGURUS PUSAT SUKAN DAN REKREASI
1622 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN DIRI, PEMBERSIHAN, DAN YANG BERKAITAN
1623 PENGURUS KESELAMATAN
1624 PENGURUS PUSAT KEBUDAYAAN, MUZIUM, DAN PERPUSTAKAAN
1629 PENGURUS PERKHIDMATAN PROFESIONAL YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

PENGURUS

KUMPULAN SUB-UTAMA

11

12

13

14

15

16

- 11 KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI KANAN, DAN PENGGUBAL UNDANG-UNDANG
- 12 PENGURUS PENTADBIRAN DAN KOMERSIL
- 13 PENGURUS PENGELUARAN DAN PEMBUATAN
- 14 PENGURUS HOSPITALITI, RUNCIT, DAN PERKHIDMATAN LAIN
- 15 PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
- 16 PENGURUS PERKHIDMATAN

PENGURUS

Deskripsi

Pengurus menggubal, menganalisis, merumus, mengarah dan memberi nasihat tentang dasar kerajaan, atau menjalankan tugas yang seumpamanya bagi pihak pertubuhan berkepentingan khas; atau merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras dasar dan aktiviti perusahaan, organisasi, jabatan atau seksyen dalamnya.

Tahap Kemahiran

Rujukan kepada tahap kemahiran adalah terbuka dan tidak terikat kepada tahap pendidikan. Walau bagaimanapun pekerjaan dalam kumpulan utama ini kebanyakannya memerlukan tahap pendidikan kemahiran pada tahap kelima hingga kelapan.

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 11 KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI KANAN, DAN PENGGUBAL UNDANG-UNDANG
- 12 PENGURUS PENTADBIRAN DAN KOMERSIL
- 13 PENGURUS PENGELUARAN DAN PEMBUATAN
- 14 PENGURUS HOSPITALITI, RUNCIT, DAN PERKHIDMATAN LAIN
- 15 PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
- 16 PENGURUS PERKHIDMATAN

SUB-UTAMA 11 KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI KANAN, DAN PENGGUBAL UNDANG-UNDANG

Ketua Eksekutif, Pegawai Kanan, dan Penggubal Undang-Undang mengkaji semula dasar, dan merancang, mengarah, menyelaras dan menilai aktiviti keseluruhan perusahaan, kerajaan dan organisasi lain dengan sokongan pengurus lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 111 PENGGUBAL UNDANG-UNDANG DAN PEGAWAI KANAN
- 112 PENGARAH URUSAN DAN KETUA EKSEKUTIF

KUMPULAN KECIL 111 PENGGUBAL UNDANG-UNDANG DAN PEGAWAI KANAN

Penggubal Undang-Undang dan Pegawai Kanan menentukan, merumuskan, memberi nasihat dan mengarahkan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan, negara, serantau, tempatan atau komuniti, dan organisasi kepentingan khas. Mereka membuat, mengesahkan, meminda atau memansuhkan undang-undang dan peraturan awam, dan merancang, menganjurkan, mengarah, mengawal dan menilai keseluruhan aktiviti jabatan dan agensi kerajaan, komuniti tradisional dan organisasi kepentingan khas.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

- 1111 PENGGUBAL UNDANG-UNDANG
- 1112 PEGAWAI KANAN KERAJAAN
- 1113 KETUA ADAT DAN KETUA KAMPUNG
- 1114 PEGAWAI KANAN PERTUBUHAN BERKEPENTINGAN KHAS

KUMPULAN UNIT 1111 PENGGUBAL UNDANG-UNDANG

Penggubal Undang-Undang menentukan, merumuskan dan mengarahkan dasar kerajaan persekutuan, negeri, serantau atau tempatan dan agensi kerajaan antarabangsa, dan membuat, mengesahkan, meminda atau memansuhkan undang-undang dan peraturan awam.

Tugas merangkumi:

- a) mengetuai atau mengambil bahagian dalam prosiding badan perundangan dan majlis pentadbiran kerajaan kebangsaan, negeri, serantau atau tempatan atau dewan perundangan;
- b) menentukan, merumuskan dan mengarahkan dasar-dasar kerajaan persekutuan, negeri, serantau atau tempatan;
- c) membuat, mengesahkan, meminda atau memansuhkan undang-undang dan peraturan awam dalam rangka kerja berkanun atau perlembagaan;
- d) berkhidmat di lembaga pentadbiran kerajaan atau jawatankuasa rasmi;
- e) menyasiat perkara-perkara yang menjadi pertimbangan kepada orang ramai dan menjaga kepentingan kawasan pilihan raya yang mereka wakili;
- f) menghadiri fungsi dan mesyuarat komuniti untuk menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat, memahami pendapat umum dan menyampaikannya maklumat mengenai rancangan kerajaan;

- g) berunding dengan penggubal undang-undang dan wakil-wakil kumpulan berkepentingan yang lain untuk mendamaikan pihak-pihak yang berbeza kepentingan dan untuk mewujudkan dasar dan perjanjian;
- h) sebagai anggota kerajaan, mengarahkan pentadbir kanan dan pegawai jabatan dan agensi kerajaan dalam tafsiran dan pelaksanaan dasar kerajaan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1111)

1111-01	Perdana Menteri
1111-02	Timbalan Perdana Menteri
1111-03	Menteri
1111-04	Timbalan Menteri

KUMPULAN UNIT 1112 PEGAWAI KANAN KERAJAAN

Pegawai Kanan Kerajaan menasihati kerajaan mengenai perkara berkaitan dasar, memantau pentafsiran dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dan undang-undang oleh jabatan dan agensi kerajaan, mewakili negara di luar negeri dan bertindak bagi pihaknya, atau menjalankan tugas yang seumpamanya dalam pertubuhan antara kerajaan. Mereka merancang, menyusun, mengarah, mengawal dan menilai aktiviti keseluruhan jabatan kerajaan, lembaga, agensi atau pesuruhjaya perbandaran atau tempatan, serantau dan nasional yang selaras dengan undang-undang dan dasar yang digubal oleh kerajaan dan badan perundangan.

Tugas merangkumi:

- a) menasihati kerajaan persekutuan, negeri, wilayah, atau tempatan tentang hal ehwal dasar;
- b) memberi nasihat berhubung dengan penyediaan bajet, undang-undang dan peraturan kerajaan, termasuk pindaan;
- c) menggubal atau meluluskan dan menilai program dan prosedur untuk dilaksanakan oleh kerajaan;
- d) mencadangkan, mengkaji semula, menilai dan meluluskan dokumen dan laporan yang dikemukakan oleh pengurus pertengahan dan kakitangan kanan;
- e) memastikan sistem dan prosedur yang sesuai dibangunkan dan dilaksanakan untuk menyediakan kawalan belanjawan;
- f) membuat pembentangan kepada jawatankuasa undang-undang dan wakil kerajaan lain mengenai perancangan dasar atau peruntukan bajet;
- g) memantau tafsiran dan pelaksanaan dasar dan undang-undang kerajaan oleh jabatan dan agensi kerajaan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1112)

1112-01	Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja
1112-02	Ketua Setiausaha Negara
1112-03	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
1112-04	Peguam Negara

KUMPULAN UNIT 1113 KETUA ADAT DAN KETUA KAMPUNG

Ketua Adat dan Ketua Kampung menjalankan pelbagai tugas perundangan, pentadbiran, dan adat istiadat yang ditentukan melalui tradisi turun-temurun serta melalui pembahagian hak dan tanggungjawab antara ketua kampung dengan pihak berkuasa tempatan, wilayah, dan persekutuan.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menjalankan tugas sebagai pegawai perantaraan untuk menyebarkan maklumat pentadbiran negeri, dasar-dasar kerajaan, dan menganjur pembangunan masyarakat di peringkat mukim;
- b) memberi fokus pada aspek pembangunan, pentadbiran, keagamaan dan kebudayaan di peringkat mukim;
- c) menyelesaikan perselisihan antara penduduk komuniti atau kampung;
- d) mendisiplinkan penduduk komuniti atau kampung yang melanggar peraturan dan adat;
- e) menjalankan tugas adat istiadat berhubung dengan kelahiran, perkahwinan, kematian, menuai, dan pesta tradisi yang lain;
- f) mewakili komuniti atau kampung dalam majlis tempatan atau wilayah;
- g) menyampaikan arahan kepada komuniti atau kampung tentang peraturan kerajaan; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1113)

1113-01	Penghulu Gred NP29
1113-02	Demang
1113-03	Penggawa
1113-04	Ketua Kampung

KUMPULAN UNIT 1114 PEGAWAI KANAN PERTUBUHAN BERKEPENTINGAN KHAS

Pegawai Kanan Pertubuhan Berkepentingan Khas menentukan, merumus dan mengarah pelaksanaan dasar pertubuhan berkepentingan khas seperti pertubuhan parti politik, kesatuan sekerja, pertubuhan majikan, persatuan perdagangan dan perindustrian, pertubuhan kemanusiaan atau amal, atau persatuan sukan, dan bertindak bagi pihak pertubuhan mereka.

Tugas merangkumi:

- menentukan serta merumus dasar, kaedah dan peraturan parti politik atau organisasi berkenaan;
- merancang, mengarah dan menyelaraskan fungsi am organisasi;
- mengkaji semula operasi dan hasil mesyuarat organisasi dan melapor kepada lembaga pengarah dan badan-badan yang mentadbir, ahli organisasi dan agensi pembiayaan;
- merancang, mengendalikan dan mengarah bahagian yang dipertanggungjawab melaksanakan dasar organisasi;
- memastikan sistem dan prosedur yang sesuai dibangunkan dan dilaksanakan bagi kawalan bajet;
- memantau dan menilai prestasi organisasi atau perusahaan terhadap objektif dan dasar yang ditubuhkan;
- mewakili organisasi pada majlis-majlis rasmi dan mesyuarat lembaga, dalam rundingan, pada konvensyen, pendengaran awam dan forum;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1114)

1114-01	Presiden Parti Politik
1114-02	Presiden Persekutuan Majikan-Majikan
1114-03	Presiden Kongres Kesatuan Sekerja
1114-04	Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam

KUMPULAN KECIL 112 PENGARAH URUSAN DAN KETUA EKSEKUTIF

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif merangka dan mengkaji semula dasar dan merancang, menyelaras dan menilai aktiviti-aktiviti keseluruhan perusahaan atau organisasi (kecuali organisasi berkepentingan khas dan jabatan-jabatan kerajaan) dengan sokongan pengurus lain, biasanya dalam lingkungan garis panduan yang ditetapkan oleh lembaga pengarah atau badan pentadbiran di mana mereka ini perlu bertanggungjawab terhadap operasi yang dijalankan dan hasil yang diperolehi.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

1121 PENGARAH URUSAN DAN KETUA EKSEKUTIF

KUMPULAN UNIT 1121 PENGARAH URUSAN DAN KETUA EKSEKUTIF

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif merangka dan mengkaji semula dasar, dan merancang, mengarah, menyelaras dan menilai aktiviti-aktiviti keseluruhan perusahaan atau organisasi (kecuali organisasi berkepentingan khas dan jabatan-jabatan kerajaan) dengan sokongan pengurus lain, biasanya dalam lingkungan garis panduan yang ditetapkan oleh lembaga pengarah atau badan pentadbir yang mereka ini perlu bertanggungjawab bagi segala operasi yang dijalankan dan hasil yang diperolehi.

Tugas merangkumi:

- merancang, mengarah dan menyelaraskan fungsi am perusahaan atau organisasi;
- mengkaji semula operasi dan pencapaian perusahaan atau organisasi dan melapor kepada lembaga pengarah dan badan yang mentadbir;
- menentukan objektif, strategi, dasar dan program bagi perusahaan atau organisasi;
- menyediakan kepimpinan dan pengurusan secara keseluruhan kepada perusahaan atau organisasi;
- menetapkan dan menguruskan bajet, mengawal perbelanjaan dan memastikan sumber digunakan dengan cekap;
- memantau dan menilai prestasi organisasi atau perusahaan terhadap objektif dan dasar yang ditetapkan;

- g) berunding dan mengkaji cadangan dan laporan bersama pegawai kanan bawahan;
- h) mewakili organisasi di majlis-majlis rasmi dan mesyuarat lembaga dalam rundingan di konvensyen, seminar, pendengaran awam dan forum;
- i) memilih atau meluluskan pemilihan kakitangan kanan;
- j) memastikan organisasi mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1121)

1121-01	Ketua Pegawai Eksekutif
1121-02	Ketua Pegawai Operasi
1121-03	Ketua Pegawai Perundangan
1121-04	Ketua Pegawai Teknikal

SUB-UTAMA 12 PENGURUS PENTADBIRAN DAN KOMERSIL

Pengurus Pentadbiran dan Komersil merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras aktiviti kewangan, pentadbiran, sumber manusia, dasar, perancangan, penyelidikan dan pembangunan, pengiklanan, perhubungan awam, dan jualan dan pemasaran bagi perusahaan dan organisasi, atau perusahaan yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan kepada perusahaan dan organisasi lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 121 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN**
- 122 PENGURUS JUALAN, PEMASARAN, DAN PEMBANGUNAN**

KUMPULAN KECIL 121 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN

Pengurus Perkhidmatan Perniagaan dan Pentadbiran merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras aktiviti berkaitan kewangan, pentadbiran, sumber manusia, perancangan dasar organisasi, perniagaan dan kualiti atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan kepada perusahaan dan organisasi lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

- 1211 PENGURUS KEWANGAN**
- 1212 PENGURUS SUMBER MANUSIA**
- 1213 PENGURUS DASAR DAN PERANCANGAN**
- 1214 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN**
- 1215 PENGURUS PENTADBIRAN**
- 1216 PENGURUS KUALITI**
- 1219 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 1211 PENGURUS KEWANGAN

Pengurus Kewangan merancang, mengarahkan dan menyelaraskan operasi kewangan syarikat atau organisasi, berunding dengan pengurus kanan dan dengan pengurus jabatan atau bahagian lain, atau perusahaan yang menyediakan perkhidmatan kewangan kepada perusahaan dan organisasi lain.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah, mengawal dan menyelaras operasi kewangan dalaman perusahaan atau operasi;
- b) memastikan penyata kewangan organisasi telah diuruskan dengan cara yang betul;
- c) menilai situasi kewangan perusahaan atau organisasi, menyediakan bajet dan memantau pelbagai operasi kewangan;
- d) berunding bersama ketua eksekutif dan pengurus lain-lain bahagian dan jabatan;
- e) mengawal perbelanjaan dan memastikan sumber digunakan dengan cekap;
- f) merancang dan mengarah operasi harian;
- g) memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- h) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam organisasi, atau dengan agensi luar;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1211)

1211-01	Ketua Pegawai Kewangan
1211-02	Pengurus Kewangan
1211-03	Pengurus Akaun
1211-04	Pengurus Belanjawan

KUMPULAN UNIT 1212 PENGURUS SUMBER MANUSIA

Pengurus Sumber Manusia merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras dasar yang berkaitan dengan personel, perhubungan perusahaan, dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, bagi perusahaan atau organisasi, atau perusahaan yang menyediakan perkhidmatan sumber manusia kepada perusahaan dan organisasi lain.

Tugas merangkumi:

- merancang, mengarah dan menyelaras dasar yang berkaitan dengan aktiviti personel dan perhubungan perusahaan bagi perusahaan atau organisasi;
- merancang dan mengendalikan prosedur bagi pengambilan kakitangan, latihan, kenaikan pangkat, penukaran dan pemecatan kakitangan;
- merancang dan mengatur rundingan dan prosedur bagi menentukan struktur dan tahap penggajian dan berunding dengan pekerja mengikut terma pekerjaan;
- mengawasi keselamatan, kesihatan dan aktiviti yang berkaitan;
- menetapkan dan menguruskan bajet, mengawal perbelanjaan dan memastikan sumber digunakan dengan cekap;
- menetapkan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- menyelia pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan maklumat;
- memastikan pematuhan kepada piawaian dan perundangan yang berkaitan dengan hak-hak pekerja, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, kesamarataan peluang dan yang berkaitan;
- memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan untuk seluruh perusahaan atau organisasi;
- berunding dengan pengurusan kanan dan dengan pengurus jabatan lain;
- mewakili perusahaan atau organisasi dalam urusan luar;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1212)

1212-01	Ketua Pegawai Sumber Manusia
1212-02	Pengurus Sumber Manusia
1212-03	Pengurus Latihan
1212-04	Pengurus Perhubungan Perindustrian

KUMPULAN UNIT 1213 PENGURUS DASAR DAN PERANCANGAN

Pengurus Dasar dan Perancangan merancang, mengatur, menyelaras dan memberi nasihat berkaitan dasar dan perancangan strategik dalam kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan dan agensi swasta, atau menguruskan aktiviti-aktiviti perusahaan yang menyediakan perkhidmatan dasar dan perancangan strategik.

Tugas merangkumi:

- membangunkan, melaksanakan dan memantau perancangan strategik, program, dasar, proses, sistem dan prosedur untuk mencapai matlamat, objektif dan standard kerja;
- membangunkan, mengarah, mentadbir dan melibatkan diri dalam penyelidikan dan penganalisaan dasar;
- menganalisis dan mentafsir keputusan kajian dan menyediakan laporan yang memperincikan hasil, cadangan atau kesimpulan;
- mereka bentuk, menilai dan mengubah suai dasar untuk memastikan program yang dirancang adalah berkesan dan mematuhi keperluan undang-undang;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1213)

1213-01	Pengurus Dasar dan Perancangan
1213-02	Pengurus Perancangan Strategik
1213-03	Pengurus Perancangan Korporat
1213-04	Pengurus Dasar dan Penyelidikan

KUMPULAN UNIT 1214 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

Pengurus Perkhidmatan Perniagaan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras aktiviti jualan dan pemasaran bagi perusahaan atau organisasi.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah serta menyelaras aktiviti perkhidmatan perniagaan perusahaan atau organisasi berkenaan;
- b) merancang dan mengurus jualan khas dan program pemasaran berdasarkan rekod jualan dan penilaian pasaran;
- c) merancang, mentadbir dan mengkaji semula perkhidmatan pelanggan dan perkhidmatan lepas jualan serta memelihara hubungan baik dengan pelanggan;
- d) menentukan senarai harga, diskaun dan syarat penghantaran, urusan kredit, campuran produk, kawasan jualan berdasarkan kedudukan geografi, peruntukan bajet promosi jualan, kaedah jualan, standard perkhidmatan pelanggan, insentif khas, dan kempen khas;
- e) mengarah kaedah perdagangan dan dasar pengedaran dengan menyelaras kerja jurujual atau mengurus pelantikan ejen dan pengedar;
- f) mengawal perbelanjaan dan memastikan sumber digunakan dengan cekap;
- g) memantau perkhidmatan pelanggan, pengeluaran invois, pembayaran, dan kos pentadbiran;
- h) menetapkan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- i) merancang dan mengarah operasi harian;
- j) memantau pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;
- k) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam organisasi, atau dengan agensi luar;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1214)

1214-01	Ketua Pegawai Pematuhan
1214-02	Pengurus Pengeluaran
1214-03	Pengurus Pengeluaran dan Operasi Perniagaan
1214-04	Pengurus Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan

KUMPULAN UNIT 1215 PENGURUS PENTADBIRAN

Pengurus Pentadbiran merancang, mengurus, mengarahkan, membangunkan, mengkaji semula dan memperbaiki sistem pentadbiran, dasar dan prosedur perusahaan atau organisasi.

Tugas merangkumi:

- a) mentadbir, membuat perancangan strategik dan memberi sokongan operasi, membuat penyelidikan dan memberi nasihat kepada pengurusan kanan mengenai pentadbiran;
- b) membangun dan mengurus pentadbiran organisasi dan sumber fizikal;
- c) membangun dan melaksanakan pernyataan dan garis panduan pentadbiran dan prosedur untuk digunakan oleh kakitangan dalam organisasi;
- d) menganalisis isu dan inisiatif pengurusan sumber organisasi dan menyediakan laporan berkaitan;
- e) mengetuai dan mengurus kakitangan pentadbiran untuk memastikan operasi organisasi yang lancar dan penyediaan maklumat yang betul dan tepat pada masanya;
- f) mewakili perusahaan atau organisasi dalam rundingan, konvensyen, seminar, pendengaran awam dan forum;
- g) menguruskan belanjawan dan memastikan penggunaan sumber yang cekap;
- h) melakukan tugas yang berkaitan; dan
- i) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1215)

1215-01	Pengurus Pentadbiran
1215-02	Pengurus Perkhidmatan Pentadbiran
1215-03	Ketua Pembangunan Aset
1215-04	Pengurus Prasarana

KUMPULAN UNIT 1216 PENGURUS KUALITI

Pengurus Kualiti merancang, mengarah dan bertanggungjawab untuk pembangunan, pelaksanaan dan penyelenggaraan keseluruhan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) organisasi.

Tugas merangkumi:

- a) memastikan Sistem Pengurusan Kualiti organisasi mematuhi kehendak pelanggan, operasi dalaman, ISO, dan keperluan pengawalseliaan / undang-undang;

- b) mengawasi pemeriksaan barang-barang yang masuk, memastikan ia memenuhi keperluan organisasi;
- c) menguruskan pemantauan, pengukuran, dan semakan semula standard kualiti;
- d) memimpin pasukan jurutera kualiti, pemeriksa, juruaudit, penganalisis, dan juruteknik;
- e) mengekalkan standard, peraturan / undang-undang, isu dan perkara berkaitan dengan kualiti produk (perkhidmatan);
- f) melakukan tugas yang berkaitan; dan
- g) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1216)

1216-01	Pengurus Kawalan Kualiti
1216-02	Pengurus Jaminan Kualiti
1216-03	Pengurus Jaminan Kualiti, Pengilangan Makanan Halal
1216-04	Pengurus Jaminan Kualiti, Pemprosesan Daging Halal

KUMPULAN UNIT 1219 PENGURUS PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pengurus Perkhidmatan Perniagaan dan Pentadbiran yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 121: Pengurus Perkhidmatan Perniagaan dan Pentadbiran.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan maklumat dan sokongan bagi penyediaan laporan kewangan dan peruntukan bajet;
- b) merancang dan melaksanakan dasar;
- c) membuat anggaran peruntukan bajet;
- d) berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- e) merancang dan mengawal penggunaan sumber manusia;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

KUMPULAN KECIL 122 PENGURUS JUALAN, PEMASARAN, DAN PEMBANGUNAN

Pengurus Jualan, Pemasaran, dan Pembangunan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaraskan aktiviti berkaitan pengiklanan, perhubungan awam, penyelidikan dan pembangunan, dan jualan dan pemasaran bagi perusahaan dan organisasi, atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan ini kepada perusahaan dan organisasi lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

- 1221 PENGURUS JUALAN DAN PEMASARAN**
- 1222 PENGURUS PENGIKLANAN DAN PERHUBUNGAN AWAM**
- 1223 PENGURUS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

KUMPULAN UNIT 1221 PENGURUS JUALAN DAN PEMASARAN

Pengurus Jualan dan Pemasaran merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaraskan aktiviti jualan dan pemasaran bagi perusahaan dan organisasi, atau perusahaan yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan kepada perusahaan dan organisasi lain.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah serta menyelaraskan aktiviti jualan dan pemasaran perusahaan atau organisasi berkenaan;
- b) merancang dan mengurus program jualan dan pemasaran khas berdasarkan rekod jualan dan penilaian pasaran;
- c) merancang, mentadbir dan mengkaji semula perkhidmatan pelanggan dan perkhidmatan lepas jualan serta memelihara hubungan baik dengan pelanggan;
- d) menentukan senarai harga, diskaun dan syarat penghantaran, urusan kredit, campuran produk, kawasan jualan berdasarkan kedudukan geografi, peruntukan bajet bagi promosi jualan, kaedah jualan, standard perkhidmatan pelanggan, insentif khas, dan kempen khas;
- e) mengarah kaedah perdagangan dan dasar pengedaran dengan menyelaraskan kerja jurujual atau menguruskan pelantikan ejen dan pengedar;
- f) mengawal perbelanjaan dan memastikan sumber digunakan dengan cekap;
- g) memantau perkhidmatan pelanggan, pengeluaran invoice, pembayaran, dan kos pentadbiran;
- h) menyediakan dan mengarah operasi harian;

- i) memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- j) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam organisasi atau dengan agensi luar;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1221)

1221-01	Ketua Pegawai Pemasaran
1221-02	Pengurus Jualan
1221-03	Pengurus Jualan dan Pemasaran
1221-04	Pengurus Pemasaran

KUMPULAN UNIT 1222 PENGURUS PENGIKLANAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pengurus Pengiklanan dan Perhubungan Awam merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras aktiviti pengiklanan dan perhubungan awam perusahaan dan organisasi, atau perusahaan yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan kepada perusahaan dan organisasi lain.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah dan menyelaras aktiviti pengiklanan dan perhubungan awam bagi perusahaan atau organisasi berkenaan;
- b) merundingkan kontrak pengiklanan dengan pegawai akhbar, stesen radio dan televisyen, pertubuhan sukan dan kebudayaan, dan agensi pengiklanan;
- c) merancang dan menguruskan program penerangan kepada pegawai undang-undang, media massa, dan orang awam tentang rancangan, pencapaian dan pandangan perusahaan, atau organisasi berkenaan;
- d) mengawal perbelanjaan dan memastikan sumber digunakan dengan cekap;
- e) menentukan dan mengarah operasi dan prosedur pentadbiran;
- f) merancang dan mengarah operasi harian;
- g) memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- h) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam organisasi atau dengan badan luar;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1222)

1222-01	Pengurus Pengiklanan
1222-02	Pengurus Hal Ehwal Am
1222-03	Pengurus Komunikasi
1222-04	Pengurus Perhubungan Awam

KUMPULAN UNIT 1223 PENGURUS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras aktiviti penyelidikan dan pembangunan organisasi, atau perusahaan yang menyediakan perkhidmatan pembangunan kepada perusahaan dan organisasi lain.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah dan menyelaras aktiviti penyelidikan dan pembangunan, sama ada secara dalaman atau yang ditugaskan daripada organisasi penyelidikan luar, untuk membangunkan atau meningkatkan kaedah proses teknikal, produk, pengetahuan, atau penggunaan bahan-bahan;
- b) merancang keseluruhan program penyelidikan dan pembangunan perusahaan atau organisasi dan menetapkan keperluan bajet;
- c) mengawal perbelanjaan dan memastikan sumber digunakan dengan cekap;
- d) merancang dan mengarah operasi harian;
- e) memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- f) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam organisasi atau dengan agensi luar;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1223)

1223-01	Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan
1223-02	Pengurus Pembangunan Produk
1223-03	Pengurus Penyelidikan
1223-04	Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan, Pengilangan Makanan Halal

SUB-UTAMA 13 PENGURUS PENGELUARAN DAN PEMBUATAN

Pengurus Pengeluaran dan Pembuatan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras pengeluaran barangan, dan penyediaan perkhidmatan teknikal dan profesional yang khusus bagi perusahaan atau organisasi. Mereka bertanggungjawab berhubung dengan operasi pembuatan, perlombongan, pembinaan, logistik, dan operasi pertanian, perhutanan dan perikanan berskala besar.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

131 PENGURUS PENGELUARAN

132 PENGURUS PEMBUATAN, PERLOMBONGAN, PEMBINAAN, DAN PENGAGIHAN

KUMPULAN KECIL 131 PENGURUS PENGELUARAN

Pengurus Pengeluaran merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi pengeluaran berkaitan pertanian, hortikultur, perhutanan, akuakultur dan perikanan berskala besar seperti perladangan dan koperasi pertanian untuk menanam dan menuai tanaman, membiak baka dan menternak ternakan, ikan dan kerang-kerangan, dan untuk menangkap dan memproses hasilan ikan, dan lain-lain bentuk hidupan akuatik.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

1311 PENGURUS PENGELUARAN PERTANIAN, PERHUTANAN, DAN PENTERNAKAN

1312 PENGURUS PENGELUARAN AKUAKULTUR DAN PERIKANAN

KUMPULAN UNIT 1311 PENGURUS PENGELUARAN PERTANIAN, PERHUTANAN, DAN PENTERNAKAN

Pengurus Pengeluaran Pertanian, Perhutanan dan Penternakan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi pengeluaran berkaitan pertanian, hortikultur dan perhutanan dalam skala besar untuk menanam dan menuai tanaman, dan menternak dan membiak baka ternakan.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab menyelaras semua aktiviti yang berkaitan dengan taman seperti pendidikan, pembangunan, penguatkuasaan, eko-pelancongan, penyelenggaraan dan sebagainya;
- menganalisis data statistik, kajian dan laporan untuk mengenal pasti dan menentukan punca masalah dan memberi cadangan penambahbaikan sistem, prosedur, atau program pertanian;
- memantau aktiviti pasaran pertanian dan perhutanan, dan merancang pengeluaran untuk memenuhi keperluan dan permintaan pasaran;
- menentukan dan menguruskan peruntukan bajet, memantau pengeluaran dan merekodkan maklumat seperti amalan pengurusan ladang, dan menyediakan laporan kewangan dan operasi;
- berbincang dengan pembeli untuk mengatur penjualan tanaman dan ternakan;
- mengikat kontrak dengan petani atau pemilik bebas untuk pengeluaran tanaman dan ternakan, atau untuk pengurusan pengeluaran;
- merancang jenis, intensiti dan kaedah operasi perladangan (contohnya menentukan masa terbaik untuk penanaman, semburan dan penuaian);
- menganalisis tanah untuk menentukan jenis dan kuantiti baja yang diperlukan untuk pengeluaran maksimum;
- membeli jentera, peralatan dan bekalan seperti traktor, benih, baja dan bahan kimia;
- mengenal pasti dan mengawal persekitaran kawasan pertanian dan hutan daripada toksin, rumpai, perosak dan penyakit;
- mengurus operasi pertanian seperti memastikan bangunan, sistem bekalan air dan peralatan dalam keadaan baik;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1311)

1311-01	Pengurus Taman/Ladang Gred G41
1311-02	Pengurus Perhutanan
1311-03	Pengurus Ladang
1311-04	Pengurus Hortikultur

KUMPULAN UNIT 1312 PENGURUS PENGELUARAN AKUAKULTUR DAN PERIKANAN

Pengurus Pengeluaran Akuakultur dan Perikanan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi pengeluaran berkaitan akuakultur dan perikanan untuk menangkap dan memproses ikan atau kerangan, dan untuk membiak baka ikan, kerangan atau hidupan akuatik lain sebagai hasil tangkapan, atau untuk pelepasan ke dalam air tawar atau air masin.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan melaksanakan dasar dan undang-undang;
- b) merancang, mengarah dan menyelaras aktiviti berhubung dengan pengeluaran akuakultur dan perikanan bagi memenuhi permintaan pasaran;
- c) menjalankan dan mengelolakan pemeriksaan stok akuakultur atau perikanan untuk mengenal pasti penyakit atau parasit;
- d) merangka dan menyelaras aktiviti bagi meningkatkan kadar pertumbuhan penetasan ikan dan untuk mencegah jangkitan semasa penetasan;
- e) memantau persekitaran kawasan hidupan akuatik bagi memastikan ia dalam keadaan baik;
- f) mengarah dan memantau pengurungan dan pembiakan ikan, pembiakan telur, dan mengaplikasikan pengetahuan teknik pengurusan dan pengkulturan ikan;
- g) memastikan sumber digunakan dengan cekap dan kuota pengeluaran dipenuhi;
- h) merancang dan mengurus operasi harian;
- i) menyediakan anggaran bajet dan mengawal perbelanjaan;
- j) menentukan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- k) memantau pengaplikasian prosedur keselamatan kerja dan yang berkaitan;
- l) memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- m) berunding dengan pembekal, pelanggan dan organisasi lain;
- n) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- o) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1312)

1312-01	Pengurus Perikanan
1312-02	Pengurus Pengeluaran dan Operasi Perikanan
1312-03	Pengurus Operasi Akuakultur
1312-04	Pengurus Operasi Penangkapan Ikan

KUMPULAN KECIL 132 PENGURUS PEMBUATAN, PERLOMBONGAN, PEMBINAAN, DAN PENGAGIHAN

Pengurus Pembuatan, Perlombongan, Pembinaan, dan Pengagihan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras aktiviti berkaitan dengan pembuatan, pengekstrakan mineral, pembinaan, pengagihan, penyimpanan, dan pengangkutan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

- 1321 PENGURUS PEMBUATAN**
- 1322 PENGURUS PERLOMBONGAN**
- 1323 PENGURUS PEMBINAAN**
- 1324 PENGURUS BEKALAN, PENGAGIHAN, DAN YANG BERKAITAN**

KUMPULAN UNIT 1321 PENGURUS PEMBUATAN

Pengurus Pembuatan merancang, mengatur, memimpin, mengawal, dan menyelaras aktiviti pengeluaran perkilangan bagi perusahaan besar, atau sebagai pengurus sebuah syarikat perkilangan kecil.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan melaksanakan dasar dan undang-undang;
- b) menentukan, melaksana dan memantau strategi, dasar, dan perancangan pengeluaran;
- c) merancang, mengarah dan menyelaras aktiviti berhubung dengan pengeluaran barangan;
- d) memastikan sumber digunakan dengan cekap dan kuota pengeluaran dipenuhi;
- e) merancang dan mengarah operasi harian;
- f) menyediakan anggaran bajet dan mengawal perbelanjaan;
- g) menentukan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- h) memantau pengaplikasian prosedur keselamatan kerja dan yang berkaitan;
- i) mengenalpasti peluang perniagaan dan menentukan produk untuk dikilangkan;
- j) memantau pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;
- k) berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- l) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam perusahaan atau dengan agensi luar;

- m) memastikan semua proses pengeluaran memenuhi spesifikasi pembuatan;
- n) memastikan penggunaan tenaga manusia, mesin, dan kelengkapan perusahaan dioptimumkan;
- o) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- p) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1321)

1321-01	Pengurus Pembuatan
1321-02	Pengurus Pengeluaran dan Operasi Pembuatan
1321-03	Pengurus Kilang
1321-04	Pengurus Elektrik

KUMPULAN UNIT 1322 PENGURUS PERLOMBONGAN

Pengurus Perlombongan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaraskan aktiviti berkaitan perlombongan, kuari, dan operasi pengekstrakan minyak dan gas.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah dan menyelaraskan aktiviti berhubung dengan pengekstrakan mineral, dan minyak dan gas;
- b) berbincang dengan pengurus lain untuk menetapkan kuota pengeluaran dan merancang tapak pengekstrakan;
- c) memastikan sumber digunakan dengan cekap dan kuota pengeluaran dipenuhi;
- d) merancang dan mengurus operasi harian;
- e) menyediakan anggaran bajet dan mengawal perbelanjaan;
- f) menentukan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- g) memantau pengaplikasian prosedur keselamatan kerja dan yang berkaitan;
- h) memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- i) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam perusahaan; atau dengan agensi luar;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1322)

1322-01	Pengurus Pengeluaran dan Operasi Perlombongan
1322-02	Pengurus Pengeluaran dan Operasi Kuari
1322-03	Pengurus Pengeluaran dan Operasi Pengekstrakan Minyak dan Gas
1322-04	Pengurus Pengekstrakan Minyak dan Gas

KUMPULAN UNIT 1323 PENGURUS PEMBINAAN

Pengurus Pembinaan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaraskan aktiviti pembinaan bagi projek-projek kejuruteraan awam, bangunan dan kediaman.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah dan menyelaraskan aktiviti berhubung dengan pembinaan bangunan, empangan, lebuhraya, saluran paip dan projek pembinaan yang berkaitan;
- b) mentafsir lakaran dan spesifikasi senibina;
- c) berunding dengan pemilik bangunan, pembangun hartanah dan sub-kontraktor yang terlibat dengan proses pembinaan bagi memastikan projek disiapkan pada tempoh masa yang ditetapkan dan dalam lingkungan peruntukan bajet;
- d) merancang prosedur pembinaan mengikut masa mula dan masa siap serta keperluan kakitangan bagi setiap fasa pembinaan berdasarkan pengetahuan tentang alat dan kelengkapan serta pelbagai kaedah pembinaan yang ada;
- e) merancang dan mengurus operasi harian;
- f) mengawal perbelanjaan;
- g) mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- h) memantau pengaplikasian prosedur keselamatan kerja dan yang berkaitan;
- i) memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1323)

1323-01	Pengurus Pembinaan
1323-02	Pengurus Pengeluaran dan Operasi Pembinaan
1323-03	Pengurus Kontrak Pembinaan
1323-04	Pengurus Operasi Pembinaan

KUMPULAN UNIT 1324 PENGURUS BEKALAN, PENGAGIHAN, DAN YANG BERKAITAN

Pengurus Bekalan, Pengagihan, dan yang Berkaitan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras bekalan, pengangkutan, penyimpanan dan pengedaran barang.

Tugas merangkumi:

- menentukan, melaksanakan dan memantau strategi, dasar dan perancangan pembelian, penyimpanan, dan penyediaan barangan;
- menyediakan perancangan bagi memastikan stok yang diperlukan adalah mencukupi dengan kos yang minimum;
- merancang dan melaksanakan dasar dan undang-undang;
- memastikan sumber digunakan dengan cekap dan kuota pengeluaran dipenuhi;
- mengendalikan sistem perekodan untuk melihat pergerakan barangan dan memastikan *re-ordering* dan *re-stocking* pada masa yang optimal;
- merancang dan mengarah operasi harian;
- mengawal perbelanjaan dan menyediakan anggaran bajet;
- memantau pengaplikasian prosedur keselamatan kerja dan yang berkaitan;
- memantau pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;
- berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- menyelaras dan mengawal kitaran pesanan dan sistem maklumat yang berkaitan;
- menganalisis data untuk memantau prestasi dan merancang penambahbaikan;
- mengembangkan perniagaan dengan mendapatkan kontrak baru, menganalisis masalah logistik, dan mencari penyelesaian;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1324)

1324-01	Ketua Stesen Kereta api
1324-02	Pengurus Pengangkutan
1324-03	Pengurus Bekalan
1324-04	Pengurus Gudang

SUB-UTAMA 14 PENGURUS HOSPITALITI, RUNCIT, DAN PERKHIDMATAN LAIN

Pengurus Hospitaliti, Runcit, dan Perkhidmatan Lain merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan kemudahan penginapan, hospitaliti, runcit dan perkhidmatan lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 141 PENGURUS HOTEL DAN RESTORAN**
142 PENGURUS PERDAGANGAN RUNCIT DAN BORONG

KUMPULAN KECIL 141 PENGURUS HOTEL DAN RESTORAN

Pengurus Hotel dan Restoran merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan kemudahan penginapan, makanan dan minuman, dan perkhidmatan hospitaliti lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

- 1411 PENGURUS HOTEL DAN RUMAH PENGINAPAN**
1412 PENGURUS RESTORAN

KUMPULAN UNIT 1411 PENGURUS HOTEL DAN RUMAH PENGINAPAN

Pengurus Hotel dan Rumah Penginapan merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi hotel, motel dan pertubuhan yang seumpamanya untuk menyediakan kemudahan penginapan dan perkhidmatan lain termasuk operasi makanan dan minuman, dan pengemasan.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan mengatur penginapan, catering, pengemasan bilik dan perkhidmatan hotel yang lain;
- b) mempromosi dan memasarkan perniagaan;
- c) menguruskan peruntukan bajet dan mengawal perbelanjaan;
- d) menyelenggara rekod perangkaan dan kewangan;
- e) menetapkan dan mencapai sasaran jualan dan keuntungan;
- f) mengambil, melatih, dan memantau kakitangan;
- g) bertemu dan mengalu-alukan pelanggan;
- h) menyediakan maklumat tentang tempat pelancongan setempat, dan mengaturkan lawatan dan pengangkutan;
- i) menangani dan menyelesaikan masalah;
- j) memastikan acara dan persidangan berjalan lancar;
- k) menyelia penyelenggaraan, bekalan, pengubahsuaian, dan kemasan;
- l) berurusan dengan kontraktor dan pembekal;
- m) memastikan keselamatan yang cekap;
- n) melaksanakan pemeriksaan harta dan perkhidmatan;
- o) memastikan pematuhan undang-undang pelesenan, kesihatan dan keselamatan, dan peraturan berkanun lain;
- p) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- q) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1411)

1411-01	Pengurus Hotel
1411-02	Pengurus Asrama Gred N41
1411-03	Pengurus Hostel
1411-04	Pengurus Motel

KUMPULAN UNIT 1412 PENGURUS RESTORAN

Pengurus Restoran merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi kafe, restoran, dan pertubuhan seumpamanya untuk menyediakan perkhidmatan makanan dan catering.

Tugas merangkumi:

- a) menganalisis dan merancang tahap jualan dan keuntungan restoran;
- b) mengatur pembelian dan harga barangan mengikut peruntukan bajet;
- c) merancang dan menyelaras menu dengan rundingan bersama jurumasak dan tukang masak;
- d) menyelaras keseluruhan operasi restoran;
- e) memastikan ruang makan, dapur, dan penyimpanan makanan adalah mematuhi peraturan kesihatan;
- f) mengekalkan standard kawalan kualiti, kebersihan serta kesihatan dan keselamatan yang tinggi;
- g) menyediakan anggaran bajet;
- h) memastikan operasi pertubuhan mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1412)

1412-01	Pengurus Restoran
1412-02	Pengurus Bar
1412-03	Pengurus Kafe
1412-04	Pengurus Kantin

KUMPULAN KECIL 142 PENGURUS PERDAGANGAN RUNCIT DAN BORONG

Pengurus Perdagangan Runcit dan Borong merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi bagi pertubuhan yang menjual barangan secara runcit atau borong.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

1421 Pengurus Perdagangan Runcit dan Borong

KUMPULAN UNIT 1421 PENGURUS PERDAGANGAN RUNCIT DAN BORONG

Pengurus Perdagangan Runcit dan Borong merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras operasi bagi pertubuhan yang menjual barangan secara runcit atau borong.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah dan menyelaras aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh perusahaan;
- b) memformulasi dan melaksanakan dasar pembelian dan pemasaran, dan menentukan harga;
- c) mempromosi dan mengiklankan barangan dan perkhidmatan perusahaan;
- d) memastikan sumber digunakan dengan cekap dan kuota perdagangan dipenuhi;
- e) merancang dan mengarah operasi harian;
- f) mengawal perbelanjaan;
- g) menetapkan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- h) memantau penggunaan prosedur keselamatan kerja dan yang berkaitan;
- i) memantau pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1421)

1421-01	Pengurus Perdagangan Runcit
1421-02	Pengurus Pengeluaran dan Operasi, Perdagangan Runcit
1421-03	Pemborong
1421-04	Pengurus Perdagangan Borong

SUB-UTAMA 15 PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pengurus Teknologi Maklumat dan Komunikasi merancang, mengatur, mengawal dan menyelaras pemerolehan, pembangunan, penyelenggaraan, dan penggunaan komputer dan sistem telekomunikasi.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

151 Pengurus Teknologi Maklumat dan Komunikasi

KUMPULAN KECIL 151 PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pengurus Teknologi Maklumat dan Komunikasi merancang, mengatur, mengawal dan menyelaras pemerolehan, pembangunan, penyelenggaraan, dan penggunaan komputer dan sistem telekomunikasi.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

1511 Pengurus Teknologi Maklumat dan Komunikasi

KUMPULAN UNIT 1511 PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pengurus Teknologi Maklumat dan Komunikasi mengurus, merancang, mengarah, memantau dan menyelaras pemerolehan, pembangunan, penyelenggaraan, dan penggunaan komputer dan sistem telekomunikasi.

Tugas merangkumi:

- a) mengarah perumusan strategi, dasar, dan rancangan teknologi maklumat;
- b) berunding bersama pengguna, pihak pengurusan, vendor, dan juruteknik;
- c) mengarah operasi teknologi maklumat, integrasi perkakasan komputer, mengendalikan sistem komunikasi, mengaplikasi perisian, dan memproses data;
- d) menetapkan keutamaan antara pembangunan, penyelenggaraan, dan operasi sistem;
- e) mengawal sistem keselamatan teknologi maklumat;
- f) menguruskan projek pembangunan teknologi maklumat untuk memastikan projek tersebut siap mengikut jadual, dalam lingkungan bajet, dan mencapai tahap kualiti yang menepati objektif;
- g) menilai penggunaan dan keperluan teknologi organisasi dan mencadangkan penambahbaikan seperti menaik taraf perkakasan dan perisian komputer;
- h) mengawal peruntukan bajet dan perbelanjaan jabatan atau organisasi;
- i) memantau pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;
- j) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam organisasi atau dengan agensi luar;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1511)

1511-01	Ketua Pegawai Maklumat
1511-02	Ketua Pegawai Data
1511-03	Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat
1511-04	Ketua Pegawai Teknologi Maklumat

SUB-UTAMA 16 PENGURUS PERKHIDMATAN

Pengurus Perkhidmatan merancang, mengawal dan menyelaras aktiviti yang berhubung dengan perkhidmatan profesional dan perkhidmatan lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 161 PENGURUS PERKHIDMATAN PROFESIONAL
- 162 PENGURUS PERKHIDMATAN LAIN

KUMPULAN KECIL 161 PENGURUS PERKHIDMATAN PROFESIONAL

Pengurus Perkhidmatan Profesional merancang, mengawal dan menyelaras aktiviti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, kesihatan, kebajikan sosial, pendidikan, dan perkhidmatan profesional yang berkaitan, dan menguruskan cawangan institusi yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan insurans, peruntukan perundangan dan pengurusan harta.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

- 1611 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN KANAK-KANAK
- 1612 PENGURUS PERKHIDMATAN KESIHATAN
- 1613 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN ORANG TUA
- 1614 PENGURUS KEBAJIKAN SOSIAL
- 1615 PENGURUS PENDIDIKAN
- 1616 PENGURUS CAWANGAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN INSURANS
- 1617 PENGURUS PERUNDANGAN
- 1618 PENGURUS HARTA
- 1619 PENGURUS PERKHIDMATAN PROFESIONAL YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 1611 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN KANAK-KANAK

Pengurus Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak merancang, mengawal dan menyelaras aktiviti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak sebelum-sekolah, selepas-sekolah, dan di pusat penjagaan harian.

Tugas merangkumi:

- a) menguruskan pelbagai program perkhidmatan sosial profesional untuk melindungi kanak-kanak dan keluarga termasuk perkhidmatan dan aktiviti yang berkaitan dengan penderaan kanak-kanak;
- b) membangunkan dan melaksanakan program-program untuk meningkatkan pembangunan fizikal, sosial, emosi dan intelek anak-anak kecil;
- c) merancang dan memantau pengurusan perniagaan, pengurusan prasarana, pengurusan sumber manusia, dan keperluan keselamatan kanak-kanak;
- d) merancang dan melaksanakan dasar;
- e) menyediakan anggaran bajet;
- f) berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- g) merancang dan mengawal penggunaan sumber manusia dan pengambilan pekerja;
- h) menguruskan operasi harian;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1611)

1611-01	Pengurus Pusat Asuhan Kanak-Kanak
---------	-----------------------------------

KUMPULAN UNIT 1612 PENGURUS PERKHIDMATAN KESIHATAN

Pengurus Perkhidmatan Kesihatan merancang, mengawal dan menyelaras aktiviti perkhidmatan klinikal dan penjagaan kesihatan masyarakat di hospital, klinik, agensi kesihatan awam dan organisasi seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- mengarah dan mengurus keseluruhan perkhidmatan, kemudahan prasarana, organisasi atau pusat kesihatan;
- mengarah, menyelia dan menilai aktiviti perubatan, kejururawatan, teknikal, perkeranian, perkhidmatan, penyelenggaraan dan lain-lain personel;
- membangunkan, melaksanakan dan memantau standard prosedur, dasar dan prestasi kakitangan perubatan, jururawat, dan kakitangan teknikal dan pentadbiran;
- menasihati badan kerajaan bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan dan kebajikan, dan kemudahan prasarana;
- menguruskan pengambilan, pemilihan, penilaian, dan perkembangan kakitangan;
- memantau pengurusan harian organisasi, unit khusus, atau bidang perkhidmatannya;
- merancang dan melaksanakan dasar;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1612)

1612-01	Pengarah Perkhidmatan Perubatan
1612-02	Pengarah Jururawat
1612-03	Pengurus Kesihatan
1612-04	Pentadbir Hospital

KUMPULAN UNIT 1613 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN ORANG TUA

Pengurus Perkhidmatan Penjagaan Orang Tua merancang, mengawal dan menyelaras aktiviti perkhidmatan penjagaan individu dan keluarga yang disebabkan oleh faktor penuaan.

Tugas merangkumi:

- menyediakan dasar dan membantu dalam pembangunan dana yang bersesuaian;
- bertanggungjawab memenuhi, memelihara dan memenuhi standard kualiti penjagaan dan perkhidmatan;
- merancang dan memantau pengurusan perniagaan, pengurusan kemudahan prasarana, pengurusan sumber manusia, dan keperluan keselamatan;
- merancang dan melaksanakan dasar;
- menyediakan anggaran bajet;
- berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- merancang dan mengawal penggunaan sumber manusia, dan pengambilan pekerja;
- menguruskan operasi harian;
- menasihati badan kerajaan bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan dan kebajikan, dan kemudahan prasarana;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1613)

1613-01	Pengurus Perkhidmatan Penjagaan Orang Tua
1613-02	Pengarah Rumah Penjagaan Orang Tua
1613-03	Penyelaras Komuniti Penjagaan Orang Tua

KUMPULAN UNIT 1614 PENGURUS KEBAJIKAN SOSIAL

Pengurus Kebajikan Sosial merancang, mengawal dan menyelaras aktiviti perkhidmatan program sosial dan komuniti, serta membantu dalam merancang dan melaksanakan program kebajikan tempatan.

Tugas merangkumi:

- mengarah dan mengurus keseluruhan perkhidmatan, dan kemudahan prasarana organisasi, atau pusat kebajikan;
- membangunkan dan melaksanakan objektif dan dasar untuk pelbagai program kebajikan;
- menguruskan dana dan peruntukan bajet;
- membuat rundingan tentang kontrak perkhidmatan perlindungan dan membuat perjanjian bertulis dengan pihak penyedia program;
- memelihara hubungan yang berterusan dengan agensi kebajikan dan sosial tempatan;
- memantau dan menilai keberkesanan kaedah dan prosedur penyampaian perkhidmatan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan

h) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1614)

1614-01	Pengurus Kerja Sosial
1614-02	Pengurus Operasi Kerja Sosial
1614-03	Pengurus Pusat Komuniti
1614-04	Pengurus Pusat Kebajikan

KUMPULAN UNIT 1615 PENGURUS PENDIDIKAN

Pengurus Pendidikan merancang, mengawal, menyelaras dan menilai aspek-aspek pembelajaran dan pentadbiran pendidikan di sekolah rendah dan menengah, kolej dan fakulti, dan jabatan-jabatan di universiti dan institusi pendidikan yang lain.

Tugas merangkumi:

- menentukan program pendidikan berdasarkan rangka kerja yang ditetapkan oleh pihak berkuasa pendidikan dan badan pentadbiran;
- menilai kerja guru-guru dan pensyarah dengan melawat bilik darjah, memerhatikan kaedah pengajaran, mengkaji semula objektif pengajaran, dan memeriksa bahan-bahan pembelajaran;
- memantau penyelidikan pendidikan bagi penyediaan hala baru dalam sistem pendidikan;
- mewakili organisasi dalam jawatankuasa untuk mengenal pasti keperluan semasa dan akan datang mengenai sistem pendidikan serta merancang, membangunkan, dan mengubahsuai prasarana dan program;
- menguruskan penilaian bagi pendekatan dan pembangunan kursus baru;
- menganjurkan dan mengendalikan bengkel dan persidangan untuk melatih guru tentang program dan kaedah baru;
- mengaplikasikan dan menguruskan dana untuk program pendidikan baru;
- menguruskan proses tinjauan sekolah, penilaian guru, dan perancangan pendidikan di sekolah rendah dan sekolah menengah;
- menyediakan dan memantau penyediaan laporan dan kertas maklumat;
- menguruskan peruntukan pendidikan di kawasan luar bandar dan terpencil, atau di dalam lingkungan institusi khusus;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1615)

1615-01	Pengurus Pendidikan
1615-02	Canselor
1615-03	Pengetua
1615-04	Guru Besar

KUMPULAN UNIT 1616 PENGURUS CAWANGAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN INSURANS

Pengurus Cawangan Perkhidmatan Kewangan dan Insurans merancang, mengawal dan menyelaras cawangan bagi syarikat yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan insurans seperti bank, kesatuan kredit dan syarikat insurans bagi satu atau lebih cawangan, atau jabatannya.

Tugas merangkumi:

- merancang, mengarah dan menyelaras aktiviti pekerja di cawangan, pejabat, atau jabatan seperti penubuhan cawangan bank, firma broker, jabatan risiko dan jabatan insurans, atau jabatan kredit;
- memantau aliran tunai dan instrumen kewangan;
- membina rangkaian dalam komuniti untuk mencari dan menarik perniagaan baru;
- meluluskan atau menolak, atau menyelaras kelulusan atau penolakan aliran kredit dan komersil, hartanah, dan pinjaman peribadi;
- menyediakan laporan kewangan dan pengawalaturan yang diperlukan oleh undang-undang, peraturan, dan lembaga pengarah;
- menentukan prosedur untuk penjagaan dan kawalan aset, rekod, pinjaman, cagaran dan sekuriti untuk memastikan penyimpanan yang selamat;
- menguruskan dan membuat dasar institusi kewangan seperti bank, syarikat amanah, pertubuhan syarikat penyimpanan dan pinjaman, syarikat insurans, dan institusi kewangan yang berkaitan;
- memeriksa, menilai dan memproses permohonan pinjaman;
- menyediakan penilaian operasi dalam laporan risiko untuk analisis pengurusan;
- menilai sistem laporan kewangan, prosedur perakaunan dan pemungutan serta aktiviti pelaburan, dan membuat saranan bagi perubahan prosedur, mengendalikan sistem, peruntukan bajet, dan fungsi kawalan kewangan lain;

- k) mengemukakan akaun culas kepada peguam atau agensi luar untuk pungutan;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1616)

1616-01	Pengurus Cawangan Kewangan dan Insurans
1616-02	Pengurus Cawangan Kewangan
1616-03	Pengurus Cawangan Insurans
1616-04	Pengurus Bank

KUMPULAN UNIT 1617 PENGURUS PERUNDANGAN

Pengurus Perundangan merancang, mengawal dan menyelaras operasi pertubuhan berhubung dengan istilah, prosedur, dan dokumen perundangan.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, menganalisis dan memberi nasihat tentang peraturan operasi perniagaan syarikat adalah memenuhi keperluan perundangan, peraturan dan hak syarikat;
- b) menguruskan undang-undang luaran, jika perlu;
- c) memastikan perkembangan undang-undang yang memberi kesan kepada syarikat, pelanggan, dan industri kekal seiring serta mensintesis maklumat untuk disepadukan ke dalam amalan transaksi syarikat;
- d) mendidik eksekutif syarikat berhubung dengan isu pengurusan undang-undang dan risiko;
- e) mewakili syarikat dan berhubung terus kepada pelanggan dan pasukan rundingan;
- f) merumus, menyemak semula dan merundingkan pelbagai kontrak perjanjian;
- g) menyusun strategi dengan eksekutif syarikat sebelum rundingan dengan pelanggan;
- h) membangunkan dan memahami strategi pengurangan risiko bagi risiko kontraktual;
- i) membangunkan garis panduan dalaman dan pengetahuan tentang pelbagai isu perundangan dan perniagaan;
- j) mewujudkan pakar dalam bidang-bidang yang memberikan faedah kepada kumpulan undang-undang dan /atau perniagaan (misalnya, pakar undang-undang korporat, undang-undang persaingan, undang-undang guna tenaga, privasi data dan turutan perkhidmatan);
- k) menyokong, menggalakkan, dan memberikan inisiatif sebagai sebahagian daripada pasukan undang-undang;
- l) merancang dan melaksanakan dasar;
- m) menyediakan anggaran bajet;
- n) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- o) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1617)

1617-01	Pengurus Perundangan dan Pengurusan Risiko
1617-02	Pengurus Perundangan

KUMPULAN UNIT 1618 PENGURUS HARTA

Pengurus Harta mengendalikan yuran yang dikenakan ke atas hartanah dan meningkatkan nilai pelaburan hartanah tersebut dengan mengendalikan pengurusan hartanah, dan memantau prestasi harta komersil atau kediaman yang mendatangkan pendapatan untuk memastikan pelaburan hartanah mencapai hasil yang dijangkakan.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan operasi kewangan bagi harta dan memastikan sewa dipungut, dan juga memastikan gadai janji, cukai, premium insurans, gaji, dan bil penyelenggaraan dibayar tepat pada masanya;
- b) menyelia penyediaan penyata kewangan dan laporan berkala kepada pemilik tentang status harta, kadar penduduk, tarikh luput pajakan, dan hal lain;
- c) merundingkan kontrak dengan perkhidmatan penjagaan bangunan, keselamatan, kawasan dan laman, pembuangan sampah, dan perkhidmatan lain;
- d) memantau prestasi kontraktor serta menyasiat dan menyelesaikan rungutan daripada penduduk dan penghuni apabila perkhidmatan tidak disediakan dengan sebaiknya;
- e) memahami dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan, memastikan amalan penyewaan dan pengiklanannya tidak berat sebelah, dan harta itu sendiri mematuhi semua peraturan dan kod bangunan kerajaan tempatan, negeri, dan persekutuan;
- f) menyediakan anggaran bajet;
- g) merancang dan mengawal penggunaan sumber dan pengambilan pekerja;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan

- i) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1618)

1618-01	Pengurus Penyelenggaraan Harta
1618-02	Pengurus Harta
1618-03	Pengurus Hartanah

KUMPULAN UNIT 1619 PENGURUS PERKHIDMATAN PROFESIONAL YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pengurus Perkhidmatan Profesional yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 161: Pengurus Perkhidmatan Profesional.

Tugas merangkumi:

- merancang dan melaksanakan dasar;
- menyediakan anggaran bajet;
- berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- merancang dan mengawal penggunaan sumber dan pengambilan pekerja;
- menguruskan operasi harian;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

KUMPULAN KECIL 162 PENGURUS PERKHIDMATAN LAIN

Pengurus Perkhidmatan Lain merancang, mengarah dan menyelaras operasi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan sukan dan rekreasi, penjagaan diri, keselamatan, dan kebudayaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan unit berikut:

- 1621 PENGURUS PUSAT SUKAN DAN REKREASI**
- 1622 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN DIRI, PEMBERSIHAN, DAN YANG BERKAITAN**
- 1623 PENGURUS KESELAMATAN**
- 1624 PENGURUS PUSAT KEBUDAYAAN, MUZIUM, DAN PERPUSTAKAAN**
- 1629 PENGURUS PERKHIDMATAN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 1621 PENGURUS PUSAT SUKAN DAN REKREASI

Pengurus Pusat Sukan dan Rekreasi merancang, mengarah dan menyelaras operasi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan sukan dan rekreasi, pelancongan, dan perkhidmatan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- merancang, mengarah dan menyelaras aktiviti berhubung dengan operasi dan aktiviti rekreasi dan sukan;
- merancang dan mengatur program sukan dan kecergasan;
- memastikan peralatan disimpan dalam keadaan bersih dan baik;
- memastikan sumber digunakan dengan cekap dan jadual dipatuhi;
- merancang dan mengarah operasi harian;
- mengawal perbelanjaan;
- menetapkan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- memantau penggunaan prosedur keselamatan kerja dan yang berkaitan;
- memantau pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;
- mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam perusahaan atau dengan agensi luar;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1621)

1621-01	Pengurus Aktiviti Sukan
1621-02	Pengurus Rekreasi
1621-03	Pengurus Agensi Pelancongan
1621-04	Pengurus Taman

KUMPULAN UNIT 1622 PENGURUS PERKHIDMATAN PENJAGAAN DIRI, PEMBERSIHAN, DAN YANG BERKAITAN

Pengurus Perkhidmatan Penjagaan Diri, Pembersihan, dan yang Berkaitan merancang, mengarah dan menyelaras operasi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan diri, pembersihan, pengemasan, sanitari dan pembentungan, atau perkhidmatan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, mengarah dan menyelaras aktiviti berkaitan dengan perkhidmatan penjagaan diri, pembersihan, sanitari dan pembentungan, dan operasi yang berkaitan;
- b) memastikan sumber digunakan dengan cekap dan jadual dipatuhi;
- c) merancang dan mengarah operasi harian;
- d) mengawal perbelanjaan;
- e) menentukan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- f) memantau penggunaan prosedur keselamatan kerja yang berkaitan;
- g) memantau pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;
- h) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam perusahaan atau dengan agensi luar;
- i) merancang dan melaksanakan dasar;
- k) menyediakan anggaran bajet;
- k) berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- l) merancang dan mengawal penggunaan sumber, dan pengambilan pekerja;
- m) melapor kepada pemilik, jika perlu;
- n) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- o) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1622)

1622-01	Pengurus Perkhidmatan Penjagaan Diri
1622-02	Pengurus Pencucian
1622-03	Pengurus Sanitari
1622-04	Pengurus Sistem Pelupusan Sampah

KUMPULAN UNIT 1623 PENGURUS KESELAMATAN

Pengurus Keselamatan merancang, mengarah dan menyelaras operasi pertubuhan berhubung dengan aspek keselamatan.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, merumus dan menguatkuasakan dasar dan peraturan keselamatan;
- b) memantau keseluruhan pengawasan keselamatan;
- c) bertanggungjawab atas pengurusan keseluruhan personel keselamatan dalam syarikat;
- d) menyemak mana-mana prosedur atau arahan yang melibatkan aspek keselamatan untuk memastikan semua kakitangan benar-benar terlatih untuk mencapai keselamatan maksimum;
- e) menguatkuasakan disiplin yang ketat dan melaksanakan siasatan dalam mana-mana hal disiplin antara kakitangan;
- f) menangani dan menyelesaikan isu keselamatan dengan segera, berkesan, dan bebas;
- g) menyokong, menggalakkan dan melaksanakan inisiatif sebagai sebahagian daripada pasukan undang-undang;
- h) berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- i) merancang dan mengawal penggunaan sumber, dan pengambilan pekerja;
- j) melapor kepada pemilik, jika perlu;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1623)

1623-01	Pengurus Keselamatan
1623-02	Pengurus Operasi Keselamatan
1623-03	Penolong Pengurus Keselamatan

KUMPULAN UNIT 1624 PENGURUS PUSAT KEBUDAYAAN, MUZIUM, DAN PERPUSTAKAAN

Pengurus Pusat Kebudayaan, Muzium, dan Perpustakaan merancang, mengarah dan menyelaras operasi pertubuhan berhubung dengan kebudayaan, muzium, dan perpustakaan.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan mengatur pelbagai jenis hiburan dan aktiviti kebudayaan;
- b) mengawalselia objek atau dokumen yang akan dikumpulkan ke muzium dan menjalankan penyelidikan berdasarkan koleksi;
- c) menyelaras operasi perpustakaan;
- d) memastikan sumber digunakan dengan cekap dan jadual dipatuhi;
- e) merancang dan mengarah operasi harian;
- f) mengawal perbelanjaan;
- g) menetapkan dan mengarah prosedur operasi dan pentadbiran;
- h) memantau penggunaan prosedur keselamatan kerja dan yang berkaitan;
- i) memantau pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;
- j) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain di dalam perusahaan atau dengan agensi luar;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 1624)

1624-01	Pengurus Perpustakaan
1624-02	Pengurus Muzium
1624-03	Pengurus Arkib
1624-04	Pengurus Kebudayaan

KUMPULAN UNIT 1629 PENGURUS PERKHIDMATAN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pengurus Perkhidmatan Lain yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 162: Pengurus Perkhidmatan Lain.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan melaksanakan dasar;
- b) menyediakan anggaran bajet;
- c) berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- d) merancang dan mengawal penggunaan sumber manusia, dan pengambilan pekerja;
- e) menguruskan operasi harian;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) mengurus, merancang, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.



KUMPULAN 2
PROFESIONAL

2

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

21 PROFESIONAL SAINS DAN KEJURUTERAAN

211 AHLI FIZIK, KIMIA DAN PROFESIONAL BERKAITAN

- 2111 AHLI FIZIK DAN ASTRONOMI
- 2112 AHLI METEOROLOGI DAN AHLI SEISMOLOGI
- 2113 AHLI KIMIA
- 2114 AHLI GEOLOGI DAN GEOFIZIK

212 AHLI MATEMATIK, AKTUARI, DAN PERANGKAWAN

- 2121 AHLI MATEMATIK, AKTUARI, DAN PERANGKAWAN

213 PROFESIONAL SAINS HAYAT

- 2131 PROFESIONAL BIOLOGI, BOTANI, ZOOLOGI DAN PROFESIONAL BERKAITAN
- 2132 PENASIHAT PERLADANGAN, PERTANIAN, PERHUTANAN, DAN PERIKANAN
- 2133 PROFESIONAL PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR
- 2134 PROFESIONAL FARMAKOLOGI, PATOLOGI DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN

214 PROFESIONAL KEJURUTERAAN (TIDAK TERMASUK ELEKTROTEKNOLOGI)

- 2141 JURUTERA INDUSTRI DAN PENGELUARAN
- 2142 JURUTERA AWAM
- 2143 JURUTERA ALAM SEKITAR
- 2144 JURUTERA MEKANIKAL
- 2145 JURUTERA KIMIA
- 2146 JURUTERA PERLOMBONGAN, AHLI KAJI LOGAM DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN
- 2149 PROFESIONAL KEJURUTERAAN (TIDAK TERMASUK ELEKTROTEKNOLOGI) YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

215 JURUTERA ELEKTROTEKNOLOGI

- 2151 JURUTERA ELEKTRIK
- 2152 JURUTERA ELEKTRONIK
- 2153 JURUTERA TELEKOMUNIKASI

216 ARKITEK, PERANCANG, JURUUKUR, DAN PEREKA

- 2161 ARKITEK BANGUNAN
- 2162 ARKITEK LANDSKAP
- 2163 PEREKA PRODUK DAN PAKAIAN
- 2164 PERANCANG BANDAR DAN TRAFIK
- 2165 PELUKIS PETA DAN JURUUKUR
- 2166 PEREKA GRAFIK DAN MULTIMEDIA

217 PENGAWAL KAPAL, PESAWAT, DAN KERETA API/ LOKOMOTIF

- 2171 JURUTERA KAPAL
- 2172 PEGAWAI DAN PILOT DEK KAPAL
- 2173 JURUTERBANG PESAWAT UDARA DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN
- 2174 PENGAWAL TRAFIK UDARA
- 2175 PENGAWAL KERETA API/ LOKOMOTIF
- 2179 PENGAWAL PENGANGKUTAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

218 PROFESIONAL PERLOMBONGAN, PEMBUATAN, DAN PEMBINAAN

- 2181 PROFESIONAL PERLOMBONGAN
- 2182 PROFESIONAL PEMBUATAN
- 2183 PROFESIONAL PEMBINAAN

22 PROFESIONAL KESIHATAN**221 DOKTOR PERUBATAN**

- 2211 PENGAMAL PERUBATAN UMUM
- 2212 PENGAMAL PERUBATAN PAKAR

222 PROFESIONAL KEJURURAWATAN DAN PERBIDANAN

- 2221 PROFESIONAL KEJURURAWATAN
- 2222 PROFESIONAL PERBIDANAN

223 PROFESIONAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

- 2231 AHLI PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

224 PENGAMAL PARAMEDIK

- 2241 PENGAMAL PARAMEDIK

225 PAKAR VETERINAR

- 2251 PAKAR VETERINAR

226 PROFESIONAL KESIHATAN LAIN

- 2261 DOKTOR PERGIGIAN
- 2262 AHLI FARMASI
- 2263 PROFESIONAL PERSEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN KEBERSIHAN
- 2264 JURUPULIH ANGGOTA
- 2265 PEGAWAI DIET DAN PEGAWAI NUTRISI
- 2266 PEGAWAI AUDIOLOGI DAN JURUPULIH PERTUTURAN
- 2267 PEGAWAI OPTOMETRI DAN PEGAWAI OPTIK
- 2268 JURUPULIH PEKERJAAN
- 2269 PROFESIONAL KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

23 PROFESIONAL PERGURUAN**231 PROFESIONAL PERGURUAN UNIVERSITI DAN PENDIDIKAN TINGGI**

- 2311 PROFESIONAL PERGURUAN UNIVERSITI DAN PENDIDIKAN TINGGI

232 GURU PENDIDIKAN VOKASIONAL

- 2321 GURU PENDIDIKAN VOKASIONAL

233 GURU PENDIDIKAN MENENGAH

- 2331 GURU PENDIDIKAN MENENGAH

234 GURU SEKOLAH RENDAH DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

- 2341 GURU SEKOLAH RENDAH
- 2342 GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

235 GURU MUZIK, SENI, DAN SENI PERSEMBAHAN

- 2351 GURU MUZIK
- 2352 GURU SENI
- 2353 GURU SENI PERSEMBAHAN

236 GURU BAHASA

- 2361 GURU BAHASA

237 GURU AGAMA

- 2371 GURU AGAMA

238 PENGAJAR KEMAHIRAN TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL

- 2381 PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL

239 PROFESIONAL PERGURUAN LAIN

- 2391 PAKAR KAEDAH PENDIDIKAN
- 2392 GURU PENDIDIKAN KHAS
- 2393 JURULATIH TEKNOLOGI MAKLUMAT
- 2399 PROFESIONAL PERGURUAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

24 PROFESIONAL PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN**241 PROFESIONAL KEWANGAN**

- 2411 AKAUNTAN DAN JURUAUDIT
- 2412 PENASIHAT KEWANGAN DAN PELABURAN
- 2413 JURUANALISIS KEWANGAN

242 PROFESIONAL PENTADBIRAN

- 2421 JURUANALISIS PENGURUSAN DAN ORGANISASI
- 2422 PROFESIONAL PENTADBIRAN DASAR
- 2423 PROFESIONAL PERSONEL DAN KERJAYA
- 2424 PROFESIONAL PEMBANGUNAN LATIHAN DAN KAKITANGAN
- 2425 PROFESIONAL PENTADBIRAN
- 2426 PROFESIONAL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

243 PROFESIONAL JUALAN, PEMASARAN, DAN PERHUBUNGAN AWAM

- 2431 PROFESIONAL PENGIKLANAN DAN PEMASARAN
- 2432 PROFESIONAL PERHUBUNGAN AWAM
- 2433 PROFESIONAL JUALAN TEKNIKAL DAN PERUBATAN (TIDAK TERMASUK ICT)
- 2434 PROFESIONAL JUALAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

25 PROFESIONAL TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**251 PEMBANGUN DAN JURUANALISIS PERISIAN DAN APLIKASI**

- 2511 JURUANALISIS SISTEM KOMPUTER
- 2512 PEMBANGUN PERISIAN
- 2513 PEMBANGUN WEB DAN MULTIMEDIA
- 2514 PENGATURCARA APLIKASI
- 2519 PEMBANGUN DAN JURUANALISIS PERISIAN DAN APLIKASI YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

252 PROFESIONAL PANGKALAN DATA DAN RANGKAIAN

- 2521 PEREKA DAN PENTADBIR PANGKALAN DATA
- 2522 PENTADBIR SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT
- 2523 PROFESIONAL RANGKAIAN KOMPUTER
- 2524 PROFESIONAL DATA

253 PROFESIONAL KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- 2531 PROFESIONAL KESELAMATAN SIBER

254 PROFESIONAL KANDUNGAN KREATIF DAN DIGITAL

- 2541 PROFESIONAL KESAN VISUAL DAN ANIMASI
- 2542 PROFESIONAL PERMAINAN DIGITAL DAN E-SUKAN
- 2543 PROFESIONAL PEREKA KANDUNGAN KREATIF

26 PROFESIONAL PERUNDANGAN**261 PROFESIONAL PERUNDANGAN**

- 2611 PEGUAM
- 2612 HAKIM
- 2619 PROFESIONAL PERUNDANGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

27 PROFESIONAL PERKHIDMATAN HOSPITALITI DAN YANG BERKAITAN**271 PROFESIONAL HOTEL DAN RESTORAN**

- 2711 PROFESIONAL HOTEL
- 2712 PROFESIONAL RESTORAN

28 PROFESIONAL SOSIAL DAN KEBUDAYAAN**281 PUSTAKAWAN, JURUARKIB, DAN KURATOR**

- 2811 JURUARKIB DAN KURATOR
- 2812 PUSTAKAWAN DAN PROFESIONAL MAKLUMAT YANG BERKAITAN

282 PROFESIONAL SOSIAL DAN KEAGAMAAN

- 2821 AHLI EKONOMI
- 2822 AHLI SOSIOLOGI, AHLI ANTROPOLOGI DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN
- 2823 AHLI FALSAFAH, SEJARAWAN, DAN AHLI SAINS POLITIK
- 2824 AHLI PSIKOLOGI
- 2825 PROFESIONAL KERJA SOSIAL DAN KAUNSELING
- 2826 PROFESIONAL KEAGAMAAN

283 PENGARANG, WARTAWAN, DAN AHLI LINGUISTIK

- 2831 PENGARANG DAN PENULIS YANG BERKAITAN
- 2832 WARTAWAN
- 2833 PENTERJEMAH, JURUBAHASA, DAN AHLI LINGUISTIK LAIN

284 ARTIS KREATIF DAN PERSEMBAHAN

- 2841 ARTIS VISUAL
- 2842 AHLI MUZIK, PENYANYI, DAN KOMPOSER
- 2843 PENARI DAN PEREKA TARI
- 2844 PENGARAH DAN PENERBIT FILEM, PEMENTASAN DAN YANG BERKAITAN

- 2845 PELAKON
- 2846 JURUHEBAH RADIO, TELEVISYEN, DAN MEDIA LAIN
- 2847 BADUT, AHLI SILAP MATA, AKROBAT DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN
- 2848 PENJAGA DAN JURULATIH HAIWAN
- 2849 ARTIS KREATIF DAN PERSEMBAHAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA


29 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN

291 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN

- 2911 PROFESIONAL INSPEKTOR KASTAM DAN SEMPADAN
- 2912 PROFESIONAL PEGAWAI PERCUKAIAN DAN EKSAIS
- 2913 PROFESIONAL PEGAWAI FAEDAH SOSIAL KERAJAAN
- 2914 PROFESIONAL PEGAWAI PELESENAN KERAJAAN
- 2915 PROFESIONAL PEGAWAI POLIS
- 2916 PROFESIONAL PEGAWAI SIVIL
- 2919 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

PROFESIONAL

KUMPULAN SUB-UTAMA



- 21 PROFESIONAL SAINS DAN KEJURUTERAAN
- 22 PROFESIONAL KESIHATAN
- 23 PROFESIONAL PERGURUAN
- 24 PROFESIONAL PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN
- 25 PROFESIONAL TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
- 26 PROFESIONAL PERUNDANGAN
- 27 PROFESIONAL PERKHIDMATAN HOSPITALITI DAN YANG BERKAITAN
- 28 PROFESIONAL SOSIAL DAN KEBUDAYAAN
- 29 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN

PROFESIONAL

Deskripsi

Menjalankan analisis dan penyelidikan, dan membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi. Meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada, mengaplikasikan konsep dan teori saintifik atau artistik, mengajar tentang perkara tersebut dengan cara bersistematik, atau terlibat dalam apa-apa gabungan tiga aktiviti di atas.

Tahap
Kemahiran

Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan tahap kemahiran pada tahap empat.

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 21 PROFESIONAL SAINS DAN KEJURUTERAAN
- 22 PROFESIONAL KESIHATAN
- 23 PROFESIONAL PERGURUAN
- 24 PROFESIONAL PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN
- 25 PROFESIONAL TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
- 26 PROFESIONAL PERUNDANGAN
- 27 PROFESIONAL PERKHIDMATAN HOSPITALITI DAN YANG BERKAITAN
- 28 PROFESIONAL SOSIAL DAN KEBUDAYAAN
- 29 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN

SUB-UTAMA 21 PROFESIONAL SAINS DAN KEJURUTERAAN

Profesional Sains dan Kejuruteraan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan ilmu saintifik yang berkaitan dengan bidang seperti fizik, astronomi, meteorologi, kimia, geofizik, geologi, matematik, perangkaan, elektroteknologi, seni bina, kejuruteraan dan teknologi.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 211 AHLI FIZIK, KIMIA DAN PROFESIONAL BERKAITAN
- 212 AHLI MATEMATIK, AKTUARI, DAN PERANGKAWAN
- 213 PROFESIONAL SAINS HAYAT
- 214 PROFESIONAL KEJURUTERAAN (TIDAK TERMASUK ELEKTROTEKNOLOGI)
- 215 JURUTERA ELEKTROTEKNOLOGI
- 216 ARKITEK, PERANCANG, JURUUKUR, DAN PEREKA
- 217 PENGAWAL KAPAL, PESAWAT, DAN KERETA API/ LOKOMOTIF
- 218 PROFESIONAL PERLOMBONGAN, PEMBUATAN, DAN PEMBINAAN

KUMPULAN KECIL 211 AHLI FIZIK, KIMIA DAN PROFESIONAL BERKAITAN

Ahli Fizik, Kimia dan Profesional Berkaitan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, dan mengaplikasikan ilmu saintifik berkaitan fizik, astronomi, meteorologi, kimia, geologi dan geofizik.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2111 AHLI FIZIK DAN ASTRONOMI
- 2112 AHLI METEOROLOGI DAN AHLI SEISMOLOGI
- 2113 AHLI KIMIA
- 2114 AHLI GEOLOGI DAN GEOFIZIK

KUMPULAN UNIT 2111 AHLI FIZIK DAN ASTRONOMI

Ahli Fizik dan Astronomi menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan ilmu saintifik berkaitan fizik dan astronomi dalam industri, perubatan, ketenteraan atau bidang lain.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan penyelidikan dan menambah baik atau membangunkan konsep, teori, dan kaedah operasi yang berkaitan dengan fizik dan astronomi;
- b) menjalankan uji kaji, ujian, dan analisis dalam bidang seperti mekanik, termodinamik, optik, sonik, elektrik, kemagnetan, elektronik, dan fizik nuklear, atau astronomi;

- c) menjalankan uji kaji, ujian, dan analisis bagi struktur dan sifat jirim dalam keadaan pepejal dan kelakuannya di bawah suhu, tekanan, tegangan, dan keadaan lain;
- d) menilai hasil siasatan dan uji kaji dan menyatakan kesimpulan, terutamanya menggunakan teknik dan model matematik;
- e) membangunkan atau menambah baik aplikasi dalam bidang perindustrian, perubatan, dan ketenteraan serta praktikal lain bagi prinsip dan teknik fizik atau astronomi;
- f) mencerap, menganalisis, dan mentafsir fenomena cakerawala dan membangunkan kaedah dan teknik untuk digunakan dalam bidang seperti navigasi atau penerokaan angkasa;
- g) menyediakan kertas kerja dan laporan saintifik;
- h) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja; dan
- i) melaksanakan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2111)

2111-01	Ahli Fizik
2111-02	Ahli Fizik Teori
2111-03	Ahli Aerodinamik
2111-04	Ahli Balistik

KUMPULAN UNIT 2112 AHLI METEOROLOGI DAN AHLI SEISMOLOGI

Ahli Meteorologi dan Ahli Seismologi menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi yang berkaitan dengan komposisi, struktur dan dinamik atmosfera, dan menyediakan ramalan cuaca yang terperinci dan jangka panjang yang digunakan dalam penerbangan, perkapalan, pertanian, dan bidang lain untuk maklumat orang awam.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab mengeluarkan ramalan cuaca, mengeluarkan amaran cuaca, memantau dan mengeluarkan maklumat gempa bumi dan tsunami agar kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa dapat dikurangkan;
- b) menganalisis perubahan keadaan cuaca secara profesional dan mengenal pasti impak serta langkah-langkah mengurangkan impak, menganalisis carta-carta kaji cuaca dan menjalankan penyelidikan ke atas fenomena cuaca untuk mengurangkan impak cuaca buruk;
- c) menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat yang berkualiti dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan pelanggan dan harapan pihak berkepentingan (stakeholders) untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi rakyat dan negara;
- d) menyiasat arah dan kelajuan pergerakan udara, tekanan, suhu, kelembapan dan fenomena lain seperti pembentukan awan dan kerpasan, gangguan elektrik, atau radiasi solar;
- e) menganalisis dan mentafsir fotograf satelit, *remote sensing* dan fenomena atmosfera lain dan menyediakan peta dan ramalan cuaca yang digunakan dalam penerbangan, perkapalan, pertanian, dan bidang lain dan untuk maklumat orang umum;
- f) memberi amaran mengenai fenomena atmosfera seperti ribut dan bahaya lain yang mengancam nyawa dan harta;
- g) mengkaji data iklim yang menggunakan kaedah perangkaan untuk menentukan dan mentafsir trend iklim dan meramal perubahan;
- h) menyediakan kertas kerja dan laporan saintifik;
- i) menyediakan data, maklumat dan khidmat nasihat berhubung dengan tsunami dan seismologi;
- j) mengeluarkan maklumat amaran awal berkaitan dengan gegaran gempa bumi dan tsunami;
- k) menyelia kerja juruteknik dan pencerap meteorologi; dan
- l) melaksanakan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2112)

2112-01	Pegawai Meteorologi Gred C41
2112-02	Ahli Meteorologi
2112-03	Ahli Klimatologi
2112-04	Ahli Meteorologi-Klimatologi

KUMPULAN UNIT 2113 AHLI KIMIA

Ahli Kimia menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan saintifik berhubung dengan kimia, terutamanya untuk menguji, membangunkan dan menambah baik bahan serta produk dan proses industri.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menguruskan tugas-tugas larasan dan pemeriksaan filem;
- b) menjalankan uji kaji, ujian dan analisis untuk menyasat komposisi kimia, serta perubahan tenaga dan kimia dalam pelbagai bahan dan produk semula jadi, buatan atau sintetik;
- c) menilai hasil siasatan dan uji kaji dan membuat kesimpulan;
- d) mengurus dan mengarah makmal kimia, termasuk pengesahan, pengelasan, cerakin, dan pensijilan produk, standard, atau spesifikasi proses;
- e) membangunkan aplikasi uji kaji praktikal dan hasil penyelidikan;
- f) membangunkan atau menambah baik bahan, produk dan proses farmaseutikal, dan industri lain;
- g) membangunkan dan memantau prosedur kawalan kualiti untuk pengilang atau pengguna;
- h) menyediakan laporan makmal dan kertas kerja saintifik;
- i) meningkatkan kefahaman, menyelaras dan melatih juruteknik makmal; dan
- j) melaksanakan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2113)

2113-01	Pegawai Makmal Filem Gred C41
2113-02	Ahli Kimia
2113-03	Ahli Kimia Getah
2113-04	Ahli Kimia Organik

KUMPULAN UNIT 2114 AHLI GEOLOGI DAN GEOFIZIK

Ahli Geologi dan Geofizik menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau menggunakan pengetahuan saintifik dalam bidang geologi dan geofizik seperti minyak, gas dan penggunaan mineral, pemuliharaan air, kejuruteraan awam, telekomunikasi dan pelayaran, serta membuat penilaian terhadap projek pembangunan dan kesan pembuangan sisa ke atas persekitaran.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan penyelidikan dan analisis logam, punca logam, tanah liat, batuan dan galian serta unsur-unsur utama berkaitan dengannya serta mengendalikan kawalan kualiti untuk semua industri-industri rekaan bahan-bahan batuan dan galian di samping melatih pembantu-pembantu makmal;
- b) menjalankan penyelidikan dan penyiasatan kaji bumi, pemetaan dan kajian kejuruteraan kaji bumi dan punca air serta memberikan perkhidmatan perundingan mengenai penggunaan dan kemajuan tanah;
- c) bertanggungjawab ke atas pengurusan pentadbiran dan penguatkuasaan ke atas lombong-lombong;
- d) mengkaji komposisi dan struktur kerak bumi, memeriksa batuan, mineral, tinggalan fosil dan sebagainya untuk menentukan proses yang menjejaskan perkembangan bumi, mengesan evolusi, dan memastikan sifat dan kronologi pembentukan geologi;
- e) mentafsir data penyelidikan dan menyediakan laporan peta, carta dan gambar rajah geologi;
- f) menggunakan hasil penyelidikan untuk menilai potensi perkembangan mendapan mineral, gas dan minyak serta sumber air bawah tanah;
- g) menggunakan pengetahuan geologi bagi menyelesaikan masalah yang timbul dalam projek kejuruteraan awam seperti pembinaan empangan, jambatan, terowong dan bangunan besar;
- h) menyasat dan mengukur daya seismos, graviti, elektrik, termal dan magnetik yang menjejaskan bumi;
- i) menyasat dan mengukur fenomena optik dan akustik dalam atmosfera;
- j) menyediakan carta medan magnet bumi dan menggunakannya dan data lain yang dikumpulkan untuk tujuan penyiaran dan pandu arah;
- k) mengkaji dan mengukur sifat fizik laut dan atmosfera serta saling perkaitannya seperti pertukaran tenaga terma;
- l) mengesan dan menentukan sifat dan tahap mendapan minyak, gas dan mineral serta sumber air bawah tanah menggunakan kaedah seismologi, gravimetrik, magnetik, elektrik atau radiometrik;
- m) menyediakan laporan makmal dan dokumen saintifik;
- n) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja; dan
- o) melaksanakan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2114)

2114-01	Ahli Geofizik
2114-02	Ahli Geologi
2114-03	Ahli Geologi Kejuruteraan
2114-04	Ahli Geologi Perlombongan

KUMPULAN KECIL 212 AHLI MATEMATIK, AKTUARI, DAN PERANGKAWAN

Ahli Matematik, Aktuari, dan Perangkawan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori serta model dan teknik operasi matematik, aktuari, dan perangkawan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2121 AHLI MATEMATIK, AKTUARI, DAN PERANGKAWAN**KUMPULAN UNIT 2121 AHLI MATEMATIK, AKTUARI, DAN PERANGKAWAN**

Ahli Matematik, Aktuari, dan Perangkawan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori, kaedah dan teknik operasi matematik, aktuari dan perangkawan, serta memberi nasihat atau menggunakan aplikasi praktikalnya dalam bidang seperti kejuruteraan, perniagaan, sains dan sosial.

Tugas merangkumi:

- melaksanakan tanggungjawab kerja-kerja yang diarah berkaitan semua perkara maklumat kependudukan, perangkawan dan penyelidikan, perkara insurans, pampasan dan keselamatan sosial serta perkara undang-undang amanah, kumpulan wang simpanan dan skim tabung persaraan berpencen;
- bertanggungjawab mengurus program dan aktiviti pengumpulan, pemprosesan, penganalisan, penyediaan laporan dan penyebaran data dalam bidang ekonomi makro, perdagangan, kependudukan, demografi, tenaga manusia, alam sekitar dan lain-lain bidang yang diperlukan dari semasa ke semasa untuk perancangan pembangunan dan pentadbiran negara;
- memberi nasihat atau menggunakan prinsip, model dan teknik matematik dalam pelbagai tugas dalam bidang kejuruteraan, sains semula jadi, sosial atau sains hayat;
- menjalankan analisis logik bagi penyelesaian masalah pengurusan, terutamanya dari segi keberkesanan input-output: merumuskan model matematik bagi setiap masalah, biasanya untuk pengaturcaraan dan penyelesaian menggunakan komputer;
- merancang dan mengatur tinjauan dan pengumpulan perangkawan lain, dan membuat soal selidik;
- menilai, memproses, menganalisis dan mentafsir data perangkawan, dan menyediakannya untuk diterbitkan;
- menyediakan kertas kerja dan laporan saintifik;
- melaksanakan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2121)

2121-01	Perangkawan Gred E41
2121-02	Ahli Matematik
2121-03	Ahli Matematik Gunaan
2121-04	Ahli Matematik Tulen

KUMPULAN KECIL 213 PROFESIONAL SAINS HAYAT

Profesional Sains Hayat mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh daripada penyelidikan ke atas kehidupan manusia, haiwan dan tumbuhan, serta interaksinya antara satu sama lain dan dengan persekitaran untuk meningkatkan pengetahuan baru, menambah baik pengeluaran pertanian dan perhutanan, dan menyelesaikan masalah kesihatan manusia dan alam sekitar.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2131 PROFESIONAL BIOLOGI, BOTANI, ZOOLOGI DAN PROFESIONAL BERKAITAN**2132 PENASIHAT PERLADANGAN, PERTANIAN, PERHUTANAN, DAN PERIKANAN****2133 PROFESIONAL PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR****2134 PROFESIONAL FARMAKOLOGI, PATOLOGI DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN****KUMPULAN UNIT 2131 PROFESIONAL BIOLOGI, BOTANI, ZOOLOGI DAN PROFESIONAL BERKAITAN**

Profesional Biologi, Botani, Zoologi dan Profesional Berkaitan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, serta mengkaji organisma hidup dan interaksinya antara satu sama lain dan dengan alam sekitar, dan menggunakan pengetahuan ini untuk menyelesaikan masalah kesihatan manusia dan alam sekitar. Mereka bekerja dalam pelbagai bidang seperti botani, zoologi, ekologi, biologi marin, genetik, imunologi, farmakologi, toksikologi, fisiologi, bakteriologi dan virologi.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi dalam bidang yang berkaitan;
- b) menjalankan uji kaji lapangan dan makmal berhubung dengan semua bentuk hidupan dengan mengenal pasti dan mengelaskan manusia, haiwan, serangga atau spesimen tumbuhan, dan mengkaji asal-usulnya, perkembangannya, bentuk kimia dan fiziknya, strukturnya, komposisinya serta kehidupan dan proses pembiakannya;
- c) mengkaji dan menjalankan uji kaji berhubung dengan struktur, pembangunan dan ciri mikroorganisma seperti bakteria atau virus;
- d) mengkaji semua bentuk hidupan tumbuhan/ haiwan dan membangunkan aplikasi praktikal dalam bidang seperti pertanian dan perubatan;
- e) mengkaji dan menjalankan uji kaji berhubung dengan struktur dan fungsi sel hidup dan pengaruh faktor fizik dan kimia ke atas sel normal dan abnormal;
- f) mengkaji saling hubungan hidupan haiwan dan tumbuhan dengan faktor alam sekitar yang terlibat dan memberi nasihat profesional dengan disiplin yang berkaitan;
- g) membangunkan aplikasi industri, perubatan, dan lain-lain aplikasi pengetahuan dalam bidang yang berkaitan;
- h) menyediakan laporan makmal dan kertas kerja saintifik;
- i) bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan undang-undang serta membuat kawalan, penyelidikan dan penyusunan hidupan liar;
- j) meningkatkan kefahaman, menyelaras dan melatih juruteknik makmal; dan
- k) melaksanakan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2131)

2131-01	Pegawai Hidupan Liar Gred G41
2131-02	Ahli Imunologi
2131-03	Ahli Mikrobiologi
2131-04	Ahli Serologi

KUMPULAN UNIT 2132 PENASIHAT PERLADANGAN, PERTANIAN, PERHUTANAN, DAN PERIKANAN

Penasihat Perladangan, Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan mengkaji, memberi bantuan dan nasihat mengenai pengurusan ladang, perhutanan dan perikanan, termasuk penanaman, pembajaan, penuaian, penghakisan dan komposisi tanah, pencegahan penyakit, pemakanan, tanaman giliran, dan pemasaran. Mereka membangunkan teknik bagi meningkatkan produktiviti, mengkaji serta membangunkan rancangan dan dasar bagi pengurusan tanah dan perikanan.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, menyelaras dan melaksana segala aktiviti dan program yang meliputi aspek penyelidikan, pengembangan, didikan, pengurusan dan perlindungan sumber perikanan ke arah pembangunan industri perikanan negara. Memberi khidmat kepakaran teknikal dan kejuruteraan seperti untuk pembinaan dan penyelenggaraan kapal-kapal;
- b) merancang, mengurus dan mengawal aktiviti-aktiviti perhutanan supaya sejajar dengan peraturan-peraturan dan dasar-dasar kerajaan;
- c) mengikuti perkembangan kemajuan mengenai kaedah dan teknik perladangan, perhutanan, dan perikanan;
- d) memberi khidmat nasihat mengenai cara meningkatkan kualiti pengeluaran, meningkatkan hasil, dan langkah untuk meningkatkan keberkesanan operasi, dan untuk memulihara aset semula jadi dan alam sekitar;
- e) melawat ladang dan memberi khidmat nasihat tentang langkah untuk menangani masalah seperti hakisan tanah atau serangan perosak;
- f) mengumpulkan data dan menganggar kuantiti dan kos bahan dan buruh yang diperlukan untuk projek;
- g) mengadakan demonstrasi, memberi ceramah, penulisan dan mengagihkan bahan untuk menggalakkan penggunaan amalan dan teknik yang diperbaharui;
- h) menggunakan pengetahuan prinsip dan amalan saintifik untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kerja mereka;
- i) bertanggungjawab menyelaras semua aktiviti yang berkaitan dengan taman seperti pendidikan, pembangunan, penguatkuasaan, eko-pelancongan, penyelenggaraan dan sebagainya;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2132)

2132-01	Pegawai Perikanan Gred G41
2132-02	Pemelihara Hutan Gred G41
2132-03	Pegawai Pertanian Gred G41
2132-04	Pegawai Rancangan Tanah Gred G41

KUMPULAN UNIT 2133 PROFESIONAL PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Profesional Perlindungan Alam Sekitar mengkaji dan menilai kesan ke atas persekitaran aktiviti manusia seperti pencemaran udara, air dan bunyi, pencemaran tanah, perubahan iklim, sisa toksik dan kemerosotan serta degradasi sumber asli. Mereka membangunkan rancangan dan penyelesaian untuk melindungi, memelihara, memulihara, dan meminimumkan serta mencegah kerosakan berterusan ke atas alam sekitar.

Tugas merangkumi:

- menjalankan penyelidikan di dalam makmal dan di lapangan untuk meningkatkan pengetahuan saintifik mengenai organisma hidup; untuk mendapatkan maklumat baru; untuk menguji hipotesis; untuk menyelesaikan masalah dalam bidang seperti alam sekitar, pertanian, dan kesihatan; dan membangunkan produk, proses, dan teknik baru untuk digunakan dalam farmaseutikal, pertanian, dan alam sekitar;
- mengumpulkan data dan spesimen manusia, haiwan, serangga dan tumbuhan; dan mengkaji asal-usulnya, perkembangannya, bentuk kimia dan fiziknya, strukturnya, komposisinya, serta proses kehidupan dan pembiakannya;
- mengkaji organisma hidup dengan menggunakan pelbagai kelengkapan, instrumen, teknologi dan teknik terkhusus seperti mikroskop elektron, telemetri, sistem pengagihan global, bioteknologi, pengimejan satelit, kejuruteraan genetik, analisis pengimejan digital, reaksi rantai polimerase (PCR), dan pemodelan komputer;
- mengenal pasti, mengelas, merakam dan memantau organisma hidup, dan menyelenggara pangkalan data;
- menulis kertas kerja dan laporan saintifik yang memperincikan penyelidikan dan sebarang penemuan baru yang akan diteliti dan diperbahaskan secara lanjut oleh komuniti saintifik dalam jurnal sains atau dalam persidangan;
- mereka bentuk dan menjalankan penilaian impak alam sekitar untuk mengenal pasti perubahan yang disebabkan oleh faktor semula jadi atau manusia;
- memberi maklumat kepada pihak kerajaan, organisasi, dan perniagaan dalam bidang seperti pemuliharaan, pengurusan sumber asli, kesan perubahan iklim, dan pencemaran;
- bertanggungjawab melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan peraturan-peraturan di bawahnya; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2133)

2133-01	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41
2133-02	Ahli Agronomi
2133-03	Ahli Sains Penyelidikan Tanaman
2133-04	Ahli Sains Pertanian

KUMPULAN UNIT 2134 PROFESIONAL FARMAKOLOGI, PATOLOGI DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN

Profesional Farmakologi, Patologi dan Profesional yang Berkaitan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, dan mengaplikasikan pengetahuan saintifik berhubung dengan anatomi, biokimia, biofizik, fisiologi, patologi atau farmakologi dalam bidang seperti perubatan, pertanian atau industri.

Tugas merangkumi:

- mengkaji dan menjalankan uji kaji mengenai bentuk, struktur dan ciri anatomi lain terhadap organisma hidup;
- mengkaji dan menjalankan uji kaji berhubung dengan komposisi kimia dan proses organisma hidup;
- mengkaji dan menjalankan uji kaji berhubung dengan proses kehidupan dan fungsi manusia, haiwan atau organ, tisu, sel, kelenjar, dan sistem bagi manusia, haiwan dan tumbuhan dalam keadaan normal dan abnormal atau di luar kelaziman;
- mengkaji dan menjalankan uji kaji berhubung dengan struktur, pembangunan dan ciri mikroorganisma seperti bakteria atau virus;

- e) mengkaji dan menjalankan uji kaji berhubung dengan sifat, sebab, dan perkembangan penyakit dan gangguan ke atas manusia, haiwan, atau tumbuhan;
- f) mengkaji dan menjalankan uji kaji berhubung dengan kesan ubatan dan bahan lain ke atas tisu, organ dan proses fisiologi manusia dan haiwan, dan menambah baik ubatan sedia ada atau mencipta ubatan baru;
- g) membangunkan aplikasi perindustrian, perubatan dan pengetahuan lain dalam bidang berkaitan;
- h) menyediakan laporan dan kertas kerja saintifik;
- i) meningkatkan kefahaman, menyelaras dan melatih juruteknik makmal; dan
- j) melaksanakan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2134)

2134-01	Ahli Anatomi
2134-02	Ahli Biokimia
2134-03	Ahli Biokimia Enzim
2134-04	Ahli Biokimia Klinik

KUMPULAN KECIL 214 PROFESIONAL KEJURUTERAAN (TIDAK TERMASUK ELEKTROTEKNOLOGI)

Profesional Kejuruteraan (Tidak Termasuk Elektroteknologi) mereka bentuk, merancang dan mengelolakan struktur pengujian, pembinaan, pemasangan dan penyelenggaraan mesin dan komponennya, serta sistem loji dan pengeluaran, dan merancang jadual pengeluaran serta prosedur kerja untuk memastikan projek kejuruteraan dijalankan dengan selamat, cekap dan dengan kos yang efektif.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2141 JURUTERA INDUSTRI DAN PENGELUARAN**
- 2142 JURUTERA AWAM**
- 2143 JURUTERA ALAM SEKITAR**
- 2144 JURUTERA MEKANIKAL**
- 2145 JURUTERA KIMIA**
- 2146 JURUTERA PERLOMBONGAN, AHLI KAJI LOGAM DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN**
- 2149 PROFESIONAL KEJURUTERAAN (TIDAK TERMASUK ELEKTROTEKNOLOGI) YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 2141 JURUTERA INDUSTRI DAN PENGELUARAN

Jurutera Industri dan Pengeluaran merancang, menjalankan penyelidikan, mereka bentuk, dan menyelia pembinaan, pengoperasian dan proses penyelenggaraan serta pemasangan loji. Mereka membuat program untuk menyelaraskan aktiviti perkilangan dan menilai keberkesanan kos dan keselamatan.

Tugas merangkumi:

- a) membangunkan standard dan dasar-dasar bagi pemasangan, pengubahsuaian, kawalan kualiti, pengujian, pemeriksaan dan penyelenggaraan mengikut prinsip kejuruteraan dan peraturan-peraturan keselamatan;
- b) merujuk personel pengurusan dan penyeliaan dan memberi khidmat nasihat tentang perancangan dan kaedah pengeluaran;
- c) membangunkan automasi kilang yang canggih, mekanisma projek dan menyarankan strategi automasi jangka panjang;
- d) memberi khidmat nasihat tentang kaedah meningkatkan penggunaan personel, serta bahan dan kelengkapan yang cekap, selamat dan menjimatkan;
- e) memberi cadangan berhubung kaedah kerja dan urutan operasi;
- f) memberi cadangan dan menyelia dari aspek masa dan pengaturan dalam organisasi kerja;
- g) memberi khidmat nasihat tentang susun atur yang paling cekap untuk kilang atau pertubuhan;
- h) mengenal pasti bahaya yang mungkin timbul dan memperkenalkan prosedur dan peranti keselamatan;
- i) menyediakan dan memantau anggaran kos dan jadual bahan bagi projek seni bina dan pembinaan;
- j) mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bagi proses pembuatan;
- k) menyasat aduan-aduan dan kemalangan di tempat kerja dan membuat laporan serta membuat kerja-kerja pemantauan untuk kesihatan industri;
- l) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan kerja-kerja pengukuran sesuatu binaan bangunan dan kerja-kerja pengukuran sebelum dibangunkan binaan tersebut;
- m) mereka bentuk komponen instrumen optik seperti kanta, mikroskop, teleskop, laser, cakera optik sistem dan peralatan lain yang menggunakan sifat cahaya;
- n) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- o) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2141)

2141-01	Jurutera Automasi
2141-02	Jurutera Robotik
2141-03	Jurutera Perindustrian
2141-04	Jurutera Pengeluaran

KUMPULAN UNIT 2142 JURUTERA AWAM

Jurutera Awam merancang, menjalankan penyelidikan, memberi nasihat, mereka bentuk dan mengarah aktiviti pembinaan, menguruskan operasi dan penyelenggaraan struktur kejuruteraan awam, atau mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan-bahan tertentu.

Tugas merangkumi:

- melaksanakan penyelenggaraan dan pembaikan ke atas semua bangunan dan kemudahan awam serta mengawasi aspek kejuruteraan;
- memberi khidmat nasihat dan mereka bentuk struktur seperti jambatan, empangan, dok, jalan raya, lapangan terbang, landasan kereta api, saluran paip, pelupusan sampah dan sistem kawalan banjir, dan bangunan industri serta bangunan besar lain;
- menentukan dan mengkhususkan kaedah, bahan dan standard kualiti pembinaan serta mengarahkan kerja pembinaan;
- menetapkan sistem kawalan untuk memastikan struktur berfungsi dengan cekap termasuk keselamatan dan perlindungan alam sekitar;
- mengelola dan mengarah buruh tapak dan penghantaran bahan pembinaan, loji, dan kelengkapan yang diperlukan untuk projek pembinaan;
- mengurus kontrak dan menentu sah dan mengesahkan pembinaan siap dengan memuaskan;
- mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bagi bahan/ proses tertentu atau sistem yang berkaitan dengan kerja kejuruteraan awam;
- membuat kerja-kerja penilaian ukur bahan ke atas pelan-pelan untuk tawaran, kontrak, penilaian kontrak dan lain-lain tugas berkaitan;
- mengekalkan hubungan dan perundingan teknikal dengan pakar lain yang berkaitan;
- menyelia ujian dan pentauliahkan kerja yang telah disiapkan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaraskan pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2142)

2142-01	Pegawai Eksekutif (Kejuruteraan) Gred 41
2142-02	Jurutera Gred J41
2142-03	Pegawai Eksekutif (Kejuruteraan) Gred L5
2142-04	Jurutera

KUMPULAN UNIT 2143 JURUTERA ALAM SEKITAR

Jurutera Alam Sekitar menjalankan penyelidikan, memberi nasihat, mereka bentuk dan memberi penyelesaian untuk mencegah, mengawal atau memulihkan kesan negatif akibat aktiviti manusia terhadap alam sekitar dengan menggunakan pelbagai aturan kejuruteraan. Mereka menjalankan penilaian alam sekitar untuk projek pembinaan dan kejuruteraan awam, dan menggunakan prinsip-prinsip kejuruteraan untuk mengawal pencemaran, kitaran semula dan pelupusan sisa.

Tugas merangkumi:

- mengkaji impak projek pembinaan yang dicadangkan ke atas alam sekitar;
- menjalankan kajian pengurusan sisa berbahaya untuk menilai tentang bahaya tersebut, memberi nasihat tentang rawatan dan pencegahan serta menggubal peraturan untuk mencegah kejadian yang tidak diinginkan;
- mereka bentuk sistem bekalan air perbandaran dan rawatan sisa air industri serta peka mengenai isu alam sekitar tempatan dan antarabangsa seperti kesan hujan asid, kemerosotan lapisan ozon, pencemaran air dan pencemaran udara daripada ekzos kenderaan dan sumber perindustrian;
- mengkaji kesan faktor-faktor seperti rupa bumi, altitud, keadaan iklim, sumber nutrisi, dan haiwan pemangsa ke atas haiwan dan tumbuhan;
- menyiasat struktur komuniti organisma dan meramal kesan gangguan oleh manusia atau perubahan alam sekitar;
- mengurus sumber hutan, rekreasi dan alam sekitar bagi memaksimumkan faedah komersil untuk jangka masa panjang dan untuk manfaat komuniti;
- menyelidik tanaman ladang dan rumput, dan membangunkan kaedah penanaman baru atau yang ditambah baik;

- h) menyelidik tanaman hortikultur dan membangunkan kaedah penanaman baru dan yang ditambah baik;
- i) melaksanakan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2143)

2143-01	Jurutera Alam Sekitar
2143-02	Jurutera Kumbahan dan Sanitasi
2143-03	Jurutera Kawalan Pencemaran Udara
2143-04	Jurupemulihan Persekitaran

KUMPULAN UNIT 2144 JURUTERA MEKANIKAL

Jurutera Mekanikal menjalankan penyelidikan dan memberi nasihat tentang reka bentuk, dan mengarah pengeluaran mesin, pesawat, kapal, jentera dan kelengkapan dan sistem loji industri; dan memberi nasihat serta mengarah fungsian, penyelenggaraan dan pembaikpulihan, atau mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan, produk atau proses tertentu.

Tugas merangkumi:

- a) memberi khidmat nasihat dan mereka bentuk jentera dan perkakas untuk kegunaan industri pembuatan, perlombongan, pembinaan, kerja pertanian dan industri lain;
- b) memberi nasihat dan mereka bentuk motor stim, motor pembakaran dalaman dan motor bukan elektrik lain serta enjin yang digunakan untuk perejangan landasan lokomotif, kenderaan darat atau pesawat udara, atau untuk pemanduan industri atau jentera lain;
- c) memberi khidmat nasihat dan mereka bentuk sistem perejangan kapal, loji janakuasa, sistem pemanasan dan pengalihudaraan, peralatan kemudi, pam, dan kelengkapan mekanikal lain;
- d) memberi nasihat dan mereka bentuk badan kapal dan struktur utama kapal, dan sebagainya;
- e) memberi khidmat nasihat dan mereka bentuk kerangka pesawat udara, peralatan pendaratan, dan kelengkapan lain untuk pesawat;
- f) memberi nasihat dan mereka bentuk badan kenderaan darat, sistem gantungan, brek, dan komponen lain;
- g) memberi nasihat dan mereka bentuk sistem dan kelengkapan pemanasan, pengalihudaraan, dan penyejukbekuan;
- h) memberi nasihat dan mereka bentuk loji dan kelengkapan mekanikal untuk pelepasan, kawalan, dan penggunaan tenaga nuklear;
- i) memberi nasihat dan mereka bentuk bahagian alat atau produk bukan elektrik seperti pemproses kata, komputer, alat persis, kamera dan projektor, dan sebagainya;
- j) menetapkan standard dan prosedur kawalan untuk memastikan kefungsi yang cekap dan keselamatan mesin, jentera, perkakas, motor, enjin dan loji industri, kelengkapan, atau sistem;
- k) melaksanakan tugas yang berkaitan; dan
- l) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2144)

2144-01	Ahli Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
2144-02	Jurutera Mekanikal
2144-03	Jurutera Jentera dan Peralatan Perindustrian
2144-04	Jurutera Lif

KUMPULAN UNIT 2145 JURUTERA KIMIA

Jurutera Kimia menjalankan penyelidikan dan membangunkan, mereka bentuk, memberi khidmat nasihat, dan mengarah proses dan pengeluaran kimia berskala komersil bagi pelbagai bahan dan barangan seperti minyak mentah, terbitan petroleum, produk makanan dan minuman, ubat-ubatan atau bahan sintetik, dan mengarah penyelenggaraan dan pembaikpulihan loji industri, atau mengkaji dan memberi khidmat nasihat tentang aspek teknologi bahan, produk atau proses tertentu.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan penyelidikan, memberi khidmat nasihat, membangunkan dan mereka bentuk proses kimia berskala komersil dan kelengkapan untuk menapis minyak mentah dan cecair atau gas lain; dan untuk menghasilkan bahan dan barangan seperti terbitan petroleum, bahan letupan, produk makanan dan minuman, ubat-ubatan, atau bahan sintetik;
- b) memastikan aspek yang berkaitan bagi pembinaan loji pembuatan kimia;
- c) menetapkan kaedah pengeluaran, standard bahan dan kualiti, serta memastikan ia mematuhi spesifikasi;

- d) menetapkan standard kawalan dan prosedur untuk memastikan keselamatan, perlindungan alam sekitar, dan kecekapan dalam operasi dan proses pembuatan;
- e) mengesan dan membetulkan ketidakfungsian;
- f) mengelola dan memberi nasihat tentang penyelenggaraan dan pembaikpulihan kelengkapan sedia ada;
- g) mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan, produk, atau proses tertentu;
- h) mengekalkan hubungan baik dan mengadakan perundingan teknikal dengan pakar lain yang berkaitan;
- i) menyediakan laporan analisis;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2145)

2145-01	Ahli Teknologi Kejuruteraan Kimia
2145-02	Ahli Teknologi Proses Kimia
2145-03	Jurutera Kimia
2145-04	Jurutera Proses Kimia

KUMPULAN UNIT 2146 JURUTERA PERLOMBONGAN, AHLI KAJI LOGAM DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN

Jurutera Perlombongan, Ahli Kaji Logam dan Profesional yang Berkaitan menjalankan penyelidikan, mereka bentuk, serta membangunkan dan menyelenggara kaedah mengekstrak logam daripada bijih atau mineral, air, serta minyak atau gas berskala komersil dari bumi, dan mencipta aloi baru, seramik dan bahan lain, atau mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan, produk atau proses tertentu.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan penyelidikan, memberi nasihat, mereka bentuk, membangunkan kaedah baru atau menambah baik kaedah sedia ada untuk menangani aspek kejuruteraan dalam perlombongan dan pengekstrakan minyak, gas, atau air;
- b) menentukan kaedah perlombongan dan pengekstrakan paling cekap, jenis jentera yang akan digunakan, perancangan susun atur, dan mengarah pembinaan syaf dan terowong;
- c) menentukan tapak penggerudian dan mereka kaedah pengawalan aliran air, minyak atau gas dari telaga;
- d) merancang dan mengarah penyimpanan, rawatan awal, dan pengangkutan air, minyak atau gas;
- e) menetapkan standard dan prosedur keselamatan dan kemudahan pertolongan cemas, terutamanya di bawah tanah;
- f) menjalankan penyelidikan, membangunkan kaedah pengekstrakan logam daripada bijihnya dan memberi khidmat nasihat tentang aplikasinya;
- g) menyiasat sifat logam dan aloi, membangunkan aloi baru dan memberi khidmat nasihat dan menyelia aspek teknikal bagi pembuatan dan pemprosesan logam dan aloi;
- h) mengkaji dan memberi khidmat nasihat tentang aspek teknologi bahan atau proses tertentu;
- i) mengekalkan hubungan dan perundingan teknikal dengan pakar lain yang berkaitan, khususnya dengan ahli geologi dan geofizik;
- j) menyediakan bajet kos operasi untuk menilai kebolehlaksanaan ekonomi proses pengeluaran;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2146)

2146-01	Jurutera Perlombongan
2146-02	Jurutera Perlombongan Logam
2146-03	Jurutera Perlombongan Batu Arang
2146-04	Jurutera Perlombongan Bukan Logam

KUMPULAN UNIT 2149 PROFESIONAL KEJURUTERAAN (TIDAK TERMASUK ELEKTROTEKNOLOGI) YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Kejuruteraan (Tidak termasuk Elektroteknologi) yang Tidak dikelaskan di Mana-mana Kumpulan Kecil 214: Profesional Kejuruteraan (Tidak Termasuk Elektroteknologi). Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk jurutera bahan peletupan, jurutera penyelamat marin dan jurutera nuklear.

Tugas merangkumi:

- mereka bentuk, menguji, dan menyelaraskan pembuatan bahan letupan mengikut spesifikasi perolehan yang ditetapkan oleh pihak tentera;
- mereka bentuk dan menyelia pembinaan dan operasi reaktor nuklear dan loji kuasa dan pemrosesan semula bahan api nuklear dan sistem penambakan;
- mereka bentuk dan membangunkan peralatan nuklear seperti teras reaktor, perlindungan radiasi dan instrumentasi berkaitan, dan mekanisme kawalan;
- menilai kerosakan dan menyediakan pengiraan bajet untuk operasi menyelamatkan marin;
- mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek kejuruteraan proses pembuatan tertentu;
- mengenal pasti bahaya dan memperkenalkan prosedur dan peranti keselamatan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaraskan pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2149)

2149-01	Jurutera Bahan Peletupan
2149-02	Jurutera Penyelamat Marin
2149-03	Jurutera Nuklear
2149-04	Jurutera Kuasa Nuklear

KUMPULAN KECIL 215 JURUTERA ELEKTROTEKNOLOGI

Jurutera Elektroteknologi menjalankan penyelidikan dan mereka bentuk, memberi nasihat, merancang dan mengarah pembinaan dan operasi sistem elektronik, elektrik dan telekomunikasi, komponen, motor dan peralatan. Mereka membangunkan sistem kawalan untuk memantau prestasi dan keselamatan pemasangan elektrik dan elektronik.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2151 JURUTERA ELEKTRIK**
- 2152 JURUTERA ELEKTRONIK**
- 2153 JURUTERA TELEKOMUNIKASI**

KUMPULAN UNIT 2151 JURUTERA ELEKTRIK

Jurutera Elektrik menjalankan penyelidikan dan memberi nasihat, mereka bentuk dan mengarah pembinaan dan operasi sistem, komponen elektrik, motor dan peralatan, dan memberi nasihat serta mengarah penyelenggaraan dan pembaikan, atau mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan, produk dan proses dalam kejuruteraan elektrik.

Tugas merangkumi:

- merancang dan mereka bentuk pembuatan dan pemasangan kelengkapan dan kemudahan kuasa elektrik;
- menentukan jenis dan susunan litar, transformer, pemutus litar, talian penghantaran, dan kelengkapan lain;
- memberi nasihat dan mereka bentuk sistem motor elektrik, peranti tarikan elektrik, dan kelengkapan lain atau perkakas elektrik domestik;
- mentafsir spesifikasi, standard dan peraturan berhubung dengan kelengkapan dan kegunaan kuasa elektrik;
- mengelola dan menguruskan sumber yang digunakan dalam komponen, mesin, perkakas dan kelengkapan elektrik;
- menyediakan jadual penghantaran dan pemasangan mesin, peralatan suis, kabel dan kemasan;
- menyelia operasi dan penyelenggaraan stesen janakuasa, sistem penghantaran dan pengagihan, dan loji perindustrian;
- menyediakan standard dan prosedur kawalan untuk memastikan fungsi dan keselamatan sistem penjaan dan pengagihan elektrik yang cekap;
- mengesan dan membetulkan kerosakan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaraskan pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2151)

2151-01	Ahli Teknologi Kejuruteraan Elektrik
2151-02	Jurutera Elektrik
2151-03	Jurutera Sistem Elektrik
2151-04	Jurutera Ujian Elektrik

KUMPULAN UNIT 2152 JURUTERA ELEKTRONIK

Jurutera Elektronik menjalankan penyelidikan, mereka bentuk dan mengarah fungsian bagi penyelenggaraan dan pembaikan sistem elektronik. Mereka mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan, produk dan proses dalam kejuruteraan elektronik.

Tugas merangkumi:

- memberi nasihat dan mereka bentuk peranti, litar dan sistem elektronik yang digunakan untuk komputer, komunikasi dan sistem kawalan serta aplikasi perindustrian lain;
- mereka bentuk perisian terutamanya *embedded software* yang digunakan dalam sistem tersebut;
- membangunkan alatan dan prosedur untuk menguji komponen, litar dan sistem elektronik;
- menyelia pemasangan dan pentauliahan sistem komputer dan telekomunikasi, dan memastikan kaedah kawalan dan perlindungan yang betul;
- menetapkan standard dan prosedur kawalan untuk memastikan fungsi dan keselamatan sistem, motor dan kelengkapan elektronik yang berkesan;
- mengesan dan membetulkan kerosakan;
- mengelola dan mengarah penyelenggaraan dan pembaikpulihan sistem, motor, dan kelengkapan elektronik sedia ada;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2152)

2152-01	Ahli Teknologi Kejuruteraan Elektronik
2152-02	Jurutera Elektronik
2152-03	Jurutera Isyarat Kereta api
2152-04	Jurutera Aplikasi Komputer

KUMPULAN UNIT 2153 JURUTERA TELEKOMUNIKASI

Jurutera Telekomunikasi menjalankan penyelidikan, mereka bentuk dan mengarah fungsian bagi penyelenggaraan, pembaikan sistem dan peralatan telekomunikasi. Mereka mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan, produk dan proses dalam kejuruteraan telekomunikasi.

Tugas merangkumi:

- memberi nasihat dan mereka bentuk peranti, litar, dan sistem elektronik yang digunakan dalam komputer, telekomunikasi, sistem kawalan dan aplikasi perindustrian lain;
- menyatakan kaedah pengeluaran atau pemasangan, bahan, kualiti dan standard keselamatan dan mengarah pengeluaran, atau mengarah kerja-kerja pemasangan produk telekomunikasi dan sistem;
- mengelola dan mengarah penyelenggaraan dan pembaikan motor, sistem telekomunikasi dan peralatan;
- mengkaji dan memberi nasihat ke atas peralatan telekomunikasi;
- merancang dan mereka bentuk rangkaian komunikasi yang berdasarkan media komunikasi berwayar, gentian optik dan wayarles;
- mereka bentuk dan membangunkan algoritma pemprosesan isyarat dan melaksanakannya melalui perkakasan dan perisian yang sesuai;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2153)

2153-01	Jurutera Telekomunikasi
2153-02	Jurutera Telekomunikasi, Aeroangkasa
2153-03	Jurutera Telekomunikasi, Radar
2153-04	Jurutera Telekomunikasi, Sistem Isyarat

KUMPULAN KECIL 216 ARKITEK, PERANCANG, JURUUKUR, DAN PEREKA

Arkitek, Perancang, Juruukur, dan Pereka merancang, memberi nasihat dan menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dalam bidang seni bina, perancangan, juruukur, dan perekaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2161 ARKITEK BANGUNAN**
- 2162 ARKITEK LANDSKAP**
- 2163 PEREKA PRODUK DAN PAKAIAN**

- 2164 PERANCANG BANDAR DAN TRAFIK**
2165 PELUKIS PETA DAN JURUUKUR
2166 PEREKA GRAFIK DAN MULTIMEDIA

KUMPULAN UNIT 2161 ARKITEK BANGUNAN

Arkitek Bangunan merancang, memberi nasihat, mereka bentuk bangunan rekreasi, institusi, kediaman, komersil dan industri, serta merancang dan memantau pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikpuliannya.

Tugas merangkumi:

- merancang, menerima dan mengkaji ringkasan projek (project brief), melawat tapak projek, menyediakan lukisan, lakaran reka bentuk (sketch drawings,) reka bentuk terperinci, lukisan kerja (working drawings) dan spesifikasi (specifications);
- membangunkan teori dan kaedah kesenibinaan yang baru atau yang ditambah baik;
- merujuk pelanggan dan memberi saranan berhubung dengan jenis, gaya, saiz, dan aspek pembinaan yang lain;
- mereka bentuk bangunan dan menyediakan lukisan dan pelan untuk pembinaannya;
- mengenal pasti dan mendapatkan penyelesaian terbaik mengenai masalah fungsi dan kualiti persekitaran dalaman bangunan, dan membuat reka bentuk, lukisan dan pelan yang perlu;
- memeriksa kerja pembinaan yang sedang berlangsung untuk memastikan pelan, spesifikasi dan standard kualiti dipatuhi;
- merancang susun atur dan menyelaraskan pembangunan di bandar;
- merancang dan mereka bentuk pembangunan kawasan tanah untuk projek seperti taman, sekolah, institut, lapangan terbang, jalan raya dan projek yang berkaitan serta untuk tapak komersil, perindustrian dan kediaman;
- menyediakan laporan, pelan tapak, lukisan kerja, spesifikasi dan anggaran kos pembangunan tanah, dan menunjukkan lokasi dan perincian cadangan, termasuk pemodelan tanah, struktur dan tumbuh-tumbuhan;
- menyelia ujian dan pentauliahan kerja yang telah siap;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2161)

2161-01	Arkitek Gred J41
2161-02	Arkitek
2161-03	Arkitek Dalaman
2161-04	Arkitek Bangunan

KUMPULAN UNIT 2162 ARKITEK LANDSKAP

Arkitek Landskap merancang dan mereka bentuk kawasan rekreasi, susun atur bandar dan landskap, serta merancang dan memantau pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikpuliannya.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab melaksanakan reka bentuk kerja-kerja pembangunan, penyelenggaraan, pengawasan projek, mereka bentuk pelan pembangunan, taman awam, landskap serta memberi input kepada rancangan pelan pembangunan struktur, kertas-kertas mengenai garis panduan dan perancangan serta projek-projek yang dilaksanakan;
- merujuk pelanggan dan memberi cadangan berhubung dengan jenis, gaya, saiz, dan aspek pembinaan yang lain;
- memeriksa kerja pembinaan yang dijalankan untuk memastikan pelan, spesifikasi, dan standard kualiti dipatuhi;
- merancang dan mereka bentuk pembangunan tanah untuk projek seperti taman, sekolah, institusi, lapangan terbang, jalan raya dan projek yang berkaitan, dan untuk tapak komersil, perindustrian dan kediaman;
- menyediakan laporan, pelan tapak, lukisan kerja, spesifikasi, dan anggaran kos untuk pembangunan tanah, menunjukkan lokasi dan perincian cadangan, termasuk pemodelan tanah, struktur, dan tumbuh-tumbuhan;
- menyelia pengujian dan pentauliahan kerja yang telah siap;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2162)

2162-01	Arkitek Landskap Gred J41
2162-02	Arkitek Landskap

KUMPULAN UNIT 2163 PEREKA PRODUK DAN PAKAIAN

Pereka Produk dan Pakaian mereka bentuk dan membangunkan produk untuk pengilangan, dan menyediakan rekaan dan spesifikasi produk untuk pengeluaran besar-besaran, kelompok dan *one-off*.

Tugas merangkumi:

- merumuskan konsep rekaan pakaian, tekstil, industri, produk komersial dan barang kemas;
- menyediakan lakaran, gambar rajah, ilustrasi, pelan, sampel dan model untuk mendapatkan konsep rekaan;
- merundingkan rekaan dengan pelanggan, pihak pengurusan, serta kakitangan jualan dan pembuatan;
- memilih, menentukan dan mencadangkan bahan, kaedah pengeluaran dan kemasan untuk pengeluaran;
- memperincikan dan mendokumenkan rekaan yang dipilih untuk pengeluaran;
- menyediakan dan menentukan prototaip dan sampel;
- menyediakan corak, program dan alat, dan proses pembuatan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2163)

2163-01	Pereka Produk Komersil
2163-02	Pereka Produk Perindustrian
2163-03	Pereka Fesyen
2163-04	Pereka Barang Kemas

KUMPULAN UNIT 2164 PERANCANG BANDAR DAN TRAFIK

Perancang Bandar dan Trafik membangun dan memberi nasihat serta mereka bentuk kawasan rekreasi, institusi, kediaman, susun atur bandar, landskap dan sistem trafik, serta merancang dan memantau pembinaan, penyelenggaraan, dan pembaikpuliannya.

Tugas merangkumi:

- merancang, menyedia, menyelia dan menyelaras kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan tata-aturnya;
- menyusun dan menganalisis tapak dan data komuniti berhubung dengan aspek geografi, ekologi kawasan, bentuk muka bumi, tanah, tumbuh-tumbuhan, hidrologi tapak, ciri visual dan struktur buatan manusia untuk merancang penggunaan tanah dan cadangan pembangunan untuk penyediaan kesannya ke atas alam sekitar;
- memeriksa kerja pembinaan yang sedang dijalankan untuk memastikan pelan, spesifikasi dan standard kualiti dipatuhi;
- merancang susun atur dan menyelaraskan pembangunan di bandar;
- merancang dan mereka bentuk pembangunan tanah untuk projek seperti taman, sekolah, institusi, lapangan terbang, jalan raya dan projek yang berkaitan, dan untuk tapak komersil, perindustrian, dan kediaman;
- merancang dan memberi nasihat tentang laluan, kawalan jalan raya dan sistem trafik, dan tujuan keselamatan yang lebih cekap;
- menyediakan laporan, pelan tapak, lukisan kerja, spesifikasi dan anggaran kos untuk pembangunan tanah dan menunjukkan lokasi dan perincian cadangan termasuk pemodelan tanah, struktur dan tumbuh-tumbuhan;
- menyelia pengujian dan pentauliahan kerja yang telah siap;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2164)

2164-01	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41
2164-02	Perancang Bandar
2164-03	Perancang Bandar dan Luar Bandar
2164-04	Jurutera Trafik

KUMPULAN UNIT 2165 PELUKIS PETA DAN JURUUKUR

Pelukis Peta dan Juruukur menggunakan kaedah dan teknik mengukur untuk menentukan posisi sebenar ciri dan sempadan tanah sama ada yang semula jadi atau yang dibina, di laut, kawasan bawah tanah dan cakerawala, serta menyediakan atau menyemak gambaran digital, grafik, peta dan carta menggunakan prinsip sains dan matematik.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja ukur iaitu ukuran tarabas kawalan piawai, ukuran kawalan, ukuran dinding duatuan, ukuran pengambilan balik tanah, ukuran kawasan bandar dan luar bandar, ukuran kelas satu dan dua bagi tujuan pengeluaran hak milik, ukuran gelanggang sukan dan ukuran siasatan kejituan;
- b) mengkaji, mengukur, dan menggambarkan permukaan tanah bagi pelbagai tujuan, termasuk membuat peta, kerja pembinaan, atau penetapan sempadan hartanah;
- c) mengukur laut, sungai, dan dasar sungai, menentukan sempadan permukaan bawah tanah, mencatat kedudukan sebenar pelbagai ciri dan membuat carta dan peta yang akan digunakan khususnya dalam menentukan perairan dan terusan yang boleh dilayar;
- d) menganalisis foto udara dan foto lain, gambaran satelit dan data ukur untuk menyediakan dan menyemak peta dan carta topografi, peta utiliti, dan peta tematik lain;
- e) mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknikal, estetik dan ekonomi dalam penghasilan peta;
- f) menyelia penyediaan pelan, peta, carta dan lukisan untuk memberi gambaran, dan menguruskan sistem maklumat berautomasi;
- g) menjalankan penyelidikan dan pembangunan sistem ukuran tinjauan dan fotogrametri, sistem kadaster (pegangan tanah), dan sistem maklumat tanah;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2165)

2165-01	Jurugeospasial Gred J41
2165-02	Juruukur Gred J41
2165-03	Jurukartografi
2165-04	Jurukartografi Marin

KUMPULAN UNIT 2166 PEREKA GRAFIK DAN MULTIMEDIA

Pereka Grafik dan Multimedia mereka bentuk kandungan maklumat komunikasi visual dan audio, penerbitan dan paparan menggunakan filem, elektronik, digital dan lain-lain bentuk media visual dan audio. Mereka mencipta kesan khas, animasi, atau lain-lain imej visual untuk kegunaan dalam permainan komputer, filem, video muzik, media cetak dan iklan.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti dalam bentuk visual dan paparan kerja yang berkaitan dengan seni;
- b) mencipta rekaan untuk persembahan dan props produksi;
- c) menyelaras, merancang, menyedia reka bentuk bahan-bahan penerbitan dan trofi;
- d) merumuskan konsep reka bentuk;
- e) menyediakan lakaran, gambar rajah, ilustrasi dan susun atur serta konsep reka bentuk;
- f) mereka bentuk grafik dan animasi kompleks;
- g) mewujudkan dua dimensi dan tiga dimensi imej yang menggambarkan objek dalam gerakan atau menggambarkan proses, menggunakan animasi komputer atau model program;
- h) merundingkan hasil reka bentuk dengan pelanggan, pihak pengurusan, serta kakitangan jualan dan pengeluaran;
- i) memperincikan dan mendokumentasikan reka bentuk yang dipilih untuk pengeluaran;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2166)

2166-01	Pereka Gred B41
2166-02	Pereka Laman Perdagangan Elektronik
2166-03	Pereka B43
2166-04	Pereka B47

KUMPULAN KECIL 217 PENGAWAL KAPAL, PESAWAT, DAN KERETA API/ LOKOMOTIF

Pengawal Kapal, Pesawat, dan Kereta Api/ Lokomotif merancang dan menambah baik, atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau melaksanakan fungsi teknikal untuk memastikan pergerakan dan operasi pengangkutan yang selamat dan cekap, dan membangunkan sistem kawalan udara elektrik, elektromekanik, dan berkomputer.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2171 JURUTERA KAPAL
- 2172 PEGAWAI DAN PILOT DEK KAPAL
- 2173 JURUTERBANG PESAWAT UDARA DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN
- 2174 PENGAWAL TRAFIK UDARA
- 2175 PENGAWAL KERETA API/ LOKOMOTIF
- 2179 PENGAWAL PENGANGKUTAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 2171 JURUTERA KAPAL

Jurutera Kapal mengawal dan mengambil bahagian dalam operasi, penyelenggaraan dan pembaikpulihan kelengkapan dan jentera elektrik dan elektronik di atas kapal, atau melaksanakan fungsi sokongan yang berkaitan.

Tugas merangkumi:

- a) mengawal dan mengambil bahagian dalam operasi, penyelenggaraan, pembaikpulihan kelengkapan jentera mekanikal, elektrik dan elektronik di atas kapal;
- b) melaksanakan penyeliaan teknikal bagi pemasangan, penyelenggaraan, pembaikpulihan jentera kapal dan kelengkapan untuk memastikan pematuhan spesifikasi dan peraturan;
- c) menyelaraskan ujian ke atas kelengkapan dan mendiagnosis kesilapan;
- d) mengaplikasikan prinsip pengetahuan dan amalan berhubung dengan jentera kapal dan kelengkapan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas;
- e) memeriksa dan menjalankan penyelenggaraan dan pembaikpulihan enjin, jentera, dan kelengkapan tambahan;
- f) menyediakan pengawasan bilik enjin, memantau dan mengambil perhatian tentang prestasi enjin, jentera, dan kelengkapan tambahan;
- g) menyimpan rekod operasi jabatan kejuruteraan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2171)

2171-01	Jurutera Kapal
2171-02	Jurutera Marin
2171-03	Jurutera Pembinaan Kapal
2171-04	Arkitek Hoverkraf

KUMPULAN UNIT 2172 PEGAWAI DAN PILOT DEK KAPAL

Pegawai dan Pilot Dek Kapal memberi arahan dan mengemudi kapal serta melaksanakan fungsi-fungsi yang berkaitan di pelabuhan.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menguruskan pendaftaran kapal, keselamatan kapal, keselamatan pelayaran, hal ehwal pelaut dan pelabuhan, latihan teknikal maritim, projek-projek pembangunan serta membuat kajian dan penilaian terhadap konvensyen-konvensyen antarabangsa dan perundangan laut;
- b) memerintah dan memandu arah kapal dan laluan darat atau laluan rentas laut dengan menyelia laluan dan kelajuan kapal menurut pelan laluan dan keselamatan;
- c) merancang, menyelia, dan menyelaraskan aktiviti geladak dan pengawasan anjungan di atas kapal;
- d) memandu arah kapal masuk atau keluar dari pelabuhan, melalui selat dan perairan lain yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran khusus;
- e) memastikan pemunggahan dan pemuatan kargo yang selamat dan cekap dan pematuhan peraturan dan prosedur keselamatan oleh anak kapal dan penumpang;
- f) melaksanakan penyeliaan teknikal bagi penyelenggaraan dan pembaikpulihan kapal untuk memastikan spesifikasi dan peraturan dipatuhi;
- g) mengarah atau mengatur bekalan stor dan kelengkapan kapal, pengambilan anak kapal, dan peruntukan perkhidmatan lain (kecuali makanan) daripada kapal yang tiba;
- h) mengurus dan menyelenggara inventori, rekod dan dokumentasi;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 2172)

2172-01	Pegawai Laut Gred AL41
2172-02	Kapten Kapal
2172-03	Jurumudi Hoverkraf
2172-04	Nakhoda Kapal

KUMPULAN UNIT 2173 JURUTERBANG PESAWAT UDARA DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN

Juruterbang Pesawat Udara dan Profesional yang Berkaitan mengawal operasi kelengkapan mekanikal, elektrik dan elektronik untuk memandu arah pesawat udara atau belon udara serta melaksanakan tugas pre-flight dan in-flight.

Tugas merangkumi:

- memberi arahan dalam penerbangan, menyelia penerbangan solo, menemani penuntut dalam latihan penerbangan dan menunjukkan teknik untuk mengawal pesawat udara;
- mengaplikasikan prinsip pengetahuan dan amalan penerbangan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam kerja mereka;
- memeriksa rekod penyelenggaraan dan menjalankan pemeriksaan untuk memastikan pesawat udara dalam keadaan baik dari segi mekanikal, penyelenggaraan telah dilaksanakan, dan semua kelengkapan dapat beroperasi;
- menandatangani sijil yang perlu dan menyimpan rekod rasmi penerbangan;
- mendapatkan taklimat dan pelepasan sebelum penerbangan dan berhubung dengan pusat kawalan trafik udara atau kawalan penerbangan semasa penerbangan;
- memandu kapal terbang awam atau swasta, merancang, menyelia, menguji, mengubahsuai carta-carta penerbangan, mengambil foto dari udara dan mengendalikan peperiksaan juruterbang;
- mengeluarkan lesen juruterbang, mengumpul maklumat penyelidikan kerosakan dan kemalangan pesawat serta data-data teknikal semua pesawat terbang;
- menjalankan tugas-tugas pemeriksaan pesawat terbang;
- memeriksa dan meluluskan pertubuhan syarikat penerbangan, mengeluarkan sijil kelulusan untuk pesawat udara, menjalankan penyelidikan ke atas kerosakan pesawat-pesawat penerbangan awam dan mengambil bahagian di dalam penyiasatan kemalangan pesawat udara dan menyediakan laporannya;
- memandu belon udara panas dan bertanggungjawab untuk membuat keputusan berkaitan penerbangan, keselamatan semua penumpang, kru dan peralatan, penyimpanan rekod penerbangan dan menyelenggara peralatan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 2173)

2173-01	Juruterbang/ Pemeriksa Juruterbang Gred AT41
2173-02	Pemeriksa Kapal Terbang Gred A41
2173-03	Juruterbang
2173-04	Pelayar Penerbangan

KUMPULAN UNIT 2174 PENGAWAL TRAFIK UDARA

Pengawal Trafik Udara mengarah pergerakan pesawat udara di angkasa dan di daratan, dengan menggunakan radio, radar dan sistem pencahayaan, dan menyediakan maklumat yang berkaitan dengan operasi pesawat udara.

Tugas merangkumi:

- mengarah pesawat udara yang menghampiri dan meninggalkan lapangan terbang dan mengawal pergerakannya di daratan/ lapangan terbang, dan mengarahkan peluncuran, perlepasan dan pendaratan;
- mengarah dan mengawal pergerakan pesawat udara di udara dengan menggunakan radar atau bukan radar dan mengarahkan pesawat udara dengan menggunakan radio;
- menyemak pelan penerbangan, laporan posisi, paras penerbangan, anggaran masa ketibaan di tempat melapor atau destinasi tiba dan membenarkan perubahan paras dan altitud penerbangan;
- memaklumi anak kapal penerbangan dan kakitangan operasi tentang keadaan cuaca, kemudahan operasi, rancangan penerbangan, dan trafik udara;
- mengawal operasi sistem pencahayaan lapangan terbang seperti lampu luncuran, lintasan dan suar lapangan terbang;
- mengaplikasikan prinsip pengetahuan dan amalan kawalan trafik udara untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas;

- g) memulakan dan mengelolakan perkhidmatan kecemasan, mencari dan menyelamatkan apabila pesawat udara dalam bahaya;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2174)

2174-01	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41
2174-02	Pengawal Trafik Udara
2174-03	Pengawal Pusat Operasi
2174-04	Pegawai Kargo Udara

KUMPULAN UNIT 2175 PENGAWAL KERETA API/ LOKOMOTIF

Pengawal Kereta Api/ Lokomotif mengarah pergerakan kereta api/ lokomotif di daratan menggunakan radio, radar dan sistem pencahayaan, serta menyediakan maklumat yang berkaitan dengan operasi kereta api/ lokomotif.

Tugas merangkumi:

- a) mengarah dan mengawal pergerakan kereta api/ lokomotif;
- b) mengaplikasikan prinsip pengetahuan dan amalan kawalan trafik kereta api/ lokomotif untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam kerja mereka;
- c) memulakan dan mengelolakan perkhidmatan kecemasan, mencari dan menyelamatkan apabila kereta api/ lokomotif dalam bahaya;
- d) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- e) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2175)

2175-01	Pegawai Operasi Kereta api dan Lokomotif
2175-02	Pengawal Operasi Kereta api dan Lokomotif
2175-03	Inspektor Laluan Tetap (Kereta api)

KUMPULAN UNIT 2179 PENGAWAL PENGANGKUTAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pengawal Pengangkutan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 217: Pengawal Kapal, Pesawat dan Kereta api/ Lokomotif. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk juruterbang drone.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan sistem pesawat tanpa pemandu (UAS) atau drone, dan memastikan drone dapat mendarat dan berlepas dengan selamat;
- b) memeriksa drone sebelum diterbangkan dan memantau laluan drone;
- c) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- d) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2179)

2179-01	Juruterbang Drone
2179-02	Juruterbang Kenderaan Udara Tanpa Pemandu

KUMPULAN KECIL 218 PROFESIONAL PERLOMBONGAN, PEMBUATAN, DAN PEMBINAAN

Profesional Perlombongan, Pembuatan, dan Pembinaan menjalankan penyelidikan menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dalam bidang seperti perlombongan, pembuatan, dan pembinaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2181 PROFESIONAL PERLOMBONGAN**
- 2182 PROFESIONAL PEMBUATAN**
- 2183 PROFESIONAL PEMBINAAN**

KUMPULAN UNIT 2181 PROFESIONAL PERLOMBONGAN

Profesional Perlombongan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan sedia ada berhubung dengan aktiviti perlombongan seperti mengekstrak batu arang, bijih, batu, tanah liat, dan mineral pejal lain dari bumi.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan penyelidikan, membangunkan kaedah dan menyelaras aktiviti berhubung dengan pengekstrakan mineral dari lombong dan kuari;
- b) memastikan penggunaan sumber yang cekap dan kuota pengeluaran dipatuhi;
- c) mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan atau proses tertentu;
- d) mengawal perbelanjaan;
- e) menetapkan dan menyelia prosedur operasi dan pentadbiran;
- f) mengawasi aspek keselamatan kerja dan prosedur berkaitan;
- g) mengawasi pemilihan, latihan dan prestasi kakitangan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2181)

2181-01 Eksekutif perlombongan

KUMPULAN UNIT 2182 PROFESIONAL PEMBUATAN

Profesional Pembuatan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan sedia ada berhubung dengan penghasilan makanan, kertas, kilang kayu, gudang serta jaminan kualiti.

Tugas merangkumi:

- a) mengkaji dan memberi nasihat tentang aspek teknologi bahan atau proses tertentu;
- b) menetapkan dan menyelia prosedur operasi dan pentadbiran;
- c) mengawasi aplikasi keselamatan kerja dan prosedur berkaitan;
- d) mengawasi pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;
- e) berunding dengan pembekal, pelanggan, dan organisasi lain;
- f) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain dalam perusahaan, atau dengan badan luar;
- g) memastikan semua proses pengeluaran mematuhi spesifikasi pembuatan dan ciri produk mematuhi dokumen standard syarikat;
- h) melaksanakan rancangan pengeluaran melalui subordinat dan memastikan pemanfaatan sumber manusia, mesin dan kelengkapan dioptimumkan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2182)

2182-01 Eksekutif Pembuatan

2182-02 Eksekutif Jaminan Kualiti

2182-03 Juruanalisis Jaminan Kualiti

2182-04 Eksekutif Kawalan Kualiti

KUMPULAN UNIT 2183 PROFESIONAL PEMBINAAN

Profesional Pembinaan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan sedia ada berhubung dengan projek pembinaan.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan penyelidikan dan membangunkan kaedah dan menyelaraskan aktiviti berhubung dengan pembinaan bangunan, empangan, lebuh raya, saluran paip, dan projek pembinaan berkaitan;
- b) mengkaji prosedur untuk pembinaan berasaskan masa mula dan masa siap projek dan keperluan kakitangan bagi setiap fasa pembinaan, berdasarkan pengetahuan tentang alatan dan kelengkapan yang ada serta pelbagai kaedah pembinaan;
- c) mengkaji dan memberi khidmat nasihat tentang aspek teknologi bahan atau proses tertentu;
- d) menetapkan dan menyelia prosedur operasi dan pentadbiran;
- e) mengawasi aplikasi keselamatan kerja dan prosedur berkaitan;
- f) mengawasi pemilihan, latihan, dan prestasi kakitangan;

- g) mewakili jabatan dalam urusannya dengan bahagian lain dalam organisasi, atau dengan badan luar;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: unit group 2183)

2183-01	Eksekutif Binaan
2183-02	Eksekutif Projek Binaan
2183-03	Eksekutif Tapak Binaan
2183-04	Eksekutif Kontrak Binaan

SUB-UTAMA 22 PROFESIONAL KESIHATAN

Profesional Kesihatan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, dan mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dalam bidang seperti perubatan, kejururawatan dan perbidanan, pergigian, farmasi, perubatan tradisional dan komplementari, veterinar, dan profesional perubatan lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 221 DOKTOR PERUBATAN**
- 222 PROFESIONAL KEJURURAWATAN DAN PERBIDANAN**
- 223 PROFESIONAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**
- 224 PENGAMAL PARAMEDIK**
- 225 PAKAR VETERINAR**
- 226 PROFESIONAL KESIHATAN LAIN**

KUMPULAN KECIL 221 DOKTOR PERUBATAN

Doktor Perubatan mengkaji, mendiagnosis, merawat dan mencegah penyakit, jangkitan, kecederaan, dan lain-lain kecacatan fizikal dan mental pada manusia melalui pengaplikasian prinsip dan prosedur perubatan moden. Mereka merancang, menyelia dan menilai pelaksanaan pelan penjagaan dan rawatan kesihatan, dan menjalankan pendidikan perubatan dan aktiviti penyelidikan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2211 PENGAMAL PERUBATAN UMUM**
- 2212 PENGAMAL PERUBATAN PAKAR**

KUMPULAN UNIT 2211 PENGAMAL PERUBATAN UMUM

Pengamal Perubatan Umum mendiagnosis, merawat dan mencegah penyakit, jangkitan, kecederaan, dan lain-lain kecacatan fizikal dan mental, dan mengekalkan kesihatan umum pada manusia melalui pengaplikasian prinsip dan prosedur perubatan moden. Mereka boleh bertanggungjawab untuk menyediakan penjagaan perubatan yang berterusan dan komprehensif kepada individu, keluarga dan masyarakat.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa dan merawat pesakit, menguruskan rawatan dan pemeriksaan ibu-ibu mengandung serta menyambut kelahiran bayi, menjalankan pemeriksaan mayat dan menyediakan laporan, menjalankan tugas-tugas 'on call' dan menyampaikan ceramah-ceramah;
- b) memeriksa pesakit untuk menentukan jenis jangkitan atau penyakit;
- c) menjalankan pemeriksaan perubatan dan membuat diagnosis;
- d) memberi preskripsi dan rawatan penyakit, gangguan, atau kecederaan yang didiagnos;
- e) memberi nasihat dan menerapkan kaedah perubatan dan rawatan pencegahan;
- f) mengambil bahagian dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk menjaga dan meningkatkan kesihatan komuniti;
- g) mengajar pelajar perubatan dan pelajar sains kesihatan lain, pakar perubatan, dan profesional kesihatan lain;
- h) menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2211)

2211-01	Pegawai Perubatan Gred UD41
2211-02	Doktor Perubatan
2211-03	Pegawai Perubatan
2211-04	Pengamal Perubatan

KUMPULAN UNIT 2212 PENGAMAL PERUBATAN PAKAR

Pengamal Perubatan Pakar mendiagnosis, merawat dan mencegah penyakit, jangkitan, kecederaan dan lain-lain kecacatan fizikal dan mental pada manusia melalui ujian, diagnostik, perubatan, pembedahan, teknik fizikal dan psikiatri yang khusus dengan pengaplikasian prinsip dan prosedur perubatan moden. Mereka pakar dalam penyakit atau kaedah rawatan tertentu, dan boleh mengajar dan membuat penyelidikan dalam bidang pengkhususan mereka.

Tugas merangkumi:

- menjalankan pemeriksaan perubatan dan membuat diagnos;
- memberi rawatan perubatan atau pembedahan khusus untuk jenis penyakit, gangguan, atau kecederaan tertentu;
- memberi nasihat dan menerapkan kaedah dan rawatan perubatan pencegahan;
- mengambil bahagian dalam pembangunan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk menjaga dan meningkatkan kesihatan komuniti;
- mengajar pelajar perubatan dan pelajar sains kesihatan lain, pakar perubatan, dan profesional kesihatan lain;
- menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- mengkhusus dalam penilaian diagnostik, perkhidmatan pemulihan dan pemulihan semula serta penyelidikan berkaitan pendengaran;
- membantu pesakit mengikut arahan perubatan, untuk mengatasi atau meminimumkan kesan atau kecacatan dan gangguan pertuturan;
- merawat orang buta;
- membetulkan semua jenis peranti ortotik;
- membuat splin dengan bahan termoplastik;
- memeriksa pesakit untuk menentukan jenis penyakit;
- menulis spesifikasi untuk anggota palsu atau alatan lain, dan membantu mereka memakainya, dan menerangkan kegunaannya;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2212)

2212-01	Pakar Telinga, Hidung dan Kerongkong
2212-02	Pakar Jantung
2212-03	Pakar Mata
2212-04	Pakar Anestetik

KUMPULAN KECIL 222 PROFESIONAL KEJURURAWATAN DAN PERBIDANAN

Profesional Kejururawatan dan Perbidanan menyediakan rawatan dan perkhidmatan penjagaan bagi mereka yang sakit fizikal atau mental, kurang upaya atau lemah, dan lain-lain yang memerlukan penjagaan yang disebabkan oleh potensi risiko kepada kesihatan termasuk sebelum, semasa dan selepas bersalin. Mereka bertanggungjawab dalam perancangan, pengurusan dan penilaian penjagaan pesakit.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2221 PROFESIONAL KEJURURAWATAN

2222 PROFESIONAL PERBIDANAN

KUMPULAN UNIT 2221 PROFESIONAL KEJURURAWATAN

Profesional Kejururawatan menyediakan rawatan, sokongan dan penjagaan kepada mereka yang memerlukan penjagaan kejururawatan kerana kesan penuaan, penyakit, kecederaan, atau kemerosotan fizikal atau mental yang lain, atau potensi risiko kepada kesihatan.

Tugas merangkumi:

- a) memberi penjagaan, rawatan, dan nasihat kejururawatan kepada pesakit yang cedera, kurang upaya, dan orang lain yang memerlukan penjagaan sedemikian;
- b) memeriksa pesakit untuk menentukan jenis penyakit;
- c) menjalankan pemeriksaan perubatan dan membuat diagnosis;
- d) memberi preskripsi dan rawatan penyakit, gangguan, atau kecederaan yang didiagnosis;
- e) memberi rawatan perubatan dan pembedahan khusus bagi penyakit, gangguan, dan kecederaan tertentu;
- f) memberi nasihat dan menerapkan kaedah perubatan dan rawatan pencegahan;
- g) mengambil bahagian dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk menjaga dan meningkatkan kesihatan komuniti;
- h) mengajar penuntut perubatan dan penuntut sains kesihatan lain, pakar perubatan, dan profesional kesihatan lain;
- i) menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2221)

2221-01	Jururawat Gred U41
2221-02	Jururawat Profesional
2221-03	Jururawat Klinik
2221-04	Jururawat Daerah

KUMPULAN UNIT 2222 PROFESIONAL PERBIDANAN

Profesional Perbidanan menyambut bayi lahir, menyediakan penjagaan antenatal dan postnatum, dan memberi nasihat kepada ibu bapa tentang penjagaan bayi.

Tugas merangkumi:

- a) memberi nasihat kepada ibu hamil tentang diet yang betul, senaman dan tingkah laku untuk memudahkan kehamilan dan kelahiran bayi, dan mengambil berat tentang kesihatan dan perkembangan umum mereka;
- b) menyambut bayi lahir, atau sering kali membantu doktor menyambut bayi;
- c) membuat penilaian kemajuan wanita mengandung dan melahirkan anak, serta menguruskan sebarang komplikasi dan mengenalpasti tanda-tanda yang memerlukan rujukan kepada doktor perubatan yang mempunyai kemahiran khusus dalam obstetrik;
- d) memantau status kesihatan bayi yang baru lahir, menguruskan komplikasi dan mengenalpasti tanda-tanda yang memerlukan rujukan kepada doktor perubatan dengan kemahiran khusus dalam neonatologi;
- e) memantau kesakitan dan ketidakselesaan yang dialami oleh wanita semasa proses kelahiran dan mengurangkan kesakitan menggunakan pelbagai terapi, termasuk penggunaan ubat penahan sakit;
- f) menjaga ibu dalam tempoh postnatum untuk menyelia pemulihan mereka, memeriksa perkembangan bayi, dan menasihati ibu bapa tentang penjagaan bayi;
- g) mengendalikan kelas pendidikan kesihatan dan seminar untuk meningkatkan kesihatan ibu dan bayi;
- h) melaporkan kelahiran kepada pihak berkuasa kerajaan;
- i) menjalankan penyelidikan ke atas amalan dan prosedur perbidanan dan menghebahkan penemuan melalui kertas saintifik dan laporan;
- j) merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan perbidanan di klinik dan dalam komuniti.
- k) memberi nasihat dan kaedah bagi mencegah kehamilan;
- l) mengambil bahagian dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk menjaga dan meningkatkan kesihatan komuniti;
- m) menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- n) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- o) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2222)

2222-01	Jururawat Perbidanan Profesional
---------	----------------------------------

KUMPULAN KECIL 223 PROFESIONAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Profesional Perubatan Tradisional dan Komplementari mencegah, mendiagnosis dan merawat penyakit, jangkitan, kecederaan dan lain-lain kecacatan fizikal dan mental dan mengekalkan kesihatan umum pada manusia dengan menggunakan pengetahuan, kemahiran dan amalan yang diperoleh melalui kajian terhadap teori, kepercayaan dan pengalaman yang berasal dari sesuatu budaya.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2231 AHLI PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

KUMPULAN UNIT 2231 AHLI PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Ahli Perubatan Tradisional dan Komplementari merawat pesakit, mencegah, mendiagnosis dan merawat penyakit, jangkitan, kecederaan dan lain-lain kecacatan fizikal dan mental dan mengekalkan kesihatan umum pada manusia dengan menggunakan pengetahuan, kemahiran dan amalan yang diperoleh melalui kajian terhadap teori, kepercayaan dan pengalaman yang berasal dari sesuatu budaya.

Tugas merangkumi:

- memberi preskripsi dan rawatan penyakit, gangguan atau kecederaan yang didiagnosis;
- memeriksa pesakit, memberi diagnosis dan merawat penyakit dan kecederaan menggunakan herba, tumbuhan dan teknik tradisional lain yang digunakan dalam komuniti;
- menasihati komuniti dan individu tentang diet dan tingkah laku yang betul untuk mengekalkan atau meningkatkan kesihatan;
- mengambil bahagian dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk menjaga dan meningkatkan kesihatan komuniti;
- mengajar pelajar perubatan dan pelajar sains kesihatan lain, pakar perubatan, dan profesional kesihatan lain;
- menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2231)

2231-01	Profesional Pengamal Perubatan Tradisional
2231-02	Ahli Perubatan Tradisional
2231-03	Ahli Akupunktur
2231-04	Ahli Homeopati

KUMPULAN KECIL 224 PENGAMAL PARAMEDIK

Pengamal Paramedik menyediakan khidmat nasihat, diagnostik, rawatan dan pencegahan yang lebih terhad dalam skop dan kerumitan daripada yang dilakukan oleh doktor perubatan. Mereka bekerja secara autonomi, atau dengan pengawasan yang terhad daripada doktor perubatan, dan mengaplikasikan prosedur klinikal awalan untuk merawat dan mencegah penyakit, kecederaan dan gangguan fizikal atau mental yang biasa kepada masyarakat tertentu.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2241 PENGAMAL PARAMEDIK

KUMPULAN UNIT 2241 PENGAMAL PARAMEDIK

Pengamal Paramedik menyediakan khidmat nasihat, diagnostik, rawatan dan pencegahan yang lebih terhad dalam skop dan kerumitan daripada yang dilakukan oleh doktor perubatan. Mereka bekerja secara autonomi, atau dengan pengawasan yang terhad daripada doktor perubatan, dan mengaplikasikan prosedur klinikal awalan untuk merawat dan mencegah penyakit, kecederaan dan gangguan fizikal atau mental yang biasa kepada masyarakat tertentu.

Tugas merangkumi:

- memberi rawatan kecemasan di tempat kejadian, menstabilkan atau menyelamatkan nyawa pesakit, dan sekiranya perlu, membawa pesakit yang sakit atau cedera ke pusat rawatan perubatan dan pembedahan kecemasan di hospital dan pusat trauma;
- memberi preskripsi dan merawat penyakit, gangguan atau kecederaan yang didiagnosis;
- menasihati komuniti dan individu tentang diet dan tingkah laku yang betul untuk mengekalkan atau meningkatkan kesihatan;
- mengambil bahagian dalam pembangunan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk menjaga dan meningkatkan kesihatan komuniti;
- mengajar penuntut perubatan dan penuntut sains kesihatan lain, pakar perubatan, dan profesional kesihatan lain;
- menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2241)

2241-01	Paramedik
2241-02	Paramedik Penjagaan Awal
2241-03	Pegawai Klinikal (Paramedik)
2241-04	Pakar Bedah Lapangan

KUMPULAN KECIL 225 PAKAR VETERINAR

Pakar Veterinar menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, dan mendiagnos, mencegah dan merawat penyakit, kecederaan dan kegagalan fungsi haiwan. Mereka memberikan rawatan kepada pelbagai jenis haiwan atau pakar dalam merawat haiwan tertentu, atau menyediakan perkhidmatan profesional kepada firma-firma komersial bagi menghasilkan produk biologi dan farmaseutikal.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2251 PAKAR VETERINAR

KUMPULAN UNIT 2251 PAKAR VETERINAR

Pakar Veterinar mendiagnos, mencegah dan merawat penyakit, kecederaan dan kegagalan fungsi haiwan. Mereka memberikan rawatan kepada pelbagai jenis haiwan atau pakar dalam merawat haiwan tertentu atau di dalam kawasan khusus, atau menyediakan perkhidmatan profesional kepada firma-firma komersial bagi menghasilkan produk biologi dan farmaseutikal.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab mengawal penyakit-penyakit haiwan dan rawatannya;
- b) merancang dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan mutu ternakan;
- c) menguatkuasa undang-undang import bahan-bahan ternakan, mengawasi pusat-pusat kuarantin;
- d) memberi rawatan pembedahan atau perubatan veterinar;
- e) memberi perkhidmatan obstetrik kepada haiwan;
- f) menguji haiwan tenusu dan haiwan lain dan menginokulasi haiwan terhadap penyakit;
- g) memberi nasihat tentang kebersihan, pemakanan, pembiakan dan penjagaan haiwan;
- h) memeriksa kualiti, ketulenan dan keselamatan makanan yang keseluruhan atau sebahagiannya dibuat daripada bahan mentah yang berasal daripada haiwan untuk makanan manusia;
- i) membantu dalam pengawasan epidemiologi, radiologi, dan pengawasan lain bagi kesihatan haiwan;
- j) melaksanakan autopsi untuk menentukan punca kematian;
- k) menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2251)

2251-01	Pegawai Veterinar Gred GV41
2251-02	Pakar Veterinar
2251-03	Pakar Epidemiologi Veterinar
2251-04	Pakar Bedah Veterinar

KUMPULAN KECIL 226 PROFESIONAL KESIHATAN LAIN

Profesional Kesihatan Lain menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, dan mengaplikasikan pengetahuan saintifik berkaitan ubat-ubatan, pergigian, farmasi, kesihatan dan kebersihan persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, fisioterapi, nutrisi dan terapi pemulihan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2261 DOKTOR PERGIGIAN

2262 AHLI FARMASI

2263 PROFESIONAL PERSEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN KEBERSIHAN

2264 JURUPULIH ANGGOTA

2265 PEGAWAI DIET DAN PEGAWAI NUTRISI

2266 PEGAWAI AUDIOLOGI DAN JURUPULIH PERTUTURAN

2267 PEGAWAI OPTOMETRI DAN PEGAWAI OPTIK

2268 JURUPULIH PEKERJAAN

2269 PROFESIONAL KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 2261 DOKTOR PERGIGIAN

Doktor Pergigian mendiagnos, merawat dan mencegah penyakit, kecederaan dan keabnormalan gigi, mulut, rahang dan tisu yang berkaitan dengan menggunakan prinsip dan prosedur pergigian moden. Mereka menggunakan pelbagai diagnostik khusus, pembedahan dan lain-lain teknik untuk meningkatkan dan mengembalikan kesihatan mulut.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab memberi rawatan pergigian;
- b) memeriksa gigi, gusi, rahang dan tisu mulut lain menggunakan kelengkapan pergigian dan x-ray;
- c) mendiagnos, memberi nasihat, dan rawatan pergigian yang perlu;
- d) membersihkan dan menampal lubang dan mencabut gigi yang rosak atau cacat bentuk;
- e) membina inlai dan korona palsu untuk menggantikan gigi;
- f) mereka bentuk, membina dan memadamkan gigi palsu lengkap dan separa, ortodontik dan perkakas lain, dan membuat bridge;
- g) memberi rawatan pembedahan, perubatan dan rawatan lain untuk jenis penyakit dan gangguan pergigian dan mulut tertentu;
- h) mengambil bahagian dalam aktiviti awam untuk memelihara dan meningkatkan standard kesihatan mulut dan penjagaan gigi;
- i) mengawasi pameran kesihatan pergigian dan memberi panduan kepada kakitangan;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2261)

2261-01	Pegawai Pergigian Gred UG41
2261-02	Doktor Pergigian
2261-03	Doktor Pergigian Pedodontik
2261-04	Pakar Pedodontik

KUMPULAN UNIT 2262 AHLI FARMASI

Ahli Farmasi menyimpan dan mendispens ubatan, dan memberi konsultasi penggunaan ubatan dan kesannya menurut preskripsi doktor perubatan dan profesional kesihatan lain. Mereka membantu dalam penyelidikan, penyediaan ujian dan memantau terapi perubatan untuk meningkatkan kesihatan manusia.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan aktiviti-aktiviti regulatori iaitu menganalisis kandungan bahan-bahan ubat, kosmetik dan ubat tradisional, dan pendaftarannya serta aktiviti pelesenan;
- b) menyemak preskripsi untuk menentukan dos yang dicadangkan agar tidak melebihi hadnya dan arahan penggunaannya difahami oleh pesakit serta memberi nasihat tentang kemungkinan ketidaksesuaian ubatan;
- c) mendispens ubat-ubatan di hospital atau menjualnya di farmasi;
- d) menyimpan fail preskripsi dan merekod pengeluaran narkotik, racun dan ubatan;
- e) menjalankan penyelidikan untuk membangunkan atau menambah baik produk farmaseutikal, kosmetik dan kimia yang berkaitan;
- f) menentukan pembungkusan yang paling sesuai bagi bahan perubatan untuk mengelak daripada kerosakan serta memudahkan penyimpanan dan pengedaran;
- g) menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2262)

2262-01	Pegawai Farmasi Gred UF41
2262-02	Ahli Farmasi
2262-03	Ahli Farmasi Perindustrian
2262-04	Ahli Farmasi Runcit

KUMPULAN UNIT 2263 PROFESIONAL PERSEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN KEBERSIHAN

Profesional Persekitaran dan Kesihatan Pekerjaan dan Kebersihan menilai, merancang dan melaksanakan program-program bagi mengenal pasti, memantau dan mengawal faktor persekitaran yang mungkin boleh menjejaskan kesihatan manusia untuk memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat, dan untuk mencegah penyakit atau kecederaan yang disebabkan oleh agen kimia, fizikal, radiologi dan biologi atau faktor ergonomik.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa premis perniagaan dan kediaman serta kawasan awam untuk mengesan keadaan yang tidak bersih yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan;
- b) menyasat dan menyediakan laporan ke atas semua kes penyakit berjangkit;
- c) membangunkan, melaksana dan mengkaji semula program dan dasar untuk meminimumkan risiko bahaya persekitaran dan pekerjaan;
- d) memberi nasihat tentang masalah dan teknik sanitari alam sekitar;
- e) menggalakkan langkah pencegahan dan pembetulan seperti kawalan penyakit yang membawa organisma dan bahan memudaratkan dalam udara, pengendalian makanan yang bersih, pelupusan sisa yang betul dan pembersihan tempat awam;
- f) menganjurkan kempen, menyampaikan kuliah dan mengagihkan bahan untuk menggalakkan penerapan amalan dan teknik yang diperbaiki;
- g) menyelaras pampasan, pemulihan dan kembali ke tempat kerja bagi pekerja yang cedera;
- h) mengaplikasikan prinsip dan amalan kebersihan dan sanitasi untuk mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas;
- i) bertanggungjawab mengawasi status kebersihan, keselamatan pengeluaran makanan, membantu dalam perancangan, penyelarasan dan penilaian ke atas pendidikan industri makanan dan pendidikan pengguna, memberi sokongan teknikal mengenai aspek teknologi makanan dalam perancangan, pelaksanaan perundangan, latihan dan lain-lain keperluan;
- j) menjalankan tugas-tugas kawalan keselamatan dan kualiti makanan ke atas industri makanan, pematuhan makanan domestik dan import, kawalan eksport makanan serta analisis makanan;
- k) menyediakan dan mengemukakan laporan;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2263)

2263-01	Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41
2263-02	Pegawai Hal Ehwal Buruh - Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
2263-03	Pegawai Sanitasi
2263-04	Ahli Teknologi Pengurusan Sisa Berbahaya

KUMPULAN UNIT 2264 JURUPULIH ANGGOTA

Jurupulih Anggota menilai, merancang dan menjalankan program-program pemulihan untuk memperbaiki atau memulihkan fungsi otot manusia, meningkatkan keupayaan pergerakan, melegakan sindrom kesakitan, dan merawat atau mencegah ketidakfungsian yang dikaitkan dengan kecederaan, penyakit dan kecacatan lain. Mereka menggunakan pelbagai terapi fizikal dan teknik seperti pergerakan, ultrabunyi, pemanasan, laser, dan teknik-teknik lain.

Tugas merangkumi:

- a) memberi rawatan fisioterapi berjadual kepada pesakit;
- b) memberi nasihat kepada masyarakat dan individu tentang postur badan yang betul untuk mengelakkan kecederaan dan menguatkan otot;
- c) menjalankan pemeriksaan untuk membuat diagnosis ke atas gangguan tulang, otot, dan bahagian sistem peredaran darah atau sistem saraf untuk menentukan rawatan yang sewajarnya;
- d) mengurut pelanggan untuk meningkatkan peredaran darah, melegakan atau merangsang urat saraf, memudahkan pembuangan najis, meregangkan tendon yang mengecut dan menghasilkan kesan terapeutik yang lain;
- e) menggunakan rawatan fisioterapi dan teknik yang berkaitan sebagai sebahagian daripada rawatan fizikal atau mental bagi orang kurang upaya;
- f) menentukan rawatan yang sesuai kepada pesakit;
- g) menjalankan pelarasan sendi spina dan ekstremiti dengan menggunakan tangan atau kelengkapan pakar;
- h) menjalankan terapi tisu lembut, seperti mengurut;
- i) mendidik dan memberi nasihat kepada pesakit tentang latihan pemulihan untuk kepulihan jangka panjang untuk memastikan kesihatan terpelihara;
- j) terlibat dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk melindungi dan meningkatkan kesihatan masyarakat;
- k) mengajar pelajar perubatan dan pelajar sains kesihatan lain, pakar perubatan dan profesional kesihatan lain;
- l) menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- m) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- n) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2264)

2264-01 Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41
 2264-02 Jurupulih Perubatan
 2264-03 Jurupulih Urutan
 2264-04 Jurupulih Fizikal

KUMPULAN UNIT 2265 PEGAWAI DIET DAN PEGAWAI NUTRISI

Pegawai Diet dan Pegawai Nutrisi merancang dan menyelia penyediaan diet kepada individu atau kumpulan, menyelia dan menilai program kesihatan serta membantu menilai pelbagai faktor yang berkaitan dengan masalah nutrisi dan makanan dalam masyarakat.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab melaksanakan tugas berkaitan pengurusan dan pemantauan perkhidmatan klinikal dietetik dan komuniti, perancangan dan penyediaan makanan berzat dan sesuai berdasarkan Manual Diet Hospital, dan khidmat nasihat kepada pesakit yang memerlukan diet terapeutik;
- menyediakan penilaian, pendidikan, penyelidikan dan latihan tentang nutrisi;
- mengumpulkan, menguruskan dan menilai data yang berkaitan dengan status kesihatan dan nutrisi individu dan kumpulan;
- memantau pengambilan dan kualiti makanan untuk memberi penjagaan nutrisi;
- merancang dan mengarah penyediaan diet menu terapeutik dan diet/ menu untuk individu atau kumpulan di hospital, institusi dan pertubuhan lain;
- menyertai program pendidikan nutrisi dan aktiviti pemulihan nutrisi;
- memberi nasihat tentang aspek nutrisi berhubung dengan isu nutrisi dan program kesihatan masyarakat;
- mengikuti perkembangan pengetahuan dalam bidang yang berkaitan dan mengekalkan hubungan dengan profesional yang sesuai;
- menyediakan bahan pendidikan serta memberi ceramah dan kuliah tentang diet dan nutrisi;
- menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- mengambil bahagian dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk melindungi dan meningkatkan kesihatan masyarakat;
- mengajar pelajar perubatan dan pelajar sains kesihatan lain, pakar perubatan dan profesional kesihatan lain;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2265)

2265-01 Pegawai Dietetik Gred U41
 2265-02 Pakar Dietetik
 2265-03 Pakar Dietetik Hospital
 2265-04 Pakar Dietetik Kesihatan Awam

KUMPULAN UNIT 2266 PEGAWAI AUDIOLOGI DAN JURUPULIH PERTUTURAN

Pegawai Audiologi dan Jurupulih Pertuturan menilai, mengurus dan merawat gangguan fizikal yang menjejaskan pendengaran, pertuturan dan komunikasi manusia. Mereka memberikan peralatan yang betul atau terapi pemulihan bagi masalah kehilangan pendengaran, gangguan pertuturan dan masalah berkaitan deria dan saraf, dan memberi kaunseling mengenai pendengaran dan komunikasi yang selamat.

Tugas merangkumi:

- menjalankan ujian auditori untuk bayi, kanak-kanak dan orang dewasa;
- mentafsir dan melaporkan keputusan ujian;
- membangunkan dan menambah baik teknik ujian;
- memberi nasihat tentang pemilihan, pemasangan dan penilaian alat bantuan mendengar;
- menyelidik kemajuan baru dalam teknologi bantuan mendengar, seperti alat bantuan digital;
- menguji dan menyelenggara peranti yang diimplan, seperti implan koklea;
- mengendalikan kelengkapan audiometri;
- menjalankan penyelidikan tentang gangguan yang menjejaskan pendengaran dan keseimbangan;
- menguruskan perkhidmatan audiologi, termasuk memantau dan menambah baik kualiti perkhidmatan;
- menyelia kakitangan sokongan;
- mengambil bahagian dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan kesihatan awam untuk melindungi dan meningkatkan kesihatan masyarakat;
- mengajar pelajar perubatan dan pelajar sains kesihatan lain, pakar perubatan dan profesional kesihatan lain;

- m) menyediakan dokumen dan laporan saintifik;
- n) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- o) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2266)

2266-01	Pegawai Audiologi
2266-02	Jurupulih Pertuturan
2266-03	Pakar Ortoepi
2266-04	Pakar Ortofoni

KUMPULAN UNIT 2267 PEGAWAI OPTOMETRI DAN PEGAWAI OPTIK

Pegawai Optometri dan Pegawai Optik memeriksa dan memberi rawatan pada mata dan sistem visual yang mengalami gangguan serta memberi nasihat tentang penjagaan mata dan mengesyorkan bantuan optik atau terapi lain.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan mata untuk mengesan anomali fungsi penglihatan;
- b) merawat dan mengendalikan anomali tersebut menggunakan cermin mata, kanta sentuh, prisma, terapi visual dan low vision devices di samping menjadi perunding dalam masalah penglihatan warna secara profesional di dalam industri, pemanduan jalan raya serta memberi khidmat nasihat bagi memenuhi keperluan dan harapan pihak berkepentingan (stakeholders);
- c) memeriksa mata dan menjalankan ujian penglihatan untuk menentukan sifat dan tahap masalah keabnormalan penglihatan;
- d) menentukan cermin mata dan kanta lekap atau rawatan lain untuk memperbaiki penglihatan;
- e) memberi nasihat tentang penggunaan cermin mata dan kanta lekap yang betul, pencahayaan yang sesuai semasa bekerja atau membaca dan alat bantuan pandang yang lain;
- f) memasang kanta yang telah ditentukan ke dalam bingkai dan menyesuaikan bingkai atau kanta lekap pada pelanggan;
- g) merujuk pelanggan yang mempunyai tanda-tanda penyakit okulus kepada pakar perubatan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2267)

2267-01	Pegawai Optometri Gred U41
2267-02	Pakar Optometri
2267-03	Pakar Optik
2267-04	Pakar Optik Oftalmik

KUMPULAN UNIT 2268 JURUPULIH PEKERJAAN

Jurupulih Pekerjaan membantu mereka pada semua peringkat umur yang mempunyai masalah fizikal, mental atau sosial untuk menyesuaikan diri dengan sebarang aspek kehidupan bagi menjalankan kehidupan dengan lebih produktif, berdikari dan bermakna. Masalah mungkin bermula sejak lahir atau disebabkan oleh faktor kecederaan, penyakit, kecacatan dan keuzuran.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan penilaian tahap keadaan/ kecederaan pesakit dan ketidakupayaan (disability) yang mengganggu kefungsiannya;
- b) menggalakkan pesakit berdikari dalam aktiviti seharian termasuklah mobiliti, penjagaan diri dan aktiviti kerohanian;
- c) memberikan program pendidikan kepada pesakit dan keluarga mereka sebagai langkah pencegahan komplikasi dan disability serta pengekalan tahap optima kefungsi pesakit;
- d) memberikan sokongan psikologi untuk memotivasikan pesakit;
- e) menjalankan latihan kemahiran sosial untuk meningkatkan kebolehan pesakit berinteraksi di dalam komuniti;
- f) menggalakkan pesakit mengambil bahagian dalam aktiviti senggang (leisure) dan sukan yang sesuai;
- g) mereka bentuk dan membuat alat-alat ortotik/ splint untuk membantu kefungsi pesakit;
- h) mereka bentuk dan membuat pakaian tekanan (pressure garment) untuk pengendalian parut/ keloid, edema dan lain-lain;
- i) memberikan laporan tentang penilaian, perancangan rawatan dan kemajuan pesakit kepada pegawai perubatan dan pihak yang berkenaan;
- j) mengendalikan pusat harian untuk pesakit-pesakit yang mengalami masalah fizikal dan psikososial termasuk pemantauan dan pengekalan kefungsi mereka;

- k) mengendalikan kumpulan sokongan (support group) untuk pesakit-pesakit saling berkongsi masalah mereka;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2268)

2268-01 Jurupulih Pekerjaan
 2268-02 Pegawai Jurupulih Kerja Gred 23
 2268-03 Pengurus Kes Gred 23

KUMPULAN UNIT 2269 PROFESIONAL KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Kesihatan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana
 Kumpulan Kecil 226: Profesional Kesihatan Lain. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk juru x-ray, pengajar dan perfusionist.

Tugas merangkumi:

- a) menyemak dan meneliti permohonan pemeriksaan radiografi;
- b) memberi penerangan yang jelas kepada pesakit tentang pemeriksaan dan persediaan yang diperlukan mengikut arahan yang ditetapkan;
- c) mengambil sampel dari pesakit dan haiwan untuk kajian;
- d) menyediakan ujian dan simpanan reagcut, media, standard solution suspension dan lain-lain;
- e) mengemukakan laporan keputusan pengujian bagi penyelidikan dan pengajian;
- f) mengoksigenkan darah pesakit dan memberi oksigen kepada sel keseluruhan tubuh pesakit dengan sempurna dan berkesan;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2269)

2269-01 Juru X-Ray Gred U41
 2269-02 Pengajar Gred U41
 2269-03 Jurupulih Orang Buta
 2269-04 Perfusionist

SUB-UTAMA 23 PROFESIONAL PERGURUAN

Profesional Perguruan mengajar teori dan amali bagi satu atau lebih disiplin pada peringkat pendidikan yang berlainan, menjalankan penyelidikan dan menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi berkenaan dengan disiplin tertentu serta menyediakan kertas dan buku ilmiah.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 231 PROFESIONAL PERGURUAN UNIVERSITI DAN PENDIDIKAN TINGGI**
- 232 GURU PENDIDIKAN VOKASIONAL**
- 233 GURU PENDIDIKAN MENENGAH**
- 234 GURU SEKOLAH RENDAH DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**
- 235 GURU MUZIK, SENI, DAN SENI PERSEMBAHAN**
- 236 GURU BAHASA**
- 237 GURU AGAMA**
- 238 PENGAJAR KEMAHIRAN TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL**
- 239 PROFESIONAL PERGURUAN LAIN**

KUMPULAN KECIL 231 PROFESIONAL PERGURUAN UNIVERSITI DAN PENDIDIKAN TINGGI

Profesional Perguruan Universiti dan Pendidikan Tinggi menyediakan dan menyampaikan kuliah dan tutorial bagi satu atau lebih subjek untuk kursus pengajian yang telah ditetapkan di universiti atau institusi pendidikan tinggi lain. Mereka menjalankan penyelidikan serta menyediakan kertas dan buku ilmiah.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2311 PROFESIONAL PERGURUAN UNIVERSITI DAN PENDIDIKAN TINGGI**

KUMPULAN UNIT 2311 PROFESIONAL PERGURUAN UNIVERSITI DAN PENDIDIKAN TINGGI

Profesional Perguruan Universiti dan Pendidikan Tinggi menyediakan dan menyampaikan kuliah dan tutorial bagi satu atau lebih subjek untuk kursus pengajian yang telah ditetapkan di universiti atau institusi pendidikan tinggi lain. Mereka menjalankan penyelidikan serta menyediakan kertas dan buku ilmiah.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab memberi syarahan, tutorial, menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan;
- b) memberi syarahan, menyelia projek tesis dan mengurus kerja-kerja amali/ tutorial, dan menyediakan nota-nota kuliah/ manual makmal;
- c) mengendalikan urusan peperiksaan, mengawasi kerja-kerja latihan praktik pelajar, membantu menyemak/ menyediakan kurikulum/ silibus dan melibatkan diri dalam kerja-kerja penyelidikan dan menjalankan usaha-usaha pembangunan pelajar;
- d) menyediakan khidmat perundingan untuk pelajar dan pihak luar, menyelia projek, tesis dan kertas kerja pelajar, menjalankan penyelidikan, menerbitkan jurnal, artikel, buku dan sebarang bentuk penerbitan berkaitan, memberi khidmat kemasyarakatan dan khidmat profesional, membantu membangunkan potensi dan sahsiah pelajar, dan mengurus aktiviti berkaitan akademik;
- e) mereka bentuk dan mengubahsuai kurikulum serta menyediakan kursus pengajian mengikut keperluan;
- f) menggalakkan perbincangan dan pemikiran bebas di kalangan pelajar;
- g) menyelidik dan membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi bagi pengaplikasian dalam industri dan bidang lain;
- h) membantu dalam aktiviti kokurikulum;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2311)

2311-01	Pensyarah Universiti Gred DS45
2311-02	Pensyarah Perubatan Gred DU51P
2311-03	Pensyarah UiTM Gred DM41
2311-04	Penolong Pensyarah UiTM Gred DM29

KUMPULAN KECIL 232 GURU PENDIDIKAN VOKASIONAL

Guru Pendidikan Vokasional mengajar atau menunjukcara bagi mata pelajaran vokasional di institusi pendidikan, di sekolah menengah dan kolej. Mereka menyediakan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan atau bidang pekerjaan yang tidak memerlukan kelayakan pengajian di peringkat universiti atau pengajian tinggi.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2321 GURU PENDIDIKAN VOKASIONAL**KUMPULAN UNIT 2321 GURU PENDIDIKAN VOKASIONAL**

Guru Pendidikan Vokasional mengajar atau menunjukcara bagi mata pelajaran vokasional di institusi pendidikan, di sekolah menengah dan kolej. Mereka menyediakan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan atau bidang pekerjaan yang tidak memerlukan kelayakan pengajian di peringkat universiti atau pengajian tinggi.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan menyediakan pelajaran mengikut kurikulum yang telah ditetapkan/ dicadangkan;
- b) mengajar mata pelajaran yang berkenaan serta menyelia kerja sekolah dan disiplin pelajar;
- c) menyediakan, memberi dan memeriksa latihan, tugas dan ujian untuk menilai kemajuan pelajar;
- d) menyediakan laporan tentang kerja pelajar serta berbincang dengan guru lain dan ibu bapa;
- e) mengambil bahagian dalam mesyuarat kakitangan dan persidangan dan bengkel pendidikan;
- f) mengatur atau membantu dalam aktiviti kokurikulum;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2321)

2321-01	Guru Teknik
2321-02	Guru Vokasional

KUMPULAN KECIL 233 GURU PENDIDIKAN MENENGAH

Guru Pendidikan Menengah mengajar satu atau lebih mata pelajaran di peringkat sekolah menengah dan mengatur aktiviti pendidikan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2331 GURU PENDIDIKAN MENENGAH**KUMPULAN UNIT 2331 GURU PENDIDIKAN MENENGAH**

Guru Pendidikan Menengah mengajar satu atau lebih mata pelajaran di peringkat sekolah menengah dan mengatur aktiviti pendidikan.

Tugas merangkumi:

- merancang dan menyediakan pelajaran mengikut kurikulum yang telah ditetapkan/ dicadangkan;
- mengajar mata pelajaran yang berkenaan serta menyelia kerja sekolah dan disiplin pelajar;
- menyediakan, memberi dan memeriksa latihan, tugas dan ujian untuk menilai kemajuan pelajar;
- menyediakan laporan kerja pelajar serta berbincang dengan guru lain dan ibu bapa;
- mengambil bahagian dalam mesyuarat kakitangan, persidangan dan bengkel pendidikan;
- mengatur dan membantu dalam aktiviti kokurikulum;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2331)

2331-01	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41
2331-02	Guru Pendidikan Menengah
2331-03	Pegawai Guru Siswazah
2331-04	Guru Pra-universiti

KUMPULAN KECIL 234 GURU SEKOLAH RENDAH DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Guru Sekolah Rendah dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak mengajar pelbagai mata pelajaran di peringkat pendidikan rendah dan mengatur aktiviti pendidikan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2341 GURU SEKOLAH RENDAH**2342 GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK****KUMPULAN UNIT 2341 GURU SEKOLAH RENDAH**

Guru Sekolah Rendah mengajar pelbagai mata pelajaran di peringkat pendidikan rendah.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab dalam kurikulum, ko-kurikulum, pengurusan hal ehwal murid, dan pengurusan pejabat dan pentadbiran;
- menyediakan program pembelajaran sekolah seperti membaca, menulis dan mengira menurut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan atau dicadangkan;
- menyediakan, menyelia dan memeriksa kertas ujian, projek dan tugas untuk melatih murid-murid dan menilai kemajuan mereka serta memberi bimbingan tambahan jika perlu;
- mengatur dan menyelia aktiviti kokurikulum murid-murid seperti membantu dalam aktiviti sukan, konsert sekolah, lawatan dan program khas;;
- menggalakkan perkembangan diri murid-murid dan membincangkan kemajuan mereka dengan ibu bapa;
- menjaga rekod kedatangan dan disiplin sekolah;
- mengambil bahagian dalam mesyuarat kakitangan, persidangan, dan bengkel pendidikan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2341)

2341-01	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma Gred DGA29
2341-02	Guru Sekolah Rendah
2341-03	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29

KUMPULAN UNIT 2342 GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak menggalakkan perkembangan fizikal, mental dan sosial kanak-kanak pra-sekolah melalui aktiviti pendidikan dan permainan.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan mengatur aktiviti yang dirangka untuk membantu perkembangan fizikal dan kemahiran sosial kanak-kanak;
- b) menggalakkan perkembangan bahasa melalui penceritaan, lakonan, nyanyian, rima dan perbualan, dan perbincangan tidak rasmi;
- c) memerhatikan kanak-kanak untuk menilai dan membincangkan kemajuan dan masalah yang mungkin dengan ibu bapa;
- d) menyelia aktiviti kanak-kanak untuk memastikan keselamatan dan menyelesaikan konflik;
- e) menghadiri mesyuarat kakitangan, persidangan, dan bengkel pendidikan;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2342)

2342-01	Guru Pra-sekolah Rendah
2342-02	Guru Tadika
2342-03	Guru Pra-sekolah
2342-04	Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak

KUMPULAN KECIL 235 GURU MUZIK, SENI, DAN SENI PERSEMBAHAN

Guru Muzik, Seni, dan Seni Persembahan mengajar mengenai teori, amalan dan persembahan dalam muzik, seni dan seni persembahan, dan mengatur aktiviti pendidikan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2351 GURU MUZIK**
- 2352 GURU SENI**
- 2353 GURU SENI PERSEMBAHAN**

KUMPULAN UNIT 2351 GURU MUZIK

Guru Muzik mengajar mengenai teori, amalan dan persembahan kursus dalam muzik, dan mengatur aktiviti pendidikan.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dan menyampaikan pengajaran kepada pelajar tentang topik asas dalam muzik;
- b) mengatur kumpulan persembahan dan mengarah raptai mereka;
- c) merancang dan menyediakan pelajaran mengikut kurikulum yang telah ditetapkan/ dicadangkan;
- d) mengajar mata pelajaran yang berkenaan serta menyelia kerja sekolah dan disiplin pelajar;
- e) menyediakan, memberi dan memeriksa latihan, tugas dan ujian untuk menilai kemajuan pelajar;
- f) menyediakan laporan tentang kerja pelajar serta berbincang dengan guru lain dan ibu bapa;
- g) mengambil bahagian dalam mesyuarat kakitangan, persidangan dan bengkel pendidikan;
- h) mengatur atau membantu dalam aktiviti kokurikulum;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2351)

2351-01	Guru Muzik
2351-02	Guru Vokal

KUMPULAN UNIT 2352 GURU SENI

Guru Seni mengajar mengenai teori, amalan dan persembahan dalam seni, merangkumi seni halus dan seni gunaan, seperti melukis dan mereka bentuk arca atau kraf.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dan menyampaikan pengajaran kepada pelajar tentang topik asas dalam seni;
- b) menerangkan dan menunjuk cara teknik seni;
- c) merancang dan menyediakan pengajaran menurut kurikulum yang ditetapkan/ disarankan;
- d) menyampaikan pengajaran dalam mata pelajarannya dan menyelia kerja kelas dan disiplin pelajar;

- e) menyedia, memberi dan membetulkan latihan, tugas dan ujian untuk menilai kemajuan pelajar;
- f) menyediakan laporan tentang kerja pelajar dan berbincang dengan guru lain dan ibu bapa;
- g) menghadiri mesyuarat kakitangan serta persidangan dan bengkel pendidikan;
- h) mengatur atau membantu dalam aktiviti kurikulum tambahan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2352)

2352-01	Guru Seni Halus
2352-02	Guru Arca
2352-03	Guru Lukisan

KUMPULAN UNIT 2353 GURU SENI PERSEMBAHAN

Guru Seni Persembahan mengajar mengenai teori dan latihan dalam seni persembahan, tarian, drama, visual dan lain-lain seni persembahan.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dan menyampaikan pengajaran kepada pelajar tentang topik asas dalam seni persembahan;
- b) menerangkan dan menunjuk cara teknik seni;
- c) merancang dan menyediakan pengajaran menurut kurikulum yang ditetapkan/ disarangkan;
- e) menyampaikan pengajaran dalam mata pelajarannya dan menyelia kerja kelas dan disiplin pelajar;
- f) menyedia, memberi dan membetulkan latihan, tugas, dan ujian untuk menilai kemajuan pelajar;
- g) menyediakan laporan tentang kerja pelajar dan berbincang dengan guru lain dan ibu bapa;
- h) menghadiri mesyuarat kakitangan, persidangan, dan bengkel pendidikan;
- i) mengatur atau membantu dalam aktiviti kurikulum tambahan;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2353)

2353-01	Guru Peragaan
2353-02	Guru Tari
2353-03	Guru Drama

KUMPULAN KECIL 236 GURU BAHASA

Guru Bahasa merancang, menyediakan dan mengatur aktiviti program bahasa.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2361 GURU BAHASA

KUMPULAN UNIT 2361 GURU BAHASA

Guru Bahasa merancang, menyediakan dan mengatur aktiviti program bahasa.

Tugas merangkumi:

- a) menyelaras semua aktiviti-aktiviti program bahasa termasuk memilih peserta, mengajar, menilai peserta-peserta kursus, di samping membuat kajian dan penyelidikan bagi keperluan latihan;
- b) merancang, menyediakan dan menyampaikan pengajaran menurut kelas dan kelompok umur;
- c) menyemak dan menyediakan maklum balas yang sesuai tentang kerja lisan dan bertulis;
- d) merangka dan menulis bahan baru;
- e) terlibat dalam aktiviti sosial dan kebudayaan;
- f) melaksanakan pengajaran sebagai guru bebas secara satu guru-satu pelajar;
- g) menjalankan kursus pakar bagi orang dewasa atau ahli perniagaan yang mungkin memerlukan pengetahuan istilah saintifik, teknikal, atau komersil;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2361)

2361-01	Guru Bahasa Gred DG41
2361-02	Guru Bahasa Intensif
2361-03	Guru Pendidikan Migrasi
2361-04	Guru Bahasa Praktikal

KUMPULAN KECIL 237 GURU AGAMA

Guru Agama mengajar kursus tentang agama dan ilmu ketuhanan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2371 GURU AGAMA**KUMPULAN UNIT 2371 GURU AGAMA**

Guru Agama mengajar kursus tentang agama dan ilmu ketuhanan.

Tugas merangkumi:

- menyedia dan menyampaikan pengajaran kepada pelajar tentang topik etika, logik dan pemikiran keagamaan kontemporari;
- merancang dan menyediakan pelajaran mengikut kurikulum yang telah ditetapkan/ dicadangkan;
- mengajar mata pelajaran yang berkenaan serta menyelia kerja sekolah dan disiplin pelajar;
- menyediakan, memberi dan memeriksa latihan, tugasan dan ujian untuk menilai kemajuan pelajar;
- menyediakan laporan tentang kerja pelajar serta berbincang dengan guru lain dan ibu bapa;
- mengambil bahagian dalam mesyuarat kakitangan, persidangan dan bengkel pendidikan;
- mengatur atau membantu dalam aktiviti kokurikulum;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 2371)

2371-01	Ustaz/ Ustazah
2371-02	Guru Pengajian Islam
2371-03	Guru Pengajian Agama

KUMPULAN KECIL 238 PENGAJAR KEMAHIRAN TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL

Pengajar Kemahiran Teknologi dan Teknikal melatih pelajar lepasan sekolah dan tenaga kerja industri sedia ada untuk tujuan pekerjaan yang membawa kepada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4, dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 dan ke atas. Lebih 70 peratus latihan adalah latihan sebenar dan sebahagian latihan dilakukan di tempat kerja melalui perantis atau Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2381 PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**KUMPULAN UNIT 2381 PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

Pegawai Latihan Vokasional bertanggungjawab merancang, mengelola dan mengawasi perjalanan Unit Latihan Kemahiran bagi semua jurusan. Membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS), kurikulum dan bahan latihan, melatih atau mengajar satu atau lebih subjek untuk tujuan pekerjaan seperti petrokimia; farmasi; produk berasaskan kayu; produk getah dan berasaskan getah; industri berasaskan minyak kelapa sawit; pemprosesan makanan; elektrik dan elektronik; peralatan perubatan; tekstil dan pakaian; mesin dan peralatan; logam; peralatan pengangkutan; perkhidmatan perniagaan dan profesional; perkhidmatan logistik bersepadu; perkhidmatan ICT; pengagihan perdagangan; perkhidmatan pembinaan, latihan dan pendidikan; perkhidmatan kesihatan; perkhidmatan pelancongan; dan lain-lain.

Tugas merangkumi:

- menjalankan usaha-usaha berbentuk penyelidikan dan pembangunan latihan vokasional sejajar dengan keperluan industri;
- menyedia dan menggunakan pelan mengajar dan memberi demonstrasi untuk memindahkan kemahiran kepada pelatih;
- mengendalikan dan menyediakan latihan termasuk menyediakan pelan mengajar, kertas penerangan, kertas kerja, kertas tugas dan alat-alat bantuan mengajar serta memastikan pencapaian kemahiran oleh pelatih-pelatih, dan mengajar dalam amali dan teori;
- memastikan produk yang dihasilkan daripada Sistem Latihan Kemahiran Kebangsaan memenuhi kehendak industri;
- memudahkan perkongsian pengetahuan antara industri dan pusat latihan kemahiran yang boleh menyumbang lebih kepada penyelidikan dan pembangunan industri;
- memberi arahan dan pengajaran secara terus atau teori dalam bidang atau kepakaran mereka dan menyelia pelatih di bengkel atau kedai;

- g) mengenal pasti faktor yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam sumber manusia yang mahir dan kecekapan;
- h) merancang dan menyediakan promosi yang berkesan bagi program latihan kemahiran untuk meningkatkan tahap kebolehan dan produktiviti pekerja;
- i) memperkenalkan strategi, dasar dan program untuk pembangunan kemahiran dan kecekapan modal insan melalui pembangunan kurikulum; kolaborasi antara industri dan pusat pembelajaran dalam latihan industri; kemudahan yang lebih baik untuk pakar dalam institusi dan bidang industri;
- j) menjalankan tugas berkaitan; dan
- k) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2381)

2381-01	Pegawai Latihan Vokasional Gred DV41
2381-02	Pengajar Latihan Kemahiran
2381-03	Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29
2381-04	Pegawai Latihan Gred E41

KUMPULAN KECIL 239 PROFESIONAL PERGURUAN LAIN

Profesional Perguruan Lain menjalankan penyelidikan dan memberi nasihat tentang kaedah pengajaran, mengajar mereka yang mengalami kesulitan dalam pembelajaran atau pendidikan khas; memberi kelas tuisyen swasta; mengajar teknologi maklumat dan lain-lain mata pelajaran di luar lingkungan sekolah rendah, menengah dan sistem pendidikan tinggi dan menyediakan perkhidmatan pengajaran lain yang tidak dikelaskan dalam kumpulan Sub-Utama 23: Profesional Perguruan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2391 PAKAR KAEDAH PENDIDIKAN

2392 GURU PENDIDIKAN KHAS

2393 JURULATIH TEKNOLOGI MAKLUMAT

2399 PROFESIONAL PERGURUAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 2391 PAKAR KAEDAH PENDIDIKAN

Pakar Kaedah Pendidikan menjalankan penyelidikan dan membangunkan atau memberi nasihat tentang kaedah pengajaran, kursus dan alat bantuan mengajar. Mereka mengkaji dan meneliti tugas guru, fungsi institusi pendidikan dan pencapaian yang diperolehi serta mencadangkan perubahan dan penambahbaikan.

Tugas merangkumi:

- a) membuat penyelidikan tentang perkembangan semasa dalam kurikulum, kaedah pengajaran dan lain-lain amalan pendidikan, dan memberi nasihat tentang perubahan yang perlu dan penambahbaikan yang mungkin;
- b) menilai dan memberi nasihat tentang kandungan kursus dan kaedah peperiksaan;
- c) membuat penyelidikan tentang audio-visual dan lain-lain alat bantu mengajar;
- d) mendokumenkan mata pelajaran dan kursus yang dibangunkan, dan menilai kursus baru;
- e) menyediakan perkhidmatan pembangunan profesional, latihan dan perundingan yang berterusan kepada guru-guru;
- f) menganjurkan dan mengendalikan bengkel dan persidangan untuk melatih guru mengenai program dan kaedah baru;
- g) membangunkan struktur, kandungan dan objektif kursus dan program baharu;
- h) melawat sekolah secara berkala dan berbincang dengan kakitangan pentadbiran dan guru berhubung dengan kurikulum, kaedah pengajaran, peralatan dan perkara-perkara lain;
- i) melawat bilik darjah untuk melihat teknik pengajaran dan untuk menilai prestasi guru, dan keputusan akademik yang diperolehi;
- j) menyediakan laporan dan membuat cadangan kepada pihak berkuasa pendidikan mengenai kemungkinan perubahan dan penambahbaikan dalam kurikulum, kaedah pengajaran, dan perkara-perkara lain;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2391)

2391-01	Pembangun Kurikulum
2391-02	Pakar Kaedah Pendidikan
2391-03	Nazir Sekolah
2391-04	Penilai Sistem Pendidikan

KUMPULAN UNIT 2392 GURU PENDIDIKAN KHAS

Guru Pendidikan Khas mengajar kanak-kanak, orang muda atau dewasa yang cacat anggota atau cacat akal, atau mereka yang mengalami kesukaran dalam pembelajaran dan memerlukan pendidikan yang khas. Mereka menggalakkan pembangunan sosial, emosi, intelek dan fizikal kepada pelajar.

Tugas merangkumi:

- mereka bentuk atau mengubahsuai kurikulum serta menyediakan pelajaran dan aktiviti yang disesuaikan dengan kebolehan dan keperluan pelajar;
- memberi arahan kepada individu atau secara berkumpulan dengan menggunakan teknik khas atau alat bantuan yang sesuai dengan keperluan pelajar;
- memberi arahan dengan menggunakan teknik atau alat bantuan khas seperti Braille atau baca gerak bibir yang sesuai dengan kecacatan dan tahap murid, serta menyelia kerja dalam kelas;
- menggalakkan murid mempunyai keyakinan diri, membantu mereka mencari dan menerima kaedah yang boleh menutup kekurangan yang timbul akibat kecacatan mereka serta memupuk rasa ingin untuk mencapai sesuatu;
- menguruskan ujian, menilai dan meneliti kemajuan setiap murid serta membincangkannya dengan ibu bapa, guru, jurupuluh anggota, pekerja sosial, dan sebagainya;
- berbincang dengan ibu bapa tentang pelbagai program pembelajaran;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2392)

2392-01 Guru Pendidikan Khas Untuk Orang Pekak
 2392-02 Guru Pendidikan Khas Untuk Orang Bisu
 2392-03 Guru Pendidikan Khas Untuk Orang Buta
 2392-04 Guru Pendidikan Khas Untuk Orang Cacat Akal

KUMPULAN UNIT 2393 JURULATIH TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jurulatih Teknologi Maklumat membangun, menjadual dan menjalankan program latihan dan kursus pengkomputeran, dan lain-lain penggunaan teknologi maklumat.

Tugas merangkumi:

- menyedia dan membangun bahan latihan dan alat bantu pengajaran seperti buku panduan, alat bantu visual, tutorial *online*, model demonstrasi, dan rujukan sokongan dokumentasi latihan;
- melaksanakan analisis keperluan latihan;
- merangka bahan kursus dan dokumen lain seperti edaran, manual, dan latihan;
- menyediakan persekitaran dan sumber pembelajaran, termasuk menyediakan kelengkapan IT;
- membuat penyelenggaraan perkakasan dan perisian yang digunakan untuk tujuan latihan dan menyarankan pembaikan dan penaiktarafan kepada pihak pengurusan mengikut kesesuaian;
- mengikuti perkembangan sistem, perisian, dan teknologi latihan dalam talian yang berkaitan;
- menguruskan rekod pentadbiran;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2393)

2393-01 Fasilitator Arahan Satelit
 2393-02 Jurulatih Komputer
 2393-03 Jurulatih Perisian

KUMPULAN UNIT 2399 PROFESIONAL PERGURUAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Perguruan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 239: Profesional Perguruan Lain. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pegawai kesteria, kaunselor pendidikan, guru pendidikan dewasa dan guru tuisyen.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab merancang, mengurus serta menyelaras hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kawad pasukan pancaragam/ muzik, dan menguatkuasakan disiplin pelatih;
- menilai tahap keupayaan dan menentukan keperluan pembelajaran pelajar;
- merancang, menyediakan dan menyampaikan program pembelajaran, pendidikan dan bengkel kepada pelajar individu dan kumpulan;

- d) memberi latihan dan kerja yang sesuai dengan tahap keupayaan, minat dan kebolehan pelajar;
- e) menyemak semula kurikulum, kandungan kursus, bahan kursus dan kaedah pengajaran;
- f) menyediakan pelajar untuk peperiksaan dan penilaian;
- g) memberi kaunseling kepada pelajar untuk membantu mereka memahami dan mengatasi masalah peribadi, sosial, atau tingkah laku yang menjejaskan pendidikan mereka;
- h) mengajar pelajar yang luar biasa pintar dan pelajar bermasalah;
- i) membantu kanak-kanak sekolah yang menghadapi masalah ilmiah, tingkah laku atau personaliti, dan berbincang dengan kanak-kanak dan ibu bapa serta guru tentang cara mengatasi masalah;
- j) merancang, mengatur, dan melaksanakan program khas untuk menyediakan bimbingan pemulihan atau lanjutan;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2399)

2399-01	Pegawai Kesatria Gred S41
2399-02	Kaunselor Pendidikan
2399-03	Kaunselor Pelajar Vokasional
2399-04	Guru Pendidikan Dewasa

SUB-UTAMA 24 PROFESIONAL PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN

Profesional Perniagaan dan Pentadbiran melaksanakan tugas analisis, konsep dan praktikal untuk menyediakan perkhidmatan dalam hal kewangan, pembangunan sumber manusia, perhubungan awam, pemasaran, jualan dan perubatan, teknologi maklumat dan komunikasi serta melaksanakan dan menyemak struktur organisasi, kaedah dan sistem serta menganalisis kuantitatif maklumat dalam aktiviti pelaburan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 241 PROFESIONAL KEWANGAN**
- 242 PROFESIONAL PENTADBIRAN**
- 243 PROFESIONAL JUALAN, PEMASARAN, DAN PERHUBUNGAN AWAM**

KUMPULAN KECIL 241 PROFESIONAL KEWANGAN

Profesional Kewangan merancang dan melaksanakan perkhidmatan perakaunan, memberi nasihat tentang hal perakaunan serta merancang dan melaksanakan audit kewangan akaun individu, pertubuhan dan institusi awam atau swasta.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2411 AKAUNTAN DAN JURUAUDIT**
- 2412 PENASIHAT KEWANGAN DAN PELABURAN**
- 2413 JURUANALISIS KEWANGAN**

KUMPULAN UNIT 2411 AKAUNTAN DAN JURUAUDIT

Akauntan dan Juruaudit merancang, mengatur dan mentadbir sistem perakaunan serta memeriksa dan menganalisis rekod perakaunan dan kewangan bagi individu dan pertubuhan untuk memastikan ketepatan dan pematuhan standard dan prosedur perakaunan yang ditetapkan.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan, meliputi melaksanakan analisis laporan kewangan serta fungsi perbendaharaan;
- b) memberi nasihat, merancang dan melaksanakan dasar dan sistem belanjawan, kawalan akaun dan polisi serta sistem perakaunan lain;
- c) menyediakan dan mengesahkan penyata kewangan untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan, pemegang saham, badan berkanun atau badan lain;
- d) mengaudit dan menyediakan draf Laporan Audit, Akaun-akaun Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam dan lain-lain kumpulan wang;
- e) menyediakan penyata cukai, memberi nasihat tentang masalah percukaian dan mempertahankan tuntutan yang dipertikaikan di hadapan pegawai cukai;
- f) menyediakan atau melaporkan ramalan keuntungan dan belanjawan;
- g) menyediakan kos projek dan analisis risiko;
- h) mengenal pasti bahagian pengurangan kos dan mencadangkan langkah penjimatan/ kawalan kos;

- i) menjalankan penyiasatan kewangan, melaksanakan audit, menyediakan laporan, dan memberi nasihat tentang perkara seperti penipuan yang disyaki, ketidakmampuan membayar, kebangkrutan, pencantuman, pembiayaan modal serta pembelian dan penjualan perniagaan;
- j) bertindak sebagai ejen pembubaran dalam perkara berhubung dengan kebangkrutan dan percukaian;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2411)

2411-01	Akauntan Gred WA41
2411-02	Pegawai Eksekutif (Perakaunan) Gred 41
2411-03	Pegawai Eksekutif (Perakaunan) Gred 9
2411-04	Pegawai Eksekutif (Perakaunan) Gred L5

KUMPULAN UNIT 2412 PENASIHAT KEWANGAN DAN PELABURAN

Penasihat Kewangan dan Pelaburan membangunkan rancangan kewangan untuk individu dan organisasi dan melabur serta menguruskan dana bagi pihak organisasi tersebut.

Tugas merangkumi:

- a) menganalisis profil kewangan syarikat untuk tujuan membuat cadangan pelaburan;
- b) membangunkan dan menyelenggara pangkalan data pelanggan;
- c) menemu duga pelanggan untuk menentukan status dan objektif kewangan, risiko yang boleh berubah suai, dan maklumat lain yang diperlukan untuk perancangan strategi kewangan dan pelaburan;
- d) mengawasi dan menyelaraskan aktiviti perbendaharaan seperti pertukaran mata-wang asing, pasaran wang, dan transaksi bon;
- e) mengatur pembelian dan penjualan saham dan bon untuk pelanggan;
- f) memantau prestasi pelaburan dan menyemak semula rancangan pelaburan berdasarkan keperluan yang boleh berubah suai dan perubahan dalam pasaran;
- g) membuat ukur periksa, menyelidik dan menganalisis butir-butir mengenai hartanah bagi tujuan menyediakan laporan penilaian;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2412)

2412-01	Pegawai Kewangan Gred W41
2412-02	Pegawai Eksekutif (Kewangan) Gred L5
2412-03	Penasihat Kewangan Korporat
2412-04	Penasihat Kewangan dan Pelaburan

KUMPULAN UNIT 2413 JURUANALISIS KEWANGAN

Jruanalisis Kewangan melaksanakan analisis kuantitatif maklumat yang mempengaruhi pelaburan di institusi awam dan swasta.

Tugas merangkumi:

- a) menganalisis profil kewangan syarikat untuk membuat rancangan pelaburan;
- b) memantau perkembangan ekonomi, industri dan korporat melalui analisis maklumat yang diperolehi;
- c) menyediakan pelan tindakan pelaburan berdasarkan analisis kewangan;
- d) mengemukakan laporan lisan dan bertulis mengenai trend ekonomi umum, syarikat individu, dan keseluruhan industri;
- e) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- f) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2413)

2413-01	Jruanalisis Kewangan
2413-02	Jruanalisis Bon
2413-03	Perunding Pelaburan
2413-04	Jruanalisis Operasi Risiko

KUMPULAN KECIL 242 PROFESIONAL PENTADBIRAN

Profesional Pentadbiran mengaplikasikan pelbagai konsep dan teori untuk menambah baik keberkesanan organisasi dan individu dalam organisasi tersebut.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2421 JURUANALISIS PENGURUSAN DAN ORGANISASI
- 2422 PROFESIONAL PENTADBIRAN DASAR
- 2423 PROFESIONAL PERSONEL DAN KERJAYA
- 2424 PROFESIONAL PEMBANGUNAN LATIHAN DAN KAKITANGAN
- 2425 PROFESIONAL PENTADBIRAN
- 2426 PROFESIONAL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

KUMPULAN UNIT 2421 JURUANALISIS PENGURUSAN DAN ORGANISASI

Juruanalisis Pengurusan dan Organisasi membantu organisasi dalam meningkatkan kecekapan dan penyelesaian masalah organisasi. Mereka mengkaji struktur, kaedah, sistem dan prosedur organisasi.

Tugas merangkumi:

- a) membantu dan menggalakkan pembangunan objektif, strategi, dan rancangan yang memuaskan hati pelanggan dan kecekapan penggunaan sumber organisasi yang cekap;
- b) menganalisis dan menilai sistem dan struktur semasa;
- c) membincangkan sistem semasa dengan kakitangan dan mematuhi sistem di semua peringkat organisasi;
- d) memberi panduan kepada pelanggan ke arah organisasi yang lebih cekap dan mencari penyelesaian kepada masalah organisasi;
- e) melaksanakan dan menyemak kajian kerja dengan menganalisis kaedah dan prosedur sedia ada dan yang dicadangkan seperti prosedur pentadbiran dan perkeranian;
- f) merekod dan menganalisis carta aliran kerja, rekod, laporan, manual, dan keterangan pekerjaan organisasi;
- g) menyediakan dan menyarankan cadangan untuk menyemak kaedah dan prosedur organisasi, mengubah aliran kerja, mentakrif semula fungsi kerja, dan menyelesaikan masalah organisasi;
- h) membantu melaksanakan saranan yang diluluskan, mengesahkan peraturan dan manual prosedur yang telah disemak, dan merangka dokumen lain;
- i) menyemak prosedur operasi dan memaklumkan tentang ketidakselarasan operasi dengan prosedur dan standard yang ditetapkan;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2421)

- 2421-01 Juruanalisis Pengeloaan dan Kaedah
- 2421-02 Juruanalisis Penyelidikan dan Maklumat
- 2421-03 Juruanalisis Penyelidikan Operasi
- 2421-04 Perunding Pengurusan

KUMPULAN UNIT 2422 PROFESIONAL PENTADBIRAN DASAR

Profesional Pentadbiran Dasar merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, ekonomi, pentadbiran dan pembangunan wilayah/ daerah/ tempatan/ tanah, perancangan dan pentadbiran sosial, hubungan antarabangsa dan hal ehwal luar negeri (termasuk perkhidmatan luar negeri) keselamatan/ ketahanan negara serta pengurusan teknologi maklumat.

Tugas merangkumi:

- a) berhubung dan merujuk kepada pentadbir program dan pihak lain yang berminat untuk mengenal pasti keperluan dasar;
- b) menyemak dasar dan peraturan sedia ada untuk mengenal pasti sebarang peruntukan yang tidak wajar dan tidak sesuai;
- c) menyelidik trend sosial, ekonomi dan industri, dan jangkaan pelanggan bagi program dan perkhidmatan yang disediakan;
- d) merumuskan dan menganalisis pilihan dasar, menyediakan kertas taklimat dan saranan untuk perubahan dasar, dan memberi nasihat tentang pilihan yang diutamakan;
- e) mengendalikan penaksiran ancaman dan risiko, dan membuat tindakan;
- f) menyemak operasi dan program untuk memastikan dasar organisasi yang konsisten;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2422)

2422-01 Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41
2422-02 Juruanalisis Dasar
2422-03 Pegawai Perisikan
2422-04 Pegawai Dasar

KUMPULAN UNIT 2423 PROFESIONAL PERSONEL DAN KERJAYA

Profesional Personel dan Kerjaya menyediakan perkhidmatan perniagaan profesional yang berkaitan dengan dasar personel seperti pengambilan atau perkembangan kakitangan, analisis pekerjaan, dan bimbingan vokasional.

Tugas merangkumi:

- memberi nasihat dan menjalankan fungsi berkaitan pengambilan pekerja, penempatan, latihan, prestasi kakitangan, kenaikan pangkat, pampasan, dan perhubungan pekerja dengan pihak pengurusan;
- menguruskan rekod personel dan sistem maklumat sumber manusia yang berkenaan;
- mengkaji dan menganalisis kerja yang dilaksanakan dalam sesuatu organisasi, menjalankan temu duga dengan pekerja, penyelia dan pengurusan serta menulis keterangan tentang jawatan, kerja dan pekerjaan secara terperinci daripada data yang diperoleh;
- menyediakan buku kecil/ risalah maklumat pekerjaan dan sistem pengelasan pekerjaan;
- memberi nasihat berhubung dengan aspek-aspek pentadbiran personel, penyelidikan dan perancangan tenaga manusia, latihan atau maklumat pekerjaan, dan bimbingan vokasional;
- mengkaji dan memberi nasihat kepada orang perseorangan tentang peluang pekerjaan, pemilihan kerjaya dan pendidikan atau latihan lanjutan;
- memberi bimbingan kepada pelajar, ibu bapa dan guru tentang pelbagai perkara, termasuk masalah peribadi pelajar, kesulitan pembelajaran, dan keperluan khas;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2423)

2423-01 Pegawai Keselamatan Personel
2423-02 Pegawai Personel
2423-03 Eksekutif Sumber Manusia
2423-04 Juruanalisis Kerja

KUMPULAN UNIT 2424 PROFESIONAL PEMBANGUNAN LATIHAN DAN KAKITANGAN

Profesional Pembangunan Latihan dan Kakitangan merancang, membangun, melaksana, dan menilai program latihan dan pembangunan untuk memastikan pihak pengurusan dan kakitangan memperoleh kemahiran, dan membangunkan kompetensi yang diperlukan oleh organisasi untuk memenuhi objektif organisasi.

Tugas merangkumi:

- mengenal pasti keperluan dan kehendak individu dan organisasi;
- menetapkan objektif pembangunan sumber manusia dan menilai hasil pembelajaran;
- menyediakan dan membangunkan bahan dan alat bantu latihan pengajaran seperti buku panduan, alat bantu visual, tutorial dalam talian, model tunjuk cara, dan dokumen rujukan latihan sokongan;
- mereka bentuk, menyelaras, menyusun jadual, dan mengendalikan program latihan dan pembangunan yang boleh disampaikan dalam bentuk pengajaran perseorangan atau berkumpulan, dan menjadi fasilitator bengkel, mesyuarat, demonstrasi dan persidangan;
- berhubung dengan penyedia latihan luaran untuk mengatur penyampaian program latihan dan pembangunan tertentu;
- menggalakkan latihan dan pembangunan dalaman dan luaran, dan menilai aktiviti promosi tersebut;
- memantau dan melaksanakan penilaian dan penaksiran berterusan bagi kualiti dan keberkesanan latihan luaran dan dalaman serta menyemak dan mengubahsuai objektif, kaedah, dan kebolehsampaian latihan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2424)

2424-01 Pegawai Latihan Kakitangan
 2424-02 Pegawai Latihan Kakitangan Vokasional
 2424-03 Pakar Pembangunan Guna Tenaga
 2424-04 Pembangun Latihan

KUMPULAN UNIT 2425 PROFESIONAL PENTADBIRAN

Profesional Pentadbiran menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan pelbagai tugas pentadbiran lain.

Tugas merangkumi:

- merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar awam;
- menyediakan kertas kerja, kertas konsep dan laporan prestasi organisasi;
- menganjurkan mesyuarat/ persidangan;
- mengendalikan penyelidikan dan menyelenggara profil dan pangkalan data organisasi;
- menyelaraskan penyusunan perjalanan bagi kakitangan berhubung dengan hal kerja;
- membuat dan menilai laporan susulan kakitangan dan/ atau pelanggan;
- menyelaraskan semua kursus latihan dan menyimpan rekod latihan kakitangan;
- menyimpan rekod penjadualan;
- mengendalikan permintaan alat tulis, percetakan, penjilidan, dan sokongan logistik am;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2425)

2425-01 Pegawai Tadbir Gred N41
 2425-02 Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) Gred 41
 2425-03 Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) Gred L5
 2425-04 Pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

KUMPULAN UNIT 2426 PROFESIONAL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Profesional Penyelidikan dan Pembangunan merancang, menggubal dasar dan bertanggungjawab dalam penyelidikan asas dan sains ke arah pembangunan teknologi dan ciptaan-ciptaan baru.

Tugas merangkumi:

- menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan penemuan baru;
- menjalankan penyelidikan bagi mempertingkatkan kualiti ciptaan yang sedia ada;
- menjalankan penyelidikan untuk memperbaiki pengeluaran;
- menilai dan menentukan hasil penyelidikan itu dapat digunakan untuk tujuan pembangunan;
- menguatkuasakan akta-akta yang berkaitan;
- melaksanakan kajian dan penyelidikan mengenai jaminan kualiti, penyelidikan serta pemindahan sains dan teknologi dan pembangunan serta latihan, kursus-kursus bagi pengguna-pengguna dalam negara;
- menjalankan penyelidikan asas dan gunaan, khidmat nasihat kepakaran, dan menyebarkan maklumat berkenaan teknologi berkaitan dalam negara;
- menjalankan kerja-kerja penyelidikan pembangunan (R & D) dalam pelbagai bidang; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2426)

2426-01 Pegawai Penyelidik Gred Q41
 2426-02 Pegawai Sains Gred C41
 2426-03 Penyelidik Agro-Based Biotek Makanan
 2426-04 Penyelidik Biotek Akuakultur

KUMPULAN KECIL 243 PROFESIONAL JUALAN, PEMASARAN, DAN PERHUBUNGAN AWAM

Profesional Jualan, Pemasaran, dan Perhubungan Awam merancang, membangun, menyelaras dan melaksanakan program penyebaran maklumat untuk mempromosikan organisasi, barangan dan perkhidmatan, dan mewakili syarikat dalam menjual pelbagai barangan teknikal, perindustrian, perubatan,

farmaseutikal, serta barangan dan perkhidmatan ICT untuk menambah baik struktur, kecekapan, dan/ atau keuntungan perniagaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2431 PROFESIONAL PENGIKLANAN DAN PEMASARAN

2432 PROFESIONAL PERHUBUNGAN AWAM

2433 PROFESIONAL JUALAN TEKNIKAL DAN PERUBATAN (TIDAK TERMASUK ICT)

2434 PROFESIONAL JUALAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

KUMPULAN UNIT 2431 PROFESIONAL PENGIKLANAN DAN PEMASARAN

Profesional Pengiklanan dan Pemasaran membangunkan dan menyelaras strategi dan kempen pengiklanan serta mewujudkan peluang-peluang pasaran bagi barangan dan perkhidmatan baru, atau yang sedia ada.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, melaksana dan menyelia pelbagai aktiviti perniagaan;
- b) melaporkan maklumbalas dan keperluan pelanggan kepada pengilang;
- c) mengembangkan dan menggunakan idea kreatif untuk kempen pengiklanan sesuatu jenama atau perniagaan;
- d) memberi nasihat kepada pelanggan bagaimana, bila dan di mana peruntukan pengiklanan mereka dibelanjakan;
- e) menyediakan komunikasi secara langsung, kreatif dan berstrategi dengan khalayak sasaran, misalnya mel terus dan secara langsung melalui pengiklanan di radio;
- f) berinteraksi dengan media;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2431)

2431-01	Eksekutif Akaun Pengiklanan
2431-02	Juruanalisis Penyelidikan Pasaran Perniagaan
2431-03	Pegawai Promosi Jualan
2431-04	Pegawai Kecekapan Perniagaan

KUMPULAN UNIT 2432 PROFESIONAL PERHUBUNGAN AWAM

Profesional Perhubungan Awam menambah baik, memberi nasihat dan mengaplikasikan kaedah operasi untuk membina, memelihara dan menguruskan komunikasi antara organisasi dengan khalayaknya.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menguruskan sidang akhbar, draf kenyataan akhbar, nota-nota taklimat dan maklumat, pengurusan penerbitan, pameran dan laporan tahunan;
- b) menulis dan menyunting siaran akhbar, berita dalaman, ucapan, rencana, dan laporan tahunan;
- c) menyimpan dan mengemas kini maklumat tentang laman web organisasi;
- d) menyediakan dan menyelia pengeluaran brosur publisiti, edaran, video promosi, fotograf, filem, dan program multimedia;
- e) menjawab pertanyaan daripada individu, wartawan dan organisasi lain;
- f) memberi taklimat ketika pembentangan, sidang akhbar, temu ramah radio dan televisyen, dan sesi mesyuarat;
- g) membangunkan dan mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan pihak media, termasuk akhbar tempatan dan nasional, majalah, radio dan televisyen;
- h) mengatur acara khas seperti sidang akhbar, pameran, hari terbuka, lawatan, pertandingan dan penajaan;
- i) memupuk hubungan komuniti melalui acara seperti hari terbuka dan melalui penglibatan masyarakat;
- j) menumpukan pada peningkatan kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat;
- k) merancang penyelidikan dan penilaian;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) meningkatkan kefahaman serta menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2432)

2432-01	Pegawai Penerangan Gred S41
2432-02	Pegawai Perhubungan Awam
2432-03	Eksekutif Hal Ehwal Korporat
2432-04	Eksekutif Perhubungan Perindustrian

KUMPULAN UNIT 2433 PROFESIONAL JUALAN TEKNIKAL DAN PERUBATAN (TIDAK TERMASUK ICT)

Profesional Jualan Teknikal dan Perubatan (Tidak Termasuk ICT) menambah baik, menasihati atau mengaplikasikan kaedah operasi khusus dalam penjualan produk perubatan dan penjagaan kesihatan termasuk pemasangan kelengkapan dan produk teknikal, dan menyediakan maklumat khusus seperti yang diperlukan.

Tugas merangkumi:

- menilai keperluan dan mengesyorkan barangan atau perkhidmatan yang sesuai;
- menghadiri mesyuarat syarikat, sesi penerangan dan taklimat data teknikal;
- peka tentang perkembangan Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (NHS), menjangka impak negatif dan positif yang mungkin timbul ke atas perniagaan dan mengamalkan strategi sewajarnya;
- peka tentang aktiviti perkhidmatan kesihatan di kawasan tertentu;
- menyediakan maklumat mengenai reka bentuk di mana produk atau perkhidmatan hendaklah mengikut keperluan pelanggan;
- membuat laporan dan kertas kerja untuk menjalankan demonstrasi mengenai faedah produk atau perkhidmatan tersebut;
- mengatur penghantaran barangan, pemasangan peralatan dan penyediaan perkhidmatan;
- merancang, membuat penyelidikan dan penilaian;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2433)

2433-01	Wakil Jualan Perubatan
2433-02	Wakil Jualan Peralatan Perubatan
2433-03	Wakil Jualan Perkakasan Perubatan
2433-04	Wakil Jualan Peralatan Aktif Implan

KUMPULAN UNIT 2434 PROFESIONAL JUALAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

Profesional Jualan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) menjual pelbagai perkakasan komputer, perisian, serta barangan dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi lain termasuk pemasangan dan menyediakan maklumat khusus menurut keperluan.

Tugas merangkumi:

- mendapatkan pesanan dan menjual barangan kepada pertubuhan runcit, industri, borong, dan pertubuhan lain;
- menjual kelengkapan, bekalan, dan perkhidmatan teknikal kepada pertubuhan perniagaan atau individu;
- membincangkan keperluan pelanggan baru dan sedia ada dan menyediakan maklumat khusus tentang bagaimana kelengkapan, bekalan, dan perkhidmatan tertentu memenuhi keperluan tersebut;
- menyebut dan merundingkan harga, syarat kredit, mengikat kontrak, dan merekodkan pesanan;
- mengemas kini rekod pelanggan dan menyediakan laporan jualan;
- mengatur penghantaran barangan, pemasangan kelengkapan, dan penyediaan perkhidmatan; dan
- melaporkan reaksi dan keperluan pelanggan kepada pengilang.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2434)

2434-01	Wakil Jualan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
2434-02	Wakil Jualan Komputer
2434-03	Jurutera Sokongan Produk
2434-04	Jurutera Jualan Teknologi Maklumat

SUB-UTAMA 25 PROFESIONAL TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Profesional Teknologi Maklumat dan Komunikasi menjalankan penyelidikan, merancang, mereka bentuk, menulis, menguji, memberi nasihat dan menambah baik sistem, perkakasan, perisian, dan konsep yang berkaitan dengan teknologi maklumat untuk aplikasi khusus; membangunkan dokumentasi berkaitan termasuk prinsip, dasar, dan prosedur; dan mereka bentuk, membangunkan, mengawal, menyelenggara dan menyokong pangkalan data dan sistem maklumat lain untuk memastikan prestasi, integriti dan keselamatan data yang optimum.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 251 PEMBANGUN DAN JURUANALISIS PERISIAN DAN APLIKASI
- 252 PROFESIONAL PANGKALAN DATA DAN RANGKAIAN
- 253 PROFESIONAL KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- 254 PROFESIONAL KANDUNGAN KREATIF DAN DIGITAL

KUMPULAN KECIL 251 PEMBANGUN DAN JURUANALISIS PERISIAN DAN APLIKASI

Pembangun dan Juruanalisis Perisian dan Aplikasi menjalankan penyelidikan, merancang, mereka bentuk, menulis, menguji, memberi nasihat dan menambah baik sistem teknologi maklumat seperti perkakasan, perisian, dan aplikasi lain untuk memenuhi keperluan khusus.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2511 JURUANALISIS SISTEM KOMPUTER
- 2512 PEMBANGUN PERISIAN
- 2513 PEMBANGUN WEB DAN MULTIMEDIA
- 2514 PENGATURCARA APLIKASI
- 2519 PEMBANGUN DAN JURUANALISIS PERISIAN DAN APLIKASI YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 2511 JURUANALISIS SISTEM KOMPUTER

Juruanalisis Sistem Komputer berperanan untuk mengumpul dan menganalisis fakta tentang operasi, prosedur dan sistem bagi memindahkannya kepada bentuk program yang sesuai untuk peralatan pemrosesan data, dan mencadangkan penggunaan komputer bagi meningkatkan kecekapan produktiviti dan keuntungan organisasi.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan spesifikasi program untuk tindakan Pengaturcara Komputer;
- b) menjalankan penyelidikan, menganalisis dan menilai keperluan teknologi maklumat, prosedur atau masalah pelanggan;
- c) membangun, melaksanakan cadangan dan rancangan untuk meningkatkan sistem maklumat semasa atau akan datang;
- d) mengenalpasti, menilai ketidakcekapan dan menganalisis proses, prosedur serta amalan kerja untuk mengoptimumkan prestasi organisasi;
- e) mencipta, mengambil dan melaksanakan projek pengujian sistem;
- f) membangunkan spesifikasi fungsi untuk kegunaan pemaju sistem;
- g) memperluaskan atau meminda sistem bagi meningkatkan aliran kerja untuk perkhidmatan baru;
- h) mengkoordinasi dan menghubungkan sistem-sistem komputer antara organisasi untuk mengoptimumkan operasi organisasi;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 2511)

2511-01	Juruanalisis Sistem Maklumat Pengurusan (MIS)
2511-02	Juruanalisis Sistem Komputer
2511-03	Perunding Komputer
2511-04	Perunding Sistem Teknologi Maklumat

KUMPULAN UNIT 2512 PEMBANGUN PERISIAN

Pembangun Perisian menyelidik, menganalisis dan menilai keperluan aplikasi perisian dan sistem operasi sedia ada atau yang baharu, dan mereka bentuk, membangunkan, menguji dan menyelesaikan masalah perisian untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan.

Tugas merangkumi:

- a) menyelidik, menganalisis dan menilai keperluan aplikasi perisian dan sistem operasi;
- b) menyelidik, mereka bentuk dan membangunkan sistem perisian komputer;
- c) merujuk kakitangan kejuruteraan untuk menilai antara muka (interface) antara perkakasan dengan perisian;
- d) membangun dan mengarahkan pengujian perisian dan pengesahan prosedur;
- e) mengubahsuai perisian sedia ada untuk membetulkan ralat dan menyesuaikan dengan

- perkakasan baru, atau untuk menaik taraf antara muka (interface) dan meningkatkan prestasi;
- f) mengarah pengaturcaraan perisian dan pembangunan dokumentasi;
- g) menilai, membangunkan, menaik taraf dan mendokumentasi prosedur penyelenggaraan untuk sistem operasi, persekitaran komunikasi, dan perisian aplikasi;
- h) merujuk pelanggan berhubung dengan penyelenggaraan sistem perisian; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2512)

2512-01	Pembangun Perisian
2512-02	Pembangun Perisian Multimedia
2512-03	Pereka Perisian
2512-04	Jurutera Rekabentuk

KUMPULAN UNIT 2513 PEMBANGUN WEB DAN MULTIMEDIA

Pembangun Web dan Multimedia menggabungkan pengetahuan reka bentuk dan teknikal untuk menyelidik, menganalisis, menilai, mereka bentuk, mengatur cara, dan mengubahsuai laman web dan aplikasi yang memaparkan teks, grafik, animasi, pengimejan, audio dan video, dan media interaktif lain.

Tugas merangkumi:

- a) menganalisis, mereka bentuk dan membangunkan laman Internet dengan menggunakan hasil seni dan kreativiti dengan menggunakan pengaturcaraan perisian (software programming) dan bahasa penskripan (scripting languages) dan antara muka (interfacing) dengan persekitaran operasi;
- b) mereka bentuk dan membangunkan animasi digital, pengimejan, persembahan, permainan, audio dan klip video, dan aplikasi Internet dengan menggunakan perisian multimedia, perkakasan dan utiliti, grafik interaktif, dan bahasa pengaturcaraan;
- c) berhubung dengan pakar rangkaian berkenaan dengan isu yang berkaitan dengan web seperti keselamatan dan hosting laman web untuk mengawal dan menguatkuasakan keselamatan Internet dan pelayan web (web server), peruntukan ruang (space allocation), akses pengguna, laman web sandaran (website backup) dan perancangan pemulihan bencana;
- d) mereka bentuk, membangunkan dan menyepadukan kod komputer dengan input khusus lain seperti fail imej, fail audio dan penskripan bahasa untuk menghasilkan, menyelenggara dan menyokong laman web;
- e) membantu menganalisis, menetapkan, dan membangunkan strategi Internet (Internet strategies), metodologi pangkalan web (web-based methodologies) dan pelan pembangunan (development plans);
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2513)

2513-01	Pembangun Laman Web
2513-02	Pembangun Internet/ Intranet
2513-03	Arkitek Laman Web
2513-04	Pengendali Web

KUMPULAN UNIT 2514 PENGATURCARA APLIKASI

Pengaturcara Aplikasi menulis dan menjaga *programmable code* yang digariskan dalam panduan spesifikasi teknikal untuk aplikasi perisian dan sistem operasi.

Tugas merangkumi:

- a) menulis dan menjaga *code outline* yang digariskan dalam panduan dan spesifikasi menurut standard akreditasi kualiti;
- b) menyemak, membaiki pulih atau mengembangkan program sedia ada untuk meningkatkan kecekapan operasi atau menyesuaikan dengan keperluan baharu;
- c) menjalankan percubaan *runs* dan aplikasi perisian untuk mengesahkan ia akan menghasilkan maklumat yang dikehendaki;
- d) menyusun dan menulis dokumentasi pembangunan atur cara;
- e) mengenal pasti dan membincangkan masalah teknikal, proses dan penyelesaian;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2514)

2514-01	Pengaturcara Komputer
2514-02	Pengaturcara Perisian
2514-03	Pengaturcara Teknikal
2514-04	Pengaturcara Teknologi Maklumat

KUMPULAN UNIT 2519 PEMBANGUN DAN JURUANALISIS PERISIAN DAN APLIKASI YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pembangun dan Juruanalisis Perisian dan Aplikasi yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 251: Pembangun dan Juruanalisis Perisian dan Aplikasi. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk penguji perisian, penguji sistem dan jurutera jaminan kualiti.

Tugas merangkumi:

- membangunkan dan mendokumentasikan rancangan pengujian perisian;
- memasang perisian, perkakasan dan mengatur perisian sistem operasi bagi persediaan pengujian;
- mengesahkan bahawa fungsi atur cara adalah mengikut keperluan pengguna dan garis panduan yang ditetapkan;
- melaksanakan, menganalisis dan mendokumentasikan keputusan pengujian aplikasi perisian serta ujian sistem maklumat dan telekomunikasi;
- membangun dan melaksanakan pengujian perisian dan sistem maklumat dasar, prosedur, dan skrip ujian perisian dan sistem maklumat;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2519)

2519-01	Penguji Perisian
2519-02	Penguji Sistem
2519-03	Jurutera Jaminan Kualiti Produk (Teknologi Maklumat)
2519-04	Juruanalisis Jaminan Kualiti (Teknologi Maklumat)

KUMPULAN KECIL 252 PROFESIONAL PANGKALAN DATA DAN RANGKAIAN

Profesional Pangkalan Data dan Rangkaian mereka bentuk, membangunkan, menyelenggara dan membantu mencapai prestasi optimum, serta mengawal keselamatan dan infrastruktur termasuk pangkalan data, perkakasan dan perisian, serta sistem rangkaian dan operasi.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2521 PEREKA DAN PENTADBIR PANGKALAN DATA

2522 PENTADBIR SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

2523 PROFESIONAL RANGKAIAN KOMPUTER

2524 PROFESIONAL DATA

KUMPULAN UNIT 2521 PEREKA DAN PENTADBIR PANGKALAN DATA

Pereka dan Pentadbir Pangkalan Data mereka bentuk, membangunkan, mengawal, menyelenggara dan membantu mencapai prestasi optimum, dan mengawal keselamatan pangkalan data.

Tugas merangkumi:

- mereka bentuk dan membangunkan seni bina dan struktur pangkalan data projek sistem maklumat;
- mereka bentuk, membina, mengubahsuai, menyepadu, melaksana dan menguji sistem pengurusan pangkalan data;
- menjalankan penyelidikan dan memberi nasihat tentang pemilihan, aplikasi, dan pelaksanaan alat pengurusan pangkalan data;
- membangunkan dan melaksanakan dasar, dokumentasi, standard dan model pentadbiran data;
- membangunkan dasar dan prosedur akses pangkalan data untuk sandaran dan pemulihan data;
- menjalankan operasi dan penyelenggaraan pencegahan untuk sandaran dan pemulihan, dan menguatkuasakan kawalan keselamatan dan integriti;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2521)

2521-01	Arkitek Pangkalan Data
2521-02	Juruanalisis Pangkalan Data
2521-03	Pentadbir Pangkalan Data
2521-04	Pereka Pangkalan Data

KUMPULAN UNIT 2522 PENTADBIR SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pentadbir Sistem Teknologi Maklumat membangunkan, menyelenggara dan membantu mencapai prestasi optimum, dan mengawal keselamatan sistem teknologi maklumat.

Tugas merangkumi:

- menyelenggara dan mentadbir rangkaian komputer dan persekitaran pengkomputeran yang berkaitan termasuk perkakasan komputer, perisian sistem, perisian aplikasi dan semua konfigurasi;
- mencadangkan perubahan untuk memperbaiki sistem dan konfigurasi rangkaian, dan menentukan perkakasan atau keperluan perisian yang berkaitan dengan perubahan tersebut;
- mendiagnosis masalah perkakasan dan perisian; melaksanakan sandaran data (backup data) dan operasi pemulihan bencana;
- mengendalikan induk konsol untuk memantau prestasi sistem komputer dan rangkaian, dan menyelaras akses rangkaian dan penggunaan komputer.
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2522)

2522-01	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41
2522-02	Pegawai Eksekutif (Teknologi Maklumat) Gred 41
2522-03	Pegawai Eksekutif (Teknologi Maklumat) Gred 9
2522-04	Pegawai Eksekutif (Teknologi Maklumat) Gred L5

KUMPULAN UNIT 2523 PROFESIONAL RANGKAIAN KOMPUTER

Profesional Rangkaian Komputer menyelidik, menganalisis dan mencadangkan strategi dalam seni bina rangkaian (network architecture) dan pembangunan rangkaian. Mereka melaksanakan, mengurus, menyelenggara, dan melakukan konfigurasi perkakasan rangkaian dan perisian, dan memantau, menyelesaikan masalah, dan mengoptimalkan prestasi.

Tugas merangkumi:

- menganalisis, membangun, mentafsir dan menilai reka bentuk sistem yang kompleks dan spesifikasi seni bina, model data dan rajah dalam konfigurasi pembangunan dan integrasi sistem komputer;
- menyelidik, menganalisis, menilai dan memantau infrastruktur rangkaian untuk memastikan rangkaian dikonfigurasi untuk beroperasi pada prestasi optimum;
- menilai dan mencadangkan penambahbaikan kepada operasi rangkaian dan perkakasan, perisian, komunikasi dan sistem operasi bersepadu;
- menyediakan kemahiran pakar dalam menyokong dan menyelesaikan masalah rangkaian dan kecemasan;
- memasang, mengkonfigurasi, menguji, menyelenggara dan mentadbir rangkaian baru dan yang dinaik taraf, aplikasi pangkalan data perisian, pelayan (server) dan stesen kerja;
- menyediakan pengaturcaraan rangkaian dalam menyokong keperluan perniagaan dan keperluan khusus;
- menyediakan dan mengekalkan prosedur dan dokumentasi untuk inventori rangkaian, dan merakam diagnosis dan resolusi kerosakan rangkaian, peningkatan dan pengubahsuaian kepada rangkaian, dan arahan penyelenggaraan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2523)

2523-01	Juruanalisis Rangkaian
2523-02	Perunding Perkhidmatan Rangkaian
2523-03	Pentadbir Rangkaian
2523-04	Pentadbir Rangkaian Infrastruktur

KUMPULAN UNIT 2524 PROFESIONAL DATA

Professional Data mengkhusus dalam bidang sains data, yang menyediakan maklumat penting berdasarkan sejumlah data yang kompleks atau data besar. Ia menggabungkan pelbagai bidang kerja dalam statistik dan pengiraan untuk mentafsir data bagi tujuan membuat keputusan.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dokumen untuk menggariskan sumber data, model dan algoritma yang digunakan dan dibangunkan;
- b) mengekstrak data dari sumber data;
- c) mencadangkan kegunaan baru untuk sumber dan struktur data sedia ada;
- d) menggabungkan pelbagai set data untuk membina set data besar dan kompleks;
- e) membina perisian untuk membersihkan, menggabung dan mengurus data;
- f) membuat teknik pengekstrakan data untuk menyiasat petunjuk, mengenal pasti corak dan keteraturan dalam data;
- g) melaksanakan proses automatik untuk menghasilkan model skala;
- h) membangunkan kod kompleks, skrip dan saluran data untuk memproses data berstruktur dan tidak berstruktur;
- i) menguji konfigurasi sistem data untuk meningkatkan kecekapan;
- k) menjalankan pencarian, visualisasi data, dan fungsi analisis lanjutan;
- l) memantau prestasi sistem data;
- m) memudahkan pembersihan dan pengayaan data; dan
- n) melakukan pemeriksaan data dan semakan kawalan kualiti

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2524)

- 2524-01 Ahli Sains Data
- 2524-02 Jurutera Data Besar
- 2524-03 Juruanalisis Data
- 2524-04 Data Model

KUMPULAN KECIL 253 PROFESIONAL KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Profesional Keselamatan Teknologi Maklumat menilai dan menangani risiko keselamatan untuk dan dalam parameter organisasi.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2531 PROFESIONAL KESELAMATAN SIBER

KUMPULAN UNIT 2531 PROFESIONAL KESELAMATAN SIBER

Profesional Keselamatan Siber termasuk bukan sahaja fokus terhadap staf teknikal, tetapi juga mereka yang menggunakan pengetahuan mengenai keselamatan siber bagi organisasi untuk melaksanakan misi dengan jayanya. Tenaga kerja keselamatan siber yang berpengetahuan dan mahir diperlukan untuk menangani risiko keselamatan siber dalam keseluruhan proses pengurusan risiko organisasi.

Tugas merangkumi:

- a) merancang konsep, mereka bentuk, memperoleh, dan / atau membina sistem teknologi maklumat (IT) yang selamat, dan bertanggungjawab untuk aspek pembangunan sistem dan / atau rangkaian ;
- b) memberikan sokongan, pentadbiran, dan penyelenggaraan yang diperlukan untuk memastikan prestasi dan keselamatan sistem teknologi maklumat (IT) yang berkesan dan efisien;
- c) memimpin, mengurus, memberi arahan, atau membangunkan dan memberi nasihat supaya organisasi dapat menjalankan kerja keselamatan siber dengan berkesan;
- d) mengenal pasti, menganalisis, dan mengurangkan ancaman terhadap sistem dan / atau rangkaian teknologi maklumat dalaman (IT);
- e) melakukan tinjauan dan penilaian maklumat keselamatan siber yang sangat khusus untuk menentukan kegunaannya untuk kepintaran;
- f) menyediakan operasi penolakan dan penipuan khusus dan pengumpulan maklumat keselamatan siber yang mungkin digunakan untuk membangunkan kepintaran; dan
- g) menyiasat kejadian keselamatan siber atau jenayah yang berkaitan dengan sistem, rangkaian, dan bukti digital teknologi maklumat (IT)

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2531)

2531-01	Eksekutif keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi
2531-02	Eksekutif keselamatan siber
2531-03	Pakar forensik digital
2531-04	Pakar keselamatan (Teknologi Maklumat)

KUMPULAN KECIL 254 PROFESIONAL KANDUNGAN KREATIF DAN DIGITAL

Profesional Kandungan Kreatif dan Digital memberi gambaran, merancang, membuat, menghasilkan dan membangunkan kandungan digital menerusi pelbagai medium penghantaran seperti animasi, permainan, kesan visual, media baru, *Virtual Reality (VR)*/ *Augmented Reality (AR)* dan format media digital yang lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2541 PROFESIONAL KESAN VISUAL DAN ANIMASI**
- 2542 PROFESIONAL PERMAINAN DIGITAL DAN E-SUKAN**
- 2543 PROFESIONAL PEREKA KANDUNGAN KREATIF**

KUMPULAN UNIT 2541 PROFESIONAL KESAN VISUAL DAN ANIMASI

Profesional Kesan Visual dan Animasi menggabungkan pengetahuan artistik dan teknikal untuk memberi gambaran, merancang, membuat, menghasilkan, membangunkan kandungan digital yang memaparkan teks, grafik, animasi, pengimejan, audio dan video, dan jenis kandungan lain untuk animasi, kesan visual, media baru dan lain-lain digital format media linear.

Tugas merangkumi:

- a) menggunakan pengetahuan teknikal dan artistik untuk memberi gambaran mengenai kandungan digital;
- b) merancang dan menyusun aliran kerja dan saluran pengeluaran untuk memastikan pengeluaran yang berkualiti;
- c) menentukan kandungan secara visual, secara lisan atau secara bertulis mengenai format output akhir;
- d) melaksanakan atau membantu dalam pelaksanaan kandungan digital;
- e) menganalisis dan menilai pelbagai pilihan dalam proses membuat keputusan untuk memastikan penyelesaian paling optimum dipilih;
- f) berkomunikasi secara jelas dengan penyelia dan pekerja bawahan untuk memastikan penghantaran tugas dipenuhi tepat pada masanya;
- g) bekerjasama secara proaktif dengan ahli pasukan lain termasuk dari pelbagai kepakaran untuk menyelesaikan masalah;
- h) mewujudkan kandungan digital untuk meningkatkan kualiti output;
- i) menjalankan tugas-tugas yang berkaitan melalui alat penciptaan kandungan digital, saluran paip, alat dan teknologi; dan
- j) meningkatkan pengetahuan dan menyelaraskan prestasi kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2541)

2541-01	Artis Layout
2541-02	Animator 3D
2541-03	Animator 2D
2541-04	Pemodel CG

KUMPULAN UNIT 2542 PROFESIONAL PERMAINAN DIGITAL DAN E-SUKAN

Profesional Permainan Digital dan E-Sukan menggabungkan pengetahuan artistik dan teknikal untuk memberi gambaran, merancang, membuat, menghasilkan, membangunkan kandungan digital yang memaparkan teks, grafik, animasi, pengimejan, audio dan video, dan jenis kandungan lain untuk permainan, vr/ar dan lain-lain format media digital bukan linear.

Tugas merangkumi:

- a) mengatur penciptaan kandungan permainan, menjadikannya tepat pada masanya dan dalam anggaran kos;
- b) mencipta rupa, rasa dan jalan cerita permainan, menentukan bagaimana permainan akan dimainkan;
- c) mencipta karya seni, 2D, 3D, animasi untuk aset seni visual dalam permainan;
- d) menggubah muzik dan mencipta kesan bunyi, menyatukannya ke dalam permainan;
- e) melaksanakan ciri-ciri dan fungsi melalui pengaturcaraan untuk menjadikan permainan seronok untuk dimainkan;

- f) uji permainan untuk mengenal pasti kesilapan dalam permainan, semak untuk sebarang *bug*, gangguan dan kesilapan;
- g) bekerjasama secara proaktif dengan ahli pasukan lain termasuk dari pelbagai kepakaran untuk menyelesaikan masalah;
- h) mengoptimalkan kandungan digital untuk kecekapan prestasi masa sebenar;
- i) melaksanakan tugas yang berkaitan melalui alat penciptaan kandungan digital, enjin permainan, alat dan teknologi; dan
- j) meningkatkan pengetahuan dan menyelaraskan prestasi kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2542)

2542-01 Pereka Permainan (Digital)
2542-02 Pereka Tahap (Digital)
2542-03 Penguji QA / Penguji Permainan (Digital)
2542-04 Pengeluar Permainan (Digital)

KUMPULAN UNIT 2543 PROFESIONAL PEREKA KANDUNGAN KREATIF

Profesional Pereka Kandungan Kreatif menggabungkan pengetahuan artistik dan teknikal untuk memberi gambaran, merancang, membuat, menghasilkan, membangunkan kandungan digital yang memaparkan teks, grafik, animasi, pengimejan, audio dan video, dan jenis kandungan lain untuk pelbagai media digital termasuk format linear dan bukan linear.

Tugas merangkumi:

- a) mewujudkan reka bentuk pengguna berpusat bertaraf dunia melalui pertimbangan penyelidikan pengguna, keperluan perniagaan, maklum balas pelanggan dan hasil kajian kebolehgunaan;
- b) membangunkan kerangka konseptual, *wireframes*, *mockups* visual, prototaip dan reka bentuk visual aplikasi web dan mudah alih;
- c) membangun dan mengekalkan spesifikasi komunikasi pengguna secara terperinci;
- d) membentangkan kerja reka bentuk kepada pengguna berpengalaman, produk, pemilik perniagaan untuk semakan dan maklum balas;
- e) mencipta dan melaksanakan kajian kebolehgunaan, personaliti, struktur navigasi, dan kerangka afiniti;
- f) menyediakan cadangan kebolehgunaan berdasarkan amalan terbaik industri, analisis, dan tingkah laku pengguna;
- g) bekerjasama secara proaktif dengan ahli pasukan lain termasuk dari pelbagai kepakaran untuk menyelesaikan masalah;
- h) mengoptimalkan pengalaman pengguna berdasarkan kompilasi analisis data aktiviti pengguna;
- i) melaksanakan tugas yang berkaitan melalui alat penciptaan kandungan digital, perisian visualisasi, alat dan teknologi;
- j) meningkatkan pengetahuan dan menyelaraskan prestasi kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2543)

2543-01 Pereka Web
2543-02 Pereka Grafik
2543-03 Pereka Tipografi
2543-04 Pereka

SUB-UTAMA 26 PROFESIONAL PERUNDANGAN

Profesional Perundangan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan dalam aktiviti perundangan dan peraturan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

261 PROFESIONAL PERUNDANGAN

KUMPULAN KECIL 261 PROFESIONAL PERUNDANGAN

Profesional Perundangan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan dalam aktiviti perundangan dan peraturan serta membela kes atau menjalankan pendakwaan di mahkamah atau mengetuai prosiding kehakiman dan memutuskan penghakiman di mahkamah.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2611 PEGUAM

2612 HAKIM

2619 PROFESIONAL PERUNDANGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 2611 PEGUAM

Peguam memberi nasihat perundangan yang berhubung dengan pelbagai perkara kepada pelanggannya dan membuat rayuan kes atau menjalankan pendakwaan di mahkamah, atau mengarahkan barrister atau peguam bela untuk membuat rayuan di mahkamah yang lebih tinggi.

Tugas merangkumi:

- a) menyelia dan mentadbir cawangan-cawangan Biro Bantuan Guaman, mendraf penyata tuntutan, pernyataan pembelaan, petyisyen, affidavit, memberi nasihat undang-undang kepada pelanggan yang layak, mewakili pelanggan dalam perbicaraan di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Syariah;
- b) bertanggungjawab mengendalikan Mahkamah Syariah di peringkat daerah, bertindak sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah, membuat persediaan 'ground of judgement' kes-kes rayuan, membuat laporan undang-undang untuk terbitan dalam Jurnal Undang-undang Syariah dan mengesahkan perakuan permohonan pembahagian harta pusaka di bawah bidang kuasa yang ditetapkan;
- c) mendraf undang-undang dan menyediakan peraturan kerajaan berdasarkan undang-undang yang sedia ada;
- d) memberi nasihat perundangan berhubung dengan pelbagai perkara kepada pelanggannya (termasuk kerajaan) dan menjalankan urusan perundangan bagi pihak pelanggan;
- e) membantu pelanggan merundingkan penyelesaian dalam hal yang melibatkan pertikaian perundangan;
- f) memeriksa keadaan pertikaian atau laporan jenayah yang dilaporkan untuk memastikan fakta dan implikasi undang-undang;
- g) menyediakan rayuan atau kes bagi plaintif atau defenden dan mengendalikan mereka di mahkamah;
- h) mewakili pelanggan di mahkamah rendah atau mengarahkan barrister atau peguam bela membuat rayuan kes di mahkamah yang lebih tinggi;
- i) menerima arahan dan membuat rayuan di mahkamah keadilan yang lebih tinggi;
- j) bertindak sebagai pendakwa bagi pihak kerajaan dalam kes jenayah;
- k) menyediakan dokumen undang-undang, wasiat, affidavit, kontrak dan mengendalikan sumpah;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2611)

2611-01	Pegawai Undang-undang Gred L41
2611-02	Pegawai Eksekutif (Undang-undang) Gred 41
2611-03	Pegawai Syariah Gred LS41
2611-04	Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 9

KUMPULAN UNIT 2612 HAKIM

Hakim mempengerusikan prosiding jenayah dan sivil di mahkamah perundangan.

Tugas merangkumi:

- a) mendengar serta menimbang hujah dan keterangan;
- b) mentafsir dan menguatkuasakan prosedur peraturan dan membuat ketetapan mengenai kebolehterimaan keterangan;
- c) mengarah juri mengenai butiran undang-undang yang terpakai kepada kes tersebut;
- d) menyelidik sesuatu isu perundangan dan membuat laporan mengenai isu tersebut;
- e) menentukan hak dan obligasi pihak yang terbabit;
- f) mengumumkan penghakiman;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2612)

2612-01	Hakim
2612-02	Majistret
2612-03	Hakim Mahkamah Anak Negeri
2612-04	Hakim Mahkamah Persekutuan

KUMPULAN UNIT 2619 PROFESIONAL PERUNDANGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Perundangan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 261: Profesional Perundangan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pesuruhjaya sumpah, pendaftar mahkamah, pegawai amanah dan pemegang amanah raya.

Tugas merangkumi:

- menyediakan dokumen undang-undang serta memperakukan dan menguruskan sumpah dan akuan berkanun;
- melaksanakan polisi undang-undang dan peraturan;
- melaksanakan tugas pentadbiran di mahkamah;
- mentadbir harta pusaka orang yang telah meninggal dunia atau amanah yang lain;
- mengendalikan serta mentadbir harta orang yang tidak mampu bayar (orang yang bankrap) atau harta dan aset syarikat;
- menentukan, melalui inkues, punca mana-mana kematian yang nyata bukan kerana kematian biasa;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2619)

2619-01	Pesuruhjaya Sumpah
2619-02	Pendaftar Mahkamah
2619-03	Pegawai Amanah
2619-04	Pemegang Amanah Raya

SUB-UTAMA 27 PROFESIONAL PERKHIDMATAN HOSPITALITI DAN YANG BERKAITAN

Profesional Perkhidmatan Hospitaliti dan yang Berkaitan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan teknikal berhubung dengan operasi hotel dan restoran atau pertubuhan lain yang berkaitan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

271 PROFESIONAL HOTEL DAN RESTORAN

KUMPULAN KECIL 271 PROFESIONAL HOTEL DAN RESTORAN

Profesional Hotel dan Restoran menjalankan penyelidikan, merancang, membangunkan dan menambah baik pengurusan operasi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan kemudahan penginapan, makanan dan minuman, dan perkhidmatan hospitaliti lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2711 PROFESIONAL HOTEL 2712 PROFESIONAL RESTORAN

KUMPULAN UNIT 2711 PROFESIONAL HOTEL

Profesional Hotel menjalankan penyelidikan, merancang, membangunkan dan menambah baik pengurusan operasi hotel, motel dan pertubuhan yang seumpamanya untuk menyediakan kemudahan penginapan dan perkhidmatan lain termasuk pejabat depan (meja sambut tamu, concierge, dan tempahan), operasi makanan dan minuman, dan pengemasan.

Tugas merangkumi:

- merancang dan menambah baik operasi pengurusan hotel, restoran dan pertubuhan;
- mengatur penginapan, catering, dan perkhidmatan hotel yang lain;
- mempromosi dan memasarkan perniagaan;
- melaksanakan rancangan peruntukan bajet, kewangan dan mengawal perbelanjaan;
- menetapkan dan mencapai sasaran jualan dan keuntungan;
- mengambil, melatih, dan memantau kakitangan;
- merancang jadual kerja untuk individu dan pasukan;
- bertemu dan mengalu-alukan pelanggan;
- mengendalikan rungutan dan komen pelanggan;

- j) menangani dan menyelesaikan masalah;
- k) memastikan acara dan persidangan berjalan lancar;
- l) menyelia penyelenggaraan, bekalan, pengubahsuaian, dan kemas;
- m) berurusan dengan kontraktor dan pembekal;
- n) memastikan keselamatan yang cekap;
- o) melaksanakan pemeriksaan harta dan perkhidmatan;
- p) memastikan pematuhan undang-undang pelesenan, kesihatan dan keselamatan, dan peraturan berkanun lain;
- q) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- r) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2711)

2711-01	Pegawai Perkhidmatan Tetamu
2711-02	Eksekutif Operasi Hotel
2711-03	Eksekutif Perkhidmatan Tetamu, Makanan dan Minuman
2711-04	Eksekutif Concierge Hotel

KUMPULAN UNIT 2712 PROFESIONAL RESTORAN

Profesional Restoran menjalankan penyelidikan, merancang, membangun dan menambah baik pengurusan operasi kafe, restoran dan pertubuhan seumpamanya untuk menyediakan perkhidmatan makanan dan katering.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan menambah baik operasi pengurusan restoran;
- b) menganalisis tahap jualan dan keuntungan restoran;
- c) merancang dan menyelaraskan menu;
- d) menyelaraskan keseluruhan operasi restoran semasa syif berjadual;
- e) memastikan semua kakitangan mematuhi standard keseragaman syarikat;
- f) bertemu dan mengalu-alukan pelanggan dan mengelolakan tempahan meja;
- g) memaklumi pelanggan tentang pilihan menu dan minuman;
- h) mengatur dan menyelia syif kakitangan dapur, kakitangan menunggu, dan kakitangan mencuci;
- i) mengekalkan standard kawalan kualiti, kebersihan serta kesihatan dan keselamatan yang tinggi;
- j) memeriksa simpanan stok dan memesan bekalan;
- k) menyediakan petty cash sebagaimana yang diperlukan;
- l) melaksanakan dasar;
- m) menyediakan anggaran bajet;
- n) merancang dan mengawal penggunaan sumber serta pengambilan pekerja;
- o) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- p) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2712)

2712-01	Eksekutif Penyediaan Makanan
2712-02	Pentadbir Dapur
2712-03	Personel Makanan dan Minuman
2712-04	Eksekutif Makanan dan Minuman

SUB-UTAMA 28 PROFESIONAL SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Profesional Sosial dan Kebudayaan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan saintifik berhubung dengan bidang seperti keperpustakaan, sosial dan keagamaan, kewartawanan, dan seni kreatif. Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 281 PUSTAKAWAN, JURUARKIB, DAN KURATOR**
- 282 PROFESIONAL SOSIAL DAN KEAGAMAAN**
- 283 PENGARANG, WARTAWAN, DAN AHLI LINGUISTIK**
- 284 ARTIS KREATIF DAN PERSEMBAHAN**

KUMPULAN KECIL 281 PUSTAKAWAN, JURUARKIB, DAN KURATOR

Pustakawan, Juruarkib, dan Kurator membangunkan dan menyelenggara koleksi perpustakaan, arkib, muzium, galeri seni, dan pertubuhan seumpamanya.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2811 JURUARKIB DAN KURATOR

2812 PUSTAKAWAN DAN PROFESIONAL MAKLUMAT YANG BERKAITAN

KUMPULAN UNIT 2811 JURUARKIB DAN KURATOR

Juruarkib dan Kurator mengumpul, menilai dan memastikan penyimpanan dan pemeliharaan koleksi arkib, muzium, galeri seni, dan pertubuhan seumpamanya. Mereka merancang, merangka dan melaksanakan sistem penyimpanan dokumen rekod dan sejarah yang berharga.

Tugas merangkumi:

- a) mengesan institusi-institusi/ orang perseorangan di mana-mana negara yang difikirkan perlu untuk mendapatkan segala jenis bahan arkib yang berkaitan dengan Malaysia serta menguruskan perolehan pemrosesan, pengkelasan, klasifikasi, penterjemahan, penerbitan dan penyediaan deskripsi rujukan bahan-bahan tersebut;
- b) bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran, merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti permuziuman seperti pameran, pemuliharaan dan konservasi benda-benda purba, penyelidikan arkeologi, flora dan fauna, kebudayaan negara, memberi khidmat nasihat permuziuman serta menyediakan laporan hasil kajian penyelidikan;
- c) menyelidik, menilai, membangunkan, mengurus dan memelihara dokumen bernilai yang penuh bersejarah dan berharga;
- d) mengarahkan atau menjalankan kerja penyediaan indeks, bibliografi, salinan mikrofilem, dan bantuan rujukan yang lain bagi bahan yang telah dikumpulkan serta menjadikannya mudah didapati oleh pengguna;
- e) menyelidik asal usul serta pendedaran dan kegunaan bahan dan objek yang berunsur budaya dan sejarah;
- f) mengurus, membangunkan dan menyelenggara koleksi barangan seni, budaya, saintifik, atau sejarah yang berharga di muzium atau galeri seni;
- g) mengkatalog koleksi muzium dan galeri seni serta menganjurkan pameran;
- h) menyelenggarakan rekod;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2811)

2811-01	Pegawai Arkib Gred S41
2811-02	Kurator Gred S41
2811-03	Juruarkib
2811-04	Kurator

KUMPULAN UNIT 2812 PUSTAKAWAN DAN PROFESIONAL MAKLUMAT YANG BERKAITAN

Pustakawan dan Profesional Maklumat yang Berkaitan mengumpul, memilih, menyusun dan menyelenggara koleksi perpustakaan dan repositori maklumat lain, mengatur dan mengawal lain-lain perkhidmatan perpustakaan, dan menyediakan maklumat kepada pengguna.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan kewangan, penyeliaan dan pengurusan sumber manusia, melaksanakan pemeliharaan dan keselamatan sumber maklumat dan aplikasi ICT di perpustakaan;
- b) mengelaskan atau menyelia pengelasan, pengindeksan, pengkatalogan, pendedaran bahan perpustakaan, dan penyelenggaraan rekod;
- c) memilih dan mencadangkan pembelian buku dan bahan bercetak atau rakaman pandang dengar yang lain;
- d) membantu pelanggan yang bertanya dan mendapatkan maklumat daripada fail manual atau pangkalan data berkomputer;
- e) menyelia penyelenggaraan buku dan bahan lain;
- f) mengurus sistem peminjaman buku antara perpustakaan dan rangkaian maklumat;
- g) mengekalkan hubungan dengan perpustakaan dan persatuan perpustakaan yang lain;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2812)

2812-01	Pustakawan Gred S41
2812-02	Pegawai Eksekutif (Perpustakaan) Gred 41
2812-03	Pegawai Eksekutif (Perpustakaan) Gred 9
2812-04	Eksekutif Perpustakaan

KUMPULAN KECIL 282 PROFESIONAL SOSIAL DAN KEAGAMAAN

Profesional Sosial dan Keagamaan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan berhubung dengan falsafah, politik, ekonomi, sosiologi, antropologi, sejarah, filologi, bahasa, psikologi, kepercayaan agama dan sains sosial yang lain, atau memberi perkhidmatan sosial untuk memenuhi keperluan individu dan keluarga dalam sesebuah komuniti.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2821 AHLI EKONOMI**
- 2822 AHLI SOSIOLOGI, AHLI ANTROPOLOGI DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN**
- 2823 AHLI FALSAFAH, SEJARAWAN, DAN AHLI SAINS POLITIK**
- 2824 AHLI PSIKOLOGI**
- 2825 PROFESIONAL KERJA SOSIAL DAN KAUNSELING**
- 2826 PROFESIONAL KEAGAMAAN**

KUMPULAN UNIT 2821 AHLI EKONOMI

Ahli Ekonomi menjalankan penyelidikan, memantau data, menganalisis informasi dan menyediakan laporan, serta menyelesaikan masalah ekonomi dan dalam perniagaan. Mereka membangunkan model untuk menganalisis dan memaklum serta membuat ramalan tentang keadaan dan trend ekonomi akan datang.

Tugas merangkumi:

- a) menyusun, menganalisis dan mentafsir data ekonomi dan perangkaan;
- b) menyediakan laporan hasil penyelidikan;
- c) memberi nasihat tentang dasar ekonomi dan tindakan yang patut diambil berdasarkan analisis faktor ekonomi lampau, semasa, dan yang diunjurkan;
- d) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- e) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2821)

2821-01	Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41
2821-02	Pegawai Eksekutif (Ekonomi) Gred 9
2821-03	Ahli Ekonometrik
2821-04	Ahli Ekonomi

KUMPULAN UNIT 2822 AHLI SOSIOLOGI, AHLI ANTROPOLOGI DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN

Ahli Sosiologi, Ahli Antropologi dan Profesional yang Berkaitan menyiasat dan memerihal struktur sosial masyarakat, asal usul, dan evolusi manusia serta saling bergantung di antara keadaan alam sekitar dengan aktiviti manusia. Mereka memberi nasihat mengenai penemuan mereka dalam penggubalan dasar ekonomi dan sosial.

Tugas merangkumi:

- a) merancang program penyelidikan termasuk mereka bentuk kajian, pengutipan dan penganalisan maklumat serta penilaiannya, ke atas dasar-dasar dan program-program pembangunan negara;
- b) menjalankan penyelidikan tentang asal-usul, perkembangan, struktur, corak sosial, organisasi, dan saling berhubung antara masyarakat manusia;
- c) menjejaki asal usul dan evolusi kemanusiaan melalui kajian ke atas perubahan sifat serta institusi kebudayaan dan sosial;
- d) menjejaki pembangunan kemanusiaan melalui bahan tinggalan zaman silam seperti tempat tinggal, kuil, perkakas, tembikar, wang syiling, senjata, atau seni pahat;
- e) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- f) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2822)

2822-01 Ahli Sosiologi
2822-02 Ahli Antropologi
2822-03 Ahli Arkeologi
2822-04 Ahli Geografi

KUMPULAN UNIT 2823 AHLI FALSAFAH, SEJARAWAN, DAN AHLI SAINS POLITIK

Ahli Falsafah, Sejarahwan, dan Ahli Sains Politik menjalankan penyelidikan serta memerihal peristiwa dan aktiviti lampau termasuk pembentukan struktur sosial dan ekonomi atau institusi, dan pergerakan politik.

Tugas merangkumi:

- membuat penyelidikan, terutamanya dengan menggunakan penaakulan, sebab-sebab umum, prinsip dan erti alam, tindakan, pengalaman dan kewujudan manusia serta mentafsir dan membangunkan konsep dan teori falsafah;
- merujuk dan membandingkan sumber utama seperti rekod sezaman yang asal tentang peristiwa lampau dan sumber sekunder seperti penemuan arkeologi atau antropologi;
- mengekstrak bahan yang berkaitan, menyemak ketulenannya serta menyelidik dan membuat gambaran sejarah bagi suatu tempoh, negeri atau kawasan yang tertentu atau aspek tertentu (misalnya, ekonomi, sosial, atau politik) sejarahnya;
- menjalankan penyelidikan dalam bidang seperti falsafah politik atau teori dan amalan tentang sistem, institusi, atau keadaan politik masa lampau dan semasa;
- meninjau institusi politik sezaman dan mengumpulkan data tentangnya daripada berbagai-bagai sumber termasuk temu ramah dengan pegawai kerajaan dan parti politik serta individu lain yang berkenaan;
- mengemukakan penemuan dan kesimpulan untuk diterbitkan bagi kegunaan kerajaan, parti politik atau organisasi lain dan individu yang berminat;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2823)

2823-01 Ahli Falsafah
2823-02 Ahli Falsafah Politik
2823-03 Sejarahwan
2823-04 Ahli Sains Politik

KUMPULAN UNIT 2824 AHLI PSIKOLOGI

Ahli Psikologi menyelidik dan mengkaji proses mental dan tingkah laku manusia, dan menggunakan pengetahuan berkenaan untuk meningkatkan perkembangan peribadi, sosial, pendidikan, atau penyesuaian pekerjaan.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti berkaitan bidang psikologi/ psikologi klinikal/ kaunseling kepada klien;
- memberi nasihat, merancang dan menjalankan ujian untuk mengukur sifat mental, fizikal, dan sifat lain seperti kecerdasan, kebolehan, bakat, potensi dan sebagainya, serta mentafsir dan menilai keputusan;
- menganalisis kesan faktor keturunan, sosial, pekerjaan, dan faktor lain ke atas pemikiran dan tingkah laku individu;
- mengadakan sesi kaunseling atau rawatan terapeutik dan memberi perkhidmatan susulan;
- mengekalkan hubungan dengan ahli keluarga, pihak berkuasa pendidikan atau majikan serta mencadangkan penyelesaian dan rawatan yang mungkin terhadap sesuatu masalah;
- mengkaji faktor psikologi dalam diagnosis, rawatan serta pencegahan penyakit mental dan gangguan emosi atau personaliti serta berbincang dengan profesional yang berkaitan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2824)

2824-01 Pegawai Psikologi Gred S41
2824-02 Pegawai Eksekutif (Psikologi) Gred 41
2824-03 Ahli Psikologi
2824-04 Ahli Psikologi Klinikal

KUMPULAN UNIT 2825 PROFESIONAL KERJA SOSIAL DAN KAUNSELING

Profesional Kerja Sosial dan Kaunseling memberi nasihat dan bimbingan kepada individu, keluarga, kumpulan, komuniti dan organisasi sebagai tindakan kepada masalah sosial dan peribadi. Mereka membantu pelanggan untuk membangunkan kemahiran, sumber akses dan perkhidmatan sokongan yang diperlukan untuk menangani isu-isu yang timbul daripada pengangguran, kemiskinan, kecacatan, ketagihan, tingkah laku jenayah dan delinkuensi, perkahwinan dan masalah-masalah lain.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti berkaitan bidang psikologi/ psikologi klinikal/ kaunseling kepada klien;
- b) membantu individu dan keluarga yang mempunyai masalah peribadi dan sosial;
- c) mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan keperluan pelanggan serta menasihati tentang hak dan tanggungjawab mereka;
- d) menganalisis keadaan pelanggan dan mengemukakan pendekatan alternatif untuk menyelesaikan masalah;
- e) menyediakan dan menyusun rekod kes atau laporan untuk prosiding mahkamah dan undang-undang lain;
- f) memberi bimbingan kepada remaja yang mungkin bermasalah serta memulihkan mereka yang bermasalah dengan menganjurkan dan menyelia aktiviti sosial, pendidikan dan rekreasi dalam kelab remaja, di pusat komuniti dan pertubuhan yang seumpamanya;
- g) membantu orang cacat anggota atau akal mendapatkan rawatan yang cukup dan meningkatkan keupayaan mereka dalam masyarakat;
- h) merancang, mengurus atau menyediakan perkhidmatan bantuan sosial di rumah;
- i) mengawasi perkembangan pelanggan;
- j) merangka dasar, merancang program serta aktiviti berkaitan kegiatan belia dan sukan di peringkat Kementerian/Jabatan. Meliputi memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman kewangan, memberikan nasihat kepakaran serta penyeliaan berterusan bagi mengembangkan program-program belia dan sukan;
- k) membantu memastikan pelaksanaan dasar-dasar bagi program pemulihan di institusi dan komuniti, dan program pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2825)

2825-01 Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41
2825-02 Pekerja Sosial Profesional
2825-03 Kaunselor
2825-04 Kaunselor Perkahwinan

KUMPULAN UNIT 2826 PROFESIONAL KEAGAMAAN

Profesional Keagamaan berperanan sebagai pengabadi tradisi, amalan dan kepercayaan suci. Mereka mengetahui upacara keagamaan dan memberi bimbingan kerohanian dan moral, dan melaksanakan fungsi-fungsi lain yang berkaitan dengan amalan agama.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab kepada Mufti dalam menjalankan kajian penyelidikan dan penyediaan bagi membolehkan Mufti mengeluarkan satu fatwa panduan mengenai keberkesanan sesuatu program yang dirancang;
- b) mengabadikan tradisi, amalan dan kepercayaan suci;
- c) mengetahui istiadat dan upacara keagamaan;
- d) menjalankan berbagai-bagai tugas pentadbiran dan sosial, termasuk menghadiri jawatankuasa dan mesyuarat organisasi keagamaan;
- e) memberi bimbingan kerohanian dan moral mengikut agama yang dianuti;
- f) menyebarkan doktrin keagamaan;
- g) menyediakan serta menyampaikan khutbah dan ceramah keagamaan;

- h) mengadakan kelas agama serta memimpin sembahyang dan menyelia perbincangan, kumpulan, tempat mencari ketenangan dan seminar;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2826)

2826-01	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41
2826-02	Pegawai Agama
2826-03	Mufti
2826-04	Imam

KUMPULAN KECIL 283 PENGARANG, WARTAWAN, DAN AHLI LINGUISTIK

Pengarang, Wartawan, dan Ahli Linguistik memikirkan dan mencipta karya sastera, mentafsir dan menyampaikan berita dan hal ehwal awam melalui media, dan menterjemah atau mentafsir daripada satu bahasa kepada bahasa lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut

2831 PENGARANG DAN PENULIS YANG BERKAITAN

2832 WARTAWAN

2833 PENTERJEMAH, JURUBAHASA, DAN AHLI LINGUISTIK LAIN

KUMPULAN UNIT 2831 PENGARANG DAN PENULIS YANG BERKAITAN

Pengarang dan Penulis yang Berkaitan merancang, menyelidik dan menulis buku, skrip, cerita asal, drama, esei, ucapan, manual, spesifikasi dan lain-lain artikel bukan kewartawanan (tidak termasuk bahan untuk akhbar, majalah dan majalah lain) untuk penerbitan atau persembahan.

Tugas merangkumi:

- a) menulis karya sastera untuk penerbitan atau persembahan drama;
- b) menulis skrip dan kesinambungan serta menyediakan program bagi penerbitan pementasan, filem, radio dan televisyen;
- c) menilai dan menulis karya sastera, muzik, seni persembahan dan karya seni lain;
- d) menilai manuskrip yang diserahkan untuk penerbitan dalam bentuk buku, membuat cadangan ke atasnya dan menyunting atau menyelia kerja penyuntingan bahan tersebut;
- e) menulis salinan iklan untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan tertentu;
- f) mereka bentuk serta menulis brosur, buku panduan, dan penerbitan teknikal yang seumpamanya;
- g) bertanggungjawab terhadap perkhidmatan maklumat termasuk pengurusan perpustakaan khas, penerbitan dan sistem dokumentasi;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2831)

2831-01	Pengarang
2831-02	Penulis Biografi
2831-03	Penulis Novel
2831-04	Pengarang Drama

KUMPULAN UNIT 2832 WARTAWAN

Wartawan menyelidik, menyiasat, mentafsir dan menyampaikan berita dan hal ehwal awam melalui akhbar-akhbar, televisyen, radio dan media lain.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab mengeluarkan laporan berita pada setiap hari untuk kegunaan pelanggan daripada sumber-sumber yang diperolehi untuk disampaikan kepada masyarakat;
- b) mengumpul berita tempatan, kebangsaan dan antarabangsa melalui temu bual, siasatan dan pemerhatian, menghadiri acara-acara awam, mencari rekod, menyemak penulisan, menghadiri filem dan persembahan pentas;
- c) mengumpul, melaporkan dan memberi ulasan terhadap berita dan hal ehwal semasa untuk penerbitan dalam surat khabar dan terbitan berkala atau untuk penyiaran melalui radio atau televisyen;
- d) menemu bual ahli politik dan orang kenamaan lain dalam persidangan akhbar dan pada masa lain, termasuk temu bual individu yang dirakamkan untuk radio atau televisyen;

- e) menulis ruangan editor serta memilih, meminda, menyusun dan menyunting rencana yang diserahkan untuk penerbitan siaran;
- f) menulis salinan iklan untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan tertentu;
- g) memilih, mengumpulkan dan menyediakan bahan publisiti tentang perniagaan atau organisasi lain untuk disiarkan melalui akhbar, radio, televisyen dan media lain;
- h) menulis ulasan kritikal karya sastera, muzik dan lain-lain kerja seni berdasarkan pengetahuan, penghakiman dan pengalaman untuk surat khabar, televisyen, radio dan lain-lain media;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2832)

2832-01	Jurulapor Berita
2832-02	Penulis Ruangan
2832-03	Wartawan
2832-04	Penyunting Politik

KUMPULAN UNIT 2833 PENTERJEMAH, JURUBAHASA, DAN AHLI LINGUISTIK LAIN

Penterjemah, Jurubahasa, dan Ahli Linguistik Lain menterjemah atau mentafsir secara bertulis atau lisan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain serta mengkaji asal usul, perkembangan, dan struktur bahasa.

Tugas merangkumi:

- a) mengkaji perhubungan antara bahasa induk lama dengan kumpulan bahasa moden, menjejak asal usul dan evolusi perkataan, tatabahasa dan bentuk bahasa serta mengemukakan penemuannya;
- b) memberi nasihat atau menyediakan sistem pengelasan bahasa, tatabahasa, kamus dan yang seumpamanya;
- c) menterjemah daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain dan memastikan makna yang betul dalam bahasa asal dikekalkan, teks undang-undang, kerja teknikal atau saintifik diterjemahkan dengan betul serta ungkapan dan istilah karya asal disampaikan dengan setepat yang mungkin sambil mengekalkan gaya karya asal tersebut;
- d) mentafsirkan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain, terutamanya dalam persidangan, mesyuarat, dan acara yang seumpamanya, dan memastikan makna yang disampaikan adalah betul, dan menyampaikan sedapat yang mungkin bahasa asal yang diucapkan;
- e) membuat terjemahan serentak semasa mesyuarat Dewan Negara dan Dewan Rakyat, dan menyunting soalan-soalan Dewan Negara;
- f) boleh mengkhusus dalam sekurang-kurangnya dua bahasa atau lebih;
- g) bertanggungjawab mengurus dan melaksana projek, program dan aktiviti pembangunan dan pengembangan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2833)

2833-01	Jurubahasa Serentak Gred N41
2833-02	Penterjemah
2833-03	Jurubahasa
2833-04	Ahli Filologi

KUMPULAN KECIL 284 ARTIS KREATIF DAN PERSEMBAHAN

Artis Kreatif dan Persembahan menjalankan penyelidikan, menambah baik atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, atau mengaplikasikan pengetahuan berkaitan dengan kesenian dan persembahan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

2841 ARTIS VISUAL

2842 AHLI MUZIK, PENYANYI, DAN KOMPOSER

2843 PENARI DAN PEREKA TARI

2844 PENGARAH DAN PENERBIT FILEM, PEMENTASAN DAN YANG BERKAITAN

2845 PELAKON

2846 JURUHEBAH RADIO, TELEVISYEN, DAN MEDIA LAIN

2847 BADUT, AHLI SILAP MATA, AKROBAT DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN

2848 PENJAGA DAN JURULATIH HAIWAN

2849 ARTIS KREATIF DAN PERSEMBAHAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 2841 ARTIS VISUAL

Artis Visual mencipta dan membuat kerja seni dengan memahat, mewarna, melukis, mencipta kartun, mengukir atau menggunakan teknik yang berkaitan.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, membangunkan dan menyediakan perkhidmatan dalam bentuk pengajaran, ceramah, seminar, kursus, mesyuarat, tunjuk cara dan aktiviti lain;
- b) memelihara dan membangunkan idea-idea, reka bentuk dan gaya dalam karya, penulisan dan ukiran;
- c) mencipta reka bentuk seni berupa atau abstrak tiga dimensi atau ukir timbul dengan membentuk dan menggabungkan bahan seperti kayu, lilin, batu, tanah liat atau logam;
- d) mencipta lukisan seni berupa atau abstrak dengan menggunakan pensel, dakwat, cat minyak, cat air atau dengan mengaplikasikan teknik lain;
- e) mencipta lukisan dan mengukir atau menggoresnya di atas logam, kayu, atau bahan lain;
- f) mencipta kartun untuk menggambarkan orang dan peristiwa, biasanya dalam karikatur;
- g) mencipta serta menghasilkan reka bentuk dan ilustrasi untuk buku, majalah, iklan dan tujuan yang seumpamanya;
- h) membaiki pulih lukisan dan barang seni lain yang telah rosak, kotor dan pudar;
- i) membuat miniatur;
- j) membuat reka bentuk hiasan tatu pada kulit pelanggan;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2841)

2841-01	Pemahat
2841-02	Pelukis Kartun
2841-03	Pembaik Lukisan
2841-04	Pengukir-Pelakar Seni Halus

KUMPULAN UNIT 2842 AHLI MUZIK, PENYANYI, DAN KOMPOSER

Ahli Muzik, Penyanyi, dan Komposer menulis, menyusun, menggubah dan mengubahsuai hasil ciptaan muzik serta memimpin atau mengambil bahagian dalam persembahan.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab dalam menggubah lagu, bermain alat muzik untuk latihan dan persembahan, menjadi pemain orkestra dan memimpin orkestra;
- b) menjalankan uji bakat dan memilih ahli muzik dan penyanyi serta memilih muzik untuk persembahan;
- c) mencipta dan menulis komposisi muzik;
- d) mengubahsuai atau menyusun muzik bagi kumpulan instrumental, alat muzik atau sesuatu upacara;
- e) memimpin kumpulan instrumental atau vokal;
- f) bermain satu atau lebih alat muzik secara solo atau sebagai ahli sesuatu orkestra;
- g) menyanyi secara solo atau ahli kumpulan vokal;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2842)

2842-01	Ahli Muzik Gred B41
2842-02	Ahli Muzikologi
2842-03	Pemain Muzik
2842-04	Adiguru - Muzik

KUMPULAN UNIT 2843 PENARI DAN PEREKA TARI

Penari dan Pereka Tari memikirkan dan mencipta atau mempersembahkan tarian.

Tugas merangkumi:

- a) menggambarkan dan mencipta tarian yang lazimnya menyampaikan cerita, tema, atau idea melalui corak langkah, pergerakan dan gerakan isyarat;
- b) menyusun dan mengarahkan persembahan tarian untuk produksi pentas atau filem;
- c) mempersembahkan tarian secara solo, berpasangan, atau sebagai ahli kumpulan tarian;
- d) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- e) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2843)

2843-01 Penari
2843-02 Penari Kelab Malam
2843-03 Pereka Tarian
2843-04 Pengarah Tarian

KUMPULAN UNIT 2844 PENGARAH DAN PENERBIT FILEM, PEMENTASAN DAN YANG BERKAITAN

Pengarah dan Penerbit Filem, Pementasan dan yang Berkaitan menyelia, mengawal dan mengarah aspek teknikal dan artistik dalam produksi filem, televisyen atau radio, atau pertunjukan pentas.

Tugas merangkumi:

- menjalankan tugas dalam persembahan secara profesional, merancang, melaksanakan dan menyediakan laporan berkaitan persembahan di samping menguruskan aktiviti persembahan termasuk menyediakan format dan skrip persembahan;
- merancang, membangunkan dan melaksanakan aktiviti seni budaya dan teater;
- mengkaji skrip dan mengarahkan pelakon dengan cara lakonan yang betul dan mengarahkan semua aspek produksi drama di pentas, televisyen, radio, atau dalam filem termasuk pemilihan pelakon dan membuat keputusan tentang pakaian, reka bentuk set, kesan bunyi, atau pencahayaan;
- melaksanakan rundingan royalti;
- mencipta, merancang, menulis skrip untuk rakaman, rakaman video dan menyunting program;
- menyelia kedudukan props, lampu dan peralatan bunyi;
- menonton filem atau pita video yang telah diproses untuk menilai serta memilih babak dan menentukan babak mana yang patut diambil gambar semula;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2844)

2844-01 Penerbit Rancangan Gred B41
2844-02 Penerbit Animasi
2844-03 Penerbit Multimedia
2844-04 Penerbit Filem

KUMPULAN UNIT 2845 PELAKON

Pelakon memainkan peranan dalam produksi filem, televisyen atau radio, dan pertunjukan pentas.

Tugas merangkumi:

- mengkaji skrip untuk menentukan tafsiran seni;
- mempelajari skrip dan tanda-tanda serta memainkan peranan dalam produksi drama di pentas, televisyen, radio atau dalam wayang gambar;
- bercerita atau membaca karya sastera dengan lantang untuk mendidik atau menghibur pendengar;
- menonton filem atau pita video yang telah diproses untuk menilai serta memilih babak dan menentukan babak mana yang patut diambil gambar semula;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2845)

2845-01 Pelakon
2845-02 Artis Parodi
2845-03 Tukang Cerita
2845-04 Artis Mime

KUMPULAN UNIT 2846 JURUHEBAH RADIO, TELEVISYEN, DAN MEDIA LAIN

Juruhebah Radio, Televisyen, dan Media Lain membaca berita terkini, mengendalikan wawancara dan membuat pengumuman lain di radio, televisyen atau teater dan pertubuhan lain.

Tugas merangkumi:

- a) membaca berita terkini, membuat pengumuman lain, dan memberi ulasan sukan dan peristiwa lain di radio atau televisyen;
- b) memperkenalkan artis yang membuat persembahan atau orang yang diwawancara, dan membuat pengumuman yang berkaitan di radio dan televisyen atau di teater, kelab dan pertubuhan lain;
- c) mewawancara orang awam, terutamanya di radio dan televisyen;
- d) mengulas hal sukan, politik, sosial atau ekonomi;
- e) menyelidik, menyiasat dan menyusun pakej cerita dan program;
- f) memantau maklumat yang masuk dan berhubung dengan penyunting rangkaian, wartawan, penerbit dan pengarah media, pereka bentuk grafik, jabatan program yang lain serta sumber berita;
- g) memilih dan menyusun bahan untuk disiarkan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2846)

2846-01	Pemutar Lagu
2846-02	Juruhebah Radio
2846-03	Juruhebah Televisyen
2846-04	Ketua Acara

KUMPULAN UNIT 2847 BADUT, AHLI SILAP MATA, AKROBAT DAN PROFESIONAL YANG BERKAITAN

Badut, Ahli Silap Mata, Akrobat dan Profesional yang Berkaitan menghiburkan penonton di sarkas dan tempat lain dengan mempersembahkan pelbagai jenis pertunjukan.

Tugas merangkumi:

- a) melakukan telatah yang melucukan dan menceritakan kisah lucu untuk menghiburkan hati penonton;
- b) melakukan aksi yang menakjubkan yang memerlukan liuk badan yang luar biasa;
- c) melakukan pertunjukan silap mata dan gerakan tangan yang tangkas serta aksi hipnotisme yang menakjubkan;
- d) melakukan aksi akrobatik yang sukar dan hebat serta aksi gimnastik atau menjugel yang menakjubkan;
- e) melatih dan membuat persembahan bersama-sama haiwan;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2847)

2847-01	Akrobat
2847-02	Ahli Peliuk Badan
2847-03	Ahli Silap Mata
2847-04	Badut

KUMPULAN UNIT 2848 PENJAGA DAN JURULATIH HAIWAN

Penjaga dan Jurulatih Haiwan menjaga haiwan serta melatih dan membuat persembahan bersama-sama haiwan di zoo, taman burung dan akuatik.

Tugas merangkumi:

- a) menjaga haiwan di zoo, taman burung atau akuatik;
- b) melatih dan membuat persembahan bersama-sama haiwan;
- c) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- d) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2848)

2848-01	Jurulatih Di Zoo, Taman Burung dan Akuatik
2848-02	Jurulatih Di Taman Buaya
2848-03	Jurulatih Anjing
2848-04	Jurulatih Kuda

KUMPULAN UNIT 2849 ARTIS KREATIF DAN PERSEMBAHAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Artis Kreatif dan Persembahan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 284: Artis Kreatif dan Persembahan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pegawai kebudayaan Gred B41.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab terhadap program pembangunan kebudayaan dan kesenian;
- bertanggungjawab mengambil foto, mengedit, menyediakan caption dan menghantar foto aktiviti rasmi dan tidak rasmi untuk rujukan dan simpanan;
- bertanggungjawab membuat liputan filem/ video bersuara atau tidak, membuat penggambaran rancangan khas, menyediakan peralatan, menjaga kebersihan studio dan bilik gelap serta menjaga keselamatan peralatan di dalam dan di luar jabatan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2849)

2849-01	Pegawai Kebudayaan Gred B41
2849-02	Pegawai Kebudayaan Gred B43
2849-03	Pegawai Kebudayaan Gred B47
2849-04	Pegawai Kebudayaan Gred B51

SUB-UTAMA 29 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN

Profesional Badan Pengawalaturan mentadbir, menguatkuasakan atau menggunakan peraturan kerajaan yang berkaitan dengan sempadan kebangsaan, cukai, faedah sosial, dan mengesah atau memeriksa permohonan lesen atau kebenaran perjalanan, eksport dan import barangan, penubuhan perniagaan, pembinaan bangunan dan aktiviti-aktiviti lain yang tertakluk kepada peraturan-peraturan kerajaan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

291 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN**KUMPULAN KECIL 291 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN**

Profesional Badan Pengawalaturan mentadbir, menguatkuasakan atau menggunakan peraturan kerajaan yang berkaitan dengan sempadan kebangsaan, cukai, faedah sosial, dan mengesah atau memeriksa permohonan lesen atau kebenaran perjalanan, eksport dan import barangan, penubuhan perniagaan, pembinaan bangunan dan aktiviti-aktiviti lain yang tertakluk kepada peraturan-peraturan kerajaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 2911 PROFESIONAL INSPEKTOR KASTAM DAN SEMPADAN**
- 2912 PROFESIONAL PEGAWAI PERCUKAIAN DAN EKSAIS**
- 2913 PROFESIONAL PEGAWAI FAEDAH SOSIAL KERAJAAN**
- 2914 PROFESIONAL PEGAWAI PELESENAN KERAJAAN**
- 2915 PROFESIONAL INSPEKTOR DAN DETEKTIF POLIS**
- 2916 PROFESIONAL PEGAWAI SIVIL**
- 2919 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 2911 PROFESIONAL INSPEKTOR KASTAM DAN SEMPADAN

Profesional Inspektor Kastam dan Sempadan memeriksa orang dan kenderaan yang melintasi sempadan negara untuk mentadbir dan menguatkuasakan peraturan dan undang-undang kerajaan yang berkaitan.

Tugas merangkumi:

- memperjelaskan barang-barang mengikut tarif-tarif, membuat taksiran harga bagi pungutan duti kastam/ cukai jualan, memproses serta meluluskan permohonan pengimportan/ pengeksportan barang-barang berduti tertakluk kepada larangan-larangan import/ eksport di pintu-pintu masuk/ keluar negara, zon-zon bebas cukai dan gudang-gudang berlesen;
- memproses permohonan lesen gudang eksais, gudang berlesen dan gudang- pengilangan berlesen;
- mengaudit akaun syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah akta Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan untuk pungutan cukai jualan/ perkhidmatan;

- d) memproses permohonan mendapatkan pengecualian cukai jualan, memeriksa stok dan penggunaan barang-barang berduit syarikat-syarikat yang mendapatkan pengecualian duti kastam dan memproses permohonan remisi cukai;
- e) menyalah tugas pemeriksaan penumpang dan menjalankan siasatan ke atas syarikat/ individu yang melakukan penyelewengan/ penyeludupan dan menjalankan lain-lain tugas penguatkuasaan;
- f) menahan orang yang didapati melanggar undang-undang kastam dan imigresen serta mengatur tindakan undang-undang seperti penghantaran pulang;
- g) memeriksa, mengesahkan, mengeluarkan pas atau dokumen perjalanan;
- h) mencari dan merampas penyeludupan atau barangan yang tidak diisytiharkan termasuk kenderaan, pesawat udara atau bot yang mengandungi barangan seumpamanya;
- i) memeriksa kargo, bagasi dan barang peribadi yang memasuki atau meninggalkan negara; dan
- j) menyalah permohonan pemulangan duti dan rayuan bagi pelepasan atau pengurangan penalti sekiranya wajar.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2911)

2911-01	Penguasa Kastam Gred WK41
2911-02	Penguasa Imigresen Gred KP41
2911-03	Perunding Imigresen

KUMPULAN UNIT 2912 PROFESIONAL PEGAWAI PERCUKAIAN DAN EKSAIS

Profesional Pegawai Percukai dan Eksais memeriksa pulangan cukai, bil jualan dan dokumen lain untuk menentukan jenis dan jumlah cukai, duti dan lain-lain yuran yang perlu dibayar oleh individu atau perniagaan, dan merujuk kes-kes yang luar biasa atau yang penting kepada akauntan, pegawai kanan kerajaan atau pengurus.

Tugas merangkumi:

- a) memberi nasihat tentang hal percukai kepada syarikat, perkongsian, organisasi dan individu;
- b) menasihati organisasi, perusahaan dan orang ramai mengenai undang-undang kerajaan, undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan penentuan dan pembayaran cukai, duti dan pengenaan bayaran kerajaan yang lain;
- c) memeriksa penyata cukai, bil jualan dan lain-lain dokumen yang berkaitan untuk menentukan jenis dan jumlah cukai, dan pekerjaan serta lain-lain jenis yuran yang perlu dibayar;
- d) menyalah penyata fail cukai dan rekod-rekod perakaunan, sistem dan kawalan dalaman organisasi untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan cukai;
- e) melaksanakan tugas-tugas pentadbiran berkaitan dengan penemuan dokumen dan menyelenggara rekod dan laporan mengenai tindakan yang diambil bagi kes-kes;
- f) menyemak secara terperinci akaun perniagaan untuk memastikan undang-undang cukai digunakan dengan betul;
- g) menggunakan undang-undang percukai terhadap syarikat, perkongsian, organisasi dan individu;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2912)

2912-01	Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 41
2912-02	Pegawai Eksekutif Penaksiran
2912-03	Pegawai Penilai
2912-04	Pegawai Eksais

KUMPULAN UNIT 2913 PROFESIONAL PEGAWAI FAEDAH SOSIAL KERAJAAN

Profesional Pegawai Faedah Sosial Kerajaan memeriksa permohonan bagi program-program kerajaan, kewangan atau perkhidmatan untuk menentukan kelayakan dan jumlah faedah atau perkhidmatan yang sesuai, merujuk kes-kes yang luar biasa atau penting kepada pegawai kanan kerajaan atau pengurus.

Tugas merangkumi:

- a) mentafsir dan menerangkan prosedur, peraturan dan undang-undang yang berkaitan kepada organisasi sosial;
- b) memberi nasihat kepada individu dan organisasi mengenai undang-undang kerajaan, kaedah dan peraturan berkaitan program faedah kerajaan, serta penentuan dan pengagihan pembayaran;
- c) memeriksa permohonan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan untuk menentukan jenis dan jumlah faedah yang individu layak untuk diterima;
- d) menilai dokumentasi dan menemuramah penerima faedah untuk memastikan kelayakan bagi mendapatkan faedah atau perkhidmatan;

- e) melaksanakan tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan untuk menyelenggara rekod pelanggan dan menyediakan laporan berkaitan kelayakan, keputusan rujukan, penamatan faedah dan penyalahgunaan atau penipuan;
- f) menguatkuasakan prosedur, peraturan dan undang-undang;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2913)

2913-01	Pegawai Faedah Sosial
2913-02	Pegawai Tuntutan Keselamatan Sosial
2913-03	Pegawai Eksekutif (PERKESO) Gred 23

KUMPULAN UNIT 2914 PROFESIONAL PEGAWAI PELESENAN KERAJAAN

Profesional Pegawai Pelesenan Kerajaan memeriksa permohonan lesen untuk eksport atau import barangan, penubuhan perniagaan, pembinaan rumah-rumah atau struktur lain, atau menentukan kelayakan permohonan untuk mengeluarkan lesen atau pasport, dan mengenal pasti keadaan tertentu atau sekatan yang boleh dilampirkan kepada lesen yang dikeluarkan, merujuk kes-kes yang luar biasa atau penting kepada pegawai kanan kerajaan atau pengurus.

Tugas merangkumi:

- a) mentafsir dan menerangkan prosedur, peraturan dan undang-undang yang berkaitan;
- b) menasihati individu tentang undang-undang dan peraturan kerajaan mengenai jenis lesen yang diperlukan dan syarat-syarat yang dilampirkan kepada lesen itu, dan mengenai hak-hak dan kewajipan awam;
- c) memeriksa permohonan dan dokumen-dokumen berkaitan dan menentukan sama ada lesen boleh diberikan dan syarat-syarat yang perlu dilampirkan;
- d) memeriksa permohonan dan meluluskan isu pasport;
- e) menjalankan tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan dengan aplikasi proses, aktiviti dokumen, penilaian dan penentuan, dan untuk menyediakan surat-menyurat untuk memaklumkan kepada pemohon keputusan pelesenan;
- f) mentadbir dan menjalankan ujian yang diperlukan kepada pemohon lesen;
- g) menguatkuasakan prosedur, peraturan dan undang-undang;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2914)

2914-01	Pegawai Penguatkuasa Gred KP41
2914-02	Pegawai Eksekutif (Penguatkuasaan) Gred L5
2914-03	Pegawai Pelesenan
2914-04	Pegawai Pengeluaran Pasport

KUMPULAN UNIT 2915 PROFESIONAL PEGAWAI POLIS

Profesional Pegawai Polis menyiasat fakta, mengendalikan, menyelia dan menyelaraskan penyiasatan untuk mencegah jenayah atau menyelesaikan kes jenayah.

Tugas merangkumi:

- a) mentadbir, mencegah jenayah, menyiasat, menangkap dan mendakwa, mengatur kawalan trafik, mengumpul risikan, menyediakan peralatan dan perhubungan, mengekalkan keselamatan awam di darat, laut dan udara;
- b) menganalisis laporan polis yang telah lengkap untuk menentukan maklumat tambahan dan kerja penyiasatan apa yang diperlukan;
- c) mendapatkan fakta atau kenyataan daripada aduan, saksi, dan orang tertuduh dan merakamkan temu ramah dengan menggunakan alat perakam;
- d) mendapatkan ringkasan kemalangan daripada pegawai yang bertugas di tempat kejadian dengan berhati-hati agar tidak mengganggu bukti;
- e) memeriksa rekod dan fail untuk mencari data peribadi suspek;
- f) menyediakan serta mengeluarkan waran geledah dan tangkap;
- g) mendapatkan bantuan perubatan untuk individu yang tercedera dan mengingatkan personel perubatan untuk mengambil kenyataan daripada mangsa;
- h) memberi maklumat kepada personel makmal berhubung dengan sumber sesuatu bukti dan ujian yang hendak dijalankan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2915)

2915-01 Pegawai Kanan Polis Gred YA13

KUMPULAN UNIT 2916 PROFESIONAL PEGAWAI SIVIL

Profesional Pegawai Sivil menyelia dan menyiasat kes sivil dengan menguatkuasakan prosedur dan peraturannya.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab mengurus hal ehwal pentadbiran dan pengurusan di peringkat negeri termasuk menguruskan Latihan Gerakan Pertahanan Awam;
- b) mentafsir dan menerangkan prosedur, peraturan, dan undang-undang yang berkaitan;
- c) menyiasat penipuan;
- d) menguatkuasakan prosedur, peraturan dan undang-undang;
- e) bertanggungjawab ke atas penggubalan dasar perburuhan, pentadbiran undang-undang dan standard perburuhan, keharmonian perusahaan dan hal ehwal kesatuan sekerja, memantau dan menguatkuasakan akta yang berkaitan, memberi khidmat nasihat dan pendidikan perburuhan, serta mempromosi bagi meningkatkan kebajikan dan kepentingan masyarakat industri;
- f) bertanggungjawab terhadap tugas mengenai keselamatan perlindungan yang meliputi tugas-tugas mengendalikan latihan, memberi ceramah, menjalankan pemeriksaan keselamatan, membuat siasatan ke atas pelanggaran keselamatan dan pembocoran rahsia rasmi, penentuan sistem perkhidmatan anggota keselamatan dan sistem kawalan keselamatan peribadi;
- g) memantau dan memastikan operasi pemadaman dan penyelamatan mencapai standard dan prosedur ditetapkan;
- h) melaksanakan dasar dalam pengurusan keselamatan penjara, pengurusan penahanan dan pelaksanaan hukuman, program-program pemulihan dan rawatan serta pengurusan layanan terhadap banduan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2916)

2916-01 Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41

2916-02 Pegawai Pertahanan Awam

2916-03 Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41

2916-04 Pegawai Keselamatan Gred KP41

KUMPULAN UNIT 2919 PROFESIONAL BADAN PENGAWALATURAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Badan Pengawalaturan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 291: Profesional Badan Pengawalaturan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pegawai bilik kawalan.

Tugas merangkumi:

- a) menguatkuasakan prosedur, peraturan, dan undang-undang;
- b) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- c) meningkatkan kefahaman dan menyelaras pelaksanaan kerja.


Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 2919)

2919-01 Pegawai Bilik Kawalan

2919-02 Pegawai Pendaftaran Gred KP41

2919-03 Pegawai Siasatan Gred P41

2919-04 Pegawai Siasatan Gred P43



KUMPULAN 3
JURUTEKNIK DAN
PROFESIONAL
BERSEKUTU

PIVOT DOOR

GP

Laminate Glass Panel 10mm. thk/
Wood Frame

JURUTEKNIK DAN PROFESIONAL BERSEKUTU

3

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

31 PROFESIONAL BERSEKUTU SAINS DAN KEJURUTERAAN

311 JURUTEKNIK SAINS FIZIK DAN KEJURUTERAAN

- 3111 JURUTEKNIK SAINS KIMIA DAN FIZIK
- 3112 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN AWAM
- 3113 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN ELEKTRIK
- 3114 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
- 3115 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN MEKANIKAL
- 3116 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN KIMIA
- 3117 JURUTEKNIK PERLOMBONGAN DAN KAJI LOGAM
- 3118 PELUKIS PELAN DAN JURUTEKNIK UKUR
- 3119 JURUTEKNIK INDUSTRI DAN PENGELUARAN

312 PENYELIA PERLOMBONGAN, PEMBUATAN, DAN PEMBINAAN

- 3121 PENYELIA PERLOMBONGAN
- 3122 PENYELIA PEMBUATAN
- 3123 PENYELIA PEMBINAAN
- 3129 PENYELIA LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

313 JURUTEKNIK KAWALAN PROSES

- 3131 OPERATOR LOJI PENJANA KUASA
- 3132 OPERATOR LOJI INSINERATOR DAN PERAWATAN AIR
- 3133 PENGAWAL LOJI PEMROSESAN KIMIA
- 3134 OPERATOR LOJI PENAPISAN PETROLEUM DAN GAS ASLI
- 3135 PENGAWAL PROSES PENGELUARAN LOGAM
- 3139 JURUTEKNIK KAWALAN PROSES YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

314 JURUTEKNIK SAINS HAYAT DAN PROFESIONAL BERSEKUTU YANG BERKAITAN

- 3141 JURUTEKNIK SAINS HAYAT (TIDAK TERMASUK PERUBATAN)
- 3142 JURUTEKNIK PERTANIAN DAN PENTERNAKAN
- 3143 JURUTEKNIK PERHUTANAN
- 3144 JURUTEKNIK PERIKANAN

315 JURUTEKNIK KAPAL, PESAWAT, DAN KERETA API

- 3151 JURUTEKNIK PESAWAT UDARA
- 3152 JURUTEKNIK KAPAL/ MARIN
- 3153 JURUTEKNIK KERETA API/ LOKOMOTIF
- 3154 JURUTEKNIK KENDERAAN BERMOTOR
- 3159 JURUTEKNIK PENGANGKUTAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

316 PROFESIONAL BERSEKUTU SAINS NUKLEAR

- 3161 PROFESIONAL BERSEKUTU PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN NUKLEAR

32 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN

321 JURUTEKNIK PERUBATAN DAN FARMASEUTIKAL

- 3211 JURUTEKNIK KELENGKAPAN PENGIMEJAN PERUBATAN DAN TERAPEUTIK
- 3212 JURUTEKNIK MAKMAL PERUBATAN DAN PATOLOGI

- 3213 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU FARMASEUTIKAL
- 3214 JURUTEKNIK PERUBATAN DAN PROSTETIK PERGIGIAN
- 3215 JURUTEKNIK ORTOTIK DAN PROSTETIK

322 PROFESIONAL BERSEKUTU KEJURURAWATAN DAN PERBIDANAN

- 3221 PROFESIONAL BERSEKUTU KEJURURAWATAN (KECUALI PERGIGIAN)
- 3222 PROFESIONAL BERSEKUTU PERBIDANAN

323 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

- 3231 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

324 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU VETERINAR

- 3241 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU VETERINAR

325 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN LAIN

- 3251 PEMBANTU PERGIGIAN DAN AHLI TERAPI
- 3252 JURUTEKNIK REKOD PERUBATAN DAN MAKLUMAT KESIHATAN
- 3253 PEKERJA KESIHATAN MASYARAKAT
- 3254 JURUOPTIK PENDISPENSAN
- 3255 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU JURUPULIH ANGGOTA
- 3256 PEMBANTU PERUBATAN
- 3257 PEMERIKSA KESIHATAN PEKERJAAN DAN PERSEKITARAN DAN BERSEKUTU
- 3258 PEMBANTU AMBULANS
- 3259 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

33 PROFESIONAL BERSEKUTU PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN

331 PROFESIONAL BERSEKUTU KEWANGAN DAN MATEMATIK

- 3311 PERUNDING DAN BROKER SEKURITI DAN KEWANGAN
- 3312 PEGAWAI KREDIT DAN PINJAMAN
- 3313 PROFESIONAL BERSEKUTU PERAKAUNAN DAN PENGAUDITAN
- 3314 PROFESIONAL BERSEKUTU PERANGKAAAN, MATEMATIK, DAN AKTUARI
- 3315 PENILAI DAN PENTAKSIR KERUGIAN

332 EJEN DAN BROKER JUALAN DAN PEMBELIAN

- 3321 WAKIL INSURANS
- 3322 WAKIL JUALAN KOMERSIL
- 3323 PEMBELI
- 3324 BROKER PERDAGANGAN

333 EJEN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

- 3331 EJEN PELEPASAN DAN PENGANGKUTAN
- 3332 EJEN PERSIDANGAN DAN ACARA
- 3333 EJEN DAN KONTRAKTOR PEKERJAAN
- 3334 EJEN HARTANAH DAN HARTA
- 3339 EJEN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

334 PROFESIONAL BERSEKUTU PENTADBIRAN DAN TERKHUSUS

- 3341 PROFESIONAL BERSEKUTU PENTADBIRAN
- 3342 SETIAUSAHA PERUNDANGAN
- 3343 SETIAUSAHA PENTADBIRAN DAN EKSEKUTIF
- 3344 SETIAUSAHA PERUBATAN

34 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN**341 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN**

3411 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN DAN YANG BERKAITAN

35 JURUTEKNIK MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**351 JURUTEKNIK OPERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN SOKONGAN PENGGUNA**

3511 JURUTEKNIK OPERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

3512 JURUTEKNIK SOKONGAN PENGGUNA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

3513 JURUTEKNIK RANGKAIAN DAN SISTEM KOMPUTER

3514 JURUTEKNIK WEB

352 JURUTEKNIK TELEKOMUNIKASI DAN PENYIARAN

3521 JURUTEKNIK PENYIARAN DAN AUDIOVISUAL

3522 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN TELEKOMUNIKASI

36 PROFESIONAL BERSEKUTU SOSIAL, KEBUDAYAAN, DAN YANG BERKAITAN**361 PROFESIONAL BERSEKUTU SOSIAL DAN KEAGAMAAN**

3611 PROFESIONAL BERSEKUTU KERJA SOSIAL

3612 PROFESIONAL BERSEKUTU KEAGAMAAN

362 PROFESIONAL BERSEKUTU KESUKANAN, PERTAHANAN DIRI, DAN KECERGASAN

3621 ATLET DAN AHLI SUKAN

3622 JURULATIH, PENGAJAR, DAN PEGAWAI SUKAN

3623 KETUA PROGRAM, DAN PENGAJAR KECERGASAN DAN REKREASI

363 PROFESIONAL BERSEKUTU KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

3631 JURUGAMBAR

3632 PEREKA BENTUK DAN JURUHIAS DALAMAN

3633 PROFESIONAL BERSEKUTU GALERI, MUZIUM, DAN PERPUSTAKAAN

3634 PROFESIONAL BERSEKUTU KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

3639 PROFESIONAL BERSEKUTU KESENIAN DAN KEBUDAYAAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

364 PROFESIONAL BERSEKUTU KULINARI

3641 JURUMASAK

37 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN**371 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN**

3711 PROFESIONAL BERSEKUTU INSPEKTOR KASTAM DAN SEMPADAN

3712 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI PERCUKAIAN DAN EKSAIS

3713 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI FAEDAH SOSIAL KERAJAAN

3714 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI PELESENAN KERAJAAN

3715 PEGAWAI POLIS

3716 PROFESIONAL BERSEKUTU PERTAHANAN AWAM

3719 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

JURUTEKNIK DAN PROFESIONAL BERSEKUTU

KUMPULAN SUB-UTAMA

31

32

33

34

35

36

37

- 31 PROFESIONAL BERSEKUTU SAINS DAN KEJURUTERAAN
- 32 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN
- 33 PROFESIONAL BERSEKUTU PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN
- 34 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN
- 35 JURUTEKNIK MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
- 36 PROFESIONAL BERSEKUTU SOSIAL, KEBUDAYAAN, DAN YANG BERKAITAN
- 37 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN

4300

PIVOT DOOR



Laminate Glass Panel 10mm. thk/
Wood Frame

JURUTEKNIK DAN PROFESIONAL BERSEKUTU

Deskripsi

Melakukan tugas teknikal dan tugas yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengaplikasian konsep sains atau seni dan kaedah operasi, dan peraturan kerajaan atau perniagaan.

Tahap
Kemahiran

Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran pada tahap kemahiran yang ketiga.

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 31 PROFESIONAL BERSEKUTU SAINS DAN KEJURUTERAAN
- 32 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN
- 33 PROFESIONAL BERSEKUTU PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN
- 34 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN
- 35 JURUTEKNIK MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
- 36 PROFESIONAL BERSEKUTU SOSIAL, KEBUDAYAAN, DAN YANG BERKAITAN
- 37 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN

SUB-UTAMA 31 PROFESIONAL BERSEKUTU SAINS DAN KEJURUTERAAN

Profesional Bersekutu Sains dan Kejuruteraan menjalankan tugas teknikal yang berhubung dengan penyelidikan dan pengaplikasian konsep dan kaedah operasi dalam bidang sains fizik serta bidang pengkomputeran dan kejuruteraan, atau mereka mengawal dan mengendalikan kelengkapan teknikal bagi menyiasat aspek keselamatan dalam proses pembuatan, atau proses dan produk yang lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 311 JURUTEKNIK SAINS FIZIK DAN KEJURUTERAAN
- 312 PENYELIA PERLOMBONGAN, PEMBUATAN, DAN PEMBINAAN
- 313 JURUTEKNIK KAWALAN PROSES
- 314 JURUTEKNIK SAINS HAYAT DAN PROFESIONAL BERSEKUTU YANG BERKAITAN
- 315 JURUTEKNIK KAPAL, PESAWAT, DAN KERETA API
- 316 PROFESIONAL BERSEKUTU SAINS NUKLEAR

KUMPULAN KECIL 311 JURUTEKNIK SAINS FIZIK DAN KEJURUTERAAN

Juruteknik Sains Fizik dan Kejuruteraan menjalankan tugas-tugas teknikal yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengaplikasian konsep, prinsip, dan kaedah operasi berhubung dengan sains fizik termasuk bidang seperti kejuruteraan, lukisan teknikal, atau kecekapan ekonomi dalam proses pengeluaran.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3111 JURUTEKNIK SAINS KIMIA DAN FIZIK
- 3112 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN AWAM
- 3113 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN ELEKTRIK
- 3114 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
- 3115 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN MEKANIKAL
- 3116 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN KIMIA
- 3117 JURUTEKNIK PERLOMBONGAN DAN KAJI LOGAM
- 3118 PELUKIS PELAN DAN JURUTEKNIK UKUR
- 3119 JURUTEKNIK INDUSTRI DAN PENGELUARAN

KUMPULAN UNIT 3111 JURUTEKNIK SAINS KIMIA DAN FIZIK

Juruteknik Sains Kimia dan Fizik menjalankan tugas-tugas teknikal untuk membantu dalam penyelidikan kimia, fizik, geologi, geofizik, meteorologi dan astronomi, dan dalam pembangunan perindustrian, perubatan, ketenteraan dan lain-lain aplikasi praktikal hasil penyelidikan.

Tugas merangkumi:

- a) memastikan semua sensor pengukuran cuaca beroperasi dan menentukan semua data yang dihantar keluar diterima dengan sempurna, dan membekalkan maklumat asas untuk keperluan awam;
- b) menjalankan analisis kimia atau mikrobiologi ke atas sampel-sampel rutin, membantu penyelenggaraan peralatan analisis, penyediaan stok reagen dan menjalankan kerja-kerja lain yang diarahkan oleh pegawai atasan;
- c) mengumpul sampel serta menyediakan bahan dan kelengkapan ujikaji, ujian dan analisis;
- d) membuat pemerhatian, merekod, membuat pengekodan keadaan cuaca dan menghantar laporan cuaca serta menyelenggara kelengkapan mengkaji cuaca;
- e) membuat pemerhatian, pengiraan/pengukuran, merekodkan dan memplot maklumat serta membantu menyediakan laporan dan dokumen teknikal untuk diterbitkan;
- f) mengaplikasikan pengetahuan teknikal untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas;
- g) menyelia atau menyelenggara dan membaiki pulih kelengkapan penyelidikan;
- h) bertanggungjawab membantu dalam meningkatkan kegiatan dan aktiviti jabatan menerusi perkhidmatan mineral, geosains dan maklumat geosains supaya dapat mewujudkan komoditi mineral dan pembangunan geosains yang berkualiti untuk pembangunan negara;
- i) melaksanakan tugas-tugas berkaitan penerapan cuaca, merekod dan menghantar laporan cuaca berdasarkan piawai *International Civil Aviation Organizational* (ICAO) dan *World Meteorological Organization* (WMO);
- j) mengumpul dan menguji sampel tanah dan air, dan menganalisis data dengan bantuan ahli geologi atau geofizik;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3111)

3111-01	Pembantu Makmal Gred C19
3111-02	Pembantu Penyelidik Gred Q19
3111-03	Pembantu Makmal Filem Gred C19
3111-04	Juruteknik Fizik

KUMPULAN UNIT 3112 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN AWAM

Juruteknik Kejuruteraan Awam menjalankan tugas-tugas teknikal dalam penyelidikan kejuruteraan awam dan reka bentuk, pembinaan, operasi, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan bangunan dan struktur lain seperti bekalan air dan sistem rawatan kumbahan, jambatan, jalan raya, empangan dan lapangan terbang.

Tugas merangkumi:

- a) mengawasi dan menyediakan kerja-kerja pembinaan di tapak bina, memberi anggaran perbelanjaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan jalan termasuk menyelia kerja-kerja penyelenggaraan berkenaan;
- b) menjalankan atau membantu dalam ujian ke atas tanah dan bahan binaan yang dilakukan di lapangan atau di makmal;
- c) memberi bantuan teknikal berhubung dengan pembinaan bangunan dan struktur lain serta kaji ukur atau penyelidikan laporan kaji ukur;
- d) memastikan pematuhan spesifikasi reka bentuk, perundangan dan peraturan yang berkaitan, dan memastikan standard bagi bahan dan kerja yang ditentukan;
- e) mengaplikasikan pengetahuan teknikal berhubung dengan prinsip dan amalan pembinaan dan kejuruteraan awam untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul;
- f) membantu menyediakan anggaran kuantiti dan kos bagi bahan serta buruh yang diperlukan untuk projek menurut spesifikasi yang ditetapkan;
- g) mengelolakan penyelenggaraan dan pembaikpulihan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3112)

3112-01	Juruteknik Instrumen Perindustrian
3112-02	Juruteknik Kejuruteraan Awam
3112-03	Pembantu Kejuruteraan Awam
3112-04	Penganggar Kejuruteraan Awam

KUMPULAN UNIT 3113 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Juruteknik Kejuruteraan Elektrik menjalankan tugas-tugas teknikal untuk membantu dalam penyelidikan kejuruteraan elektrik, dan dalam reka bentuk, pembuatan, pemasangan, pembinaan, operasi, penyelenggaraan dan pembaikan peralatan elektrik, kemudahan prasarana dan sistem pengagihan.

Tugas merangkumi:

- membantu kerja penyelidikan dan pembangunan berhubung dengan sistem, kelengkapan dan kemudahan elektrik, atau menguji prototaip;
- membantu menyediakan reka bentuk dan susun atur pemasangan dan litar elektrik;
- membantu menyediakan anggaran terperinci kuantiti dan kos bahan serta buruh yang diperlukan dalam operasi pembuatan dan pemasangan;
- membantu penyeliaan teknikal dalam operasi pembuatan, pemasangan, penggunaan, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan sistem dan kelengkapan elektrik;
- mengaplikasikan pengetahuan teknikal berhubung dengan teori dan amalan kejuruteraan elektrik bagi mengenal pasti serta menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3113)

3113-01	Juruteknik Kejuruteraan Elektrik
3113-02	Juruteknik Pemotongan Wayar
3113-03	Juruteknik Kejuruteraan Elektrik Voltan Tinggi
3113-04	Pembantu Kejuruteraan Elektrik

KUMPULAN UNIT 3114 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN ELEKTRONIK

Juruteknik Kejuruteraan Elektronik menjalankan tugas-tugas teknikal untuk membantu dalam penyelidikan elektronik, dan dalam reka bentuk, pembuatan, pemasangan, pembinaan, operasi, penyelenggaraan dan pembaikan peralatan elektronik.

Tugas merangkumi:

- menyediakan bantuan teknikal dalam penyelidikan dan pembangunan peralatan elektronik, atau menguji prototaip;
- membantu menyediakan reka bentuk dan susun atur litar elektronik;
- membantu menyediakan anggaran terperinci kuantiti dan kos bahan serta buruh yang diperlukan bagi pembuatan dan pemasangan kelengkapan elektronik;
- membantu penyeliaan teknikal pembuatan, penggunaan, penyelenggaraan serta pembaikpulihan sistem kelengkapan elektronik untuk memastikan prestasi yang memuaskan dan mengikut spesifikasi dan peraturan yang ditetapkan;
- mengaplikasikan pengetahuan teknikal berhubung dengan prinsip dan amalan kejuruteraan elektronik dan telekomunikasi;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3114)

3114-01	Juruteknik Kejuruteraan Elektronik
3114-02	Penganggar Kejuruteraan Elektronik
3114-03	Pembantu Kejuruteraan Elektronik
3114-04	Juruteknik Reka Bentuk Elektronik

KUMPULAN UNIT 3115 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Juruteknik Kejuruteraan Mekanikal menjalankan tugas-tugas teknikal untuk membantu dalam penyelidikan kejuruteraan mekanikal, dan dalam reka bentuk, pembuatan, pemasangan, pembinaan, operasi, penyelenggaraan, dan pembaikan mesin, komponen dan peralatan mekanikal.

Tugas merangkumi:

- menyediakan bantuan teknikal dalam penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan perkakas mesin, enjin kenderaan, pesawat, pemasangan alat pemanasan, pengalihudaraan dan penyejukan, serta loji dan kelengkapan lain yang berfungsi secara mekanikal;
- mereka bentuk dan menyediakan susun atur pemasangan mesin;

- c) membantu menyediakan anggaran terperinci kuantiti dan kos bahan serta buruh yang diperlukan dalam operasi pembuatan dan pemasangan;
- d) membantu kerja penyeliaan teknikal bagi pembuatan, penggunaan, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan loji dan enjin mekanik;
- e) mengaplikasikan pengetahuan teknikal berkenaan dengan jentera serta prinsip dan amalan kejuruteraan mekanik supaya dapat mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan kerja;
- f) memastikan reka bentuk kejuruteraan mekanikal dan hasil akhir adalah mengikut spesifikasi, peraturan dan peruntukan kontrak;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3115)

3115-01	Juruteknik Kejuruteraan Aeroangkasa (Mekanikal)
3115-02	Juruteknik Kejuruteraan Aeronautik
3115-03	Juruteknik Kejuruteraan Automobil
3115-04	Juruteknik Kejuruteraan Mekanikal

KUMPULAN UNIT 3116 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN KIMIA

Juruteknik Kejuruteraan Kimia menjalankan tugas-tugas teknikal untuk membantu dalam penyelidikan kejuruteraan kimia, dan dalam reka bentuk, pembuatan, pembinaan, operasi, penyelenggaraan dan pembaikpulihan loji kimia.

Tugas merangkumi:

- a) membantu dalam penyelidikan dan pembangunan proses kimia industri, loji dan peralatan, atau menguji prototaip;
- b) meraka bentuk dan menyediakan susun atur loji kimia mengikut spesifikasi yang ditetapkan;
- c) membantu menyediakan anggaran terperinci kuantiti dan kos bahan dan buruh yang diperlukan dalam operasi pembuatan dan pemasangan, mengikut spesifikasi yang ditetapkan;
- d) memantau aspek teknikal dalam pembinaan, pemasangan, operasi, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan loji kimia untuk memastikan prestasi yang memuaskan serta mematuhi spesifikasi dan peraturan;
- e) menjalankan pengujian makmal kimia dan fizikal bagi membantu ahli sains dan jurutera dalam membuat analisis kualitatif dan kuantitatif bahan pepejal, cecair dan gas;
- f) mengaplikasikan pengetahuan teknikal berhubung dengan prinsip dan amalan kejuruteraan kimia supaya dapat mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan kerja;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan;
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3116)

3116-01	Juruteknik Kejuruteraan Kimia
3116-02	Juruteknik Kejuruteraan Proses Kimia
3116-03	Juruteknik Kejuruteraan Petroleum
3116-04	Ahli Teknologi Minyak

KUMPULAN UNIT 3117 JURUTEKNIK PERLOMBONGAN DAN KAJI LOGAM

Juruteknik Perlombongan dan Kaji Logam menjalankan tugas teknikal untuk membantu dalam penyelidikan dan eksperimen yang berkaitan dengan metalurgi dalam meningkatkan kaedah mengekstrak mineral pepejal, minyak dan gas, dan dalam reka bentuk, pembinaan, operasi, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan lombong dan pemasangan lombong, sistem untuk mengangkut dan menyimpan minyak dan gas asli, dan untuk pengekstrakan logam daripada bijih.

Tugas merangkumi:

- a) mengumpul data dan maklumat bulanan bagi sektor perlombongan dan pengkuarian;
- b) membantu menyediakan bantuan teknikal untuk membantu dalam penyelidikan dan pembangunan proses untuk menentukan sifat-sifat logam dan aloi baru;
- c) membantu dalam kaji selidik geologi dan topografi serta dalam reka bentuk sistem pengekstrakan dan pengangkutan minyak, gas asli, dan bijih serta loji pemprosesan dan penapisan galian dan logam;
- d) membantu menyediakan anggaran kuantiti dan kos bahan serta buruh yang diperlukan untuk projek, pengangkutan galian, minyak dan gas asli, serta untuk pemprosesan dan penapisan galian;

- e) membantu kerja penyeliaan teknikal dalam pembinaan, pemasangan, operasi, penyelenggaraan dan pembaikpulihan loji, pengangkutan dan pemasangan, penyimpanan serta pemprosesan bijih galian, minyak dan gas asli untuk memastikan prestasi yang memuaskan serta mematuhi spesifikasi dan peraturan;
- f) mengaplikasikan pengetahuan perlombongan, pengekstrakan, pengangkutan dan penyimpanan minyak dan gas asli serta prinsip dan amalan kaji logam untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan kerja;
- g) mengumpul serta membantu membuat kajian semua syarat-syarat yang terkandung dalam lesen-lesen yang dikeluarkan kepada pengusaha lombong, kuari dan perniagaan mineral untuk tujuan penyeragaman serta membuat lawatan naziran ke semua aktiviti perlombongan, kuari dan perniagaan mineral seluruh negara;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3117)

3117-01	Juruteknik Kaji Logam
3117-02	Juruteknik Kaji Logam Ekstraktif
3117-03	Juruteknik Pengekstrakan Petroleum dan Gas Asli
3117-04	Pembantu Makmal Kaji Logam

KUMPULAN UNIT 3118 PELUKIS PELAN DAN JURUTEKNIK UKUR

Pelukis Pelan dan Juruteknik Ukur menyediakan lukisan, peta dan ilustrasi teknikal daripada lakaran, ukuran dan data lain serta menyalin lukisan ke atas plat cetak.

Tugas merangkumi:

- a) menyedia dan menyemak lakaran kerja lukisan dan spesifikasi yang dibuat oleh jurutera dan pereka bagi pembuatan, pemasangan, dan ereksi peralatan dan mesin, atau untuk pembinaan, modifikasi, penyelenggaraan dan pembaikpulihan bangunan, empangan, jambatan, jalanraya dan lain-lain projek seni bina dan kejuruteraan awam;
- b) menyuruh dan menyediakan lukisan-lukisan (pelan) dengan penentuan-penentuan yang lengkap mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan;
- c) melaksanakan kerja-kerja lapangan untuk pengumpulan maklumat tapak projek dan lapangan, surihan untuk penyediaan pelan landskap dan lukisan kerja pembinaan landskap, penyediaan lukisan ilustrasi projek dan cadangan pembangunan landskap;
- d) membantu menjalankan kerja-kerja pengurusan projek pembangunan landskap, melaksana kerja-kerja lapangan bagi pengurusan dan penyelenggaraan landskap dan melaksanakan kerja-kerja merekod dan dokumentasi bagi pelaksanaan pembangunan landskap;
- e) menjalankan kajian tapak (kegunaan tanah), soal-selidik sosioekonomi, menyediakan pelan dasar, landskap, kajian kampung dan memberi maklumat guna tanah;
- f) mengendalikan *digitizing table* atau kelengkapan yang seumpamanya untuk memindahkan salinan cetak lukisan kerja, peta, dan keluk lain ke dalam bentuk digital;
- g) mengambil data topografi dalam bentuk analog atau digital dengan menggunakan alat stereo untuk menyediakan dan mengubah peta topografi, hidrografi, utiliti dan peta tematik lain;
- h) menyedia dan menyemak ilustrasi lukisan untuk digunakan sebagai rujukan, brosur, dan manual teknikal berkaitan dengan pemasangan, operasi, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan jentera dan kelengkapan lain;
- i) menyalin lukisan ke atas batu atau plat logam untuk dicetak;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3118)

3118-01	Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA19
3118-02	Juruteknik Lukis Pelan
3118-03	Pelukis Pelan
3118-04	Pelukis Pelan, Acuan

KUMPULAN UNIT 3119 JURUTEKNIK INDUSTRI DAN PENGELUARAN

Juruteknik Industri dan Pengeluaran menjalankan tugas-tugas teknikal untuk membantu dalam penyelidikan kejuruteraan industri dan pengeluaran, dan dalam reka bentuk, pembuatan, pemasangan, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan. Mereka membantu menyelaraskan aktiviti perkilangan dan menilai keberkesanan kos dan keselamatan.

Tugas merangkumi:

- a) mengumpulkan data dan memberi bantuan teknikal berkenaan kaedah perancangan dan pengeluaran, penggunaan personel, bahan dan kelengkapan yang cekap, selamat dan menjimatkan, kaedah kerja dan urutan operasi serta penyeliaan pelaksanaannya, aspek masa dan gerakan dalam pengelolaan kerja serta susun atur loji atau pertubuhan, yang cekap;
- b) mengenal pasti bahaya yang mungkin berlaku dan memperkenalkan prosedur dan peranti keselamatan;
- c) mengumpulkan data dan memberi bantuan teknikal berkaitan dengan penyediaan dan pengawasan anggaran kos dan senarai kuantiti bagi projek pembinaan dan seni bina;
- d) membantu jurutera dalam pengujian dan reka bentuk peralatan robotik;
- e) mengubahsuai dan menguji peralatan dan peranti yang digunakan dalam pencegahan, pengawalan, dan pemulihan pencemaran persekitaran, pemulihan tapak dan penambahan tanah;
- f) menjalankan pemeriksaan untuk memastikan pembinaan dan penggunaan kenderaan adalah mematuhi perkara yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah yang dibuat di bawahnya;
- g) memeriksa, mengekalkan dan menyimpan rekod seperti yang dikehendaki oleh pengurusan, dan memastikan bahawa semua kerja dilakukan mengikut arahan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3119)

3119-01	Juruteknik
3119-02	Juruteknik Gred P4
3119-03	Juruteknik Penyelenggaraan
3119-04	Juruteknik Kejuruteraan, Kaedah

KUMPULAN KECIL 312 PENYELIA PERLOMBONGAN, PEMBUATAN, DAN PEMBINAAN

Penyelia Perlombongan, Pembuatan, dan Pembinaan menyelaras, menyelia, mengawal dan menjadual aktiviti pekerja dalam operasi pembuatan, perlombongan dan pembinaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3121 PENYELIA PERLOMBONGAN
- 3122 PENYELIA PEMBUATAN
- 3123 PENYELIA PEMBINAAN
- 3129 PENYELIA LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 3121 PENYELIA PERLOMBONGAN

Penyelia Perlombongan menyelia operasi perlombongan dan kuari serta menyelia dan menyelaras aktiviti pelombong yang bekerja di bawah tanah dan di permukaan lombong dan kuari.

Tugas merangkumi:

- a) menyelia dan menyelaras aktiviti pekerja yang mengekstrak mineral dan lain-lain bahan semulajadi dari bumi, mengendalikan pemindahangkutan bawah tanah atau peralatan berat di permukaan lombong dan kuari;
- b) menentukan kaedah bagi memenuhi jadual kerja dan mengesyorkan penandaarasan kepada pengurus perlombongan untuk meningkatkan produktiviti;
- c) membuat tuntutan, mengeluarkan dan merekodkan bahan yang perlu untuk operasi;
- d) menentukan kakitangan dan bahan keperluan untuk lombong atau kuari;
- e) merancang dan menganggar kos pengeluaran dan mengemukakan laporan kemajuan berkala;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3121)

3121-01	Penyelia Lombong
3121-02	Penyelia Kuari

KUMPULAN UNIT 3122 PENYELIA PEMBUATAN

Penyelia Pembuatan menyelaras dan menyelia aktiviti-aktiviti juruteknik kawalan proses, operator mesin dan pemasang, dan pekerja buruh pembuatan lain.

Tugas merangkumi:

- menerima, merekodkan, dan menghantar hasil;
- menyusun dan merancang kerja harian dengan mengambil kira perancangan, ekonomi, kakitangan dan persekitaran;
- membuat tuntutan, mengeluarkan, dan merekodkan bahan yang perlu untuk operasi;
- menyediakan senarai gaji bulanan atau menyediakan angka muktamad untuk menghitung senarai gaji dan membantu menguruskan pembayaran pendahuluan dan upah kepada pekerja;
- merancang dan menganggar kos pengeluaran, dan mengemukakan laporan kemajuan berkala;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3122)

3122-01	Penyelia Pembuatan
3122-02	Penyelia Pengeluaran
3122-03	Penyelia Kemasan
3122-04	Penyelia Pembungkusan

KUMPULAN UNIT 3123 PENYELIA PEMBINAAN

Penyelia Pembinaan menyelaras, menyelia dan menyusun jadual pekerja yang terlibat dalam aktiviti pembinaan, serta pembaikpulih bangunan dan struktur.

Tugas merangkumi:

- membaca spesifikasi untuk menentukan keperluan pembinaan dan merancang prosedur;
- menyusun dan menyelaras bahan dan pekerja yang diperlukan untuk menyiapkan kerja;
- memantau dan memeriksa kemajuan kerja;
- memeriksa kelengkapan dan tapak pembinaan untuk memastikan keperluan kesihatan dan keselamatan dipatuhi;
- menyelia tapak pembinaan dan menyelaraskan kerja dengan projek pembinaan lain;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3123)

3123-01	Penyelia Operasi
3123-02	Penyelia Projek
3123-03	Penyelia Pembinaan
3123-04	Penyelia Tapak

KUMPULAN UNIT 3129 PENYELIA LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Penyelia Lain yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 312: Penyelia Perlombongan, Pembuatan, dan Pembinaan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk penyelia pembersihan.

Tugas merangkumi:

- menerima, merekod dan menghantar hasil;
- memeriksa, menyelenggara dan menyimpan rekod seperti yang dikehendaki oleh pihak pengurusan, di bawah kawasan yang dipertanggungjawabkan kepadanya, dan memastikan semua kerja dilaksanakan menurut arahan;
- membuat tuntutan, mengeluarkan dan merekodkan bahan yang perlu untuk operasi;
- merancang dan menganggar kos pengeluaran dan mengemukakan laporan kemajuan berkala;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3129)

3129-01	Penyelia Pembersihan
---------	----------------------

KUMPULAN KECIL 313 JURUTEKNIK KAWALAN PROSES

Juruteknik Kawalan Proses mengendalikan dan mengawasi papan kekunci (switchboard), sistem kawalan berkomputer, jentera kawalan proses pelbagai fungsi, dan menyelenggara unit pemrosesan dalam penjanaan dan pengagihan kuasa elektrik, air sisa, rawatan kumbahan dan loji pelupusan sisa, bahan kimia, penapisan petroleum dan gas semulajadi dalam pemrosesan logam, dan lain-lain operasi proses.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3131 OPERATOR LOJI PENJANA KUASA
- 3132 OPERATOR LOJI INSINERATOR DAN PERAWATAN AIR
- 3133 PENGAWAL LOJI PEMROSESAN KIMIA
- 3134 OPERATOR LOJI PENAPISAN PETROLEUM DAN GAS ASLI
- 3135 PENGAWAL PROSES PENGELUARAN LOGAM
- 3139 JURUTEKNIK KAWALAN PROSES YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 3131 OPERATOR LOJI PENJANA KUASA

Operator Loji Penjana Kuasa mengendalikan, memantau dan menyelenggara papan kekunci (*switchboard*) dan peralatan yang berkaitan dengan pusat kawalan elektrik yang mengawal pengeluaran dan pengagihan elektrik atau lain-lain kuasa dalam rangkaian transmisi (*transmission networks*). Peralatan yang dikendalikan termasuk reaktor, turbin, penjana dan peralatan tambahan lain dalam stesen penjanaan kuasa elektrik

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan dan mengawasi loji penjana kuasa stim pembakaran batu arang, minyak atau gas asli;
- b) mengendalikan dan mengawasi stesen penjana kuasa hidroelektrik;
- c) mengendalikan dan mengawal sistem penjanaan kuasa dan peralatan termasuk dandang, turbin, generator, kondenser, dan reaktor di loji janakuasa hidro, haba, arang batu, minyak, gas asli, dan nuklear untuk menjana dan mengagihkan kuasa elektrik;
- d) mengawal operasi pensuisan, mengawal paras air dan berkomunikasi dengan pengendali sistem untuk mengawal dan menyelaraskan beban penghantaran, kekerapan dan voltan talian;
- e) mengambil bacaan daripada carta, meter dan tolok pada selang masa yang ditetapkan, menyelesaikan masalah dan melaksanakan tindakan pembetulan yang perlu;
- f) menjalankan pembersihan dan menyelenggara peralatan seperti penjana, dandang, turbin, pam dan pemampat untuk mencegah ketidakfungsian atau kemerosotan peralatan;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3131)

3131-01	Penghantar Muatan Kuasa Elektrik
3131-02	Operator Papan Suis Elektrik
3131-03	Operator Stesen Hidroelektrik
3131-04	Operator Loji Penjanaan Kuasa

KUMPULAN UNIT 3132 OPERATOR LOJI INSINERATOR DAN PERAWATAN AIR

Operator Loji Insinerator dan Perawatan Air memantau dan mengendalikan sistem kawalan berkomputer dan peralatan berkaitan serta mengawasi loji penunu, loji perawatan air, loji kumbahan, pemampat udara dan gas, stesen pam, dan sistem penyejukan atau pemanasan, dan sistem pengalihudaraan.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan dan mengawasi jentera dan peralatan loji penunu pembakar sampah atau bahan buangan lain;
- b) mengendalikan dan mengawasi jentera dan peralatan untuk menuliskan dan menjernihkan air untuk keperluan atau kegunaan manusia dan kemudiannya dikembalikan kepada sistem air asli;
- c) mengendalikan dan mengawasi jentera dan peralatan yang mengawal atur pembersihan dan pembuangan kumbahan dan buangan;
- d) mengendalikan dan mengawasi pemampat udara dan gas;
- e) mengendalikan dan mengawasi stesen pam untuk memindahkan cecair, gas, bahan separa cecair dan bahan serbuk dari satu tempat ke tempat yang lain;
- f) mengendalikan dan mengawasi sistem penyejukan untuk penyimpanan sejuk atau beku, atau untuk proses perindustrian;
- g) mengendalikan dan mengawasi sistem pemanasan dan pengalihudaraan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3132)

3132-01	Operator Enjin Pegun
3132-02	Operator Pemampat
3132-03	Operator Pemampat Gas
3132-04	Operator Loji Insinerator

KUMPULAN UNIT 3133 PENGAWAL LOJI PEMROSESAN KIMIA

Pengawal Loji Pemprosesan Kimia mengendalikan dan memantau loji kimia, melaraskan dan menyelenggara unit pemprosesan dan kelengkapan yang menyuling, menuras, mengasing, memanaskan atau menapis bahan kimia.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan panel kawalan elektronik atau berkomputer untuk memantau dan mengoptimumkan proses fizik dan kimia bagi beberapa unit pemprosesan;
- melaraskan peralatan, injap, pam, kelengkapan kawalan dan proses;
- mengawal persediaan, pengukuran dan kemasukan bahan mentah dan agen pemprosesan seperti pemangkin dan bahantara penapis ke dalam loji;
- mengawal proses dan menyelesaikan masalah kerosakan;
- mengesahkan peralatan tidak rosak, melaksanakan ujian operasi rutin, dan mengatur penyelenggaraan;
- menganalisis sampel produk, melaksanakan ujian, merekodkan data, dan menulis log pengeluaran;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3133)

3133-01	Juruteknik Proses Kimia
3133-02	Penyelia Loji Kimia
3133-03	Operator Loji-Kimia-Haba-Pemulihan
3133-04	Operator Penapisan Kimia dan Pengasingan Peralatan

KUMPULAN UNIT 3134 OPERATOR LOJI PENAPISAN PETROLEUM DAN GAS ASLI

Operator Loji Penapisan Petroleum dan Gas Asli mengendalikan dan mengawasi loji yang menapis, menyuling, dan merawat petroleum, produk berasaskan petroleum, dan produk sampingan atau gas asli.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan panel kawalan elektronik atau berkomputer untuk memantau dan mengoptimumkan proses fizikal dan kimia bagi beberapa unit pemprosesan;
- mengendalikan dan mengawasi peralatan untuk mendapatkan oksigen dan nitrogen daripada udara untuk kegunaan perindustrian dan terapeutik;
- mengendalikan dan mengawasi loji tempat sulingan tekanan dan gas yang tidak termeluwap dirawat;
- mengendalikan dan mengawasi pam yang mengedarkan produk petroleum atau air dan larutan kimia melalui loji penapisan;
- mengendalikan dan mengawasi panel kawalan di loji penapisan petroleum;
- mengendalikan dan mengawasi radas penyulingan yang menyuling atau menapis produk petroleum;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mengadun petrol dengan bahan kimia dan bahan tambah yang lain;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menapis atau merawat gas asli;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3134)

3134-01	Operator Pam Penapisan Petroleum
3134-02	Operator Penyuling Penapisan Petroleum
3134-03	Pengawal Penapisan Petroleum
3134-04	Operator Penyahsulfur Penapisan Petroleum

KUMPULAN UNIT 3135 PENGAWAL PROSES PENGELUARAN LOGAM

Pengawal Proses Pengeluaran Logam mengendalikan dan mengawasi pelbagai fungsi proses kawalan mesin dan peralatan untuk melebur atau memanaskan semula logam, atau mesin untuk menuang logam.

Tugas merangkumi:

- a) menyelaraskan dan memantau operasi pengeluaran pemprosesan logam melalui panel kawalan, terminal komputer atau sistem kawalan yang lain;
- b) mengendalikan dan mengawasi relau untuk meleburkan logam ferus dan bukan ferus untuk menghasilkan tuangan;
- c) mengendalikan dan mengawasi relau untuk memanaskan semula bahan logam sebelum ditempa, ditekan dengan menggunakan kuasa, digelek, atau untuk pemprosesan selanjutnya;
- d) mengendalikan dan mengawasi mesin penggelek untuk membentuk keluli panas atau sejuk kepada beberapa bentuk untuk pemprosesan selanjutnya, atau kepada bentuk akhir;
- e) mengendalikan dan mengawasi mesin penggelek untuk menjadikan atau membentuk logam bukan ferus panas atau sejuk kepada bentuk yang ditentukan seperti plat, kepingan, atau kerajang;
- f) menuang logam lebur ke dalam acuan dan mengendalikan serta mengawasi mesin tuang;
- g) mengendalikan mesin penggelek untuk menjadikan atau membentuk logam bukan ferus panas atau sejuk kepada plat, kepingan, kerajang, dawai, atau rod yang ditentukan dimensinya;
- h) mengawal alat kawalan mesin penggelek;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3135)

3135-01	Pengawal Mesin Penggelek Logam
3135-02	Pengaset, Logam
3135-03	Operator Kawalan Proses Logam
3135-04	Operator Relau Letupan

KUMPULAN UNIT 3139 JURUTEKNIK KAWALAN PROSES YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Juruteknik Kawalan Proses yang Tidak dikelaskan di mana-mana dalam Kumpulan Kecil 313: Juruteknik Kawalan Proses.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa, menyelenggara, dan menyimpan rekod seperti yang dikehendaki oleh pihak pengurusan, di bawah kawasan yang dipertanggungjawabkan kepadanya dan memastikan semua kerja dilaksanakan menurut arahan;
- b) membuat tuntutan, mengeluarkan, dan merekodkan bahan yang perlu untuk operasi;
- c) merancang dan menganggar kos pengeluaran dan mengemukakan laporan kemajuan berkala;
- d) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- e) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

KUMPULAN KECIL 314 JURUTEKNIK SAINS HAYAT DAN PROFESIONAL BERSEKUTU YANG BERKAITAN

Juruteknik Sains Hayat dan Professional Bersekutu yang Berkaitan menjalankan pelbagai tugas teknikal untuk menyokong profesional sains hayat dalam penyelidikan, perkembangan, pengurusan, kerja pemuliharaan dan perlindungan dalam bidang seperti biologi, botani, zoologi, bioteknologi dan biokimia, dan dalam pertanian, perikanan dan perhutanan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3141 JURUTEKNIK SAINS HAYAT (TIDAK TERMASUK PERUBATAN)**
- 3142 JURUTEKNIK PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**
- 3143 JURUTEKNIK PERHUTANAN**
- 3144 JURUTEKNIK PERIKANAN**

KUMPULAN UNIT 3141 JURUTEKNIK SAINS HAYAT (TIDAK TERMASUK PERUBATAN)

Juruteknik Sains Hayat (Tidak Termasuk Perubatan) memberikan sokongan teknikal kepada profesional sains hayat yang menjalankan penyelidikan, analisis, dan pengujian organisma hidup, serta pembangunan dan aplikasi produk dan proses yang dihasilkan daripada penyelidikan dalam bidang seperti pertanian, pengurusan sumber semula jadi, perlindungan alam sekitar, biologi tumbuhan dan haiwan, mikrobiologi, serta biologi sel dan molekul.

Tugas merangkumi:

- a) membantu mereka bentuk, membuat persiapan, dan menjalankan uji kaji;
- b) menetapkan, menentukur, mengendalikan, serta menyelenggara instrumen dan kelengkapan makmal;
- c) mengumpul dan menyediakan spesimen dan sampel, larutan kimia dan slaid, serta membiakkan kultur untuk digunakan dalam uji kaji;
- d) menjalankan pengujian lapangan dan makmal yang rutin;
- e) memantau uji kaji untuk memastikan pematuhan bagi memperbetulkan prosedur kawalan kualiti makmal, dan garis panduan kesihatan dan keselamatan;
- f) membuat pemerhatian terhadap pengujian, dan menganalisis, menghitung, merekod, dan melaporkan keputusan ujian dengan menggunakan kaedah saintifik yang sesuai;
- g) mengawet, mengelas, dan mengkatalog spesimen dan sampel;
- h) menyimpan log terperinci berkaitan kerja yang telah dilaksanakan;
- i) mengambil bahagian dalam penyelidikan, pembangunan dan pembuatan produk dan proses;
- j) memesan dan menyimpan stok bekalan makmal;
- k) menyelenggara pangkalan data yang berkaitan;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3141)

3141-01	Juruteknik Biologi
3141-02	Juruteknik Entomologi
3141-03	Juruteknik Tisu Kultur
3141-04	Juruteknik Botani

KUMPULAN UNIT 3142 JURUTEKNIK PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Juruteknik Pertanian dan Penternakan menjalankan tugas teknikal dan membangunkan aplikasi hasil penyelidikan aktiviti berkaitan agronomi dan penternakan. Mereka memberikan sokongan teknikal dan saintifik kepada profesional sains pertanian dan penternakan, petani dan penternak.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan tugas pengembangan termasuk kerja-kerja merancang, melaksana, menilai, mengesan program-program pembangunan melalui pelaksanaan projek perladangan berkelompok;
- b) mengumpul dan menyediakan spesimen seperti tanah, sel-sel tumbuhan atau haiwan, tisu atau bahagian atau organ-organ haiwan untuk uji kaji, pengujian, dan analisis;
- c) menyedia dan mengumpulkan spesimen, bahan, dan kelengkapan untuk uji kaji, pengujian dan analisis;
- d) mengelolakan penyelenggaraan dan pembaikpulihan mesin dan peralatan ladang;
- e) bertanggungjawab terhadap kualiti produk;
- f) membantu dan menjalankan uji kaji, pengujian dan analisis, serta merekodkan hasil pemerhatian dan maklumat lain yang berkaitan, dengan menggunakan kelengkapan dan peralatan makmal;
- g) menganalisis sampel bijih benih bagi menentukan kadar kualiti, ketulenan, dan percambahannya;
- h) mengumpulkan data dan menganggarkan kuantiti serta kos bahan dan buruh yang diperlukan untuk projek;
- i) mengaplikasikan pengetahuan tentang prinsip dan amalan sains untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan kerja;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3142)

3142-01	Juruteknik Agronomi
3142-02	Juruteknik Penyelidikan Tanaman
3142-03	Juruteknik Sains Tanih
3142-04	Juruteknik Florikultur

KUMPULAN UNIT 3143 JURUTEKNIK PERHUTANAN

Juruteknik Perhutanan menjalankan tugas teknikal dan membangunkan aplikasi hasil penyelidikan aktiviti berkaitan perhutanan dan pengurusan hutan, penuaian, pemuliharaan sumber dan perlindungan alam sekitar.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan inventori hutan, kaji selidik dan ukuran lapangan mengikut prosedur saintifik dan operasi yang dibolehkan;
- b) membantu dan melaksanakan tugas-tugas teknikal dalam pengurusan hutan dan rancangan penuaian menggunakan teknik fotogrametri dan pemetaan serta sistem maklumat berkomputer;
- c) menyediakan dan mengumpulkan spesimen, bahan, dan kelengkapan untuk uji kaji, pengujian, dan analisis;
- d) membantu dan menjalankan uji kaji, pengujian dan analisis, serta merekodkan hasil pemerhatian dan maklumat lain yang berkaitan dengan menggunakan kelengkapan dan peralatan makmal;
- e) menganalisis sampel bijih benih bagi menentukan perkadaran kualiti, ketulenan, dan percambahan;
- f) mengumpulkan data dan menganggarkan kuantiti serta kos bahan dan buruh yang diperlukan untuk projek;
- g) mengawalselia kerja-kerja pembangunan hutan, operasi, penguatkuasaan kilang, pencerobohan hutan rekreasi dan kerja operasi termasuk kutipan hasil keluaran kayu hasil hutan;
- h) menyemak dan memantau lesen operasi hutan juga industri berasaskan kayu;
- i) bertanggungjawab mengajar pelatih cara-cara pengendalian dan menyelenggara jentera berat dalam pembalakan, teknik membina jalan-jalan balak dan menarik balak dari hutan;
- j) mengaplikasikan pengetahuan tentang prinsip dan amalan sains untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan kerja;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3143)

3143-01	Juruteknik Arborikultur
3143-02	Juruteknik Perhutanan
3143-03	Juruteknik Silvikultur
3143-04	Penolong Pemelihara Hutan Gred G29

KUMPULAN UNIT 3144 JURUTEKNIK PERIKANAN

Juruteknik Perikanan menjalankan tugas teknikal dan aplikasi hasil penyelidikan berkaitan aktiviti perikanan.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dan mengumpulkan spesimen, bahan, dan kelengkapan untuk uji kaji, pengujian, dan analisis;
- b) membantu dan menjalankan uji kaji, pengujian dan analisis, serta merekodkan hasil pemerhatian dan maklumat lain yang berkaitan dengan menggunakan kelengkapan dan peralatan makmal;
- c) menganalisis sampel ikan untuk menentukan kualiti;
- d) mengumpulkan data dan menganggarkan kuantiti serta kos bahan dan buruh yang diperlukan untuk projek;
- e) menguruskan penyelenggaraan dan pembaikpulihan kelengkapan penyelidikan;
- f) mengaplikasikan pengetahuan tentang prinsip dan amalan sains untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan kerja;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3144)

3144-01	Juruteknik Penetasan
3144-02	Penyelia Penetasan
3144-03	Juruteknik Perikanan
3144-04	Pembantu Penetasan

KUMPULAN KECIL 315 JURUTEKNIK KAPAL, PESAWAT, DAN KERETA API

Juruteknik Kapal, Pesawat, dan Kereta Api menyelia operasi perkhidmatan pengangkutan darat, udara, dan air.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3151 JURUTEKNIK PESAWAT UDARA
- 3152 JURUTEKNIK KAPAL/ MARIN
- 3153 JURUTEKNIK KERETA API/ LOKOMOTIF
- 3154 JURUTEKNIK KENDERAAN BERMOTOR
- 3159 JURUTEKNIK PENGANGKUTAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 3151 JURUTEKNIK PESAWAT UDARA

Juruteknik Pesawat Udara membaik pulih, memperbaiki, memeriksa, menguji, dan menservis enjin pesawat udara dan kelengkapan mekanik pesawat yang lain.

Tugas merangkumi:

- a) menservis, membaik pulih, dan memperbaiki enjin pesawat udara seperti jet, enjin turbo dan ombok serta kelengkapan mekanik pesawat yang lain;
- b) menguji enjin dengan menggunakan kelengkapan ujian;
- c) memeriksa enjin untuk mengesan silinder retak, kebocoran minyak, dan kerosakan lain;
- d) membaik pulih, memasang, dan menggantikan bahagian enjin;
- e) mengeluarkan enjin dari pesawat untuk diperbaiki dan memasang gantian;
- f) memeriksa, menservis dan membaik pulih sistem pneumatik dan hidraulik;
- g) mengendalikan sistem *Aeronautical Fixed Telecommunication Network* (AFTN) dan penyediaan perkhidmatan radio berfrekuensi tinggi, dan membantu sistem kawalan trafik udara di ruang udara;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3151)

3151-01	Juruteknik Keselamatan Trafik Udara
3151-02	Juruteknik Pesawat
3151-03	Juruteknik Penyelenggaraan Penerbangan
3151-04	Juruteknik Perkhidmatan Pesawat

KUMPULAN UNIT 3152 JURUTEKNIK KAPAL/ MARIN

Juruteknik Kapal/ Marin membaik pulih atau menservis enjin kapal/ marin di bengkel atau di atas kapal.

Tugas merangkumi:

- a) membantu penyediaan maklumat dan dokumen dalam membangunkan program kursus latihan pelayaran (nautika): kejuruteraan marin mengikut piawaian yang ditetapkan;
- b) membantu dalam melaksanakan urusan dokumentasi pelaut;
- c) membantu dalam pengurusan peralatan bantuan pelayaran;
- d) melaksanakan pengurusan dokumen pendaftaran kapal dan bot;
- e) membaik pulih dan menservis enjin stim, petrol, diesel, dan enjin marin;
- f) memeriksa enjin untuk mencari kerosakan dengan menggunakan pelbagai alat dan perkakas;
- g) membuka sebahagian atau seluruh enjin untuk menggantikan atau membetulkan bahagian yang haus dan rosak;
- h) menghidupkan enjin dan memerhatikan prestasinya dengan mengambil bacaan meter seperti suhu, paras bahan bakar, dan tekanan minyak serta membuat pelarasan yang perlu untuk prestasi yang optimum;
- i) memeriksa, melaras dan melincirkan enjin secara berkala untuk memastikan enjin dalam keadaan baik;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3152)

3152-01	Pembantu Laut Gred A19
3152-02	Pengawal Tambatan
3152-03	Juragan Perahu Layar
3152-04	Penyelia Trafik Kapal Kargo

KUMPULAN UNIT 3153 JURUTEKNIK KERETA API/ LOKOMOTIF

Juruteknik Kereta Api/ Lokomotif menservis dan membaik pulih enjin kereta api/ lokomotif.

Tugas merangkumi:

- menservis atau membaiki pulih enjin kereta api/ lokomotif;
- memeriksa enjin untuk mengesan kerosakan dengan menggunakan pelbagai alat dan perkakas;
- membuka sebahagian atau seluruh enjin untuk menggantikan atau membetulkan bahagian yang haus dan rosak;
- memeriksa, melaras dan melincirkan enjin secara berkala untuk memastikan enjin dalam keadaan baik;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3153)

3153-01	Juruteknik Kereta api
3153-02	Penyelia Kereta api
3153-03	Penyelia Lokomotif
3153-04	Penyelia Transit Aliran Ringan

KUMPULAN UNIT 3154 JURUTEKNIK KENDERAAN BERMOTOR

Juruteknik Kenderaan Bermotor menservis dan membaiki pulih enjin kenderaan bermotor.

Tugas merangkumi:

- menservis atau membaiki pulih enjin kenderaan bermotor;
- memeriksa enjin untuk mengesan kerosakan dengan menggunakan pelbagai alat dan perkakas;
- membuka sebahagian atau seluruh enjin untuk menggantikan atau membetulkan bahagian yang haus dan rosak;
- memeriksa, melaras dan melincirkan enjin secara berkala untuk memastikan enjin dalam keadaan baik;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3154)

3154-01	Juruteknik Kenderaan
3154-02	Juruteknik Sistem Enjin dan Minyak Kenderaan Bermotor
3154-03	Juruteknik Mekanik Kenderaan Bermotor
3154-04	Juruteknik Automotif Sistem Brek

KUMPULAN UNIT 3159 JURUTEKNIK PENGANGKUTAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Juruteknik Pengangkutan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 315: Juruteknik Kapal, Pesawat dan Kereta Api. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk penyelia pengangkutan jalan, penyelia logistik, penyelia pengangkutan (operasi logistik halal) dan penolong fasilitator infrastruktur teknologi hijau.

Tugas merangkumi:

- menyelia dan menyelaras aktiviti pengangkutan jalan;
- mengarah dan menyelia aktiviti konduktor dan pemandu bas dalam lingkungan kawasan geografi yang terhad;
- menjalankan aktiviti pengangkutan ke peringkat nasional dan global dengan menghubungkan kilang, pembekal dan pelanggan; bekerja dalam suasana gudang, mereka terlibat dalam penerimaan, pembungkusan, pesanan penghantaran dan pemprosesan.
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3159)

3159-01	Penyelia Pengangkutan Jalan
3159-02	Penyelia Logistik
3159-03	Penyelia Pengangkutan, Operasi Logistik Halal
3159-04	Penolong Fasilitator Infrastruktur Teknologi Hijau

KUMPULAN KECIL 316 PROFESIONAL BERSEKUTU SAINS NUKLEAR

Profesional Bersekutu Sains Nuklear membantu ahli sains dalam aktiviti makmal dan pengeluaran dengan melaksanakan tugas teknikal yang melibatkan fizik nuklear, terutamanya dalam operasi, penyelenggaraan, pengeluaran, dan aktiviti sokongan kawalan kualiti.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3161 PROFESIONAL BERSEKUTU PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN NUKLEAR**KUMPULAN UNIT 3161 PROFESIONAL BERSEKUTU PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN NUKLEAR**

Profesional Bersekutu Penyelidikan dan Pembangunan Nuklear mengumpul dan menguji sampel ujian untuk memantau keputusan uji kaji nuklear serta pencemaran kepada manusia, kemudahan, dan alam sekitar.

Tugas merangkumi:

- a) membantu ahli sains untuk membangunkan konsep, teknologi, dan strategi baru untuk menambah baik teknologi nuklear;
- b) mengendalikan kelengkapan yang digunakan untuk pelepasan, kawalan, dan penggunaan tenaga nuklear untuk membantu ahli sains di makmal;
- c) mereka bentuk, menyelaraskan dan mengawal aspek teknikal sesuatu projek;
- d) menganalisis keputusan ujian;
- e) memastikan bahan dan larutan kimia yang diperlukan tersedia;
- f) menjaga makmal agar berada dalam keadaan bersih dan kemas;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: ([rujuk indeks: kumpulan unit 3161](#))

3161-01 Juruteknik Nuklear

SUB-UTAMA 32 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN

Profesional Bersekutu Kesihatan menjalankan tugas teknikal yang berkaitan dengan penyelidikan dan aplikasi praktikal bagi konsep, teori, prinsip, dan kaedah operasi dalam bidang perubatan, veterinar, pergigian, farmasi, sanitasi, kejururawatan, perbidanan, perubatan tradisional, rawatan mengikut kepercayaan dan disiplin yang berkaitan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 321 JURUTEKNIK PERUBATAN DAN FARMASEUTIKAL**
- 322 PROFESIONAL BERSEKUTU KEJURURAWATAN DAN PERBIDANAN**
- 323 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**
- 324 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU VETERINAR**
- 325 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN LAIN**

KUMPULAN KECIL 321 JURUTEKNIK PERUBATAN DAN FARMASEUTIKAL

Juruteknik Perubatan dan Farmaseutikal menjalankan tugas teknikal untuk membantu dalam pendiagnosan dan rawatan penyakit, jangkitan, kecederaan dan kecacatan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3211 JURUTEKNIK KELENGKAPAN PENGIMEJAN PERUBATAN DAN TERAPEUTIK**
- 3212 JURUTEKNIK MAKMAL PERUBATAN DAN PATOLOGI**
- 3213 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU FARMASEUTIKAL**
- 3214 JURUTEKNIK PERUBATAN DAN PROSTETIK PERGIGIAN**
- 3215 JURUTEKNIK ORTOTIK DAN PROSTETIK**

KUMPULAN UNIT 3211 JURUTEKNIK KELENGKAPAN PENGIMEJAN PERUBATAN DAN TERAPEUTIK

Juruteknik Kelengkapan Pengimejan Perubatan dan Terapeutik menguji dan mengendalikan alat radiografi, ultrabunyi dan lain-lain peralatan perubatan pengimejan untuk menghasilkan imej badan untuk tujuan diagnostik dan rawatan kecederaan, penyakit dan kecacatan lain. Mereka boleh menjalankan rawatan radiasi kepada pesakit di bawah pengawasan pakar radiologi atau profesional kesihatan lain.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan peralatan radiografi termasuk mengambil gambar X-Ray, menjalankan prosedur radiologi menggunakan peralatan umum X-Ray dan juga mesin pengimbas MRI dan CT sama ada yang dijalankan di wad, teater pembedahan serta bahagian kemalangan yang menggunakan alat X-Ray bergerak;
- menjelaskan prosedur, memerhati dan memposisikan pesakit, dan menggunakan alat-alat perlindungan untuk memastikan keselamatan dan keselesaan semasa pemeriksaan, imbasan, atau rawatan;
- mengesan dan memeta radiofarmaseutikal atau radiasi dalam badan pesakit, menggunakan radioisotop, kamera atau peralatan lain untuk mendiagnosis dan merawat penyakit;
- menetapkan posisi radas dan peralatan lain yang diperlukan;
- menyelenggara makmal agar berada dalam keadaan bersih dan kemas;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3211)

3211-01	Juru X-Ray Gred U29
3211-02	Juru X-Ray
3211-03	Juruteknik Radiologi
3211-04	Radiographer Perubatan Diagnostik

KUMPULAN UNIT 3212 JURUTEKNIK MAKMAL PERUBATAN DAN PATOLOGI

Juruteknik Makmal Perubatan dan Patologi menjalankan ujian klinikal ke atas spesimen cecair badan dan tisu untuk mendapatkan maklumat mengenai kesihatan pesakit atau perkara yang menyebabkan kematian.

Tugas merangkumi:

- menjalankan analisis kimia cecair badan, termasuk darah, air kencing dan cecair tulang belakang, untuk menentukan kehadiran komponen normal dan tidak normal;
- mengendalikan, menentukur dan menyelenggara peralatan yang digunakan dalam analisis kuantitatif dan kualitatif, seperti spektrofotometer, calorimeter dan flame photometer.
- mengeset, membersihkan dan menyelenggara peralatan makmal;
- menganalisis hasil makmal untuk memeriksa ketepatan keputusan;
- menyediakan dan mengumpulkan spesimen bendalir dan tisu badan pesakit dan menilai keputusan untuk mengenal pasti jenis, tahap penularan, dan punca jangkitan;
- membantu dan menjalankan uji kaji, ujian dan analisis, serta merekodkan hasil pemerhatian dan maklumat lain yang berkaitan dengan menggunakan peralatan dan kelengkapan makmal;
- memberi tunjuk ajar kepada pesakit cara-cara menggunakan, memasang alatan ortotik dengan betul, cara-cara berjalan atau pergerakan seperti mana yang dikehendaki, cara-cara menjaga alatan tersebut supaya sentiasa berada dalam keadaan yang tidak membahayakan dan tahan lama;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3212)

3212-01	Juruteknik Anatomi
3212-02	Juruteknik Bank Darah
3212-03	Juruteknik Biofizik
3212-04	Juruteknik Ekologi

KUMPULAN UNIT 3213 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU FARMASEUTIKAL

Juruteknik dan Pembantu Farmaseutikal mendispens dan menyediakan ubat-ubatan di bawah bimbingan ahli farmasi atau profesional kesihatan lain.

Tugas merangkumi:

- menyediakan ubat-ubatan dan sebatian farmaseutikal di bawah bimbingan ahli farmasi;
- mendispens ubat-ubatan, dan memberi arahan bertulis dan lisan tentang penggunaannya seperti yang ditentukan oleh doktor perubatan;
- membersih dan menyediakan kelengkapan dan bekas yang digunakan untuk menyedia dan mendispens ubatan dan sebatian farmaseutikal;
- menjalankan ujian makmal yang rutin untuk mengenal pasti ciri-ciri produk farmaseutikal;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3213)

3213-01	Pembantu Farmaseutikal
3213-02	Pembantu Makmal Farmaseutikal
3213-03	Juruteknik Farmasi
3213-04	Pembantu Farmasi

KUMPULAN UNIT 3214 JURUTEKNIK PERUBATAN DAN PROSTETIK PERGIGIAN

Juruteknik Perubatan dan Prostetik Pergigian mereka bentuk, menyesuaikan, menservis dan memperbaiki alat-alat dan peralatan perubatan dan pergigian mengikut preskripsi atau arahan yang ditetapkan oleh profesional kesihatan. Mereka boleh membuat gigi palsu separa atau penuh, *inlays*, *bridges* dan *crowns* daripada vulkanit logam atau plat komposisi lain daripada lilin atau cetakan plaster.

Tugas merangkumi:

- berbincang dengan pengamal perubatan dan pergigian untuk merangka spesifikasi dan preskripsi peranti dan peralatan;
- membuat cetakan khas seperti yang ditetapkan oleh pakar pergigian dan menyediakan plaster cast untuk rahang atas dan bawah daripada cetakan lilin;
- membentuk vulkanit logam atau plat plastik untuk gigi palsu dan mengeset gigi palsu di dalam plat;
- memproses gigi palsu di dalam *acrylic* resin atau logam dan *bridges* mengikut cetakan yang diambil;
- membentuk gigi porselin dan *crowns* dan membaiki pulih atau membuat tambahan pada gigi palsu sedia ada;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3214)

3214-01	Juruteknik Pergigian
3214-02	Denturist
3214-03	Juruteknik Ortotik
3214-04	Orthotist

KUMPULAN UNIT 3215 JURUTEKNIK ORTOTIK DAN PROSTETIK

Juruteknik Ortotik dan Prostetik mengukur, mereka bentuk, memasang, menyesuaikan, atau menyelenggara anggota tiruan (*protesis*) sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor, dan membantu dalam penentuan preskripsi *protesis* untuk penggantian bahagian luar tubuh manusia yang tiada akibat amputasi atau kecacatan kongenital atau ketiadaan asal.

Tugas merangkumi:

- memastikan peralatan mengikut padanan, dan pesakit mempunyai lingkungan pergerakan yang boleh diterima;
- membuat anggota prostetik daripada plastik lembut;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3215)

3215-01	Juruteknik Ortopedik
3215-02	Juruteknik Prostetik
3215-03	Juruteknik Perubatan Gred U19

KUMPULAN KECIL 322 PROFESIONAL BERSEKUTU KEJURURAWATAN DAN PERBIDANAN

Profesional Bersekutu Kejururawatan dan Perbidanan mengaplikasikan konsep dan prinsip perubatan yang berkaitan dengan penjagaan orang yang sakit, cedera, atau hilang upaya, atau menjaga ibu dan bayi yang baru lahir.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3221 PROFESIONAL BERSEKUTU KEJURURAWATAN (KECUALI PERGIGIAN)
3222 PROFESIONAL BERSEKUTU PERBIDANAN
KUMPULAN UNIT 3221 PROFESIONAL BERSEKUTU KEJURURAWATAN (KECUALI PERGIGIAN)

Profesional Bersekutu Kejururawatan (Kecuali Pergigian) menyediakan rawatan asas dan penjagaan peribadi bagi orang-orang sakit fizikal atau mental, kurang upaya atau uzur, dan lain-lain yang memerlukan penjagaan disebabkan risiko kepada kesihatan.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan penjagaan kejururawatan, rawatan, dan nasihat kepada orang yang sakit, cedera, hilang upaya, dan orang lain yang memerlukan penjagaan yang seumpamanya;
- b) membantu doktor perubatan dalam tugas mereka, memberi ubatan menggunakan pembalut pembedahan dan memberi rawatan lain di bawah arahan doktor perubatan;
- c) membantu memberi rawatan pertolongan cemas sewaktu kecemasan;
- d) membantu menyediakan rawatan fizikal dan psikiatri kepada pesakit mental;
- e) membantu menyediakan penyesuaian, perkembangan, dan pendidikan sosial kepada orang yang cacat akal atau anggota;
- f) menyediakan penjagaan kejururawatan kepada pesakit di rumah mereka;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3221)

3221-01	Jururawat Gred U29
3221-02	Pembantu Jururawat
3221-03	Jururawat Pendaftaran
3221-04	Jururawat Praktikal

KUMPULAN UNIT 3222 PROFESIONAL BERSEKUTU PERBIDANAN

Profesional Bersekutu Perbidanan menyambut atau membantu doktor menyambut kelahiran bayi, menyediakan penjagaan sebelum dan selepas bersalin serta memberi nasihat kepada ibu bapa berkenaan penjagaan bayi.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab sebagai pekerja kesihatan yang menjalankan pelbagai tugas dan merupakan ahli pasukan kesihatan yang berkhidmat secara terus kepada masyarakat;
- b) memberi nasihat kepada ibu-ibu mengandung tentang diet, senaman, dan tingkah laku yang sesuai untuk memudahkan kehamilan dan kelahiran bayi serta mengambil tahu keadaan kesihatan secara keseluruhan;
- c) membantu doktor menyambut kelahiran bayi;
- d) merawat ibu selepas bersalin dan menyelia pemulihannya, memeriksa tahap kesihatan bayi, dan menasihati ibu bapa berkenaan penjagaan bayi;
- e) mengadakan kelas dan seminar pendidikan kesihatan untuk meningkatkan kesihatan ibu dan bayi;
- f) memberi nasihat berkenaan kaedah kawalan kelahiran;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3222)

3222-01	Bidan
3222-02	Pembantu Bidan

KUMPULAN KECIL 323 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Profesional Bersekutu Perubatan Tradisional dan Komplementari mencegah, menjaga dan merawat penyakit fizikal, mental, gangguan dan kecederaan menggunakan herba dan lain-lain terapi berdasarkan teori, kepercayaan dan pengalaman dari budaya tertentu.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3231 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**KUMPULAN UNIT 3231 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**

Profesional Bersekutu Perubatan Tradisional dan Komplementari merawat penyakit mental dan fizikal dengan herba, akar kayu, dan teknik lain yang digunakan sejak turun-temurun dalam masyarakat serta memberi nasihat tentang kaedah untuk mengekalkan atau meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan diri seseorang.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa pesakit, membuat diagnosis serta merawat penyakit dan kecederaan dengan menggunakan herba, akar kayu, dan teknik lain yang digunakan sejak turun-temurun dalam masyarakat;
- b) memberi nasihat kepada masyarakat dan individu tentang diet yang betul dan tingkah laku yang baik untuk mengekalkan atau meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan diri;
- c) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- d) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3231)

3231-01	Pengamal Perubatan Tradisional Melayu
3231-02	Pengamal Perubatan Tradisional Cina
3231-03	Pengamal Perubatan Tradisional India
3231-04	Pendispens Ubat Tradisional Cina

KUMPULAN KECIL 324 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU VETERINAR

Juruteknik dan Pembantu Veterinar memberi khidmat nasihat, menjalankan tugas diagnostik, pencegahan dan rawatan veterinar, yang lebih terhad skop dan kerumitannya daripada yang dijalankan oleh pakar veterinar. Mereka menjaga haiwan yang sedang dirawat dan membantu doktor haiwan untuk melaksanakan prosedur dan operasi rawatan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3241 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU VETERINAR**KUMPULAN UNIT 3241 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU VETERINAR**

Juruteknik dan Pembantu Veterinar menjalankan tugas khidmat nasihat, diagnostik, pencegahan dan rawatan veterinar, yang lebih terhad skop dan kerumitannya daripada yang dijalankan oleh pakar veterinar. Mereka menjaga haiwan yang sedang dirawat dan membantu doktor haiwan untuk melaksanakan prosedur dan operasi rawatan.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab membantu menjalankan tugas-tugas pengurusan haiwan dan penguatkuasaan, pengurusan kesihatan haiwan, pengurusan kesuburan haiwan, pemeriksaan di pusat kuarantin haiwan, pemeriksaan ante-mortem dan post-mortem di rumah penyembelihan dan loji pemprosesan, memberi khidmat nasihat mengenai usaha ternakan, penguatkuasaan undang-undang veterinar, dan pengumpulan data haiwan;
- b) memberi nasihat kepada masyarakat dan individu tentang rawatan terhadap haiwan serta penyakit dan kecederaannya;
- c) menjalankan pemeriksaan ke atas haiwan untuk membuat diagnosis atau merujuk kes yang lebih rumit kepada pakar veterinar jika diperlukan;
- d) memberi rawatan kepada haiwan yang sakit atau cedera, terutamanya bagi penyakit dan gangguan biasa;
- e) menyediakan dan menjaga peralatan dan bahan yang digunakan untuk merawat haiwan;
- f) menjalankan tugas teknikal yang berkaitan dengan pernian beradas haiwan;

- g) menyediakan haiwan untuk diperiksa atau dirawat dan memegangnya sewaktu dirawat, jika perlu;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3241)

3241-01	Pembantu Veterinar Gred G19
3241-02	Juruteknik Veterinar
3241-03	Juruteknik Penyelidikan Biotek Veterinar
3241-04	Pemvaksin Veterinar

KUMPULAN KECIL 325 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN LAIN

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Bersekutu Kesihatan Lain yang terlibat dalam aktiviti kesihatan yang di luar skop kumpulan yang dikelaskan dalam Kumpulan Kecil 321-324.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3251 PEMBANTU PERGIGIAN DAN AHLI TERAPI**
- 3252 JURUTEKNIK REKOD PERUBATAN DAN MAKLUMAT KESIHATAN**
- 3253 PEKERJA KESIHATAN MASYARAKAT**
- 3254 JURUOPTIK PENDISPENSAN**
- 3255 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU JURUPULIH ANGGOTA**
- 3256 PEMBANTU PERUBATAN**
- 3257 PEMERIKSA KESIHATAN PEKERJAAN DAN PERSEKITARAN DAN BERSEKUTU**
- 3258 PEMBANTU AMBULANS**
- 3259 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 3251 PEMBANTU PERGIGIAN DAN AHLI TERAPI

Pembantu Pergigian dan Ahli Terapi menjalankan tugas khidmat nasihat, diagnostik, pencegahan dan rawatan pergigian, yang lebih terhad skop dan kerumitannya daripada yang dijalankan oleh doktor pergigian, dan mereka membantu doktor pergigian menyediakan serta menjaga peralatan dan kelengkapan pergigian, menyediakan bahan, dan membantu pesakit agar bersedia untuk diperiksa atau dirawat.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa, mendiagnosis dan mengatur rawatan pesakit-pesakit dibawah penjagaannya dan merujuk kepada pegawai pergigian untuk tindakan selanjutnya;
- b) melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan pergigian melalui latihan memberus gigi, ceramah dan pameran kempen kesihatan;
- c) memberi nasihat kepada masyarakat dan individu berkenaan kebersihan pergigian, diet dan langkah pencegahan pergigian yang lain;
- d) menjalankan pemeriksaan pergigian untuk membuat diagnosis dan merujuk kes yang lebih rumit kepada doktor pergigian apabila perlu;
- e) menyediakan dan menjaga peralatan dan kelengkapan pergigian;
- f) menyediakan bahan pergigian;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3251)

3251-01	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U19
3251-02	Jururawat Kesihatan Pergigian
3251-03	Jururawat Pergigian
3251-04	Jururawat Sekolah Pergigian

KUMPULAN UNIT 3252 JURUTEKNIK REKOD PERUBATAN DAN MAKLUMAT KESIHATAN

Juruteknik Rekod Perubatan dan Maklumat Kesihatan menyusun dan menilai keputusan pemeriksaan, laporan X-ray dan ujian makmal, diagnos, dan pelan rawatan untuk memastikan kelengkapan dan ketepatannya.

Tugas merangkumi:

- a) merancang, membangun, menyelenggara dan mengendalikan pelbagai indeks rekod kesihatan bagi pengumpulan, pengelasan, penyimpanan dan penganalisaan maklumat: menggunakan program

- komputer untuk menyusun data dalam jadual dan menganalisis data untuk menambah baik penjagaan pesakit, menambah baik kos kawalan, menyediakan dokumen untuk digunakan dalam tindakan undang-undang, atau digunakan dalam kajian penyelidikan;
- menyalin, menyusun dan memproses rekod perubatan pesakit, dokumen kemasukan dan pelepasan, dan lain-lain laporan perubatan ke dalam rekod sistem penyimpanan untuk menyediakan data bagi pemantauan dan rujukan pesakit;
 - menjaga keselamatan rekod perubatan;
 - menjalankan tugas yang berkaitan; dan
 - menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3252)

3252-01	Juruteknik Rekod Perubatan
3252-02	Pengkod Klinikal
3252-03	Juruteknik Pendaftaran Penyakit
3252-04	Juruanalisis Rekod Perubatan

KUMPULAN UNIT 3253 PEKERJA KESIHATAN MASYARAKAT

Pekerja Kesihatan Masyarakat menjalankan tugas khidmat nasihat, diagnostik, tugas pencegahan dan rawatan perubatan, yang lebih terhad skop dan kerumitannya daripada yang dijalankan oleh doktor perubatan. Mereka memberikan sokongan dan bantuan kepada individu dan keluarga dalam meneraju sistem perkhidmatan kesihatan dan sosial.

Tugas merangkumi:

- menyediakan maklumat kepada keluarga dan masyarakat mengenai pelbagai isu-isu kesihatan termasuk pemakanan, kebersihan, penjagaan bayi dan kanak-kanak, imunisasi, perancangan keluarga, faktor-faktor risiko dan pencegahan biasa, penyakit berjangkit, pencegahan keracunan, first aid untuk rawatan penyakit yang mudah dan biasa, kes penderaan, keganasan rumah tangga, dan topik lain;
- memberi nasihat kepada masyarakat dan individu tentang kesihatan, diet, dan langkah perubatan pencegahan yang lain;
- menjalankan pemeriksaan perubatan untuk membuat diagnosis penyakit dan/ atau merujuk kes yang lebih sukar kepada doktor perubatan apabila perlu;
- mengedarkan kepada isi rumah bekalan perubatan untuk mencegah dan merawat penyakit endemik seperti malaria, pneumonia dan penyakit cirit-birit;
- melawat keluarga di rumah mereka untuk menyediakan maklumat mengenai kesihatan, perkhidmatan sosial dan lain-lain perkhidmatan;
- menentukan ubat dan memberi rawatan untuk penyakit, gangguan, atau kecederaan yang telah didiagnosis;
- mengumpul data isi rumah dan komuniti untuk tujuan pemantauan dan rujukan pesakit, dan membuat laporan untuk memenuhi peraturan-peraturan kesihatan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3253)

3253-01	Pembantu Kesihatan Masyarakat
3253-02	Promoter Kesihatan Masyarakat
3253-03	Pekerja Kesihatan Masyarakat
3253-04	Pekerja Kesihatan Kampung

KUMPULAN UNIT 3254 JURUOPTIK PENDISPENSAN

Juruoptik Pendispensan mereka bentuk, menyesuaikan dan mendispens kanta optik berdasarkan preskripsi daripada pakar oftalmologi atau optometris untuk membetulkan penglihatan yang kurang. Mereka juga memberi nasihat tentang bagaimana hendak memakai dan menjaga cermin mata dan kanta lekap.

Tugas merangkumi:

- mentafsir preskripsi optik yang ditulis oleh pakar optometri atau pakar oftalmologi;
- memberi nasihat kepada pesakit tentang jenis kanta, bingkai, dan pengayaan;
- memasang kanta lekap dan memberi nasihat tentang penjagaan dan kegunaannya;
- mengambil ukuran bingkai dan muka untuk memastikan pemasangan dan posisinya yang betul;
- memberi nasihat kepada pesakit apabila pelarasan atau pembaikpulihan cermin mata diperlukan;
- memeriksa kanta semasa diterima untuk memastikan ia memenuhi spesifikasi yang diperlukan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3254)

3254-01 Juruoptik Pendispensan Kanta Lepak
 3254-02 Juruoptik Kanta Lepak
 3254-03 Juruoptik Pendispensan

KUMPULAN UNIT 3255 JURUTEKNIK DAN PEMBANTU JURUPULIH ANGGOTA

Juruteknik dan Pembantu Jurupulih Anggota menyediakan rawatan terapi fizikal kepada pesakit yang pergerakannya diancam penyakit, kecederaan, atau kemerosotan. Terapi biasanya ditetapkan oleh ahli fisioterapi atau pakar kesihatan lain bagi tujuan pemulihan.

Tugas merangkumi:

- memberi nasihat kepada masyarakat dan individu tentang postur badan yang betul semasa bekerja atau sebaliknya, untuk mengelakkan kecederaan dan rasa tegang serta untuk menguatkan otot;
- menjalankan pemeriksaan untuk membuat diagnosis ke atas tulang, otot, dan bahagian sistem peredaran darah atau sistem saraf untuk menentukan rawatan yang sewajarnya atau merujuk kepada doktor perubatan, jika perlu;
- merawat tulang, otot, dan bahagian sistem peredaran darah atau sistem saraf dengan menggunakan kaedah manipulatif serta penggunaan ultra bunyi, haba, laser, atau teknik yang seumpamanya;
- mengurut pelanggan untuk meningkatkan peredaran darah, melegakan, atau merangsang urat saraf, memudahkan pembuangan najis, meregangkan tendon yang mengecut dan menghasilkan kesan terapeutik yang lain;
- menggunakan rawatan fisioterapi dan teknik yang berkaitan sebagai sebahagian daripada rawatan ke atas orang yang hilang upaya dari segi fizikal atau mental;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3255)

3255-01 Pembantu Jurupulih Anggota
 3255-02 Juruelektroterapi
 3255-03 Ahli Terapi *Acupressure*
 3255-04 Ahli Hidroterapi

KUMPULAN UNIT 3256 PEMBANTU PERUBATAN

Pembantu Perubatan melaksanakan tugas-tugas asas klinikal dan pentadbiran untuk membantu dalam penjagaan pesakit di bawah pengawasan terus pengamal perubatan atau lain-lain profesional kesihatan.

Tugas merangkumi:

- memberi nasihat kepada masyarakat dan individu tentang kesihatan, diet, dan langkah perubatan pencegahan yang lain;
- menjalankan pemeriksaan perubatan untuk membuat diagnosis penyakit dan/ atau merujuk kes yang lebih sukar kepada doktor perubatan apabila perlu;
- menentukan ubat dan memberi rawatan untuk penyakit, gangguan, atau kecederaan yang telah didiagnosis;
- menjalankan operasi pembedahan yang mudah;
- menjalankan tugas yang berkaitan; menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3256)

3256-01 Pembantu Makmal Perubatan
 3256-02 Penolong Hospital
 3256-03 Pembantu Perubatan
 3256-04 Pembantu Klinik

KUMPULAN UNIT 3257 PEMERIKSA KESIHATAN PEKERJAAN DAN PERSEKITARAN DAN BERSEKUTU

Pemeriksa Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran dan Bersekutu menyiasat undang –undang dan peraturan yang berkaitan dengan faktor persekitaran yang boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia, keselamatan di tempat kerja, dan proses pengeluaran barangan atau perkhidmatan.

Tugas merangkumi:

- a) memberi nasihat kepada wakil majikan dan pekerja tentang pelaksanaan kaedah dan peraturan kerajaan dan peraturan lain berhubung dengan keselamatan pekerjaan dan persekitaran kerja;
- b) memeriksa tempat kerja untuk memastikan persekitaran kerja, jentera, dan kelengkapan mematuhi kaedah dan peraturan kerajaan yang berkaitan dengan sanitasi dan/ atau keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- c) memeriksa tempat pengeluaran, pemprosesan, pengangkutan, pengendalian, penyimpanan dan jualan produk untuk memastikan kaedah dan peraturan kerajaan serta peraturan lain dipatuhi;
- d) memeriksa produk atau komponen siap untuk memastikan pematuhan spesifikasi dan standard pengilang;
- e) memberi nasihat kepada pengusaha dan orang awam tentang pelaksanaan kaedah dan peraturan kerajaan serta peraturan lain berhubung dengan kebersihan, sanitasi, ketulenan, dan penggredan produk utama, makanan, ubatan, kosmetik, dan barangan yang seumpamanya;
- f) memberi nasihat kepada pengeluar, operator, dan mereka yang menyelenggara dan membaiki pulih pesawat, kereta, dan kenderaan lain tentang pelaksanaan kaedah dan peraturan kerajaan serta peraturan lain berkenaan dengan standard teknikal dan keadaan kenderaan;
- g) memeriksa kenderaan dan tempat yang dibenarkan bagi menyelenggara dan membaiki kenderaan untuk memastikan standard dan peraturan kerajaan serta peraturan lain dipatuhi;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan;
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3257)

3257-01	Pemeriksa Kesihatan Awam
3257-02	Pemeriksa Keselamatan Kesihatan Awam
3257-03	Pemeriksa Unit Kesihatan Awam
3257-04	Pemeriksa Restoran Kesihatan Awam

KUMPULAN UNIT 3258 PEMBANTU AMBULANS

Pembantu Ambulans menyediakan penjagaan kesihatan kecemasan kepada pesakit yang cedera, sakit dan lemah dari segi fizikal atau mental yang terjejas sebelum dan semasa pengangkutan ke pusat perubatan.

Tugas merangkumi:

- a) memberi penjagaan dan rawatan yang sesuai bagi menyelamatkan nyawa pesakit, mencegah keadaan pesakit daripada bertambah buruk dan membantu memulihkan pesakit;
- b) menilai tahap kesihatan mereka yang terlibat dalam kemalangan, bencana alam dan situasi kecemasan yang lain, dan menentukan keperluan untuk mendapatkan bantuan perubatan dengan segera;
- c) melaksanakan prosedur perubatan dan pemberian ubat-ubatan dan terapi lain mengikut prosedur rawatan perubatan kecemasan, termasuk *resuscitating* dan *defibrillating* kepada pesakit dan mengendalikan peralatan sokongan hidup;
- d) memantau perubahan tahap kesihatan pesakit semasa pengangkutan dari pusat perubatan, pusat pemulihan dan lain-lain pusat penjagaan kesihatan;
- e) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- f) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3258)

3258-01	Pembantu Ambulans
3258-02	Pegawai Ambulans
3258-03	Paramedik Ambulans
3258-04	Juruteknik Perubatan Kecemasan

KUMPULAN UNIT 3259 PROFESIONAL BERSEKUTU KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Bersekutu Kesihatan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 325: Profesional Bersekutu Kesihatan Lain.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis penyakit atau keadaan yang mengganggu pesakit;
- b) menemuduga dan memeriksa pesakit untuk mendapatkan maklumat mengenai status kesihatan dan tahap kecederaan, jenis penyakit atau lain-lain masalah kesihatan fizikal atau mental;
- c) memantau tahap kesihatan pesakit melalui pelan rawatan, dan mengenal pasti tanda-tanda dan gejala yang memerlukan rujukan kepada doktor perubatan atau lain-lain profesional kesihatan;

- d) menyimpan maklumat status kesihatan pesakit dan tindak balas kepada rawatan dalam sistem penyimpanan rekod perubatan;
- e) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- f) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

SUB-UTAMA 33 PROFESIONAL BERSEKUTU PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN

Profesional Bersekutu Perniagaan dan Pentadbiran menjalankan tugas teknikal dan aplikasi pengetahuan yang berkaitan dengan aktiviti akaun kewangan dan transaksi, perhitungan matematik, pembangunan sumber manusia, penjualan dan pembelian peralatan kewangan dan tugas kesetiausahaan khas. Turut dirangkumi adalah pekerja yang menyediakan perkhidmatan perniagaan seperti perancangan persidangan, penempatan pekerjaan, pembelian dan penjualan hartanah atau komoditi pukal, dan menjadi ejen kepada atlet dan artis.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 331 PROFESIONAL BERSEKUTU KEWANGAN DAN MATEMATIK**
- 332 EJEN DAN BROKER JUALAN DAN PEMBELIAN**
- 333 EJEN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN**
- 334 PROFESIONAL BERSEKUTU PENTADBIRAN DAN TERKHUSUS**

KUMPULAN KECIL 331 PROFESIONAL BERSEKUTU KEWANGAN DAN MATEMATIK

Profesional Bersekutu Kewangan dan Matematik meletakkan nilai kepada pelbagai barangan dan hartanah, menyelenggara rekod transaksi kewangan, menganalisis maklumat permohonan pinjaman dan membuat keputusan, membeli dan menjual peralatan, dan melaksanakan pengiraan matematik serta pengiraan yang berkaitan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3311 PERUNDING DAN BROKER SEKURITI DAN KEWANGAN**
- 3312 PEGAWAI KREDIT DAN PINJAMAN**
- 3313 PROFESIONAL BERSEKUTU PERAKAUNAN DAN PENGAUDITAN**
- 3314 PROFESIONAL BERSEKUTU PERANGKAAN, MATEMATIK, DAN AKTUARI**
- 3315 PENILAI DAN PENTAKSIR KERUGIAN**

KUMPULAN UNIT 3311 PERUNDING DAN BROKER SEKURITI DAN KEWANGAN

Perunding dan Broker Sekuriti dan Kewangan membeli dan menjual sekuriti, saham, bon, dan aktiviti kewangan yang lain, serta mengurus niaga dalam pasaran semasa atau pasaran hadapan di bursa asing bagi syarikat sendiri atau bagi pihak pelanggan berdasarkan komisen, dan mencadangkan transaksi kepada pelanggan atau pengurusan atasan.

Tugas merangkumi:

- a) mendapatkan maklumat tentang keadaan kewangan pelanggan dan syarikat pelaburan yang akan dibuat;
- b) menganalisis trend pasaran sekuriti, bon, saham, dan peralatan kewangan yang lain, termasuklah tukaran matawang asing;
- c) memberitahu bakal pelanggan tentang keadaan dan prospek pasaran;
- d) memberi nasihat dan mengambil bahagian dalam perundingan syarat-syarat dan pengurusan pinjaman serta penempatan saham dan bon dalam pasaran kewangan untuk mendapatkan modal bagi pelanggan;
- e) merekod serta menghantar arahan pembelian dan penjualan sekuriti, saham, bon dan tukaran matawang asing;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3311)

3311-01	Broker Sekuriti
3311-02	Broker Stok dan Saham
3311-03	Broker Pertukaran Matawang Asing
3311-04	Broker Stok

KUMPULAN UNIT 3312 PEGAWAI KREDIT DAN PINJAMAN

Pegawai Kredit dan Pinjaman menganalisis dan menilai maklumat kewangan permohonan kredit dan pinjaman, dan menentukan untuk meluluskan atau tidak, atau menyarankannya untuk diluluskan atau tidak diluluskan oleh pihak pengurusan.

Tugas merangkumi:

- menemu duga pemohon untuk pinjaman peribadi, pinjaman gadai janji, pinjaman pelajar, dan pinjaman perniagaan;
- mengemukakan permohonan kredit dan pinjaman kepada pihak pengurusan dengan menyarankannya untuk diluluskan atau ditolak;
- menyimpan rekod pembayaran, dan menyediakan surat bagi meminta bayaran untuk akaun yang tertunggak dan memanjangkannya untuk tindakan undang-undang;
- menyiapkan dokumen kredit dan pinjaman;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3312)

3312-01	Pegawai Gadai Janji
3312-02	Pegawai Pinjaman
3312-03	Eksekutif Kawalan Kredit
3312-04	Penyelia Kredit

KUMPULAN UNIT 3313 PROFESIONAL BERSEKUTU PERAKAUNAN DAN PENGAUDITAN

Profesional Bersekutu Perakaunan dan Pengauditan menyelenggara rekod lengkap transaksi kewangan dan pengauditan sesebuah perusahaan serta mengesahkan ketepatan dokumen dan rekod yang berkaitan dengan transaksi tersebut.

Tugas merangkumi:

- menjalankan tugas-tugas kewangan dan perakaunan;
- menyelenggara rekod lengkap kesemua transaksi kewangan sesebuah perusahaan mengikut prinsip perakaunan yang biasa dengan bimbingan akauntan;
- mengesahkan ketepatan dokumen dan rekod yang berkaitan pembayaran, penerimaan, dan transaksi kewangan yang lain;
- menyediakan penyata dan laporan kewangan bagi tempoh tertentu;
- menjalankan pengiraan perakaunan dengan menggunakan perisian komputer yang standard;
- memberi bantuan dalam penyediaan unjuran aliran tunai dan peruntukan bajet;
- mengaplikasikan pengetahuan tentang prinsip perakaunan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas;
- menjalankan penguatkuasaan hukuman undang-undang, pengurusan ehwal kewangan serta memberi khidmat nasihat kaunseling dari segi sistem perakaunan, pengurusan pentadbiran koperasi dan perundangan serta tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa;
- memantau dan menganalisis laporan kewangan syarikat termasuk menyediakan laporan kewangan, memastikan pematuhan peraturan cukai, dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kewangan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3313)

3313-01	Penyimpan Kira
3313-02	Penyelia Akaun
3313-03	Penyelia Kewangan
3313-04	Penolong Akauntan Gred W29

KUMPULAN UNIT 3314 PROFESIONAL BERSEKUTU PERANGKAAN, MATEMATIK, DAN AKTUARI

Profesional Bersekutu Perangkaan, Matematik, dan Aktuari membantu dalam perancangan untuk mengumpulkan, memproses, dan mengemukakan data matematik, perangkaan dan aktuari serta melaksanakan operasinya. Mereka biasanya bekerja di bawah bimbingan ahli matematik dan profesional yang berkaitan atau perangkawan.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja berkaitan aktiviti-aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan penyebaran data dalam bidang ekonomi makro, perdagangan, kependudukan, demografi, tenaga manusia dan alam sekitar untuk perancangan pembangunan dan pentadbiran negara;
- b) menyediakan anggaran terperinci mengenai kuantiti dan kos bahan serta buruh yang diperlukan untuk kerja bancian perangkaan dan operasi kajian;
- c) menjalankan tugas teknikal yang berkaitan dengan penyediaan, penyelenggaraan, dan penggunaan daftar dan rangka sampel bagi kerja bancian dan operasi kajian;
- d) menjalankan tugas teknikal berhubung dengan pengumpulan data dan operasi kawalan kualiti dalam kerja bancian dan operasi kajian;
- e) menggunakan pakej perisian komputer yang standard untuk membuat pengiraan matematik, aktuari, perangkaan, dan yang berkaitan;
- f) menyediakan keputusan matematik, aktuari, perangkaan, dan keputusan lain dalam bentuk graf atau jadual untuk persembahan;
- g) mengaplikasikan pengetahuan tentang prinsip dan amalan matematik, aktuari, perangkaan, dan yang berkaitan untuk mengenal pasti serta menyelesaikan masalah yang timbul dalam kerja mereka;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3314)

3314-01 Penolong Pegawai Perangkaan Gred E29

KUMPULAN UNIT 3315 PENILAI DAN PENTAKSIR KERUGIAN

Penilai dan Pentaksir Kerugian menilai harta dan pelbagai barangan serta menaksir kerugian yang dilindungi oleh polisi insurans.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan nilai bahan mentah, hartanah, kelengkapan industri, barang peribadi dan barang isi rumah, karya seni, permata, dan barangan lain untuk dijual atau diinsuranskan;
- b) menaksir tahap kerosakan atau kerugian dan liabiliti syarikat insurans dan penaja jamin bagi kerugian yang dilindungi oleh polisi insurans;
- c) memeriksa barangan atau harta untuk menilai keadaan, saiz, dan pembinaan;
- d) mendapatkan rekod jualan dan nilai barangan atau harta yang sama;
- e) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- f) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3315)

3315-01 Pentaksir
 3315-02 Jurunilai
 3315-03 Pentaksir Hasil
 3315-04 Inspektor Tuntutan

KUMPULAN KECIL 332 EJEN DAN BROKER JUALAN DAN PEMBELIAN

Ejen dan Broker Jualan dan Pembelian mewakili syarikat, kerajaan atau organisasi lain untuk membeli dan menjual komoditi, barangan, insurans, perkapalan dan lain-lain perkhidmatan kepada industri, profesional, komersil atau lain-lain pertubuhan atau berperanan sebagai agen persendirian untuk membawa bersama pembeli dan penjual komoditi dan perkhidmatan dalam rundingan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3321 WAKIL INSURANS
3322 WAKIL JUALAN KOMERSIL
3323 PEMBELI
3324 BROKER PERDAGANGAN

KUMPULAN UNIT 3321 WAKIL INSURANS

Wakil Insurans memberi nasihat dan menjual insurans nyawa, kemalangan, kenderaan, liabiliti, pembiayaan, kebakaran, marin, dan jenis insurans yang lain kepada pelanggan baru dan yang sedia ada.

Tugas merangkumi:

- mendapatkan maklumat yang perlu tentang keadaan pelanggan untuk menentukan jenis insurans yang sesuai dan syarat-syaratnya;
- berunding dengan pelanggan untuk menentukan jenis dan kadar risiko untuk mendapatkan insurans, had liputan dan syarat pembayaran;
- berunding dan mengikat kontrak insurans semula;
- memberi nasihat, merundingkan syarat serta mengikat kontrak insurans bagi projek, pemasangan, atau risiko yang besar atau khas;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3321)

3321-01	Ejen Insurans
3321-02	Broker Insurans
3321-03	Penaja Jamin Insurans
3321-04	Perunding Insurans

KUMPULAN UNIT 3322 WAKIL JUALAN KOMERSIL

Wakil Jualan Komersil mewakili syarikat untuk menjual pelbagai barangan dan perkhidmatan kepada peniaga dan lain-lain organisasi, dan memberikan informasi spesifik mengenai produk seperti yang dikehendaki.

Tugas merangkumi:

- mendapatkan dan mengemaskini pengetahuan tentang produk keluaran majikan dan pesaing serta memahami keadaan pasaran;
- mendapatkan pesanan dan menjual barangan kepada peruncit, industri, pemborong, dan perusahaan lain;
- menjual kelengkapan teknikal, bekalan dan perkhidmatan yang berkaitan kepada pertubuhan perniagaan atau individu;
- memberi maklumat umum dan khusus serta ciri-ciri dan fungsi tentang peralatan yang hendak dijual dan menunjukkan cara penggunaannya kepada bakal pelanggan;
- menyebut dan merundingkan harga dan syarat kredit, menyempurnakan kontrak, dan merekodkan pesanan;
- mengatur penghantaran barangan, pemasangan kelengkapan, dan penyediaan perkhidmatan;
- melaporkan jualan yang dibuat dan produk yang boleh dipasarkan kepada pengurusan jualan;
- melaporkan reaksi dan keperluan pelanggan kepada pengilang;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3322)

3322-01	Jurujual Komersil
3322-02	Penasihat Khidmat Lepas Jualan
3322-03	Pencari Langganan
3322-04	Wakil Jualan

KUMPULAN UNIT 3323 PEMBELI

Pembeli membeli barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan atau dijual semula bagi pihak persendirian, industri, komersil, kerajaan, atau pertubuhan dan organisasi lain.

Tugas merangkumi:

- merundingkan dan mengikat kontrak untuk pembelian kelengkapan, bahan mentah, produk, bekalan serta pembelian barang dagangan untuk dijual semula;
- mendapatkan maklumat tentang keperluan dan stok serta menentukan kuantiti dan kualiti barangan yang hendak dibeli, kos, tarikh penghantaran, dan syarat kontrak yang lain;
- berunding dengan pembekal dan mengkaji sebut harga;
- membeli barangan untuk dijual semula oleh pertubuhan runcit atau borong;
- mengkaji laporan pasaran, majalah perdagangan dan bahan-bahan promosi jualan dan melawat pameran perdagangan, bilik pameran, kilang dan majlis reka bentuk produk;
- memilih barangan atau produk terbaik yang memenuhi keperluan penubuhan;
- menemuramah pembekal dan merundingkan harga, diskaun, syarat kredit dan pengaturan pengangkutan;
- memantau pengedaran barangan kedai dan mengekalkan paras stok yang mencukupi;

- i) membeli barangan atau perkhidmatan bagi pihak persendirian atau pertubuhan;
- j) menentukan jadual penghantaran, memantau kemajuan dan menghubungi pelanggan dan pembekal untuk menyelesaikan masalah.
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3323)

3323-01 Eksekutif Perancangan dan Pengagihan
 3323-02 Eksekutif Pembelian
 3323-03 Pembeli
 3323-04 Pembeli, Pembelian Pengeluaran

KUMPULAN UNIT 3324 BROKER PERDAGANGAN

Broker Perdagangan membeli dan menjual komoditi, dan perkhidmatan perkapalan yang biasanya dalam kuantiti yang banyak sama ada bagi pihak syarikatnya atau pelanggan berdasarkan komisen.

Tugas merangkumi:

- a) membincangkan keperluan pembelian dan penjualan bagi pelanggan dan memberi nasihat yang sewajarnya;
- b) merundingkan pembelian/ jualan melalui perjanjian persendirian bagi barangan lelong yang tidak terjual;
- c) membeli dan menjual ruangan kargo di kapal;
- d) memantau dan menganalisa trend pasaran dan lain-lain faktor yang boleh memberi kesan kepada permintaan dan penawaran;
- e) menguruskan prosedur pelepasan kastam bagi urusan eksport atau import;
- f) menandatangani dan mengeluarkan bil muatan kapal;
- g) memastikan perkhidmatan perniagaan yang dibeli boleh diperolehi oleh pembeli mengikut format dan pada masa yang dipersetujui;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3324)

3324-01 Broker Komoditi
 3324-02 Broker Perkapalan
 3324-03 Broker Perdagangan

KUMPULAN KECIL 333 EJEN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

Ejen Perkhidmatan Perniagaan menetapkan kontrak untuk menjual pelbagai perkhidmatan perniagaan seperti melaksanakan aktiviti pelepasan kastam, memadankan pencari kerja dengan kekosongan yang ada dan mencari pekerja untuk majikan, merancang serta mengelolakan persidangan dan acara yang seumpamanya, dan mengatur pembelian dan penjualan hartanah.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3331 EJEN PELEPASAN DAN PENGANGKUTAN**
- 3332 EJEN PERSIDANGAN DAN ACARA**
- 3333 EJEN DAN KONTRAKTOR PEKERJAAN**
- 3334 EJEN HARTANAH DAN HARTA**
- 3339 EJEN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 3331 EJEN PELEPASAN DAN PENGANGKUTAN

Ejen Pelepasan dan Pengangkutan menguruskan prosedur pelepasan dan memastikan bahawa insurans, lesen eksport/ import, dan urusan rasmi yang lain adalah teratur.

Tugas merangkumi:

- a) menguruskan prosedur pelepasan kastam bagi urusan eksport atau import;
- b) memastikan insurans adalah teratur;
- c) memastikan insurans dan lesen eksport/ import serta urusan rasmi yang lain teratur;
- d) menandatangani dan mengeluarkan bil muatan kapal;
- e) menyemak dokumen eksport/ import untuk menentukan kandungan kargo, dan mengelaskan barangan dalam kumpulan bayaran dan tarif yang berbeza dengan menggunakan sistem pengekodan tarif;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3331)

3331-01	Ejen Pelepasan
3331-02	Ejen Pengangkutan
3331-03	Ejen Perkapalan
3331-04	Ejen Pelepasan dan Pengangkutan

KUMPULAN UNIT 3332 EJEN PERSIDANGAN DAN ACARA

Ejen Persidangan dan Acara menganjur dan menyelaraskan perkhidmatan bagi persidangan, acara, majlis, bankuet dan seminar.

Tugas merangkumi:

- a) mempromosi persidangan, konvensyen, dan pameran perdagangan kepada bakal pelanggan;
- b) menjawab pertanyaan berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan dan kos bilik dan sewa peralatan, catering, dan perkhidmatan yang berkaitan;
- c) bertemu dengan pelanggan untuk membincangkan keperluan mereka dan menggariskan pilihan untuk memenuhi keperluan tersebut;
- d) mengatur dan menyelaraskan perkhidmatan seperti kemudahan persidangan, catering, papan tanda, pameran, audiovisual dan kelengkapan komputer, penginapan, pengangkutan, dan acara sosial untuk peserta, serta pengaturan logistik untuk penceramah;
- e) menguruskan pendaftaran peserta;
- f) merundingkan jenis dan kos perkhidmatan yang akan disediakan adalah dalam lingkungan bajet;
- g) mengawasi kerja yang dilakukan oleh kontraktor dan melaporkan perubahan peraturan kerja;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan;
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3332)

3332-01	Ejen Pameran dan Konvensyen
3332-02	Penganjur Pameran dan Konvensyen
3332-03	Ejen Pelancongan
3332-04	Penganjur Pelancongan

KUMPULAN UNIT 3333 EJEN DAN KONTRAKTOR PEKERJAAN

Ejen dan Kontraktor Pekerjaan memadankan pencari kerja dengan kekosongan pekerjaan, mencarikan pekerja atau buruh kontrak untuk majikan bagi projek tertentu mengikut permintaan perusahaan dan organisasi lain.

Tugas merangkumi:

- a) memadankan pencari kerja dengan kekosongan pekerjaan;
- b) mencarikan pekerja bagi kekosongan jawatan dengan memperoleh komisen daripada majikan atau pekerja;
- c) berbincang dengan perusahaan/ organisasi tentang kemahiran yang diperlukan serta ciri lain pekerja yang akan diambil bekerja;
- d) mencari pekerja yang mempunyai kemahiran yang sesuai dan memastikan segala urusan rasmi yang ditetapkan mengikut peraturan dan keperluan negara atau antarabangsa;
- e) memastikan kontrak pekerjaan memenuhi kehendak undang-undang dan menandatangani;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3333)

3333-01	Ejen Pengambilan Pekerja
3333-02	Pegawai Penempatan Pekerjaan
3333-03	Kontraktor Buruh

KUMPULAN UNIT 3334 EJEN HARTANAH DAN HARTA

Ejen Hartanah dan Harta mengatur penjualan, pembelian, penyewaan dan pajakan hartanah, biasanya bagi pihak pelanggan dan berdasarkan komisen.

Tugas merangkumi:

- mendapatkan maklumat tentang harta yang hendak dijual atau dipajak, keadaan pemilik dan syarat pemilikan dan keperluan bakal pembeli atau penyewa;
- menunjukkan harta yang hendak dijual atau dipajak kepada bakal pembeli atau penyewa dan menerangkan terma penjualan atau syarat sewaan atau pajakan;
- mengatur upacara menandatangani perjanjian pajak dan pemindahan hak harta;
- mengutip sewu dan deposit bagi pihak pemilik dan memeriksa harta sebelum, semasa, dan selepas penghunian;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3334)

3334-01	Ejen Hartanah
3334-02	Ejen Harta
3334-03	Peniaga Harta Benda
3334-04	Perunding Harta

KUMPULAN UNIT 3339 EJEN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Ejen Perkhidmatan Perniagaan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 333: Ejen Perkhidmatan Perniagaan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk jurulelong, ejen kesusasteraan, ejen persembahan muzik dan ejen sukan.

Tugas merangkumi:

- mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan yang hendak dijual dan keperluan bakal pembeli;
- merundingkan kontrak bagi pihak penjual dan pembeli dan menerangkan terma penjualan dan pembayaran kepada pelanggan;
- menandatangani perjanjian bagi pihak penjual atau pembeli dan memastikan kontrak ditepati;
- memastikan perniagaan yang dibeli dapat disediakan kepada pembeli dalam format dan pada masa yang dipersetujui;
- menjual secara lelong pelbagai jenis harta, kereta, komoditi, haiwan ternak, barangan seni, barang kemas, dan objek lain;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3339)

3339-01	Jurulelong
3339-02	Ejen Kesusasteraan
3339-03	Ejen Persembahan Muzik
3339-04	Ejen Sukan

KUMPULAN KECIL 334 PROFESIONAL BERSEKUTU PENTADBIRAN DAN TERKHUSUS

Profesional Bersekutu Pentadbiran dan Terkhusus menyediakan aktiviti sokongan komunikasi dan dokumentasi bagi organisasi. Mereka memikul tanggungjawab penyeliaan bagi kerani pejabat dalam organisasi.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3341 PROFESIONAL BERSEKUTU PENTADBIRAN
3342 SETIAUSAHA PERUNDANGAN

3343 SETIAUSAHA PENTADBIRAN DAN EKSEKUTIF

3344 SETIAUSAHA PERUBATAN

KUMPULAN UNIT 3341 PROFESIONAL BERSEKUTU PENTADBIRAN

Profesional Bersekutu Pentadbiran menjalankan tugas-tugas pentadbiran di peringkat Kumpulan Sokongan.

Tugas merangkumi:

- menyelaras, menetapkan, dan menyemak kerja kerani yang terlibat dalam tugas berikut: pemrosesan kata, penyimpanan rekod dan pemfailan; pengendalian telefon dan papan suis; kemasukan data; penerbitan berkomputer, dan aktiviti lain yang melibatkan pejabat am dan kemahiran pentadbiran;
- menetapkan jadual dan prosedur kerja dan menyelaraskan aktiviti dengan unit atau jabatan lain;
- menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerja serta menyediakan dan mengemukakan laporan kemajuan dan laporan lain;
- melatih dan mengarahkan kakitangan dalam kerja, prosedur keselamatan dan dasar syarikat, atau mengatur latihan yang akan disediakan;
- menilai prestasi kerja kakitangan dan pematuhan peraturan, dan menyarankan tindakan personel yang wajar;
- bertanggungjawab kepada Yang DiPertua Dewan Negara, Setiausaha Dewan Negara (SUDN), Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR) dan Ketua Penolong Setiausaha Pengurusan Dewan (KPSU PD);
- mengambil, menemu duga, dan memilih kakitangan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3341)

3341-01	Bentara Mesyuarat Gred N29
3341-02	Penyelia Kemasukan Data
3341-03	Penyelia Kerani Kemasukan Wad Hospital
3341-04	Penyelia Kerani Pemfailan

KUMPULAN UNIT 3342 SETIAUSAHA PERUNDANGAN

Setiausaha Perundangan menggunakan pengetahuan khusus mengenai terma perundangan dan peraturan dalam menyokong profesional undang-undang dalam aktiviti komunikasi, dokumentasi, dan penyelarasan pengurusan di pejabat dan jabatan undang-undang sama ada di firma besar atau pejabat kerajaan.

Tugas merangkumi:

- melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perundangan, meliputi urusan pendaftaran, perbicaraan, guaman, pendakwaan dan pentadbiran di Mahkamah;
- menyediakan dan memproses dokumen dan kertas undang-undang, seperti surat ikatan, wasiat, affidavit, dan arahan;
- menyemak dan membaca pruf dokumen dan surat-menyurat untuk memastikan pematuhan prosedur undang-undang;
- menyediakan laporan verbatim bagi prosiding dalam perhimpunan perundangan, mahkamah undang-undang atau tempat lain dengan trengkas atau dengan kaedah lain;
- menguruskan mel, menghantar faksimili, atau mengatur penghantaran surat-menyurat undang-undang kepada pelanggan, saksi dan pegawai mahkamah;
- menguruskan dan menjaga dokumen, fail kes, dan perpustakaan undang-undang;
- menyaring permintaan untuk mesyuarat serta menyusun dan menguruskan jadual mesyuarat;
- membantu menyediakan bajet, memantau perbelanjaan, menggubal kontrak, dan membeli atau mengambil pesanan;
- membantu ketua unit dan kakitangan lain berhubung dengan pertanyaan pentadbiran atau ciri organisasi; dan
- menyelia kerja kerani pejabat.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3342)

3342-01	Setiausaha Perundangan
---------	------------------------

KUMPULAN UNIT 3343 SETIAUSAHA PENTADBIRAN DAN EKSEKUTIF

Setiausaha Pentadbiran dan Eksekutif menjalankan dan membantu aktiviti komunikasi, dokumentasi, dan penyelarasan aktiviti pengurusan dalaman unit organisasi untuk membantu ketua unit dan anggota kakitangan lain dan/ atau menyediakan surat-menyurat, laporan dan rekod prosiding dan dokumentasi khas lain.

Tugas merangkumi:

- merangka surat-menyurat dan minit mesyuarat;
- mendapatkan, mencadangkan, dan memantau tarikh akhir dan tarikh susulan;
- menyaring permintaan mesyuarat, menyusun jadual, dan mengatur mesyuarat dan jadual perjalanan ketua unit dan anggota kakitangan lain;
- membantu menyediakan bajet, memantau perbelanjaan, menggubal kontrak, dan membeli atau mengambil pesanan;
- membantu ketua unit dan kakitangan lain berhubung dengan pertanyaan pentadbiran atau ciri organisasi;
- berhubung dengan kakitangan lain tentang pelbagai perkara berkaitan dengan operasi organisasi;
- menulis dan menjawab surat perniagaan atau teknikal dan surat-menyurat lain yang seumpamanya;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3343)

3343-01	Penolong Pegawai Eksekutif (Kesetiausahaan) Gred 31
3343-02	Penolong Pegawai Eksekutif (Kesetiausahaan) Gred 6
3343-03	Penolong Pegawai Eksekutif (Kesetiausahaan) Gred L8
3343-04	Pembantu Peribadi

KUMPULAN UNIT 3344 SETIAUSAHA PERUBATAN

Setiausaha Perubatan membantu ketua unit dan anggota kakitangan lain dalam melaksana dan menyokong aktiviti komunikasi, dokumentasi, serta fungsi pentadbiran dan penyelarasan dalaman dengan menggunakan pengetahuan khas dalam istilah dan prosedur perubatan.

Tugas merangkumi:

- menyusun jadual dan mengesahkan janji temu perubatan dan menyampaikan pesanan kepada kakitangan perubatan dan pesakit;
- menyusun, merekod dan menyemak carta, laporan, dokumen, dan surat-menyurat perubatan;
- menemu duga pesakit untuk melengkapkan borang, dokumen, dan sejarah kes;
- melengkapkan borang tuntutan insurans dan tuntutan lain;
- menyelenggara fail dan rekod perubatan serta perpustakaan teknikal;
- menyediakan penyata kewangan dan prosedur pengebilan;
- membantu menyediakan bajet, menyediakan penyata kewangan dan prosedur pengebilan;
- merangka kontrak dan membeli atau mengambil pesanan; dan
- menyelia kerja kerani pejabat.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3344)

3344-01	Setiausaha Perubatan
3344-02	Pembantu Perubatan, Pentadbiran
3344-03	Setiausaha Wad Hospital
3344-04	Setiausaha Penjagaan Pesakit

SUB-UTAMA 34 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN

Profesional Bersekutu Perundangan menjalankan fungsi sokongan di mahkamah atau di pejabat perundangan, menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan apa-apa perkara perundangan seperti kontrak insurans, pemindahan harta dan pemberian pinjaman dan lain-lain transaksi kewangan atau menjalankan siasatan untuk pelanggan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

341 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN**KUMPULAN KECIL 341 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN**

Profesional Bersekutu Perundangan menjalankan fungsi sokongan di mahkamah atau di pejabat perundangan, menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan apa-apa perkara perundangan seperti kontrak insurans, pemindahan harta dan pemberian pinjaman dan lain-lain transaksi kewangan atau menjalankan siasatan untuk pelanggan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3411 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN DAN YANG BERKAITAN

KUMPULAN UNIT 3411 PROFESIONAL BERSEKUTU PERUNDANGAN DAN YANG BERKAITAN

Profesional Bersekutu Perundangan dan yang Berkaitan menjalankan fungsi sokongan di mahkamah atau di pejabat perundangan, menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan apa-apa perkara perundangan seperti kontrak insurans, pemindahan harta dan pemberian pinjaman dan lain-lain transaksi kewangan atau menjalankan siasatan untuk pelanggan.

Tugas merangkumi:

- menyedia, merakam, dan mengeluarkan perintah mahkamah termasuk perintah percubaan, mengeluarkan dokumen, maklumat hukuman, dan saman;
- bertanggungjawab membuat fail-fail pendaftaran, menyemak draf perintah dan menulis surat kepada peguam-peguam mengenai tarikh-tarikh perbicaraan;
- menterjemah kes-kes dalam mahkamah terbuka dan kamar hakim;
- mencatat/ merekod prosiding atau keputusan kes-kes di dalam fail-fail yang telah dibicarakan;
- menyediakan laporan Harian/ Bulanan serta memastikan dan menyediakan fail-fail kes sebelum dihantar kepada hakim;
- merangka dan membaca prof, termasuk menyusun nota kedatangan, mengambil nota di mahkamah, membaca prof dokumen dan menulis surat;
- menyediakan litigasi dan menguruskan fail kes;
- menjalankan penyelidikan undang-undang;
- berhubung dengan pelanggan (peranan yang lebih kanan);
- mengambil kenyataan saksi;
- mengendalikan pelaksanaan program pemulihan, program pencegahan, penguatkuasaan undang-undang berkaitan dadah dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3411)

3411-01	Bailif
3411-02	Pembantu Perundangan
3411-03	Kerani Pemindahhakkan
3411-04	Pembantu Peguam

SUB-UTAMA 35 JURUTEKNIK MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Juruteknik Maklumat dan Komunikasi memberi sokongan untuk pengurusan sistem komputer, sistem komunikasi, dan rangkaian dan melaksanakan tugas teknikal yang berkaitan telekomunikasi, penyiaran imej dan bunyi serta jenis isyarat telekomunikasi lain di darat, laut atau di dalam pesawat udara.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

351 JURUTEKNIK OPERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN SOKONGAN PENGGUNA

352 JURUTEKNIK TELEKOMUNIKASI DAN PENYIARAN

KUMPULAN KECIL 351 JURUTEKNIK OPERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN SOKONGAN PENGGUNA

Juruteknik Operasi Teknologi Maklumat dan Sokongan Pengguna memberi sokongan bagi pengurusan sistem komunikasi, sistem komputer dan rangkaian, dan memberi bantuan teknikal kepada pengguna.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3511 JURUTEKNIK OPERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

3512 JURUTEKNIK SOKONGAN PENGGUNA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

3513 JURUTEKNIK RANGKAIAN DAN SISTEM KOMPUTER

3514 JURUTEKNIK WEB

KUMPULAN UNIT 3511 JURUTEKNIK OPERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Juruteknik Operasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi membantu pemprosesan sehari-hari serta pengoperasian dan pemantauan sistem teknologi maklumat dan komunikasi, perkakasan, perisian, dan kelengkapan komputer yang berkaitan untuk memastikan prestasi yang optimum.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan teknologi maklumat serta tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi perkomputeran dan operasi sistem dalam sesebuah organisasi;
- b) mengendalikan dan mengawal kelengkapan perisian komputer dan yang berkaitan;
- c) memantau sistem dan kelengkapan komputer yang gagal berfungsi;
- d) memaklumi penyelia atau juruteknik penyelenggaraan tentang kerosakan kelengkapan;
- e) mendapatkan semula, mengasingkan, dan mengisih output program seperti yang diperlukan, dan menghantar data kepada pengguna tertentu;
- f) memuatkan kelengkapan perisian, seperti alat pencetak, dengan bahan terpilih untuk menjalankan operasi, atau mengawasi pemuatan kelengkapan perisian oleh pengendali kelengkapan perisian;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3511)

3511-01	Juruteknik Komputer Gred FT19
3511-02	Pembantu Tadbir (Operator Komputer) Gred 21
3511-03	Pembantu Tadbir (Juruteknik Komputer) Gred 21
3511-04	Pembantu Eksekutif (Teknologi Maklumat) Gred 3

KUMPULAN UNIT 3512 JURUTEKNIK SOKONGAN PENGGUNA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Juruteknik Sokongan Pengguna Teknologi Maklumat dan Komunikasi memberi bantuan teknikal kepada pengguna, sama ada secara langsung atau melalui telefon, emel, atau kaedah elektronik lain, termasuk mendiagnos dan menyelesaikan isu dan masalah dengan perisian, perkakasan, kelengkapan perisian komputer, rangkaian, pangkalan data dan Internet, serta memberi bimbingan dan sokongan dalam mengatur kedudukan, pemasangan, dan penyelenggaraan sistem.

Tugas merangkumi:

- a) menjawab pertanyaan pengguna berhubung dengan operasi perisian dan perkakasan untuk menyelesaikan masalah;
- b) memasukkan arahan dan mengesan ralat serta memerhatikan pemfungsian sistem untuk mengesahkan operasi yang betul;
- c) memasang dan melaksanakan pembaikpulihan kecil terhadap perkakasan, perisian, atau kelengkapan perisian, menurut spesifikasi reka bentuk atau pemasangan;
- d) mengawasi prestasi harian sistem komunikasi dan komputer;
- e) mempersiapkan peralatan untuk kegunaan kakitangan, melaksanakan atau memastikan pemasangan kabel, sistem operasi yang betul, atau perisian yang bersesuaian;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3512)

3512-01	Juruteknik Meja Bantu Komputer
3512-02	Juruteknik Sokongan Komputer Peribadi
3512-03	Juruteknik Teknologi Maklumat
3512-04	Operator Meja Bantu Komputer

KUMPULAN UNIT 3513 JURUTEKNIK RANGKAIAN DAN SISTEM KOMPUTER

Juruteknik Rangkaian dan Sistem Komputer menentukan, mengendalikan, dan menyelenggara sistem rangkaian dan komunikasi data yang lain.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan, menyelenggara, dan mengesan masalah sistem rangkaian;
- b) mengendalikan dan menyelenggara sistem komunikasi data selain daripada rangkaian;

- c) membantu pengguna dengan masalah rangkaian dan komunikasi data;
- d) mengenal pasti kawasan yang memerlukan kelengkapan dan perisian yang perlu dinaik taraf;
- e) memasang perkakasan komputer, rangkaian, perisian rangkaian, perisian sistem operasi, dan perisian aplikasi;
- f) melaksanakan tugas menghidupkan dan mematikan sistem termasuk sistem sandaran dan operasi pemulihan bencana;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3513)

3513-01	Juruteknik Rangkaian Komputer
3513-02	Juruteknik Rangkaian Sokongan
3513-03	Juruteknik Keselamatan Rangkaian ICT
3513-04	Juruteknik Keselamatan Sistem & Aplikasi ICT

KUMPULAN UNIT 3514 JURUTEKNIK WEB

Juruteknik Web menyelenggara, memantau, dan menyokong fungsi optimum laman web Internet dan Intranet, perkakasan dan perisian pelayan web (web server).

Tugas merangkumi:

- a) memasang, memantau, dan menyokong kebolehpercayaan dan kebolehgunaan laman web Internet dan Intranet atau perkakasan atau perisian pelayan web;
- b) membangun dan menyelenggara dokumentasi, dasar, dan arahan serta merekodkan prosedur pengendalian dan log sistem;
- c) membangun, menyelaras, melaksana, dan memantau langkah keselamatan;
- d) menganalisis dan membuat cadangan untuk meningkatkan prestasi, termasuk menaik taraf dan mendapatkan sistem baru;
- e) berhubung dengan dan memberi bimbingan kepada pelanggan dan pengguna;
- f) mengubahsuai laman web;
- g) melaksanakan operasi sokongan kepada pelayan web dan operasi pemulihan;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3514)

3514-01	Juruteknik Laman Web
3514-02	Juruteknik Web
3514-03	Juruanimasi Multimedia

KUMPULAN KECIL 352 JURUTEKNIK TELEKOMUNIKASI DAN PENYIARAN

Juruteknik Telekomunikasi dan Penyiaran mengawal fungsi teknikal peralatan untuk merakam, menyunting dan menyiarkan imej dan bunyi bagi siaran radio dan televisyen, serta jenis isyarat telekomunikasi lain di darat, laut atau di dalam pesawat udara, dan melaksanakan tugas teknikal berhubung dengan penyelidikan kejuruteraan telekomunikasi, serta yang berkaitan dengan reka bentuk, pembuatan, pemasangan, pembinaan, pengendalian, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan sistem telekomunikasi.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 3521 JURUTEKNIK PENYIARAN DAN AUDIOVISUAL**
- 3522 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN TELEKOMUNIKASI**

KUMPULAN UNIT 3521 JURUTEKNIK PENYIARAN DAN AUDIOVISUAL

Juruteknik Penyiaran dan Audiovisual mengawal fungsi teknikal peralatan untuk merakam, menyunting dan menyiarkan imej dan bunyi bagi siaran radio dan televisyen, serta jenis isyarat telekomunikasi lain di darat, laut atau di dalam pesawat udara.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab mengendalikan pemasangan alat audiovisual, memberi khidmat kemudahan alat siaraya dan peralatan audio visual;
- b) menjalankan kerja post-production dan salinan koleksi bahan media, dan menjalankan kerja penyediaan bahan pameran serta menyelenggara peralatan alat audiovisual;
- c) mengawal peralatan untuk merakam bunyi;

- d) mengawal peralatan untuk menyunting dan mengadun rakaman imej dan bunyi untuk memastikan kualiti yang memuaskan serta menghasilkan kesan khas imej dan bunyi;
- e) mengaplikasi prinsip dan amalan merakam dan menyunting imej dan bunyi supaya dapat mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan kerja;
- f) mengawal sistem penghantaran dan penyiaran serta sistem satelit bagi program radio dan televisyen;
- g) mengawal sistem komunikasi radio, perkhidmatan satelit, dan sistem multipleks di darat, laut, atau di dalam pesawat udara;
- h) mengaplikasikan pengetahuan tentang prinsip dan amalan penyiaran, terminal telekomunikasi, dan sistem transmisi untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah;
- i) melaksanakan pembaikpulihan peralatan;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3521)

3521-01	Juruaudio Visual Gred N19
3521-02	Juruwayang Gambar
3521-03	Operator Audio Visual
3521-04	Pembantu Produksi (Media)

KUMPULAN UNIT 3522 JURUTEKNIK KEJURUTERAAN TELEKOMUNIKASI

Juruteknik Kejuruteraan Telekomunikasi melaksanakan tugas teknikal berhubung dengan penyelidikan kejuruteraan telekomunikasi, serta yang berkaitan dengan reka bentuk, pembuatan, pemasangan, pembinaan, pengendalian, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan sistem telekomunikasi.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan bantuan teknikal berhubung dengan penyelidikan dan pembangunan kelengkapan telekomunikasi, atau pengujian prototaip;
- b) mengkaji bahan teknikal seperti pelan induk dan lakaran untuk menentukan kaedah kerja yang hendak diguna pakai;
- c) menyediakan anggaran terperinci kuantiti dan kos bahan serta buruh yang diperlukan untuk pembuatan dan pemasangan kelengkapan telekomunikasi menurut spesifikasi yang ditetapkan;
- d) menyediakan penyeliaan teknikal bagi pembuatan, penggunaan, penyelenggaraan, dan pembaikpulihan sistem telekomunikasi untuk memastikan prestasi yang memuaskan serta mematuhi spesifikasi dan peraturan;
- e) mengaplikasikan pengetahuan teknikal dalam prinsip dan amalan kejuruteraan telekomunikasi untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3522)

3522-01	Juruteknik Kejuruteraan Aeroangkasa (Telekomunikasi)
3522-02	Juruteknik Kejuruteraan Telekomunikasi
3522-03	Juruteknik Komunikasi
3522-04	Juruteknik Telekomunikasi

SUB-UTAMA 36 PROFESIONAL BERSEKUTU SOSIAL, KEBUDAYAAN, DAN YANG BERKAITAN

Profesional Bersekutu Sosial, Kebudayaan, dan yang Berkaitan menjalankan tugas teknikal dan praktikal yang berkaitan dengan aktiviti kerja sosial, keagamaan, sukan, kesenian, kebudayaan, dan kulinari.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 361 PROFESIONAL BERSEKUTU SOSIAL DAN KEAGAMAAN**
- 362 PROFESIONAL BERSEKUTU KESUKANAN, PERTAHANAN DIRI, DAN KECERGASAN**
- 363 PROFESIONAL BERSEKUTU KESENIAN DAN KEBUDAYAAN**
- 364 PROFESIONAL BERSEKUTU KULINARI**

KUMPULAN KECIL 361 PROFESIONAL BERSEKUTU SOSIAL DAN KEAGAMAAN

Profesional Bersekutu Sosial dan Keagamaan melaksanakan tugas teknikal yang berkaitan dengan penyelidikan dan aplikasi secara praktikal mengenai konsep, teori, prinsip, dan kaedah operasi tertentu kerja sosial dan keagamaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3611 PROFESIONAL BERSEKUTU KERJA SOSIAL

3612 PROFESIONAL BERSEKUTU KEAGAMAAN

KUMPULAN UNIT 3611 PROFESIONAL BERSEKUTU KERJA SOSIAL

Profesional Bersekutu Kerja Sosial memberi bimbingan kepada pelanggan dan melaksanakan program-program bantuan sosial dan khidmat masyarakat dan membantu pelanggan dalam pengurusan masalah peribadi dan sosial.

Tugas merangkumi:

- a) mengumpulkan maklumat yang bersesuaian dengan keperluan pelanggan serta menasihati mereka tentang hak dan tanggungjawab mereka;
- b) menganalisis keperibadian pelanggan dan mengemukakan pendekatan alternatif untuk menyelesaikan masalah;
- c) merancang, menilai, menambah baik dan membangunkan perkhidmatan kebajikan;
- d) membantu mencegah penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga dan membantu orang cacat anggota atau akal mendapatkan rawatan yang mencukupi dan meningkatkan kemampuan mereka untuk bergaul dalam masyarakat;
- e) membantu orang kurang upaya atau warga tua untuk mendapatkan perkhidmatan dan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam masyarakat;
- f) menyusun rekod kes dan menyediakan laporan sebagaimana yang diperlukan;
- g) menyediakan krisis intervensi dan perkhidmatan perlindungan kecemasan;
- h) menjalankan bengkel kemahiran hidup, program rawatan penyalahgunaan bahan, program pengurusan tingkah laku, program perkhidmatan belia dan masyarakat dan program perkhidmatan sosial di bawah pengawasan pekerja sosial atau profesional penjagaan kesihatan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3611)

3611-01	Pekerja Sosial
3611-02	Pekerja Sosial, Kerja Berkumpulan
3611-03	Pegawai Kebajikan, Industri
3611-04	Pegawai Kebajikan, Perunding Cara

KUMPULAN UNIT 3612 PROFESIONAL BERSEKUTU KEAGAMAAN

Profesional Bersekutu Keagamaan memberi sokongan kepada Menteri atau kepada komuniti beragama, menjalankan kerja-kerja agama, berdakwah dan memberi ajaran agama tertentu dan berusaha untuk mempertingkatkan kesejahteraan melalui keimanan dan nasihat kerohanian.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan kerja keagamaan;
- b) berdakwah dan mengajar agama mengikut kepercayaan agama masing-masing;
- c) membantu dalam upacara penyembahan dan keagamaan;
- d) menyediakan pendidikan agama, bimbingan kerohanian dan sokongan moral kepada individu dan masyarakat;
- e) mentadbir dan mengambil bahagian dalam program-program bantuan makanan, pakaian dan perlindungan kepada mereka yang memerlukan;
- f) memberi nasihat kepada masyarakat dan individu tentang perlakuan dan keimanan yang sebenar untuk mengekalkan dan meningkatkan kesejahteraan;
- g) membantu mengumpul bahan-bahan/ kitab/ dokumen berkaitan dengan perkara aqidah;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3612)

3612-01	Sami
3612-02	Biarawan
3612-03	Pendakwah
3612-04	Bilal

KUMPULAN KECIL 362 PROFESIONAL BERSEKUTU KESUKANAN, PERTAHANAN DIRI, DAN KECERGASAN

Profesional Bersekutu Kesukanan, Pertahanan Diri, dan Kecergasan mengambil bahagian atau mengendalikan pertandingan sukan awam, melatih amatir atau ahli sukan profesional untuk meningkatkan prestasi, menggalakkan penyertaan dan meningkatkan standard kesukanan, menyusun dan merasmikan acara sukan, dan memberi arahan, latihan dan penyeliaan untuk pelbagai bentuk senaman dan aktiviti rekreasi yang lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3621 ATLET DAN AHLI SUKAN
3622 JURULATIH, PENGAJAR, DAN PEGAWAI SUKAN
3623 KETUA PROGRAM, DAN PENGAJAR KECERGASAN DAN REKREASI
KUMPULAN UNIT 3621 ATLET DAN AHLI SUKAN

Atlet dan Ahli Sukan mengambil bahagian dalam acara sukan yang kompetitif. Mereka berlatih dan bersaing, sama ada secara individu atau sebagai satu pasukan, dalam sukan pilihan mereka.

Tugas merangkumi:

- a) mengambil bahagian dalam pertandingan sukan;
- b) mengambil bahagian dalam latihan biasa dan mengikuti sesi latihan dan menjalankan latihan persendirian untuk mengekalkan tahap kecergasan dan kemahiran yang ditetapkan;
- c) menghadiri aktiviti promosi sukan dan wawancara media;
- d) mengekalkan kepakaran dalam sukan tertentu;
- e) membuat keputusan mengenai strategi dengan rundingan bersama jurulatih;
- f) menilai pesaing lain dan melihat keadaan di tempat perlawanan;
- g) bersaing dalam acara sukan;
- h) mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan sukan tertentu;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3621)

3621-01	Ahli Sukan
3621-02	Atlet
3621-03	Peninju
3621-04	Pemain Bola Sepak

KUMPULAN UNIT 3622 JURULATIH, PENGAJAR, DAN PEGAWAI SUKAN

Jurulatih, Pengajar, dan Pegawai Sukan bekerja dengan ahli sukan amatir dan profesional untuk meningkatkan prestasi, menggalakkan penyertaan sukan yang lebih banyak, dan menyusun serta merasmikan acara sukan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Tugas merangkumi:

- a) mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet atau pasukan;
- b) merancang dan menjalankan sesi latihan;
- c) merancang dan menyelaraskan jadual dan program;
- d) memberi motivasi dan membantu atlet atau pasukan sebagai persediaan dalam pertandingan;
- e) memberi formulasi dan strategi kompetitif, merancang permainan dan mengarahkan atlet dan pemain semasa dalam permainan atau dalam acara sukan;
- f) menganalisis dan menilai prestasi atlet atau pasukan dan mengubahsuai program latihan;
- g) memantau dan menganalisis teknik dan prestasi, dan menentukan bagaimana penambahbaikan masa depan boleh dibuat;
- h) bertugas dalam acara sukan atau pertandingan olahraga dan mengekalkan mutu permainan dan memastikan undang-undang permainan dan peraturan keselamatan dipatuhi;
- i) merakam lapsed time dan mengekalkan skor semasa acara atau pertandingan;
- j) menilai prestasi pesaing, pemberian mata, mengenakan penalti akibat pelanggaran dan menentukan keputusan;
- k) melaksanakan program-program serta aktiviti berkaitan belia dan sukan di peringkat Kementerian/ Negeri/ Jabatan/ Daerah;
- l) bertanggungjawab sebagai jurulatih kawad dan jasmani, menjalankan aktiviti kawad dan sukan;
- m) menyusun markah dan lain-lain rekod olahraga;
- n) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- o) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3622)

3622-01 Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29
 3622-02 Pegawai Sukan
 3622-03 Pengadil
 3622-04 Jurulatih Sukan

KUMPULAN UNIT 3623 KETUA PROGRAM, DAN PENGAJAR KECERGASAN DAN REKREASI

Ketua Program, dan Pengajar Kecergasan dan Rekreasi memimpin, membimbing dan mengarahkan kumpulan dan individu dalam aktiviti rekreasi, kecergasan atau pengembaraan.

Tugas merangkumi:

- merancang dan menjalankan aktiviti rekreasi dan kecergasan;
- memantau rekreasi, sukan atau aktiviti kecergasan untuk memastikan keselamatan dan menyediakan bantuan kecemasan atau pertolongan cemas apabila diperlukan;
- menilai dan memantau tahap kebolehan dan kecergasan pelanggan dan mencadangkan aktiviti yang sesuai;
- menunjukkan dan mengajar pergerakan badan, serta konsep dan kemahiran yang digunakan dalam rutin kecergasan dan aktiviti rekreasi;
- mengajar menggunakan peralatan;
- menerangkan dan menguatkuasakan prosedur, kaedah dan peraturan keselamatan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3623)

3623-01 Pengajar Kecergasan Fizikal
 3623-02 Pengajar Biliard
 3623-03 Pengajar Catur
 3623-04 Pengajar Pelayaran

KUMPULAN KECIL 363 PROFESIONAL BERSEKUTU KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Profesional Bersekutu Kesenian dan Kebudayaan menggabungkan kemahiran kreatif dan teknikal serta pengetahuan dalam pengambilan dan pemrosesan gambar pegun; reka bentuk dan hiasan set teater, pemaparan kedai dan hiasan dalaman rumah; penyediaan objek pameran; penyelenggaraan perpustakaan dan koleksi galeri, sistem rekod dan pengkatalogan; memberikan sokongan dalam pementasan, dan pengeluaran filem dan televisyen; dan lain-lain cabang kesenian dan kebudayaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3631 JURUGAMBAR

3632 PEREKA BENTUK DAN JURUHIAS DALAMAN

3633 PROFESIONAL BERSEKUTU GALERI, MUZIUM, DAN PERPUSTAKAAN

3634 PROFESIONAL BERSEKUTU KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

3639 PROFESIONAL BERSEKUTU KESENIAN DAN KEBUDAYAAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 3631 JURUGAMBAR

Jrugambar mengambil gambar, mengendalikan kamera video dan kelengkapan lain untuk merakam dan menyunting imej.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab mengambil foto, mengedit, menyediakan caption dan menghantar foto aktiviti rasmi dan tidak rasmi untuk rujukan dan simpanan;
- membuat liputan filem/ video bersuara atau tidak, membuat penggambaran rancangan khas, menyediakan peralatan, menjaga kebersihan studio dan bilik gelap serta menjaga keselamatan peralatan di dalam dan di luar jabatan;
- berunding dengan pelanggan untuk menentukan objektif tugas fotografi;
- mengkaji keperluan tugas dan memilih jenis kamera, filem, dan pencahayaan;
- menjalankan kerja di studio atau mengangkut dan memasang kelengkapan di lokasi tugas;
- mengambil gambar untuk tujuan pengiklanan atau tujuan komersil, industri, atau untuk kegunaan saintifik serta membuat ilustrasi bagi cerita dan rencana di akhbar, majalah, buku, dan penerbitan lain;

- g) memasang dan mengendalikan kamera wayang gambar bergerak, video, mikroskopik, dan kamera khas yang lain, termasuk yang digunakan untuk fotografi udara bagi merakam imej;
- h) mengawal kelengkapan untuk menyunting dan mencantum rakaman imej untuk memastikan kualiti yang memuaskan serta menghasilkan kesan imej khas;
- i) boleh bekerja dengan menggunakan teknologi digital dan memanipulasi hasil imej pada komputer;
- j) mengaplikasikan prinsip dan amalan merakam dan menyunting imej dan bunyi supaya dapat mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan kerja;
- k) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- l) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3631)

3631-01	Pembantu Tadbir (Ahli Fotografi) Gred 21
3631-02	Jurugambar
3631-03	Jurugambar Ilustrasi Komersil
3631-04	Jurugambar Akhbar

KUMPULAN UNIT 3632 PEREKA BENTUK DAN JURUHIAS DALAMAN

Pereka Bentuk dan Juruhias Dalaman merancang dan mereka bentuk hiasan dalaman bangunan komersial, industri, awam, runcit dan kediaman dan mereka bentuk poster dan bahan cetakan lain. Mereka menyelaras dan mengambil bahagian dalam pembinaan dan perhiasan.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan reka bentuk melalui rundingan bersama pelanggan, menjalankan penyelidikan, dan menganalisis keperluan fungsian atau mengkaji susun atur;
- b) mereka bentuk produk industri dan komersil, termasuk jenis dan gaya pakaian dan perhiasan baru dan menyelaraskan pertimbangan estetik dengan keperluan teknikal dan keperluan lain;
- c) menyelia pengeluaran produk contoh atau mereka bentuk ilustrasi, mengarahkan pekerja lain membuat model atau corak produk, atau mengarahkan pelukis kemasan atau pelukis susun atur supaya menyusun kerja seni untuk dicetak;
- d) mencipta skim hiasan dalaman dan merancang kemasan untuk rumah kediaman, bangunan awam, kapal, dan tempat lain;
- e) mereka bentuk dan melukis pemandangan pentas;
- f) mencipta dan menghasilkan kesan seni untuk kegunaan jendela peragaan dan tempat pameran/promosi yang lain;
- g) mereka bentuk gubahan bunga seperti lingkaran bunga, jambangan bunga, dan korsaj mengikut pilihan pelanggan, tujuan, acara, dan kebolegunaan bunga;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3632)

3632-01	Pereka Gred B19
3632-02	Pereka Hiasan Dalaman
3632-03	Pereka Perabot
3632-04	Pereka Poster

KUMPULAN UNIT 3633 PROFESIONAL BERSEKUTU GALERI, MUZIUM, DAN PERPUSTAKAAN

Profesional Bersekutu Galeri, Muzium, dan Perpustakaan menyediakan kerja seni, spesimen dan artifak untuk koleksi, dan menyusun serta menyelaras pameran galeri.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menerima, menyemak dan mendaftar bahan-bahan arkib yang diterima, mendaftar bahan-bahan arkib yang diminta bagi tujuan penyelidikan dan rujukan, bahan-bahan arkib yang dikembalikan dan memastikan susunan dan pemeliharaan bahan-bahan arkib di bawah pengawasannya;
- b) menjalankan kerja-kerja membaiki pulih dan memulihara (termasuk tugas penjilidan) semua rekod kerajaan dalam pelbagai bentuk meliputi buku fail, peta, pelan, manuskrip, surat perjanjian, watakah, gambar dan seumpamanya;
- c) membantu Penolong Kurator menjalankan penyelidikan dan mengumpulkan koleksi-koleksi Muzium dan menyelenggarakan bahagian pemulihan, membaiki pulih, mengawet dan membersihkan koleksi Muzium untuk dipamerkan;
- d) melukis plan bangunan, ubahsuai bangunan, pejabat atau makmal, plan susun atur balai pameran,

- plan peti pameran, pemetaan untuk aktiviti cari gali dan sebagainya;
- menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan perpustakaan, termasuk pinjaman antara perpustakaan;
 - memasang dan menyediakan objek untuk pameran;
 - membantu pustakawan dalam mendapatkan, menyediakan, dan menguruskan sistem maklumat perekodan;
 - menerangkan, menganalisis, dan memelihara objek berharga serta koleksi untuk kegunaan rujukan penyelidik dan orang awam;
 - menjalankan tugas yang berkaitan; dan
 - menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3633)

3633-01 Pembantu Arkib Gred S19
3633-02 Pembantu Pemuliharaan Gred S19
3633-03 Pembantu Muzium Gred S19
3633-04 Juruteknik Galeri

KUMPULAN UNIT 3634 PROFESIONAL BERSEKUTU KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Profesional Bersekutu Kebudayaan dan Kesenian memberikan sokongan dalam pementasan dan lain-lain cabang kesenian dan kebudayaan.

Tugas merangkumi:

- membantu ahli muzik menggubah lagu, bermain alat muzik untuk latihan dan persembahan atau menjadi pemain orkestra;
- membuat persembahan termasuk tarian, nyanyian dan lakonan;
- membantu pengarah dan penghibur dalam pementasan teater, wayang gambar, televisyen, atau produksi komersial;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3634)

3634-01 Ahli Muzik Gred B19
3634-02 Artis Budaya Gred B19
3634-03 Ahli Muzik Gred B29
3634-04 Artis Budaya B29

KUMPULAN UNIT 3639 PROFESIONAL BERSEKUTU KESENIAN DAN KEBUDAYAAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Bersekutu Kesenian dan Kebudayaan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 363: Profesional Bersekutu Kesenian dan Kebudayaan.

Tugas merangkumi:

- membantu pengarah dan penghibur dalam pementasan teater, wayang gambar, televisyen, atau produksi komersial;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

KUMPULAN KECIL 364 PROFESIONAL BERSEKUTU KULINARI

Profesional Bersekutu Kulinari menggabungkan kemahiran kreatif dan teknikal dalam penciptaan menu, penyediaan, dan persembahan makanan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3641 JURUMASAK

KUMPULAN UNIT 3641 JURUMASAK

Jurumasak merancang menu, memasak dan menghasilkan hidangan di hotel, restoran dan lain-lain tempat makan, di atas kapal, di dalam kereta api dan di dalam rumah persendirian.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan membangunkan resipi dan menu, menganggarkan makanan dan kos buruh, dan pesanan bekalan makanan;
- b) memantau kualiti hidangan di semua peringkat penyediaan dan persembahan;
- c) membincangkan isu-isu penyediaan makanan dengan pengurus, pakar pemakanan dan kakitangan dapur;
- d) mengarahkan tukang masak dan pekerja lain dalam penyediaan, masakan, hiasan, dan persembahan makanan;
- e) menyelia penyediaan dan masakan, dan mengarahkan tukang masak seperti yang dikehendaki;
- f) menyediakan hidangan istimewa dan mencipta resipi;
- g) menguji makanan yang dimasak dengan merasa atau menghidunya;
- h) mendapatkan atau membeli bekalan makanan dan kelengkapan dapur seperti yang diperlukan dan menyemak kualiti dan kuantitinya;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3641)

3641-01	<i>Sous Chef</i>
3641-02	<i>Chef De Partie</i>
3641-03	Jurumasak Kanan
3641-04	Jurumasak

SUB-UTAMA 37 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN

Profesional Bersekutu Badan Pengawalaturan membantu profesional badan pengawalaturan dalam mentadbir, menguatkuasakan atau menggunakan peraturan kerajaan yang berkaitan dengan sempadan, cukai, faedah sosial, dan mengesah atau memeriksa permohonan lesen atau kebenaran perjalanan, eksport dan import barangan, penubuhan perniagaan, pembinaan bangunan dan aktiviti-aktiviti lain yang tertakluk kepada peraturan-peraturan kerajaan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

371 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN

KUMPULAN KECIL 371 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN

Profesional Bersekutu Badan Pengawalaturan membantu profesional badan pengawalaturan dalam mentadbir, menguatkuasakan atau menggunakan peraturan kerajaan yang berkaitan dengan sempadan, cukai, faedah sosial, dan mengesah atau memeriksa permohonan lesen atau kebenaran perjalanan, eksport dan import barangan, penubuhan perniagaan, pembinaan bangunan dan aktiviti-aktiviti lain yang tertakluk kepada peraturan-peraturan kerajaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

3711 PROFESIONAL BERSEKUTU INSPEKTOR KASTAM DAN SEMPADAN

3712 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI PERCUKAIAN DAN EKSAIS

3713 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI FAEDAH SOSIAL KERAJAAN

3714 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI PELESENAN KERAJAAN

3715 PEGAWAI POLIS

3716 PROFESIONAL BERSEKUTU PERTAHANAN AWAM

3719 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN 3711 PROFESIONAL BERSEKUTU INSPEKTOR KASTAM DAN SEMPADAN

Profesional Bersekutu Inspektor Kastam dan Sempadan membantu memeriksa orang dan kenderaan yang melintasi sempadan negara untuk mentadbir dan menguatkuasakan peraturan dan undang-undang kerajaan yang berkaitan.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa permohonan imigresen, visa, dan passport serta menemu duga orang untuk menentukan kelayakan untuk masuk, tinggal, dan melancong di dalam negara;
- b) menahan orang yang didapati melanggar undang-undang kastam dan imigresen serta mengatur tindakan undang-undang seperti penghantaran pulang;
- c) mencari dan merampas seludupan atau barangan yang tidak diisytiharkan termasuk dalam kenderaan, pesawat udara, atau bot yang mengandungi barangan seumpamanya;

- d) mentafsir dan menerangkan undang-undang dan peraturan kepada pelancong, bakal pendatang, penghantar muatan pengurus perkapalan, dan pengilang;
- d) mengutip sampel dagangan untuk pemeriksaan, penilaian, atau ujian; dan
- e) memeriksa kargo, bagasi, dan barang peribadi yang memasuki atau meninggalkan negara.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3711)

3711-01	Inspektor Kastam
3711-02	Inspektor Kastam dan Sempadan
3711-03	Inspektor Sempadan
3711-04	Pegawai Pemeriksaan Pasport

KUMPULAN UNIT 3712 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI PERCUKAIAN DAN EKSAIS

Profesional Bersekutu Pegawai Percukaian dan Eksais membantu memeriksa pulangan cukai, bil jualan dan dokumen lain untuk menentukan jenis dan jumlah cukai, duti dan lain-lain yuran yang perlu dibayar oleh individu atau perniagaan.

Tugas merangkumi:

- a) menggunakan undang-undang cukai terhadap syarikat, perkongsian, organisasi, dan individu;
- b) memeriksa akaun dan menyelidik latar belakang bahan;
- c) menyasiat penipuan;
- d) memberi nasihat kepakaran tentang hal percukaian kepada syarikat, perkongsian, organisasi, dan individu;
- e) merundingkan penyelesaian cukai dengan pembayar cukai dan/ atau akauntan;
- f) menyemak kewangan perniagaan untuk mengetahui bagaimana sebenar-benarnya ia beroperasi;
- g) melawat premis perniagaan dan bersemuka dengan orang lain semasa siasatan dijalankan;
- h) menyemak secara terperinci akaun perniagaan untuk memastikan undang-undang cukai digunakan dengan betul;
- i) menyatakan kes secara surat-menyurat, dan secara peribadi, dengan pembayar cukai atau penasihat profesional, akauntan, atau peguam mereka;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit)

3712-01	Penolong Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 31
3712-02	Penolong Pegawai Eksekutif Penaksiran

KUMPULAN UNIT 3713 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI FAEDAH SOSIAL KERAJAAN

Profesional Bersekutu Pegawai Faedah Sosial Kerajaan membantu memeriksa permohonan bagi program-program kerajaan, kewangan atau perkhidmatan untuk menentukan kelayakan dan jumlah faedah atau perkhidmatan yang sesuai.

Tugas merangkumi:

- a) membantu menguatkuasakan prosedur peraturan, dan undang-undang yang berkaitan ke atas organisasi sosial;
- b) menyediakan perlindungan keselamatan sosial oleh insurans sosial untuk individu, keluarga, dan masyarakat bagi hak asasi manusia dan keselamatan mereka;
- c) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- d) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerjaan lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3713)

3713-01	Penolong Pegawai Tuntutan Keselamatan Sosial
---------	--

KUMPULAN UNIT 3714 PROFESIONAL BERSEKUTU PEGAWAI PELESENAN KERAJAAN

Profesional Bersekutu Pegawai Pelesenan Kerajaan membantu memeriksa permohonan lesen untuk eksport atau import barangan, penubuhan perniagaan, pembinaan rumah-rumah atau struktur lain, atau untuk mendapatkan pasport, menentukan kelayakan permohonan untuk mengeluarkan lesen atau pasport, dan mengenal pasti keadaan tertentu atau sekatan yang boleh dilampirkan kepada lesen yang dikeluarkan.

Tugas merangkumi:

- a) mentafsir dan menerangkan prosedur, peraturan dan undang-undang yang berkaitan;
- b) menasihati individu tentang undang-undang dan peraturan kerajaan mengenai jenis lesen yang diperlukan dan syarat-syarat yang dilampirkan kepada lesen itu, dan mengenai hak-hak dan kewajipan awam;
- c) memeriksa permohonan dan dokumen-dokumen berkaitan dan menentukan sama ada lesen boleh diberikan dan syarat-syarat yang perlu dilampirkan;
- d) memeriksa permohonan dan meluluskan isu passport;
- e) menjalankan tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan dengan aplikasi proses, aktiviti dokumen, penilaian dan penentuan, dan untuk menyediakan surat-menyurat untuk memaklumkan kepada pemohon keputusan pelesenan;
- f) menjalankan ujian yang diperlukan kepada pemohon lesen;
- g) menguatkuasakan prosedur, peraturan dan undang-undang;

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3714)

3714-01	Inspektor Pelesenan
3714-02	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP29
3714-03	Penolong Pegawai Eksekutif (Penguatkuasaan) Gred L8

KUMPULAN UNIT 3715 PEGAWAI POLIS

Pegawai Polis menyasiat, mencegah, dan menyelesaikan kes jenayah.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan tugas-tugas kepolisan termasuk membuat rondaan mencegah jenayah dan mengumpul risikan keselamatan, menangkap, mengawal, mengiringi pesalah-pesalah, mengawal trafik, membuat rondaan di laut dan udara bagi mengawal perairan negara, bagi mewujudkan suasana aman dan ketenteraman di kalangan rakyat dan negara;
- b) menyasiat penjenayah yang dituduh atau disyaki melanggar undang-undang kerajaan persekutuan, negeri, atau tempatan untuk menentukan sama ada bukti mencukupi untuk mencadangkan pendakwaan;
- c) menyediakan dakwaan, maklum balas kepada dakwaan, atau maklumat untuk kes mahkamah menurut prosedur rasmi;
- d) mengambil catatan, menanda, dan mengambil gambar lokasi objek yang ditemui, seperti tapak kaki, trek tayar kenderaan, peluru, dan kesan darah, serta mengambil ukuran kawasan kejadian;
- e) menyekat atau mengepung tempat kejadian dan memeriksa perimeter untuk memastikan seluruh kawasan kejadian dikepung; dan
- f) mendapatkan bantuan perubatan untuk individu yang tercedera dan mengingatkan petugas perubatan untuk mengambil kenyataan daripada mangsa.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3715)

3715-01	Inspektor Polis
3715-02	Detektif Polis
3715-03	Pegawai Polis
3715-04	Ejen Pertanyaan Polis

KUMPULAN UNIT 3716 PROFESIONAL BERSEKUTU PERTAHANAN AWAM

Profesional Bersekutu Pertahanan Awam menyelia dan menyasiat kes sivil dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturannya.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan tugas-tugas perisikan dalam membantu perkhidmatan ATM;
- b) menguatkuasakan prosedur peraturan, dan undang-undang yang berkaitan;
- b) menyasiat penipuan;
- c) menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3716)

3716-01	Inspektor Perkhidmatan Awam
3716-02	Inspektor Pentadbiran Kerajaan
3716-03	Pegawai RELA
3716-04	Askar Wataniah

KUMPULAN UNIT 3719 PROFESIONAL BERSEKUTU BADAN PENGAWALATURAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Profesional Bersekutu Badan Pengawalaturan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 371: Profesional Bersekutu Badan Pengawalaturan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pegawai lain-lain pangkat penguatkuasa maritim gred T5, inspektor harga, inspektor kebakaran dan keselamatan dan inspektor timbang dan sukat.

Tugas merangkumi:

- a) mentafsir dan menerangkan prosedur peraturan, dan undang-undang yang berkaitan;
- b) pencegahan dan penguatkuasaan penyalahgunaan kuasa;
- c) menyasat penipuan;
- d) menguatkuasakan prosedur, peraturan, dan undang-undang;
- e) bertanggungjawab mendaftarkan pencari-pencari kerja, memberi nasihat/ kaunseling tentang peluang pekerjaan, membaharui pendaftaran, menyediakan data-data mengenai kekosongan jawatan di majikan-majikan yang mendaftar serta menjalankan lawatan kemajuan ke majikan-majikan/ perusahaan-perusahaan yang baru diluluskan;
- f) memproses permohonan-permohonan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, Sijil Kewarganegaraan, Sijil Perkahwinan dan Penceraian dan Sijil Pindaan Butiran dan tugas-tugas lain yang berkaitan; dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 3719)

3719-01	Pegawai Lain-lain Pangkat Penguatkuasa Maritim Gred T5
3719-02	Inspektor Harga
3719-03	Inspektor Kebakaran dan Keselamatan
3719-04	Inspektor Timbang dan Sukat



KUMPULAN 4
PEKERJA
SOKONGAN
PERKERANIAN

PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN

4

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

41 KERANI PEJABAT

411 KERANI AM PEJABAT

4111 KERANI AM PEJABAT

412 SETIAUSAHA (AM)

4121 SETIAUSAHA (AM)

413 PENGENDALI PAPAN KEKUNCI

4131 JURUTAIP

4132 KERANI KEMASUKAN DATA

42 KERANI PERKHIDMATAN PELANGGAN

421 JURUWANG, PEMUNGUT WANG, DAN KERANI YANG BERKAITAN

4211 JURUWANG BANK DAN KERANI YANG BERKAITAN

4212 PENERIMA TARUHAN, KRUPIER, DAN PEKERJA PERMAINAN YANG BERKAITAN

4213 BROKER GADAIAN DAN PEMINJAM WANG

4214 PEMUNGUT HUTANG DAN SEWA, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

422 PEKERJA MAKLUMAT PELANGGAN

4221 PERUNDING PERJALANAN DAN KERANI YANG BERKAITAN

4222 KERANI PUSAT PENERANGAN INFORMASI

4223 OPERATOR TELEFON

4224 PENYAMBUT TETAMU

4225 KERANI PERTANYAAN

4226 PENEMUDUGA TINJAUAN DAN PENYELIDIKAN PASARAN

4229 PEKERJA MAKLUMAT PELANGGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

43 KERANI PEREKODAN DATA BERANGKA DAN BAHAN

431 KERANI DATA BERANGKA

4311 KERANI PERAKAUNAN, PENGAUDITAN DAN SIMPAN KIRA

4312 KERANI PERANGKAAAN, KEWANGAN, DAN INSURANS

4313 KERANI GAJI

432 KERANI PEREKODAN BAHAN DAN PENGANGKUTAN

4321 KERANI STOK

4322 KERANI PENGELUARAN

4323 KERANI PENGANGKUTAN

44 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN

441 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN

4411 KERANI PERPUSTAKAAN

4412 KERANI PENGEDARAN DAN PENGISIHAN MEL

4413 KERANI PENGEKODAN, PEMBACAAN PRUF DAN YANG BERKAITAN

4414 JURUTULIS DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

4415 KERANI PEMFAILAN DAN PENYALINAN

4416 KERANI PERSONEL

4419 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN

**KUMPULAN
SUB-UTAMA**

41

42

43

44

- 41 KERANI PEJABAT
- 42 KERANI PERKHIDMATAN PELANGGAN
- 43 KERANI PEREKODAN DATA BERANGKA DAN BAHAN
- 44 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN



PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN

Deskripsi

Merekod, mengurus, menyimpan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan, dan menjalankan tugas-tugas perkeranian berhubung dengan operasi pentadbiran, pengendalian wang, urusan perjalanan, permintaan maklumat dan janji temu.

Tahap Kemahiran

Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran pada tahap kemahiran yang kedua.

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 41 KERANI PEJABAT
- 42 KERANI PERKHIDMATAN PELANGGAN
- 43 KERANI PEREKODAN DATA BERANGKA DAN BAHAN
- 44 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN

SUB-UTAMA 41 KERANI PEJABAT

Kerani Pejabat merekod, mengurus, menyimpan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan, dan melaksanakan pelbagai tugas perkeranian serta pentadbiran menurut prosedur yang ditetapkan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 411 KERANI AM PEJABAT
- 412 SETIAUSAHA (AM)
- 413 PENGENDALI PAPAN KEKUNCI

KUMPULAN KECIL 411 KERANI AM PEJABAT

Kerani Am Pejabat melaksanakan pelbagai tugas perkeranian dan pentadbiran menurut prosedur yang ditetapkan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 4111 KERANI AM PEJABAT

KUMPULAN UNIT 4111 KERANI AM PEJABAT

Kerani Am Pejabat melaksanakan pelbagai tugas perkeranian dan pentadbiran menurut prosedur yang ditetapkan.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan tugas-tugas perkeranian termasuk tugas-tugas penyelenggaraan fail/ dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan dan laporan statistik;
- b) merekod, menyedia, mengisih, mengelas, dan memfailkan maklumat;
- c) mengisihkan, membuka dan menghantar mel;
- d) membuat fotokopi dan memfaksimili dokumen;
- e) menyediakan laporan kerja rutin;
- f) merekodkan pengeluaran peralatan kepada kakitangan;
- g) melayani panggilan telefon atau pertanyaan elektronik dan menyambungkan kepada orang yang berkenaan;
- h) membantu tugas khidmat pelanggan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: [\(rujuk indeks: kumpulan unit 4111\)](#)

4111-01	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N19
4111-02	Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT19
4111-03	Pembantu Tadbir (Pereka) Gred 21
4111-04	Pembantu Tadbir (Perkeranian) Gred 21

KUMPULAN KECIL 412 SETIAUSAHA (AM)

Setiausaha (Am) menggunakan mesin taip, komputer peribadi, atau kelengkapan pemprosesan data yang lain untuk menyalin surat-menyurat dan dokumen lain, menyemak dan memformat dokumen yang disediakan oleh kakitangan lain, menguruskan mel masuk dan keluar, menapis permintaan mesyuarat atau janji temu, dan melaksanakan pelbagai tugas sokongan pentadbiran.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

4121 SETIAUSAHA (AM)

KUMPULAN UNIT 4121 SETIAUSAHA (AM)

Setiausaha (Am) menggunakan mesin taip, komputer peribadi, atau kelengkapan pemprosesan data yang lain untuk menyalin surat-menyurat dan dokumen lain, menyemak dan memformat dokumen yang disediakan oleh kakitangan lain, menguruskan mel masuk dan keluar, menapis permintaan mesyuarat atau janji temu, dan melaksanakan pelbagai tugas sokongan pentadbiran.

Tugas merangkumi:

- menyemak, memformat dan menyalin surat-menyurat, minit dan laporan daripada catatan ringkas atau draf bertulis mengikut standard pejabat dengan menggunakan mesin taip atau kelengkapan pemprosesan kata;
- menggunakan pelbagai pakej perisian komputer termasuk lembaran sebaran sebagai sokongan;
- mengendalikan surat keluar atau masuk;
- meneliti, merekod dan mengedarkan mel, surat-menyurat dan dokumen;
- menyemak permintaan untuk mesyuarat atau janji temu, dan membantu mengelolakan mesyuarat;
- menyemak dan merekodkan cuti dan kelayakan kakitangan yang lain;
- mengatur dan menyelia sistem fail;
- mengendalikan surat-menyurat rutin;
- bertanggungjawab mentrengkas, menaip dan menguruskan pergerakan fail;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4121)

4121-01	Setiausaha Pejabat Gred N29
4121-02	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19
4121-03	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred 21
4121-04	Pembantu Eksekutif (Kesetiausahaan) Gred 3

KUMPULAN KECIL 413 PENGENDALI PAPAN KEKUNCI

Pengendali Papan Kekunci memasukkan, memproses teks dan data, menyedia, menyunting dan menghasilkan dokumen untuk penyimpanan, pemprosesan, penerbitan, dan penghantaran.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

4131 JURUTAIP

4132 KERANI KEMASUKAN DATA

KUMPULAN UNIT 4131 JURUTAIP

Jurutaip menaip, mengedit serta mencetak dengan menggunakan mesin taip, komputer peribadi, atau pemprosesan kata yang lain, dan merekod secara trengkas hal yang dinyatakan secara lisan atau bertulis.

Tugas merangkumi:

- menaip bahan bertulis daripada draf awal, membetulkan salinan, rakaman suara, atau trengkas dengan menggunakan komputer, pemproses kata, atau mesin taip;
- menyemak kerja yang telah siap untuk memastikan ejaan, tatabahasa, tanda baca, dan format yang betul;
- mengumpul dan menyusun bahan untuk ditaip berdasarkan arahan yang diberikan;
- memfail dan menyimpan dokumen yang siap di dalam perkakasan komputer atau cakera, atau mengatur sistem pemfailan komputer untuk menyimpan, mendapatkan semula, atau mengemaskini dokumen;

- e) mengambil catatan dan merekodkan hal lain dengan trengkas;
- f) membuat fotokopi, dan menjawab telefon, atau menyambut pelanggan;
- g) menyalin semula maklumat yang dicatat dengan trengkas dan direkod dengan peralatan rakaman suara;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4131)

4131-01	Jurutaip
4131-02	Jurutrengkas
4131-03	Jurutaip Audio
4131-04	Pembantu Am Jurutaip

KUMPULAN UNIT 4132 KERANI KEMASUKAN DATA

Kerani Kemasukan Data memasukkan kod, data statistik, kewangan dan lain-lain data berangka ke dalam peralatan elektronik, pangkalan data berkomputer, *spreadsheet* atau repositori data lain menggunakan papan kekunci (keyboard), tetikus, atau pengimbas optik, atau lain-lain alat kemasukan data. Memasukkan data ke peranti mekanikal dan elektronik untuk melakukan pengiraan matematik.

Tugas merangkumi:

- a) menerima dan mendaftarkan inuis, borang, rekod dan dokumen lain untuk keperluan data;
- b) memasukkan data berangka dan data lain daripada sumber bahan ke dalam peranti storan dan pemprosesan komputer;
- c) menyemak, membetulkan dan mengemas kini data yang dimasukkan, jika perlu;
- d) mengendalikan buku simpan kira dan mesin pengiraan;
- e) bertanggungjawab mengadakan/ menyimpan data-data dan fail-fail cap jari dan menyiapkan/ menyediakan dan menaip surat-menyurat berkenaan cap jari yang diterima;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4132)

4132-01	Kerani Indeks
4132-02	Kerani Rekod
4132-03	Pembantu Am Sistem Maklumat (Operator Mesin Prosesan Data)
4132-04	Kerani Kemasukan Data Komputer

SUB-UTAMA 42 KERANI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Kerani Perkhidmatan Pelanggan berurusan dengan pelanggan yang menjalankan operasi pengendalian wang, urusan perjalanan, meminta maklumat, mengatur janji temu, dan mengendalikan papan suis telefon, dan menemuduga untuk soal selidik atau melengkapkan permohonan kelayakan untuk perkhidmatan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 421 JURUWANG, PEMUNGUT WANG, DAN KERANI YANG BERKAITAN**
- 422 PEKERJA MAKLUMAT PELANGGAN**

KUMPULAN KECIL 421 JURUWANG, PEMUNGUT WANG, DAN KERANI YANG BERKAITAN

Juruwang, Pemungut Wang, dan Kerani yang Berkaitan melaksanakan operasi pengendalian wang di pertubuhan yang berkaitan dengan perbankan, perkhidmatan pos, pertaruhan atau perjudian, pajak gadai dan pemungutan hutang.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 4211 JURUWANG BANK DAN KERANI YANG BERKAITAN**
- 4212 PENERIMA TARUHAN, KRUPIER, DAN PEKERJA PERMAINAN YANG BERKAITAN**
- 4213 BROKER GADAIAN DAN PEMINJAM WANG**
- 4214 PEMUNGUT HUTANG DAN SEWA, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN**

KUMPULAN UNIT 4211 JURUWANG BANK DAN KERANI YANG BERKAITAN

Juruwang Bank dan Kerani yang Berkaitan berurusan secara terus dengan pelanggan bank atau pejabat pos yang berhubung dengan penerimaan, penukaran dan pembayaran wang, atau menyediakan perkhidmatan mel.

Tugas merangkumi:

- memproses deposit tunai dan pengeluaran wang, cek, pemindahan wang, bil, pembayaran kad kredit, kiriman wang, cek diperakui, dan transaksi perbankan lain yang berkaitan untuk pelanggan;
- membayar bil dan membuat pindahan wang bagi pihak pelanggan;
- mengkredit dan mendebit akaun pelanggan;
- menukar wang daripada satu mata wang kepada mata wang yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh pelanggan;
- membuat rekod semua transaksi dan menyesuaikan dengan baki tunai;
- menerima mel, menjual setem pos, dan menjalankan urusan kaunter pejabat pos yang lain seperti bayaran bil, pindahan wang, dan urusan yang berkaitan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4211)

4211-01	Kerani Pos
4211-02	Juruwang Bank
4211-03	Kerani Kaunter Wang Tunai
4211-04	Pengurup Wang

KUMPULAN UNIT 4212 PENERIMA TARUHAN, KRUPIER, DAN PEKERJA PERMAINAN YANG BERKAITAN

Penerima Taruhan, Krupier, dan Pekerja Permainan yang Berkaitan mengendalikan judi, membahagi-bahagikan kad, memungut wang pertaruhan, membayar wang kepada pemenang pertaruhan, perjudian atau permainan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- menentukan risiko dalam membuat keputusan tentang kemungkinan sesuatu pertaruhan itu akan menang dan melindungi nilai, atau menolak pertaruhan;
- menyedia dan mengeluarkan senarai anggaran kemungkinan sesuatu pertaruhan itu akan menang;
- membahagi-bahagikan kad atau slip, membaling dadu atau memutar roda rolet;
- menerangkan dan mentafsirkan peraturan operasi sesebuah pertubuhan perjudian;
- mengumumkan nombor yang menang, membayar pemenang, dan memungut bayaran daripada yang kalah;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4212)

4212-01	Kerani Kaunter Pertaruhan
4212-02	Kerani Penerima Taruhan
4212-03	Krupier
4212-04	Kerani Kasino

KUMPULAN UNIT 4213 BROKER GADAIAN DAN PEMINJAM WANG

Broker Gadaian dan Peminjam Wang meminjamkan wang dengan menerima barangan atau harta yang disediakan sebagai cagaran, atau cagaran lain.

Tugas merangkumi:

- menilai barangan yang diberi sebagai cagaran, mengira faedah, dan meminjamkan wang;
- memulangkan barangan apabila pinjaman telah dijelaskan atau menjual barangan yang dicagar sekiranya pinjaman tidak dibayar balik;
- meminjamkan wang sebagai pinjaman peribadi berdasarkan hasil akan datang yang lumayan dan yang seumpamanya;
- membuat siasatan bebas terhadap keupayaan kewangan pemiutang untuk menentukan risiko dalam pemberian pinjaman;
- memungut bayaran balik mengikut syarat yang dipersetujui;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 4213)

4213-01	Broker Gadaian
4213-02	Pemberi Pinjam Wang

KUMPULAN UNIT 4214 PEMUNGUT HUTANG DAN SEWA, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Pemungut Hutang dan Sewa, dan Pekerja yang Berkaitan memungut sewa, bayaran lebih tempoh, cek tidak laku dan memungut bayaran untuk kerja amal.

Tugas merangkumi:

- berhubung dengan pelanggan melalui telefon atau surat untuk memungut wang atau mengatur pembayaran pada tarikh yang lebih lewat;
- mencari alamat pelanggan dan pergi berjumpa mereka untuk memungut hutang;
- mencatat jumlah wang yang dipungut;
- mengesyorkan tindakan undang-undang atau memulakan tindakan merampas barang jika bayaran tidak diperolehi;
- meminta dan memungut derma;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 4214)

4214-01	Pemungut Bayaran
4214-02	Pemungut Bil
4214-03	Pemungut Derma
4214-04	Pemungut Hutang

KUMPULAN KECIL 422 PEKERJA MAKLUMAT PELANGGAN

Pekerja Maklumat Pelanggan menyediakan atau mendapatkan maklumat secara terus daripada pelanggan melalui telefon atau kaedah elektronik seperti emel, berhubung dengan operasi mengatur perjalanan, menerangkan produk atau perkhidmatan organisasi, mendaftarkan tetamu yang menginap, menyambut pelawat, membuat janji temu, menghubungkan panggilan telefon, dan menemuduga responden dalam kaji selidik.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 4221 PERUNDING PERJALANAN DAN KERANI YANG BERKAITAN**
- 4222 KERANI PUSAT PENERANGAN INFORMASI**
- 4223 OPERATOR TELEFON**
- 4224 PENYAMBUT TETAMU**
- 4225 KERANI PERTANYAAN**
- 4226 PENEMUDUGA TINJAUAN DAN PENYELIDIKAN PASARAN**
- 4229 PEKERJA MAKLUMAT PELANGGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 4221 PERUNDING PERJALANAN DAN KERANI YANG BERKAITAN

Perunding Perjalanan dan Kerani yang Berkaitan membekalkan maklumat, mengatur jadual perjalanan, mendapatkan tempahan perjalanan dan penginapan, serta mengatur lawatan berkumpulan.

Tugas merangkumi:

- mendapatkan maklumat tentang kos dan kemudahan jenis pengangkutan dan penginapan, menentukan keperluan pelanggan, dan menasihati mereka tentang urusan perjalanan;
- menyediakan jadual perjalanan;
- membuat dan mengesahkan tempahan yang perlu;
- mengeluarkan tiket dan baucer;
- membantu pelanggan mendapatkan dokumen perjalanan yang perlu seperti visa;
- menyediakan bil dan menerima bayaran;
- mengatur program lawatan berkumpulan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4221)

4221-01	Perunding Pelancongan
4221-02	Penyelaras Pelancongan
4221-03	Kerani Agensi Pelancongan
4221-04	Kerani Tempahan

KUMPULAN UNIT 4222 KERANI PUSAT PENERANGAN INFORMASI

Kerani Pusat Penerangan Informasi memberi nasihat dan maklumat kepada pelanggan, menjawab pertanyaan berhubung dengan barangan, perkhidmatan atau dasar organisasi dan memproses transaksi kewangan kepada pelanggan menggunakan telefon atau media komunikasi elektronik seperti emel. Mereka berada di premis yang mungkin jauh dari pelanggan.

Tugas merangkumi:

- mengelolakan panggilan dan pesanan masuk daripada pelanggan sama ada hendak menjawab pertanyaan, atau mengendalikan panggilan yang bertanyakan perkhidmatan atau mengasingkan aduan;
- mengeluarkan invois atau mengendalikan pembayaran, sekiranya perlu;
- menghantar surat, lembaran maklumat dan dokumen lain kepada pelanggan;
- memaklumi pelanggan tentang produk atau perkhidmatan tambahan;
- melayani permintaan maklumat atau janji temu yang dibuat melalui telefon;
- mengarahkan pelanggan atau pesakit ke tempat atau orang yang berkenaan;
- mengambil sebarang bentuk aduan atau maklum balas berkaitan operasi dan perkhidmatan organisasi daripada pelanggan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4222)

4222-01	Pembantu Penerangan Gred S19
4222-02	Kerani Janji Temu
4222-03	Penyelia Perkhidmatan Pelanggan
4222-04	Kerani Pusat Panggilan

KUMPULAN UNIT 4223 OPERATOR TELEFON

Operator Telefon mengendalikan papan suis dan mengelolakan telekomunikasi untuk membantu pemanggil menyambungkan panggilan telefon, atau menerima pertanyaan dan laporan kerosakan, serta mencatatkan dan menyampaikan mesej kepada kakitangan dan pelanggan.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan papan suis dan mengendalikan telekomunikasi untuk menyambung, menunda, memindah, dan memutuskan panggilan telefon;
- menyambungkan panggilan keluar;
- melayani pertanyaan melalui telefon dan merekodkan pesanan;
- memanjangkan pesanan kepada kakitangan atau pelanggan;
- menyiasat masalah sistem pengendalian dan memaklumkan tentang perkhidmatan baik pulih;
- bertanggungjawab menerima dan menyambungkan panggilan masuk dan keluar semua kakitangan, membuat laporan kerosakan dan senarai panggilan jauh (*private Trunk calls*) yang dibuat oleh kakitangan;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4223)

4223-01	Operator Perkhidmatan Telekomunikasi
4223-02	Operator Telefon Ibu Sawat Cawangan Persendirian
4223-03	Operator Telefon Ibu Sawat Telefon
4223-04	Telefonis

KUMPULAN UNIT 4224 PENYAMBUK TETAMU

Penyambut Tetamu menerima dan mengalu-alukan pelawat, pelanggan, tetamu atau pesakit, dan melayani pertanyaan dan permintaan termasuk mengatur janji temu, serta menyediakan maklumat berhubung dengan perkhidmatan hotel atau pertubuhan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- a) menerima dan mengalu-alukan pelawat, tetamu, pelanggan atau pesakit;
- b) membuat janji temu untuk pelanggan atau pesakit;
- c) melayani permintaan maklumat atau janji temu yang dibuat melalui telefon;
- d) menyusun dan menyemak akaun tetamu bagi sebarang perubahan dengan menggunakan sistem berkomputer atau manual;
- e) menerima dan memanjangkan pesanan secara peribadi atau menggunakan telefon atau papan suis telefon;
- f) menyelenggara inventori bilik yang ada untuk diduduki, menyelenggara tempahan, dan menentukan bilik;
- g) mendaftarkan tetamu yang tiba, menentukan bilik, mengesahkan kredit pelanggan, dan memberi kunci bilik;
- h) menyediakan maklumat tentang kemudahan yang disediakan dan membuat tempahan bilik;
- i) melayani permintaan tetamu yang memerlukan perkhidmatan pengemasan dan penyelenggaraan serta melayani rungutan;
- j) menyemak penyata caj kepada tetamu yang mendaftar keluar dan menerima bayaran;
- k) membekalkan risalah maklumat, brosur, atau borang;
- l) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- m) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4224)

4224-01	Penyambut Tetamu
4224-02	Penyambut Tetamu Perubatan
4224-03	Penyambut Tetamu Pergigian
4224-04	Penyambut Tetamu Telefon

KUMPULAN UNIT 4225 KERANI PERTANYAAN

Kerani Pertanyaan melayani pertanyaan peribadi, bertulis dan mel elektronik, serta menjawab pertanyaan dan aduan melalui telefon berhubung dengan barangan, perkhidmatan atau dasar organisasi serta menyediakan maklumat dan merujuk kepada sumber lain. Mereka ditempatkan di premis yang membolehkan mereka berhubung secara langsung dengan pelanggan.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab dalam mengendalikan dengan cekap dan berkualiti semua panggilan telefon;
- b) memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh agensi, dan membantu pelanggan/ tetamu yang berurusan sehingga isu berbangkit selesai;
- c) merekod dan memantau aduan perkhidmatan sehingga selesai dan memaklumkan kepada pelanggan/ tetamu dari semasa ke semasa perkembangan di atas aduan pelanggan/ tetamu;
- d) menjawab pertanyaan tentang perkhidmatan dan dasar, serta menyediakan maklumat tentang kemudahan yang disediakan, lokasi, harga dan isu yang berkaitan;
- e) menerima, melayan dan merekodkan pertanyaan tentang masalah dan aduan;
- f) merujuk pertanyaan yang rumit kepada ketua pasukan atau pakar penasihat;
- g) mengeluarkan borang yang berkaitan, maklumat dan brosur kepada pihak yang berminat;
- h) melayani tugas-tugas kaunter dan pertanyaan umum;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4225)

4225-01	Pembantu Tadbir (Khidmat Pelanggan) Gred 21
4225-02	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19
4225-03	Kerani Aduan Pelanggan
4225-04	Kerani Pertanyaan

KUMPULAN UNIT 4226 PENEMUDUGA TINJAUAN DAN PENYELIDIKAN PASARAN

Penemuduga Tinjauan dan Penyelidikan Pasaran menemuduga orang ramai dan mencatatkan maklum balas mereka terhadap soalan soal selidik dan penyelidikan pasaran dalam pelbagai topik.

Tugas merangkumi:

- a) menghubungi individu melalui telefon atau bertemu secara langsung dan menerangkan tujuan temuduga;
- b) menemuduga orang awam untuk mendapatkan pandangan tentang topik seperti isu orang awam atau pengguna;
- c) menanyakan soalan menurut garis panduan soal selidik dan tinjauan;
- d) mencatatkan maklum balas atau memasukkannya terus ke dalam pangkalan data komputer;
- e) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- f) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4226)

- 4226-01 Penemuduga Penyelidikan Pasaran
- 4226-02 Penemuduga Tinjauan

KUMPULAN UNIT 4229 PEKERJA MAKLUMAT PELANGGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Maklumat Pelanggan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 422: Pekerja Maklumat Pelanggan. Kumpulan ini termasuk kerani kemasukan hospital, penemu duga kelayakan dan pakar kelayakan.

Tugas merangkumi:

- a) menemuduga pesakit untuk mendapatkan dan memproses maklumat yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan hospital;
- b) menemuduga pemohon bantuan awam untuk mengumpulkan maklumat berhubung dengan permohonan mereka;
- c) mengesahkan ketepatan maklumat yang diberikan;
- d) memulakan prosedur untuk memberi, mengubah suai, menafikan, atau menamatkan bantuan;
- e) memberi maklumat dan menjawab soalan berhubung dengan prosedur faedah dan tuntutan;
- f) merujuk pesakit atau pemohon kepada organisasi lain jika mereka tidak layak mendapatkan perkhidmatan;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4229)

- 4229-01 Kerani Kemasukan Hospital
- 4229-02 Penemu Duga Kelayakan
- 4229-03 Pakar Kelayakan

SUB-UTAMA 43 KERANI PEREKODAN DATA BERANGKA DAN BAHAN

Kerani Pererekodan Data Berangka dan Bahan menerima, menyusun, dan mengira data perakaunan, simpan kira, perangkaan, kewangan dan lain-lain data berangka serta mengendalikan transaksi tunai yang berkaitan hal perniagaan. Sesetengah pekerjaan yang dikelaskan di sini menyimpan rekod barangan yang dihasilkan, dibeli, distok, dihantar, dan bahan yang diperlukan pada tarikh pengeluaran yang ditetapkan, atau menyimpan rekod aspek operasi dan menyelaraskan jadual pengangkutan penumpang dan barang.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 431 KERANI DATA BERANGKA**
- 432 KERANI PEREKODAN BAHAN DAN PENGANGKUTAN**

KUMPULAN KECIL 431 KERANI DATA BERANGKA

Kerani Data Berangka menerima dan mengira data perakaunan, simpan kira, perangkaan, kewangan dan data berangka yang lain, serta mengendalikan transaksi tunai yang berkaitan hal perniagaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 4311 KERANI PERAKAUNAN, PENGAUDITAN DAN SIMPAN KIRA**
- 4312 KERANI PERANGKAPAN, KEWANGAN, DAN INSURANS**
- 4313 KERANI GAJI**

KUMPULAN UNIT 4311 KERANI PERAKAUNAN, PENGAUDITAN DAN SIMPAN KIRA

Kerani Perakaunan, Pengauditan dan Simpan Kira menghitung, mengelaskan dan merekodkan data berangka untuk memastikan rekod kewangan lengkap. Melaksanakan sebarang gabungan tugas pengiraan, pemakluman dan penentusahan yang rutin untuk mendapatkan data kewangan awal untuk digunakan dalam pengurusan rekod perakaunan.

Tugas merangkumi:

- menyemak angka, pemakluman, dan dokumen bagi memastikan ketepatan maklumat, ketepatan matematik, dan kod yang betul;
- mengendalikan program komputer dengan perisian perakaunan untuk merekodkan, menyimpan dan menganalisis maklumat;
- mengelas, merekod dan meringkaskan data berangka dan kewangan untuk menyusun dan menyimpan rekod kewangan dengan menggunakan jurnal lejar atau komputer;
- menghitung, menyedia dan mengeluarkan bil, invoice, penyata akaun, dan penyata kewangan lain menurut prosedur yang ditetapkan;
- menyusun laporan dan jadual perangkaan, kewangan, perakaunan atau audit yang berhubung dengan perkara seperti resit tunai, perbelanjaan, akaun perlu dibayar, dan akaun belum terima, serta untung dan rugi;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4311)

4311-01	Pembantu Tadbir (Perakaunan) Gred 21
4311-02	Pembantu Eksekutif (Perakaunan) Gred 3
4311-03	Kerani Lejar
4311-04	Kerani Mesin Simpan Kira

KUMPULAN UNIT 4312 KERANI PERANGKAAN, KEWANGAN, DAN INSURANS

Kerani Perangkaan, Kewangan, dan Insurans mendapatkan, menyusun dan menghitung data perangkaan atau data aktuari, atau melaksanakan tugas perkeranian berhubung dengan transaksi insurans, bank, dan pertubuhan kewangan lain.

Tugas merangkumi:

- mendapatkan dan menyusun data perangkaan atau aktuari berdasarkan sumber maklumat yang rutin atau khas;
- menyedia dan mengemaskinikan bajet tahunan;
- mengurus dan mengawal peruntukan;
- menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan;
- menghitung jumlah, purata, peratus dan perincian lain, dan menyampaikannya dalam bentuk jadual sebagaimana yang diperlukan;
- menyediakan dokumen kewangan dan menghitung faedah atau caj pembrokeran dan duti setem yang perlu dibayar;
- menguruskan rekod bon, saham atau yang seumpamanya, yang dibeli atau dijual bagi pihak pelanggan atau majikan;
- bertanggungjawab menyediakan sampel, soal selidik, memungut data dan menyediakan laporan bancian;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4312)

4312-01	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19
4312-02	Pembantu Eksekutif (Kewangan) Gred 3
4312-03	Kerani Perangkaan
4312-04	Penghitung Data Sosial dan Ekonomi

KUMPULAN UNIT 4313 KERANI GAJI

Kerani Gaji mengumpulkan, menentukan, memproses maklumat gaji dan menghitung upah, serta kelayakan faedah bagi kakitangan dalam jabatan, syarikat atau pertubuhan lain.

Tugas merangkumi:

- menguruskan rekod kedatangan, cuti, dan kerja lebih masa kakitangan untuk menghitung upah dan kelayakan faedah, secara manual atau sistem berkomputer;

- b) menyediakan dan menentusahkan penyata pendapatan kakitangan, menyatakan gaji kasar dan gaji bersih serta potongan seperti cukai, yuran kesatuan, garnisan dan insurans serta pelan persaraan;
- c) menyediakan bayaran kakitangan dan bayaran faedah dengan cek atau pemindahan elektronik;
- d) menyemak lembaran masa, carta kerja, pengiraan upah, dan maklumat lain untuk mengesan dan membetulkan percanggahan dalam senarai gaji;
- e) menentukan kedatangan, tempoh jam bekerja dan pelarasan bayaran serta memasukkan maklumat ke dalam rekod yang ditetapkan;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4313)

4313-01	Kerani Gaji
4313-02	Kerani Upah
4313-03	Pembayar Gaji
4313-04	Pemproses Gaji

KUMPULAN KECIL 432 KERANI PEREKODAN BAHAN DAN PENGANGKUTAN

Kerani Pererekodan Bahan dan Pengangkutan menyimpan rekod barangan yang dikeluarkan, dibeli, disimpan, dihantar, dan bahan yang diperlukan adalah pada tarikh pengeluaran yang ditetapkan, atau menyimpan rekod operasi dan menyelaraskan masa bagi penumpang dan pengangkutan barang angkut.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 4321 KERANI STOK**
- 4322 KERANI PENGELUARAN**
- 4323 KERANI PENGANGKUTAN**

KUMPULAN UNIT 4321 KERANI STOK

Kerani Stok menyelenggara rekod barangan yang dihasilkan dan bahan-bahan pengeluaran yang diterima, ditimbang, dihantar atau dimasukkan ke dalam stok.

Tugas merangkumi:

- a) mengatur dan mengawal penerimaan dan penghantaran barangan serta menyimpan rekod yang berkaitan;
- b) menyelenggara rekod stok, mengesahkan pengeluaran barangan, menganggarkan keperluan, dan membuat permintaan stok baru;
- c) menerima, menyimpan, dan mengeluarkan perkakas, alat ganti atau pelbagai kelengkapan serta menyelenggara rekod yang berkaitan;
- d) menimbang barangan yang diterima, dikeluarkan, dihasilkan atau dihantar, dan menyelenggara rekod yang berkaitan;
- e) menyelenggara inventori perabot dan barangan lain yang diterima untuk disimpan;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4321)

4321-01	Kerani Bahan Mentah
4321-02	Kerani Bekalan
4321-03	Kerani Gudang
4321-04	Kerani Penerimaan

KUMPULAN UNIT 4322 KERANI PENGELUARAN

Kerani Pengeluaran mengira dan memastikan barangan / operasi yang dijalankan dapat dihasilkan pada tarikh yang ditetapkan, serta menyediakan dan menyemak jadual operasi pengeluaran.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa pesanan pelanggan untuk barangan dan perkhidmatan;
- b) mengira kuantiti, kualiti, dan jenis bahan yang diperlukan untuk pengeluaran;
- c) menyediakan atau membantu dalam persediaan jadual operasi pengeluaran berdasarkan permintaan pelanggan dan kapasiti pengeluaran;
- d) menyediakan jadual pengeluaran, memastikan bahan-bahan tersedia apabila diperlukan dan menyimpan rekod yang berkaitan;

- e) mengesahkan stok, mengatur penghantaran dan menyiasat kelewatan;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4322)

4322-01	Kerani Pengeluaran
4322-02	Kerani Kawalan Pengeluaran
4322-03	Kerani Operasi
4322-04	Kerani Ladang

KUMPULAN UNIT 4323 KERANI PENGANGKUTAN

Kerani Pengangkutan menyimpan rekod operasi dan menyelaraskan masa bagi pengangkutan penumpang dan barang angkut, keretapi, pengangkutan jalan, udara dan air serta menyediakan laporan untuk pengurusan.

Tugas merangkumi:

- a) menyimpan rekod tentang aspek operasi dan menyelaraskan masa bagi pengangkutan penumpang dan barang yang diangkut;
- b) mengarah perjalanan kereta api dalam suatu bahagian atau zon sistem kereta api dan menyimpan rekod yang berkaitan;
- c) mengarah, mengawal dan menyimpan rekod pengendalian barang angkut di stesen kereta api;
- d) menyelaras dan menyimpan rekod aktiviti operasi tentang pengangkutan jalan seperti peruntukan dan penjadualan kenderaan dan pemandu, pemunggahan kenderaan, dan penyimpanan barangan dalam perjalanan;
- e) menyelaras dan menyimpan rekod aktiviti operasi tentang pengangkutan udara dan air bagi penumpang dan kargo seperti senarai penumpang dan senarai barangan kargo;
- f) menyediakan laporan untuk pengurusan;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4323)

4323-01	Kerani Logistik
4323-02	Kerani Pengangkutan
4323-03	Kerani Tuntutan Pengangkutan
4323-04	Kerani Kawalan, Kereta api

SUB-UTAMA 44 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN

Pekerja Sokongan Perkeranian Lain menjalankan tugas perkeranian di syarikat akhbar, mahkamah, perpustakaan dan pejabat pos. Memfailkan dokumen, menyediakan maklumat untuk pemprosesan, menyelenggara rekod personel, menyemak bahan supaya konsisten dengan bahan sumber asal, dan menulis bagi pihak yang tidak upaya membaca dan menulis.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

441 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN

KUMPULAN KECIL 441 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN

Pekerja Sokongan Perkeranian Lain melaksanakan tugas di syarikat akhbar, mahkamah, perpustakaan dan pejabat pos, memfailkan dokumen, menyediakan maklumat untuk pemprosesan, menyemak bahan supaya konsisten dengan bahan sumber, menyimpan rekod personel dan menulis bagi pihak yang tidak upaya membaca atau menulis.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 4411 KERANI PERPUSTAKAAN
- 4412 KERANI PENGEDARAN DAN PENGISIHAN MEL
- 4413 KERANI PENGEKODAN, PEMBACAAN PRUF DAN YANG BERKAITAN
- 4414 JURUTULIS DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 4415 KERANI PEMFAILAN DAN PENYALINAN
- 4416 KERANI PERSONEL
- 4419 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 4411 KERANI PERPUSTAKAAN

Kerani Perpustakaan mengeluarkan dan menerima bahan, mengisih dan menyusun buku di rak dan memberi maklumat umum tentang perpustakaan kepada pengguna.

Tugas merangkumi:

- a) mengeluarkan dan menerima buku perpustakaan dan bahan lain;
- b) menyusun semula buku dan bahan perpustakaan yang lain di atas rak;
- c) melaksanakan aktiviti perkeranian seperti pemfailan manual dan elektronik, pemprosesan kata, dan penaipan;
- d) memastikan pelanggan jurnal;
- e) membantu pengguna perpustakaan mengakses bahan perpustakaan yang asas dan membuat pinjaman antara perpustakaan;
- f) menguruskan rekod perpustakaan berhubung dengan pemerolehan, pengeluaran dan pemulangan buku, dan penerbitan lain;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4411)

4411-01	Pembantu Tadbir (Perpustakaan) Gred 21
4411-02	Pembantu Eksekutif (Perpustakaan) Gred 3
4411-03	Kerani Perpustakaan
4411-04	Penyusun Fail Perpustakaan

KUMPULAN UNIT 4412 KERANI PENGEDARAN DAN PENGISIHAN MEL

Kerani Pengedaran dan Pengisihan Mel menjalankan tugas mengisih, merekod, menghantar, dan tugas lain yang berkaitan dengan perkhidmatan mel dari pejabat pos atau yang berkaitan sama ada dari atau dalam sesebuah pertubuhan.

Tugas merangkumi:

- a) menjalankan kerja pengendalian mel di pejabat pos awam;
- b) mengisih dan menghantar mel ke rumah persendirian dan tempat lain;
- c) mengisih dan menyimpan rekod ringkas tentang surat masuk dan keluar serta menghantar mel keluar di pelbagai pertubuhan;
- d) bertanggungjawab menyerahkan saman kepada defenden dan mendapatkan tandatangan penerima;
- e) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- f) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4412)

4412-01	Posmen
4412-02	Kerani, Mel Penghantaran
4412-03	Pembantu, Mel Penghantaran
4412-04	Penghantar Proses

KUMPULAN UNIT 4413 KERANI PENGEKODAN, PEMBACAAN PRUF DAN YANG BERKAITAN

Kerani Pengekodan, Pembacaan Pruf dan yang Berkaitan mengubah maklumat ke dalam bentuk kod, menentusahkan dan membetulkan pruf, dan melaksanakan pelbagai tugas perkeranian.

Tugas merangkumi:

- a) mengubah dan mengelaskan maklumat mengikut kod untuk tujuan pemprosesan data;
- b) membandingkan teks dan bahan berkaitan yang disediakan untuk cetakan dengan bahan asal, membetulkan kesilapan dan menandakan teks untuk pencetakan mengikut keperluan yang ditetapkan;
- c) mengisihkan borang dan menandakannya dengan nombor pengenalan;
- d) mengisihkan dokumen untuk pemfailan atau untuk menyusun set halaman muka surat;
- e) bertanggungjawab membaca pruf dalaman untuk pencetakan, menyelia kerja-kerja pencetakan, penyusunan dan pembukuan;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4413)

4413-01	Kerani Pembacaan Pruf
4413-02	Kerani Pengekodan, Pemprosesan Data
4413-03	Kerani Penerbitan
4413-04	Kerani Pengekodan

KUMPULAN UNIT 4414 JURUTULIS DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Jurutulis dan Pekerja yang Berkaitan menulis surat dan melengkapkan borang bagi pihak orang yang tidak upaya membaca atau menulis.

Tugas merangkumi:

- membaca surat dan lain-lain bahan bertulis kepada orang yang buta huruf, dan memberi tafsiran serta maklumat yang perlu;
- menulis surat dan melengkapkan borang bagi pihak orang yang buta huruf;
- menawarkan nasihat kepada individu dan mentafsir serta membantu melengkapkan borang kerajaan dan borang rasmi;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4414)

4414-01	Penulis Petisyen
4414-02	Penulis Awam
4414-03	Jurutulis

KUMPULAN UNIT 4415 KERANI PEMFAILAN DAN PENYALINAN

Kerani Pemfailan dan Penyalinan memfailkan surat-menyurat, kad, invoice, resit dan rekod lain menurut tertib abjad atau angka, atau menurut sistem pemfailan yang digunakan. Mereka mencari dan mengeluarkan bahan dari fail apabila diminta dan membuat fotokopi, mengimbas, atau memfaksimili dokumen.

Tugas merangkumi:

- mengasingkan atau mengelaskan bahan mengikut garis panduan seperti kandungan, tujuan, kriteria pengguna, atau tertib kronologi, abjad atau angka;
- menyusun bahan di dalam laci, kabinet dan kotak penyimpanan;
- mencari dan mengeluarkan bahan dari fail apabila diminta;
- menyimpan rekod bahan yang difailkan dan dikeluarkan;
- membuat fotokopi, mengimbas atau memfaks dokumen dan rekod lain;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4415)

4415-01	Kerani Pemfailan
4415-02	Kerani Pengumpulan Direktori
4415-03	Kerani Fotokopi
4415-04	Kerani Penyalin Dokumen

KUMPULAN UNIT 4416 KERANI PERSONEL

Kerani Personel menyelenggara dan mengemas kini rekod personel seperti maklumat tentang pemindahan dan promosi, penilaian prestasi, cuti kakitangan yang diambil dan dikumpulkan, gaji, kelayakan, dan latihan.

Tugas merangkumi:

- mengemas kini maklumat tentang sejarah pekerjaan, gaji, penilaian prestasi, dan latihan serta cuti yang diambil dan dikumpulkan;
- memulakan rekod bagi pekerja yang baru dilantik dan menyemak rekod untuk memastikan rekod lengkap;
- memproses permohonan pekerjaan dan kenaikan pangkat serta memaklumkan kepada pemohon tentang keputusan permohonan mereka;
- menerima dan menjawab pertanyaan tentang kelayakan dan syarat bagi pekerjaan;
- menguruskan pengiklanan jawatan, peluang pekerjaan dan peperiksaan kerja;

- f) menyelenggara dan mengemaskini sistem pemfailan dan pendaftaran manual dan berkomputer, serta menyusun dan menyediakan laporan dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti personel;
- g) menyimpan dan mendapatkan semula rekod dan fail personel apabila diminta;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4416)

4416-01	Kerani Pekerjaan
4416-02	Kerani Hal Ehwal Am
4416-03	Kerani Personel
4416-04	Kerani Sumber Manusia

KUMPULAN UNIT 4419 PEKERJA SOKONGAN PERKERANIAN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Sokongan Perkeranian Lain yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 441: Pekerja Sokongan Perkeranian Lain. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pembantu pakaian, kerani keselamatan, dan Pembantu Tadbir (Undang-undang) Gred L19.

Tugas merangkumi:

- a) membantu menyediakan bahan berkala, iklan, katalog, direktori, dan bahan lain untuk penerbitan;
- b) membantu menguruskan hal pengurusan ekonomi dan pemasaran yang berkenaan berdasarkan kepada unit-unit yang telah ditempatkan serta tugas-tugas dari pegawai atasan;
- c) membantu mengajar secara teori dan amali dalam salah satu bidang seperti penyediaan makanan/ teknologi makanan/ pramusaji, kapten dan penyelia makanan/ tukang jahit dan pemotong pakaian/ jahitan/ seni ukir perabot;
- d) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- e) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 4419)

4419-01	Pembantu Pakaian
4419-02	Kerani Keselamatan
4419-03	Pembantu Tadbir (Undang-undang) Gred L19
4419-04	Pembantu Syariah Gred LS19

A close-up photograph of a person's hands typing on a grey and black keyboard. The person is wearing a light pink long-sleeved shirt and a gold ring on their left ring finger. The background is a blurred office environment with a green wall and a white desk.

KUMPULAN 5
PEKERJA
PERKHIDMATAN
DAN JUALAN

PEKERJA PERKHIDMATAN DAN JUALAN

5

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

51 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI

511 ATENDAN PERJALANAN, KONDUKTOR, DAN PEMANDU PERJALANAN

- 5111 ATENDAN PERJALANAN DAN PELAYAN PERJALANAN
- 5112 KONDUKTOR PENGANGKUTAN
- 5113 PEMANDU PERJALANAN

512 TUKANG MASAK

- 5121 TUKANG MASAK

513 PELAYAN DAN PELAYAN BAR

- 5131 PELAYAN
- 5132 PELAYAN BAR

514 PENDANDAN RAMBUT, JURUSOLEK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

- 5141 PENDANDAN RAMBUT
- 5142 JURUSOLEK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

515 PENYELIA BANGUNAN DAN PENGEMASAN

- 5151 PENYELIA PENCUCIAN DAN PENGEMASAN DI PEJABAT, HOTEL DAN PERTUBUHAN LAIN
- 5152 JURUKEMAS DOMESTIK
- 5153 PENJAGA BANGUNAN

516 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI LAIN

- 5161 AHLI NUJUM, TUKANG TILIK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 5162 PENGIRING DAN PELAYAN
- 5163 PEKERJA PENGEBUMIAN DAN PERAPIAN MAYAT
- 5164 PERAPI HAIWAN PELIHARAAN DAN PENJAGA HAIWAN
- 5165 PENGAJAR PEMANDUAN
- 5169 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

52 PEKERJA JUALAN

521 JURUJUAL TEPI JALAN DAN PASAR

- 5211 JURUJUAL DI GERAI DAN PASAR
- 5212 JURUJUAL MAKANAN DI TEPI JALAN

522 JURUJUAL KEDAI

- 5221 PENJAGA KEDAI
- 5222 PENYELIA KEDAI
- 5223 PEMBANTU JUALAN DI KEDAI

523 JURUWANG DAN KERANI TIKET

- 5231 JURUWANG DAN KERANI TIKET

524 PEKERJA JUALAN LAIN

- 5241 MODEL FESYEN DAN MODEL LAIN
- 5242 PENUNJUK CARA JUALAN
- 5243 JURUJUAL PINTU-KE-PINTU
- 5244 JURUJUAL PUSAT PERHUBUNGAN
- 5245 ATENDAN PAM DAN PUSAT SERVIS
- 5246 ATENDAN KAUNTER MAKANAN
- 5249 PEKERJA JUALAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

53 PEKERJA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN SOSIAL**531 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK DAN PEMBANTU GURU**

- 5311 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK
- 5312 PEMBANTU GURU

532 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN

- 5321 PEMBANTU PENJAGAAN KESIHATAN
- 5322 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DI RUMAH
- 5329 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

54 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN**541 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN**

- 5411 AHLI BOMBA
- 5412 PEGAWAI POLIS RENDAH
- 5413 PENGAWAL PENJARA
- 5414 PENGAWAL KESELAMATAN
- 5415 PEGAWAI DAN PEMBANTU IMIGRESEN/ KASTAM
- 5419 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

PEKERJA PERKHIDMATAN DAN JUALAN

**KUMPULAN
SUB-UTAMA**

51

52

53

54

- 51 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI
- 52 PEKERJA JUALAN
- 53 PEKERJA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN SOSIAL
- 54 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

PEKERJA PERKHIDMATAN DAN JUALAN

Deskripsi

Menyediakan perkhidmatan peribadi berkaitan dengan perjalanan, pengemasan, katering, penjagaan diri, atau perlindungan dari kebakaran dan undang-undang yang berkaitan, atau menunjuk cara dan menjual barangan di kedai borong atau runcit dan pertubuhan seumpamanya termasuk di gerai dan pasar.

Tahap Kemahiran

Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran pada tahap kemahiran kedua.

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 51 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI
- 52 PEKERJA JUALAN
- 53 PEKERJA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN SOSIAL
- 54 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

SUB-UTAMA 51 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI

Pekerja Perkhidmatan Peribadi menyediakan perkhidmatan peribadi yang berkaitan dengan perjalanan, pengemasan, katering, dan penjagaan diri dan kanak-kanak serta pekerja perkhidmatan peribadi yang lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 511 ATENDAN PERJALANAN, KONDUKTOR, DAN PEMANDU PERJALANAN
- 512 TUKANG MASAK
- 513 PELAYAN DAN PELAYAN BAR
- 514 PENDANDAN RAMBUT, JURUSOLEK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 515 PENYELIA BANGUNAN DAN PENGEMASAN
- 516 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI LAIN

KUMPULAN KECIL 511 ATENDAN PERJALANAN, KONDUKTOR, DAN PEMANDU PERJALANAN

Atendan Perjalanan, Konduktor, dan Pemandu Perjalanan menyediakan pelbagai perkhidmatan peribadi berhubung dengan perjalanan dengan pesawat udara, kereta api, kapal, bas atau kenderaan lain, dan mengiringi individu atau rombongan yang melancong dan melawat tempat perlancongan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 5111 ATENDAN PERJALANAN DAN PELAYAN PERJALANAN
- 5112 KONDUKTOR PENGANGKUTAN
- 5113 PEMANDU PERJALANAN

KUMPULAN UNIT 5111 ATENDAN PERJALANAN DAN PELAYAN PERJALANAN

Atendan Perjalanan dan Pelayan Perjalanan memberi perkhidmatan peribadi untuk memastikan keselesaan dan keselamatan penumpang. Perkhidmatan ini termasuk menyediakan makanan dan minuman serta menyelaraskan aktiviti pengemasan dan sosial.

Tugas merangkumi:

- a) menyambut penumpang menaiki kapal terbang dan membawa mereka ke tempat duduk;
- b) mengendalikan pemeriksaan keselamatan dan menunjukkan penggunaan peralatan keselamatan seperti tali pinggang keselamatan dan topeng oksigen serta membantu penumpang apabila berlaku kecemasan;
- c) mengagihkan bahan bacaan, fon kepala, selimut dan barang yang seumpamanya serta menjawab pertanyaan penumpang;
- d) menyediakan makanan dan minuman yang sudah tersedia;
- e) menjual barangan bebas cukai kepada penumpang;
- f) memberi bantuan perubatan yang ringan kepada penumpang yang memerlukan;
- g) menjaga keperluan am dan keselesaan penumpang kapal dan kereta api;
- h) memastikan peraturan keselamatan dipatuhi;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5111)

5111-01	Atendan Kabin Kapal
5111-02	Penyelaras Pramugara/ Pramugari
5111-03	Penyelia Pramugara/ Pramugari
5111-04	Pelayan Aras

KUMPULAN UNIT 5112 KONDUKTOR PENGANGKUTAN

Konduktor Pengangkutan memungut atau mengeluarkan tiket serta menjaga keselamatan dan keselesaan di dalam kereta api, trem, bas dan lain-lain pengangkutan awam.

Tugas merangkumi:

- memungut atau mengeluarkan tiket, pas atau tambang, atau memeriksa kesahihan tiket terdahulu;
- menjaga gerabak tidur di dalam kereta api penumpang, termasuk memeriksa kesahihan tiket penumpang, menjaga keselamatan mereka dan memberi maklumat yang diminta;
- memastikan peraturan keselamatan dipatuhi;
- memberi maklumat kepada penumpang khususnya tentang perhentian dan sambungan perjalanan;
- bekerjasama dengan pemandu dalam menepati jadual masa;
- mengambil tindakan yang sewajarnya jika berlaku kecemasan;
- bertanggungjawab membantu penyelia stesen atau eksekutif operasi dalam mengurus, menyelia dan mengatasi masalah operasi trafik, kakitangan, perdagangan dan lain-lain supaya dapat memberi perkhidmatan yang cekap dan ekonomi kepada pengguna-pengguna keretapi;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5112)

5112-01	Konduktor Bas
5112-02	Inspektor Tiket
5112-03	Konduktor Bot/ Feri
5112-04	Konduktor Kereta api

KUMPULAN UNIT 5113 PEMANDU PERJALANAN

Pemandu Perjalanan memandu arah perjalanan individu atau kumpulan dalam rombongan melancong, menerangkan tempat yang menarik, dan menyediakan perkhidmatan yang lain.

Tugas merangkumi:

- memandu arah pelancong dan memastikan keselesaan mereka;
- memastikan tempahan untuk pengangkutan dan penginapan disahkan serta jadual perjalanan yang disediakan diikuti;
- mengiringi pelancong melancong dan menerangkan tempat yang menarik;
- mengiringi pelancong ke muzium dan pameran serta memberi penerangan tentang apa yang dipamerkan;
- mengendalikan aktiviti luar seperti mendaki gunung, memburu, atau memancing;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5113)

5113-01	Pemandu Pelancong
5113-02	Pemandu Perjalanan
5113-03	Pemandu Galeri Seni
5113-04	Pemandu Muzium

KUMPULAN KECIL 512 TUKANG MASAK

Tukang Masak merancang, mengatur, menyediakan dan memasak makanan mengikut resepi atau di bawah pengawasan jurumasak di hotel, restoran dan tempat makan awam yang lain, di atas kapal, di dalam kereta api penumpang, rumah persendirian dan institusi atau pertubuhan yang lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

5121 TUKANG MASAK

KUMPULAN UNIT 5121 TUKANG MASAK

Tukang Masak merancang, mengatur, menyediakan dan memasak makanan mengikut resepi atau di bawah pengawasan jurumasak di hotel, restoran dan tempat makanan awam yang lain di atas kapal, di dalam kereta api penumpang, rumah persendirian dan institusi atau pertubuhan yang lain.

Tugas merangkumi:

- a) merancang hidangan dan menu, memesan bekalan bahan mentah makanan serta menyediakan dan memasak bahan makanan;
- b) memeriksa kualiti makanan;
- c) menunjukkan teknik dan memberi nasihat tentang prosedur memasak;
- d) merancang, menyelia dan menyelaraskan kerja pembantu dapur;
- e) memastikan kebersihan pinggan mangkuk, perkakas, peralatan dapur, dan kawasan kerja;
- f) menganjurkan promosi makanan;
- g) bertanggungjawab menentukan keperluan bahan kering dan basah untuk dimasak, menerima dan memeriksa barangan keperluan memasak, menyediakan bahan masak, memelihara kebersihan peralatan dan kawasan dapur, dan memastikan peralatan dapur disimpan dan dikunci;
- h) memastikan amalan keselamatan dan sanitasi pengendalian makanan dipatuhi;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5121)

5121-01	Tukang Masak
5121-02	Tukang Masak, Perkhidmatan Hotel dan Katering
5121-03	Tukang Masak, Perkhidmatan Persendirian
5121-04	Tukang Masak, Pengetinan dan Pengawetan Makanan

KUMPULAN KECIL 513 PELAYAN DAN PELAYAN BAR

Pelayan dan Pelayan Bar menghidangkan makanan dan minuman di tempat makan dan minum seperti di kelab, institusi dan kantin, di atas kapal, dan di dalam kereta api penumpang.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

5131 PELAYAN

5132 PELAYAN BAR

KUMPULAN UNIT 5131 PELAYAN

Pelayan menghidangkan makanan dan minuman di tempat makan dan minum seperti di kelab, institusi dan kantin, di atas kapal, dan di dalam kereta api penumpang.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan meja dengan linen, sudu garfu, pinggan mangkuk dan gelas yang bersih;
- b) menyediakan dan mengatur meja serta mengiringi tetamu ke meja;
- c) memberi menu dan mengesyorkan tetamu tentang hidangan dalam menu;
- d) mengambil pesanan serta menghidang makanan dan minuman;
- e) menghidangkan makanan dan minuman kepada pelanggan;
- f) menyerahkan bil kepada pelanggan dan menerima bayaran;
- g) membersihkan tempat makan; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5131)

5131-01	Pelayan
5131-02	Pramusaji
5131-03	Pelayan Bankuet
5131-04	Penyelia Makanan dan Minuman

KUMPULAN UNIT 5132 PELAYAN BAR

Pelayan Bar mencampur dan menghidangkan minuman beralkohol dan tidak beralkohol kepada pengunjung secara terus melalui bar atau kaunter, atau melalui pelayan.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dan mengaturkan meja serta mengiringi tetamu ke meja;
- b) memberi menu dan mengesyorkan tetamu tentang menu yang sesuai;
- c) mengambil pesanan serta menghidangkan makanan dan minuman;
- d) menasihati pelanggan tentang pilihan wain dan menghidangkannya;
- e) menghidangkan minuman beralkohol dan tidak beralkohol di bar;
- f) menyerahkan bil kepada pelanggan dan menerima bayaran;
- g) membersihkan gelas, perkakas dan peralatan bar;
- h) merancang, menganjur dan mengawal operasi bar;
- i) memeriksa kad pengenalan pelanggan untuk memastikan umur yang dibolehkan untuk membeli minuman alkohol; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5132)

5132-01	Pelayan Bar
5132-02	Pembantu Pelayan Bar
5132-03	Pelayan Makanan dan Minuman Bar

KUMPULAN KECIL 514 PENDANDAN RAMBUT, JURUSOLEK, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Pendandan Rambut, Jurusolek, dan Pekerja yang Berkaitan memotong dan menggayakan rambut, mencukur dan merapi janggut, memberi rawatan kecantikan, mengenakan alat solek dan mekap serta memberi rawatan yang lain kepada pelanggan untuk menyerikan lagi wajah mereka.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

5141 PENDANDAN RAMBUT
5142 JURUSOLEK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
KUMPULAN UNIT 5141 PENDANDAN RAMBUT

Pendandan Rambut mencuci, memotong, mewarna dan menggayakan rambut serta mengurut dan merawat kulit kepala.

Tugas merangkumi:

- a) memotong, mencuci, mewarna dan mengerintingkan rambut, serta mencukur atau merapi janggut dan mencabut bulu roma;
- b) memberi rawatan kulit kepala;
- c) mengenakan rambut palsu mengikut kehendak pelanggan;
- d) memberikan nasihat tentang penjagaan rambut, produk kecantikan dan gaya rambut;
- e) menggayakan rambut kepada *dreadlocks* dan *braids* dan menyambung rambut;
- f) membersihkan kawasan kerja dan mensanitasikan peralatan;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5141)

5141-01	Jurugaya Rambut
5141-02	Pendandan Rambut
5141-03	Tukang Gunting Rambut
5141-04	Pereka Fesyen Rambut

KUMPULAN UNIT 5142 JURUSOLEK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Jurusolek dan Pekerja yang Berkaitan memberi rawatan kecantikan muka dan badan, mengenakan alat solek dan mekap, dan memberi rawatan lain kepada individu untuk menyerikan lagi penampilan mereka.

Tugas merangkumi:

- a) membuat solekan ke atas artis untuk persembahan;
- b) membersihkan dan menyapu krim, losen, dan produk yang berkenaan pada muka dan bahagian badan yang lain;
- c) mengurut muka dan badan;
- d) mengenakan mekap kepada pelanggan atau pelakon dan penghibur lain;
- e) membentuk, mewarna dan memberi rawatan lain pada bulu kening dan mata;

- f) mewarnakan rambut dan memberi rawatan rambut;
- g) membersihkan, membentuk, dan mengilatkan kuku jari tangan dan kaki serta memberi rawatan ringkas pada kaki seperti kemasukan, kalus, dan kuku jari kaki yang bermasalah;
- h) menyediakan alat solek khas untuk pelanggan;
- i) membantu pelanggan mandi dan memberi urutan asas;
- j) menggunakan teknik *waxing*, *sugaring* dan *depilation* untuk membuang bulu roma yang tidak diinginkan;
- k) memberi nasihat kepada pelanggan tentang *diet* dan senaman untuk membantu mengurangkan berat badan;
- l) menyediakan bahan yang perlu seperti topeng getah atau plastik, rambut atau janggut palsu;
- m) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- n) menyalia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5142)

5142-01	Jurusolek Gred B19
5142-02	Jurusolek
5142-03	Jurusolek Artis
5142-04	Juru kecantikkan Tangan

KUMPULAN KECIL 515 PENYELIA BANGUNAN DAN PENGEMASAN

Penyelia Bangunan dan Pengemasan menyelaras, menyusun jadual, dan menyalia kerja tukang cuci dan kakitangan pengemasan lain di premis komersil, industri, dan kediaman. Mereka bertanggungjawab atas pengemasan dan pengelolaan majlis di hotel, pejabat, pangsapuri, rumah, dan tempat tinggal persendirian.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 5151 PENYELIA PENCUCIAN DAN PENGEMASAN DI PEJABAT, HOTEL DAN PERTUBUHAN LAIN**
- 5152 JURUKEMAS DOMESTIK**
- 5153 PENJAGA BANGUNAN**

KUMPULAN UNIT 5151 PENYELIA PENCUCIAN DAN PENGEMASAN DI PEJABAT, HOTEL DAN PERTUBUHAN LAIN

Penyelia Pencucian dan Pengemasan di Pejabat, Hotel dan Pertubuhan Lain mengatur, menyelaras, dan menjalankan kerja pengemasan untuk memastikan bahagian dalaman dan lekapan di hotel, pejabat dan pertubuhan lain, serta di dalam pesawat udara, kereta api, bas dan kenderaan seumpamanya dalam keadaan kemas dan bersih.

Tugas merangkumi:

- a) melatih, memecat, mengatur dan menyalia pembantu, tukang cuci dan kakitangan pengemasan lain;
- b) membeli atau mengawal pembelian bekalan;
- c) mengawal penyimpanan dan pengeluaran bekalan;
- d) menyalia kebajikan am dan tingkah laku individu dalam institusi;
- e) menyapu atau memvakum, mencuci dan menggilap lantai, perabot dan lekapan yang lain;
- f) mengemas katil, mencuci bilik mandi dan membekalkan tuala dan sabun serta barangan yang berkaitan;
- g) mencuci dapur secara amnya membantu dalam kerja-kerja dapur, termasuk membasuh pinggan mangkuk;
- h) mengisi semula stok minibar dan menukar barang seperti gelas dan kelengkapan menulis;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyalia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5151)

5151-01	Penyelia Bankuet Hotel dan Penginapan
5151-02	Penyelia Tingkat Hotel dan Penginapan
5151-03	Penyelia Pengemasan
5151-04	Penyelia Dobi

KUMPULAN UNIT 5152 JURUKEMAS DOMESTIK

Jurukemas Domestik mengatur, menyalia, dan melaksanakan kerja pengemasan di rumah persendirian dengan atau tanpa sokongan kakitangan bawah.

Tugas merangkumi:

- menyelia pekerja yang diambil bekerja di dalam rumah sebagai kakitangan domestik;
- membeli atau mengawal pembelian bekalan;
- mengawal penyimpanan dan mengeluarkan bekalan;
- membantu dalam kes kecederaan atau penyakit ringan dengan melaksanakan tugas seperti mengambil suhu, memberi ubat, atau membalut luka;
- menyapu, memvakum, menggilap dan mencuci lantai dan perabot atau lekapan yang lain;
- mengemas katil, mencuci bilik mandi, dan membekalkan toailet, sabun dan barangan yang berkaitan;
- menjaga haiwan peliharaan dan tumbuh-tumbuhan, menerima pelawat, menjawab telefon, menghantar pesanan, dan membeli barang dapur;
- menyediakan, memasak dan menghidangkan makanan dan minuman, serta mengemas meja;
- mencuci dapur dan secara amnya membantu dalam kerja-kerja di dapur, termasuk membasuh pinggan mangkuk;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5152)

5152-01	Jurukemas Persendirian
5152-02	Pelayan Besar
5152-03	Pelayan Rumah, Persendirian
5152-04	Pekerja Pengemasan, Persendirian

KUMPULAN UNIT 5153 PENJAGA BANGUNAN

Penjaga Bangunan menjaga pangsapuri, rumah, hotel, asrama, pejabat dan bangunan lain, dan memastikan semuanya dalam keadaan bersih dan teratur. Mereka boleh menyelia pekerja dan kontraktor lain bergantung pada saiz dan jenis bangunan yang dijaga.

Tugas merangkumi:

- menyelia kerja kakitangan dan kontraktor pencucian, pengemasan, dan penyelenggaraan bangunan;
- terlibat dalam kerja mencuci, membaiki kerosakan yang mudah, dan menyelenggara bahagian dalaman bangunan;
- mengawasi kelakuan penghuni dan pelawat seperti tidak membuat bising atau merosakkan harta benda;
- memberi perkhidmatan mudah kepada penghuni yang tiada di kediaman seperti menerima penghantaran bagi pihak mereka atau memberi penerangan kepada pemanggil telefon;
- memaklumkan kepada pihak pengurusan dan pemilik bangunan keperluan pembaikan bangunan;
- meronda bangunan untuk memastikan keselamatan terpelihara;
- melengkapkan borang pendaftaran dan memberi salinan peraturan kepada penghuni;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5153)

5153-01	Penyelia Asrama Gred N19
5153-02	Penjaga Bangunan
5153-03	Warden Asrama
5153-04	Warden Dorm

KUMPULAN KECIL 516 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI LAIN

Pekerja Perkhidmatan Peribadi Lain meramal masa depan seseorang, menemani dan menyediakan perkhidmatan peribadi lain; merapi, melatih dan menjaga haiwan; menyediakan perkhidmatan pengebumian dan perapi mayat; dan mengajar memandu kenderaan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 5161 AHLI NUJUM, TUKANG TILIK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN**
- 5162 PENGIRING DAN PELAYAN**
- 5163 PEKERJA PENGEBUMIAN DAN PERAPIAN MAYAT**
- 5164 PERAPI HAIWAN PELIHARAAN DAN PENJAGA HAIWAN**
- 5165 PENGAJAR PEMANDUAN**
- 5169 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 5161 AHLI NUJUM, TUKANG TILIK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Ahli Nujum, Tukang Tilik dan Pekerja yang Berkaitan meramal kejadian masa depan dalam kehidupan seseorang dengan mengamalkan ilmu nujum atau teknik yang berkenaan, serta memberi amaran dan nasihat atas tindakan yang mungkin diambil.

Tugas merangkumi:

- meramal horoskop seseorang semasa kelahirannya atau meramal kejadian dan keadaan masa depan dalam kehidupannya;
- menentukan masa yang baik untuk pelbagai aktiviti manusia seperti pembukaan majlis rasmi, perkahwinan, perjalanan, dan upacara keagamaan yang lain;
- mengkaji pengaruh gugusan bintang dan fenomena lain dalam kehidupan dan keadaan seseorang;
- mentafsirkan perwatakan seseorang melalui tapak tangan, daun terup, dan sebagainya;
- menasihati individu tentang langkah berwaspada yang perlu diambil bagi mengelakkan pengaruh jahat; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5161)

5161-01	Ahli Nujum
5161-02	Tukang Tilik Tapak Tangan
5161-03	Tukang Tilik
5161-04	Ahli Numerologi

KUMPULAN UNIT 5162 PENGIRING DAN PELAYAN

Pengiring dan Pelayan menemani dan menjaga pelbagai keperluan peribadi majikan.

Tugas merangkumi:

- mengiringi dan menemani majikan ke pelbagai tempat dan membaca, berbual dan menyertai aktiviti seperti sukan;
- membantu melayani tetamu di rumah majikan;
- menjaga busana dan barang peribadi majikan supaya dalam keadaan teratur; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5162)

5162-01	Dang Pewara
5162-02	Juruiring
5162-03	Juruiring Sosial
5162-04	Pelayan Peribadi

KUMPULAN UNIT 5163 PEKERJA PENGEBUMIAN DAN PERAPIAN MAYAT

Pekerja Pengubumian dan Perapian Mayat menjalankan pelbagai tugas dalam menguruskan mayat.

Tugas merangkumi:

- mengatur urusan dan mengendalikan upacara pengubumian dan pembakaran mayat;
- mengeraskan mayat untuk melambatkan atau menahan proses pereputan;
- menebuk organ dalaman melalui abdomen untuk mengeluarkan cecair dan gas semula jadi;
- memulihkan bentuk mayat yang cedera dan rosak kepada rupa asal dengan menggunakan lilin, plaster Paris atau bahan lain;
- mengatur dan mengendalikan upacara pengubumian;
- menemuramah keluarga untuk mendapatkan maklumat tentang si mati dan maklumat lain serta melengkapkan dokumen yang berkaitan;
- memandi dan mengkafan jenazah;
- menangis sambil menceritakan kisah kebaikan, kejujuran simati dan mempamerkan kesedihan dan kepedihan yang dilalui keluarga si mati akibat kehilangan ahli keluarga tersayang; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5163)

5163-01	Atendan Rumah Mayat
5163-02	Pekerja Urusan Pengubumian
5163-03	Pekerja Perapian Mayat
5163-04	Kusangren (Peratap Upahan)

KUMPULAN UNIT 5164 PERAPI HAIWAN PELIHARAAN DAN PENJAGA HAIWAN

Perapi Haiwan Peliharaan dan Penjaga Haiwan memberi makan minum, menjaga, merapi, memandi, dan membawa haiwan berlatih serta membersihkan, menyahjangkit, dan membaik pulih kandang haiwan dan juga mengkhusus dalam perapian atau pemeliharaan penampilan haiwan peliharaan.

Tugas merangkumi:

- menjaga haiwan di zoo, taman burung dan akuatik;
- memahami dan mengaplikasikan teknik yang diperlukan untuk memberi makan, mengendali, melatih dan merapi haiwan;
- membersih dan menyahjangkit kandang dan kawasan sekitar, dan menyampu, memotong kuku dan merapi haiwan;
- memantau dan mencatatkan tingkah laku haiwan dan menyediakan makanan dan memberi haiwan, ikan, dan burung makan pada sela masa yang dijadualkan;
- membantu ahli sains dan penyelidik menjalankan ujian makmal ke atas haiwan;
- bermain-main dengan haiwan, menemani dan memerhatikan perubahan tingkah laku yang boleh menunjukkan haiwan sakit atau cedera;
- membersihkan dan mensanitasi kelengkapan untuk mencegah penularan penyakit, menyimpan kelengkapan perapian, menyimpan jadual janji temu dan membincangkan keperluan perapian haiwan dengan pelanggan;
- melatih dan membuat persembahan bersama haiwan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5164)

5164-01	Penjaga Haiwan
5164-02	Penjaga di Zoo, Taman Burung dan Akuatik
5164-03	Penjaga Zoo
5164-04	Pembantu Veterinar

KUMPULAN UNIT 5165 PENGAJAR PEMANDUAN

Pengajar Pemanduan mengajar pelajar memandu dan menunjukkan teknik pemanduan yang betul.

Tugas merangkumi:

- mengajar pelajar tentang peraturan memandu;
- mengajar pelajar tentang keselamatan jalan raya;
- mengajar pelajar tentang pengendalian kereta;
- memastikan keselamatan pelajar dengan mengendalikan dual kawalan (misalnya brek dan cermin);
- memantau teknik pemanduan pelajar;
- bertanggungjawab mengajar penyelenggaraan kereta; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5165)

5165-01	Pengajar Pemanduan
---------	--------------------

KUMPULAN UNIT 5169 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Perkhidmatan Peribadi yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 516: Pekerja Perkhidmatan Peribadi Lain. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk penganjur kelab, pegawai perhubungan pelanggan dan krew acara.

Tugas merangkumi:

- menemani pelanggan ke restoran dan tempat lain;
- menjadi rakan tari;
- menyambut pelanggan ke kelab malam dan memastikan mereka dilayan dengan baik; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5169)

5169-01	Penganjur Kelab
5169-02	Pegawai Perhubungan Pelanggan
5169-03	Kru Acara

SUB-UTAMA 52 PEKERJA JUALAN

Pekerja Jualan menjual dan menunjukkan barang-barang di kedai-kedai borong atau runcit, di gerai dan pasar, pintu-ke-pintu, melalui telefon atau pusat-pusat hubungan pelanggan. Mereka boleh merekodkan dan menerima bayaran untuk barangan dan perkhidmatan yang dibeli, dan boleh mengendalikan kedai runcit kecil.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 521 JURUJUAL TEPI JALAN DAN PASAR
- 522 JURUJUAL KEDAI
- 523 JURUWANG DAN KERANI TIKET
- 524 PEKERJA JUALAN LAIN

KUMPULAN KECIL 521 JURUJUAL TEPI JALAN DAN PASAR

Jurujual Tepi Jalan dan Pasar menjual barangan dari gerai di pasar atau di jalanan, dan menyediakan serta menjual makanan dan minuman yang tersedia panas atau sejuk di jalanan dan tempat awam.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 5211 JURUJUAL DI GERAI DAN PASAR
- 5212 JURUJUAL MAKANAN DI TEPI JALAN

KUMPULAN UNIT 5211 JURUJUAL DI GERAI DAN PASAR

Jurujual di Gerai dan Pasar menjual pelbagai barangan dari gerai-gerai di pasaran terbuka atau berbumbung atau dari gerai-gerai di tepi jalan atau lain-lain kawasan lapang.

Tugas merangkumi:

- a) memperoleh kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan untuk mendirikan gerai di tempat yang tertentu di tepi jalan atau di tempat terbuka yang lain;
- b) menentukan pelbagai produk, stok dan harga bagi barangan yang hendak dijual;
- c) membeli atau mengikat kontrak bagi barangan yang hendak dijual dari pembekal borong atau secara terus dari pengeluar;
- d) mempamerkan produk dan memberi makluman kepada pelanggan tentang kualiti produk tersebut;
- e) menyusun dan mempamer barangan untuk jualan, serta membalut dan membungkus barangan yang telah dijual;
- f) menerima bayaran dan menyimpan akaun; dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5211)

5211-01	Jurujual Gerai Tepi Jalan
5211-02	Jurujual Pasar
5211-03	Jurujual Kiosk
5211-04	Jurujual Kaunter Promoter

KUMPULAN UNIT 5212 JURUJUAL MAKANAN DI TEPI JALAN

Jurujual Makanan di Tepi Jalan menyediakan dan menjual makanan dan minuman panas atau sejuk yang sedia untuk dimakan di jalan-jalan dan tempat-tempat awam seperti di stesen, panggung wayang, atau teater.

Tugas merangkumi:

- a) memperoleh kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan untuk mendirikan gerai di tempat yang tertentu di tepi jalan atau di tempat terbuka yang lain;
- b) mendapatkan makanan dan minuman untuk dijual;
- c) memuatkan dan memunggah, menolak, mengayuh atau membawa *hand-cart*, trak, dulang atau bakul untuk membawa makanan dan minuman ke tempat yang diingini di jalanan, atau ke tempat-tempat awam seperti stesen atau pawagam;
- d) mempamerkan dan menjual makanan dan minuman, dan menerima bayaran;
- e) memuatkan dan memunggah barangan untuk dijual; dan
- f) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5212)

5212-01	Penjaja (Makanan)
5212-02	Penjual Makanan Tepi Jalan

KUMPULAN KECIL 522 JURUJUAL KEDAI

Jurujual Kedai menjual pelbagai barangan dan perkhidmatan terus kepada pengguna awam atau menjual bagi pihak runcit dan pertubuhan borong. Mereka menerangkan fungsi dan kualiti barangan atau perkhidmatan, dan boleh mengendalikan kedai-kedai kecil.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 5221 PENJAGA KEDAI**
- 5222 PENYELIA KEDAI**
- 5223 PEMBANTU JUALAN DI KEDAI**

KUMPULAN UNIT 5221 PENJAGA KEDAI

Penjaga Kedai mengendalikan kedai-kedai runcit kecil sama ada secara berseorangan atau dengan sokongan daripada sebilangan kecil yang lain.

Tugas merangkumi:

- a) memuat dan memunggah barangan untuk dijual;
- b) menerima bayaran dan menyimpan akaun;
- c) menyusun dan mempamerkan barangan untuk dijual;
- d) menasihati pelanggan tentang pilihan, harga, penghantaran, penggunaan, dan penjagaan barang dan perkhidmatan;
- e) menyediakan bil, invois atau resit;
- f) memeriksa stok dan mengambil bahagian dalam pengiraan stok;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5221)

5221-01	Penjaga Kedai
5221-02	Pekedai Runcit
5221-03	Ejen Akhbar

KUMPULAN UNIT 5222 PENYELIA KEDAI

Penyelia Kedai menyelia dan menyelaras aktiviti-aktiviti pembantu jurujual kedai, dan pekerja lain di kedai-kedai runcit dan borong seperti pasar raya dan kedai serbaneka.

Tugas merangkumi:

- a) menganggar jenis dan kuantiti barangan yang diperlukan oleh pelanggan dan memastikan stok yang mencukupi;
- b) mengajar kakitangan berkenaan prosedur jualan, termasuk cara untuk menangani kes yang sukar dan kompleks;
- c) menyelia kakitangan jualan;
- d) menganggar keperluan perniagaan, dan membeli atau mengesahkan pembelian barangan dari segi jenis, kualiti dan kuantiti yang diperlukan, biasanya di bawah arahan umum tuan punya atau pengurus;
- e) memeriksa barang yang dipulangkan dan membuat keputusan yang sewajarnya;
- f) menyelia dan mengarahkan kakitangan jualan dan kakitangan lain atau jabatan jualan dalam kerja mereka seharian;
- g) memastikan harga barang dan perkhidmatan dipamerkan;
- h) memeriksa stok dan mengambil bahagian dalam pengiraan stok;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5222)

5222-01	Penyelia Kedai
5222-02	Penyelia Jualan
5222-03	Penyelia Pasar Raya
5222-04	Penyelia Pembayaran

KUMPULAN UNIT 5223 PEMBANTU JUALAN DI KEDAI

Pembantu Jualan di Kedai menjual pelbagai barangan dan perkhidmatan terus kepada pengguna awam atau menjual bagi pihak runcit dan pertubuhan borong. Mereka menerangkan fungsi dan kualiti barangan atau perkhidmatan.

Tugas merangkumi:

- memuat dan memunggah barangan untuk dijual dan menyusun serta mempamerkan barangan untuk dijual;
- menerangkan fungsi dan kualiti produk;
- memastikan ciri dan kualiti produk yang diingini oleh pelanggan;
- membantu pelanggan membuat pilihan;
- menyebut harga, tempoh kredit dan diskaun;
- membungkus dan mengatur penghantaran barangan, jika perlu;
- menyediakan bil, invois atau resit;
- mengesahkan resit juruwang, jika perlu;
- membuat demonstrasi bagi barangan yang dijual untuk memberitahu pelanggan tentang ciri dan cara penggunaannya, dan untuk menggalakkan minat membeli; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5223)

5223-01	Pembantu Jualan
5223-02	Pembantu Kedai
5223-03	Kerani Jualan
5223-04	Kerani Pemasaran

KUMPULAN KECIL 523 JURUWANG DAN KERANI TIKET

Juruwang dan Kerani Tiket berurusan secara terus dengan pelanggan berkenaan penerimaan, pertukaran, dan pembayaran wang di kedai, teater atau pawagam, bank, pejabat pos, dan pertubuhan lain seperti di kedai dan pejabat tiket atau pertubuhan seumpamanya.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

5231 JURUWANG DAN KERANI TIKET**KUMPULAN UNIT 5231 JURUWANG DAN KERANI TIKET**

Juruwang dan Kerani Tiket menerima wang secara terus daripada pelanggan bagi barangan atau perkhidmatan yang dibeli di pertubuhan seperti di kedai dan kaunter tiket atau pertubuhan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- menetapkan atau mengenal pasti harga barang, perkhidmatan atau bayaran masuk, dan mengira bil dengan menggunakan kalkulator, mesin daftar tunai, atau pengimbas harga optik;
- menerima dan mengesahkan bayaran tunai, cek atau kad kredit di kedai, kaunter tiket atau pertubuhan yang seumpamanya;
- mengembalikan wang baki dan mengeluarkan resit;
- mengeluarkan tiket di kaunter tiket dan mengambil bayaran berkenaan;
- membayar wang tunai mengikut arahan bertulis, nota kredit, atau pertukaran mata wang dan mendapatkan resit;
- menyimpan rekod dan menyesuaikan dengan baki tunai;
- menerima wang masuk serta menyemaknya dengan slip jualan dan dokumen lain;
- mengendalikan mesin daftar tunai;
- membungkus atau meletakkan barang ke dalam beg; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5231)

5231-01	Juruwang
5231-02	Pembantu Juruwang
5231-03	Juruwang, Parkir
5231-04	Juruwang, Kedai

KUMPULAN KECIL 524 PEKERJA JUALAN LAIN

Pekerja Jualan Lain memapar, menunjuk cara, dan menjual barangan, makanan dan perkhidmatan, biasanya untuk pengguna awam, dalam konteks yang lain daripada jualan di pasar, tepi jalan dan kedai.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 5241 MODEL FESYEN DAN MODEL LAIN**
- 5242 PENUNJUK CARA JUALAN**
- 5243 JURUJUAL PINTU-KE-PINTU**
- 5244 JURUJUAL PUSAT PERHUBUNGAN**
- 5245 ATENDAN PAM DAN PUSAT SERVIS**
- 5246 ATENDAN KAUNTER MAKANAN**
- 5249 PEKERJA JUALAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 5241 MODEL FESYEN DAN MODEL LAIN

Model Fesyen dan Model Lain memakai serta memperagakan pakaian dan aksesori, dan bergaya untuk penggambaran, filem dan video, pengiklanan, fotografi atau untuk penciptaan seni.

Tugas merangkumi:

- a) memakai pakaian contoh fesyen terkini atau semasa, atau jenis yang dikehendaki oleh pelanggan;
- b) memperagakan, dan menunjukkan gaya dan ciri lain dengan sebaik-baiknya;
- c) berjalan, berpusing dan bergaya untuk menunjukkan gaya dan ciri-ciri pakaian, aksesori fesyen dan barangan lain;
- d) bergaya sebagai model untuk fotografi seni foto, ukiran, atau lukisan;
- e) bergaya sebagai model untuk filem dan rakaman video dalam bidang pengiklanan;
- f) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- g) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5241)

- 5241-01 Model Fesyen
- 5241-02 Model Pengiklanan
- 5241-03 Model Artis

KUMPULAN UNIT 5242 PENUNJUK CARA JUALAN

Penunjuk Cara Jualan menunjuk cara bagi barangan di premis komersil, pameran dan rumah persendirian.

Tugas merangkumi:

- a) menyusun dan mempamerkan barangan untuk dijual;
- b) menasihati pelanggan tentang pilihan, harga, penghantaran, penggunaan, dan penjagaan barang dan perkhidmatan;
- c) membuat demonstrasi bagi barangan yang dijual untuk memberitahu pelanggan tentang ciri dan cara penggunaannya untuk menggalakkan minat membeli;
- d) mengambil pesanan dan membuat janji temu untuk pembayaran, penghantaran dan pengambilan barangan;
- e) menawarkan sampel barangan dan mengagihkan katalog dan bahan pengiklanan;
- f) menghubungi peniaga atau orang perseorangan melalui telefon untuk mencari pelanggan;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5242)

- 5242-01 Penunjuk Cara
- 5242-02 Promoter Jualan
- 5242-03 Pedagang Jualan

KUMPULAN UNIT 5243 JURUJUAL PINTU-KE-PINTU

Jurujuwal Pintu-ke-Pintu menjual barangan dan perkhidmatan dan mendapatkan perniagaan bagi pertubuhan dengan mendekati atau melawat pelanggan yang berpotensi, biasanya penduduk di rumah-rumah persendirian, dengan pergi dari pintu ke pintu.

Tugas merangkumi:

- a) menghubungi pelanggan melalui telefon, mel, atau pertemuan untuk menawarkan atau memujuk mereka agar membeli barangan atau perkhidmatan;
- b) menyusun dan mempamerkan sampel barangan dalam majlis atau di rak pameran;
- c) menghantar barangan, berkhidmat untuk pelanggan, mengutip bayaran, dan memberi baki wang;
- d) mendampingi bakal pelanggan atau bergerak dengan berjalan kaki atau menaiki kenderaan untuk menghantar atau menjual barangan atau perkhidmatan;
- e) mengagihkan sampel produk atau risalah yang menerangkan tentang produk atau perkhidmatan secara terperinci;
- f) mengambil pesanan barangan atau memasukkan pesanan ke dalam sistem komputer;
- g) menerangkan harga produk atau perkhidmatan dan menunjuk cara penggunaan produk; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5243)

5243-01 Jurujual Jualan Langsung
5243-02 Jurujual Pintu-ke-Pintu

KUMPULAN UNIT 5244 JURUJUAL PUSAT PERHUBUNGAN

Jurujual Pusat Perhubungan menjawab panggilan telefon atau media komunikasi lain untuk membantu pelanggan yang mempunyai pertanyaan khusus, dan mempromosikan barangan dan perkhidmatan, mendapatkan jualan dan mengatur lawatan jualan.

Tugas merangkumi:

- a) menjawab panggilan masuk untuk membantu pelanggan yang mempunyai pertanyaan khusus;
- b) menggalakkan minat pelanggan terhadap perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh syarikat;
- c) mengatur penghantaran produk, pakej maklumat, brosur dan sebagainya kepada pelanggan dan pihak lain yang berminat;
- d) mendapatkan maklum balas untuk menambah baik perkhidmatan dan menjawab pertanyaan bagi perkhidmatan/ bantuan; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5244)

5244-01 Jurujual Pusat Perhubungan Pelanggan
5244-02 Personel Pusat Perhubungan
5244-03 Perunding Pusat Perhubungan Luar Negeri
5244-04 Eksekutif Telejualan

KUMPULAN UNIT 5245 ATENDAN PAM DAN PUSAT SERVIS

Atendan Pam dan Pusat Servis menjual petrol, pelincir dan lain-lain produk automotif dan menyediakan perkhidmatan seperti mengisi petrol, pembersihan, pelinciran dan menjalankan pembaikan yang mudah bagi kenderaan bermotor.

Tugas merangkumi:

- a) mengisi tangki petrol;
- b) memeriksa dan menambahkan tekanan udara tayar kenderaan, dan mengisi minyak serta lain-lain cecair kenderaan;
- c) membasuh cermin depan dan tingkap kenderaan;
- d) menjalankan kerja-kerja pembaikan kecil kepada kenderaan seperti menggantikan tayar, lampu mentol dan bilah pengelap cermin;
- e) menyelenggara dan mengendalikan perkhidmatan mencuci kereta automatik;
- f) memungut bayaran daripada pelanggan;
- g) membersihkan persekitaran petrol pam, kedai dan sekitar jalan masuk;
- h) mengawal stok dan menyediakan laporan bagi petrol, minyak, aksesori dan barangan lain yang dijual;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5245)

5245-01 Atendan Stesen Petrol
5245-02 Atendan Pusat Servis

KUMPULAN UNIT 5246 ATENDAN KAUNTER MAKANAN

Atendan Kaunter Makanan melayan pelanggan di kaunter makanan dan menyediakan makanan yang ringkas di restoran, kafeteria, hotel, kedai makanan segera, hospital dan lain-lain pertubuhan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- menghidangkan makanan kepada pelanggan di kaunter;
- menentukan produk yang diinginkan oleh pelanggan, membantu pelanggan dalam membuat pilihan dan mengambil pesanan;
- menyediakan makanan yang ringkas dan memanaskan semula makanan yang disediakan;
- membungkus makanan untuk di bawa pulang; dan
- menerima bayaran untuk barangan makanan yang dibeli.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5246)

5246-01 Atendan Kaunter Makanan

5246-02 Atendan Kaunter Kafeteria

KUMPULAN UNIT 5249 PEKERJA JUALAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Jualan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 524: Pekerja Jualan Lain. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk jurujual sewa.

Tugas merangkumi:

- menyusun dan mempamerkan barangan untuk dijual;
- menasihati pelanggan tentang pilihan, harga, penghantaran, penggunaan, dan penjagaan barang perkhidmatan;
- menyediakan bil, invois atau resit;
- membuat demonstrasi bagi barangan yang dijual untuk memberitahu pelanggan tentang ciri dan cara penggunaannya serta untuk menggalakkan minat membeli;
- menghubungi peniaga atau orang perseorangan melalui telefon untuk mencari pelanggan bagi barangan atau perkhidmatan;
- memeriksa stok dan mengambil bahagian dalam pengiraan stok;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5249)

5249-01 Jurujual Sewa

SUB-UTAMA 53 PEKERJA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN SOSIAL

Pekerja Perkhidmatan Pendidikan dan Sosial menyediakan penjagaan, pengawasan dan bantuan kanak-kanak, pesakit dan orang tua, penjagaan pemulihan, atau orang kurang upaya dalam persekitaran institusi dan kediaman.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

531 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK DAN PEMBANTU GURU

532 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN

KUMPULAN KECIL 531 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK DAN PEMBANTU GURU

Pekerja Asuhan Kanak-Kanak dan Pembantu Guru menyediakan penjagaan dan penyeliaan untuk kanak-kanak di sekolah-sekolah, rumah-rumah kediaman dan di tempat penjagaan kanak-kanak.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

5311 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK

5312 PEMBANTU GURU

KUMPULAN UNIT 5311 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK

Pekerja Asuhan Kanak-kanak menyediakan penjagaan dan penyeliaan kanak-kanak di rumah-rumah kediaman dan di pusat jagaan harian.

Tugas merangkumi:

- membantu kanak-kanak mandi, memakai baju dan makan sendiri;
- menemani kanak-kanak ke sekolah atau pulang dari sekolah atau untuk rekreasi di luar rumah;
- bermain-main dengan kanak-kanak, atau menghiburkan mereka dengan membaca atau bercerita;
- menjaga kebajikan dan keselamatan kanak-kanak semasa ketiadaan ibu bapa mereka;
- menjaga bilik tidur dan bilik main kanak-kanak agar dalam keadaan teratur;
- menjaga kanak-kanak sekolah semasa rombongan, lawatan ke muzium, dan aktiviti seumpamanya;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5311)

5311-01	Pekerja Asuhan Kanak-kanak
5311-02	Amah Bayi
5311-03	Pengasuh Kanak-kanak
5311-04	Penjaga Kanak-kanak

KUMPULAN UNIT 5312 PEMBANTU GURU

Pembantu Guru melaksanakan tugas bukan mengajar untuk membantu guru, dan menyediakan penjagaan dan penyeliaan untuk kanak-kanak di sekolah-sekolah dan pra-sekolah.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas membantu guru di kelas-kelas pra-sekolah dan mengasuh murid-murid;
- menunjukkan, menyelia dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang meningkatkan fizikal, sosial, emosi dan perkembangan intelek kanak-kanak di sekolah dan pra-sekolah;
- menyediakan kawasan di dalam dan luaran untuk pembelajaran dan aktiviti rekreasi;
- membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah intelektual, fizikal, tingkah laku dan lain-lain masalah pembelajaran dalam pengajian mereka;
- membantu kanak-kanak secara individu untuk belajar kemahiran sosial;
- membantu dengan menyediakan bahan-bahan pengajaran, dan menyalin dan mengumpul bahan bertulis dan bahan cetak;
- mengendalikan peralatan audio-visual, komputer dan alat bantu pengajaran yang lain;
- mengedar dan mengumpul bahan pengajaran; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5312)

5312-01	Pembantu Pengurusan Murid Gred N19
5312-02	Pembantu Guru
5312-03	Pembantu Pra-sekolah
5312-04	Pembantu Tadika

KUMPULAN KECIL 532 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN

Pekerja Penjagaan Diri dalam Perkhidmatan Kesihatan menyediakan perkhidmatan penjagaan diri dan membantu dalam pergerakan dan aktiviti kehidupan seharian pesakit, orang tua, mereka yang dalam tempoh pemulihan, atau orang kurang upaya di pusat penjagaan kesihatan dan kawasan kediaman penduduk.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

5321 PEMBANTU PENJAGAAN KESIHATAN**5322 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DI RUMAH****5329 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA****KUMPULAN UNIT 5321 PEMBANTU PENJAGAAN KESIHATAN**

Pembantu Penjagaan Kesihatan menyediakan penjagaan peribadi dan bantuan dalam aktiviti harian pesakit dan penduduk dalam pelbagai persekitaran penjagaan kesihatan seperti di hospital, klinik, kediaman dan pusat kemudahan penjagaan kejururawatan.

Tugas merangkumi:

- membantu pesakit dengan keperluan penjagaan peribadi dan terapeutik seperti kebersihan diri, makan, berpakaian, pergerakan fizikal dan senaman, komunikasi, mengambil ubat-ubatan dan menukar balutan luka;
- mendudukkan, mengangkat dan mengalihkan pesakit dan mengangkat mereka di kerusi roda atau di atas katil mudah alih;
- mengekalkan tahap kebersihan kawasan persekitaran pesakit, seperti membersihkan bilik pesakit dan menukar linen katil;
- membantu pesakit supaya berasa selesa;
- memantau keadaan pesakit dengan mengambil suhu badan dan denyutan nadi, perpeluhan, serta berat badan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5321)

5321-01	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11
5321-02	Pembantu Kesihatan Awam Gred U19
5321-03	Pembantu Perawatan
5321-04	Pembantu Perawatan Perubatan

KUMPULAN UNIT 5322 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DI RUMAH

Pekerja Penjagaan Diri di Rumah menyediakan rutin penjagaan peribadi dan membantu dalam aktiviti harian kepada mereka yang memerlukan disebabkan oleh faktor penuaan, penyakit, kecederaan, atau lain-lain keadaan fizikal atau mental di rumah-rumah persendirian dan lain-lain persekitaran kediaman.

Tugas merangkumi:

- membantu tugas seharian seperti menyediakan makanan, mengingatkan pengambilan ubatan, mencuci pakaian, membuat kerja pengemasan yang ringan, memungut dan menghantar barang, membeli-belah, menguruskan pengangkutan, dan menemani pelanggan;
- memandikan, memakaikan baju dan mengalihkan pesakit, membantu pesakit menggunakan tandas, dan membantu pesakit makan dan berjalan;
- meringankan kerja rumah, menyediakan makanan, mengambil ubatan, membeli-belah barangan dapur dan pakaian, menggunakan telefon dan menguruskan wang yang membolehkan pesakit hidup berdikari dalam masyarakat;
- membantu orang tua dan kurang upaya dalam aktiviti kehidupan harian di rumah pelanggan atau di pusat penjagaan;
- boleh menasihati keluarga, orang tua, dan orang kurang upaya tentang perkara seperti nutrisi, kebersihan, dan kemudahan di dalam rumah; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5322)

5322-01	Pembantu Penjagaan (Rumah)
5322-02	Pembantu Kelahiran (Rumah)
5322-03	Pembantu Perawatan (Rumah)
5322-04	Penyedia Penjagaan Diri

KUMPULAN UNIT 5329 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Penjagaan Diri dalam Perkhidmatan Kesihatan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 532: Pekerja Penjagaan Diri dalam Perkhidmatan Kesihatan.

Tugas merangkumi:

- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

SUB-UTAMA 54 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

Pekerja Perkhidmatan Perlindungan memberi perkhidmatan perlindungan berkaitan dengan ahli bomba, pegawai polis, pengawal penjara, pengawal keselamatan, dan perkhidmatan perlindungan yang tidak dikelaskan di mana-mana.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

541 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

KUMPULAN KECIL 541 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

Pekerja Perkhidmatan Perlindungan melindungi individu dan harta benda daripada kebakaran dan bahaya yang lain, memelihara undang-undang dan ketenteraman serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 5411 AHLI BOMBA
- 5412 PEGAWAI POLIS RENDAH
- 5413 PENGAWAL PENJARA
- 5414 PENGAWAL KESELAMATAN
- 5415 PEGAWAI DAN PEMBANTU IMIGRESEN/ KASTAM
- 5419 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 5411 AHLI BOMBA

Ahli Bomba mencegah dan memadamkan kebakaran, menyelamatkan orang, harta benda dan menjalankan usaha menyelamat.

Tugas merangkumi:

- a) melaksanakan kerja-kerja operasi pemadaman dan penyelamatan;
- b) melaksanakan kerja penyelenggaraan harian ke atas jentera bomba dengan cekap;
- c) menyelamatkan orang atau harta benda serta barang semasa atau selepas berlakunya sesuatu kebakaran dan kemalangan besar;
- d) mencegah atau menghadkan merebaknya bahan berbahaya jika berlaku kebakaran atau kemalangan;
- e) mengarahkan operasi menyelamat untuk menyelamatkan orang, haiwan, dan harta benda yang terperangkap serta memberi pertolongan cemas kepada mangsa yang tercedera;
- f) memaklumkan orang awam mengenai pencegahan kebakaran;
- g) menyiasat punca kebakaran dan mengemukakan laporan kepada ketua;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: ([rujuk indeks: kumpulan unit 5411](#))

5411-01	Pegawai Bomba Gred KB19
5411-02	Pemadam Kebakaran
5411-03	Pegawai Pencegahan Kebakaran
5411-04	Pemadam Kebakaran Hutan

KUMPULAN UNIT 5412 PEGAWAI POLIS RENDAH

Pegawai Polis Rendah menjaga undang-undang dan ketenteraman serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas kepolisan;
- b) merancang, mencegah jenayah, menyiasat, menangkap dan mendakwa, mengatur kawalan trafik, mengumpul risikan, menyediakan peralatan dan perhubungan dan mengekalkan keselamatan awam di darat, laut dan udara;
- c) menahan orang yang melanggar undang-undang;
- d) memelihara undang-undang dan ketenteraman, melindungi orang dan harta benda daripada bahaya dan perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- e) bertanggungjawab mengeluarkan saman kepada pesalah trafik dan menjalankan kuasa sekiranya berlaku kemalangan;
- f) memberi pertolongan cemas dan menjalankan penyiasatan yang perlu, memelihara ketenteraman semasa kebakaran, memeriksa tempat perhimpunan awam yang diberikan kebenaran, dan menyediakan maklumat umum;
- g) menyimpan rekod, membuat laporan aktiviti, dan memberi bukti di mahkamah;
- h) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- i) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5412)

5412-01	Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan Gred YT1
5412-02	Pegawai Rendah dan Konstabel Orang Asli Gred YP1
5412-03	Sukarelawan Polis
5412-04	Peronda Polis

KUMPULAN UNIT 5413 PENGAWAL PENJARA

Pengawal Penjara mengawasi dan menjaga disiplin dalam kalangan banduan penjara, pusat pemulihan, atau kurungan penjara.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab mengawal banduan (orang tahanan/ juvana) melibatkan keselamatan fizikal dan pengurusan termasuk tugas-tugas pemulihan dan kawalan semasa banduan menjalani rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- memeriksa banduan yang baru sampai, menyimpan barang berharga mereka di tempat selamat, mengiringi mereka ke sel penjara dan menguncinya;
- membuat rondaan pemeriksaan dari semasa ke semasa di sel penjara ;
- menyelia banduan ketika mereka bekerja, makan, atau semasa berjalan-jalan dan meronda kawasan penjara untuk mencegah banduan daripada cuba melarikan diri;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5413)

5413-01	Pegawai Penjara Gred KA19
---------	---------------------------

KUMPULAN UNIT 5414 PENGAWAL KESELAMATAN

Pengawal Keselamatan mengawal kilang, gudang, rumah dan harta lain daripada kebakaran, kecurian, pencerobohan serta mengiringi kenderaan yang membawa wang tunai atau barang berharga untuk melindunginya daripada dicuri atau dirompak.

Tugas merangkumi:

- mengambil maklumat kenderaan yang memasuki atau meninggalkan kilang atau kawasan;
- memeriksa kenderaan yang meninggalkan kawasan bagi mencegah pengeluaran barang tanpa kebenaran;
- meronda di dalam dan sekitar kawasan bagi mencegah pencerobohan;
- mengiringi atau memandu kenderaan yang membawa wang tunai, gaji, atau barang berharga untuk melindunginya daripada dicuri atau dirompak;
- menjalankan pemeriksaan keselamatan terhadap penumpang dan bagasi di lapangan terbang;
- mengiringi pihak tertentu ke kamar mahkamah atau seumpamanya;
- menentukan perjalanan kawalan di semua pintu masuk utama dan pintu masuk semua bangunan dipatuhi dan mengarahkan pengawal-pengawal keselamatan mengawasi pelawat-pelawat yang memasuki kompleks;
- membuat rondaan di dalam dan di luar bangunan;
- menjalankan tugas pengawal peribadi;
- menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5414)

5414-01	Pembantu Keselamatan Gred KP19
5414-02	Pengawal Keselamatan Gred KP11
5414-03	Pembantu Tadbir (Keselamatan) Gred 21
5414-04	Pembantu Am (Pengawal Keselamatan) Gred 1

KUMPULAN UNIT 5415 PEGAWAI DAN PEMBANTU IMIGRESEN/ KASTAM

Pegawai dan Pembantu Imigresen/ Kastam membantu memeriksa dan menilai kebolehasukan semua penumpang yang memasuki pelabuhan laut dan lapangan terbang. Mereka terlibat dalam sasaran kerja pencegahan dan mencari kenderaan, angkut barang, dan dokumentasi.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menjalankan peperiksaan ke atas barang-barang yang diimport/ eksport, bagasi-bagasi penumpang yang keluar/ masuk di pintu-pintu masuk negara dan membuat imbalan daftar-daftar muatan;
- b) mengawal pergerakan barang-barang yang keluar /masuk kawasan-kawasan zon bebas, gudang pengilangan berlesen, gudang-gudang berkesan, kilang-kilang eksais, menjalankan tugas-tugas juruwang serta pungutan duti;
- c) menjalankan tugas-tugas pencegahan seperti pengintipan, serbuan, rondaan serta penggeledahan kapal/ kenderaan dan membantu dalam tugas-tugas pentadbiran biasa;
- d) memilih dan mensasarkan kenderaan tertentu berdasarkan keperisikatan, kesalahan terdahulu, maklumat penghantaran terdahulu, rekod komputer, dan aliran semasa;
- e) mencari individu, kenderaan, dan kargo bagi barangan yang diseludup;
- f) memeriksa dokumen berhubung dengan barang angkut yang diimport;
- g) memeriksa barang angkut secara fizikal untuk memastikan barangan yang dibawa sama seperti yang dinyatakan dalam dokumen;
- h) menaham individu yang disyaki menyeludup barang;
- i) membantu menguatkuasakan undang-undang, membuat pemeriksaan ke atas premis perniagaan borong, runcit, membantu dalam tugas-tugas operasi penyeludupan, permohonan lesen borong dan runcit, menjalankan siasatan ke atas kes-kes yang diambil tindakan di bawah undang-undang yang di kuatkuasakan, memproses permohonan permit pemindahan beras, mengumpul maklumat barang-barang kawalan, memproses permohonan lesen import, hasil sampingan beras seperti tepung beras, tepung pulut, bahun dan lain-lain dan menyediakan maklumat-maklumat berkaitan import/ eksport barang tersebut;
- j) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- k) menyelia, menjadual dan memantau tugas pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5415)

5415-01 Pegawai Imigresen Gred KP19
5415-02 Pembantu Penguasa Kastam Gred WK19

KUMPULAN UNIT 5419 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA


Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Perkhidmatan Perlindungan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 541: Pekerja Perkhidmatan Perlindungan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pegawai lain-lain pangkat penguatkuasa maritim gred T1, warden permainan, warden taman haiwan rekreasi dan warden hidupan liar.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebersihan kolam renang agar selamat digunakan di samping memastikan orang awam mematuhi arahan-arahan serta peraturan penggunaan kolam renang yang telah ditetapkan;
- b) mengawasi dan memastikan keselamatan pengguna alat-alat rekreasi air terjamin di samping memastikan peralatan yang digunakan tidak rosak dan selamat digunakan;
- c) menjalankan tugas pengawal peribadi;
- d) meronda pantai dan kolam renang untuk mencegah kemalangan dan menyelamatkan orang daripada lemas;
- e) meronda rizab semulajadi, kawasan simpanan dan kawasan hutan dan persendirian untuk mencegah daripada kecurian dan pemusnahan;
- f) menjalankan pelbagai tugas di dalam air yang bersangkutan dengan kerja penyelamatan atau mengeluarkan mayat;
- g) bertanggungjawab atas pemulihan dan penjagaan taman, menyelia kakitangan membuat kerja lapangan, dan meronda sempadan taman;
- h) mengarahkan trafik dan menggunakan kuasa sekiranya berlaku kecemasan;
- i) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- j) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 5419)

5419-01 Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat kuasa Maritim Gred T1
5419-02 Warden Permainan
5419-03 Warden Taman Haiwan Rekreasi
5419-04 Warden Hidupan Liar



KUMPULAN 6
PEKERJA
KEMAHIRAN
PERTANIAN,
PERHUTANAN,
PENTERNAKAN,
DAN PERIKANAN

PEKERJA KEMAHIRAN PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN

6

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

61 PEKERJA KEMAHIRAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN BERORIENTASIKAN PASARAN

611 PEKEBUN DAN PENANAM TANAMAN PASARAN

- 6111 PENANAM TANAMAN LADANG
- 6112 PENANAM POKOK RENEK
- 6113 PEKEBUN, PENANAM HORTIKULTUR DAN TAPAK SEMAIAN
- 6114 PENANAM TANAMAN CAMPURAN
- 6115 PENANAM SAYUR-SAYURAN

612 PENGELUAR HAIWAN

- 6121 PENGELUAR TERNAKAN DAN TENUSU
- 6122 PENGELUAR TERNAKAN AYAM ITIK
- 6123 PEMELIHARA LEBAH DAN ULAT SUTERA
- 6129 PENGELUAR HAIWAN DAN PEKERJA BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

613 PENGELUAR TANAMAN DAN HAIWAN CAMPURAN

- 6131 PENGELUAR TANAMAN DAN HAIWAN CAMPURAN

62 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN, PERIKANAN, DAN PERBURUAN BERORIENTASIKAN PASARAN

621 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN DAN YANG BERKAITAN

- 6211 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN DAN YANG BERKAITAN

622 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN, PEMBURU DAN PENJERAT

- 6221 PENGELUAR PERIKANAN DAN AKUAKULTUR
- 6222 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN PERAIRAN PEDALAMAN DAN PANTAI
- 6223 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN LAUT DALAM
- 6224 PEMBURU DAN PENJERAT

63 PELADANG, NELAYAN, PEMBURU, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI

631 PELADANG TANAMAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

- 6311 PELADANG TANAMAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

632 PELADANG TERNAKAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

- 6321 PELADANG TERNAKAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

633 PELADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

- 6331 PELADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

634 NELAYAN, PEMBURU, PENJERAT, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI

- 6341 NELAYAN, PEMBURU, PENJERAT, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI

PEKERJA KEMAHIRAN PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN

**KUMPULAN
SUB-UTAMA**

61

62

63

- 61 PEKERJA KEMAHIRAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN BERORIENTASIKAN PASARAN
- 62 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN, PERIKANAN, DAN PERBURUAN BERORIENTASIKAN PASARAN
- 63 PELADANG, NELAYAN, PEMBURU, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI

PEKERJA KEMAHIRAN PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN

Deskripsi

Menanam dan menuai tanaman ladang atau pokok dan pokok renek serta mengumpulkan buah-buahan, herba dan tanaman liar; memelihara, menjaga atau memburu haiwan dan mengeluarkan pelbagai produk ternakan; menanam, memelihara dan mendapatkan hasil hutan; membiak baka atau menangkap ikan; dan memelihara atau mengumpulkan pelbagai hidupan akuatik lain.

Tahap Kemahiran

Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran tahap kedua.

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 61 PEKERJA KEMAHIRAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN BERORIENTASIKAN PASARAN
- 62 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN, PERIKANAN, DAN PERBURUAN BERORIENTASIKAN PASARAN
- 63 PELADANG, NELAYAN, PEMBURU, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI

SUB-UTAMA 61 PEKERJA KEMAHIRAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN BERORIENTASIKAN PASARAN

Pekerja Kemahiran Pertanian dan Penterernakan Berorientasikan Pasaran merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam dan menuai tanaman ladang atau pokok dan pokok renek, membiak baka haiwan, menghasilkan pelbagai produk ternakan, atau menanam, memelihara dan mendapatkan hasil hutan untuk jualan, atau penghantaran tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 611 PEKEBUN DAN PENANAM TANAMAN PASARAN
- 612 PENGELUAR HAIWAN
- 613 PENGELUAR TANAMAN DAN HAIWAN CAMPURAN

KUMPULAN KECIL 611 PEKEBUN DAN PENANAM TANAMAN PASARAN

Pekebun dan Penanam Tanaman Pasaran merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam dan menuai tanaman ladang, menanam pokok buah-buahan dan pokok lain atau pokok renek, menanam sayur-sayuran kebun serta pokok ubat dan pokok lain, dan mengeluarkan produk hortikultur dan tapak semaian hortikultur untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 6111 PENANAM TANAMAN LADANG
- 6112 PENANAM POKOK RENEK
- 6113 PEKEBUN, PENANAM HORTIKULTUR DAN TAPAK SEMAIAN
- 6114 PENANAM TANAMAN CAMPURAN
- 6115 PENANAM SAYUR-SAYURAN

KUMPULAN UNIT 6111 PENANAM TANAMAN LADANG

Penanam Tanaman Ladang merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam dan menuai pelbagai jenis tanaman ladang seperti kelapa sawit, getah, kelapa, ubi, tebu, padi atau tanaman lain untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah tanaman yang hendak ditanam;
- b) membeli benih, baja dan bekalan lain;
- c) menjalankan operasi seperti penyediaan tanah, penyemaian, penanaman, penggemburan dan penuaian tanaman;
- d) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan asas terhadap hasil ladang;
- e) menyelenggara jentera dan kelengkapan lain di ladang;

- f) mengawal rumpai, perosak dan penyakit dengan menggunakan racun herba dan racun perosak;
- g) mempromosi dan memasarkan produk, mengatur penjualan, pembelian dan pengangkutan hasilan dan bekalan, serta mengekalkan dan menilai rekod aktiviti ladang dan urus niaga;
- h) melatih pekerja di ladang, menyelia tugas penyelenggaraan dan langkah-langkah kesihatan dan keselamatan; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6111)

6111-01	Penanam Tanaman Ladang
6111-02	Penanam Getah
6111-03	Penanam Kelapa
6111-04	Penanam Kelapa Sawit

KUMPULAN UNIT 6112 PENANAM POKOK RENEK

Penanam Pokok Renek merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam dan menuai hasilan pokok renek untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah tanaman yang hendak ditanam;
- b) membeli benih, baja dan bekalan lain;
- c) menjalankan operasi seperti penyediaan tanah, penyemaian, penanaman, penggemburan, pembajaan dan penuaian tanaman;
- d) menyelenggara tapak tanaman, rumah hijau, jentera dan kelengkapan lain;
- e) mengawal rumpai, perosak dan penyakit dengan menggunakan racun herba dan racun perosak;
- f) mempromosi dan memasarkan produk, mengatur penjualan, pembelian dan pengangkutan hasilan dan bekalan, serta mengekalkan dan menilai rekod aktiviti ladang dan urus niaga;
- g) melatih pekerja di ladang, menyelia tugas penyelenggaraan, dan langkah-langkah kesihatan dan keselamatan; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6112)

6112-01	Penanam Pokok Renek
6112-02	Penanam Koko
6112-03	Penanam Teh
6112-04	Penanam Buah Delima

KUMPULAN UNIT 6113 PEKEBUN, PENANAM HORTIKULTUR DAN TAPAK SEMAIAN

Pekebun, Penanam Hortikultur dan Tapak Semaian merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam pokok bunga dan pokok lain, dan menghasilkan anak pokok, bebawang dan benih untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah sayur-sayuran, produk hortikultur, dan tapak semaian yang hendak ditanam;
- b) menjalankan operasi seperti penyediaan tanah, penyemaian, penanaman dan penuaian tanaman;
- c) menghasilkan anak pokok, bebawang dan benih;
- d) menanam pokok bunga, pokok, pokok renek dan pokok lain di taman atau di kebun bunga awam atau persendirian;
- e) menanam pokok untuk tujuan pameran atau perubatan;
- f) menjaga dan menyelenggara rumah hijau, jentera dan kelengkapan di tapak semaian;
- g) menghantar atau memasarkan produk;
- h) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan terhadap hasil tanaman; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6113)

6113-01	Pekebun
6113-02	Penanam Bunga
6113-03	Penanam Hortikultur
6113-04	Penanam Hidroponik

KUMPULAN UNIT 6114 PENANAM TANAMAN CAMPURAN

Penanam Tanaman Campuran merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam dan menuai tanaman campuran bagi tanaman ladang, sayur-sayuran ladang dan pokok renek, hasilan kebun, hortikultur dan tapak semaian untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah tanaman yang hendak ditanam;
- b) membeli benih, baja dan bekalan lain;
- c) menjalankan operasi ladang seperti penyediaan tanah, penyemaian, penanaman, penjagaan dan penuaian tanaman;
- d) menanam sayur-sayuran menggunakan teknik penanaman intensif dan menghasilkan anak pokok, bebawang dan benih;
- e) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan terhadap hasilan tanaman;
- f) mengawal rumpai, perosak dan penyakit dengan menggunakan racun herba dan racun perosak;
- g) mempromosi dan memasarkan produk, mengatur penjualan, pembelian dan pengangkutan hasilan dan bekalan, serta mengekalkan dan menilai rekod aktiviti ladang dan urus niaga;
- h) melatih pekerja di ladang, menyelia tugas penyelenggaraan dan langkah-langkah kesihatan dan keselamatan;
- i) menyelenggara bangunan, jentera dan kelengkapan lain;
- j) menghantar atau memasarkan produk; dan
- k) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6114)

6114-01	Penanam Tanaman Campuran
6114-02	Peladang Tanaman Campuran
6114-03	Pekerja Kemahiran Pertanian (tanaman campuran)

KUMPULAN UNIT 6115 PENANAM SAYUR-SAYURAN

Penanam Sayur-Sayuran merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam dan menuai pelbagai jenis tanaman sayuran untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah tanaman yang hendak ditanam;
- b) membeli benih, baja dan bekalan lain;
- c) menjalankan operasi ladang seperti penyediaan tanah, penyemaian, penanaman, penjagaan dan penuaian tanaman;
- d) menanam sayur-sayuran menggunakan teknik penanaman intensif dan menghasilkan anak pokok, bebawang, dan benih;
- e) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan terhadap hasil tanaman;
- f) menghantar atau memasarkan produk; dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6115)

6115-01	Penanam Sayur-Sayuran
6115-02	Penanam Sayuran Kekacang
6115-03	Pekebun Cili
6115-04	Penanam Kobis

KUMPULAN KECIL 612 PENGELUAR HAIWAN

Pengeluar Haiwan merancang dan melaksanakan operasi membiak dan menternak haiwan ternakan, ayam itik, serangga dan haiwan bukan-ternakan untuk pengeluaran daging, produk tenusu, madu, kulit, tekstil dan produk lain atau digunakan untuk bekerja, bersukan atau rekreasi untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 6121 PENGELUAR TERNAKAN DAN TENUSU
- 6122 PENGELUAR TERNAKAN AYAM ITIK
- 6123 PEMELIHARA LEBAH DAN ULAT SUTERA
- 6129 PENGELUAR HAIWAN DAN PEKERJA BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 6121 PENGELUAR TERNAKAN DAN TENUSU

Pengeluar Ternakan dan Tenusu merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk membiak baka, menternak dan menjaga ternakan seperti lembu, biri-biri, khinzir, kambing, kuda, anjing dan kucing sama ada yang digunakan untuk bekerja, bersukan atau haiwan peliharaan, serta untuk mendapatkan daging, susu, bulu, kulit dan produk lain untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- menentukan jenis dan jumlah ternakan dan produk ternakan yang hendak dihasilkan;
- membeli haiwan, mengeluarkan, dan membeli makanan ternakan dan bekalan lain;
- membiak baka, menternak dan menjaga ternakan;
- memerah susu;
- mengetam bulu haiwan untuk mendapatkan bulu;
- menyediakan haiwan atau produk haiwan untuk pasaran;
- menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan hasilan ternakan;
- menjalankan kerja berkaitan dengan pembiakan ternakan, seperti membiak baka, pernian beradas, dan membantu kelahiran haiwan;
- menyelenggara bangunan, jentera, dan kelengkapan ladang;
- menghantar atau memasarkan produk ladang; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6121)

6121-01	Pembiak baka Haiwan Ternakan
6121-02	Pembiak baka Haiwan Tenusu
6121-03	Pekerja Kemahiran Ladang Ternakan Campuran
6121-04	Pengeluar Haiwan Tenusu

KUMPULAN UNIT 6122 PENGELUAR TERNAKAN AYAM ITIK

Pengeluar Ternakan Ayam Itik merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk membiak baka, menternak, dan menjaga ayam itik untuk menghasilkan telur, daging, sarang atau bulu, dan stok ternakan untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- menentukan jenis dan jumlah ayam itik dan produk ayam itik yang hendak dihasilkan;
- memantau aktiviti pasaran, merancang dan menyelaraskan pengeluaran yang sewajarnya, serta mengekalkan dan menilai rekod aktiviti pertanian;
- memantau dan memeriksa ayam untuk mengesan penyakit, kecederaan atau jangkitan, dan untuk memeriksa keadaan fizikal seperti kadar berat badan, dan mengeluarkan ayam yang lemah, sakit dan mati dari kawanan;
- memberi vaksin ternakan melalui air minuman, suntikan atau debu udara;
- mengumpul, menyimpan, membungkus dan menghantar hasilan untuk dijual kepada pasaran;
- mengumpul, menyimpan dan membungkus telur untuk dijual di pasaran;
- menentukan jantina anak ayam dan memudahkan pembiakan, pernian beradas, dan penetasan telur;
- melatih dan menyelia pekerja tentang prosedur pengeluaran ayam, tugas penyelenggaraan, dan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan;
- menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan asas terhadap hasil ternakan;
- menghantar atau memasarkan produk ladang; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6122)

6122-01	Penternak Angsa
6122-02	Penternak Ayam
6122-03	Penternak Burung
6122-04	Penternak Itik

KUMPULAN UNIT 6123 PEMELIHARA LEBAH DAN ULAT SUTERA

Pemelihara Lebah dan Ulat Sutera menyusun dan melaksanakan operasi untuk membiak, menternak dan menjaga serangga seperti lebah madu, ulat sutera, dan spesies lain untuk menghasilkan madu, *beeswax*, sutera dan produk lain untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) memantau aktiviti pasaran, merancang dan menyelaraskan pengeluaran yang sewajarnya, memantau aktiviti pasaran mengikut peraturan, menentukan jenis dan jumlah produk serangga untuk menghasilkan, merancang dan menyelaraskan pengeluaran yang sewajarnya;
- b) membeli serangga dan menternak atau membeli makanan dan bekalan lain;
- c) membiak, meningkatkan dan menjaga serangga, dan mengumpul hasilan;
- d) mengatur penjualan, pembelian dan pengangkutan stok; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6123)

6123-01	Pemelihara Lebah
6123-02	Penternak Lebah Madu
6123-03	Pekerja Pemeliharaan Lebah
6123-04	Penternak Kelulut

KUMPULAN UNIT 6129 PENGELUAR HAIWAN DAN PEKERJA BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pengeluar Haiwan dan Pekerja Berkaitan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 612: Pengeluar Haiwan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pemvaksin, pekerja inkubator, penternak ular dan penternak buaya.

Tugas merangkumi:

- a) membeli atau menyediakan bangunan, ruang terbuka atau tertutup, kelengkapan dan sebagainya yang perlu dan menyelenggaranya;
- b) menentukan jenis dan jumlah haiwan yang hendak diternak;
- c) membiak baka, menternak, memberi makan dan menjaga haiwan;
- d) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan terhadap hasil; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6129)

6129-01	Pemvaksin
6129-02	Pekerja Inkubator
6129-03	Penternak Ular
6129-04	Penternak Buaya

KUMPULAN KECIL 613 PENGELUAR TANAMAN DAN HAIWAN CAMPURAN

Pengeluar Tanaman dan Haiwan Campuran merancang dan menjalankan operasi perladangan campuran yang mengeluarkan tanaman dan haiwan serta produk yang berkaitan untuk penghantaran atau jualan, secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

6131 PENGELUAR TANAMAN DAN HAIWAN CAMPURAN

KUMPULAN UNIT 6131 PENGELUAR TANAMAN DAN HAIWAN CAMPURAN

Pengeluar Tanaman dan Haiwan Campuran merancang dan menjalankan operasi perladangan campuran yang mengeluarkan tanaman dan haiwan serta produk yang berkaitan untuk penghantaran atau jualan atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah tanaman yang hendak ditanam;
- b) mengawal rumpai, perosak dan penyakit dengan menggunakan racun herba dan racun perosak
- c) membeli benih, baja dan bekalan lain;
- d) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan terhadap hasilan ladang;
- e) menjalankan operasi seperti penyediaan tanah, penyemaian, penanaman, penggemburan, dan penuaian tanaman;
- f) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan terhadap hasilan ladang;
- g) menentukan jenis, jumlah ternakan dan produk ternakan yang hendak dihasilkan;
- h) menyelenggara, jentera dan kelengkapan lain di ladang;
- i) menghantar atau memasarkan produk ladang; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6131)

6131-01	Peladang Hasil Campuran (Tanaman dan Penternakan)
6131-02	Penternak (Ternakan Campuran)
6131-03	Pekerja Kemahiran Ladang (Ternakan Campuran)

SUB-UTAMA 62 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN, PERIKANAN, DAN PERBURUAN BERORIENTASIKAN PASARAN

Pekerja Kemahiran Perhutanan, Perikanan, dan Perburuan Berorientasikan Pasaran merancang, mengatur dan melaksanakan operasi untuk menanam, memulihara dan menggunakan hasil hutan semula jadi dan perladangan, membiak baka dan menternak ikan, menuai dan menangkap ikan, dan memburu dan memerangkap haiwan untuk jualan atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasaran.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 621 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN DAN YANG BERKAITAN
- 622 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN, PEMBURU DAN PENJERAT

KUMPULAN KECIL 621 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN DAN YANG BERKAITAN

Pekerja Kemahiran Perhutanan dan yang Berkaitan merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam, memulihara, dan menggunakan hasil hutan untuk jualan atau penghantaran produk perhutanan secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

6211 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN DAN YANG BERKAITAN

KUMPULAN UNIT 6211 PEKERJA KEMAHIRAN PERHUTANAN DAN YANG BERKAITAN

Pekerja Kemahiran Perhutanan dan yang Berkaitan menjalankan operasi yang perlu untuk menanam, memulihara, dan menggunakan hasil hutan untuk jualan atau penghantaran produk perhutanan secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan dan menjaga kawasan hutan;
- b) mengenal pasti pokok untuk ditebang dan menganggarkan jumlah kayu;
- c) memangkas, mencantas dan menebang pokok, dan menggergajinya menjadi balak;
- d) membentuk produk kayu yang kasar daripada balak di tapak penebangan;
- e) mengged balak;
- f) bertanggungjawab mengawas kerja-kerja pembalakan, menyediakan kaji selidik blok, garisan grid, ukuran, rupa bentuk muka bumi, dan banciaan pokok-pokok;
- g) bertanggungjawab mengajar pelatih-pelatih cara mengendali dan menyelenggara jentera berat dalam pembalakan, teknik membina jalan-jalan balak dan menarik balak dari hutan;
- h) mengawalselia kerja-kerja pembangunan hutan, operasi, penguatkuasaan kilang dan pencerobohan hutan rekreasi; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6211)

6211-01	Pengawas Hutan Gred G19
6211-02	Pembalak
6211-03	Penebang Pokok Hutan
6211-04	Juruarah Balak

KUMPULAN KECIL 622 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN, PEMBURU DAN PENJERAT

Pekerja Kemahiran Perikanan, Pemburu dan Penjerat menangkap, membiak baka, dan memelihara ikan dan jenis hidupan akuatik yang lain, atau memburu dan menjerat haiwan untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 6221 PENGELUAR PERIKANAN DAN AKUAKULTUR
- 6222 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN PERAIRAN PEDALAMAN DAN PANTAI
- 6223 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN LAUT DALAM
- 6224 PEMBURU DAN PENJERAT

KUMPULAN UNIT 6221 PENGELUAR PERIKANAN DAN AKUAKULTUR

Pengeluar Perikanan dan Akuakultur merancang dan menjalankan operasi yang perlu untuk membiak dan memelihara ikan, kupang, tiram dan lain-lain bentuk hidupan akuatik dan menghasilkan pengeluaran produk laut seperti bebola, keropok, otak-otak, kulit cengkerang, gamat, produk hidupan laut kering dan penternakan ikan hiasan untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) merancang dan menguruskan operasi penetasan dengan mengambil kira faktor persekitaran dan pasaran;
- b) membiak baka, memelihara dan menjaga ternakan ikan dan mengumpul hasilnya;
- c) mengawasi dan menjaga kualiti air untuk mengekalkan standard kesihatan dan keadaan pertumbuhan yang optimum;
- d) mengenal pasti dan mengawal toksin dan penyakit alam sekitar;
- e) mengarah dan menyelia penangkapan, pengedaran, dan pembungkusan ikan, udang, tiram, dan stok akuatik yang lain;
- f) menyediakan ikan dan produk lain untuk penghantaran;
- g) membersihkan, menyejukbeku, mengasin, atau menggaram produk akuatik;
- h) menyelenggara kolam, sangkar, suhu air dan kelengkapan;
- i) menghantar atau memasarkan produk; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6221)

6221-01	Penternak Ternakan Air
6221-02	Penternak Perikanan
6221-03	Pemelihara Mutiara
6221-04	Pekerja Kemahiran Ladang Ikan

KUMPULAN UNIT 6222 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN PERAIRAN PEDALAMAN DAN PANTAI

Pekerja Kemahiran Perikanan Perairan Pedalaman dan Pantai bekerja berseorangan atau sebagai anak kapal di dalam bot nelayan, menangkap ikan, atau memungut hidupan akuatik yang lain di perairan pedalaman atau pantai untuk jualan atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dan membaiki jala dan peralatan serta kelengkapan menangkap ikan yang lain;
- b) mengendali dan menyelenggara bot nelayan semasa pergi atau balik atau semasa berada di kawasan menangkap ikan;
- c) meletakkan umpan, memasang, dan menarik peralatan menangkap ikan;
- d) memungut pelbagai jenis hidupan akuatik di pantai dan air cetek;
- e) membersihkan, menyejukbeku, atau mengasinkan hasil tangkapan;
- f) menyelam untuk mengambil tiram yang digunakan untuk pemeliharaan mutiara halus;
- g) menghantar atau memasarkan produk; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6222)

6222-01	Pekerja Perikanan, Kelong
6222-02	Pekerja Perikanan, Pedalaman
6222-03	Pekerja Perikanan, Pantai
6222-04	Penyelam Mutiara

KUMPULAN UNIT 6223 PEKERJA KEMAHIRAN PERIKANAN LAUT DALAM

Pekerja Kemahiran Perikanan Laut Dalam sebagai anak kapal di dalam bot nelayan dan menangkap ikan laut dalam untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- menyedia dan membaiki pukat dan peralatan serta kelengkapan menangkap ikan yang lain;
- mengendali dan menyelenggara bot nelayan semasa pergi dan balik dan semasa berada di kawasan menangkap ikan;
- meletakkan umpan, memasang, dan menarik peralatan menangkap ikan;
- membersih, menyejuk beku, mengasin, atau menggaram hasil tangkapan semasa di darat atau di tengah laut;
- menghantar atau memasarkan hasil tangkapan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6223)

6223-01	Pekerja Perikanan Laut Dalam
6223-02	Nelayan (laut dalam)
6223-03	Anak Kapal Pukat Tunda
6223-04	Kapten Perikanan (laut dalam)

KUMPULAN UNIT 6224 PEMBURU DAN PENJERAT

Pemburu dan Penjerat menangkap dan membunuh mamalia, burung atau reptilia terutamanya untuk mendapatkan daging, kulit, bulu, dan produk lain untuk jualan, atau penghantaran secara tetap kepada pemborong, organisasi pemasaran atau di pasar.

Tugas merangkumi:

- menentukan jenis mamalia, burung atau reptilia yang hendak diburu atau dijerat;
- memasang jerat untuk menangkap mamalia, burung atau reptilia;
- membunuh mamalia, burung atau reptilia yang dijerat atau yang bebas dengan senjata api atau senjata lain;
- menguliti dan memproses mamalia, burung atau reptilia yang dibunuh bagi mendapatkan produk yang dikehendaki untuk jualan atau penghantaran;
- menghantar atau menjual mamalia, burung atau reptilia hidup yang dijerat;
- membaiki dan menyelenggara kelengkapan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6224)

6224-01	Pemburu
6224-02	Penjerat

SUB-UTAMA 63 PELADANG, NELAYAN, PEMBURU, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI

Peladang, Nelayan, Pemburu, dan Pemungut Berorientasikan Sara Diri menanam dan menuai hasil ladang atau pokok dan pokok renek, sayuran dan buah-buahan, dan memungut buah-buahan hutan, pokok herba dan pokok lain, memburu atau menjerat haiwan, menangkap ikan dan memungut pelbagai jenis hidupan akuatik bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 631 PELADANG TANAMAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI**
- 632 PELADANG TERNAKAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI**
- 633 PELADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI**
- 634 NELAYAN, PEMBURU, PENJERAT, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI**

KUMPULAN KECIL 631 PELADANG TANAMAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

Peladang Tanaman Berorientasikan Sara Diri menanam dan menuai hasil ladang atau pokok dan pokok renek, sayuran dan buah-buahan bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

6311 PELADANG TANAMAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

KUMPULAN UNIT 6311 PELADANG TANAMAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

Peladang Tanaman Berorientasikan Sara Diri menanam dan menuai hasil ladang atau pokok dan pokok renek, sayuran dan buah-buahan bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah tanaman yang hendak ditanam;
- b) membeli benih, baja, dan bekalan lain;
- c) menjalankan operasi seperti penyediaan tanah, penyemaian, penanaman, penggemburan, dan penuaian tanaman;
- d) menanam sayuran, buah-buahan dan pokok renek, dan pokok lain;
- e) menjual sebahagian hasil di pasaran dalaman; dan
- f) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6311)

6311-01 Penanam Tanaman Sara Diri

KUMPULAN KECIL 632 PELADANG TERNAKAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

Peladang Ternakan Berorientasikan Sara Diri membiak baka, menternak, dan menjaga ternakan bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

6321 PELADANG TERNAKAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

KUMPULAN UNIT 6321 PELADANG TERNAKAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

Peladang Ternakan Berorientasikan Sara Diri membiak baka, menternak, dan menjaga ternakan bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah ternakan dan produk ternakan yang hendak dihasilkan;
- b) membeli haiwan, mengeluarkan, dan membeli makanan haiwan dan bekalan lain;
- c) membiak baka, menternak, dan menjaga ternakan;
- d) pemerah susu, menyembelih dan menguliti haiwan, dan menyediakan haiwan atau produk haiwan untuk pasaran;
- e) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan asas terhadap hasil ternakan;
- f) menghantar atau memasarkan produk ladang; dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6321)

6321-01 Peladang Ternakan Sara Diri

KUMPULAN KECIL 633 PELADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

Peladang Tanaman dan Ternakan Campuran Berorientasikan Sara Diri menanam dan menuai tanaman ladang, pokok, dan pelbagai tanaman campuran, sayuran dan buah-buahan hutan, herba dan pokok lain, memburu atau menangkap haiwan atau menangkap ikan serta memungut pelbagai jenis hidupan akuatik bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

6331 PELADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

KUMPULAN UNIT 6331 PELADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN BERORIENTASIKAN SARA DIRI

Peladang Tanaman dan Ternakan Campuran Berorientasikan Sara Diri menanam dan menuai tanaman ladang, pokok, dan pelbagai tanaman campuran, sayuran dan buah-buahan hutan, herba dan pokok lain, memburu atau menangkap haiwan, atau menangkap ikan dan memungut pelbagai jenis hidupan akuatik bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Tugas merangkumi:

- a) menentukan jenis dan jumlah ternakan dan produk ternakan yang hendak dihasilkan, dan jumlah tanaman yang hendak ditanam;
- b) membeli haiwan, mengeluarkan, dan membeli makanan binatang dan bekalan lain;
- c) membeli benih, baja dan bekalan lain;
- d) menjalankan operasi seperti penyediaan tanah, penyemaian, penanaman, penggemburan, dan penuaian tanaman;
- e) membiak baka, menternak, dan menjaga ternakan;
- f) memerah susu, menyembelih dan menguliti haiwan, menyediakan haiwan atau produk haiwan untuk pasaran;
- g) menyimpan dan menjalankan beberapa pemprosesan asas terhadap hasil tanaman dan ternakan;
- h) menghantar atau memasarkan produk ladang;
- i) menjual sebahagian produk di pasaran dalaman; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6331)

6331-01	Peladang Tanaman dan Ternakan Campuran Sara Diri
6331-02	Penternak, Campuran dan Sara Diri
6331-03	Pekerja Ladang, Kemahiran (Perladangan Sara Diri)

KUMPULAN KECIL 634 NELAYAN, PEMBURU, PENJERAT, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI

Nelayan, Pemburu, Penjerat, dan Pemungut Berorientasikan Sara Diri memungut buah-buahan hutan, herba dan pokok lain, atau memungut hasilan lain, memburu dan menjerat haiwan, menangkap ikan serta memungut pelbagai hidupan akuatik bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

6341 NELAYAN, PEMBURU, PENJERAT, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI

KUMPULAN UNIT 6341 NELAYAN, PEMBURU, PENJERAT, DAN PEMUNGUT BERORIENTASIKAN SARA DIRI


Nelayan, Pemburu, Penjerat dan Pemungut Berorientasikan Sara Diri memungut buah-buahan hutan, herba dan pokok lain, memungut hasilan lain, memburu dan menjerat haiwan, menangkap ikan serta memungut pelbagai hidupan akuatik bagi tujuan mendapatkan makanan, tempat tinggal dan pendapatan yang minimum untuk diri sendiri dan isi rumah.

Tugas merangkumi:

- a) memungut buah-buahan hutan, akar, herba dan pokok lain;
- b) memburu atau menjerat haiwan terutama untuk mendapatkan daging, susu, bulu, kulit atau produk lain;
- c) menangkap ikan dan memungut pelbagai hidupan akuatik lain;
- d) memungut dan mengutip pelbagai hasilan lain;
- e) menjual hasilan yang dipungut dan menyediakannya untuk pasaran dalaman; dan
- f) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 6341)

6341-01	Pengutip Petai
6341-02	Pengutip Damar
6341-03	Pemungut Kerang-Kerangan
6341-04	Pengutip Sarang Burung



KUMPULAN 7
PEKERJA
KEMAHIRAN DAN
PEKERJA
PERTUKANGAN
YANG BERKAITAN

PEKERJA KEMAHIRAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

7

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

71 PEKERJA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN (TIDAK TERMASUK JURUELEKTRIK)

711 PEKERJA KERANGKA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

- 7111 PEMBINA RUMAH DAN PEKERJA BINAAN
- 7112 PENERAP BATA DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7113 TUKANG BATU, PEMOTONG BATU, PEMECAH BATU, DAN PENGUKIR BATU
- 7114 TUKANG LETAK KONKRIT, PENGEMAS KONKRIT, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7115 TUKANG KAYU DAN TUKANG TANGGAM
- 7119 PEKERJA KERANGKA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

712 PEKERJA PENYIAP BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

- 7121 PEMASANG BUMBUNG
- 7122 PENURAP LANTAI DAN PENGATUR JUBIN
- 7123 TUKANG PLASTER
- 7124 TUKANG PENEBATAN
- 7125 TUKANG KACA
- 7126 TUKANG PAIP DAN JURUGEGAS PAIP
- 7127 MEKANIK PENYAMAN UDARA DAN PENYEJUKAN

713 TUKANG CAT, PENCUCI STRUKTUR BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

- 7131 TUKANG CAT DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7132 TUKANG SEMBUR CAT DAN VARNIS
- 7133 PENCUCI STRUKTUR BANGUNAN

72 PEKERJA LOGAM, JENTERA, DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

721 PEKERJA PEMBUAT ACUAN, PENGIMPAL LOGAM KEPINGAN DAN STRUKTUR, DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

- 7211 PEMBUAT ACUAN DAN PEMBUAT TERAS LOGAM
- 7212 PENGIMPAL DAN PEMOTONG BESI
- 7213 PEKERJA KEPINGAN LOGAM
- 7214 PENYEDIA DAN PENEGAK LOGAM STRUKTUR
- 7215 JURUTALI DAN PENYAMBUNG KABEL

722 TUKANG BESI, PEMBUAT PERALATAN, DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

- 7221 TUKANG BESI, TUKANG TUKUL, DAN PEKERJA MESIN PENEMPA LOGAM
- 7222 PEMBUAT PERALATAN DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7223 PENGESET DAN PENGENDALI PERALATAN UNTUK MESIN KERJA LOGAM
- 7224 PENGGILAP LOGAM, PENCANAI RODA, DAN PENGASAH PERALATAN

723 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA

- 7231 MEKANIK DAN PEMBAIK KENDERAAN BERMOTOR
- 7232 MEKANIK DAN PEMBAIK ENJIN PESAWAT UDARA
- 7233 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN
- 7234 PEMBAIK BASIKAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7239 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

73 PEKERJA KRAFTANGAN DAN PENCETAKAN**731 PEKERJA KRAFTANGAN**

- 7311 PEMBUAT DAN PEMBAIK PERALATAN JITU
- 7312 PEMBUAT DAN PENALA ALAT MUZIK
- 7313 PEKERJA BARANG KEMAS DAN LOGAM BERTAMBAH NILAI
- 7314 TUKANG TEMBIKAR DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7315 PEMBUAT, PEMOTONG, PENCANAI, DAN PENGEMAS KACA
- 7316 PENULIS PAPAN TANDA, PELUKIS HIASAN, PENGUKIR, DAN PENGGORES
- 7317 PEKERJA KRAFTANGAN KAYU, BAKUL DAN BAHAN YANG BERKAITAN
- 7318 PEKERJA KRAFTANGAN TEKSTIL, BARANGAN KULIT DAN BAHAN YANG BERKAITAN
- 7319 PEKERJA KRAFTANGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

732 PEKERJA PERTUKANGAN PENCETAKAN

- 7321 PEKERJA PRAPENCETAKAN
- 7322 PENCETAK
- 7323 PEKERJA KEMASAN AKHIR DAN PENJILID PENCETAKAN
- 7324 PENGUKIR DAN PENGGORES PENCETAKAN DAN FOTO

74 PEKERJA PERTUKANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK**741 PEMASANG DAN PEMBAIK KELENGKAPAN ELEKTRIK**

- 7411 JURUELEKTRIK BANGUNAN DAN YANG BERKAITAN
- 7412 MEKANIK DAN JURUGEGAS ELEKTRIK
- 7413 PEMASANG DAN PEMBAIK TALIAN ELEKTRIK

742 PEMASANG DAN PEMBAIK ELEKTRONIK DAN TELEKOMUNIKASI

- 7421 MEKANIK DAN PENSERVIS ELEKTRONIK
- 7422 PEMASANG DAN PENSERVIS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

75 PEKERJA PEMROSESAN MAKANAN DAN YANG BERKAITAN**751 PEKERJA PEMROSESAN MAKANAN DAN YANG BERKAITAN**

- 7511 PEKERJA PEMROSESAN DAGING, IKAN, DAN PENYEDIA MAKANAN YANG BERKAITAN
- 7512 PEMBUAT ROTI, PASTRI, PASTA, DAN KONFEKSI
- 7513 PEMBUAT PRODUK TENUSU
- 7514 PENGAWET BUAH-BUAHAN, SAYUR-SAYURAN DAN YANG BERKAITAN
- 7515 PERASA DAN PENGGRED MAKANAN DAN MINUMAN
- 7516 PENYEDIA TEMBAKAU DAN PEMBUAT PRODUK TEMBAKAU

76 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN**761 PERAWAT KAYU, PEMBUAT KABINET DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN**

- 7611 PERAWAT KAYU
- 7612 PEMBUAT KABINET DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7613 PENGESET DAN PENGENDALI PERKAKAS MESIN UNTUK KERJA KAYU


762 PEMBUAT PAKAIAN DAN YANG BERKAITAN

- 7621 TUKANG JAHIT, PENJAHIT PAKAIAN, PENJAHIT PAKAIAN BULU, DAN PEMBUAT TOPI
- 7622 PEMBUAT-POLA DAN PEMOTONG PAKAIAN DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN
- 7623 PEMBUAT KASUT DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7624 PEKERJA UPHOLSTERI DAN YANG BERKAITAN
- 7625 PENGEMAS KULIT BULU, PENYAMAK KULIT BINATANG, DAN PENYEDIA BELULANG

763 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN DAN YANG BERKAITAN

- 7631 PENYELAM DALAM AIR
- 7632 PEMBEDIL DAN PEMBAGAS
- 7633 PENGGRED DAN PENGUJI PRODUK (TIDAK TERMASUK MAKANAN DAN MINUMAN)
- 7634 PENGASAP DAN PENGAWAL PEROSAK DAN RUMPAI
- 7639 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN DAN YANG BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

PEKERJA KEMAHIRAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN



71 PEKERJA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN (TIDAK TERMASUK JURUELEKTRIK)

72 PEKERJA LOGAM, JENTERA DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

73 PEKERJA KRAFTANGAN DAN PENCETAKAN

74 PEKERJA PERTUKANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

75 PEKERJA PEMROSESAN MAKANAN DAN YANG BERKAITAN

76 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN

PEKERJA KEMAHIRAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

Deskripsi

Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang perlombongan dan pembinaan, penempaan logam, dan mendirikan struktur logam; membuat, melaras, menyelenggara dan membaiki pulih jentera, kelengkapan atau peralatan; menjalankan kerja pencetakan; dan mengeluarkan atau memproses barang makanan, tekstil atau kayu, logam dan barangan lain termasuk barang kraftangan.

Kerja tersebut dijalankan dengan tangan atau peralatan yang menggunakan tangan dan peralatan lain yang digunakan untuk mengurangkan penggunaan tenaga fizikal serta masa yang diperlukan untuk tugas tertentu, dan juga untuk meningkatkan kualiti produk. Tugas itu memerlukan pemahaman dalam semua peringkat proses pengeluaran, bahan dan peralatan yang digunakan, serta jenis dan tujuan produk akhir.

Tahap Kemahiran

Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran tahap kedua.

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 71 PEKERJA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN (TIDAK TERMASUK JURUELEKTRIK)
- 72 PEKERJA LOGAM, JENTERA, DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN
- 73 PEKERJA KRAFTANGAN DAN PENCETAKAN
- 74 PEKERJA PERTUKANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
- 75 PEKERJA PEMROSESAN MAKANAN DAN YANG BERKAITAN
- 76 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN

SUB-UTAMA 71 PEKERJA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN (TIDAK TERMASUK JURUELEKTRIK)

Pekerja Bangunan dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan (Tidak Termasuk Juruelektrik) membina, menyelenggara dan membaiki pulih bangunan, mendirikan dan membaiki pulih asas bangunan, dinding, dan struktur daripada bata, batu dan bahan yang serupa, dan membentuk serta mengemas batu untuk mendirikan bangunan dan untuk tujuan lain.

Kerja tersebut dijalankan dengan tangan atau peralatan yang menggunakan tangan dan peralatan lain untuk mengurangkan penggunaan tenaga fizikal dan masa yang diperlukan untuk tugas tertentu, dan juga untuk meningkatkan kualiti produk. Tugas itu memerlukan pemahaman dalam organisasi kerja, bahan dan peralatan yang digunakan, serta jenis dan tujuan produk akhir.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 711 PEKERJA KERANGKA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN
- 712 PEKERJA PENYIAP BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN
- 713 TUKANG CAT, PENCUCI STRUKTUR BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

KUMPULAN KECIL 711 PEKERJA KERANGKA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

Pekerja Kerangka Bangunan dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan membina, menyelenggara dan membaiki pulih bangunan, mendirikan dan membaiki pulih asas bangunan, dinding, dan struktur daripada bata, batu dan bahan yang serupa, dan membentuk serta mengemas batu untuk mendirikan bangunan dan untuk tujuan lain, serta menjalankan pelbagai tugas pembinaan dan penyelenggaraan bangunan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 7111 PEMBINA RUMAH DAN PEKERJA BINAAN
- 7112 PENERAP BATA DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7113 TUKANG BATU, PEMOTONG BATU, PEMECAH BATU, DAN PENGUKIR BATU
- 7114 TUKANG LETAK KONKRIT, PENGEMAS KONKRIT, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7115 TUKANG KAYU DAN TUKANG TANGGAM

7119 PEKERJA KERANGKA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**KUMPULAN UNIT 7111 PEMBINA RUMAH DAN PEKERJA BINAAN**

Pembina Rumah dan Pekerja Binaan mendirikan, menyelenggara, dan membaiki pulih rumah dan bangunan kecil yang seumpamanya sama ada dengan menggunakan teknik dan bahan tradisional atau moden.

Tugas merangkumi:

- menyediakan asas untuk mendirikan bangunan atau struktur lain;
- mendirikan struktur untuk menyokong bumbung dan bangunan, dan menutup dinding dengan bahan yang sesuai;
- memasang kasau pada bumbung dan menutupnya dengan bahan bumbung;
- meratakan lantai supaya licin dan dapat digunakan;
- menyelenggara dan membaiki pulih struktur sedia ada;
- mengatur kerja khusus seperti penerapan bata, mengecat, kerja paip, dan pendawaian elektrik yang akan dijalankan oleh subkontraktor; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7111)

7111-01	Pembina Rumah
7111-02	Pekerja Penyelenggaraan Bangunan
7111-03	Tukang Perancah
7111-04	Pekerja Kerangka Bangunan

KUMPULAN UNIT 7112 PENERAP BATA DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Penerap Bata dan Pekerja yang Berkaitan menerap bata, batu yang telah dipotong, dan blok binaan lain untuk membina dan membaiki pulih dinding, sesekat, gerbang, dan struktur lain.

Tugas merangkumi:

- menerap batu, bata dan blok binaan yang serupa untuk membina atau membaiki pulih dinding, sesekat, pendiang, dan struktur lain seperti cerobong asap, relau, penukar, tanur dan ketuhar, tembok dan penampan;
- menerap batu untuk lorong, susur jalan dan laluan jalan kaki;
- menerap bata atau batu lain untuk membina laman dalam, dinding taman, dan pemasangan hiasan yang lain; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7112)

7112-01	Penerap Bata
7112-02	Penerap Bata Tanah
7112-03	Pengatur Bebendul Jalan
7112-04	Pekerja Binaan Bata

KUMPULAN UNIT 7113 TUKANG BATU, PEMOTONG BATU, PEMECAH BATU, DAN PENGUKIR BATU

Tukang Batu, Pemotong Batu, Pemecah Batu, dan Pengukir Batu memotong dan membentuk blok batu keras dan lembut serta bidur untuk pembinaan dan penyelenggaraan struktur batu dan batu monumen, serta mengukir corak dan rajah pada batu.

Tugas merangkumi:

- membawa baji ke kawasan batu kuari untuk memecahkannya menjadi bidur atau blok;
- memilih dan menggred bidur dan blok daripada granit, marmar, dan batu lain;
- memotong, membentuk, dan mengemaskan batu bangunan dan monumen seperti granit atau marmar dengan menggunakan tangan atau peralatan yang menggunakan tangan;
- membuat corak dan menandakan bentuk pada batu untuk digergaji, diketam, digerudi, dan membuat kemasan dan pemotongan yang lain;
- memotong dan mengukir huruf, rajah, atau corak pada blok batu yang digunakan untuk monumen atau tanda peringatan;
- mengatur batu dalam mendirikan monumen dan tanda peringatan;
- menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing);

- h) membaiki pulih dan menggantikan batu pada bangunan lama, gereja dan monumen; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 7113)

7113-01	Pemecah Batu
7113-02	Pekerja Pelarik Batu
7113-03	Pemotong Batu
7113-04	Penggergaji Batu

KUMPULAN UNIT 7114 TUKANG LETAK KONKRIT, PENGEMAS KONKRIT, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Tukang Letak Konkrit, Pengemas Konkrit, dan Pekerja yang Berkaitan mendirikan rangka dan struktur konkrit bertetulang, membuat bentuk untuk membuat acuan konkrit, mengukuhkan permukaan konkrit, menyimen bukaan pada dinding atau selongsong telaga, mengemas serta membaiki pulih permukaan simen, dan menjalankan kerja terazo.

Tugas merangkumi:

- a) membina dan membaiki pulih lantai, dinding, tangki, silo konkrit tetulang, dan struktur konkrit yang lain;
- b) membuat penutup atau memasang bentuk pasang siap untuk membuat acuan konkrit;
- c) menyimen bukaan pada dinding atau selongsong telaga;
- d) mengemas dan meratakan permukaan struktur konkrit;
- e) meletakkan bahan permukaan yang tahan lasak dan licin yang mengandungi simen, pigmen pasir dan serpihan marmar pada lantai yang dikenali sebagai siapan terazo; dan
- f) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 7114)

7114-01	Pekerja Konkrit Bertetulang
7114-02	Pekerja Penutup Acuan Konkrit
7114-03	Pekerja Penutup Konkrit
7114-04	Pekerja Besi Bertetulang

KUMPULAN UNIT 7115 TUKANG KAYU DAN TUKANG TANGGAM

Tukang Kayu dan Tukang Tanggam memotong, membentuk, mencantumkan, mendirikan, menyelenggara, dan membaiki pulih pelbagai jenis struktur kayu dan pemasangan kayu.

Tugas merangkumi:

- a) membuat, mengubah suai, dan membaiki pulih kerja kayu berstruktur dan kerja kayu yang lain di meja kerja dan di tapak pembinaan;
- b) melaraskan, mencantum, dan mengubah suai lekapan pada bahagian dalam dan luar bangunan seperti dinding, pintu, bingkai pintu dan tingkap serta lapik dan panel;
- c) membuat, membaiki pulih, dan melaraskan props untuk persembahan teater, produksi wayang gambar atau televisyen;
- d) membina, mencantum, mengubah suai, dan membaiki pulih lekapan dan pemasangan kayu di dalam gerabak kereta api, pesawat udara, kapal, bot, pelampung, dan kenderaan lain;
- e) bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing); dan
- f) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 7115)

7115-01	Tukang Kayu
7115-02	Tukang Kayu Pembinaan
7115-03	Tukang Tanggam Pembinaan
7115-04	Tukang Tanggam Kapal

KUMPULAN UNIT 7119 PEKERJA KERANGKA BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Kerangka Bangunan dan Pekerja Pertukangan Berkaitan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 711: Pekerja Kerangka Bangunan dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk tukang pasang longkang, pekerja peruntuhan, pemasang papan iklan dan tukang menara.

Tugas merangkumi:

- menjalankan pelbagai kerja pembinaan dan penyelenggaraan pada struktur bangunan seperti bangunan pejabat, pangsapuri, kilang, dan bangunan lain yang seumpamanya supaya berada dalam keadaan baik;
- mendirikan perancah logam atau kayu sementara di tapak pembinaan;
- meruntuhkan bangunan dan struktur lain; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini; (rujuk indeks: kumpulan unit 7119)

7119-01	Tukang Pasang Longkang
7119-02	Pekerja Peruntuhan
7119-03	Pemasang Papan Iklan
7119-04	Tukang Menara

KUMPULAN KECIL 712 PEKERJA PENYIAP BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

Pekerja Penyiap Bangunan dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan menutup, menggunakan atau memasang, menyelenggara dan membaiki pulih bumbung, lantai, dinding, sistem penebatan, cermin pada tingkap atau bingkai lain, dan juga kerja paip, sistem paip dan elektrik di dalam bangunan dan struktur lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 7121 PEMASANG BUMBUNG**
- 7122 PENURAP LANTAI DAN PENGATUR JUBIN**
- 7123 TUKANG PLASTER**
- 7124 TUKANG PENEBATAN**
- 7125 TUKANG KACA**
- 7126 TUKANG PAIP DAN JURUGEGAS PAIP**
- 7127 MEKANIK PENYAMAN UDARA DAN PENYEJUKAN**

KUMPULAN UNIT 7121 PEMASANG BUMBUNG

Pemasang Bumbung membina dan membaiki pulih bumbung pada semua jenis bangunan dengan menggunakan satu jenis bahan atau lebih.

Tugas merangkumi:

- mengkaji lukisan, spesifikasi, dan tapak pembinaan untuk menentukan bahan yang diperlukan;
- menutup rangka bumbung dengan genting dan jubin pasang siap untuk menutup bumbung curam;
- menyusun pelindung kalis air dan memasang bahan logam atau sintetik pada rangka bangunan;
- menentukan saiz dan memotong bahan bumbung supaya sepadan dengan bucu tepi dan bonjol seperti serombong;
- menggunakan bahan semula jadi seperti jerami sebagai penutup bumbung;
- menyediakan struktur sementara seperti perancah dan tangga; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini; (rujuk indeks: kumpulan unit 7121)

7121-01	Pemasang Bumbung
7121-02	Pemasang Bumbung, Jerami
7121-03	Pemasang Bumbung, Asphalt
7121-04	Pemasang Bumbung, Asbestos

KUMPULAN UNIT 7122 PENURAP LANTAI DAN PENGATUR JUBIN

Penurap Lantai dan Pengatur Jubin memasang, menyelenggara, membaiki pulih dan menurap lantai, dinding, dan permukaan lain dengan jubin atau panel mozek untuk hiasan atau tujuan lain.

Tugas merangkumi:

- menyediakan permukaan lantai untuk diturap dengan pelbagai bahan;
- mencantumkan permaidani, jubin atau bahan lain, dan menurapnya pada lantai mengikut corak dan spesifikasi lain;
- menyediakan kawasan dinding untuk diturap dengan jubin atau bahan lain untuk hiasan atau untuk tujuan lain;

- d) mengatur jubin, membuat dan menurap panel mozek pada dinding, lantai, dan permukaan lain; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7122)

7122-01	Pemasang Jubin
7122-02	Pengatur Jubin
7122-03	Pengatur Marmar
7122-04	Pemasang Parket

KUMPULAN UNIT 7123 TUKANG PLASTER

Tukang Plaster memasang, menyelenggara, dan membaik pulih papan lepa pada bangunan, dan meletakkan lapisan perhiasan dan perlindungan daripada plaster, simen, dan bahan yang seumpamanya pada bahagian dalam dan luar struktur.

Tugas merangkumi:

- a) membuat satu atau lebih lapisan plaster pada dinding dan siling di dalam bangunan untuk menghasilkan permukaan siap;
- b) mengukur, menandakan, dan memasang panel plaster hiasan serta menuang dan merapikan birai hias plaster hiasan;
- c) meletakkan lapisan penutup perlindungan dan hiasan daripada simen, plaster, dan bahan yang seumpamanya pada permukaan luar bangunan;
- d) membuat dan memasang lekapan plaster hiasan daripada plaster gentian; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7123)

7123-01	Tukang Plaster
7123-02	Tukang Plaster, Stucco
7123-03	Tukang Plaster, Gentian
7123-04	Tukang Plaster, Hiasan

KUMPULAN UNIT 7124 TUKANG PENEBATAN

Tukang Penebatan meletakkan dan membaik pulih bahan penebat pada bangunan, dandang, paip, atau kelengkapan penyejukan dan penghawa dingin.

Tugas merangkumi:

- a) memotong bahan penebat mengikut saiz dan bentuk;
- b) memasang bidur dan kepingan daripada bahan penebat atau bahan penyerap bunyi pada dinding, lantai dan siling bangunan;
- c) meniup dan membungkus bahan penebat atau bahan penyerap bunyi ke dalam lubang antara dinding, lantai dan siling bangunan dengan menggunakan mesin pacuan kuasa;
- d) memeriksa pelan, spesifikasi, dan tapak kerja untuk menentukan jenis, kualiti dan kuantiti bahan penebat yang dikehendaki;
- e) memasang bahan penebat di permukaan terdedah pada kelengkapan seperti dandang, paip dan tangki;
- f) menebat kelengkapan alat penyejuk dan penghawa dingin; dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7124)

7124-01	Tukang Penebat
7124-02	Tukang Penebat, Bangunan
7124-03	Tukang Penebat, Dandang
7124-04	Tukang Penebat, Paip

KUMPULAN UNIT 7125 TUKANG KACA

Tukang Kaca mengukur, memotong, menyiapkan, menyesuaikan, dan memasang kaca rata dan cermin.

Tugas merangkumi:

- a) memilih jenis kaca yang hendak digunakan, memotong mengikut saiz dan bentuk yang betul serta memasangnya pada tingkap, pintu, pancuran dan sesekat di dalam bangunan;
- b) memasang kaca dan cermin pada tingkap, bekas pameran, dinding, dan siling di dalam bangunan;
- c) memasang atau menggantikan cermin depan pada kenderaan atau bot;
- d) menghasilkan ciri kaca hiasan seperti dinding kaca, tangga, birai, dan tingkap kaca berwarna; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7125)

7125-01	Tukang Kaca
7125-02	Tukang Kaca, Bangunan
7125-03	Tukang Kaca, Kenderaan
7125-04	Tukang Kaca, Plumbum

KUMPULAN UNIT 7126 TUKANG PAIP DAN JURUGEGAS PAIP

Tukang Paip dan Jurugegas Paip mencantumkan, memasang, membaiki pulih, dan menyelenggara sistem paip, pemasangan dan lekapan untuk sistem bekalan air, gas, penyaliran dan pembentungan, serta kelengkapan hidraulik dan pneumatik.

Tugas merangkumi:

- a) mengukur, memotong, mengulir, membengkok, menyambung, mencantumkan, memasang, menyelenggara, dan membaiki pulih paip, pemasangan dan lekapan bagi sistem penyaliran, pemanasan, bekalan air dan pembentungan;
- b) memasang alat gas, mesin basuh pinggan mangkuk dan pemanas air, sinki, dan tandas dengan menggunakan tangan dan peralatan;
- c) menyusun paip tanah liat, konkrit, atau besi tuang di dalam parit untuk membuat pembentung, longkang atau paip air utama, atau untuk tujuan lain;
- d) memeriksa, meneliti dan menguji sistem dan paip yang telah dipasang dengan menggunakan tolok tekanan, ujian hidrostatik, pencerapan, atau kaedah lain; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7126)

7126-01	Tukang Paip
7126-02	Jurugegas Paip
7126-03	Jurugegas Tiub Paip Pesawat
7126-04	Jurugegas Paip, Bekalan Air

KUMPULAN UNIT 7127 MEKANIK PENYAMAN UDARA DAN PENYEJUKAN

Mekanik Penyaman Udara dan Penyejukan mencantumkan, memasang, menyelenggara dan membaiki pulih sistem, dan kelengkapan penyaman udara dan penyejukan.

Tugas merangkumi:

- a) membaca dan memahami cetak biru, lukisan, atau spesifikasi lain;
- b) mencantumkan, memasang, dan membaiki pulih komponen pada sistem penyaman udara dan penyejukan;
- c) menyambung paip dan kelengkapan dengan menggunakan selak, paku sumbat, kimpalan, atau pateri;
- d) menguji sistem, mengenal pasti kerosakan, dan menjalankan penyelenggaraan atau servis secara rutin;
- e) menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing seperti awam, mekanikal dan elektrik); dan
- f) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7127)

7127-01	Mekanik Kelengkapan Penyejukan
7127-02	Mekanik Kelengkapan Penyaman Udara

KUMPULAN KECIL 713 TUKANG CAT, PENCUCI STRUKTUR BANGUNAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

Tukang Cat, Pencuci Struktur Bangunan dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan menyediakan permukaan dan menyapu cat dan bahan seumpamanya pada bangunan dan struktur lain, kenderaan, atau pelbagai barangan buatan kilang, atau menampal dinding dan siling di dalam bangunan dengan kertas dinding, mencuci serombong dan permukaan luar bangunan dan struktur lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 7131 TUKANG CAT DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 7132 TUKANG SEMBUR CAT DAN VARNIS
- 7133 PENCUCI STRUKTUR BANGUNAN

KUMPULAN UNIT 7131 TUKANG CAT DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Tukang Cat dan Pekerja yang Berkaitan menyediakan permukaan pada bangunan dan struktur lain untuk kerja mengecat, menyapu lapisan cat pelindung dan hiasan, atau bahan seumpamanya, atau menampal dinding dan siling bangunan dengan kertas dinding atau kemasan lain.

Tugas merangkumi:

- a) mencuci dan menyediakan dinding atau permukaan lain pada bangunan untuk kerja mengecat atau memasang kertas dinding;
- b) memilih dan menyediakan cat mengikut warna yang dikehendaki dengan mencampurkan pigmen dan bahan tambahan;
- c) menyapu atau menyembur cat, varnis, dan bahan seumpamanya pada permukaan, lekapan, dan pemasangan bangunan;
- d) mengukur dan memasang kertas dinding atau fabrik lain pada dinding dan siling di dalam bangunan;
- e) menyapu cat, varnis dan warna pada permukaan dengan menggunakan berus, penggelek dan penyembur;
- f) menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing); dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7131)

7131-01	Tukang Cat
7131-02	Tukang Cat, Kaca
7131-03	Tukang Cat, Seramik
7131-04	Tukang Cat, Bangunan

KUMPULAN UNIT 7132 TUKANG SEMBUR CAT DAN VARNIS

Tukang Sembur Cat dan Varnis mengendalikan kelengkapan penyembur cat dan varnis untuk menyembur lapisan perlindungan pada barangan atau struktur buatan kilang.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan permukaan yang hendak disembur dengan menggunakan pelbagai kaedah untuk menghilangkan gris, kotoran dan kesan karat;
- b) mengecat kereta, bas, trak dan kenderaan lain, serta menyapu varnis dan lapisan perlindungan yang lain;
- c) menyapu cat dan juga lapisan perlindungan seperti enamel atau varnis pada logam, kayu dan produk buatan kilang yang lain, biasanya dengan menggunakan alat penyembur tangan; dan
- d) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7132)

7132-01	Penyembur Cat
7132-02	Penyembur Cat, Logam
7132-03	Penyembur Cat, Kenderaan
7132-04	Penyembur Varnis

KUMPULAN UNIT 7133 PENCUCI STRUKTUR BANGUNAN

Pencuci Struktur Bangunan mencuci permukaan luar bangunan dan struktur lain, dan membuang jelaga daripada serombong.

Tugas merangkumi:

- membersihkan permukaan luar batu, bata, logam, atau bahan yang seumpamanya dengan menggunakan bahan kimia, pancutan stim atau pasir yang digunakan di bawah tekanan tinggi;
- membuang jelaga daripada serombong, cerobong dan paip penyambung; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7133)

7133-01	Pencuci Luar Bangunan
7133-02	Pembagas Pasir (luar bangunan)
7133-03	Penyapu Cerobong Asap

SUB-UTAMA 72 PEKERJA LOGAM, JENTERA DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

Pekerja Logam, Jentera dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan menuang, mengimpal, melebur dan membentuk logam, mendirikan, menyelenggara dan membaik pulih struktur logam berat, memasang sistem pendawaian elektrik, melaraskan, menyelenggara, dan membaik pulih jentera termasuk enjin, kenderaan, kelengkapan elektrik dan elektronik, atau menghasilkan peralatan dan pelbagai barangan logam tidak berharga.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 721 PEKERJA PEMBUAT ACUAN, PENGIMPAL LOGAM KEPINGAN DAN STRUKTUR, DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN**
- 722 TUKANG BESI, PEMBUAT PERALATAN DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN**
- 723 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA**

KUMPULAN KECIL 721 PEKERJA PEMBUAT ACUAN, PENGIMPAL LOGAM KEPINGAN DAN STRUKTUR, DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

Pekerja Pembuat Acuan, Pengimpal Logam Kepingan dan Struktur dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan membuat acuan dan teras untuk tuangan logam, mengimpal dan memotong bahagian logam, membuat, memasang dan membaik pulih barangan daripada logam kepingan, dan memasang, mendirikan, menyelenggara dan membaik pulih struktur logam berat, takal, kereta kabel dan kelengkapan yang berkaitan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 7211 PEMBUAT ACUAN DAN PEMBUAT TERAS LOGAM**
- 7212 PENGIMPAL DAN PEMOTONG BESI**
- 7213 PEKERJA KEPINGAN LOGAM**
- 7214 PENYEDIA DAN PENEGAK LOGAM STRUKTUR**
- 7215 JURUTALI DAN PENYAMBUNG KABEL**

KUMPULAN UNIT 7211 PEMBUAT ACUAN DAN PEMBUAT TERAS LOGAM

Pembuat Acuan dan Pembuat Teras Logam membuat acuan dan teras untuk tuangan logam.

Tugas merangkumi:

- membuat acuan dengan tangan atau dengan menggunakan mesin bantu di atas meja untuk tuangan logam yang kecil, atau di atas lantai foundri, atau di dalam lubang untuk tuangan logam yang besar;
- membuat teras untuk digunakan di dalam acuan logam;
- menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7211)

7211-01	Pembuat Acuan
7211-02	Pembaik Acuan Foundri
7211-03	Pembuat Acuan Lantai Foundri
7211-04	Pembuat Acuan Logam

KUMPULAN UNIT 7212 PENGIMPAL DAN PEMOTONG BESI

Pengimpal dan Pemotong Besi mengimpal dan memotong bahagian logam dengan api gas atau arka elektrik dan sumber haba yang lain untuk meleburkan, memotong atau melakurkan logam.

Tugas merangkumi:

- mengimpal bahagian logam dengan menggunakan api gas atau arka elektrik, sebatian termit, atau dengan kaedah lain;
- mengendalikan mesin kimpalan rintangan, menggunakan penunu bagas untuk membuat dan membaiki pulih lapisan plumbum, paip, lantai, dan lekapan plumbum yang lain;
- memateri bahagian logam untuk mencantumkananya;
- memotong kepingan logam dengan menggunakan api gas atau arka elektrik;
- menyambung bahagian logam dengan pemateri tangan;
- menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7212)

7212-01	Jurukimpal
7212-02	Pemotong Besi
7212-03	Fomen Pengimpal
7212-04	Tukang Penunu Plumbum

KUMPULAN UNIT 7213 PEKERJA KEPINGAN LOGAM

Pekerja Kepingan Logam membuat, memasang, dan membaiki pulih barangan dan bahagian barangan yang dibuat daripada kepingan logam seperti keluli tahan karat, tembaga, timah, loyang aluminium, zink atau besi galvani.

Tugas merangkumi:

- menandakan kepingan logam untuk pemotongan dan pembentukan;
- membuat dan membaiki pulih perkakas rumah dan barangan lain yang dibuat daripada timah, tembaga dan aloi ringan, atau barangan dan lekapan perhiasan;
- membuat dan membaiki pulih dandang, tangki, tong dan bekas yang seumpamanya;
- memasang dan membaiki pulih bahagian logam kepingan pada kenderaan dan pesawat udara;
- menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7213)

7213-01	Pekerja Kepingan Logam
7213-02	Tukang Tembaga
7213-03	Pembuat Dandang
7213-04	Tukang Tebuk

KUMPULAN UNIT 7214 PENYEDIA DAN PENEGAK LOGAM STRUKTUR

Penyedia dan Penegak Logam Struktur memasang, mendirikan, membuka rangka logam struktur pada bangunan dan struktur lain.

Tugas merangkumi:

- menandakan rangka logam sebagai panduan semasa menggerudi, memotong, dan membentuknya untuk digunakan pada bangunan, kapal dan struktur lain;
- menggerudi, memotong dan membentuk keluli struktur di bengkel;
- mendirikan rangka keluli untuk bangunan, jambatan dan pembinaan lain;
- memasang dan mendirikan rangka dan bahagian logam yang lain pada struktur kapal;
- membentuk dan melaraskan plat keluli struktur pada kapal yang sedang dibina atau dibaiki;
- merivet komponen logam struktur dengan tangan, mesin, atau perivet pneumatik; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7214)

7214-01	Pekerja Keluli Struktur
7214-02	Penegak Kerangka Keluli
7214-03	Pembuat Plat Kapal
7214-04	Pekerja Rivet (pasak)

KUMPULAN UNIT 7215 JURUTALI DAN PENYAMBUNG KABEL

Jurutali dan Penyambung Kabel memasang peralatan tali-temali untuk mengalihkan dan menempatkan komponen kelengkapan dan struktur, dan untuk memasang dan menyelenggara kabel, tali dan dawai di tapak pembinaan, bangunan atau struktur lain.

Tugas merangkumi:

- menganggarkan saiz, bentuk dan berat objek yang hendak dialihkan dan menentukan jenis kelengkapan untuk mengalihkan objek itu;
- memasang dan membaiki pulih kabel, tali, dawai, kapi dan takal lain;
- menyambung, membaiki pulih dan melaraskan alat tambahan pada dawai, tali dan kabel;
- bekerja sebagai ahli pasukan yang mendirikan dan membaiki pulih derik untuk menggerudi telaga air, gas dan minyak;
- mengangkat kelengkapan di dalam teater, memasang dan menyelenggara menara komunikasi, jalan kabel udara, kereta api kabel, lif ski, dan infrastruktur yang seumpamanya;
- menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing seperti elektrik). Turut terlibat dalam aspek penyeliaan dan pemantauan bagi projek pembangunan/ pemasangan baru dan penyelenggaraan (termasuk kerja naik taraf); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7215)

7215-01	Jurutali
7215-02	Jurutali Peralatan Angkat
7215-03	Jurutali Peralatan Angkat Pembinaan
7215-04	Jurutali Pembalakan

KUMPULAN KECIL 722 TUKANG BESI, PEMBUAT PERALATAN, DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

Tukang Besi, Pembuat Peralatan dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan mengetuk dan menempa bar, rod atau jongkong besi, keluli dan logam lain untuk membuat dan membaiki pulih pelbagai jenis peralatan, kelengkapan dan barangan lain, serta menggilap dan mengasah permukaan logam.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

7221 TUKANG BESI, TUKANG TUKUL, DAN PEKERJA MESIN PENEMPA LOGAM

7222 PEMBUAT PERALATAN DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

7223 PENGESET DAN PENGENDALI PERALATAN UNTUK MESIN KERJA LOGAM

7224 PENGILAP LOGAM, PENCANAI RODA, DAN PENGASAH PERALATAN

KUMPULAN UNIT 7221 TUKANG BESI, TUKANG TUKUL, DAN PEKERJA MESIN PENEMPA LOGAM

Tukang Besi, Tukang Tukul, dan Pekerja Mesin Penempa Logam menarik dawai, menukul, dan menempa bar, rod, jongkong dan plat besi, keluli, atau logam lain untuk membuat dan membaiki pulih pelbagai jenis peralatan, barangan logam, bahagian kelengkapan, peralatan pertanian, dan perkakasan yang berkaitan.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing);
- memanaskan logam di dalam relau tempa serta membuat dan membaiki pulih barangan dengan menarik, membengkokkan, memotong, mengetuk logam di atas besi andas, menebuk, mericih, menyambung, dan mengeraskan atau meningkatkan keteguhan logam;
- membentuk logam panas menjadi tempaan di atas tukul kuasa yang dilengkapi acuan terbuka;
- mengendalikan penukul jatuh yang dilengkapi acuan tertutup untuk menempa barangan logam;
- mengendalikan mesin penekan kuasa yang dilengkapi acuan tertutup untuk menempa barangan logam; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7221)

7221-01	Tukang Besi
7221-02	Tukang Tukul
7221-03	Pekerja Drop-Hammer
7221-04	Pekerja Penempaan Logam

KUMPULAN UNIT 7222 PEMBUAT PERALATAN DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Pembuat Peralatan dan Pekerja yang Berkaitan membuat dan membaiki pulih peralatan, pistol sukan, kunci, acuan, corak dan barangan logam yang lain, dan juga membuat komponen enjin atau jentera dan bahagiannya dengan menggunakan peralatan tangan dan mesin untuk menghasilkan logam yang tinggi ketahanannya.

Tugas merangkumi:

- membuat, menyelenggara, dan membaiki pulih acuan, jig, tolok dan lekapan dengan menggunakan peralatan tangan dan pelbagai jenis peralatan mesin;
- membuat komponen enjin atau bahagian jentera;
- melaraskan dan memasang bahagian untuk membuat dan membaiki pulih jig, lekapan dan tolok;
- membuat pulih dan mengubah suai pistol sukan dan senjata kecil yang lain;
- membuat, melaras, mencantum, membaiki pulih dan memasang bahagian kunci dengan anak kunci;
- membuat dan membaiki pulih corak logam yang digunakan untuk membuat acuan foundri;
- melukis garis dan titik rujukan pada stok logam sebagai panduan kepada pekerja lain yang memotong, melarik, mengisar, mencanai atau membentuk logam;
- menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing seperti awam, mekanikal dan elektrik); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini : (rujuk indeks: kumpulan unit 7222)

7222-01	Pembuat Perkakas Acuan
7222-02	Pembuat Pola Foundri Logam
7222-03	Pembuat Jig dan Lekapan
7222-04	Tukang Tanda Logam

KUMPULAN UNIT 7223 PENGESET DAN PENGENDALI PERALATAN UNTUK MESIN KERJA LOGAM

Pengeset dan Pengendali Peralatan untuk Mesin Kerja Logam mengeset dan/ atau mengendalikan pelbagai peralatan mesin kerja.

Tugas merangkumi:

- mengeset satu atau lebih jenis alat mesin untuk pengeluaran barangan logam dalam siri standard;
- mengendali dan memantau mesin kerja logam seperti pelarik, pengisar, pengetam, mesin boring, gerudi, pengisar atau mesin pengasah, termasuk mesin kerja logam kawalan berangka pelbagai guna;
- memerhatikan operasi mesin untuk mengesan kecacatan atau kerosakan mesin, dan melaraskan mesin jika perlu; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7223)

7223-01	Pelaras Mesin Kerja Logam
7223-02	Pengendali Mesin Kerja Logam
7223-03	Pengeset Mesin Kerja Logam
7223-04	Pengendali Mesin Boring

KUMPULAN UNIT 7224 PENGILAP LOGAM, PENCANAI RODA, DAN PENGASAH PERALATAN

Penggilap Logam, Pencanai Roda, dan Pengasah Peralatan mencanai dan menggilap permukaan logam, dan mengasah peralatan.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan mesin pembalduan dan penggilap terpasang atau mudah alih;
- mengasah peralatan memotong dengan menggunakan roda pencanai atau mesin pencanai mekanikal;
- membaik pulih, melaraskan, dan mengasah mata gergaji dan gerigi logam silinder pada mesin sisir tekstil;
- mencanai penyemat engkol dan jurnal aci engkol dengan tepat sehingga mencapai garis pusat yang seragam dengan menggunakan mesin pencanai khas atau alat tambahan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7224)

7224-01	Pencanai Logam
7224-02	Pengasah Alat Pemotong
7224-03	Pengasah Alat Mesin
7224-04	Pembaik Gergaji

KUMPULAN KECIL 723 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA

Mekanik dan Pembaik Jentera melaraskan, memasang, menservis, dan membaik pulih enjin, kenderaan, jentera pertanian atau perindustrian, dan kelengkapan mekanikal.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

7231 MEKANIK DAN PEMBAIK KENDERAAN BERMOTOR

7232 MEKANIK DAN PEMBAIK ENJIN PESAWAT UDARA

7233 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN

7234 PEMBAIK BASIKAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

7239 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 7231 MEKANIK DAN PEMBAIK KENDERAAN BERMOTOR

Mekanik dan Pembaik Kenderaan Bermotor memasang, menservis dan membaik pulih kenderaan bermotor.

Tugas merangkumi:

- melaraskan, memeriksa, membetulkan, membuka, memasang semula, dan menggantikan bahagian yang rosak pada kenderaan bermotor;
- memasang atau membetulkan motor, brek, stereng atau bahagian lain pada kenderaan bermotor;
- bertanggungjawab bagi sistem dan pemasangan elektrik (membaik pulih dan menyelenggara alat); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7231)

7231-01	Mekanik
7231-02	Mekanik Jentolak
7231-03	Mekanik Motosikal
7231-04	Mekanik Kenderaan Bermotor

KUMPULAN UNIT 7232 MEKANIK DAN PEMBAIK ENJIN PESAWAT UDARA

Mekanik dan Pembaik Enjin Pesawat Udara membaik pulih dan menyelenggara keadaan operasi enjin pesawat udara, termasuk enjin helikopter.

Tugas merangkumi:

- mengganti atau membaik pulih komponen yang haus, tidak sempurna atau rosak, dengan menggunakan peralatan tangan, tolak dan kelengkapan pengujian;
- menguji operasi enjin dengan menggunakan kelengkapan pengujian seperti penganalisis pencucuhan, pemeriksaan kemampuan, penentu masa pengagih, dan meter ampere untuk mengenal pasti kepincangan tugas;
- mendengar enjin yang sedang beroperasi untuk mengesan dan mengenal pasti kepincangan tugas, seperti injap yang melekat atau terbakar;
- mencantumkan semula enjin dan memasang enjin pada pesawat udara;
- membuka dan memeriksa bahagian enjin, seperti bilah dan silinder turbin untuk mengesan haus, meleding, retak dan bocor; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7232)

7232-01	Mekanik Enjin Pesawat
7232-02	Jurugegas Enjin Pesawat
7232-03	Mekanik Perkhidmatan Pesawat
7232-04	Mekanik Helikopter

KUMPULAN UNIT 7233 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN

Mekanik dan Pembaik Jentera Pertanian dan Perindustrian membaik pulih, memasang, membetulkan, atau menyelenggara jentera pengeluaran dan pemprosesan pertanian dan perindustrian, atau sistem penapis kilang, dan penyaluran salur paip.

Tugas merangkumi:

- memasang, memeriksa, menguji dan menservis enjin, jentera pertanian atau perindustrian, dan kelengkapan mekanikal;
- menggantikan komponen enjin;
- menyapu minyak dan menggris enjin jentera;
- memeriksa dan menguji jentera dan kelengkapan mekanik yang baru untuk mematuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7233)

7233-01	Mekanik Jentera
7233-02	Mekanik Jentera Perlombongan
7233-03	Mekanik Alat Mesin
7233-04	Mekanik Jentera Perindustrian

KUMPULAN UNIT 7234 PEMBAIK BASIKAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Pembaik Basikal dan Pekerja yang Berkaitan memasang, menyelenggara, menservis dan membaiki peralatan mekanikal dan yang berkaitan bagi basikal, beca, kereta sorong bayi, kerusi roda dan pengangkutan tidak-bermotor yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- memasang, membaik pulih, dan menggantikan kelengkapan atau aksesori seperti hendal, tempat letak kaki, lampu dan tempat duduk;
- menjajarkan roda;
- memasang dan membetulkan mekanisme kelajuan dan gear;
- membuka gandar untuk dibaiki, dibetulkan, dan menggantikan bahagian yang rosak dengan menggunakan peralatan tangan;
- membaik pulih lubang pada tiub tayar dengan menggunakan pengikis dan tampalan;
- membentuk bahagian yang diganti dengan menggunakan pencanai meja;
- memasang basikal baru;
- mengecat rangka basikal dengan menggunakan penyembur atau berus;
- mengimpal rangka yang pecah atau retak dengan menggunakan lampu oksiasetilena dan rod pengimpal; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7234)

7234-01	Pembaik Basikal
7234-02	Pembaik Becas
7234-03	Pembaik Kincir
7234-04	Mekanik Basikal

KUMPULAN UNIT 7239 MEKANIK DAN PEMBAIK JENTERA YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Mekanik dan Pembaik Jentera yang Tidak dikelaskan di Mana-mana memasang, menyelenggara, menservis dan membaiki peralatan mekanikal dan yang berkaitan bagi kapal marin, kereta api, dan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- a) memasang, membaiki pulih, dan menggantikan kelengkapan atau aksesori kapal marin, kereta api dan seumpamanya; dan
- b) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7239)

7239-01	Mekanik Enjin Marin
7239-02	Mekanik Kapal
7239-03	Jurugegas Enjin Kereta api
7239-04	Pembaik Enjin Kereta api

SUB-UTAMA 73 PEKERJA KRAFTANGAN DAN PENCETAKAN

Pekerja Kraftangan dan Pencetakan membuat dan membaiki pulih peralatan jitu, alat muzik, dan pelbagai barangan seperti barang kemas, barangan logam berharga, seramik, barang porselin dan barang kaca, termasuk juga barang kraftangan yang diperbuat daripada kayu, tekstil, kulit atau bahan yang seumpamanya, atau mereka membuat kerja percetakan dan menjilid buku.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 731 PEKERJA KRAFTANGAN**
732 PEKERJA PERTUKANGAN PENCETAKAN

KUMPULAN KECIL 731 PEKERJA KRAFTANGAN

Pekerja Kraftangan menggabungkan kemahiran seni dan manual untuk mereka bentuk, membuat, membaiki, melaraskan, menyelenggara, dan menghias peralatan jitu, peralatan muzik, barang kemas dan lain-lain logam berharga, tembikar dan barang porselin. Mereka menggunakan teknik tradisional dan/ atau moden untuk mengukir, membuat acuan, memasang, menenun dan menghiasi pelbagai kaca, seramik, tekstil, jerami, batu, kayu dan kulit sesuatu artikel.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 7311 PEMBUAT DAN PEMBAIK PERALATAN JITU**
7312 PEMBUAT DAN PENALA ALAT MUZIK
7313 PEKERJA BARANG KEMAS DAN LOGAM BERHARGA
7314 TUKANG TEMBIKAR DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
7315 PEMBUAT, PEMOTONG, PENCANAI, DAN PENGEMAS KACA
7316 PENULIS PAPAN TANDA, PELUKIS HIASAN, PENGUKIR, DAN PENGGORES
7317 PEKERJA KRAFTANGAN KAYU, BAKUL DAN BAHAN YANG BERKAITAN
7318 PEKERJA KRAFTANGAN TEKSTIL, BARANGAN KULIT DAN BAHAN YANG BERKAITAN
7319 PEKERJA KRAFTANGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 7311 PEMBUAT DAN PEMBAIK PERALATAN JITU

Pembuat dan Pembaik Peralatan Jitu membuat, membaiki pulih, dan menentukan jam tangan mekanikal, jam, peralatan, dan kelengkapan nautika, meteorologi, optikal, pembedahan, pergigian, ortopedik dan alat lain yang jitu.

Tugas merangkumi:

- a) membuat, melaraskan dan membaiki pulih jam;
- b) membuat, melaraskan dan membaiki pulih peralatan dan kelengkapan nautika dan meteorologi;
- c) membuat, melaraskan dan membaiki pulih peralatan optikal;
- d) membuat, melaraskan dan membaiki pulih peralatan pembedahan dan kelengkapan perubatan yang lain;
- e) membuat dan membaiki pulih peralatan prostesis perubatan, ortopedik dan pergigian;
- f) menentukan peralatan dengan menggunakan berat dan ukuran standard, dan menggunakan peralatan tangan untuk melaraskan serta menjajarkan bahagian dan alat timbang yang kecil; dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7311)

7311-01	Pembuat Instrumen Jitu
7311-02	Pembuat Instrumen Pembedahan
7311-03	Pembuat Instrumen Saintifik
7311-04	Pembuat Peralatan Fotografi

KUMPULAN UNIT 7312 PEMBUAT DAN PENALA ALAT MUZIK

Pembuat dan Penala Alat Muzik memasang, membaiki, mengubahsuai dan memulihkan alat muzik, dan menalanya kepada nada yang diperlukan dengan tangan atau menggunakan peralatan. Mereka biasanya pakar dalam sesuatu jenis alat.

Tugas merangkumi:

- membuat dan membaiki pulih akordion, alat muzik tali dan alat muzik tiup;
- membuat dan membaiki pulih organ dan membuat bahagian organ;
- memasang dan membaiki pulih piano;
- menyelaras nada piano dan alat muzik yang lain;
- membuat, memasang dan membaiki pulih alat muzik yang lain; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7312)

7312-01	Pembuat Peralatan Muzik
7312-02	Penala Peralatan Muzik
7312-03	Pembuat Peralatan Muzik Bertali
7312-04	Pembuat Piano

KUMPULAN UNIT 7313 PEKERJA BARANG KEMAS DAN LOGAM BERTALAH

Pekerja Barang Kemas dan Logam Bertalaha mereka bentuk, memfabrikasi, mengubahsuai, membaiki, atau menilai barang kemas, barang istiadat atau barangan agama, emas, perak, logam berharga lain, atau permata. Mereka memotong, mengelas, menggilap dan menetapkan jenis batu termasuk batu permata dan berlian dan mengukir reka bentuk pada barang kemas dan logam berharga. Mereka memotong dan menggilap berlian untuk tujuan perindustrian.

Tugas merangkumi:

- menempa barang kemas dan barang logam bukan ferus yang lain dengan tangan;
- membuat barang kemas seperti cincin, kerongsang dan gelang tangan;
- memotong dan menggilap serta mengikat batu permata pada barang kemas;
- membuat, membentuk semula, dan membaiki pulih barang logam berharga;
- menggelek dan mengetuk logam berharga;
- mengukir huruf dan corak pada barang kemas dan logam berharga; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7313)

7313-01	Tukang Barang Kemas
7313-02	Tukang Emas
7313-03	Tukang Perak
7313-04	Tukang Pewter

KUMPULAN UNIT 7314 TUKANG TEMBIKAR DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Tukang Tembikar dan Pekerja yang Berkaitan membuat barang tembikar, porselin, bata dan jubin.

Tugas merangkumi:

- membuat barang tembikar dan porselin;
- membuat acuan tanah liat atau plaster;
- membentuk barang di atas mesin lempat alin dengan tangan, atau menggunakan pembentuk acuan dalam dan luar serta alat pembentuk;
- membentuk barangan dengan menuang tanah liat separa cecair ke dalam acuan plaster;
- membentuk bata dan jubin menjadi bentuk khas dengan tangan;
- membuat barangan dengan menekan tanah liat plastik ke dalam acuan dengan tangan;
- menggunakan penekan ulir atau penekan hidraulik untuk membuat produk daripada debu tanah liat;

- h) mengendalikan mesin yang menyemperitkan tanah liat lembap untuk proses seterusnya; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7314)

7314-01	Tukang Tembikar
7314-02	Penekan Acuan Bata dan Jubin
7314-03	Pembentuk Tembikar dan Porselin
7314-04	Penuang Tembikar dan Porselin

KUMPULAN UNIT 7315 PEMBUAT, PEMOTONG, PENCANAI, DAN PENGEMAS KACA

Pembuat, Pemotong, Pencanai, dan Pengemas Kaca meniup, mengacu, menekan, menggelek dan membentuk kaca lebur, serta memotong, mencanai dan menggilap kaca.

Tugas merangkumi:

- a) membentuk kaca lebur dengan menggunakan penyumpit, membentuk dengan tangan dengan memanaskan dan membengkokkannya;
- b) memanaskan, membentuk dan menekan kaca optik untuk membuat kanta jernih;
- c) mencanai dan menggilap kanta jernih;
- d) mencanai dan memotong serong pada bahagian tepi kaca;
- e) memotong kaca kepingan dengan peralatan tangan dan menggergaji bentuk prisma dan bentuk lain daripada blok kaca optik;
- f) bertanggungjawab membantu pegawai penyelidik dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains yang berkaitan dengan penggunaan teknologi nuklear dan teknologi yang berkaitan dengan tugas-tugas mereka bentuk fabikasi dan mengadakan alat dan peralatan penyelidikan dari bahan kaca; dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7315)

7315-01	Pembengkok Kaca
7315-02	Peniup Kaca
7315-03	Pemotong Kaca
7315-04	Pemotong Kaca Optik

KUMPULAN UNIT 7316 PENULIS PAPAN TANDA, PELUKIS HIASAN, PENGUKIR, DAN PENGGORES

Penulis Papan Tanda, Pelukis Hiasan, Pengukir, dan Penggores mereka bentuk, menyediakan ilustrasi dan menghias perak, emas, keluli atau kaca atau bahan lain, untuk kegunaan peribadi atau rumah, atau untuk tujuan hiasan.

Tugas merangkumi:

- a) memotong dan mereka bentuk permukaan dalam pelbagai bentuk dan saiz yang menghasilkan pelbagai jenis hiasan;
- b) memotong rekaan pada permukaan kaca dengan menggunakan peralatan semburan pasir;
- c) membuat ilustrasi, menutup dan mengecat permukaan seperti dinding, linen, kertas, dan bahan lain;
- d) mengukir monogram dan rekaan hiasan pada barang kaca; dan
- e) menggores rekaan hiasan, menanda penentukur dan bentuk lain pada barang-barang kaca.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7316)

7316-01	Penggores
7316-02	Pengukir
7316-03	Pembagas Pasir Kaca
7316-04	Pencelup Seramik

KUMPULAN UNIT 7317 PEKERJA KRAFTANGAN KAYU, BAKUL DAN BAHAN YANG BERKAITAN

Pekerja Kraftangan Kayu, Bakul dan Bahan yang Berkaitan mengaplikasikan teknik tradisional dan/ atau moden untuk menyediakan barangan kayu, jerami, rotan, mensiang, batu, tanah liat, cengkerang dan bahan lain, dan mengukir, membentuk, memasang, menganyam, atau melukis dan menghias pelbagai barangan untuk kegunaan peribadi atau rumah, atau untuk tujuan hiasan.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan kayu, jerami, rotan, mensiang, batu, cengkerang, atau bahan yang seumpamanya;
- b) mengukir, memasang, menganyam, melukis, dan menghias pelbagai barangan untuk kegunaan peribadi atau rumah seperti mangkuk salad, sudu makan, papan pemotong, dulang, pasu bunga, jag air, bakul, topi jerami, tikar jerami, dan objek seumpamanya;
- c) mengukir, memasang, menganyam, dan melukis pelbagai barangan hiasan seperti arca dan seni arca yang lain;
- d) membuat perabot dengan menganyam rotan yang dilembutkan, buluh, rushes, dahan pokok dan bahan yang lain;
- e) membuat pelbagai jenis bakul dengan menggunakan anyaman daripada rotan, buluh, rushes dan bahan seumpamanya;
- f) memilih dan menyediakan bahan berus seperti bulu, benang nilon, serat dan kawat dan mengatur di dalam acuan berus;
- g) memilih dan menyediakan bahan seperti penyapu;
- h) membuat tikar menggunakan daun kelapa atau kelapa sawit dan bahan rerumput; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7317)

7317-01	Penganyam Tikar
7317-02	Pekerja Kraftangan, Barangan Kayu
7317-03	Pembuat Bakul
7317-04	Pembuat Penyapu

KUMPULAN UNIT 7318 PEKERJA KRAFTANGAN TEKSTIL, BARANGAN KULIT DAN BAHAN YANG BERKAITAN

Pekerja Kraftangan Tekstil, Barangan Kulit dan Bahan yang Berkaitan mengaplikasikan teknik tradisional dan/ atau moden untuk menghasilkan pelbagai barangan untuk kegunaan peribadi atau rumah, dan juga untuk tujuan hiasan.

Tugas merangkumi:

- a) menyedia, mengukir, membentuk, memasang, melukis dan menghias pelbagai barangan hiasan, dan mengayam, mengait, menyulam dan membuat renda;
- b) menghasilkan kasut tradisional; dan
- c) menghasilkan beg tangan, tali pinggang, dan aksesori lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7318)

7318-01	Penganyam Songket
7318-02	Pencanting Batik
7318-03	Pembuat Barangan Kulit
7318-04	Pekerja Kraftangan, Karpét

KUMPULAN UNIT 7319 PEKERJA KRAFTANGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Kraftangan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam kumpulan kecil 731: Pekerja Kraftangan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pembuat lencana, pekerja tukang, pembuat mainan logam dan pembuat aksesori.

Tugas merangkumi:

- a) menyedia, mengukir, membentuk, memasang, melukis, dan menghias pelbagai barangan; dan
- b) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7319)

7319-01	Pembuat Lencana
7319-02	Pekerja Tukangan
7319-03	Pembuat Mainan Logam
7319-04	Pembuat Aksesori

KUMPULAN KECIL 732 PEKERJA PERTUKANGAN PENCETAKAN

Pekerja Pertukangan Pencetakan mengatur dan menyusun cetakan, mencetak salinan bertaip pada kertas, dan bahan lain, atau menjilid dan membuat kemasan akhir pada buku dan mengendalikan mesin ofset, kamera ofset, mesin membuat plat, mesin pendua, pengimbas dan menyelenggara mesin-mesin tersebut dengan sempurna sebelum, semasa dan selepas menggunakannya.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

7321 PEKERJA PRAPENCETAKAN

7322 PENCETAK

7323 PEKERJA KEMASAN AKHIR DAN PENJILID PENCETAKAN

7324 PENGUKIR DAN PENGGORES PENCETAKAN DAN FOTO

KUMPULAN UNIT 7321 PEKERJA PRAPENCETAKAN

Pekerja Prapencetakan menyemak, memformat, menyusun dan mengarang teks dan grafik ke dalam bentuk yang sesuai untuk digunakan dalam pelbagai proses percetakan.

Tugas merangkumi:

- menyelia dan mengendalikan mesin ofset, kamera ofset, membuat plat, mesin pendua, pengimbas dan menyelenggara mesin-mesin tersebut dengan sempurna sebelum, semasa dan selepas menggunakannya;
- mengatur cetakan;
- mengendalikan kamera grafik dan lain-lain peralatan fotografi untuk menghasilkan kamera salinan-tersedia ke filem, plat dan peranti output digital;
- menggunakan aplikasi komputer untuk menghasilkan imej, teks, susun atur dan kedudukan untuk cetakan dan pemaparan visual media lain;
- mengendalikan peralatan yang menghasilkan imej dari filem ke plat cetak, peranti output digital dan penekan;
- mengendalikan peralatan berasaskan skrin komputer untuk mengimbas, memisah warna, membetulkan warna, melekat, mereka bentuk kreatif, menggabungkan, mengenakan, *retouching*, dan proses lain yang digunakan untuk memindahkan salinan filem dan menghasilkan filem untuk plat, hasilan digital dan pengeluaran silinder; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7321)

7321-01	Pengatur Huruf
7321-02	Pembuat Plat <i>Braille</i>
7321-03	Pengatur Taip
7321-04	Pekerja Kelengkapan Penerbitan Desktop

KUMPULAN UNIT 7322 PENCETAK

Pencetak berperanan mencetak salinan bertaip dan mengendalikan alat percetakan dan menyelenggara mesin-mesin tersebut sebelum, semasa, dan selepas menggunakannya.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan alat stensil untuk percetakan;
- mencetak pada kertas, logam, tekstil, dan bahan lain;
- mencetak corak dan pola pada kain atau kertas dinding dengan blok ukiran atau mesin yang dilengkapi penggelek ukiran;
- mengeluarkan semula salinan corak tekstil dengan menyuruhnya pada bahan lutsinar;
- mencampurkan dakwat dan pelarut, dan mengawal bekalan kertas dan dakwat semasa proses percetakan dijalankan;
- memantau operasi mesin dan kualiti percetakan;
- melaraskan, menyelenggara, membaiki dan membersihkan mesin cetak;
- menghasilkan imej cetak digital, dan memindahkan dan mengeluarkan imej; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7322)

7322-01	Pencetak
7322-02	Pencetak Tekstil
7322-03	Pencetak Blok
7322-04	Operator Penekan Pencetakan Timbul

KUMPULAN UNIT 7323 PEKERJA KEMASAN AKHIR DAN PENJILID PENCETAKAN

Pekerja Kemasan Akhir dan Penjilid Pencetakan menjilid buku dan bahan penerbitan lain dengan tangan atau mesin dan menjalankan operasi kemasan akhir buku.

Tugas merangkumi:

- menjilid buku dan terbitan berkala dengan tangan;
- mengeset dan mengendalikan mesin penjilid buku;
- mencetak corak timbul atau tajuk pada buku dengan tangan atau mesin;
- melepapkan peta dan carta; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7323)

7323-01	Penjilid Buku
7323-02	Pemotong Kertas
7323-03	Pelekap Peta dan Carta
7323-04	Pencetak Timbul Buku

KUMPULAN UNIT 7324 PENGUKIR DAN PENGGORES PENCETAKAN DAN FOTO

Pengukir dan Penggores Pencetakan dan Foto mengukir batu litografi dan plat cetak, penggelek, acuan dan blok melalui pelbagai proses, mencuci dan memproses filem fotografi, dan membuat cetakan.

Tugas merangkumi:

- memotong corak menggunakan filem yang diletakkan pada permukaan batu litografi;
- mengukir plat keluli dan tembaga, penggelek, acuan atau blok kayu, getah dan linoleum dengan tangan;
- mengukir plat logam dan penggelek dengan mesin;
- memindahkan corak pada batu litografi kepada plat logam;
- menggores plat logam atau penggelek dengan asid dan mengemasinya;
- menjalankan semua atau beberapa tugas dalam menyediakan plat cetak melalui proses fotografi;
- memproses filem hitam putih atau berwarna;
- mencetak gambar foto hitam putih atau warna;
- mencuci filem X-ray; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7324)

7324-01	Pengukir Pencetakan Plat Logam
7324-02	Penggores Pencetakan Plat Logam
7324-03	Pengukir Pencetakan Batu Litografi
7324-04	Pengukir Foto

SUB-UTAMA 74 PEKERJA PERTUKANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Pekerja Pertukangan Elektrik dan Elektronik memasang, memadan dan menyelenggara sistem pendawaian elektrik, jentera dan perkakas elektrik lain, dan memasang, membina dan membaik pulih kabel penghantaran kuasa elektrik, dan kelengkapan yang berkaitan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

741 PEMASANG DAN PEMBAIK KELENGKAPAN ELEKTRIK

742 PEMASANG DAN PEMBAIK ELEKTRONIK DAN TELEKOMUNIKASI

KUMPULAN KECIL 741 PEMASANG DAN PEMBAIK KELENGKAPAN ELEKTRIK

Pemasang dan Pembaik Kelengkapan Elektrik memasang, memadan dan mengekalkan sistem pendawaian elektrik dan kelengkapan berkaitan, jentera elektrik dan lain-lain perkakas elektrik, dan memasang, membina dan membaik pulih kabel penghantaran kuasa elektrik, dan kelengkapan yang berkaitan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

7411 JURUELEKTRIK BANGUNAN DAN YANG BERKAITAN

7412 MEKANIK DAN JURUGEGAS ELEKTRIK

7413 PEMASANG DAN PEMBAIK TALIAN ELEKTRIK

KUMPULAN UNIT 7411 JURUELEKTRIK BANGUNAN DAN YANG BERKAITAN

Juruelektrik Bangunan dan yang Berkaitan menservis dan membaiki pulih sistem pendawaian elektrik dalam bangunan.

Tugas merangkumi:

- memasang, menyelenggara dan membaiki pulih sistem pendawaian elektrik dan kelengkapan yang berkaitan di pelbagai bangunan seperti bangunan perniagaan, kediaman, sekolah, hospital dan bangunan komersil;
- bertanggungjawab menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing seperti elektrikal); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7411)

7411-01	Juruelektrik Bangunan
7411-02	Juruelektrik Pembinaan
7411-03	Juruelektrik

KUMPULAN UNIT 7412 MEKANIK DAN JURUGEGAS ELEKTRIK

Mekanik dan Jurugegas Elektrik melaraskan, membetulkan, memasang, menservis, dan membaiki pulih jentera elektrik, serta perkakas dan kelengkapan elektrik yang lain di dalam bangunan, kilang, bengkel, dan tempat lain.

Tugas merangkumi:

- memasang, menyelenggara, dan membaiki pulih kelengkapan elektrik yang berkaitan di pelbagai bangunan seperti sekolah, hospital, bangunan komersil, bangunan kediaman, dan struktur lain;
- melaraskan, membetulkan, dan membaiki pulih pelbagai jenis jentera dan motor elektrik, penjana, peralatan suis dan alat kawalan, alatan, atau bahagian elektrik pada lif dan kelengkapan yang berkaitan;
- melaraskan, membetulkan, dan membaiki pulih bahagian elektrik pada perkakas rumah, mesin perusahaan dan perkakas lain, atau perkakas elektrik dalam pesawat udara, kapal, dan kenderaan;
- memasang, menyelenggara, dan membaiki kelengkapan elektrik di dalam panggung wayang dan studio radio atau televisyen;
- memeriksa dan menguji produk elektrik buatan kilang;
- merancang dan menjalankan penyelenggaraan pencegahan dan berjadual bagi pemasangan elektrik;
- membbaiki sebarang kerosakan elektrik dan memulihkan perkakas suis voltan rendah serta membuat ujian elektrik pada setiap masa serta menyelenggara dan memeriksa semua pendawaian, suis, *starter panel and control panel* serta motor elektrik dan lain-lain yang berkenaan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7412)

7412-01	Penjaga Jentera Elektrik Gred J19
7412-02	Penjaga Jentera Elektrik Gred 11
7412-03	Penjaga Jentera Sekatan Voltan Tinggi
7412-04	Jurugegas Elektrik

KUMPULAN UNIT 7413 PEMASANG DAN PEMBAIK TALIAN ELEKTRIK

Pemasang dan Pembaik Talian Elektrik memasang dan membaiki pulih talian dan kabel kuasa, telefon, telegraf, dan televisyen.

Tugas merangkumi:

- memasang dan membaiki pulih talian kuasa elektrik dan tarikan elektrik atas dan bawah tanah;
- memasang dan membaiki pulih talian telefon dan telegraf atas dan bawah tanah;
- membuat sambungan pada kabel atas dan bawah tanah;
- bertanggungjawab menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing seperti elektrikal); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7413)

7413-01	Pemasang Talian Kuasa Elektrik
7413-02	Pekerja Talian Kabel
7413-03	Penyambung Kabel Elektrik
7413-04	Pemasang Kabel Bawah Tanah

KUMPULAN KECIL 742 PEMASANG DAN PEMBAIK ELEKTRONIK DAN TELEKOMUNIKASI

Pemasang dan Pembaik Elektronik dan Telekomunikasi melaras, membetulkan, memasang, menservis, dan membaik pulih perkakasan dan sistem kawalan elektronik, dan menyelenggara peralatan telekomunikasi, peralatan data transmisi, kabel, *antenna*, dan membaik pulih, melaras dan menyelenggara komputer.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

7421 MEKANIK DAN PENSERVIS ELEKTRONIK

7422 PEMASANG DAN PENSERVIS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

KUMPULAN UNIT 7421 MEKANIK DAN PENSERVIS ELEKTRONIK

Mekanik dan Penservis Elektronik memuatkan, menyelenggara, menyelaras dan membaik pulih peralatan dan mesin elektronik seperti mesin komersil dan pejabat, dan sistem kawalan elektronik.

Tugas merangkumi:

- memeriksa dan menguji mesin, perkakasan, komponen dan peralatan lain;
- memasang, menyesuaikan, membaiki atau menggantikan komponen elektrik dan elektronik; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7421)

7421-01	Jurugegas Elektronik
7421-02	Pembaik Elektronik
7421-03	Jurugegas Elektronik, Kelengkapan Perindustrian
7421-04	Jurugegas Elektronik, Kelengkapan Meteorologi

KUMPULAN UNIT 7422 PEMASANG DAN PENSERVIS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pemasang dan Penservis Teknologi Maklumat dan Komunikasi memasang, menservis dan menyelenggara peralatan telekomunikasi, data transmisi, kabel, *antena*, dan membaik pulih, memuat dan menyelenggara perkakasan komputer.

Tugas merangkumi:

- memasang, menservis, dan membaik pulih kelengkapan telekomunikasi;
- menyelenggara, menyelesaikan masalah, menguji dan membaiki komputer, peralatan penghantaran data dan persian komputer;
- memasang dan menyesuaikan perkakasan komputer;
- memasang, menyelenggara, membaiki dan mendiagnosis kerosakan *microwave*, telemetri, pemultipleksan, satelit dan lain-lain radio, dan gelombang elektromagnet sistem komunikasi;
- memberikan nasihat dan maklumat teknikal, dan memantau prestasi telekomunikasi kompleks rangkaian dan peralatan;
- memasang dan membaiki kabel untuk komputer, telefon, radio, dan penghantaran televisyen;
- memasang, menyelenggara dan membaik pulih *antena* yang digunakan dalam komunikasi; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7422)

7422-01	Pemasang Wayar Telefon
7422-02	Pemasang Telefon dan Telegraf
7422-03	Mekanik Telefon dan Telegraf
7422-04	Penservis Telefon dan Telegraf

SUB-UTAMA 75 PEKERJA PEMROSESAN MAKANAN DAN YANG BERKAITAN

Pekerja Pemprosesan Makanan dan yang Berkaitan mengolah dan memproses bahan mentah hasil pertanian, penternakan dan perikanan menjadi produk makanan dan produk lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

751 PEKERJA PEMROSESAN MAKANAN DAN YANG BERKAITAN**KUMPULAN KECIL 751 PEKERJA PEMROSESAN MAKANAN DAN YANG BERKAITAN**

Pekerja Pemprosesan Makanan dan yang Berkaitan menyembelih haiwan, memproses ikan, mengolah dan menyediakannya dan juga menyediakan makanan untuk kegunaan manusia dan haiwan, membuat pelbagai jenis roti, kek dan produk tepung yang lain, memproses dan mengawet buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan yang berkaitan, merasa dan menggred pelbagai produk makanan dan minuman, atau menyediakan tembakau dan membuat produk tembakau.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

7511 PEKERJA PEMROSESAN DAGING, IKAN, DAN PENYEDIA MAKANAN YANG BERKAITAN**7512 PEMBUAT ROTI, PASTRI, PASTA, DAN KONFEKSI****7513 PEMBUAT PRODUK TENUSU****7514 PENGAWET BUAH-BUAHAN, SAYUR-SAYURAN DAN YANG BERKAITAN****7515 PERASA DAN PENGGRED MAKANAN DAN MINUMAN****7516 PENYEDIA TEMBAKAU DAN PEMBUAT PRODUK TEMBAKAU****KUMPULAN UNIT 7511 PEKERJA PEMROSESAN DAGING, IKAN, DAN PENYEDIA MAKANAN YANG BERKAITAN**

Pekerja Pemproses Daging, Ikan dan Penyedia Makanan yang Berkaitan menyembelih haiwan, membersihkan, memotong dan menyang daging dan ikan, dan menyediakan barang makanan yang berkaitan, atau mengawet daging, ikan dan produk makanan lain dengan mengeringkan, menggaram atau menyalainya.

Tugas merangkumi:

- menyembelih haiwan;
- melapah dan membersihkan karkas;
- memotong dan menyang daging dan ikan untuk jualan atau proses selanjutnya;
- menyediakan ramuan dan membuat sosej serta produk yang seumpamanya dengan menggunakan mesin pencincang, pengadun dan pembentuk yang mudah;
- mengawet daging, ikan dan makanan lain;
- mengendalikan rumah asap atau ketuhar untuk mengasap daging, ikan dan barang makanan lain;
- memasak atau menyediakan daging, ikan dan barang makanan lain untuk jualan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7511)

7511-01	Penyembelih
7511-02	Pemotong Daging
7511-03	Penghiris Daging
7511-04	Pembuat Sosej

KUMPULAN UNIT 7512 PEMBUAT ROTI, PASTRI, PASTA, DAN KONFEKSI

Pembuat Roti, Pastri, Pasta, dan Konfeksi membuat pelbagai jenis roti, kek serta produk tepung yang lain, konfeksi coklat dan gula buatan tangan.

Tugas merangkumi:

- membuat roti, kek, biskut, pastri, pai, dan produk tepung yang lain;
- membuat konfeksi buatan tangan daripada campuran gula, coklat, dan ramuan lain dengan bantuan alat dan mesin tertentu;
- memeriksa kualiti bahan-bahan mentah untuk memastikan piawaian dan spesifikasi dipenuhi;
- memeriksa kebersihan peralatan dan operasi premis sebelum proses pengeluaran untuk memastikan pematuhan dengan kesihatan pekerjaan dan peraturan keselamatan;
- memantau suhu ketuhar dan keadaan produk untuk menentukan masa pembakaran; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7512)

7512-01	Pembuat Roti
7512-02	Pembuat Pastrri
7512-03	Pembuat Konfeksi
7512-04	Pembuat Coklat

KUMPULAN UNIT 7513 PEMBUAT PRODUK TENUSU

Pembuat Produk Tenusu memproses mentega, dan pelbagai jenis keju, krim atau produk tenusu lain.

Tugas merangkumi:

- membuat susu tepung, susu tanpa lemak, krim, susu pekat, susu cair, keju rikota, mentega, keju, dan produk tenusu yang lain;
- mendidihkan atau mempasteur susu untuk mencapai kandungan lemak mentega yang dikehendaki;
- memantau kualiti produk sebelum pembungkusan dengan memeriksa, mengambil sampel dan menyesuaikan keadaan rawatan apabila perlu; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7513)

7513-01	Pembuat Keju
7513-02	Pembuat Yogurt
7513-03	Pembuat Mentega

KUMPULAN UNIT 7514 PENGAWET BUAH-BUAHAN, SAYUR-SAYURAN DAN YANG BERKAITAN

Pengawet Buah-buahan, Sayur-sayuran dan yang Berkaitan memproses atau mengawet buah-buahan, kekacang, dan makanan yang berkaitan melalui pelbagai cara termasuk memasak, mengering, menggaram, atau mengekstrak jus atau minyak.

Tugas merangkumi:

- mengekstrak jus daripada pelbagai buah-buahan;
- mengekstrak minyak daripada biji, kacang atau buah-buahan yang mengandungi minyak;
- memasak, menggaram, atau mengeringkan buah-buahan, sayur-sayuran, dan makanan yang berkaitan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7514)

7514-01	Pengawet Buah
7514-02	Pengawet Sayuran
7514-03	Pembuat Jus Buah-Buahan
7514-04	Pembuat Sirap

KUMPULAN UNIT 7515 PERASA DAN PENGGRED MAKANAN DAN MINUMAN

Perasa dan Penggred Makanan dan Minuman memeriksa, merasa, dan menggred pelbagai jenis produk pertanian, makanan dan minuman.

Tugas merangkumi:

- memeriksa, menguji, dan merasa produk pertanian, makanan dan minuman;
- menentukan kualiti dan gred mengikut kelas yang sesuai; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7515)

7515-01	Perasa Makanan
7515-02	Perasa Minuman
7515-03	Penggred Makanan
7515-04	Perasa dan Penggred Teh

KUMPULAN UNIT 7516 PENYEDIA TEMBAKAU DAN PEMBUAT PRODUK TEMBAKAU

Penyedia Tembakau dan Pembuat Produk Tembakau menyediakan daun tembakau dan membuat pelbagai produk tembakau.

Tugas merangkumi:

- menggred daun tembakau yang telah diawet mengikut jenis, kualiti, dan tempat ia di tanam;
- mencampurkan daun tembakau mengikut formula bagi mendapatkan perisa yang berbeza;
- menjaga bekas vakum yang melembapkan tembakau untuk pemprosesan selanjutnya;
- membuang tulang daun dan tangkai daripada daun tembakau dan mencari tembakau;
- membuat cerut, rokok dan produk tembakau yang lain dengan tangan atau menggunakan mesin yang mudah; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7516)

7516-01	Penggred Tembakau
7516-02	Pembuat Cerut
7516-03	Pembuat Rokok
7516-04	Pemeriksa Kualiti Rokok

SUB-UTAMA 76 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN

Pekerja Kemahiran Lain merawat, membuat dan membaik pulih perabot kayu dan produk kayu lain; membuat pakaian, kasut dan yang berkaitan; menyelam dalam air; membedil dan membagas; menggred dan menguji produk (tidak termasuk makanan dan minuman); dan mengawal perosak.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 761 PERAWAT KAYU, PEMBUAT KABINET DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN**
762 PEMBUAT PAKAIAN DAN YANG BERKAITAN
763 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN DAN YANG BERKAITAN

KUMPULAN KECIL 761 PERAWAT KAYU, PEMBUAT KABINET DAN PEKERJA PERTUKANGAN YANG BERKAITAN

Perawat Kayu, Pembuat Kabinet dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan membuat, mencorak dan membaik pulih perabot kayu, bahagian kenderaan dan produk kayu lain. Mereka menggunakan peralatan tangan dan melaras serta mengendalikan peralatan kerja kayu dan proses kayu, dan peralatan jentera dan mesin.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 7611 PERAWAT KAYU**
7612 PEMBUAT KABINET DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
7613 PENGESET DAN PENGENDALI PERKAKAS MESIN UNTUK KERJA KAYU

KUMPULAN UNIT 7611 PERAWAT KAYU

Perawat Kayu mengeringkan dan mengawet kayu.

Tugas merangkumi:

- mengeringkan kayu melalui pengeringan udara di bawah cahaya matahari;
- merawat kayu dengan bahan kimia bagi melindunginya daripada reput atau parasit secara manual;
- menggred kayu atau venier mengikut saiz dan kualiti; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7611)

7611-01	Pengawet Kayu
7611-02	Perawat Kayu
7611-03	Pengering Kayu
7611-04	Penggred Kayu

KUMPULAN UNIT 7612 PEMBUAT KABINET DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Pembuat Kabinet dan Pekerja yang Berkaitan membuat, menghias dan membaiki pulih perabot kayu, roda, atau bahagian kayu yang lain pada kenderaan dan barangan lain seperti paip, kasut atau raket, dan kayu pemukul untuk sukan dengan menggunakan mesin kerja kayu, perkakas mesin dan perkakas tangan yang khusus.

Tugas merangkumi:

- membuat dan membaiki pulih barangan kayu seperti kabinet dan perabot lain dengan menggunakan mesin dan peralatan tangan untuk kerja kayu;
- membuat dan membaiki pulih kenderaan kayu, roda, atau bahagian kayu yang lain pada kenderaan;
- menghias perabot dan lekapan dengan menampal kayu, melapisinya dengan venier dan mengukir corak;
- membuat kemasan akhir pada permukaan barangan atau perabot kayu;
- bertanggungjawab menjalankan kerja pemeriksaan, servis dan senggaraan (berdasarkan bidang atau pengkhususan masing-masing); dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7612)

7612-01	Pembuat Kabinet
7612-02	Pembina Kereta Lembu
7612-03	Pembuat Perabot
7612-04	Pembuat Keranda

KUMPULAN UNIT 7613 PENGESET DAN PENGENDALI PERKAKAS MESIN UNTUK KERJA KAYU

Pengeset dan Pengendali Perkakas Mesin untuk Kerja Kayu mengeset atau mengendali dan memantau mesin kerja kayu automatik atau semi-automatik untuk memfabrikasi atau membaiki pulih bahagian kayu bagi perabot, lekapan dan produk kayu lain.

Tugas merangkumi:

- mengeset atau mengendali dan memantau mesin kerja kayu untuk memfabrikasi atau membaiki pulih bahagian kayu bagi perabot, lekapan dan produk kayu lain;
- mengeset dan menyesuaikan pelbagai mesin kerja kayu; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7613)

7613-01	Pelaras Mesin Kayu
7613-02	Pengendali Mesin Kayu
7613-03	Pengeset Mesin Kayu
7613-04	Operator Mesin Ukur (Kayu)

KUMPULAN KECIL 762 PEMBUAT PAKAIAN DAN YANG BERKAITAN

Pembuat Pakaian dan yang Berkaitan memuat, mengubah dan membaiki pakaian mengikut potongan badan; mereka bentuk dan membuat pakaian tekstil dan bulu, produk kulit atau bulu; membaiki, mengubah suai dan menghiasi pakaian, sarung tangan dan produk tekstil yang lain; mereka bentuk corak untuk pakaian; memasang, membaiki dan menggantikan upholsteri perabot, lekapan, peralatan ortopedik dan perabot kereta; mengemas, mengikis, menyamak dan mewarna bulu atau kulit; dan mengubahsuai dan membaiki kasut dan artikel kulit.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

7621 TUKANG JAHIT, PENJAHIT PAKAIAN, PENJAHIT PAKAIAN BULU, DAN PEMBUAT TOPI

7622 PEMBUAT-POLA DAN PEMOTONG PAKAIAN DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN

7623 PEMBUAT KASUT DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

7624 PEKERJA UPHOLSTERI DAN YANG BERKAITAN

7625 PENGEMAS KULIT BULU, PENYAMAK KULIT BINATANG, DAN PENYEDIA BELULANG

KUMPULAN UNIT 7621 TUKANG JAHIT, PENJAHIT PAKAIAN, PENJAHIT PAKAIAN BULU, DAN PEMBUAT TOPI

Tukang Jahit, Penjahit Pakaian, Penjahit Pakaian Bulu dan Pembuat Topi membuat sut, baju atau pakaian daripada kain, kulit atau apa-apa bahan lain, dan membaiki pakaian mengikut potongan badan atau terlibat dalam pembuatan pakaian siap, atau mengubah, membaiki dan membuat topi atau rambut palsu.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan mesin jahit jenis *standard* atau khas yang mempunyai satu jarum atau pelbagai jarum untuk membuat atau membaiki pakaian, sarung tangan atau produk lain dan menyulam tekstil, bulu atau kulit;
- membuat sut luar, sut, skirt, kemeja, blaus, pakaian dalam wanita, pakaian korset dan pakaian yang seumpamanya mengikut keperluan pelanggan;
- terlibat dalam pembuatan pakaian siap;
- menyulam rekaan hiasan pada pakaian atau bahan-bahannya;
- membuat pelbagai jenis topi;
- meminda, mengubah fesyen, dan membaiki pakaian;
- membuat dan menguruskan pakaian yang digunakan dalam teater, produksi televisyen dan wayang gambar;
- membuat rambut palsu menurut spesifikasi, dan melekatkan rambut pada kain pelapik;
- memasang payung siap dengan mencantumkan pelbagai bahagian komponen seperti rangka besi yang boleh ditutup, spring dan kain payung;
- menjahit layar, khemah, kajang dan bahan-bahan berkaitan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7621)

7621-01	Tukang Jahit
7621-02	Tukang Jahit Pakaian
7621-03	Pembuat Topi Wanita
7621-04	Pembuat Songkok

KUMPULAN UNIT 7622 PEMBUAT-POLA DAN PEMOTONG PAKAIAN DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN

Pembuat-Pola dan Pemotong Pakaian dan Bahan Lain yang Berkaitan menandakan dan memotong tekstil, kulit dan bahan lain dalam pembuatan pakaian, sarung tangan dan pelbagai produk.

Tugas merangkumi:

- melukis dan memotong pola untuk membuat sut, baju, kemeja, blaus, sarung tangan, topi dan juga pakaian lain;
- membuat garis bentuk pola pada pakaian, kulit, atau bahan lain sebagai panduan untuk memotong;
- memotong bahan mengikut garis bentuk pola untuk membuat pakaian, sarung tangan dan barangan yang berkaitan;
- menjalankan kerja membuat pola, menandakan dan memotong bahan dalam pembuatan produk lain seperti hiasan, payung dan barangan kanvas; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7622)

7622-01	Pembuat-Pola, Pakaian
7622-02	Pembuat-Pola, Topi
7622-03	Pembuat Pakaian
7622-04	Pemotong Pakaian

KUMPULAN UNIT 7623 PEMBUAT KASUT DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Pembuat Kasut dan Pekerja yang Berkaitan membuat dan membaiki kasut biasa atau kasut khas, topi dan sarung tangan kulit, membuat beg, beg tangan dan tali pinggang kulit asli atau kulit campuran atau terlibat di dalam pembuatan barang-barang yang berkaitan.

Tugas merangkumi:

- membuat pola kasut untuk dijadikan panduan dalam proses memotong bahagian-bahagian kasut;
- memotong, menyediakan dan memasang bahagian-bahagian kasut;
- menjahit/ mencantumkan bahagian-bahagian kasut;
- membuat kasut biasa atau kasut ortopedik kepada individu-individu yang memerlukannya;
- membuat kasut tempahan khas;
- memeriksa dan menyiapkan kasut;
- membaiki kasut;
- membuat dan membaiki pelana dan abah-abah untuk haiwan, membuat beg, beg tangan, dompet, beg bimbis, beg kulit dan lain-lain aksesori;
- membuat dan membentuk untuk bahan-bahan kulit;
- menjahit dan menyulam kulit dengan tangan atau mesin; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7623)

7623-01	Pembuat Kasut
7623-02	Pembuat Kasut Bedah
7623-03	Pembuat Kasut Ortopedik
7623-04	Pembaik Kasut

KUMPULAN UNIT 7624 PEKERJA UPHOLSTERI DAN YANG BERKAITAN

Pekerja Upholsteri dan yang Berkaitan memasang, membaiki dan menggantikan upholsteri perabot, lekapan, peralatan ortopedik, kerusi, panel, vinil dan perabot kereta yang lain, serta gerabak kereta api, pesawat udara dan kapal. Mereka juga membuat dan membaiki kusyen, kulit dan tilam.

Tugas merangkumi:

- memasang, menyusun, dan mengikat spring, pad dan bahan penutup pada bingkai perabot;
- menyesuaikan dan memasang sarung dan kusyen tempat duduk, dan aksesori lain pada kenderaan seperti kereta, bas, gerabak kereta api dan pesawat udara;
- membuat tilam;
- menyesuaikan dan memasang hiasan lembut dan hiasan dalaman daripada tekstil, kulit dan bahan yang seumpamanya;
- membaiki pulih bahagian upholsteri pada perabot, tilam dan produk berkaitan yang sudah lusuh; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7624)

7624-01	Pembuat Upholsteri Perabot
7624-02	Pembuat Upholsteri Kenderaan
7624-03	Pembuat Tilam
7624-04	Pembuat Kusyen

KUMPULAN UNIT 7625 PENGEMAS KULIT BULU, PENYAMAK KULIT BINATANG, DAN PENYEDIA BELULANG

Pengemas Kulit Bulu, Penyamak Kulit Binatang, dan Penyedia Belulang menyediakan belulang dan kulit untuk membuat produk daripada kulit haiwan.

Tugas merangkumi:

- mengasingkan dan menggred kulit bulu, belulang dan kulit;
- membuang daging dan lemak daripada kulit bulu sebelum mengawetnya;
- membuang daging dan bulu daripada belulang;
- membuang bulu kasar yang panjang dan merapikan bulu supaya sama panjang;
- mengendalikan mesin untuk melapah belulang ke bahagian tepi;
- mengolah belulang untuk dijadikan kulit;
- mencelup kulit bulu;
- mengemas dan mencelup serta mewarnakan kulit;
- meregangkan dan melicinkan kulit bulu yang sudah dikemas; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7625)

7625-01	Pengemas Kulit Bulu
7625-02	Penyamak Kulit
7625-03	Penyedia Belulang
7625-04	Penyertu Kulit

KUMPULAN KECIL 763 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN DAN YANG BERKAITAN

Pekerja Kemahiran Lain dan yang Berkaitan terlibat dalam aktiviti yang berkaitan dengan menyelam dalam air; membedil dan membagas; menggred dan menguji produk (tidak termasuk makanan dan minuman); dan mengasap dan mengawal perosak dan rumpai.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

7631 PENYELAM DALAM AIR

7632 PEMBEDIL DAN PEMBAGAS

7633 PENGGRED DAN PENGUJI PRODUK (TIDAK TERMASUK MAKANAN DAN MINUMAN)

7634 PENGASAP DAN PENGAWAL PEROSAK DAN RUMPAI

7639 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN DAN YANG BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 7631 PENYELAM DALAM AIR

Penyelam Dalam Air bekerja di bawah permukaan air, dengan menggunakan peralatan pernafasan untuk memeriksa, memasang, membaiki, dan mengeluarkan peralatan dan struktur, menjalankan pengujian atau eksperimen, letupan pelantar, mengambil fotografi struktur atau kehidupan marin, atau membaiki pulih barangan dan mencari orang yang hilang.

Tugas merangkumi:

- mengambil langkah-langkah keselamatan seperti memantau kepanjangan dan kedalaman penyelaman, dan mendaftar dengan pihak berkuasa sebelum ekspedisi menyelam bermula;
- memeriksa dan menyelenggara peralatan menyelam seperti topi keledar, topeng, tangki udara, sut menyelam, abah-abah dan tolok;
- bekerja di bawah air untuk memasang dan membaiki jambatan, jeti dan dinding-pelabuhan asas;
- memeriksa kerosakan yang disyaki dan membuat pembaikan kecil kepada badan kapal dan pemasangan air;
- membuat laporan mengenai kerosakan kapal;
- mengeluarkan hadangan dalam air;
- menggerudi lubang untuk letupan dalam air;
- menjalankan pelbagai tugas dalam air yang berkaitan dengan kerja menyelamat atau mencari mayat;
- berkomunikasi dengan pekerja di permukaan air, manakala di dalam air, menggunakan talian isyarat atau telefon;
- mendapatkan maklumat tentang tugas menyelam dan keadaan alam sekitar; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7631)

7631-01	Juruselam
7631-02	Juruselam, Pembinaan
7631-03	Pekerja Dalam Air
7631-04	Juruselam Dalam Air

KUMPULAN UNIT 7632 PEMBEDIL DAN PEMBAGAS

Pembedil dan Pembagas memasang, menempatkan dan meledakkan bahan letupan untuk mengalihkan atau memecahkan tanah dan batuan, atau merobohkan bangunan.

Tugas merangkumi:

- memasang, menempatkan dan meledakkan bahan letupan untuk mengalihkan, memecahkan tanah dan batuan, atau merobohkan bangunan;
- memastikan keselamatan di tempat kerja, dan prosedur dan peraturan-peraturan pengendalian bahan letupan, penyimpanan dan pengangkutan dipatuhi;
- merancang dan memberi arahan untuk menyusun atur dan menganggar kedalaman dan diameter lubang letupan;
- memeriksa kedalaman dan kebersihan lubang letupan;

- e) menentukan kuantiti dan jenis bahan letupan yang digunakan;
- f) memasukkan bahan letupan ke dalam lubang letupan;
- g) memastikan semua bahan letupan diletupkan, dan membuat laporan;
- h) mengisytiharkan kawasan letupan selamat sebelum dan selepas letupan; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7632)

7632-01	Pembedil
7632-02	Pembagas
7632-03	Pekerja Letupan
7632-04	Peletup

KUMPULAN UNIT 7633 PENGRED DAN PENGUJI PRODUK (TIDAK TERMASUK MAKANAN DAN MINUMAN)

Penggred dan Penguji Produk (Tidak Termasuk Makanan dan Minuman) memeriksa, menguji, mengisih, membuat sampel, dan menimbang bahan mentah dan barangan yang dihasilkan atau dijual untuk memastikan pematuhan kepada standard kualiti, dan untuk mengenal pasti kecacatan, pemakaian, dan penyelewengan daripada spesifikasi, dan untuk menggred dan mengelaskan mengikut kualiti.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa dan menguji produk (tidak termasuk makanan dan minuman) pada pelbagai peringkat pemrosesan untuk menentukan kualiti dan gred mengikut kelas yang sesuai;
- b) memeriksa dan mengesahkan gred produk;
- c) menjalankan pemeriksaan bagi menentukan pematuhan kebersihan, gred, kualiti, dan *standard* pelabelan;
- d) mendapatkan sampel produk;
- e) memeriksa dan mengesyorkan lesen penggred industri;
- f) mengeluarkan perintah penangguhan dan/ atau perintah pelupusan;
- g) memberi keterangan dalam perbincangan dan tindakan mahkamah seperti yang dikehendaki; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7633)

7633-01	Penggred Gentian
7633-02	Inspektor Kualiti
7633-03	Pengelas Benang Bulu

KUMPULAN UNIT 7634 PENGASAP DAN PENGAWAL PEROSAK DAN RUMPAI

Pengasap dan Pengawal Perosak dan Rumpai menggunakan bahan kimia untuk menghapuskan serangga berbahaya, haiwan kecil, tumbuh-tumbuhan liar dan lain-lain organisma yang tidak diingini untuk mengelakkan kerosakan kepada tanaman, bangunan dan struktur lain, dan persekitaran mereka dan bagi mengelakkan risiko kesihatan.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa bangunan atau kawasan luar bangunan;
- b) mengambil langkah keselamatan dalam penggunaan dan penyimpanan kimia;
- c) memutuskan tindakan untuk mengawal atau menghapuskan perosak;
- d) menyediakan anggaran bayaran dan bil untuk klien;
- e) menyediakan dan menyembur campuran kimia dengan menggunakan pelbagai kelengkapan;
- f) menyelenggara kelengkapan supaya berada dalam keadaan selamat dan boleh digunakan dengan cekap;
- g) menyelenggara rekod kerja bagi setiap harta yang diperiksa, masalah perosak atau rumpai, bahan kimia yang digunakan dan jumlah masa yang diambil di setiap lokasi;
- h) meletakkan dan memasang perangkap;
- i) menasihatkan klien tentang cara mencegah serangan perosak; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7634)

7634-01	Penghapus Perosak
7634-02	Pengasap
7634-03	Pekerja Pengasap Lebah
7634-04	Pekerja Pengasap Nyamuk

KUMPULAN UNIT 7639 PEKERJA KEMAHIRAN LAIN DAN YANG BERKAITAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA


Pekerja Kemahiran Lain dan yang Berkaitan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana Kumpulan Kecil 763: Pekerja Kemahiran Lain dan Pekerja Yang Berkaitan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pengemas lensa optik, pembuat acuan lensa optik, operator kamera dan pembantu kemahiran Gred H19.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan kamera;
- b) memanaskan, membentuk dan menekan kaca optik untuk membuat kanta kosong;
- c) mencanai dan menggilap kanta kosong; dan
- d) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 7639)

7639-01	Pengemas Lensa Optik
7639-02	Pembuat Acuan Lensa Optik
7639-03	Operator Kamera
7639-04	Pembantu Kemahiran Gred H19



KUMPULAN 8
OPERATOR MESIN
DAN LOJI, DAN
PEMASANG

OPERATOR MESIN DAN LOJI, DAN PEMASANG

8

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

81 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN

811 OPERATOR LOJI PERLOMBONGAN DAN PEMROSESAN GALIAN

- 8111 PELOMBONG DAN PEKERJA KUARI
- 8112 OPERATOR LOJI PEMROSESAN GALIAN DAN BATU
- 8113 PENGGERUDI DAN PENGOREK TELAGA DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 8114 OPERATOR MESIN PRODUK SIMEN, BATU, DAN GALIAN LAIN

812 OPERATOR LOJI PEMROSESAN DAN PENGEMAS LOGAM

- 8121 OPERATOR LOJI PEMROSESAN LOGAM
- 8122 OPERATOR MESIN PENGEMAS, PENYADUR, DAN PENYALUT LOGAM

813 OPERATOR MESIN DAN LOJI PRODUK KIMIA DAN FOTOGRAFI

- 8131 OPERATOR MESIN DAN LOJI PRODUK KIMIA
- 8132 OPERATOR MESIN PRODUK FOTOGRAFI

814 OPERATOR MESIN PRODUK GETAH, PLASTIK, DAN KERTAS

- 8141 OPERATOR MESIN PRODUK GETAH
- 8142 OPERATOR MESIN PRODUK PLASTIK
- 8143 OPERATOR MESIN PRODUK KERTAS

815 OPERATOR MESIN PRODUK TEKSTIL, BULU, DAN KULIT

- 8151 OPERATOR MESIN PENYEDIA GENTIAN, PEMINTAL, DAN PELILIT
- 8152 OPERATOR MESIN TENUN DAN KAIT
- 8153 OPERATOR MESIN JAHIT
- 8154 OPERATOR MESIN PELUNTUR, PENCELUP, DAN PENCUCI FABRIK
- 8155 OPERATOR MESIN PENYEDIA BULU DAN KULIT
- 8156 OPERATOR MESIN MEMBUAT KASUT DAN YANG BERKAITAN
- 8157 OPERATOR MESIN DOBI
- 8159 OPERATOR MESIN PRODUK TEKSTIL, BULU, DAN KULIT YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

816 OPERATOR MESIN PRODUK MAKANAN DAN YANG BERKAITAN

- 8161 OPERATOR MESIN PRODUK MAKANAN DAN YANG BERKAITAN

817 OPERATOR LOJI PEMROSESAN KAYU DAN PEMBUATAN KERTAS

- 8171 OPERATOR LOJI PULPA DAN PEMBUATAN KERTAS
- 8172 OPERATOR LOJI PEMROSESAN KAYU
- 8173 OPERATOR MESIN PRODUK KAYU

818 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN YANG LAIN

- 8181 OPERATOR LOJI KACA DAN SERAMIK
- 8182 OPERATOR ENJIN DAN DANDANG STIM
- 8183 OPERATOR MESIN PEMBUNGKUS, PEMBOTOL, DAN PELABEL
- 8189 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

82 PEMASANG

821 PEMASANG

- 8211 PEMASANG JENTERA MEKANIKAL
- 8212 PEMASANG KELENGKAPAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
- 8213 PEMASANG PRODUK KULIT, LOGAM, GETAH, DAN PLASTIK
- 8219 PEMASANG YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

822 OPERATOR-PENGESET PERALATAN-MESIN

- 8221 OPERATOR-PENGESET PERALATAN-MESIN

83 PEMANDU DAN OPERATOR LOJI BERGERAK

831 PEMANDU ENJIN LOKOMOTIF DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

- 8311 PEMANDU ENJIN LOKOMOTIF
- 8312 OPERATOR BREK, ISYARAT, DAN SUIS LANDASAN KERETAPI

832 PEMANDU KERETA, VAN, DAN MOTOSIKAL

- 8321 PENUNGGANG (PEMANDU) MOTOSIKAL
- 8322 PEMANDU KERETA, TEKSI, DAN VAN

833 PEMANDU TRAK BERAT DAN BAS

- 8331 PEMANDU BAS DAN TREM
- 8332 PEMANDU TRAK BERAT DAN LORI

834 OPERATOR LOJI BERGERAK

- 8341 OPERATOR LOJI BERGERAK BAGI LADANG DAN PERHUTANAN
- 8342 OPERATOR LOJI TOLAK TANAH DAN YANG BERKAITAN
- 8343 OPERATOR LOJI KREN, TAKAL DAN YANG BERKAITAN
- 8344 OPERATOR TRAK ANGKAT

835 KELASI KAPAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

- 8351 KELASI KAPAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

OPERATOR MESIN DAN LOJI, DAN PEMASANG

**KUMPULAN
SUB-UTAMA**

81

82

83

81 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN

82 PEMASANG

83 PEMANDU DAN OPERATOR LOJI BERGERAK

OPERATOR MESIN DAN LOJI, DAN PEMASANG

Deskripsi	<p>Mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian; memandu dan mengendalikan kereta api, kenderaan bermotor, jentera dan kelengkapan bergerak; atau memasang bahagian komponen produk mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat.</p> <p>Kerja tersebut biasanya memerlukan pengalaman dan pemahaman berkaitan jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian, serta kebolehan mengawal operasi yang menggunakan mesin, dan menyesuaikan diri dengan pembaharuan teknologi.</p>
Tahap Kemahiran	<p>Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan ini memerlukan kemahiran tahap kedua.</p>

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 81 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN
- 82 PEMASANG
- 83 PEMANDU DAN OPERATOR LOJI BERGERAK

SUB-UTAMA 81 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN

Operator Mesin dan Loji Pegun mengendalikan dan mengawasi loji perindustrian, jentera dan peralatan yang pegun sama ada di tempat atau dengan alat kawalan jauh, atau di mana mobiliti adalah bukan merupakan sebahagian daripada operasi.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 811 OPERATOR LOJI PERLOMBONGAN DAN PEMROSESAN GALIAN
- 812 OPERATOR LOJI PEMROSESAN DAN PENGEMAS LOGAM
- 813 OPERATOR MESIN DAN LOJI PRODUK KIMIA DAN FOTOGRAFI
- 814 OPERATOR MESIN PRODUK GETAH, PLASTIK, DAN KERTAS
- 815 OPERATOR MESIN PRODUK TEKSTIL, BULU, DAN KULIT
- 816 OPERATOR MESIN PRODUK MAKANAN DAN YANG BERKAITAN
- 817 OPERATOR LOJI PEMROSESAN KAYU DAN PEMBUATAN KERTAS
- 818 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN YANG LAIN

KUMPULAN KECIL 811 OPERATOR LOJI PERLOMBONGAN DAN PEMROSESAN GALIAN

Operator Loji Perlombongan dan Pemprosesan Galian mengendalikan dan mengawasi loji dan jentera yang mengekstrak batu dan mineral dari bumi, memproses mineral dan batu, menggerudi telaga dan lubang, dan membuat produk akhir bagi simen dan batu.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 8111 PELOMBONG DAN PEKERJA KUARI
- 8112 OPERATOR LOJI PEMROSESAN GALIAN DAN BATU
- 8113 PENGGERUDI DAN PENGOREK TELAGA DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 8114 OPERATOR MESIN PRODUK SIMEN, BATU, DAN GALIAN LAIN

KUMPULAN UNIT 8111 PELOMBONG DAN PEKERJA KUARI

Pelombong dan Pekerja Kuari mengendalikan jentera, loji dan alat tangan, serta mengekstrak galian pepejal dari lombong bawah tanah atau lombong dedah atau kuari.

Tugas merangkumi:

- a) mengekstrak arang batu, bijih dan galian pepejal yang lain dari lombong bawah tanah atau lombong dedah;
- b) mengekstrak granit, batu kapur, batu loh, flin, atau jenis batuan lain dari kuari;
- c) mengeset dan mengendalikan mesin yang menebuk saluran atau menggerudi lubang letupan ke dalam permukaan terdedah lombong atau kuari;

- d) memotong, melaraskan dan memasang penyangga kayu atau keluli;
- e) memasang tiang dan gerbang untuk menyokong dinding dan bumbung bagi kerja bawah tanah;
- f) mengambil sampel batu arang atau bijih untuk analisis makmal;
- g) mengekstrak kapur, tanah liat, batu kelikir, atau pasir dari lombong dedah;
- h) memastikan pematuhan terhadap prosedur dan peraturan keselamatan tempat kerja;
- i) mengendalikan dan mengawasi jentera perlombongan; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8111)

8111-01	Pelombong
8111-02	Pekerja Kuari
8111-03	Operator Mesin Gerudi
8111-04	Operator Mesin Gerudi, Lombong

KUMPULAN UNIT 8112 OPERATOR LOJI PEMROSESAN GALIAN DAN BATU

Operator Loji Pemprosesan Galian dan Batu mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan untuk memproses bijih logam dan batu.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan dan mengawasi kelengkapan yang menghancurkan dan memecahkan ketulan galian dan batu kepada saiz yang dikehendaki;
- b) mengendalikan dan mengawasi kelengkapan membasuh, mengasingkan, melarutlesapkan, memendakkan, menuras, mengekstrak dan mencampur untuk membasuh bijih galian bagi membuang bahan sisa;
- c) mencampurkan bijih galian dengan pelarut untuk memudahkan pemprosesan selanjutnya;
- d) mengasingkan pekatan logam atau galian daripada endapan bijih atau lanar dengan memekatkan, mengapungkan, mengasingkan secara graviti, menuras, atau mengasingkan secara magnetik atau elektrostatik; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8112)

8112-01	Operator Mesin, Pemprosesan Batu
8112-02	Operator Mesin, Pengasing Batu
8112-03	Operator Mesin, Penghancur Batu
8112-04	Operator Mesin, Pengisar Batu

KUMPULAN UNIT 8113 PENGGERUDI DAN PENGOREK TELAGA DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Penggerudi dan Pengorek Telaga dan Pekerja yang Berkaitan menetapkan, memasang dan mengendalikan jentera penggerudian dan peralatan berkaitan untuk menggali telaga, mengekstrak bijih, cecair dan gas, atau untuk pelbagai tujuan lain.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dan mengendalikan peranti pengendalian paip derik dan pam slusy;
- b) mengendalikan jentera dan peralatan penggerudian jenis putar atau tukul untuk menggerudi telaga minyak atau gas;
- c) membersihkan dan menyelenggarakan telaga minyak atau gas, dan menggantikan rod, selongsong dan tiub pengepam; dan
- d) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8113)

8113-01	Operator, Peralatan Gerudi
8113-02	Operator, Peralatan Gerudi Kabel
8113-03	Operator, Peralatan Gerudi Telaga
8113-04	Operator, Derik Telaga Minyak dan Gas

KUMPULAN UNIT 8114 OPERATOR MESIN PRODUK SIMEN, BATU, DAN GALIAN LAIN

Operator Mesin Produk Simen, Batu, dan Galian Lain mengendalikan dan mengawasi mesin penyemperit, pengacuan, pencampur, pengisar, dan pemotong yang mengeluarkan dan mengemaskan pelbagai produk konkrit dan batu pratuang, atau yang membina batu tuang untuk tujuan membuat bangunan.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin penyemperit, pengacuan, pengisar, dan pemotong yang mengeluarkan dan mengemaskan pelbagai produk konkrit dan batu pratuang seperti batu ubin, tiang pagar, bahagian paip dan pelapik parit teracu, papak bagi dinding dan sesekat, komponen bangunan, penyalur kabel, dan penyalur pengestrak wasap dan debu;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mencampurkan pasir, batu kelikir, simen, dan air untuk membuat konkrit;
- mengendalikan loji dan mesin yang berat dan mencampur pasir, kelikir, simen, air dan bahan-bahan lain untuk membuat konkrit;
- memotong, mengisar, menggerudi, membagas pasir dan menggilap produk konkrit dan blok batu; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8114)

8114-01	Operator Mesin, Pembancuh Konkrit
8114-02	Operator Mesin, Produk Konkrit Tuang
8114-03	Operator Mesin, Produk Simen
8114-04	Operator Mesin, Asbestos

KUMPULAN KECIL 812 OPERATOR LOJI PEMROSESAN DAN PENGEMAS LOGAM

Operator Loji Pemprosesan dan Pengemas Logam mengendalikan dan mengawasi relau pelebur bijih, relau penukar dan penghalus logam, mesin pengelek logam, dan loji pengolahan haba logam atau penyemperitan logam.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

8121 OPERATOR LOJI PEMROSESAN LOGAM**8122 OPERATOR MESIN PENGEMAS, PENYADUR, DAN PENYALUT LOGAM****KUMPULAN UNIT 8121 OPERATOR LOJI PEMROSESAN LOGAM**

Operator Loji Pemprosesan Logam mengendalikan dan mengawasi relau pelebur bijih, relau penukar dan penghalus logam, mesin pengelek logam, dan loji pengolahan haba logam atau penyemperitan logam.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin pengelek untuk membentuk keluli panas atau sejuk mengikut bentuk untuk pemprosesan selanjutnya, atau mengikut bentuk akhir;
- mengendalikan dan mengawasi mesin pengelek untuk membuat atau membentuk logam bukan ferus panas atau sejuk kepada bentuk tertentu, seperti plat, kepingan, atau kerajang;
- menuang logam lebur ke dalam acuan serta mengendalikan dan mengawasi mesin tuang;
- memerhatikan tolok, meter, cetakan komputer, monitor video dan produk untuk memastikan operasi yang betul;
- mengesahkan keadaan pemprosesan yang ditetapkan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8121)

8121-01	Operator Relau
8121-02	Operator Relau, Penghalusan Keluli
8121-03	Operator Relau, Penukaran Keluli
8121-04	Operator Pengelek Panas, Keluli

KUMPULAN UNIT 8122 OPERATOR MESIN PENGEMAS, PENYADUR, DAN PENYALUT LOGAM

Operator Mesin Pengemas, Penyadur, dan Penyalut Logam mengendalikan dan mengawasi kelengkapan yang mengemaskan, menyadur dan menyalut barangan logam atau bahagiannya untuk memberi lebih rintangan terhadap kakisan dan lelasan bagi tujuan hiasan, atau untuk memberi sifat elektrik atau magnet.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi kelengkapan yang membersihkan barangan logam dalam penyediaan untuk proses pengelektrosaduran, penggalvanian, penguamelan, atau proses yang seumpamanya;

- b) mengendalikan dan mengawasi kelengkapan pengelektrosaduran;
- c) mengendalikan dan mengawasi kelengkapan celup panas yang digunakan untuk menyalut produk besi dan keluli;
- d) mengendalikan dan mengawasi mesin yang menyalut dawai dengan logam bukan ferus secara automatik;
- e) mengendalikan dan mengawasi kelengkapan yang digunakan untuk menyembur logam lebur atau bahan lain pada produk logam untuk memberi salutan perlindungan atau hiasan, atau untuk memberi kesan haus atau rosak pada permukaan;
- f) mengendalikan dan mengawasi kelengkapan untuk mengoksidakan permukaan logam kepada kemasan hiasan melalui proses kimia;
- g) mengendalikan kelengkapan pembagasan pasir untuk membersihkan dan melicinkan permukaan bahagian logam;
- h) mengendalikan mesin untuk mengemas secara separa permukaan barangan logam tuang;
- i) mengendalikan dan mengawasi kelengkapan yang digunakan untuk memberi kemasan tahan karat pada barangan logam dengan mengolahnya menggunakan kimia dan memanaskannya; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8122)

8122-01	Operator Mesin, Pengelektroplatan Logam
8122-02	Penyadur Elektroplat
8122-03	Operator Mesin, Pencelupan Logam
8122-04	Penyadur Celup Panas

KUMPULAN KECIL 813 OPERATOR MESIN DAN LOJI PRODUK KIMIA DAN FOTOGRAFI

Operator Mesin dan Loji Produk Kimia dan Fotografi mengendalikan dan mengawasi mesin yang memproses pelbagai jenis bahan kimia dan ramuan lain untuk menghasilkan produk farmaseutikal, kelengkapan dandanan diri, bahan letupan dan fotografi, atau produk kimia yang lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

8131 OPERATOR MESIN DAN LOJI PRODUK KIMIA

8132 OPERATOR MESIN PRODUK FOTOGRAFI

KUMPULAN UNIT 8131 OPERATOR MESIN DAN LOJI PRODUK KIMIA

Operator Mesin dan Loji Produk Kimia mengawasi dan mengendalikan unit dan jentera untuk mengadun, mencampur, memproses, dan membungkus pelbagai jenis produk kimia.

Tugas merangkumi:

- a) mengeset, menghidupkan, mengawal, melaraskan, dan menghentikan mesin dan loji;
- b) mengawasi proses tindak balas dan memindahkan produk dengan mematuhi prosedur keselamatan;
- c) mengawasi meter, tolok, dan peralatan elektronik bagi satu bahan kimia atau lebih;
- d) mengawasi unit perumusan seperti pembancuh, cerek, pengisar, pengering, mesin pembuat tablet, pengkapsulan, penbutiran dan penyalutan;
- e) mengukur, menimbang dan memasukkan ramuan kimia mengikut kad rumusan;
- f) mengambil sampel dan menjalankan ujian kimia dan fizikal secara rutin, dan merekodkan data pengeluaran; dan
- g) membersihkan dan menjalankan pembaikan kecil ke atas mesin dan loji.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8131)

8131-01	Operator Mesin, Pembancuh Cat
8131-02	Operator Mesin, Pembancuh dan Pengadun Proses Kimia
8131-03	Operator Mesin, Pembancuh Gam
8131-04	Operator Mesin, Penghalus Proses Kimia

KUMPULAN UNIT 8132 OPERATOR MESIN PRODUK FOTOGRAFI

Operator Mesin Produk Fotografi mengendalikan dan mengawasi kelengkapan yang digunakan untuk membuat filem dan kertas fotografi, dan untuk memproses filem fotografi dedahan, dan membuat gambar cetak.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi kelengkapan untuk membuat filem dan kertas fotografi;
- mengendalikan, mengawasi, dan menguji kelengkapan memproses dan mencetak fotografi, dan mengekalkan *standard* operasi;
- menyediakan filem dedahan bagi kelompok pemrosesan yang berbeza di dalam bilik gelap dan kebuk gelap;
- memeriksa imej, filem dan gambar cetak, dan melaraskan pengeset pada kelengkapan membuat gambar cetak untuk menghasilkan warna, kecerahan, beza jelas, bilangan, saiz dan jenis gambar cetak yang dikehendaki;
- melaraskan pengeset dan mengendalikan kelengkapan mencuci gambar automatik;
- mengendalikan kelengkapan untuk memindahkan filem ke dalam pita video atau media elektronik yang lain;
- mengendalikan kelengkapan automatik (di kedai jualan runcit) untuk mencuci negatif, gambar cetak, dan slaid warna; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan dengan pemrosesan fotografi.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8132)

8132-01	Pembantu Am, Ahli Fotografi
8132-02	Operator Mesin, Pencetakan Fotografi
8132-03	Operator Mesin, Penghasilan Fotografi
8132-04	Operator Mesin, Pengimbasan dan Perfileman

KUMPULAN KECIL 814 OPERATOR MESIN PRODUK GETAH, PLASTIK, DAN KERTAS

Operator Mesin Produk Getah, Plastik, dan Kertas mengendalikan dan mengawasi mesin yang menguli dan mengadun getah dengan sebatian getah, dan menghasilkan pelbagai komponen dan produk daripada getah asli dan tiruan dan juga plastik, atau menghasilkan pelbagai jenis produk daripada kertas, *paperboard*, kadbod dan bahan yang seumpamanya.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 8141 OPERATOR MESIN PRODUK GETAH**
- 8142 OPERATOR MESIN PRODUK PLASTIK**
- 8143 OPERATOR MESIN PRODUK KERTAS**

KUMPULAN UNIT 8141 OPERATOR MESIN PRODUK GETAH

Operator Mesin Produk Getah mengendalikan dan mengawasi mesin yang menguli dan mengadun getah dengan sebatian getah, dan menghasilkan pelbagai komponen dan produk daripada getah asli dan tiruan seperti kasut teracu, barangan rumah, bahan penebat, aksesori perindustrian, atau tayar basikal, kereta, traktor, pesawat udara dan kenderaan lain.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menguli, mencampur, dan mengadun getah dengan sebatian getah untuk pemrosesan selanjutnya;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mengeluarkan kepingan getah atau fabrik bersalut getah melalui proses pengelekan;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menyemperit getah tercampur atau membentuk getah yang divulkan melalui pengacuan;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang membuat tayar mengikut bentuk, memvulkan tayar, dan mencelup atau membuat semula tayar terpakai;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mengeluarkan produk getah seperti hos, beg udara, busa getah untuk kusyen dan tilam, cap getah, dan sebagainya; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8141)

8141-01	Operator Mesin, Pengisar Getah
8141-02	Operator Mesin, Penyembul Getah
8141-03	Operator Mesin, Penekan Acuan Getah
8141-04	Operator Mesin, Kalender Getah

KUMPULAN UNIT 8142 OPERATOR MESIN PRODUK PLASTIK

Operator Mesin Produk Plastik mengendalikan dan mengawasi mesin yang menguli dan mengadun sebatian untuk mendapatkan bahan plastik, dan mesin yang membuat pelbagai komponen dan barangan plastik.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menguli, mencampur, dan mengadun sebatian untuk mendapatkan bahan plastik;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang membentuk bahan plastik melalui pengacuan, penyemperitan, pemotongan, dan juga melalui cara lain;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menyalut plastik dan bahan mengandungi plastik;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menekan serbuk plastik menjadi pelet;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mencetak corak timbul pada kepingan plastik;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang membuat produk plastik seperti barangan rumah, kasut teracu, barang mainan, dan aksesori perindustrian; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8142)

8142-01	Operator Mesin, Pembancuh Plastik
8142-02	Operator Mesin, Penekan Laminat Plastik
8142-03	Operator Mesin, Penyembul Plastik
8142-04	Operator Mesin, Acuan Mampat Plastik

KUMPULAN UNIT 8143 OPERATOR MESIN PRODUK KERTAS

Operator Mesin Produk Kertas mengendalikan dan mengawasi mesin yang menghasilkan kotak, sampul surat, beg dan produk lain daripada kertas, paperboard, kadbod, selofan, dan bahan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan mesin yang melekatkan kertas pada kadbod, memotongnya mengikut panjang yang dikehendaki atau memotong dan melipat kadbod atau papan kertas untuk membuat kotak;
- mengendalikan mesin penekan yang membuat cawan atau bekas lain daripada kertas, paperboard, atau kadbod;
- mengendalikan mesin yang memotong, melipat, dan melekatkan kertas untuk membuat sampul surat dan beg kertas, atau yang membuat beg daripada bahan lain;
- mengendalikan mesin yang membuat kertas colok dan produk kertas bagi upacara lain yang digunakan untuk sembahyang dan aktiviti keagamaan yang lain; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8143)

8143-01	Operator Mesin, Pengeluaran Karton dan Kotak Kertas
8143-02	Operator Mesin, Produk Kertas
8143-03	Operator Mesin, Pengeluaran Beg Selofan
8143-04	Operator Mesin, Pengeluaran Sampul

KUMPULAN KECIL 815 OPERATOR MESIN PRODUK TEKSTIL, BULU, DAN KULIT

Operator Mesin Produk Tekstil, Bulu, dan Kulit mengendalikan dan mengawasi pelbagai jenis mesin yang menyediakan, memproses dan merawat serat, yarn, benang, kulit dan bulu, dan menghasilkan, mengubahsuai dan memperbaiki kasut dan pakaian, serta mengeluarkan atau mencuci kering tekstil atau bulu dan artikel kulit.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

8151 OPERATOR MESIN PENYEDIA GENTIAN, PEMINTAL, DAN PELILIT

8152 OPERATOR MESIN TENUN DAN KAIT

8153 OPERATOR MESIN JAHIT

8154 OPERATOR MESIN PELUNTUR, PENCELUP, DAN PENCUCI FABRIK

8155 OPERATOR MESIN PENYEDIA BULU DAN KULIT

8156 OPERATOR MESIN MEMBUAT KASUT DAN YANG BERKAITAN

8157 OPERATOR MESIN DOBI

8159 OPERATOR MESIN PRODUK TEKSTIL, BULU, DAN KULIT YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 8151 OPERATOR MESIN PENYEDIA GENTIAN, PEMINTAL, DAN PELILIT

Operator Mesin Penyedia Gentian, Pemintal, dan Pelilit mengendalikan dan mengawasi mesin yang menyediakan gentian, memintal, memilin, dan melilit *yarn* dan benang.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan mesin yang menggabungkan gentian tekstil menjadi campuran yang sekata;
- mengendalikan mesin yang membersihkan dan menggebukkan gentian tekstil, mengubahnya menjadi urat, menyisirnya menjadi urat untuk hela pertama, menggabungkan urat menjadi gulungan urat atau gulungan urat menjadi gulungan reben, menggabungkan beberapa gulungan urat menjadi satu utas yang kecil dengan kualiti dan berat yang sama;
- mengendalikan mesin yang mengubah urat menjadi pintal kasar;
- mengendalikan mesin yang memintal benang dan *yarn* daripada pintalan kasar, melilit dua benang atau lebih pada gelendung, memilin dua atau lebih utas *yarn* atau benang menjadi satu utas yang lebih berat dan kuat, atau melilit *yarn* atau benang daripada satu pakej dengan pakej yang lain; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8151)

8151-01	Operator Mesin, Pemintal Benang dan <i>Yarn</i>
8151-02	Pelilit Benang dan <i>Yarn</i>
8151-03	Pemintal Benang dan <i>Yarn</i>
8151-04	Penggulung Sutera

KUMPULAN UNIT 8152 OPERATOR MESIN TENUN DAN KAIT

Operator Mesin Tenun dan Kait mengendalikan dan mengawasi mesin tenun dan kait serta kelengkapan yang berkaitan untuk menghasilkan bahan dan fabrik.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan mesin yang digunakan untuk menenun atau mengait kain kosong atau bercorak, tapestri, renda, permaidani, pakaian, net, hosieri atau fabrik, atau barangan lain; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8152)

8152-01	Operator Mesin, Penggulung Benang (Menenun Tekstil)
8152-02	Operator Mesin, Tenun
8152-03	Operator Mesin, Tenun Permaidani
8152-04	Operator Mesin, Kait

KUMPULAN UNIT 8153 OPERATOR MESIN JAHIT

Operator Mesin Jahit mengendalikan dan mengawasi mesin jahit untuk membuat, membaiki, dan mengubahsuai tekstil, bulu, pakaian sintetik atau kulit, atau menyulam hiasan pada pakaian atau bahan-bahan lain.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawal mesin jahit biasa atau mesin jahit satu jarum atau banyak jarum yang khas untuk membuat atau membaiki pakaian, sarung tangan, dan pelbagai produk daripada tekstil atau kulit, dan menyulam corak hiasan pada tekstil atau bahan lain;
- menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan peralatan seperti menggantikan jarum;
- mengenakan butang, cangkuk, zip, pengikat atau aksesori lain pada kain; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8153)

8153-01	Operator Mesin Jahit
8153-02	Operator Mesin Jahit, Kulit
8153-03	Operator Mesin Jahit, Krusye
8153-04	Operator Mesin Jahit, Sulaman

KUMPULAN UNIT 8154 OPERATOR MESIN PELUNTUR, PENCELUP, DAN PENCUCI FABRIK

Operator Mesin Peluntur, Pencelup, dan Pencuci Fabrik mengendalikan dan mengawasi mesin yang meluntur, mencelup dan membasuh dan juga merawat gentian, *yarn* atau kain, atau tekstil bersih yang kering, dan barangan kulit.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin yang merawat produk tekstil untuk menjadikan warnanya lebih lembut atau mewarnakannya dengan warna tertentu;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang membasuh atau mencuci kering produk tekstil atau kulit untuk mengeluarkan kotoran, bendasing, kimia yang berlebihan, atau gam semula jadi;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mengecutkan kain atau menguatkan tenunan dengan menginterlok gentiannya;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang meresapkan bahan kimia ke dalam tekstil bagi menjadikannya kalis air;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mengolah sutera untuk memberinya struktur dan berat;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menekan, meregang atau memberi kesan kilau, atau kemasan lain pada tekstil; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8154)

8154-01	Operator Mesin, Peluntur Tekstil
8154-02	Operator Mesin, Pencelup
8154-03	Operator Mesin, Kanji
8154-04	Operator Mesin, Pembasuh

KUMPULAN UNIT 8155 OPERATOR MESIN PENYEDIA BULU DAN KULIT

Operator Mesin Penyedia Bulu dan Kulit mengendalikan dan mengawasi pelbagai mesin yang menyediakan bulu dan kulit.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin yang membuang daging, lemak dan bulu daripada kulit bulu sebelum diawet;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mengolah belulang dan kulit haiwan di dalam larutan, dan menyapu produk kemasan untuk mengubahnya menjadi kulit;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menyapu pencelup dan pewarna pada kulit; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8155)

8155-01	Operator Mesin, Pemproses Belulang
8155-02	Operator Mesin, Penanggal Daging Belulang
8155-03	Operator Mesin, Penanggal Bulu Belulang
8155-04	Operator Mesin, Penyamak

KUMPULAN UNIT 8156 OPERATOR MESIN MEMBUAT KASUT DAN YANG BERKAITAN

Operator Mesin Membuat Kasut dan yang Berkaitan mengendalikan dan mengawasi mesin yang mengeluarkan dan membaiki kasut biasa atau kasut khas, beg tangan dan aksesori lain, yang sebahagian besarnya dibuat daripada kulit.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menandakan pola dan memotong bahagian kasut;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang menjahit dan mencantumkan bahagian kasut, atau mengelim, menggilap atau meletakkan hiasan, dan menjalankan kerja pengemasan;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang mengeluarkan bagasi, beg tangan, tali pinggang dan aksesori lain, dan juga barangan seperti kolar atau abah-abah; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8156)

8156-01	Operator Mesin, Pengeluaran Kasut
8156-02	Operator Mesin, Pengeluaran Kasut Ortopedik
8156-03	Operator Mesin, Pengeluaran Kasut Sukan
8156-04	Operator Mesin, Pengeluaran Kasut Keselamatan

KUMPULAN UNIT 8157 OPERATOR MESIN DOBI

Operator Mesin Dobi mengendalikan mesin dobi, cucian kering, penekan, dan pengolah fabrik di kedai dobi atau kedai cucian kering.

Tugas merangkumi:

- mengasingkan barangan untuk cucian mengikut jenis, warna, fabrik, dan olahan cucian yang dikehendaki;
- meletakkan barang dobi yang telah diasingkan di dalam bekas dan meletakkannya di atas tali sawat untuk dibawa ke tempat membaiki dan mencuci barangan;
- memeriksa dan menghilangkan kesan kotoran daripada pakaian, dan menggantikan butang serta membuat kerja pembaikan yang kecil;
- memasukkan muatan dan mengeluarkan muatan dari mesin basuh, pengering, dan pengestrak;
- menambah agen pencuci dan kanji kepada barang dobi;
- mengawasi barang dobi dan memastikannya memasuki mesin pencuci dan penekan;
- menghentikan dan menghidupkan mesin untuk menguraikan, membetulkan, dan mengalihkan barang dobi;
- meletakkan barang dobi di atas para dan menggantung barang dobi untuk penghantaran dan pengambilan; dan
- membungkus barang dobi dan menyediakan arahan untuk penghantaran.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8157)

8157-01	Operator Mesin, Pencelup Gentian Tekstil
8157-02	Operator Mesin, Pencucian
8157-03	Operator Mesin, Penekan Cucian

KUMPULAN UNIT 8159 OPERATOR MESIN PRODUK TEKSTIL, BULU, DAN KULIT YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Operator Mesin Produk Tekstil, Bulu, dan Kulit yang tidak dikelaskan di Mana-mana Kumpulan Kecil 815: Operator Mesin Produk Tekstil. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk operator mesin (pemotong pakaian), operator pemotong (pakaian kulit), operator mesin (pemotong tekstil) dan operator mesin (pembuat topi).

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin membuat topi, tilam, atau pelbagai barangan seperti pita brid, renda, atau hiasan lain; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8159)

8159-01	Operator Mesin, Pemotong Pakaian
8159-02	Operator Pemotong, Pakaian Kulit
8159-03	Operator Mesin, Pemotong Tekstil
8159-04	Operator Mesin, Pembuat Topi

KUMPULAN KECIL 816 OPERATOR MESIN PRODUK MAKANAN DAN YANG BERKAITAN

Operator Mesin Produk Makanan dan yang Berkaitan mengendalikan dan mengawasi mesin yang digunakan untuk menyembelih binatang, memproses daging, memproses makanan dan produk yang berkaitan, dan memproses tembakau.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

8161 OPERATOR MESIN PRODUK MAKANAN DAN YANG BERKAITAN
KUMPULAN UNIT 8161 OPERATOR MESIN PRODUK MAKANAN DAN YANG BERKAITAN

Operator Mesin Produk Makanan dan yang Berkaitan mengendalikan dan mengawasi mesin yang digunakan untuk menyembelih binatang, memproses daging, memproses makanan dan produk yang berkaitan, dan memproses tembakau.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan mesin yang digunakan untuk menyembelih haiwan dan memotong haiwan sembelihan atau ikan kepada potongan standard;
- mengendalikan mesin yang mempasteur, menghomogen, dan mengolah haba susu dan krim;
- mengendalikan jentera yang digunakan untuk pengeluaran tepung, makanan dan makanan haiwan, dan juga untuk memproses padi;
- mengendalikan mesin yang menggaul dan mengadun tepung dengan ramuan lain untuk menyediakan doh bagi membuat roti, pastri, pasta, mi, dan produk yang berkaitan;

- e) mengendalikan mesin yang mengekstrak jus daripada buah-buahan dan sayur-sayuran melalui pemanasan atau pemprosesan;
- f) mengendalikan mesin yang memerah tebu atau mengekstrak cecair daripada bit gula;
- g) mengendalikan mesin yang memproses barli dan bijian lain yang digunakan untuk membuat arak suling dan malt, dan mengawal proses penapaian;
- h) mengendalikan mesin yang memproses tembakau dalam penyediaan membuat rokok, cerut dan produk tembakau yang lain; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8161)

8161-01	Operator Mesin, Pemproses Daging
8161-02	Operator Mesin, Pemproses Ikan
8161-03	Operator Mesin, Pemproses Makanan
8161-04	Operator Mesin, Sembelihan

KUMPULAN KECIL 817 OPERATOR LOJI PEMROSESAN KAYU DAN PEMBUATAN KERTAS

Operator Loji Pemprosesan Kayu dan Pembuatan Kertas mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan yang menggergaji, memotong, dan mengisar kayu sebagai persediaan untuk kegunaan selanjutnya, memproses kayu dan bahannya menjadi pulpa dan membuat kertas daripada pulpa.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 8171 OPERATOR LOJI PULPA DAN PEMBUATAN KERTAS**
- 8172 OPERATOR LOJI PEMROSESAN KAYU**
- 8173 OPERATOR MESIN PRODUK KAYU**

KUMPULAN UNIT 8171 OPERATOR LOJI PULPA DAN PEMBUATAN KERTAS

Operator Loji Pulpa dan Pembuatan Kertas mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan yang memproses bahan seperti kayu, kertas lama, rumput esparto, jerami, pulpa sekerap, dan kertas menjadi stok untuk membuat kertas.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan dan mengawasi mesin peracik dan pengisar untuk membuat pulpa daripada balak;
- b) mengendalikan dan mengawasi pencerna yang menghasilkan pulpa daripada bahan seperti kayu, kertas lama, rumput esparto, jerami atau pulpa sekerap, dan kertas sekerap;
- c) mengendalikan dan mengawasi mesin yang melunturkan pulpa kayu, kertas lama, rumput esparto, jerami atau pulpa sekerap, dan kertas sekerap;
- d) mengendalikan dan mengawasi mesin yang mencampur, mengetuk, dan menghidrat pulpa dan ramuan lain untuk menyediakan bahan membuat kertas;
- e) memotong kertas lama, kertas buangan, dan jerami kepada kepingan kecil dengan mesin pemotong untuk membuat pulpa kertas;
- f) mengendalikan injap untuk memasukkan bahan mentah ke dalam pencerna;
- g) mengendalikan dan mengawasi mesin pembuat kertas dan alatan dimana pulpa basah di bentuk menjadi kertas atau kertas dikeringkan, dilicinkan, digulung, dibelah dan digulung semua;
- h) mengendalikan dan mengawasi mesin pelinciran yang digunakan untuk memberi kilauan dan kemasan bagi permukaan kertas;
- i) mengendalikan dan mengawasi mesin dan peralatan bagi menyadur dan menepukan kertas dengan salutan; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8171)

8171-01	Operator Pencerna Pulpa
8171-02	Operator Mesin, Penyerpih
8171-03	Operator Pemukul Pulpa
8171-04	Operator Mesin, Pengisar Kayu

KUMPULAN UNIT 8172 OPERATOR LOJI PEMROSESAN KAYU

Operator Loji Pemprosesan Kayu mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan untuk menggergaji kayu, memotong venier dan membuat papan lapis, papan habuk, dan papan cip, serta menyediakan kayu untuk kegunaan selanjutnya.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi sistem penyuaipan dan penghantar balak;
- mengendalikan dan mengawasi gergaji turus, gergaji semula, dan gergaji berbilang mata untuk menggergaji balak, papak, atau cabang dan mengasah tepi yang kasar pada papan;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang memotong venier;
- mengendalikan dan mengawasi mesin penyusun teras papan lapis dan mesin penekan plat panas papan lapis;
- mengendalikan tanur pemanas stim untuk mengeringkan kayu;
- mengendalikan kelengkapan yang mengeringkan kayu;
- mengendalikan pengering untuk mengeringkan kepingan venier yang baru dibentuk;
- mengendalikan mesin untuk mengklipkan kepingan venier selanjara mengikut lebar yang ditetapkan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8172)

8172-01	Operator Kilang Papan
8172-02	Operator Gergaji
8172-03	Operator Gergaji, Kayu Basah
8172-04	Operator Gergaji, Kayu

KUMPULAN UNIT 8173 OPERATOR MESIN PRODUK KAYU

Operator Mesin Produk Kayu mengendalikan dan mengawasi mesin kerja kayu yang menjalankan kerja seperti menggergaji, mengorek, membentuk, mengetam, melarik, atau mengukir kayu untuk menghasilkan produk kayu.

Tugas merangkumi:

- mengeset dan mengendalikan satu atau lebih mesin yang telah disetkan terlebih dahulu untuk menggergaji, membentuk, mengorek, mengetam, melarik, atau mengukir kayu; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8173)

8173-01	Operator Larik, Kerja Kayu
8173-02	Pemesin Kayu
8173-03	Operator Pelarik Kayu (Mesin)
8173-04	Operator Mesin, Ukir Kayu

KUMPULAN KECIL 818 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN YANG LAIN

Operator Mesin dan Loji Pegun yang Lain mengendalikan dan mengawasi mesin dan loji pemrosesan kaca dan seramik, dandang stim, pembungkusan, pembuatan cip silikon, dan mesin yang berkaitan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 8181 OPERATOR LOJI KACA DAN SERAMIK**
- 8182 OPERATOR ENJIN DAN DANDANG STIM**
- 8183 OPERATOR MESIN PEMBUNGKUS, PEMBOTOL, DAN PELABEL**
- 8189 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 8181 OPERATOR LOJI KACA DAN SERAMIK

Operator Loji Kaca dan Seramik mengendalikan dan mengawasi tanur, relau dan jentera serta peralatan lain yang digunakan dalam pembuatan kaca, seramik, porselin, jubin, atau bata. Mereka mengendalikan mesin untuk menyepuh lindap, mengeraskan, atau menghias kaca dan seramik.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi relau membuat kaca untuk membuat kaca dengan meleburkan dan melakurkan ramuan yang telah dicampurkan terlebih dahulu;
- menjaga kelengkapan penyembur hujung panas atau sejuk yang digunakan untuk menyalut barangan kaca dengan pengeras permukaan;
- mengendalikan dan menyelenggara mesin yang menekan atau meniup kaca lebur di dalam acuan untuk membuat atau membentuk bekas, seperti botol, balang, dan gelas;

- d) mengendalikan mesin penekan tangan untuk membentuk kaca mengikut bentuk yang dikehendaki;
- e) mengendalikan tanur penarik untuk memproses kaca lebur menjadi kepingan kaca selanjara yang rata;
- f) mengendalikan dan mengawasi loji pengeluaran kaca apung;
- g) mengendalikan dan menyelenggara mesin pengemas untuk mengisar, menggerudi, menghaluskan, memotong serong, menghias, membasuh atau menggilap kaca atau produk kaca;
- h) mengeset dan mengendalikan mesin penekan untuk membentuk barangan seramik daripada tanah liat lembap;
- i) mengendalikan mesin untuk membancuh tanah liat dengan air untuk mengulinya menjadi bentuk plastik atau separa cecair yang sesuai untuk membuat produk seramik;
- j) mengendalikan dan mengawasi tanur untuk membakar barang tembikar, barang porselin serta membakar bata dan jubin;
- k) mengendalikan dan mengawasi mesin untuk menyedur atau melelas;
- l) mengendalikan dan mengawasi mesin yang menyemperit kaca lebur untuk membuat filamen kaca gentian; dan
- m) memeriksa produk siap untuk mengenal pasti rekahan, retak, pecah, warna, dan ketidaksempurnaan yang lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8181)

8181-01	Operator Mesin, Pencampur Tanah Liat
8181-02	Operator Mesin, Pencampur Kaca
8181-03	Operator Relau, Pengeluaran Kaca
8181-04	Operator Retort

KUMPULAN UNIT 8182 OPERATOR ENJIN DAN DANDANG STIM

Operator Enjin dan Dandang Stim menyelenggara dan mengendalikan pelbagai jenis enjin stim, dandang, turbin dan peralatan tambahan untuk membekalkan kuasa dan perkhidmatan utiliti lain untuk komersil, industri dan bangunan, di tempat kerja dan di atas kapal.

Tugas merangkumi:

- a) mengendalikan dan mengawasi enjin atau dandang stim dengan pembakaran batu arang atau minyak;
- b) memantau dan memeriksa prestasi peralatan untuk operasi yang cekap dan memastikan air dandang, bahan kimia, dan bahan api dikekalkan pada tahap yang diperlukan;
- c) menguji kualiti air dandang dan mengambil tindakan pembedahan yang perlu, seperti menambah bahan kimia untuk mengelakkan deposit kakis dan berbahaya;
- d) bertanggungjawab ke atas pengendalian loji/ jentera statik jabatan sama ada dandang stim atau enjin pembakaran dalam, penyelenggaraan berjadual/ berkala ke atas dandang, prosedur keselamatan dandang serta pengurusan sistem sokongan yang bersangkutan dengan dandang; dan
- e) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8182)

8182-01	Operator Loji Gred H11
8182-02	Pendandang
8182-03	Operator Dandang, Kapal
8182-04	Operator Kebakaran, Kapal

KUMPULAN UNIT 8183 OPERATOR MESIN PEMBUNGKUS, PEMBOTOL, DAN PELABEL

Operator Mesin Pembungkus, Pembotol, dan Pelabel mengendalikan mesin yang membungkus, melabel dan jika perlu, menambah cap hasil pada produk, pembungkus atau bekas, atau memeriksa produk siap atau bahagiannya bagi memastikan pematuhan terhadap kemasan, keadaan fizikal, dan standard pengilang.

Tugas merangkumi:

- a) memeriksa produk siap atau bahagiannya bagi memastikan pematuhan terhadap kemasan, keadaan fizikal, dan standard pengilang;
- b) mengendalikan mesin yang membalut dan membungkus pelbagai produk, termasuk cecair untuk simpanan atau penghantaran;
- c) mengendalikan mesin yang melekatkan atau melabel produk pada pembungkus dan pelbagai bekas, atau menambah cap hasil; dan
- d) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8183)

8183-01	Operator Karton
8183-02	Operator Pembungkus
8183-03	Pekerja Pembungkus
8183-04	Operator Mesin, Pelabel

KUMPULAN UNIT 8189 OPERATOR MESIN DAN LOJI PEGUN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Operator Mesin dan Loji Pegun Lain yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam kumpulan kecil 818 : Operator Mesin dan Loji Pegun Yang Lain. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk operator mesin, operator pengeluaran, operator peralatan dan mesin dan operator jentera berat.

Tugas merangkumi:

- memeriksa produk siap atau bahagiannya bagi memastikan pematuhan terhadap kemas, keadaan fizikal, dan standard pengilang; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8189)

8189-01	Operator Mesin
8189-02	Operator Pengeluaran
8189-03	Operator Peralatan dan Mesin
8189-04	Operator Jentera Berat

SUB-UTAMA 82 PEMASANG

Pemasang memasang siap bahagian atau komponen untuk membentuk produk dan peralatan mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 821 PEMASANG**
- 822 OPERATOR-PENGESET PERALATAN-MESIN**

KUMPULAN KECIL 821 PEMASANG

Pemasang memasang siap bahagian atau komponen untuk membentuk produk dan peralatan mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 8211 PEMASANG JENTERA MEKANIKAL**
- 8212 PEMASANG KELENGKAPAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK**
- 8213 PEMASANG PRODUK KULIT, LOGAM, GETAH, DAN PLASTIK**
- 8219 PEMASANG YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 8211 PEMASANG JENTERA MEKANIKAL

Pemasang Jentera Mekanikal memasang komponen atau bahagian jentera mekanikal seperti enjin, kenderaan bermotor, turbin dan pesawat mengikut spesifikasi.

Tugas merangkumi:

- memasang komponen atau bahagian jentera, enjin, dan kenderaan mekanikal mengikut spesifikasi;
- memeriksa dan menguji komponen dan pemasangan yang telah siap; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8211)

8211-01	Pemasang
8211-02	Fomen
8211-03	Pemasang, Enjin Marin
8211-04	Pemasang, Kereta

KUMPULAN UNIT 8212 PEMASANG KELENGKAPAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Pemasang Kelengkapan Elektrik dan Elektronik memasang komponen atau bahagian kelengkapan elektrik dan elektronik mengikut spesifikasi.

Tugas merangkumi:

- memasang komponen atau bahagian kelengkapan elektrik dan elektronik mengikut spesifikasi;
- memeriksa dan menguji komponen dan pemasangan yang telah siap; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8212)

8212-01	Pemasang, Peralatan Elektrik
8212-02	Pemasang, Peralatan Elektronik
8212-03	Pemasang, Semikonduktor
8212-04	Pemasang, Bateri

KUMPULAN UNIT 8213 PEMASANG PRODUK KULIT, LOGAM, GETAH, DAN PLASTIK

Pemasang Produk Kulit, Logam, Getah, dan Plastik menjalankan tugas khas dalam memasang komponen atau bahagian kulit, logam, getah, atau plastik bagi pelbagai jenis produk seperti barang mainan, peralatan sukan, dan produk lain mengikut spesifikasi.

Tugas merangkumi:

- memasang komponen atau bahagian kulit, logam, getah, atau plastik bagi pelbagai jenis produk mengikut spesifikasi; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8213)

8213-01	Pemasang, Produk Kulit
8213-02	Pemasang, Produk Logam
8213-03	Pemasang, Produk Getah
8213-04	Pemasang, Produk Plastik

KUMPULAN UNIT 8219 PEMASANG YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pemasang yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 821: Pemasang. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pemasang (produk kayu), pemasang (produk komposit), pemasang (produk tekstil) dan pemasang (basikal).

Tugas merangkumi:

- memasang komponen atau bahagian mengikut spesifikasi;
- memeriksa produk siap atau bahagiannya bagi memastikan pematuhan terhadap kemas, keadaan fizikal, dan standard pengilang;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8219)

8219-01	Pemasang, Produk Kayu
8219-02	Pemasang, Produk Komposit
8219-03	Pemasang, Produk Tekstil
8219-04	Pemasang, Basikal

KUMPULAN KECIL 822 OPERATOR-PENGESET PERALATAN-MESIN

Operator-Pengeset Peralatan-Mesin mengeset dan mengendalikan pelbagai peralatan mesin supaya dapat berfungsi pada daya toleransi yang tinggi.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

8221 OPERATOR-PENGESET PERALATAN-MESIN

KUMPULAN UNIT 8221 OPERATOR-PENGESET PERALATAN-MESIN

Operator-Pengeset Peralatan-Mesin mengeset dan mengendalikan pelbagai peralatan mesin supaya dapat berfungsi pada daya toleransi yang tinggi.

Tugas merangkumi:

- mengeset satu atau lebih jenis peralatan mesin untuk menghasilkan barangan mengikut siri yang standard;
- mengendalikan dan mengawasi mesin kerja yang tertentu seperti mesin pelarik, penerap cap, pericah kuasa, pelentur logam, pengisar, pengetam, pengorek, penggerudi, pencanai, pengasah, atau gergaji logam yang boleh dikawal secara berangka atau disambungkan dengan mesin pindah automatik; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks; kumpulan unit 8221)

8221-01	Operator, Mesin Pembentuk Logam
8221-02	Operator, Mesin Pengeluaran Jam Tangan
8221-03	Operator, Mesin Pengeluaran Jarum
8221-04	Operator, Mesin Pengeluaran Kabel

SUB-UTAMA 83 PEMANDU DAN OPERATOR LOJI BERGERAK

Pemandu dan Operator Loji Bergerak memandu kereta api dan kenderaan bermotor, mengendalikan jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian bergerak, atau melakukan tugas dek di atas kapal dan pengangkutan air yang lain.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 831 PEMANDU ENJIN LOKOMOTIF DAN PEKERJA YANG BERKAITAN**
- 832 PEMANDU KERETA, VAN, DAN MOTOSIKAL**
- 833 PEMANDU TRAK BERAT DAN BAS**
- 834 OPERATOR LOJI BERGERAK**
- 835 KELASI KAPAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN**

KUMPULAN KECIL 831 PEMANDU ENJIN LOKOMOTIF DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Pemandu Enjin Lokomotif dan Pekerja yang Berkaitan memandu atau membantu memandu lokomotif untuk mengangkut penumpang dan barang, menjaga landasan kereta api pengangkut barang semasa berada di landasan, mengawal pergerakan trafik landasan kereta api dengan mengendalikan isyarat, menukar gerabak dan menjaga kereta api di yard kereta api, menjaga kereta api untuk kerja menarik di lombong dan mengawal pergerakannya.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 8311 PEMANDU ENJIN LOKOMOTIF**
- 8312 OPERATOR BREK, ISYARAT, DAN SUIS LANDASAN KERETAPI**

KUMPULAN UNIT 8311 PEMANDU ENJIN LOKOMOTIF

Pemandu Enjin Lokomotif memandu atau membantu memandu enjin lokomotif, kereta api, monorel dan yang seumpamanya untuk mengangkut penumpang dan barang.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab dalam mengendalikan dan menyelenggara tren penumpang;
- memandu atau membantu memandu lokomotif stim, elektrik atau diesel-elektrik;
- memandu lokomotif untuk menarik gerabak bawah tanah atau di atas permukaan lombong atau kuari;
- memerhatikan bahaya landasan, memerhatikan isyarat, dan tolok penunjuk; dan
- mengendalikan sistem komunikasi untuk memberitahu pekerja kereta api dan pengawal trafik bagi memastikan operasi dan penjadualan kereta api yang selamat.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8311)

8311-01	Pemandu Lokomotif Gred A13
8311-02	Pemandu Kereta Api
8311-03	Pemandu Lokomotif
8311-04	Operator, Komuter

KUMPULAN UNIT 8312 OPERATOR BREK, ISYARAT, DAN SUIS LANDASAN KERETAPI

Operator Brek, Isyarat, dan Suis Landasan Kereta Api menjaga kereta api barang semasa berada di landasan, mengawal pergerakan trafik landasan kereta api dengan mengendalikan isyarat, menukar gerabak, dan menyediakan kereta api di yard kereta api, menyediakan kereta api untuk kerja mengangkut di lombong dan mengawal pergerakannya.

Tugas merangkumi:

- menjaga kereta api barang semasa berada di landasan;
- mengawal pergerakan trafik landasan kereta api yang berada di landasan dengan mengendalikan isyarat dan mengawal suis dari panel kawalan atau kotak isyarat;
- menukar dan memasang gerabak di yard kereta api dan di landasan sisi mengikut arahan untuk memuatkan beban, memunggah beban, dan menyediakan kereta api;
- menyediakan kereta api untuk kerja mengangkut dengan lokomotif atau kabel dan mengawal pergerakannya di sepanjang laluan pengangkutan di lombong atau kuari; dan
- memeriksa sistem dan kelengkapan kereta api seperti sistem penghawa dingin dan pemanas, brek, dan hos brek sebelum kereta api beroperasi di landasan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8312)

8312-01	Pekerja Lansing, Kereta Api
8312-02	Jurusemboyan, Kereta Api
8312-03	Pelangsir, Kereta Api
8312-04	Pekerja Yard

KUMPULAN KECIL 832 PEMANDU KERETA, VAN, DAN MOTOSIKAL

Pemandu Kereta, Van, dan Motosikal memandu dan menjaga motosikal, motosikal roda tiga, kereta atau van untuk mengangkut penumpang, bahan, atau barang.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

8321 PENUNGGANG (PEMANDU) MOTOSIKAL

8322 PEMANDU KERETA, TEKSI, DAN VAN

KUMPULAN UNIT 8321 PENUNGGANG (PEMANDU) MOTOSIKAL

Penunggang (Pemandu) Motosikal memandu dan menjaga motosikal atau motosikal roda tiga untuk mengangkut bahan, barang, atau penumpang.

Tugas merangkumi:

- memandu dan menjaga motosikal atau motosikal roda tiga untuk mengangkut bahan, barang, atau penumpang;
- mematuhi peraturan dan isyarat lalu lintas;
- membersihkan dan membasuh kenderaan dan juga menyelenggara dan membuat pembaikan kecil;
- menyimpan rekod perjalanan; dan
- menghantar pesanan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8321)

8321-01	Penunggang Motosikal
8321-02	Penghantar Cepat
8321-03	Pemandu Lanca
8321-04	Pemandu Motosikal Roda Tiga

KUMPULAN UNIT 8322 PEMANDU KERETA, TEKSI, DAN VAN

Pemandu Kereta, Teksi, dan Van memandu dan menjaga kereta dan van untuk mengangkut penumpang, bungkusan/ surat, atau barang.

Tugas merangkumi:

- memandu dan menjaga penumpang, van, kereta, atau teksi;
- memandu dan menjaga kereta, van, atau trak kecil untuk menghantar bungkusan/ surat atau barang;
- membantu penumpang menguruskan bagasi;
- memungut tambang, bayaran penghantaran, atau dokumen yang mengesahkan penghantaran;
- mengendalikan kelengkapan telekomunikasi bagi melaporkan lokasi dan kesediaan serta mengikut arahan pusat kawalan;
- menentukan laluan yang paling sesuai;
- membantu penumpang yang kurang upaya;
- memandu kenderaan pejabat atas tugas-tugas rasmi, menjaga dan menyelenggara kenderaan serta memastikan keselamatan kenderaan dan alat-alat kelengkapannya; dan
- mengendalikan kelengkapan bagi memudahkan orang kurang upaya naik dan turun dari kenderaan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8322)

8322-01	Pemandu Kenderaan Gred H11
8322-02	Pembantu Am (Pemandu Kenderaan) Gred 1
8322-03	Pembantu Am (Pemanduan) Gred 1
8322-04	Pemandu Teksi

KUMPULAN KECIL 833 PEMANDU TRAK BERAT DAN BAS

Pemandu Trak Berat dan Bas memandu dan menjaga trak berat, lori, bas, atau trem untuk mengangkut barang, cecair, barang berat, bungkusan/ surat, atau penumpang.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

8331 PEMANDU BAS DAN TREM**8332 PEMANDU TRAK BERAT DAN LORI****KUMPULAN UNIT 8331 PEMANDU BAS DAN TREM**

Pemandu Bas dan Trem memandu dan menjaga bas atau trem untuk mengangkut penumpang, bungkusan/ surat, atau barangan.

Tugas merangkumi:

- memandu dan menjaga bas penumpang bermotor, bas elektrik, atau bas persiaran untuk mengangkut penumpang setempat atau jarak jauh, bungkusan/ surat atau barang;
- memandu dan menjaga trem yang mengangkut penumpang;
- membuka dan menutup pintu sebelum atau selepas penumpang naik atau turun;
- membantu penumpang yang membawa bagasi;
- mengawal lampu, sistem pemanas, dan penyaman udara dalam bas dan trem;
- mematuhi peraturan lalu lintas bagi memastikan perjalanan yang selamat; dan
- memungut tambang atau memastikan penumpang mempunyai tiket yang betul.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8331)

8331-01	Pemandu Bas
8331-02	Pemandu Trem
8331-03	Pemandu Bas Persiaran
8331-04	Pembantu Pemandu Bas

KUMPULAN UNIT 8332 PEMANDU TRAK BERAT DAN LORI

Pemandu Trak Berat dan Lori memandu dan menjaga kenderaan berat bermotor untuk mengangkut barang, cecair, dan barang berat bagi perjalanan jarak dekat atau jarak jauh.

Tugas merangkumi:

- memandu dan menjaga kenderaan berat bermotor untuk mengangkut barang, cecair, atau barang berat bagi perjalanan jarak dekat atau jauh;
- menentukan laluan yang paling sesuai;
- memastikan barang disusun dan ditutup dengan kemas bagi mengelakkan kehilangan dan kerosakan;
- membantu atau menjalankan operasi memuatkan dan memunggah barang, dengan menggunakan pelbagai alat pengangkat dan penjongket;
- menjalankan penyelenggaraan kecil pada kenderaan, serta menguruskan penyelenggaraan dan

- pembaikpulihan yang besar; dan
- f) menganggar berat bagi mematuhi had beban dan memastikan pengagihan berat yang selamat.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8332)

8332-01	Pemandu Lori
8332-02	Kelindan Lori
8332-03	Pemandu Kereta Bomba
8332-04	Pemandu Lori Pelonggok

KUMPULAN KECIL 834 OPERATOR LOJI BERGERAK

Operator Loji Bergerak memandu atau mengendalikan jentera dan kelengkapan pertanian dan yang lain untuk menguruskan bahan dan objek berat.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 8341 OPERATOR LOJI BERGERAK BAGI LADANG DAN PERHUTANAN**
8342 OPERATOR LOJI TOLAK TANAH DAN YANG BERKAITAN
8343 OPERATOR LOJI KREN, TAKAL DAN YANG BERKAITAN
8344 OPERATOR TRAK ANGKAT

KUMPULAN UNIT 8341 OPERATOR LOJI BERGERAK BAGI LADANG DAN PERHUTANAN

Operator Loji Bergerak bagi Ladang dan Perhutanan memandu atau mengendalikan satu atau lebih jenis jentera atau kelengkapan bergerak yang digunakan dalam operasi perladangan, hortikultur dan perhutanan.

Tugas merangkumi:

- memandu atau mengendalikan traktor atau jentera membajak, menanam, menuai, atau jentera ladang dengan fungsi khas, atau kelengkapan traktor penunda yang seumpamanya;
- menjalankan servis dan pembaikan kecil jentera; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8341)

8341-01	Operator, Peralatan Ladang Bermotor
8341-02	Pemandu Traktor Ladang
8341-03	Pemandu Pengangkut Kayu
8341-04	Pemandu Trak Win

KUMPULAN UNIT 8342 OPERATOR LOJI TOLAK TANAH DAN YANG BERKAITAN

Operator Loji Tolak Tanah dan yang Berkaitan mengendalikan mesin untuk menggali, menggredkan, meratakan, melicinkan, dan memampatkan tanah atau bahan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi mesin pengorek yang dilengkapi penyodok boleh gerak, timba cekau atau timba tali seret, untuk mengorek dan mengalihkan tanah, batuan, pasir, kelikir, atau bahan yang seumpamanya;
- mengendalikan dan mengawasi mesin menggali parit untuk membuat pembetung, sistem saliran, talian paip air, minyak, gas, atau bahan yang seumpamanya;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang dilengkapi bilah keluli cekung untuk mengalihkan, mengagihkan, dan meratakan tanah, pasir dan bahan lain;
- mengendalikan dan mengawasi kelengkapan untuk mengalihkan pasir, kelikir, dan lumpur dari dasar air;
- mengendalikan dan mengawasi mesin untuk menghentak cerucuk kayu, konkrit, atau keluli ke dalam tanah;
- mengendalikan dan mengawasi penggelek kuasa untuk memadatkan dan melicinkan lapisan bahan untuk membuat jalan, laluan jalan kaki, dan kerja yang seumpamanya;
- mengendalikan dan mengawasi mesin yang melepai dan melicinkan konkrit atau bitumen atau sediaan tar untuk membuat jalan, laluan, atau kerja yang seumpamanya; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8342)

8342-01 Operator, Jengkaut
8342-02 Operator, Mesin Penggali Parit
8342-03 Operator, Penghentak Cerucuk
8342-04 Operator, Jentolak

KUMPULAN UNIT 8343 OPERATOR LOJI KREN, TAKAL DAN YANG BERKAITAN

Operator Loji Kren, Takal dan yang Berkaitan mengendalikan dan mengawasi kren pegun dan bergerak dan juga kelengkapan takal yang lain.

Tugas merangkumi:

- bertanggungjawab dalam memindah, mengangkut, mengalih dan menyusun apa juga jenis beban seperti kargo pukal, kargo pukal cerai, kontena, mesin dan lain-lain dari kapal ke dermaga atau sebaliknya, ke gudang, bengkel, dan lain-lain yang melibatkan jentera pemunggah seperti *forklift, tractor, prime mover, transfer crane, transteiner crane, stradle crane, kangaroo crane, gantry crane, lauffing crane dan levelling crane*;
- mengendalikan dan mengawasi kren pegun atau bergerak untuk menaikkan, menggerakkan, menentukan kedudukan, atau meletakkan kelengkapan dan bahan;
- mengendalikan dan mengawasi kelengkapan untuk mengangkat, menurunkan, atau menaikkan pekerja dan bahan di tapak pembinaan atau di lombong;
- mengendalikan dan mengawasi lif ski dan kelengkapan yang seumpamanya;
- mengendalikan dan mengawasi jentera yang digunakan untuk menarik feri atau tongkang dengan barang, penumpang, dan kenderaan yang menyeberangi laluan air yang cetek;
- mengendalikan dan mengawasi jentera untuk membuka dan menutup jambatan untuk laluan trafik jalan raya atau jalan air;
- mengendalikan dan mengawasi kren yang dilengkapi alat tambahan pada pengorek untuk mengorek laluan air dan kawasan lain;
- mengendalikan kren yang dipasang pada bot atau tongkang untuk mengangkat, mengalihkan, dan meletakkan kelengkapan dan bahan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8343)

8343-01 Operator, Kren
8343-02 Operator, Takal
8343-03 Operator, Win
8343-04 Operator, Lif Pengendalian Bahan

KUMPULAN UNIT 8344 OPERATOR TRAK ANGKAT

Operator Trak Angkat memandu, mengendalikan, dan mengawasi trak angkat atau kenderaan yang seumpamanya untuk mengangkut, mengangkat, dan menyusun palet yang berisi barang.

Tugas merangkumi:

- mengendalikan dan mengawasi trak angkat dan kelengkapan yang seumpamanya untuk memuatkan dan memunggah barang, mengangkat dan menyusun barang dan palet di terminal, pelabuhan, gudang, kilang dan tempat lain;
- meletakkan alat pengangkat di bawah, di atas, atau di sekeliling palet, skid dan kotak yang berisi barang, dan mengikat bahan atau produk untuk diangkut ke tempat yang ditetapkan;
- memeriksa kelengkapan untuk mengenal pasti haus dan kerosakan;
- menjalankan penyelenggaraan rutin ke atas kenderaan dan kelengkapan; dan
- menyimpan rekod bagi kerja yang dijalankan dan kerosakan kenderaan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8344)

8344-01 Operator, Trak Forklift
8344-02 Operator, Trak Perindustrian
8344-03 Operator, Trak Angkat
8344-04 Pemandu Forklift

KUMPULAN KECIL 835 KELASI KAPAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Kelasi Kapal dan Pekerja yang Berkaitan menjalankan tugas dek di atas kapal dan tugas yang seumpamanya di atas pengangkutan air yang lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

8351 KELASI KAPAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

KUMPULAN UNIT 8351 KELASI KAPAL DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Kelasi Kapal dan Pekerja yang Berkaitan menjalankan tugas dek di atas kapal dan tugas yang seumpamanya di atas pengangkutan air yang lain.

Tugas merangkumi:

- a) melakukan kawalan di laut dan apabila memasuki atau meninggalkan pelabuhan atau perairan lain yang sempit;
- b) mengemudi kapal mengikut arahan;
- c) mengendalikan tali dan wayar, dan mengendalikan kelengkapan tambatan;
- d) menyelenggara dan mengendalikan kelengkapan kapal, peralatan kargo, tali-temali, peralatan keselamatan, dan peralatan memadam kebakaran;
- e) menjalankan kerja membersihkan, menyental, mengecat dek dan badan kapal, dan juga kerja penyelenggaraan yang lain seperti yang dikehendaki; dan
- f) membuka, memasang, dan menyimpan peralatan pengendalian kargo, peralatan pelayaran, dan tali-temali pegun.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 8351)

8351-01	Jurumudi
8351-02	Pemandu Bot
8351-03	Pendayung Sampan
8351-04	<i>Ship Quatermaster</i>



KUMPULAN 9
PEKERJA ASAS

PEKERJA ASAS**9**

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

91 PENCUCI DAN PEMBANTU**911 PENCUCI DAN PEMBANTU RUMAH, HOTEL, DAN PEJABAT**

- 9111 PENCUCI DAN PEMBANTU DOMESTIK
- 9112 PENCUCI DAN PEMBANTU DI PEJABAT, HOTEL, DAN PERTUBUHAN LAIN

912 PENCUCI KENDERAAN DAN TETINGKAP, PEKERJA DOBI, DAN PEKERJA PENCUCIAN TANGAN YANG LAIN

- 9121 TUKANG DOBI DAN TUKANG SETERIKA (TANGAN)
- 9122 PENCUCI KENDERAAN
- 9123 PENCUCI PERMUKAAN DAN TETINGKAP
- 9129 PEKERJA PENCUCIAN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

92 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN**921 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN**

- 9211 BURUH LADANG TANAMAN
- 9212 BURUH LADANG TERNAKAN
- 9213 BURUH LADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN
- 9214 BURUH KEBUN DAN HORTIKULTUR
- 9215 BURUH PERHUTANAN
- 9216 BURUH PERIKANAN DAN AKUAKULTUR
- 9219 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

93 BURUH PERLOMBONGAN, PEMBINAAN, PEMBUATAN, DAN PENGANGKUTAN**931 BURUH PERLOMBONGAN DAN PEMBINAAN**

- 9311 BURUH PERLOMBONGAN DAN PERKUARIAN
- 9312 BURUH KEJURUTERAAN AWAM
- 9313 BURUH PEMBINAAN BANGUNAN

932 BURUH PEMBUATAN

- 9321 BURUH PEMBUATAN
- 9329 BURUH PEMBUATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

933 BURUH PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN

- 9331 PENGAYUH KENDERAAN TANGAN ATAU BERPEDAL
- 9332 PEMANDU KENDERAAN DAN JENTERA TARIKAN-HAIWAN
- 9333 PEKERJA PENGANGKUTAN BARANG DAN BURUH PENYIMPANAN
- 9334 PENGISI RAK

94 PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN**941 PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN**

- 9411 PENYEDIA MAKANAN SEGERA
- 9412 PEMBANTU DAPUR

95 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN PEKERJA JUALAN DAN YANG BERKAITAN**951 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN YANG BERKAITAN**

9511 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

952 PENJUAL TEPI JALAN (TIDAK TERMASUK MAKANAN)

9521 PENJUAL TEPI JALAN (TIDAK TERMASUK MAKANAN)

96 PEKERJA ASAS LAIN**961 PEMUNGUT SAMPAH**

9611 PEMUNGUT SAMPAH

9612 PENGISIH BARANG BUANGAN DAN BARANG KITAR SEMULA

9613 TUKANG SAPU DAN BURUH YANG BERKAITAN

962 PEKERJA ASAS YANG LAIN

9621 PENGHANTAR MESEJ DAN BUNGKUSAN, DAN PORTER BAGASI

9622 PEKERJA RENCAM

9623 PEMBACA METER DAN PEMUNGUT WANG MESIN-LAYAN DIRI

9624 PENGANGKAT AIR DAN PEMUNGUT KAYU API

9625 ATENDAN

9629 PEKERJA ASAS YANG LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

PEKERJA ASAS

KUMPULAN SUB-UTAMA

91

92

93

94

95

96

91 PENCUCI DAN PEMBANTU

92 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN

93 BURUH PERLOMBONGAN, PEMBINAAN, PEMBUATAN, DAN PENGANGKUTAN

94 PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN

95 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN PEKERJA JUALAN DAN YANG BERKAITAN

96 PEKERJA ASAS LAIN

PEKERJA ASAS

Deskripsi

Menjalankan tugas yang mudah, rutin dan tidak sistematik yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan atau dengan sokongan mesin yang mudah, dan memerlukan tenaga fizikal yang banyak.

Tahap
Kemahiran

Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran tahap pertama.

Pekerjaan dalam kumpulan utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan sub-utama berikut:

- 91 PENCUCI DAN PEMBANTU
- 92 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN
- 93 BURUH PERLOMBONGAN, PEMBINAAN, PEMBUATAN, DAN PENGANGKUTAN
- 94 PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN
- 95 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN PEKERJA JUALAN DAN YANG BERKAITAN
- 96 PEKERJA ASAS LAIN

SUB-UTAMA 91 PENCUCI DAN PEMBANTU

Pencuci dan Pembantu menjalankan pelbagai tugas di rumah persendirian, hotel, pejabat, hospital dan pertubuhan lain, dan juga di dalam pesawat udara, gerabak kereta api, trem, dan kenderaan yang seumpamanya bagi memastikan bahagian dalaman dan lekapan sentiasa bersih, atau mereka mencuci dan menyeterika pakaian dengan tangan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 911 PENCUCI DAN PEMBANTU RUMAH, HOTEL, DAN PEJABAT
- 912 PENCUCI KENDERAAN DAN TETINGKAP, PEKERJA DOBI, DAN PEKERJA PENCUCIAN TANGAN YANG LAIN

KUMPULAN KECIL 911 PENCUCI DAN PEMBANTU RUMAH, HOTEL, DAN PEJABAT

Pencuci dan Pembantu Rumah, Hotel, dan Pejabat menjalankan pelbagai tugas menyapu, memvakum, mencuci, membersihkan, menggilap, menguruskan linen rumah, membeli barang keperluan rumah, menjalankan pelbagai tugas bagi memastikan bahagian dalaman dan lekapan di hotel, pejabat dan pertubuhan lain, serta pesawat udara, kereta api, bas, dan kenderaan seumpamanya sentiasa bersih dan kemas.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 9111 PENCUCI DAN PEMBANTU DOMESTIK
- 9112 PENCUCI DAN PEMBANTU DI PEJABAT, HOTEL, DAN PERTUBUHAN LAIN

KUMPULAN UNIT 9111 PENCUCI DAN PEMBANTU DOMESTIK

Pencuci dan Pembantu Domestik menyapu, memvakum, mencuci, membersihkan, menggilap, menguruskan linen rumah, membeli barang keperluan rumah, menyediakan makanan, menghidang makanan, dan menjalankan pelbagai kerja rumah yang lain.

Tugas merangkumi:

- a) menyapu, memvakum, menggilap dan mencuci lantai dan perabot, atau mencuci tingkap dan lekapan lain;
- b) mencuci, menyeterika, dan membersihkan linen dan tekstil lain;
- c) mencuci pinggan mangkuk;
- d) menyediakan, memasak, dan menghidangkan makanan dan minuman;
- e) membeli makanan dan pelbagai barang keperluan rumah yang lain;
- f) membersihkan, menyahjangkit, dan menyahbau dapur, bilik air dan tandas;
- g) membersihkan tingkap dan permukaan kaca yang lain; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9111)

9111-01	Amah
9111-02	Orang Gaji
9111-03	Pembantu Rumah
9111-04	Pembantu Domestik

KUMPULAN UNIT 9112 PENCUCI DAN PEMBANTU DI PEJABAT, HOTEL, DAN PERTUBUHAN LAIN

Pencuci dan Pembantu di Pejabat, Hotel, dan Pertubuhan Lain menjalankan pelbagai kerja pembersihan bagi memastikan bahagian dalaman dan lekapan di hotel, pejabat dan pertubuhan lain termasuk pesawat udara, kereta api, bas dan kenderaan seumpamanya sentiasa bersih dan kemas.

Tugas merangkumi:

- menyapu, memvakum, mencuci, dan menggilap lantai, perabot dan lekapan lain di dalam bangunan, koc, bas, trem, kereta api dan pesawat udara;
- mengemas tempat tidur, membersihkan bilik air, membekalkan tuala, sabun dan barang yang berkaitan;
- membersihkan dapur dan biasanya membantu membuat kerja dapur, termasuk membasuh pinggan mangkuk;
- mengutip sampah, mengosongkan tong sampah, dan membawa sampah ke tempat sampah untuk dipungut; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9112)

9112-01	Pengemas Bilik
9112-02	Pembersih Hotel
9112-03	Pembersih Pejabat
9112-04	Tukang Cuci

KUMPULAN KECIL 912 PENCUCI KENDERAAN DAN TETINGKAP, PEKERJA DOBI, DAN PEKERJA PENCUCIAN TANGAN YANG LAIN

Pencuci Kenderaan dan Tetingkap, Pekerja Dobi, dan Pekerja Pencucian Tangan yang Lain membersihkan tingkap, almari pameran, atau permukaan lain pada bangunan atau kenderaan, dan menyeterika, mendobi atau mencuci kering linen dan tekstil lain dengan tangan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 9121 TUKANG DOBI DAN TUKANG SETERIKA (TANGAN)**
- 9122 PENCUCI KENDERAAN**
- 9123 PENCUCI PERMUKAAN DAN TETINGKAP**
- 9129 PEKERJA PENCUCIAN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 9121 TUKANG DOBI DAN TUKANG SETERIKA (TANGAN)

Tukang Dobi dan Tukang Seterika (Tangan) menyeterika pakaian atau mencuci kering linen dan tekstil lain dengan tangan.

Tugas merangkumi:

- mencuci dan menyeterika linen, pakaian, fabrik, dan barang seumpamanya dengan tangan di kedai dobi atau pertubuhan lain;
- membersihkan pakaian, fabrik, barang kulit, dan barang yang seumpamanya dengan tangan dan larutan kimia, di kedai cucian kering atau pertubuhan lain;
- mengganti butang dan membuat kerja membaik pulih yang mudah;
- meletakkan barang di atas rak dan menggantung barang untuk penghantaran dan pengambilan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9121)

9121-01	Pekerja Dobi dan Pencucian Kering
9121-02	Tukang Seterika
9121-03	Tukang Cuci Pencucian Kering
9121-04	Operator Pencucian

KUMPULAN UNIT 9122 PENCUCI KENDERAAN

Pencuci Kenderaan membasuh, membersihkan dan menggilap kenderaan.

Tugas merangkumi:

- membersihkan, membasuh, dan menggilap kereta dan kenderaan lain dengan tangan atau mesin;
- memvakum bahagian dalam kenderaan dan mencuci kering permaidani dan pelapik;
- menggunakan agen pencuci untuk menghapuskan kesan kotoran daripada bahagian dalaman kenderaan;
- membasuh tayar, lengkung roda dan tayar yang kotor;
- mencuci dan menggilap tingkap kenderaan;
- mengosongkan dan membersihkan kompartmen di dalam kenderaan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9122)

9122-01	Pencuci Kenderaan
9122-02	Pembasuh Kenderaan (Tangan)
9122-03	Pembasuh, Auto-gilap
9122-04	Pembasuh, Auto-pengamplasan

KUMPULAN UNIT 9123 PENCUCI PERMUKAAN DAN TETINGKAP

Pencuci Permukaan dan Tetingkap mencuci dan menggilap tetingkap atau permukaan kaca atau permukaan bukan kaca yang lain.

Tugas merangkumi:

- mencuci tetingkap atau permukaan kaca atau permukaan bukan kaca yang lain dengan air atau pelbagai larutan, mengeringkan dan menggilapnya;
- menggunakan tangga, perancah berbuai, kerusi serang, trak timba hidraulik, dan kelengkapan lain untuk sampai ke tingkap di bangunan bertingkat dan membersihkannya;
- memilih cara membersih atau menggilap yang sesuai; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9123)

9123-01	Pencuci Tetingkap
9123-02	Pencuci Pintu Gelongsor
9123-03	Pencuci Permukaan

KUMPULAN UNIT 9129 PEKERJA PENCUCIAN LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan Unit ini merangkumi Pekerja Pencucian Lain yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 912: Pencuci Kenderaan dan Tetingkap, Pekerja Dobi, dan Pekerja Pencucian Tangan yang Lain. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pekerja kelengkapan dandanan diri, pekerja pencucian, pencuci permaidani dan pencuci kolam renang.

Tugas merangkumi:

- membersihkan tingkap, bahan, dinding, kolam renang, dan menara pendinginan dan objek seperti permaidani dengan menggunakan kelengkapan dan pencuci kimia yang khas;
- memilih dan menggunakan agen pencuci untuk menghapuskan kesan kotoran;
- membersihkan dinding batu, permukaan dan fasia logam dengan menggunakan pencuci air tekanan tinggi dan pelarut;
- menggunakan kaedah kimia dan pencucian tekanan tinggi untuk menghapuskan mikroorganisma daripada sistem air dan penurasan, serta menggunakan vakum basah dan kelengkapan penyedut lain untuk menyedut kerak, kotoran yang terkumpul, dan enapan lain di kolam renang dan di komponen dan saluran menara pendinginan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9129)

9129-01	Pekerja Kelengkapan Dandanani Diri
9129-02	Pekerja Pencucian
9129-03	Pencuci Permaidani
9129-04	Pencuci Kolam Renang

SUB-UTAMA 92 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN

Buruh Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan biasanya menjalankan tugas yang mudah dan rutin dalam perladangan, perhutanan, perikanan, perburuan, atau penjeratan yang memerlukan peralatan tangan yang mudah dan biasanya tenaga fizikal yang banyak.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

921 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN

KUMPULAN KECIL 921 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN

Buruh Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan biasanya menjalankan tugas yang mudah dan rutin dalam perladangan, perhutanan, perikanan, perburuan, atau penjeratan yang memerlukan peralatan tangan dan biasanya tenaga fizikal yang banyak.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 9211 BURUH LADANG TANAMAN
- 9212 BURUH LADANG TERNAKAN
- 9213 BURUH LADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN
- 9214 BURUH KEBUN DAN HORTIKULTUR
- 9215 BURUH PERHUTANAN
- 9216 BURUH PERIKANAN DAN AKUAKULTUR
- 9219 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

KUMPULAN UNIT 9211 BURUH LADANG TANAMAN

Buruh Ladang Tanaman menjalankan tugas yang mudah dan rutin dalam pengeluaran tanaman seperti buah-buahan, kacang, bijirin dan sayur-sayuran di ladang.

Tugas merangkumi:

- a) menggali dan menyodok untuk membersihkan parit atau untuk tujuan lain;
- b) memuatkan dan memunggah pelbagai tanaman dan bahan lain;
- c) mencakar, melonggokkan dan menyusun rumput kering;
- d) menyiram dan merumput;
- e) memetik buah-buahan, sayur-sayuran dan pelbagai tanaman;
- f) membantu kerja menanam, menuai dan kerja am di ladang;
- g) menjalankan beberapa kerja asas terhadap hasil seperti membersihkan dan mengupas buah; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9211)

9211-01	Buruh Tanaman Ladang
9211-02	Buruh Ladang Tanaman, Kacang
9211-03	Buruh Sawah Padi
9211-04	Buruh Ladang Tanaman, Rempah

KUMPULAN UNIT 9212 BURUH LADANG TERNAKAN

Buruh Ladang Ternakan menjalankan tugas yang mudah dan rutin dalam pengeluaran ternakan termasuk ayam itik dan serangga.

Tugas merangkumi:

- a) menggali dan menyodok untuk membersihkan parit atau untuk tujuan lain;
- b) mencakar, melonggokkan, dan menyusun rumput kering;
- c) menyiram dan merumput;
- d) memberi makan dan minum, dan membersihkan haiwan serta memastikan kandang haiwan bersih;
- e) mengumpul telur dan meletakkan dalam inkubator;
- f) menjalankan beberapa kerja asas terhadap hasilan; dan
- g) menjalankan kerja berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9212)

9212-01	Buruh Ladang Ternakan
9212-02	Pembersih Ladang Ternakan
9212-03	Buruh Ladang Ternakan, Tenusu
9212-04	Buruh Ladang Ternakan, Ayam Itik

KUMPULAN UNIT 9213 BURUH LADANG TANAMAN DAN TERNAKAN CAMPURAN

Buruh Ladang Tanaman dan Ternakan Campuran menjalankan tugas yang mudah dan rutin dalam pengeluaran tanaman dan ternakan campuran.

Tugas merangkumi:

- a) menggali dan menyodok untuk membersihkan parit atau untuk tujuan lain;
- b) memuatkan dan memunggah pelbagai tanaman dan bahan lain;
- c) mencakar, melonggokkan dan menyusun rumput kering;
- d) menyiram dan merumput;
- e) memetik buah-buahan, sayur-sayuran dan pelbagai tanaman;
- f) membantu kerja menanam, menuai dan kerja am di ladang;
- g) memberi haiwan makan dan minum, dan membersihkan haiwan serta memastikan kandang haiwan dalam keadaan bersih;
- h) menjalankan beberapa kerja asas terhadap hasilan; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9213)

9213-01	Buruh Ladang
9213-02	Pekerja Kebun
9213-03	Pekerja Ladang

KUMPULAN UNIT 9214 BURUH KEBUN DAN HORTIKULTUR

Buruh Kebun dan Hortikultur menjalankan pelbagai tugas perkebunan yang mudah.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan tanah dan menanam pokok bunga, pokok renek, dan pokok di taman atau kebun awam atau kebun persendirian;
- b) merapikan dan mencantas laluan, batas bunga dan pagar dengan menggunakan gunting pokok dan peralatan mencantas;
- c) memangkas pokok renek dan pokok untuk membentuk dan meningkatkan pertumbuhan dengan menggunakan pemangkas;
- d) merumput dan menjaga pokok;
- e) menyembur pokok renek dan pokok di halaman dengan baja atau racun serangga;
- f) mencakar, menyapu, dan membakar daun, rumput atau sampah;
- g) menyiram halaman dan pokok dengan menggunakan hos, penyiram, atau dengan sistem perenijs pegun atau boleh alih; dan
- h) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9214)

9214-01	Pemotong Rumput
9214-02	Pemotong Pokok
9214-03	Pekerja Penyelenggaraan Padang Permainan
9214-04	Pekerja Penyelenggaraan Padang Golf

KUMPULAN UNIT 9215 BURUH PERHUTANAN

Buruh Perhutanan menjalankan pelbagai tugas perhutanan, perburuan dan penjeratan yang mudah.

Tugas merangkumi:

- a) menggali lubang untuk menanam pokok;
- b) menyusun balak dan kayu;
- c) membersihkan semak di kawasan hutan;
- d) membersihkan kawasan pendaratan di tapak pembalakan;
- e) menggali lubang, memasang perangkap, mengawasi, dan menjalankan tugas mudah yang lain yang berkaitan dengan perburuan dan penjeratan;
- f) menjalankan beberapa kerja asas terhadap hasilan;
- g) menjalankan tugas yang berkaitan; dan
- h) menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9215)

9215-01	Buruh Perhutanan
9215-02	Buruh Pemburuan
9215-03	Buruh Perangkap
9215-04	Penebang Pokok

KUMPULAN UNIT 9216 BURUH PERIKANAN DAN AKUAKULTUR

Buruh Perikanan dan Akuakultur menjalankan pelbagai kerja perikanan dan akuakultur yang mudah dan rutin.

Tugas merangkumi:

- a) menggali dasar laut dan memberi makan ikan dan moluska yang ditanam;
- b) membersihkan dasar laut dan memberi makan ikan dan moluska yang sedang diusahakan;
- c) mengumpulkan rumpai laut, lumut laut, kima dan moluska lain;
- d) menyediakan jaring, garisan dan menyelenggara peralatan menangkap ikan dan peralatan dek yang lain;
- e) mengendalikan peralatan memancing untuk menangkap ikan dan hidupan laut yang lain;
- f) membersihkan, menyusun dan membungkus ikan dan makanan laut dalam ais dan garam;
- g) membersihkan permukaan dek dan pemegang ikan;
- h) menjalankan beberapa kerja asas terhadap hasilan; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9216)

9216-01	Buruh Perikanan
9216-02	Buruh Akuakultur
9216-03	Pekerja Kolam Kerangan
9216-04	Pekerja Sangkar Perikanan

KUMPULAN UNIT 9219 BURUH PERTANIAN, PERHUTANAN, PENTERNAKAN, DAN PERIKANAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Buruh Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 921: Buruh Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk buruh sangkar buaya dan buruh sangkar ular.

Tugas merangkumi:

- a) menjaga, menyelenggara dan membersihkan kawasan kandang dan sangkar; dan
- b) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9219)

9219-01	Buruh Sangkar Buaya
9219-02	Buruh Sangkar Ular

SUB-UTAMA 93 BURUH PERLOMBONGAN, PEMBINAAN, PEMBUATAN, DAN PENGANGKUTAN

Buruh Perlombongan, Pembinaan, Pembuatan, dan Pengangkutan menjalankan tugas yang mudah dan rutin dalam aktiviti perlombongan dan kuari, kejuruteraan awam, pembuatan dan pengangkutan, dan penyimpanan dan pengendalian kenderaan dan jentera tarikan haiwan.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 931 BURUH PERLOMBONGAN DAN PEMBINAAN
- 932 BURUH PEMBUATAN
- 933 BURUH PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN

KUMPULAN KECIL 931 BURUH PERLOMBONGAN DAN PEMBINAAN

Buruh Perlombongan dan Pembinaan menjalankan tugas yang mudah dan rutin yang berkaitan dengan operasi perlombongan, perkuarian, kejuruteraan awam dan operasi bangunan.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 9311 BURUH PERLOMBONGAN DAN PERKUARIAN
- 9312 BURUH KEJURUTERAAN AWAM
- 9313 BURUH PEMBINAAN BANGUNAN

KUMPULAN UNIT 9311 BURUH PERLOMBONGAN DAN PERKUARIAN

Buruh Perlombongan dan Perkuarian menjalankan tugas yang mudah dan rutin yang berkaitan dengan operasi perlombongan dan perkuarian.

Tugas merangkumi:

- a) membasuh tolok pada palung untuk mendapatkan pekatan timah dengan menggunakan dulang;
- b) menyelenggara atau membina pemasangan bawah tanah;
- c) mengalihkan sokongan kayu dan keluli dari kawasan kerja yang tidak digunakan di lombong dan kuari;
- d) memuatkan, mengalihkan, mengasingkan, dan menyusun bahan dan bekalan;
- e) menggali kapur, tanah liat, kelikir, atau pasir dari lubang yang terbuka;
- f) membuang pelbagai halangan seperti yang diarahkan; dan
- g) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9311)

9311-01	Buruh Timba
9311-02	Buruh Perlombongan
9311-03	Pekerja Lombong Timah
9311-04	Pendulang

KUMPULAN UNIT 9312 BURUH KEJURUTERAAN AWAM

Buruh Kejuruteraan Awam menjalankan pelbagai tugas rutin yang berkaitan dengan bangunan dan penyelenggaraan jalan, empangan, dan binaan lain yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- a) menggali dan mengambus lubang dan parit, meratakan kelikir dan bahan yang berkaitan serta menjalankan tugas lain yang berkaitan dengan bangunan dan penyelenggaraan landasan kereta api dan jalan;
- b) memuatkan dan memunggah bahan dan kelengkapan pembinaan dan membawanya ke tapak pembinaan; dan
- c) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9312)

9312-01	Buruh Pembinaan (Kejuruteraan Awam)
9312-02	Buruh Penyelenggaraan (Empangan)
9312-03	Pekerja Tapak, Am
9312-04	Pekerja Acuan Pembinaan

KUMPULAN UNIT 9313 BURUH PEMBINAAN BANGUNAN

Buruh Pembinaan Bangunan menjalankan pelbagai tugas rutin yang berkaitan dengan kerja pembinaan bangunan dan kerja peruntuhan.

Tugas merangkumi:

- membersihkan bata bangunan yang telah digunakan dan membuat kerja lain yang mudah di tapak perobohan;
- membuang pelbagai halangan seperti yang diarahkan;
- memuatkan dan memunggah bahan dan kelengkapan pembinaan dan membawanya ke tapak pembinaan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9313)

9313-01	Pengandar Raga
9313-02	Buruh Penyelenggaraan
9313-03	Pekerja Penyelenggaraan
9313-04	Buruh Penggalian

KUMPULAN KECIL 932 BURUH PEMBUATAN

Buruh pembuatan dan pekerja yang berkaitan menjalankan tugas yang mudah dan rutin yang berkaitan dengan pembuatan yang memerlukan penggunaan peralatan tangan dan biasanya tenaga fizikal yang banyak.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

9321 BURUH PEMBUATAN**9329 BURUH PEMBUATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA****KUMPULAN UNIT 9321 BURUH PEMBUATAN**

Buruh Pembuatan menimbang, membungkus dan melabel barangan dan produk dengan tangan.

Tugas merangkumi:

- menimbang, menyalut, menutup, dan membungkus barangan dan pelbagai produk dengan tangan;
- mengisi produk ke dalam botol, tin, kotak, beg dan bekas lain dengan tangan;
- melabel produk, pakej dan pelbagai bekas dengan tangan; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9321)

9321-01	Pembungkus (Tangan)
9321-02	Tukang Label (Tangan)
9321-03	Pembalut (Tangan)
9321-04	Buruh Pembuatan

KUMPULAN UNIT 9329 BURUH PEMBUATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Buruh Pembuatan yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 932: Buruh Pembuatan.

Tugas merangkumi:

- menjalankan pelbagai kerja pembuatan secara manual;
- mengalihkan, mengangkat, membawa, memuatkan, memunggah, atau membasuh bahan mentah atau produk dalam pelbagai industri pembuatan;
- mengisihkan produk atau komponen secara manual; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

KUMPULAN KECIL 933 BURUH PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN

Buruh Pengangkutan dan Penyimpanan mengayuh basikal dan kenderaan yang seumpamanya untuk mengangkut penumpang atau barang, memandu kenderaan yang ditarik oleh haiwan untuk mengangkut penumpang atau barang, memandu jentera yang ditarik oleh haiwan, mengendalikan pengangkutan barang dan mengisi stok di rak dan ruang pameran.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 9331 PENGAYUH KENDERAAN TANGAN ATAU BERPEDAL**
- 9332 PEMANDU KENDERAAN DAN JENTERA TARIKAN-HAIWAN**
- 9333 PEKERJA PENGANGKUTAN BARANG DAN BURUH PENYIMPANAN**
- 9334 PENGISI RAK**

KUMPULAN UNIT 9331 PENGAYUH KENDERAAN TANGAN ATAU BERPEDAL

Pengayuh Kenderaan Tangan atau Berpedal mengayuh basikal dan kenderaan yang seumpamanya untuk mengangkut penumpang atau barang.

Tugas merangkumi:

- a) memuatkan atau memunggah barang, atau membantu penumpang naik atau turun dari kenderaan;
- b) membawa kenderaan mengikut arah yang dikehendaki dengan mengambil kira trafik dan peraturan jalan raya;
- c) memeriksa komponen kenderaan untuk mengesan kerosakan;
- d) menyelenggara kenderaan, membuat kerja baik pulih yang mudah, dan memasang bahagian ganti; dan
- e) mengutip tambang atau bayaran.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9331)

- 9331-01 Penarik Beca
- 9331-02 Pengayuh Kenderaan Berpedal

KUMPULAN UNIT 9332 PEMANDU KENDERAAN DAN JENTERA TARIKAN-HAIWAN

Pemandu Kenderaan dan Jentera Tarikan-Haiwan memandu kenderaan yang ditarik oleh haiwan untuk mengangkut penumpang atau barang yang biasanya berkaitan dengan perladangan.

Tugas merangkumi:

- a) memasang abah-abah pada haiwan dan mengikatnya pada kenderaan atau jentera;
- b) memuatkan atau memunggah barang, atau membantu penumpang naik atau turun dari kenderaan;
- c) memandu haiwan mengikut arah yang dikehendaki dengan mengambil kira trafik dan peraturan jalan raya;
- d) mengutip tambang atau bayaran;
- e) memandu haiwan untuk menarik gerabak di lombong atau kuari;
- f) memandu haiwan yang diikat pada jentera ladang atau jentera lain;
- g) memandu gajah yang bekerja;
- h) menyelenggara kenderaan atau jentera, membuat kerja baik pulih yang mudah, dan memasang bahagian ganti; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9332)

- 9332-01 Pemandu Kenderaan Tarikan-Haiwan
- 9332-02 Pemandu Kereta Lembu
- 9332-03 Pemandu Tren Haiwan
- 9332-04 Mahout

KUMPULAN UNIT 9333 PEKERJA PENGANGKUTAN BARANG DAN BURUH PENYIMPANAN

Pekerja Pengangkutan Barang dan Buruh Penyimpanan menjalankan tugas seperti membungkus, membawa, memuatkan, dan memunggah perabot dan barang rumah yang lain, atau memuatkan dan memunggah kargo kapal, pesawat udara, dan pengangkutan lain, atau membawa dan menyimpan barang di pelbagai gudang.

Tugas merangkumi:

- a) membungkus perabot, mesin, dan alat untuk pejabat atau rumah serta barang yang berkaitan untuk diangkut dari satu tempat ke tempat lain;
- b) membawa bahan dari atau di dalam kawasan kerja di bangunan perindustrian;
- c) membantu mengikat barang dan menutupnya dengan kain tarpaulin;
- d) membawa barang untuk dimuatkan atau dipunggah dari van, trak, gerabak, kapal, atau pesawat udara;
- e) membawa dan menyusun barang di gudang dan bangunan yang seumpamanya;
- f) mengendalikan forklif elektrik untuk mengangkut barang di dalam gudang;
- g) memuatkan barang ke dalam dan memunggah barang keluar dari treler;
- h) memesan dan mengisi semula barang yang diambil, barang stok, memasukkan data dan memeriksa produk yang hendak dihantar berdasarkan pesanan penghantaran;
- i) bertanggungjawab menyelenggara *forklif* secara tetap; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9333)

9333-01	Pekerja Pengangkutan Barang
9333-02	Buruh Limbungan
9333-03	Pekerja Limbungan
9333-04	Pemunggah Kapal (Dok)

KUMPULAN UNIT 9334 PENGISI RAK

Pengisi Rak mengisi stok di rak dan ruang pameran serta memastikan stok di pasar raya, kedai runcit, dan kedai borong yang lain sentiasa bersih dan teratur.

Tugas merangkumi:

- a) meletakkan barang dengan kemas di dalam bekas dan di atas rak, dan menyusun barang yang besar di atas lantai;
- b) menyusun barang di atas rak dengan memastikan barang dengan tarikh luput yang awal di susun di sebelah hadapan rak;
- c) membuang barang yang tamat tarikh luput;
- d) menyelenggara susunan rak dengan menempatkan stok yang hendak dibuang di lokasi yang berasingan;
- e) menyemak barang yang telah dijual dan mengambil barang yang diperlukan dari bilik stok;
- f) mendapatkan barang untuk pelanggan dari rak atau bilik stok;
- g) membawa pelanggan ke lokasi barang yang dicari;
- h) menerima, membuka, mengeluarkan barang, dan memeriksa barang yang rosak daripada pembuat atau pengedar; dan
- i) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9334)

9334-01	Pengisi Rak
9334-02	Pengisi Stok
9334-03	Pengendali Stok
9334-04	Penyusun

SUB-UTAMA 94 PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN

Pembantu Penyediaan Makanan menjalankan pelbagai tugas penyediaan makanan dan minuman, membersihkan kawasan dapur, dan membasuh pingan mangkuk.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

941 PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN**KUMPULAN KECIL 941 PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN**

Pembantu Penyediaan Makanan menjalankan pelbagai tugas penyediaan makanan dan minuman, membersihkan kawasan dapur, dan membasuh pingan mangkuk.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

9411 PENYEDIA MAKANAN SEGERA

9412 PEMBANTU DAPUR

KUMPULAN UNIT 9411 PENYEDIA MAKANAN SEGERA

Penyedia Makanan Segera menyediakan dan memasak makanan atau minuman yang melibatkan proses penyediaan yang ringkas dan bahan-bahan yang sedikit. Mereka boleh mengambil pesanan dari pelanggan dan menghidang di kaunter atau meja makan.

Tugas merangkumi:

- menyediakan makanan dan minuman yang ringkas atau separa masak seperti *sandwiches, burger, pizza, salad* dan kopi;
- membasuh, memotong, menimbang dan mencampur makanan untuk masakan;
- mengendalikan peralatan memasak *single-process* seperti *grills, deep-fat fryers* atau *griddles*;
- memasak semula makanan separa masak;
- membersihkan kawasan penyediaan makanan, permukaan dan peralatan memasak;
- memesan dan menerima penghantaran bahan-bahan makanan segera;
- mengekalkan standard sanitasi, kesihatan, dan keselamatan di kawasan tempat kerja; dan
- memastikan makanan yang disediakan memenuhi keperluan kualiti dan kuantiti.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9411)

9411-01	Penyedia Makanan Segera
9411-02	Tukang Masak Makanan Segera
9411-03	Tukang Masak Tempahan Cepat
9411-04	Kru Restoran

KUMPULAN UNIT 9412 PEMBANTU DAPUR

Pembantu Dapur membersihkan meja, membersihkan kawasan dapur, membasuh pinggan mangkuk, menyediakan bahan-bahan, dan menjalankan pelbagai kerja untuk membantu tukang masak dan jurumasak menyediakan dan menghidang makanan dan minuman.

Tugas merangkumi:

- membersihkan dapur, kawasan penyediaan makanan dan kaunter hidangan makanan;
- membantu tukang masak dan jurumasak dalam penyediaan makanan dengan membasuh, mengupas, mengetuk, memotong, menimbang dan mencampur bahan-bahan;
- menghimpunkan pinggan mangkuk untuk hidangan;
- membuka bungkusan dan menyimpan bahan-bahan mentah di dalam peti sejuk, almari atau lain-lain tempat simpanan;
- membasuh pinggan mangkuk dan peralatan dapur, dan menyimpannya;
- menyediakan, memasak, menapis dan memanaskan makanan yang ringkas;
- mengikis makanan pada pinggan mangkuk yang kotor dan membasuhnya dengan tangan atau meletakkannya di atas rak atau penghantar ke mesin basuh pinggan mangkuk; dan
- menjalankan kerja yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9412)

9412-01	Pembantu Dapur
9412-02	Pencuci Pinggan Mangkuk
9412-03	Penolong Dapur
9412-04	Porter Dapur

SUB-UTAMA 95 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN PEKERJA JUALAN DAN YANG BERKAITAN

Pekerja Perkhidmatan Tepi Jalan dan Pekerja Jualan dan yang Berkaitan menyediakan barang untuk dijual (tidak termasuk makanan segera) dan menyediakan pelbagai perkhidmatan di tepi jalan dan di tempat awam yang lain seperti di stesen.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

951 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN YANG BERKAITAN

952 PENJUAL TEPI JALAN (TIDAK TERMASUK MAKANAN)

KUMPULAN KECIL 951 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN YANG BERKAITAN

Pekerja Perkhidmatan Tepi Jalan dan Pekerja yang Berkaitan menyediakan pelbagai perkhidmatan di jalan-jalan dan di tempat awam yang lain, termasuk membersihkan kasut, mencuci tingkap kereta, menjaga harta benda, dan menyediakan perkhidmatan jalanan on-the-spot lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

9511 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN YANG BERKAITAN**KUMPULAN UNIT 9511 PEKERJA PERKHIDMATAN TEPI JALAN DAN YANG BERKAITAN**

Pekerja Perkhidmatan Tepi Jalan dan yang Berkaitan menyediakan pelbagai perkhidmatan di tepi jalan dan di tempat awam yang lain, termasuk membersihkan kasut, mencuci tingkap kereta, menyampaikan risalah, menjaga harta benda, dan menyediakan perkhidmatan jalanan on-the-spot lain.

Tugas merangkumi:

- a) menjual barang;
- b) memesan barang;
- c) mendapatkan bahan-bahan yang perlu untuk menjalankan perkhidmatan;
- d) menghampiri orang-orang di jalan itu untuk menawarkan perkhidmatan;
- e) membersihkan dan menggilap kasut;
- f) membersihkan dan menggilap tingkap kereta;
- g) membantu pemandu untuk mencari tempat letak kereta dan memastikan kereta tidak rosak semasa ketiadaan pemandu;
- h) menyampaikan risalah dan surat khabar percuma;
- i) menerima pembayaran segera; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9511)

9511-01	Pencuci Kereta Jalanan
9511-02	Pengilat Kasut
9511-03	Penjaga Kereta
9511-04	Pengedar Risalah

KUMPULAN KECIL 952 PENJUAL TEPI JALAN (TIDAK TERMASUK MAKANAN)

Penjual Tepi Jalan (Tidak Termasuk Makanan) menjual barang yang biasanya dalam lingkungan yang terhad atau menyediakan perkhidmatan melalui jualan di tepi jalan dan di kawasan awam.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

9521 PENJUAL TEPI JALAN (TIDAK TERMASUK MAKANAN)**KUMPULAN UNIT 9521 PENJUAL TEPI JALAN (TIDAK TERMASUK MAKANAN)**

Penjual Tepi Jalan (Tidak Termasuk Makanan) menjual barang yang biasanya dalam lingkungan yang terhad atau menyediakan perkhidmatan melalui jualan tepi jalan dengan menggunakan kereta sorong atau kiosk tepi jalan.

Tugas merangkumi:

- a) menyediakan dan mempamerkan barang niaga di tengah-tengah orang ramai atau di gerai;
- b) memesan atau membeli bekalan dan menyimpan stok di dalam kereta sorong atau gerai;
- c) menghantar barang niaga, melayan pelanggan, mengutip wang bayaran, dan memberi baki; dan
- d) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9521)

9521-01	Penjual Surat Khabar
9521-02	Pedlar
9521-03	Penjaja

SUB-UTAMA 96 PEKERJA ASAS LAIN

Pekerja Asas Lain mengutip sampah dari bangunan, taman, jalan dan tempat awam yang lain, atau memastikan jalan dan tempat awam yang lain sentiasa bersih, atau menjalankan kerja rencam untuk rumah atau bangunan persendirian.

Pekerjaan dalam kumpulan sub-utama ini diklasifikasikan kepada kumpulan kecil berikut:

- 961 PEMUNGUT SAMPAH
- 962 PEKERJA ASAS YANG LAIN

KUMPULAN KECIL 961 PEMUNGUT SAMPAH

Pemungut Sampah memungut, memproses dan mengitar semula barang dari bangunan, taman, jalan dan tempat awam yang lain, atau memastikan jalan dan tempat awam yang lain sentiasa bersih.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 9611 PEMUNGUT SAMPAH
- 9612 PENGISIH BARANG BUANGAN DAN BARANG KITAR SEMULA
- 9613 TUKANG SAPU DAN BURUH YANG BERKAITAN

KUMPULAN UNIT 9611 PEMUNGUT SAMPAH

Pemungut Sampah memungut dan membuang sampah dan barang untuk kitar semula dari bangunan, taman, jalan dan tempat awam yang lain.

Tugas merangkumi:

- a) memandu atau berada di dalam lori sampah;
- b) memungut sampah dari rumah, bangunan komersil, dan bangunan perindustrian;
- c) memasukkan sampah ke dalam tong atau lori sampah;
- d) memunggah sampah dari lori sampah;
- e) mengangkat bekas najis dari kediaman persendirian dan bangunan lain; dan
- f) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9611)

9611-01	Pekerja Pelupusan Sampah
9611-02	Pengendali Sisa
9611-03	Pemungut Sampah
9611-04	Pemungut Barang Buangan

KUMPULAN UNIT 9612 PENGISIH BARANG BUANGAN DAN BARANG KITAR SEMULA

Pengisih Barang Buangan dan Barang Kitar Semula mengenal pasti, memungut dan mengisihkan barang yang telah dibuang untuk dikitar semula di tapak pembuangan dan pertubuhan kitar semula atau di bangunan, jalan dan tempat awam yang lain.

Tugas merangkumi:

- a) mengutip barang untuk kitar semula dari premis rumah, premis komersil, dan premis perindustrian atau dari tempat awam seperti di tepi jalan;
- b) mengasingkan kertas, kaca, plastik, aluminium, atau bahan boleh kitar semula yang lain mengikut jenis;
- c) meletakkan barang tersebut di dalam bekas yang dikhususkan;
- d) mengenal pasti dan menyetepikan barang seperti perabot, kelengkapan, jentera, atau komponen yang sesuai untuk dibaik pulih atau digunakan semula;
- e) menjual bahan boleh kitar semula atau boleh guna semula; dan
- f) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9612)

9612-01	Pengisih Sampah
9612-02	Pekerja Kitar Semula
9612-03	Penjual Barang Lusuh
9612-04	Pengisih Barang Buangan

KUMPULAN UNIT 9613 TUKANG SAPU DAN BURUH YANG BERKAITAN

Tukang Sapu dan Buruh yang Berkaitan menyapu dan membersihkan jalan, taman, lapangan terbang, stesen, dan tempat awam yang lain.

Tugas merangkumi:

- menyapu jalan, taman, lapangan terbang, stesen, dan tempat awam lain yang seumpamanya;
- mengendalikan penyapu sedut mekanik untuk membersihkan jalan;
- menepuk debu pada permaidani dengan menggunakan pemukul permaidani;
- membersihkan sampah dan daun dari jalanan dan taman;
- membersihkan kawasan tadika; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9613)

9613-01	Tukang Sapu Jalan
9613-02	Tukang Sapu Taman
9613-03	Tukang Sapu Lantai
9613-04	Buruh Kerja Rencam

KUMPULAN KECIL 962 PEKERJA ASAS YANG LAIN

Pekerja Asas yang Lain meliputi pekerja yang menghantar dan membawa mesej dan bungkusan, memungut wang dari mesin layan diri, membaca meter, mengangkat air dan mengumpul kayu api, memungut dan memberi tiket tempat letak kereta atau acara, atendan, dan membuat pelbagai kerja asas lain.

Pekerjaan dalam kumpulan kecil ini diklasifikasikan kepada kumpulan unit berikut:

- 9621 PENGHANTAR MESEJ DAN BUNGKUSAN, DAN PORTER BAGASI**
- 9622 PEKERJA RENCAM**
- 9623 PEMBACA METER DAN PEMUNGUT WANG MESIN-LAYAN DIRI**
- 9624 PENGANGKAT AIR DAN PEMUNGUT KAYU API**
- 9625 ATENDAN**
- 9629 PEKERJA ASAS YANG LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA**

KUMPULAN UNIT 9621 PENGHANTAR MESEJ DAN BUNGKUSAN, DAN PORTER BAGASI

Penghantar Mesej dan Bungkusan, dan Porter Bagasi membawa dan menghantar mesej, bungkusan, dan barang lain di dalam bangunan atau antara bangunan, ke rumah dan ke tempat lain, atau mengangkat bagasi terutamanya di hotel, stesen dan lapangan terbang.

Tugas merangkumi:

- membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian dengan memastikan pergerakan fail, penghantaran serta pendaftaran surat, memo dan dokumen-dokumen lain serta membuat salinan fotostat surat, memo dan dokumen;
- menghantar mesej, bungkusan, dan barang lain di dalam bangunan atau antara bangunan, atau di tempat lain;
- menjalankan tugas sebagai wakil pos;
- menghantar pelbagai barang kepada dan daripada syarikat, kedai, rumah, dan tempat lain;
- mengangkat dan menghantar bagasi di stesen, lapangan terbang, dan tempat lain;
- mengambil dan menghantar fail, mesej, dokumen, dan barang lain di dalam atau bagi pihak pejabat, perindustrian atau perniagaan;
- menampal poster atau mempamerkan poster dan kain rentang di tempat yang mudah dilihat untuk mengiklankan acara hiburan, acara politik, atau produk;
- memberi perkhidmatan kepada Ahli Parlimen semasa dewan bersidang, mengedar surat, risalah dan nota-nota serta memantau keselamatan dan disiplin Ahli Parlimen dan pelawat-pelawat di dalam dewan serta membantu mengatur buku-buku/ risalah-risalah dan Aturan Urusan Mesyuarat (Order Paper) sebelum persidangan dewan bermula; dan
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9621)

9621-01	Pembantu Am (Penghantar Notis) Gred 1
9621-02	Penghantar Notis Gred N11
9621-03	Pembantu Am (Sokongan Am) Gred 1
9621-04	Penghantar Mesej Khidmat Kiriman Cepat

KUMPULAN UNIT 9622 PEKERJA RENCAM

Pekerja Rencam membersihkan, mengecat, dan menyelenggara bangunan, taman, dan kemudahan prasarana serta membuat kerja baik pulih yang mudah dan pelbagai kerja rencam lain.

Tugas merangkumi:

- a) bertanggungjawab menyelenggara kebersihan kawasan/ bangunan pejabat, menanam dan menjaga pokok, membaja, mencantas pokok, meracun rumput dan melakukan tugas-tugas menyusun pokok-pokok berpasu untuk hiasan dalaman;
- b) membaiki tingkap yang pecah, skrin, pintu, pagar, dapur barbeku, meja berkelah, rak, almari dan barang lain;
- c) menggantikan barang yang rosak seperti mentol lampu;
- d) membaiki dan mengecat permukaan dalam dan luar seperti dinding, siling dan pagar;
- e) membetulkan pintu dan tingkap;
- f) menggantikan sesendal paip;
- g) memasang susur tangan dan susur genggam;
- h) memunggah arang batu atau kayu dan meletakkannya di dalam bilik bawah tanah di rumah atau bangunan persendirian;
- i) membuat kerja-kerja rencaman; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9622)

- 9622-01 Pembantu Am (Perkhidmatan Am) Gred 1
- 9622-02 Pekerja Rencam Pekerjaan Asas
- 9622-03 Pekerja Am
- 9622-04 Pekerja Rencam Pelbagai Pekerjaan Asas

KUMPULAN UNIT 9623 PEMBACA METER DAN PEMUNGUT WANG MESIN-LAYAN DIRI

Pembaca Meter dan Pemungut Wang Mesin-Layan Diri mengisi stok mesin-layan diri, dan memungut wang dari mesin atau dari meter letak kereta dan kotak syiling yang lain, atau membaca meter elektrik, gas atau air.

Tugas merangkumi:

- a) mengisi stok di ruang penyimpanan pada mesin-layan diri dan memungut wang dari bekasnya;
- b) memungut wang dari meter letak kereta dan kotak syiling yang seumpamanya;
- c) membaca meter elektrik, gas, atau air dan merekodkan penggunaannya; dan
- d) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9623)

- 9623-01 Pembaca Meter
- 9623-02 Pemungut Wang Mesin-Layan diri

KUMPULAN UNIT 9624 PENGANGKAT AIR DAN PEMUNGUT KAYU API

Pengangkat Air dan Pemungut Kayu Api mengangkat air dan memungut kayu untuk memasak, memanaskan, membersihkan, dan sebagainya.

Tugas merangkumi:

- a) memotong dan memungut kayu dari hutan untuk jualan atau sebagai bahan api, atau untuk kegunaan sendiri;
- b) mengangkat air dalam beg kulit, bakul atau bekas lain dari sungai, kolam atau perigi dan menghantar air ke tapak kerja, rumah pelanggan atau untuk kegunaan sendiri untuk membersihkan, memasak dan sebagainya; dan
- c) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9624)

- 9624-01 Pemungut Kayu Api
- 9624-02 Pengangkat Air

KUMPULAN UNIT 9625 ATENDAN

Atendan biasanya menyediakan perkhidmatan di pejabat, perindustrian, perniagaan, perusahaan, rekreasi, dan yang berkaitan.

Tugas merangkumi:

- a) melayan keperluan pesakit dan menyelenggara kebersihan wad di hospital dan bangunan yang berkaitan;
- b) membersihkan kelengkapan makmal;
- c) mengendalikan lif penumpang atau barang di dalam bangunan;
- d) melayan keperluan orang yang terlibat dalam sukan;
- e) memungut bayaran letak kereta, mengeluarkan keratan tiket, membawa pelanggan ke medan parkir, dan memarkir kereta;
- f) memungut tiket dan membenarkan pengunjung masuk ke taman hiburan dan permainan, membantu pengunjung naik dan turun dari alat permainan, serta mengikat dan membuka tali pinggang dan palang keselamatan;
- g) menentukan lorong boling untuk pelanggan, mengeluarkan kertas pungutan mata, menyewakan kasut boling, dan memungut bayaran;
- h) menjadualkan penggunaan padang golf, gelanggang tenis, kelab kesihatan, dan kemudahan rekreasi lain; memungut bayaran daripada pemain; dan menjual atau menyewakan kelengkapan sukan;
- i) membersihkan dan menjaga tandas di dalam bangunan seperti pejabat, panggung wayang, restoran, dan bangunan lain supaya sentiasa kemas dan teratur; dan
- j) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9625)

9625-01 Atendan
9625-02 Atendan Makmal
9625-03 Atendan Hospital
9625-04 Atendan Veterinar

KUMPULAN UNIT 9629 PEKERJA ASAS YANG LAIN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi Pekerja Asas yang Tidak dikelaskan di Mana-mana dalam Kumpulan Kecil 962: Pekerja Asas yang Lain. Sebagai contoh, kumpulan ini termasuk pekerja buruh dan pekerja pengembangan.

Tugas merangkumi:

- a) membuat kerja am; dan
- b) menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini: (rujuk indeks: kumpulan unit 9629)

9629-01 Pekerja Buruh
9629-02 Pekerja Pengembangan



KUMPULAN 0
ANGKATAN
TENTERA

ANGKATAN TENTERA

0

KUMPULAN UTAMA
KUMPULAN SUB-UTAMA
KUMPULAN KECIL
KUMPULAN UNIT

01 TENTERA DARAT MALAYSIA (TDM)

011 PEGAWAI TUGAS IKHTISAS (TDM)

0111 PEGAWAI TUGAS IKHTISAS (TDM)

012 PEGAWAI TUGAS AM (TDM)

0121 PEGAWAI TUGAS AM (TDM)

013 ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT (TDM)

0131 ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT (TDM)

02 TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM)

021 PEGAWAI TUGAS AM (TLDM)

0211 PEGAWAI TUGAS AM (TLDM)

022 ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT (TLDM)

0221 ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT (TLDM)

03 TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM)

031 PEGAWAI TUGAS AM (TUDM)

0311 PEGAWAI TUGAS AM (TUDM)

032 ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT (TUDM)

0321 ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT (TUDM)

ANGKATAN TENTERA

01

**KUMPULAN
SUB-UTAMA**

02

03

- 01 TENTERA DARAT MALAYSIA (TDM)
